

**PERKEMBANGAN PENDIDIKAN WANITA MELAYU DI
NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU, 1896-1941**

MUHAMMAD RIDZUAN BIN IDRIS

**TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH SEJARAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **MUHAMMAD RIDZUAN BIN IDRIS**

No. Pendaftaran/Matrik: **AHA 110013**

Nama Ijazah: **DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Tesis: **PERKEMBANGAN PENDIDIKAN WANITA MELAYU DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU 1896-1941** (“Hasil Kerja ini”)

Bidang Penyelidikan: **SEJARAH MALAYSIA (SOSIAL)**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- 1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil kerja ini.
- 2) Hasil kerja ini adalah asli.
- 3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejujurnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam hasil kerja ini.
- 4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain.
- 5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa juga bentuk atau apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM.
- 6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta Hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan;

Tandatangan Saksi:

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan perkembangan pendidikan wanita Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dari tahun 1896 sehingga 1941. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap dan bentuk pembangunan pendidikan wanita Melayu di NNMB. Selain itu, kajian juga membincangkan mengenai bentuk-bentuk halangan, strategi memajukan pendidikan wanita dan pencapaian wanita Melayu sepanjang tempoh tahun kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan sejarah. Perbincangan bagi setiap bab adalah menggunakan kaedah tematik. Kajian perpustakaan dibuat bagi meneliti dan menganalisis sumber-sumber primer seperti dokumen, fail, rekod, laporan, surat persendirian, transkripsi temu bual dan juga akhbar. Kaedah temu bual juga digunakan dalam kajian ini. Di samping itu, sumber sekunder seperti, artikel, kertas kerja, buku dan kajian ilmiah juga dirujuk bagi memantapkan kajian. Skop kajian ini bermula pada tahun 1896 iaitu semasa bermulanya penubuhan NNMB dan tamat sehingga tahun 1941 apabila NNMB dibubarkan. Dapatan kajian mendapati bahawa kerajaan British tidak bersungguh-sungguh untuk memajukan pendidikan wanita Melayu. Usaha-usaha yang dilakukan juga dibuat tanpa perancangan yang jelas dan hanya bermatlamat untuk memberikan pendidikan peringkat rendah sahaja. Dapatan kajian juga mendapati bahawa daripada lima halangan dan cabaran yang dikenal pasti, hanya satu masalah sahaja berpunca daripada orang Melayu iaitu masalah adat dan budaya. Manakala masalah infrastruktur fizikal, pentadbiran, kurikulum dan juga kewangan adalah berpunca daripada kerajaan British. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat usaha-usaha yang dilakukan oleh beberapa pegawai British untuk memajukan pendidikan wanita. Namun, usaha-usaha berkenaan lebih bersifat individu dan masih terikat dengan matlamat dasar British terhadap pendidikan orang Melayu. Namun demikian, usaha-usaha yang dilakukan telah sedikit sebanyak membantu

mengembangkan pendidikan wanita. Usaha-usaha yang lebih bersungguh-sungguh telah dilakukan oleh Raja-raja Melayu, pegawai-pegawai Melayu, golongan cendekiawan dan juga golongan reformis Islam untuk memajukan pendidikan wanita Melayu. Hasilnya, jumlah pelajar perempuan Melayu telah menunjukkan peningkatan yang menggalakkan terutamanya pada tahun-tahun 1920-an sehinggalah meletusnya Perang Dunia Kedua. Dapatan kajian juga mendapati bahawa pencapaian pendidikan wanita Melayu sebelum tahun 1941 adalah amat terhad kerana tempoh tahun 1896 sehingga 1941 merupakan fasa pembangunan pendidikan wanita Melayu. Namun demikian, pencapaian paling besar dalam tempoh tahun berkenaan boleh dilihat melalui perubahan sikap dan mentaliti terhadap pendidikan. Walau pun penyertaan wanita Melayu dalam bidang perguruan, berpersatuan, kejururawatan dan penulisan masih terhad, namun penglibatan mereka dalam pelbagai bidang berkenaan adalah satu pencapaian besar terutama sebelum tahun 1941.

ABSTRACT

This study discusses the devolvement of women's education in the Federated Malay States (FMS) from 1896 until 1941. The objective of this study is to identify the level and form of the development of education in FMS for Malay women. The study also discusses the forms of obstructions, strategies to develop the education of women, and the achievement of women during the said period. Historical research was adopted as the main approach in this study, while thematic method was used for chapter discussions. Library research was utilized for review and analysis of primary resources which range from documents, files, records, reports, private papers, interview transcripts, and newspapers. Interview method was also employed in this study. In addition, secondary sources such as articles, papers, books and academic research were also utilized. The scope of this study covers the onset establishment of FMS in 1896 and its end in 1941 with the dissolution of FMS. The findings revealed that the British Government was not fully committed in its effort to advanced the Malay women's education. Its efforts were made without proper planning, and were only aimed at providing primary level education. The findings also indicate that of the five obstacles and challenges identified, only one was attributable to the Malays, which is related to issues of tradition and culture. Meanwhile, the physical infrastructure, administration, curriculum, and even finance were borne by the British Government. In addition, the finding show that there were efforts made by certain British officials to advance women's education, but they were more individual in nature and were bound to the education policies of the British. Nevertheless, these efforts augmented women's education to a higher level. The Malay Rulers, Malay officials, scholars, and Islamic reformists were relentless in their efforts to advance women's education. Consequently, in 1920s until the inception of World War II, an increase in the number of female Malay students was

recorded. The findings also reveal that before 1941, the educational achievements of Malay women was limited due to the educational development phase for the Malay women that took place in the period of 1896 to 1941. However, the most significant achievements within this period was the edification in the attitude and mentality towards women's education. Prior to 1941, the participation of women in teaching, participation in associations, nursing, and in writing were limited, yet their involvement in these fields was considered a significant achievement.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin Nya kajian ini dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada penyelia saya, Dr. Arbai'yah binti Mohd Noor dan juga Dr. Suffian Mansor yang telah banyak memberikan bimbingan, dorongan, dan juga sokongan sepanjang tempoh kajian. Saya juga merakamkan rasa syukur kerana diberikan penyelia yang cukup memahami, fleksibel dari segi masa serta sentiasa bersedia untuk membantu.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah meluluskan cuti belajar bergaji penuh kepada saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah. Penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan Fakulti Sastera dan Sains Sosial dan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya yang banyak membantu memudahkan segala urusan saya terutamanya yang berkaitan dengan penyelidikan dan juga pentadbiran. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada mantan Ketua Jabatan Sejarah iaitu Prof Madya Dr. Shakila Parween Yacob yang memberi galakkan dan sokongan serta nasihat sepanjang saya menjalankan kajian. Dedikasi juga ditujukan kepada Ketua Jabatan Sejarah baharu iaitu Prof Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja di atas nasihat dan bimbingan sepanjang penulisan kajian. Tidak lupa juga kepada Dr. Zulkarnain yang sentiasa memantau, memberi nasihat serta dorongan sepanjang kajian dijalankan.

Penghargaan juga diberikan kepada barisan pensyarah Jabatan Sejarah terutamanya Prof Datuk Dr. Abdullah Zakarian Ghazali, Dr. Kamal Arrifin Mohd Rus, Dr. Abu Hanifah bin Haris, Dr. Noraini Hassan dan lain-lain lagi yang tidak

dapat saya sebutkan semuanya di sini. Bantuan, tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan telah banyak membantu saya memahami dan menyelami kehendak sebenar dunia penyelidikan. Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan khususnya kepada Dr. Mohd Nazri, Mohd Rusdi, Nik Hassan, Raja Shahrudin, Mat Yeh, Dr. Saimin, Sawie, Esmali, Abdullah dan lain-lain lagi kerana bersedia berkongsi pandangan dan sentiasa memberi dorongan untuk menyiapkan kajian ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kakitangan *The National Archives London* dan *British Library London* kerana telah banyak membantu saya untuk mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan. Penghargaan juga ditujukan kepada *National Archives Singapore*, *National University of Singapore* (Kent Ridge) dan Perpustakaan ISEAS kerana kebenaran untuk meneliti dan mendapatkan beberapa sumber yang berkaitan dengan kajian. Dedikasi juga ditujukan kepada Arkib Negara (Malaysia) terutamanya kepada kakitangan yang berada di Dewan Penyelidik dan juga mereka yang terlibat secara tidak langsung membantu saya mendapatkan bahan-bahan kajian. Segala bantuan yang diberikan telah banyak membatu saya dalam usaha untuk menulis kajian berdasarkan sumber-sumber primer.

Seterusnya kepada isteri dan anak-anak yang dikasihi, terima kasih kerana memberi ruang, sokongan dan memahami segala kegetiran saya dalam menyiapkan kajian ini. Kepada isteri, Yus Inran binti Ibrahim, terima kasih atas sokongan dan ruang yang diberikan. Buat anak-anak ku, Muhammad Faris Firdaus, Nur Adni Adlina, Nur Azzah Aqilah dan Muhammad Nuqman Naim, perjuangan ini harus diteruskan oleh kalian suatu hari nanti. Kepada ayahanda, Idris bin Mat Hassan dan ibunda Siti Rahani binti Mahmood, terima kasih atas didikan, sokongan dan doa yang berterusan. Walaupun ayahanda dan bonda tidak sempat meraikan kejayaan ini,

namun harapan dan nasihat masih lagi teguh dalam ingatan. Akhir sekali, apa yang baik daripada kajian ini adalah daripada Allah dan apa yang kurang dalam kajian ini adalah disebabkan oleh kelemahan saya sendiri. Sekian, terima kasih.

University of Malaya

KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	ix
SENARAI PETA	xii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI GRAF	xvi
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SENARAI KEPENDEKAN	xviii

BAB 1: PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Persoalan Kajian	4
Objektif Kajian	7
Skop Kajian	8
Kepentingan Kajian	8
Kajian Terdahulu	11
Metodologi Kajian	29
Pembahagian Bab	30
Batasan Kajian	33
Kesimpulan	34

BAB 2: PENDIDIKAN WANITA MELAYU

Pengenalan	35
Wanita Melayu Tradisional	36
Pendidikan Tradisional	54
Pendidikan Agama Islam	62
Pendidikan Melayu	75
Pendidikan Inggeris	86
Kesimpulan	101

BAB 3: PEMBANGUNAN PENDIDIKAN WANITA MELAYU

Pengenalan	102
Pembangunan Infrastruktur Fizikal	103
Pembangunan Pentadbiran Dan Pengurusan	123
Pembangunan Kurikulum	148
Pembangunan Peruntukan Kewangan	170
Kesimpulan	187

BAB 4: HALANGAN DAN CABARAN PENDIDIKAN WANITA MELAYU

Pengenalan	187
Masalah Budaya dan Adat Masyarakat Melayu	189
Kekurangan Infrastruktur Fizikal	201
Kelemahan Pentadbiran Dan Pengurusan	221
Kelemahan Kurikulum	251
Kekurangan Peruntukan Kewangan	267
Kesimpulan	288

BAB 5: STRATEGI MEMAJUKAN PENDIDIKAN WANITA MELAYU

Pengenalan	290
Strategi Pegawai-Pegawai British	291
Strategi Raja-Raja Melayu	301
Strategi Golongan Pentadbir Melayu	312
Strategi Golongan Intelektual Melayu	320
Gerakan Kesedaran Golongan Agama	336
Kesimpulan	355

BAB 6: KESAN PENDIDIKAN TERHADAP PENCAPAIAN WANITA

MELAYU

Pengenalan	357
Wanita Dalam Bidang Pendidikan	358
Pencapaian Pelajar Perempuan Melayu	358
Pencapaian Guru Perempuan Melayu	380
Wanita Dalam Aktiviti Berpersatuan	389
Wanita Dalam Bidang Kesihatan	395
Wanita Dalam Aktiviti Penulisan	413
Kesimpulan	427
BAB 7: KESIMPULAN	429
BIBLIOGRAFI	440
LAMPIRAN	478

SENARAI PETA

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Statistik Perbezaan Jumlah Pelajar Dan Jumlah Sekolah Lelaki Dan Perempuan Melayu Di NNMB	5
Jadual 2.1:	Bilangan Sekolah Perempuan Melayu Di NNS Sebelum Tahun 1896	81
Jadual 2.2:	Statistik Sekolah Perempuan Melayu di NNMB Pada Tahun 1899	84
Jadual 2.3:	Jadual Waktu Sekolah vernakular Melayu Pada Tahun 1880	85
Jadual 2.4:	Sekolah-Sekolah Perempuan Inggeris Di Perak	94
Jadual 2.5:	Sekolah-Sekolah Perempuan Inggeris Di Selangor Sebelum Tahun 1900	95
Jadual 2.6:	Perbezaan Kurikulum Sekolah-sekolah Inggeris Sebelum 1870	96
Jadual 3.1:	Sekolah Perempuan Melayu di Perak Dan Selangor Pada Tahun 1898	105
Jadual 3.2:	Statistik Sekolah Perempuan Melayu Di NNMB Pada Tahun 1898 Sehingga 1901	107
Jadual 3.3:	Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu Di NNMB Dari Tahun 1901–1919	109
Jadual 3.4:	Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu Di NNMB Dari Tahun 1911–1919	112
Jadual 3.5:	Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu Di NNMB Dari Tahun 1920–1930	114
Jadual 3.6:	Statistik Sekolah, Pelajar dan Kedatangan Pelajar Perempuan Melayu 1921 dan 1922 di NNMB	116
Jadual 3.7:	Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu Di NNMB Dari Tahun 1931–1938	120
Jadual 3.8:	Hierarki Guru Dan Tempat Bertugas	128
Jadual 3.9:	Jadual Menunjukkan Darjah I Hingga IV Mengikut	

Peringkat Umur Tertentu	134
Jadual 3.10: Jumlah Pelajar Perempuan Mengikut Bangsa Di Sekolah Inggeris Di NNMB Pada Tahun 1920	139
Jadual 3.11: Jadual Waktu Sekolah Melayu Pada Tahun 1890-an	151
Jadual 3.12: Jadual Waktu Sekolah Melayu Di NNMB	153
Jadual 3.13: Peperiksaan Tertinggi Sekolah Vernakular Melayu 1899	156
Jadual 3.14: Jadual Waktu Penuntut Sehari Di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPMM)	161
Jadual 3.15: Kegiatan Penuntut MPMM Pada Hari Jumaat	162
Jadual 3.16: Perbelanjaan Bagi Setiap Pelajar Dari Tahun 1938 sehingga 1942	163
Jadual 3.17: Cadet Corps, Boy Scout, Girl Guides Di NNMB Pada Tahun 1926	169
Jadual 3.18: Ranger, Guides dan Brownies Di Tanah Melayu Pada Tahun 1938	171
Jadual 3.19: Perbezaan Peruntukan Kewangan Kerajaan British Dari Tahun 1889 Sehingga 1897 Di Negeri Selangor	173
Jadual 3.20: Statistik Peruntukan Mengikut Jenis Sekolah Di Selangor Pada Tahun 1897	175
Jadual 3.21: Statistik Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi NNMB Pada Tahun 1900	176
Jadual 3.22: Perbezaan Peruntukan (Per Kepala) Antara Sekolah Inggeris dan Sekolah vernakular Melayu (Grand-in Aided) 1908	178
Jadual 3.23: Statistik Peruntukan Mengikut Jenis Sekolah dan Jantina di Negeri Sembilan pada tahun 1910 dan 1911	180
Jadual 3.24: Statistik Peruntukan Bagi Perbelanjaan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Pada Tahun 1913, 1914 dan 1915	181
Jadual 3.25: Statistik Peruntukan Bagi Perbelanjaan Pendidikan Di NNMB Pada Tahun 1911, 1914, 1916 dan 1918	182

Jadual 3.26:	Peruntukan Kewangan Untuk Pendidikan di NNMB Pada Tahun 1933	183
Jadual 3.27:	Peruntukan Bagi Setiap Murid Bagi Sekolah-Sekolah Di Selangor Pada Tahun 1933 dan 1938	184
Jadual 4.1:	Sekolah-Sekolah Perempuan Inggeris Yang Dibina Oleh Pertubuhan-Pertubuhan Kristian Di NNMB	199
Jadual 4.2:	Statistik Pelajar Dan Jumlah Dilawati Sekolah Perempuan Melayu Di Selangor Pada Tahun 1898	234
Jadual 4.3:	Jumlah Peruntukan Kewangan untuk Sekolah Di Selangor Berdasarkan Kedatangan Pelajar (1900-1904)	235
Jadual 4.4:	Perbandingan Gred Sekolah Melayu Mengikut jantina Di NNMB Pada Tahun 1920	236
Jadual 4.5:	Perbandingan Gred Sekolah Lelaki Dan Perempuan Melayu Di Selangor Pada Tahun 1932	237
Jadual 4.6:	Objektif Kurikulum Pendidikan Melayu Tajaan British	252
Jadual 4.7:	Sukatan Pelajaran Sekolah Perempuan Melayu	253
Jadual 4.8:	Sukatan Pelajaran Bagi Mata Pelajaran Anyaman Bagi Sekolah Perempuan Melayu Di Tanah Melayu Selepas Tahun 1916	254
Jadual 4.9:	Sukatan Pelajaran Bagi Mata Pelajaran Jahitan Bagi Sekolah Perempuan Melayu Di Tanah Melayu Selepas Tahun 1916	257
Jadual 4.10:	Jumlah Pelajar Perempuan, Kedatangan dan Peratusan Kedatangan Di Sekolah Perempuan Melayu, Perak Pada Tahun 1895-1896	260
Jadual 4.11:	Perbandingan Peratusan Kehadiran Pelajar Di Negeri Selangor Pada Tahun 1899	261
Jadual 4.12:	Kurikulum Sekolah Inggeris Di Tanah Melayu	265
Jadual 4.13:	Perincian Sukatan Pelajaran Bagi Sekolah Inggeris Pada Tahun 1930	266
Jadual 4.14:	Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Pembayaran Gaji Kakitangan Kerajaan Di Negeri Selangor Pada Tahun 1904	270
Jadual 4.15:	Jadual Gaji Guru Mengikut Jenis Guru Pada Tahun 1904	271

Jadual 4.16:	Perbezaan Gaji Guru Lelaki dan Perempuan di sekolah Vernakular Melayu pada tahun 1917	272
Jadual 4.17:	Perbezaan Gred Guru Lelaki Dan Perempuan Di sekolah Inggeris Pada Tahun 1928	273
Jadual 4.18:	Tangga Gaji Guru Di London Pada Tahun 1918	275
Jadual 4.19:	Yuran Semasa Yang Dikenakan Ke Atas Murid-murid Sekolah Menengah Inggeris	281
Jadual 4.20:	Peningkatan Yuran Bagi Persekolahan pada tahun 1932-1934	282
Jadual 4.21:	Biasiswa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Melayu Untuk Memasuki Sekolah Inggeris Pada Tahun 1932-1938	285
Jadual 5.1:	Perbezaan Jumlah Murid Perempuan Melayu Di Sekolah Perempuan Dan Lelaki Pada Tahun 1922-1932	319
Jadual 5.2:	Senarai Novel dan Cerita Karya Syed Syekh al-Hadi	348
Jadual 5.3:	Madrasah-Madrasah Yang Ditubuhkan di Tanah Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua	351
Jadual 5.4:	Senarai Pelajar Perempuan Melayu Pertama Yang Belajar di Maahad Ilihya Assyariff Gunung Semanggol Pada Tahun 1936	353
Jadual 6.1:	Peningkatan Pelajar Perempuan Melayu Di Sekolah Inggeris Di NNMB Pada Tahun 1919-1938	371
Jadual 6.2:	Penubuhan Maktab Perguruan dan Pusat Latihan Guru-Guru Melayu Sebelum Tahun 1935	383
Jadual 6.3:	Guru Perempuan Melayu Di NNMB Pada Tahun 1920	384
Jadual 6.4:	Kedudukan Jururawat Melayu Dan Bidan Dalam Pentadbiran Perubatan Di NNMB	405
Jadual 6.5:	Bilangan Jururawat Tempatan (Nurses and Public Health Nurses) Di NNMB Pada Tahun 1937	408

Jadual 6.6:	Statistik Kedatangan Kaum Wanita Ke Klinik dan Hospital Ibu dan Anak Pada Tahun 1937	410
Jadual 6.7:	Pencapaian Wanita Melayu Dalam Bidang Penulisan Cerpen Dari Tahun 1896 Sehingga 1941	424

SENARAI GRAF

Graf 2.1:	Perkembangan Sekolah Vernakular Melayu Sebelum 1900	78
Graf 6.1:	Jumlah Peningkatan Pelajar Perempuan Melayu Di Sekolah Perempuan Melayu Pada Tahun 1896 Sehingga 1938	365
Graf 6.2:	Jumlah Peningkatan Pelajar Perempuan Melayu Di Sekolah Perempuan Melayu Pada Tahun 1896 Sehingga 1938	369
Graf 6.3:	Purata Peratus Kedatangan Pelajar Perempuan Melayu Di Sekolah Perempuan Melayu Dari Tahun 1896 Sehingga 1938	373
Graf 6.4:	Peratus Pelajar Perempuan Di Sekolah Perempuan Melayu Mengikut Darjah Pada Tahun 1931 Sehingga 1938	375
Graf 6.5:	Peningkatan Bilangan Guru Perempuan Melayu Di NNMB 1900 Sehingga 1938	387

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1:	Struktur Pentadbiran Dan Pengurusan Pendidikan Di NNMB Sebelum Perang Dunia Kedua	124
Rajah 3.2:	Sistem Pentadbiran Dan Pengurusan Sekolah Perempuan Di Tanah Melayu	127


SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1:	Gambar Sekolah dan Pelajar Perempuan Melayu Di Sekolah Perempuan Melayu Teluk Belanga, Singapura (1885)	478
Lampiran 2:	Sukatan Pelajaran Jahitan Bagi Sekolah Perempuan Melayu	479
Lampiran 3:	Sukatan Pelajaran Masakan Bagi Sekolah Perempuan Melayu	480
Lampiran 4:	Sukatan Pelajaran Anyaman Bagi Sekolah Melayu	481
Lampiran 5:	Pembinaan Sekolah Sementara Untuk Pelajar Perempuan Melayu	482
Lampiran 6:	Sekolah Melayu Yang Dibina Oleh Penduduk Kampung (Sekolah Sementara atau Trail School)	483
Lampiran 7:	Tender Pembinaan Sekolah Perempuan Melayu	484
Lampiran 8:	Waran Bagi Gaji Guru Perempuan Melayu	485
Lampiran 9:	Jururawat Tempatan (pelatih) Sedang Menjalankan Aktiviti Luar Kelas	486
Lampiran 10:	Ibu dan Anak-anak Melayu sedang menunggu Public Vaccinator	487
Lampiran 11:	Wanita-wanita Melayu Sedang Menunggu Untuk Menerima Rawatan Di Hospital Wanita, Kuala Pilah, Negeri Sembilan Pada Tahun 1937	488

SENARAI KEPENDEKAN

B.A	-	Bachelor of Art
CO	-	Colonial Office
DBP	-	Dewan Bahasa Dan Pustaka
F.C.O	-	Foreign and Commonwealth Office
F.M.S	-	Federated Malay States
H.C.O	-	High Commissioner's Office
J.M.B.R.A.S	-	Journal of The Malayan Branch of The Royal Asiatic Society
Ltd	-	Limited
MCKK	-	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
M.C.S	-	Malayan Civil Service
MPPMM	-	Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka
MU	-	Malayan Union
NNMB	-	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	-	Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu
NNS	-	Negeri-negeri Selat
OIC	-	<i>Organisation of Islamic Countries</i>
PGMPP Prai	-	Persatuan Guru-Guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Prai
Ph. D	-	Ijazah Doktor Falsafah
SEL.SEC	-	Secretariat Selangor
UMNO	-	<i>United Malays National Organisation</i>
Vol.	-	Volume
YWCA	-	Young Women's Christian Association

Peta 1: Negeri-Negeri Melayu Bersekutu



Sumber: Rupert Emerson, *Malaysia, A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, 1970, hlm. 122.

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Campur tangan British di Tanah Melayu berlaku apabila kerajaan British mula menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786.¹ Walaupun Pulau Pinang tidak memberikan pulangan ekonomi yang lumayan tetapi ia memudahkan British menguasai Singapura (1819) dan Melaka (1824). Ketiga-tiga tempat ini kemudiannya muncul sebagai pelabuhan di Tanah Melayu yang memberi manfaat besar kepada kerajaan British. Campur tangan British di negeri-negeri Melayu bermula apabila Perjanjian Pangkor 1874 ditandatangani antara pembesar Melayu, kongsi gelap dan pihak British bagi menamatkan persengketaan dan perebutan takhta.² Selepas tahun 1874, kerajaan British meluaskan campur tangannya di negeri-negeri Melayu yang lain dan memperkenalkan sistem Residen.³ Sistem ini merupakan satu bentuk pemerintahan secara tidak langsung oleh kerajaan British di India yang bertindak sebagai agen politik. Sistem Residen kemudiannya

¹ Mohd. Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2002, hlm. 67-68.

² Andrew Clarke yang menjadi Gabenor baharu menggantikan Harry Ord pada tahun November 1873 berpendapat negeri-negeri Melayu hanya dapat diamankan dengan campur tangan British. Masalah perebutan takhta antara kerabat diraja dan kongsi gelap telah mendorong Raja Muda Abdullah meminta bantuan British di Pulau Pinang. Satu rundingan telah diadakan oleh British di atas kapal Pluto pada Sabtu, 17 Januari 1874 yang melibatkan Andrew Clarke, Raja Muda Abdullah, Bendahara, Laksamana, Menteri Larut, Syahbandar, Temenggung, Raja Mahkota dan Datuk Sagor. Sultan Ismail dan Raja Yusof tidak hadir. Perjanjian ini dimeterai pada 20 Januari 1874 yang mengesahkan Raja Abdullah sebagai Sultan Perak dan beberapa syarat lain. Lihat Khoo Kay Lam, "Documents: The Pangkor Treaty in Malay", *Peninjau Sejarah* (1), 1966, hlm. 51-60.

³ Selepas Perjanjian Pangkor 1874, seorang Residen telah dilantik di Perak, diikuti dengan Selangor pada tahun 1874, Pahang 1888 dan Negeri Sembilan pada tahun 1895. Dasar pentadbiran British diteruskan dengan membahagikan Tanah Melayu kepada tiga iaitu Negeri-negeri Selat 1826, Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896 dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pada tahun 1909. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Jagjit Singh Sidhu, *Administration in The Federated Malay States 1896-1920*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980, hlm. 45-47. Lihat R. Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970, hlm. 120-134. Lihat juga Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1960, hlm. 226.

diperluaskan ke negeri Selangor pada Oktober 1874, Sungai Ujung pada November 1874 dan Pahang pada Oktober 1888.⁴

Menjelang tahun 1895, pegawai-pegawai British di Negeri-negeri Selat (NNS) dan London mendapati sistem Residen tidak berjalan dengan lancar dan tidak dapat memenuhi hasrat kerajaan British.⁵ Kelemahan pentadbiran dalam sistem Residen ini telah disuarakan juga oleh pedagang-pedagang British yang melabur di Tanah Melayu. Oleh itu, C.P. Lucas iaitu Pegawai Tetap di Pejabat Tanah Jajahan British mencadangkan pembentukan Persekutuan bagi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang pada Mac 1892 setelah mengadakan perbincangan dengan Frank Swettenham.⁶ Akhirnya rancangan Persekutuan ini telah dikeluarkan pada 23 Ogos 1895 dan dilaksanakan pada 1 Julai 1896.⁷ Gabungan keempat-empat negeri ini telah membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Penubuhan NNMB pada tahun 1896 juga telah membawa perubahan kepada sistem politik, ekonomi dan juga sosial di negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan juga Pahang. Antara perubahan yang penting dalam aspek sosial ialah pengenalan sistem pendidikan formal⁸ kepada orang Melayu.

⁴ Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1968, hlm. 51.

⁵ Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States*, hlm. 37.

⁶ Lihat Khoo Kay Kim, *The Federation of 1896: Its Origin*, *Peninjau Sejarah*, Vol.1, No.2 December 1966, hlm.6-7.

⁷ Antara inti pati Perjanjian Persekutuan ialah Sultan-sultan bersetuju menerima naungan British, bersetuju ditadbir oleh penasihat British, kuasa sultan terhad di negeri masing-masing, sultan bersetuju menerima nasihat Residen Jeneral, kerjasama ekonomi di antara negeri diwujudkan bagi membantu negeri yang miskin. Lihat Ibid., Mohd.Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2000, hlm. 153-154. Lihat juga Rex Stevenson, *Cultivators And Administration British Education Policy Toward The Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 83. *The Federated Malay States of Perak, Selangor, Negri Sembilan and Pahang, were inaugurated on 1 July 1896, with Kuala Lumpur as the Federal Capital. Swettenham was appointed the first Resident General and, in order to secure administrative posts.*

⁸ Lihat Mohd. Ali Kamaruddin, *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981, hlm. 1. Pendidikan formal adalah sistem pelajaran Melayu Moden dalam erti kata adanya bangunan khas yang dikenali sebagai sekolah yang didirikan untuk mengajar mata pelajaran sekular secara formal, dan tidak lagi seperti pendidikan Melayu Tradisional yang hanya memberi pelajaran bercorak keagamaan sahaja, sama ada di Masjid atau pondok.

Dari aspek pendidikan, orang Melayu sudah pun mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri sebelum kedatangan British lagi. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan yang digunakan ialah sistem pendidikan tidak formal. Pada peringkat awal, pendidikan dalam kalangan orang Melayu lebih bersifat pemindahan pengetahuan dan kemahiran dari satu generasi kepada satu generasi. Pemindahan pengetahuan dan kemahiran ini meliputi kemahiran pertanian, perdagangan, seni mempertahankan diri di samping sistem kepercayaan.⁹ Pada asasnya pendidikan zaman awal merupakan satu alat untuk mendidik dan membentuk keperibadian, tingkah laku dan sikap seseorang bersesuaian dengan kehendak dan norma-norma masyarakat.¹⁰

Seterusnya, pada abad ke-14, pedagang Arab dan India yang berdagang di Asia Tenggara telah menyebarkan agama Islam ke kawasan-kawasan yang disinggahinya. Kesan daripada penyebaran ini banyak kawasan di Asia Tenggara khususnya di kawasan-kawasan pelabuhan mula menerima dan menganut agama Islam. Golongan pedagang ini jugalah yang telah memulakan sistem pendidikan agama dengan membina surau-surau, sekolah-sekolah agama dan juga pondok-pondok. Sistem pendidikan ini terus diamalkan dan kekal sehingga zaman pendudukan British di Tanah Melayu.¹¹ Sistem pendidikan secara formal pula dikatakan bermula di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19, apabila kerajaan British

⁹ Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka, 1900-1922*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991, hlm. 2.

¹⁰ Lihat *The New Encyclopaedia Britannica*, Vol. 18, edisi ke-15, Encyclopaedia Britannica Inc. Chicago, 1995, hlm. 1. *Education can be thought of as the transmission of the values and accumulated knowledge of a society... education is designed to guide them in learning a culture, modelling their behaviour in the ways of adulthood, and directing them toward their eventual role in society.*

¹¹ Lihat D.D. Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800 to 1925*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1940, hlm. 35. *Indigenous School, The old Malay Koran School were often residential... Malay girls also were taught something of the Koran, thought they were not expected to attain the same standard of proficiency as boys. In some cases, after learning to read the Koran in Arabic, they were taught a little Malay.*

mula memperkenalkan sistem pendidikan sekular.¹² Sekolah Melayu yang pertama ditubuhkan di Gelugor, Pulau Pinang pada tahun 1821 adalah sekolah *Free School*¹³ yang merupakan cawangan *Penang Free School*.¹⁴ Kemudiannya sekolah-sekolah Melayu mula berkembang dan dibina di NNMB dan juga Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB).

Permasalahan Kajian

Berdasarkan laporan daripada kerajaan British, pendidikan wanita Melayu berkembang secara perlahan dan jauh ketinggalan berbanding dengan pendidikan untuk kanak-kanak lelaki. Kerajaan British melaporkan bahawa masalah berkenaan adalah disebabkan oleh sikap orang Melayu yang dianggap sebagai ‘prejudis’ dan ‘pesimistik’ terhadap pendidikan wanita. H.Conwey Belfield (*Acting Resident Selangor*) pada 2 April 1901 melaporkan masalah utama perkembangan pendidikan wanita Melayu di Selangor adalah disebabkan sikap prejudis orang Melayu yang enggan membenarkan anak-anak perempuan mereka meninggalkan rumah untuk ke sekolah. Beliau menyatakan:

I regret to say that the progress of education among Malay girls show no improvement, the objection evinced by the parents especially in the country districts to let their daughter leave home for the propose of education being almost insurmountable.¹⁵

¹² Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975, hlm. 147–148.

¹³ Sekolah yang mula-mula dibina oleh pihak British ialah *Free School* iaitu sekolah yang tidak mempunyai sukatan atau sekatan dari segi bangsa, kepercayaan dan warna kulit bagi murid-murid yang memasuki sekolah-sekolah ini. *Free School* telah didirikan di Pulau Pinang iaitu Penang Free School pada tahun 1916. Untuk maklumat lebih lanjut sila rujuk D.D. Chelliah, *A History of the Educational Policy of The Straits Settlement, With Recommendation for New System Based of Vernacular*, Kuala Lumpur: The Government Press, Federation of Malaya, 1960, hlm. 40-45.

¹⁴ D.D.Chelliah, *A History Of Education Policy of the Straits Settlements*, Singapura: G.H.Kiat and Co.Ltd, 1960, hlm. 42.

¹⁵ *Administration Report Selangor for the year 1901* dalam Annual Report Selangor 1896-1905, H. Conway Belfield (Acting British Resident, Selangor) 2 April 1901 dalam CO 439/2.

Manakala Annual Report on Education for the year 1936 pula menjelaskan bahawa masalah pendidikan wanita di NNMB adalah seperti berikut:

Malay girls school remained for a long time a very hard problem, Malay parents viewed with much suspicion the one or two school which were established, they thought a knowledge of reading and writing would promote love latter and intrigue, they were nervous about allowing their girls to traverse street or path unaccompanied, the mother dislike losing the service of their daughter and the self-satisfied parents thought that they could pick-up cookery dan needlework at home.¹⁶

Jadual 1 di bawah menunjukkan perbezaan yang ketara antara jumlah pelajar dan jumlah sekolah lelaki dan perempuan Melayu di NNMB dari tahun 1896 sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua.

Jadual 1.1: Statistik Perbezaan Jumlah Pelajar Dan Jumlah Sekolah Lelaki Dan Perempuan Melayu Di NNMB

Tahun	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki
	Jumlah Pelajar		Jumlah Sekolah	
1899	235	4,398	9	121
1911	1,880	15,122	46	276
1920	1,620	18,699	54	346
1930	4,941	34,065	82	442
1938	6,466	50,503	78	471

Sumber; Diubahsuai daripada *Perak Administration Report for the year 1899*, Appendix I, hlm. xxvii dalam *Supplements to the "Perak Government Gazette," June 29th 1900* dalam CO 467/11. Lihat juga *Selangor Administration Report for the year 1900*, Appendix. J, hlm. 53-54 dalam *Supplements to the "Selangor Government Gazette, 6th July 1900* dalam CO 469/11, *Supplement to the "Selangor Government Gazette," June 29th 1900*, Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1899, hlm,6 dan Annual Report on Education Federated Malay States for the year 1921, Appendix. XIII, Annual Report on Education Federated Malay States for the year 1930, Appendix. XV, Annual Report on Education Federated Malay States for the year 1938, Appendix. XV

¹⁶ Annual Report on Education for the year 1936, hlm. 15 dalam CO 576/56.

Berdasarkan statistik berkenaan jumlah pelajar perempuan Melayu pada tahun 1899 hanyalah seramai 235 orang sahaja berbanding 4,398 pelajar lelaki. Masalah kekurangan jumlah pelajar dan sekolah perempuan Melayu ini berterusan sehingga ke tahun 1920-an dan 1930-an. Menurut laporan daripada kerajaan British, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan orang Melayu tidak berminat untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Antaranya ialah orang Melayu dikatakan bimbang sekiranya pengetahuan menulis dan membaca yang diberikan kepada anak-anak perempuan akan mendorong kepada penulisan surat cinta yang seterusnya akan membawa kepada perhubungan sulit antara lelaki dan perempuan.¹⁷

Orang Melayu juga dikatakan bimbang tentang keselamatan anak-anak perempuan mereka semasa pergi dan pulang daripada sekolah. Selain itu, orang Melayu juga dikatakan takut kehilangan tenaga kerja terutama untuk membantu menguruskan rumah tangga sekiranya anak-anak perempuan di hantar ke sekolah. Bantuan daripada anak perempuan dikatakan amat diperlukan oleh ibu bapa terutama untuk membantu memasak, membasuh dan menjaga adik-adik yang lain semasa ibu bapa melakukan kerja-kerja seharian.¹⁸ Di samping itu, orang Melayu juga dikatakan terlalu terikat dan berpegang teguh kepada sistem adat dan budaya yang menjadi tunjang utama kepada kehidupan orang Melayu. Pada anggapan British adat dan budaya Melayu yang dianggap sebagai konservatif dan kuno inilah menjadi penyebab utama anak-anak perempuan dinafikan hak untuk mendapatkan

¹⁷ Annual Report on Education for the year 1936, hlm. 15 dalam CO 576/56. *Malay girls school remained for a long time a very hard problem, Malay parents viewed with much suspicion the one or two school which were established, they thought a knowledge of reading and writing would promote love latter and intrigue, they were nervous about allowing their girls to traverse street or path unaccompanied, the mother dislike losing the service of their daughter and the self-satisfied parents thought that they could pick-up cookery dan needlework at home.*

¹⁸ Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, London: Oxford University Press, 1964, hlm. 235. *Malay parents, it must be remembered, do not willingly send their children to a distant school, and if the people are to be educated, this can only be done by opening school in the most populous villages at places where they will be readily accessible to a large number of children.*

pendidikan. Orang Melayu juga dikatakan bimbang dan curiga terhadap sistem pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh kerajaan British akan meruntuhkan institusi adat dan budaya masyarakat Melayu.¹⁹

Berdasarkan situasi berkenaan, timbul beberapa persoalan penting yang perlu dilihat secara terperinci, dikupas dan dianalisis bagi melihat isu berkenaan dari pelbagai sudut. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti sejauh manakah pembangunan, halangan, strategi dan pencapaian pendidikan wanita Melayu dari tahun 1896 sehingga tahun 1941. Persoalan-persoalan ini perlu diteliti dan dianalisis bagi melihat sejauh manakah peranan British dan orang Melayu dalam membangunkan pendidikan wanita Melayu khusus di NNMB. Selain itu, persoalan-persoalan mengenai halangan, strategi dan pencapaian pendidikan wanita Melayu juga perlu diteliti dan dianalisis untuk melihat isu berkenaan dari pelbagai sudut dan bukan hanya berdasarkan laporan daripada kerajaan British.

Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan di atas, kajian difokuskan kepada beberapa objektif. Objektif pertama kajian ialah membincangkan pembangunan pendidikan wanita Melayu di NNMB. Penelitian dilakukan terhadap perkembangan pembangunan infrastruktur fizikal, pentadbiran dan pengurusan, kurikulum dan juga peruntukan kewangan. Kajian juga dilakukan terhadap peranan pengaruh luar iaitu pengaruh Timur Tengah dan juga Indonesia terhadap perkembangan pendidikan wanita Melayu di NNMB.

¹⁹ Ibid., hlm. 230. *The main objection to this, however, was that it would not be easy to enforce that the law where Malay girls were concerned for but custom and tradition Malay women then lived a very secluded life, and forcing Malay girls to go to school might be construed as a violation of Malay custom and religion.*

Objektif kedua kajian adalah bertujuan mengenal pasti halangan dan cabaran yang dihadapi oleh pendidikan wanita Melayu di NNMB. Kajian dilakukan bagi melihat dan membincangkan sejauh manakah halangan dan cabaran pendidikan wanita Melayu dari segi kekurangan infrastruktur fizikal, kekangan adat dan budaya, kelemahan pentadbiran dan pengurusan, kelemahan kurikulum dan kekurangan peruntukan kewangan memberi kesan kepada perkembangan pendidikan wanita Melayu.

Peranan dan strategi yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai British, Raja-raja dan golongan bangsawan, golongan cendekiawan dan pegawai-pegawai Melayu dan golongan agama untuk memajukan pendidikan wanita Melayu akan dianalisis dalam objektif ketiga. Manakala objektif keempat adalah bertujuan untuk meneliti kesan pendidikan terhadap pencapaian wanita Melayu di NNMB. Kajian dilakukan bagi melihat dan menilai peranan dan kesan pendidikan terhadap pencapaian wanita Melayu dalam bidang pendidikan dan perguruan, kesihatan, berpersatuan dan juga penulisan dan kewartawanan.

Skop Kajian

Kajian mengenai perkembangan pendidikan perempuan Melayu di NNMB bermula pada tahun 1896 sehingga tahun 1941. NNMB melibatkan negeri-negeri seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Tahun 1896 dipilih sebagai tahun permulaan kajian kerana tahun 1896 merupakan tarikh penubuhan NNMB dan perkembangan awal pendidikan bagi wanita Melayu bermula di NNS dan berkembang NNMB. Manakala tahun 1941 dipilih sebagai batasan tahun kajian kerana bermulanya era pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan berakhirnya pentadbiran NNMB. Selain tu, dasar British selepas Perang Dunia Kedua terhadap

Tanah Melayu berbeza kerana selepas Perang Dunia Kedua kerajaan British mula diterajui oleh Parti Buruh dan bukan lagi Parti Konservatif. Skop kajian ini juga hanya membincangkan mengenai perkembangan pendidikan wanita Melayu di NNMB sahaja.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dibuat bagi melihat perkembangan pendidikan wanita Melayu khususnya di NNMB yang masih belum dibuat kajian yang terperinci oleh pengkaji-pengkaji lain. Kajian dan penulisan mengenai pendidikan wanita agak kurang berbanding dengan penulisan mengenai pendidikan lelaki. Sejarah tentang wanita telah “disenyapkan” dan seakan-akan dilupakan daripada rakaman sejarah walaupun pada hakikatnya mereka juga terlibat secara langsung dalam setiap peristiwa yang berlaku. Selain itu, kebanyakan pengkaji lebih gemar mengkaji berkenaan wanita Melayu khususnya selepas berlakunya Perang Dunia Kedua. Pengkajian berkenaan wanita Melayu sebelum Perang Dunia Kedua sangat kurang dilakukan kerana masalah kekurangan dan kesukaran untuk mendapatkan sumber. Hal ini kerana kebanyakan sumber mengenai wanita Melayu sebelum Perang Dunia Kedua adalah dalam bentuk mikrofilem dan sesetengahnya dalam karya-karya sastera sejarah. Sumber-sumber ini memerlukan masa dan penelitian yang agak lama sebelum boleh dianalisis dan dijadikan sebagai sumber kajian. Oleh itu, kebanyakan pengkaji lebih berminat dan lebih memberi tumpuan terhadap kajian wanita selepas Perang Dunia Kedua.

Kajian dan penulisan mengenai wanita adalah amat penting dalam penulisan sejarah kerana mereka juga terlibat dalam setiap aspek perkembangan sesebuah negara. Selain itu, penulisan mengenai wanita juga bertujuan untuk memindahkan

minat atau kecenderungan pengkaji daripada menumpukan kepada kajian sejarah politik kepada sejarah sosial. Tujuan yang kedua ialah memastikan penulisan semua sejarah wanita dari perspektif “dari bawah” bagi menggantikan dan memperbetulkan penulisan sejarah sebelum ini yang dilakukan “dari atas”. Pendekatan sedemikian adalah bertujuan untuk memasukkan wanita sebagai watak yang telah hilang dari tumpuan pengkaji sejarah, Pendekatan ini dinamakan sebagai ‘Sejarah Wanita’ atau *Feminisme*.²⁰

Situasi ini bukan sahaja berlaku di negara Asia malahan turut berlaku di negara-negara Afrika, Amerika dan juga Eropah. Penulisan berkenaan wanita kurang mendapat perhatian dalam kalangan penulis kerana minat dan kecenderungan kebanyakan penulis adalah dalam bidang politik dan ekonomi yang jarang melibatkan golongan wanita. Walau bagaimanapun, sehingga pertengahan abad ke-18, sudah ada desakan agar penulisan dan kajian berkenaan wanita diketengahkan kerana mereka juga terlibat dalam perkembangan politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara sama ada secara tidak langsung atau secara langsung. Sehingga pada tahun 1970 Pergerakan Perjuangan Wanita di Amerika Syarikat telah menyuarakan supaya kajian tentang wanita dilakukan agar mereka tidak hilang dalam rakaman sejarah.²¹ Gesaan ini telah sedikit sebanyak mengubah haluan pengkaji untuk lebih memberi tumpuan kepada kajian dan penulisan mengenai wanita dalam pelbagai aspek.

Di samping itu, kajian ini juga dianggap penting khususnya kepada pengkaji-pengkaji lain yang ingin membuat kajian mengenai sejarah pendidikan negara. Kajian ini boleh membantu penyelidik-penyelidik untuk memahami sejarah

²⁰ Lihat Tan, Liok Ee, ‘Wanita Dan Penulisan Sejarah: Batasan Dan Potensi Perspektif Gender,’ *Seminar Kebangsaan Isu-Isu Dalam Persejarahan*, Jilid 2, 17-18 Ogos 1992, hlm .2.

²¹ Lihat Michelene Wandor, *The Body Politic: Women’s Liberation in Britain, 1969-1972*, London, 1972, hlm.216.

perkembangan pendidikan wanita Melayu khususnya sebelum Perang Dunia Kedua. Hal yang demikian ini kerana, kajian mengenai pendidikan wanita Melayu sebelum ini banyak berkisar mengenai wanita Melayu selepas Perang Dunia Kedua dan fokus kajian juga lebih kepada kajian mengenai penglibatan wanita Melayu dalam bidang politik. Walaupun terdapat penulisan mengenai wanita Melayu sebelum Perang Dunia Kedua tetapi kajiannya adalah terhad terutama dari segi sumber dan skop kajian. Kajian juga boleh membantu penyelidik lain untuk memahami permasalahan sebenar pendidikan wanita Melayu di NNMB serta dapat menilai sejauh manakah peranan kerajaan British dan orang Melayu untuk memartabatkan pendidikan wanita.

Kajian ini juga penting untuk menjadi panduan kepada pihak Kementerian sama ada Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat dan Kementerian-Kementerian lain yang memerlukan maklumat mengenai perkembangan pendidikan wanita Melayu khususnya pada 1896 hingga 1941. Kerangka kajian, skop kajian, tempoh kajian dan dapatan kajian boleh dijadikan sebagai rujukan utama bagi Kementerian berkenaan untuk merangka dan membangunkan model pembangunan pendidikan wanita masa kini. Kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada pihak berwajib untuk mengenal pasti bentuk dan corak pendidikan yang eksklusif kepada wanita Melayu tanpa melupakan batas-batas agama dan sosial.

Kajian Terdahulu (Literature Review)

Setakat ini belum ditemui satu kajian yang secara khusus mengenai perkembangan pendidikan wanita Melayu khususnya di NNMB. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kajian dan penulisan berbentuk buku, jurnal, kertas kerja dan tesis yang secara tidak langsung memberikan serba sedikit maklumat yang berguna berkenaan

pendidikan wanita Melayu. Antara penulis dan pengkaji berkenaan ialah Lenore Manderson, Lai Ah Eng, Wazir Jahan Karim, Mahani Musa, Arbai'yah Mohd Noor dan penulisan memoir berkenaan beberapa tokoh wanita seperti Khatijah Sidek, Aishah Ghani, Samsiah Fakeh, Ibu Zain dan beberapa tokoh lain adalah antara tulisan tentang wanita yang ada setakat ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan penulisan mengenai wanita Melayu banyak berkisar dalam abad ke-20. Manakala penulisan mengenai wanita Melayu sebelum abad ke-20 sangat jarang dihasilkan.²²

Dari segi penggunaan istilah, kebanyakan penulis dan pengkaji tempatan lebih gemar menggunakan istilah wanita berbanding penggunaan istilah perempuan. Penggunaan istilah wanita bagi merujuk kepada perempuan digunakan dalam masyarakat Jawa di Indonesia yang bermaksud berani atur dan bersedia untuk dibimbing oleh lelaki. Wanita berasal dari kata gabungan dua kata bahasa Jawa (kerata basa) *wani* (berani) dan *tata* (teratur). Di Malaysia, penggunaan istilah wanita dianggap lebih sesuai kerana istilah perempuan memberi maksud yang kurang baik.²³ Dalam institusi pentadbiran kerajaan juga penggunaan istilah wanita digunakan secara meluas dan telah diterima sebagai lambang khusus kaum wanita di Malaysia. Antara pengkaji mutakhir yang menggunakan istilah wanita dalam penulisan ilmiah seperti Mahani Musa, Arbai'yah Mohd Noor, Azzizah Kassim, Haryati Hassan, Wan Faizah binti Meor Ibrahim dan lain-lain lagi.

Kajian perpustakaan dibahagikan kepada dua iaitu kajian berkenaan peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat dunia dan yang kedua ialah kajian berkenaan pendidikan wanita Melayu di Tanah Melayu. Kajian perpustakaan berkenaan peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat dunia adalah penting

²² Lihat Mahani Musa, *Kaum Wanita Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka: Antara Batasan Tradisi dan Realiti*, *Jurnal Jabatan sejarah* Universiti Malaya, Jilid No.6, 1988, hlm. 1-2.

²³ Istilah perempuan dalam masyarakat Melayu seringkali digunakan apabila merujuk kepada perlakuan yang tidak baik. Contohnya perempuan jalan, perempuan, isteri dan ..., perempuan sial dan sebagainya.

untuk menilai dan melihat sejauh manakah kedudukan dan peranan wanita terutamanya dalam masyarakat barat dan juga timur. Manakala kajian perpustakaan berkenaan pendidikan wanita Melayu meliputi kajian-kajian yang berkaitan dengan bentuk pendidikan yang diberikan kepada wanita, pembangunan pendidikan wanita, masalah pendidikan wanita dan juga pencapaian wanita Melayu.

Di Malaysia kajian berkenaan pendidikan wanita Melayu khususnya pada zaman awal agak kurang mendapat sambutan daripada pengkaji disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah masalah sumber yang sangat terhad terutamanya sumber-sumber primer. Situasi ini disokong oleh Mahani Musa yang merupakan antara pelopor kepada penulisan berkenaan wanita di Malaysia. Beliau menyatakan bahawa peminggiran penulisan berkenaan wanita adalah disebabkan tradisi penulisan sejarah yang banyak memberi fokus kepada sejarah politik, tokoh dan perang yang kebanyakannya dimonopoli oleh lelaki. Selain itu, sumber-sumber berkenaan politik, tokoh dan perang agak banyak dan senang diperoleh.²⁴ Walau bagaimanapun, terdapat usaha dalam kalangan ahli antropologi yang membuat penelitian mengenai wanita terutama dalam aspek sosial seperti kekeluargaan, pendidikan, kesihatan, adat dan juga peranan domestik wanita.²⁵

Di dalam persejarahan Melayu, Tun Seri Lanang boleh dianggap sebagai pelopor kepada penulisan tentang kaum wanita Melayu. Walaupun teks *Sejarah Melayu* ini dikarang oleh lelaki, namun beliau telah cuba menonjolkan watak-watak wanita Melayu terutama wanita Melayu golongan bangsawan. Mungkin juga beliau

²⁴ Mahani Awang@ Musa, *Sosio Ekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Tesis PhD, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2003, hlm.3. Tesis beliau ini kemudiannya telah diterbitkan dalam bentuk buku yang bertajuk *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940* oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada tahun 2005.

²⁵ Lihat Wazir Jahan Karim., *Women and Culture: Between Malay Adat and Islam*, Boulder: West view Press, 1992. Lihat Roziah Omar, *The Malay Women in the body: between biology and culture*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1994. Lihat juga Roziah Omar, 'The Anthropology of Menstruation and Malay Women,' *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 5, 1993, hlm..35-45.

terpaksa memasukkan watak wanita Melayu golongan bangsawan kerana aspek penceritaan yang melibatkan golongan bangsawan dan raja kebiasaannya turut melibatkan watak wanita sebagai isteri atau gundik yang cantik dan bijaksana. Kecantikan dan kebijaksanaan isteri dan gundik ini akan menaikkan kedudukan dan status seseorang raja atau bangsawan berkenaan. Walaupun penulisan beliau banyak berkisar mengenai wanita Melayu golongan bangsawan, namun ia amat penting kerana dapat memberi gambaran mengenai kedudukan dan peranan wanita dalam masyarakat Melayu tradisional. Penulisannya juga terhad kepada wanita Melayu tradisional khususnya pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Wazir Jahan Karim dalam bukunya *Women and Culture, Between Malay Adat and Islam*²⁶ telah membincangkan dengan agak mendalam mengenai pengaruh adat dan budaya masyarakat Melayu terhadap kedudukan, peranan dan hak wanita Melayu. Apa yang menarik ialah beliau turut membincangkan mengenai peranan dan kedudukan wanita Melayu pada zaman awal dengan merujuk kepada teks-teks sastera Melayu klasik. Beliau juga membincangkan mengenai penerimaan pendidikan sekular kepada anak-anak perempuan Melayu yang telah memberi banyak kesan kepada tahap pemikiran dan kesedaran dalam kalangan wanita Melayu. Selain itu, beliau juga membincang mengenai kesan pendidikan terhadap kesedaran wanita Melayu dalam bidang politik dan penglibatan wanita Melayu dalam politik kepartian selepas Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, perbincangan yang dibuat agak terhad dan banyak menggunakan sumber-sumber sekunder. Namun demikian, penulisan beliau amat membantu terutama dalam memahami pengaruh adat dan agama ke atas tanggapan, kedudukan dan peranan wanita Melayu khususnya di Tanah Melayu.

²⁶ Wazir Jahan Karim, *Women & Culture, Between Malay Adat and Islam*, Oxford: West view Press, 1992.

Mahani Musa dalam kajiannya yang bertajuk *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*,²⁷ telah membincangkan dengan agak terperinci mengenai wanita Melayu Kedah dari aspek sosial dan ekonomi. Tumpuan penulisan lebih kepada peningkatan sosioekonomi wanita Melayu di Kedah dan masalah-masalah yang dihadapinya. Apa yang menarik mengenai penulisan beliau ialah penggunaan sumber dari rekod-rekod mahkamah di samping sumber-sumber primer yang lain. Kupasan yang diberikan mengenai pendidikan wanita Melayu walaupun agak ringkas tetapi cukup untuk memberi gambaran tentang perkembangan pendidikan wanita Melayu khususnya di negeri Kedah. Kajian beliau ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji memahami serba sedikit masalah perkembangan pendidikan wanita Melayu, dasar British terhadap pendidikan Melayu dan juga reaksi orang Melayu terhadap pendidikan wanita. Walau bagaimanapun, kajian beliau hanya melibatkan pendidikan wanita Melayu di Kedah dan perbincangannya juga agak terhad dan terbatas.

Wan Faizah Binti Meor Ibrahim dalam kajiannya mengenai *Isu-isu Wanita Dalam Beberapa Akhbar Melayu Tahun 1920-1940*,²⁸ pula membincangkan isu wanita Melayu yang diketengahkan dalam majalah dan akhbar Melayu pada tahun 1920 hingga 1940. Tumpuan kajian adalah berkenaan dengan kedudukan wanita Melayu, isu pendidikan wanita, isu kesihatan dan kebajikan wanita sekitar 1920 hingga 1940. Perbincangan mengenai isu pendidikan wanita Melayu agak ringkas dan terhad tetapi kupasannya sedikit sebanyak dapat memberi gambaran mengenai perkembangan pendidikan wanita Melayu khususnya pada tahun kajian. Apa yang menarik dalam kajian ini ialah pengkaji menggunakan akhbar-akhbar yang diterbitkan sekitar tahun 1920 sehingga 1940 sebagai bahan rujukan utama.

²⁷ Mahani Awang @ Musa, *Sosio-Ekonomi Wanita Melayu Kedah 1881 – 1940*, Tesis Doktor Falsafah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003.

²⁸ Wan Faizah Binti Meor Ibrahim, *Isu-isu Wanita Dalam Beberapa Akhbar Melayu Tahun 1920-1940*. Tesis M.A, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.

Penggunaan akhbar dan majalah dalam pengkajian mengenai wanita Melayu khususnya selepas tahun 1920-an adalah satu perkara yang penting kerana akhbar dan majalah telah berkembang dengan baik selepas tahun 1920-an. Selain itu, akhbar dan majalah yang muncul selepas tahun 1920-an turut memuatkan berita berkenaan wanita Melayu antaranya seperti majalah *Bulan Melayu*, *Sahabat*, *Lembaga Melayu*, *Majalah Guru*, *al-Ikhwān* dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi fokus kepada wanita Melayu pada tahun 1920 sehingga 1940 dan tidak membincangkan mengenai wanita Melayu sebelum tahun 1920. Selain itu, beliau juga hanya menggunakan akhbar sebagai rujukan utama dan kurang menggunakan sumber-sumber primer yang lain.

Haryati Hasan dalam kajiannya mengenai kegiatan *Pelacuran Di Kalangan Wanita Melayu Kelantan Dari 1900 Sehingga 1941*,²⁹ merupakan kajian yang menyentuh soal sosial wanita Melayu yang terjebak dengan kegiatan pelacuran di Kelantan. Kajian ini menyentuh isu-isu berkenaan kewujudan kegiatan pelacuran di Kelantan sekitar tahun 1900 hingga 1941, keadaan pelacuran, punca pelacuran, sikap dan reaksi pelacuran serta undang-undang pencegahan. Walau pun kajian ini tidak menyentuh mengenai pendidikan wanita Melayu tetapi kajian ini amat penting kerana faktor kekurangan pendidikan dilihat merupakan salah satu sebab mengapa wanita Melayu di Kelantan terlibat dalam kegiatan pelacuran. Apa yang jelas faktor-faktor keterlibatan ini adalah disebabkan kemiskinan, penceraian dan terpedaya yang secara tidak langsung berkait rapat dengan kekurangan pendidikan. Walaupun skop kajiannya hanya melibatkan negeri Kelantan sahaja tetapi isu pelacuran ini turut berlaku di NNMB terutamanya sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua..

²⁹ Haryati Hasan, *Pelacuran Di Kalangan Wanita Melayu Kelantan Dari Tahun 1900 Sehingga 1941*, Tesis M.A, jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1998.

Haslinda binti Lop Osman dalam kajian mengenai akhbar *Neracha 1910-1915*,³⁰ merupakan satu kajian yang ringkas tetapi agak menyeluruh mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh *Neracha* sekitar tahun 1910 hingga 1915. Kajian ini banyak berkisar mengenai sejarah perkembangan *Neracha*, tokoh-tokoh penting di sebalik *Neracha*, isu-isu yang diutarakan adalah seperti peranan akhbar dan perkembangan Gerakan Islah Islam di Tanah Melayu. Apa yang menarik ialah kajian ini turut membincangkan secara ringkas mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh *Neracha* mengenai wanita Melayu terutamanya aspek pendidikan wanita yang dikatakan agak jauh ketinggalan. Dalam aspek pendidikan kajian ini boleh dianggap sebagai salah satu kajian yang berguna dalam pengkajian mengenai pendidikan wanita Melayu khususnya di Tanah Melayu. Walaupun ringkas dan hanya menggunakan sumber yang terhad iaitu akhbar *Neracha*, namun kajian ini telah memberi sedikit sebanyak gambaran mengenai perkembangan pendidikan wanita khususnya pada awal abad ke-20.

Nik Safiah Karim dalam bukunya *Wanita Malaysia, Harapan Dan Cabaran* merupakan salah satu buku yang membincangkan dengan agak terperinci mengenai wanita di Malaysia khususnya pada akhir abad ke-20.³¹ Tumpuan kajian meliputi pendidikan wanita, kepimpinan, pembangunan keluarga, penglibatan dalam politik dan pertubuhan dan juga krisis identiti wanita pada abad ke-21. Apa yang penting dalam kajian ini ialah perbincangan mengenai peranan wanita sebagai guru pertama dalam kehidupan seseorang kanak-kanak dibincangkan secara terperinci. Selain itu, beliau turut membincangkan tentang penglibatan wanita dalam bidang pendidikan yang dikatakan amat menggalakkan terutama pada akhir abad ke-20. Walaupun skop kajian lebih kepada perkembangan wanita pada akhir abad ke-20, namun penulisan

³⁰ Haslinda binti Lop Osman, *Neracha 1910-1915*, Tesis B.A Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996.

³¹ Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia, Harapan Dan cabaran*, Kuala Lumpur: penerbit 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd, 1990.

ini amat penting kerana perkembangan dan pencapaian wanita Melayu pada masa berkenaan banyak dicorakkan oleh perkembangan pendidikan wanita pada awal abad ke-20.

Abd. Rahman bin Abdullah dalam bukunya *Sejarah Pendidikan Orang Melayu Melaka Zaman British*³² boleh dianggap antara kajian yang terawal yang membincangkan berkenaan latar belakang pendidikan orang Melayu pada zaman penjajahan British. Kajian beliau merangkumi latar belakang pendidikan orang Melayu sebelum kedatangan British, pengenalan pendidikan agama dan sekular serta kepentingan pendidikan dalam perkembangan semangat kebangsaan. Kajian ini menggunakan sumber pertama yang pelbagai meliputi akhbar sezaman, rekod-rekod rasmi British, kajian ilmiah, buku, artikel dan sebagainya. Walaupun jumlah sumber pertama yang digunakan agak lengkap namun kajian ini langsung tidak menyentuh mengenai perkembangan pendidikan wanita di Tanah Melayu.

Selain itu Chai Hon-Chan dalam kajiannya mengenai *The Development of British Malaya (1896-1909)* turut membincangkan mengenai perkembangan pendidikan di Tanah Melayu dari awal penubuhan NNMB sehingga pada tahun 1909.³³ Perbincangan mengenai pendidikan dimulakan dari awal penjajahan British sehingga kepada pengenalan sistem pendidikan sekular di Tanah Melayu. Tumpuan kajian adalah melibatkan semua sistem persekolahan seperti sekolah Melayu, Cina, India dan juga Inggeris. Apa yang penting ialah, beliau turut membincangkan mengenai perkembangan pendidikan wanita Melayu yang dianggap berkembang secara perlahan di NNMB. Keadaan ini dikatakan adalah disebabkan oleh sikap dan tanggapan negatif orang Melayu terhadap sistem pendidikan sekular. Beliau turut

³² Abd.Rahman bin Abdullah, *Sejarah Pendidikan Orang Melayu Melaka Zaman British*, Tesis B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976.

³³ Chan Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Kuala Lumpur: Penerbit Oxford University Press, 1964.

membincangkan mengenai peranan orang Melayu, pembesar-pembesar tempatan dan Sultan yang telah berusaha untuk menyedarkan dan memberi galakkan kepada orang Melayu untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Kajian beliau ini sangat berguna kepada pengkaji kerana perbincangan mengenai peranan Raja-raja dan orang Melayu turut dibincangkan. Walau bagaimanapun, perbincangan yang dibuat adalah sangat ringkas dan terhad.

Di samping itu, satu lagi kajian yang amat penting dalam penelitian tentang perkembangan pendidikan di Tanah Melayu ialah kajian yang dibuat oleh Philip Loh Fook Seng yang bertajuk *Seed of Separatism Educational Policy in Malaya 1874-1940*.³⁴ Fokus kajian beliau ialah tentang dasar pendidikan British terhadap perkembangan pendidikan di NNMB dari tahun 1874 sehingga 1940. Beliau telah membahagikan perkembangan pendidikan di Tanah Melayu kepada dua tahap iaitu tahap pertama dari tahun 1874 sehingga tahun 1920 yang dianggap tahap perkembangan dan kemunculan sekolah vernakular Melayu, Cina dan India serta sekolah Inggeris. Manakala tahap kedua ialah dari tahun 1920 sehingga 1949 yang merupakan tahap terpenting dalam membincangkan tentang dasar, komitmen dan matlamat pendidikan British terhadap perkembangan pendidikan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Penulisan beliau banyak membincangkan mengenai dasar British terhadap pendidikan di Tanah Melayu dari tahun 1874 sehingga 1940. Namun demikian, perbincangan tidaklah secara khusus memberi tumpuan kepada pendidikan Melayu tetapi merangkumi semua sistem pendidikan yang terdapat di Tanah Melayu. Walaupun, kajian beliau ada menyentuh serba sedikit tentang peranan British terhadap pendidikan wanita Melayu tetapi perbincangannya juga agak terhad dan terbatas.

³⁴ Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism Educational Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.

Selain itu, Khasnor Johan dalam penulisannya, *Educating Malay Elite: The Malay College Kuala Kangsar, 1905-1941*³⁵ juga merupakan satu penulisan yang penting dalam membincangkan tentang perkembangan pendidikan wanita Melayu di Tanah Melayu. Fokus kajian beliau ialah tentang kemunculan dan perkembangan Maktab Melayu Kuala Kangsar (Malay College Kuala Kangsar atau MCKK) pada tahun 1905 sehingga 1941. Beliau membincangkan tentang matlamat kemunculan MCKK adalah untuk memberi pendidikan kepada anak-anak Melayu golongan bangsawan dan menyediakan mereka untuk menjadi pentadbir dalam kerajaan kolonial British. Beliau juga membincangkan mengenai sistem perguruan di Tanah Melayu yang meliputi pemilihan calon guru, peraturan dan syarat kemasukan, imej pelajar dan juga maklumat berkenaan bekas-bekas pelajar MCKK dari tahun 1905 sehingga 1941. MCKK ini juga dinyatakan oleh Khasnor sebagai 'sekolah diraja' kerana ramai anak-anak raja Melayu mendapat pendidikan di sini. Apa yang menarik ialah perkembangan sekolah elit bagi kanak-kanak lelaki Melayu ini telah menimbulkan kesedaran dalam kalangan Raja dan bangsawan Melayu untuk mendesak kerajaan British menubuhkan sekolah elit bagi kanak-kanak perempuan golongan Raja dan bangsawan. Hasilnya pada tahun 1927 sekolah perempuan Melayu untuk golongan Raja dan bangsawan telah ditubuhkan di Kuala Kangsar Perak. Walaupun kajian ini merupakan antara kajian penting dalam perkembangan pendidikan orang Melayu tetapi perbincangan mengenai pendidikan wanita adalah sangat sedikit dan terbatas.

Mohd. Ali Kamaruddin dalam bukunya *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia* telah membincangkan secara ringkas perkembangan pendidikan Melayu di Tanah Melayu. Selain menyentuh mengenai gagasan

³⁵ Khasnor Johan, *Educating Malay Elite: The Malay College Kuala Kangsar, 1905-1961*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1996.

penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau juga turut menyentuh berkenaan permulaan kepada pendidikan sekular kepada kanak-kanak perempuan Melayu di NNS dan NNMB tetapi hanya secara ringkas dan sepintas lalu.³⁶ Beliau secara ringkas membincangkan statistik perkembangan sekolah-sekolah Melayu termasuk sekolah perempuan Melayu di NNMB. Walaupun penulisan beliau kurang memberi tumpuan kepada penggunaan sumber pertama tetapi ia amat berguna untuk dijadikan asas kepada perbincangan mengenai perkembangan sekolah perempuan Melayu di Tanah Melayu.

Awang Had Salleh dalam bukunya yang bertajuk *Pelajaran dan Perguruan Melayu Di Malaya Dengan Rujukan Khas kepada Sultan Idris Training College*³⁷ turut membincangkan mengenai perkembangan sekolah dan pendidikan Melayu. Beliau cuba membezakan antara perkembangan sekolah Melayu dengan perkembangan pendidikan Melayu. Baginya perkembangan sekolah Melayu hanya muncul apabila adanya bangunan khusus sebagai sekolah untuk kanak-kanak belajar secara formal. Dalam penulisannya, beliau telah membincangkan fenomena perkembangan pendidikan Melayu di Tanah Melayu yang merangkumi NNS, NNMB serta penubuhan Maktab Perguruan bagi melatih guru-guru Melayu. Beliau menggunakan Maktab Perguruan Sultan Idris (Sultan Idris Training College, SITC) sebagai rujukan khusus dalam membincangkan perkembangan pendidikan dan perguruan Melayu di Tanah Melayu. Pada pandangan beliau pendidikan yang diberikan kepada anak-anak Melayu hanyalah pendidikan asas yang bertujuan menjadikan orang Melayu tidak buta huruf dan sedikit lebih pandai daripada ibu bapa mereka. Apa yang menarik ialah beliau, turut membincangkan mengenai

³⁶ Lihat Mohd.Ali Kamaruddin, *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981.

³⁷ Lihat Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu Pada zaman British Dengan Rujukan Khas kepada Sultan Idris Training College*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

pendidikan wanita Melayu di Tanah Melayu walaupun perbincangannya adalah ringkas dan terhad.

Abu Zahari Abu Bakar dalam bukunya *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia* juga telah membincangkan perkembangan pendidikan pada zaman penjajahan British (1786 – 1941) dan juga zaman selepas merdeka (1957 – 1963).³⁸ Beliau menjelaskan tentang perkembangan sistem sekolah vernakular Melayu, vernakular Cina, vernakular Tamil dan vernakular Inggeris terutama di NNS dan NNMB dan NNMTB. Dalam perbincangan tersebut beliau ada menyentuh mengenai penubuhan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPMM) 1935 khusus untuk melatih bakal guru perempuan bagi NNS, NNMB, dan NNMTB. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai sistem perguruan dan penubuhan MPMM adalah sangat ringkas dan terhad.

Ibrahim Saat dalam bukunya *Pendidikan Dan Politik Di Malaysia*³⁹ telah memberi gambaran yang jelas tentang perkembangan pendidikan di Tanah Melayu dari zaman tradisional, zaman kolonial British dan sehingga Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan. Walaupun penulisannya agak ringkas tetapi beliau cuba mempersoalkan dasar pelajaran British di Tanah Melayu. Antara perkara yang cuba dibangkitkan ialah dasar British ke atas pendidikan orang Melayu yang dikatakan sudah dirancang sebelum British menjajah Tanah Melayu. Beliau juga membincangkan mengenai pengalaman British di India dan Afrika telah menyedarkan British bahawa kaum peribumi tidak seharusnya diberikan pendidikan yang tinggi dan hanya cukup sekadar tahu membaca, menulis dan mengira. Apa yang menarik ialah beliau turut membincangkan mengenai pandangan British yang

³⁸ Abu Zahari Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1984.

³⁹ Lihat Ibrahim Saad, *Pendidikan Dan Politik Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

sering menyalahkan orang Melayu dengan melabelkan orang Melayu sebagai malas, mundur, kolot, pengotor dan sebagainya. Kesemua tuduhan itu dibuat bagi mengaburi orang Melayu agar percaya bahawa kesemua kelemahan orang Melayu adalah disebabkan oleh orang Melayu sendiri. Selain itu, beliau juga mempersoalkan dasar British terhadap pelajaran kaum Cina yang dianggap oleh beliau telah diberi kebebasan yang keterlaluan. Sekolah-sekolah Cina didapati membangun bersama kurikulum, buku dan guru daripada negara Cina. Namun demikian, kajian ini menggunakan sumber pertama yang agak terhad dan hanya memberi fokus kepada dasar British terhadap pendidikan di Tanah Melayu secara umum.

D.D.Chelliah dalam bukunya *A Short History of The Educational Policy of The Straits Settlements 1800 – 1925*,⁴⁰ adalah merupakan salah satu penulisan yang penting dalam membincangkan dasar-dasar pelajaran British khususnya di NNS. Walaupun tumpuan kajian adalah NNS, tetapi ia sebenarnya turut menggambarkan dasar British terhadap pendidikan di Tanah Melayu. Tumpuan perbincangan juga merangkumi semua jenis persekolahan yang terdapat di NNS yang melibatkan sekolah vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Sekolah Inggeris. Beliau turut membincangkan dengan agak terperinci mengenai perkembangan sistem pendidikan di Singapura khususnya sebelum tahun 1925, pengenalan sekolah vernakular Melayu, perkembangan sekolah-sekolah Melayu dan juga usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak British terhadap perkembangan sekolah Melayu. Apa yang penting ialah, beliau turut membincangkan secara ringkas mengenai penubuhan sekolah perempuan Melayu di Teluk Belanga (Belangah) pada tahun 1884. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai pendidikan hanya difokuskan kepada NNS

⁴⁰ Lihat D.D. Chelliah, *A History of The Educational Policy of The Straits Settlements With Recommendation for a New System Based on Vernacular*, Kuala Lumpur, Federation of Malaya, The Governments Press, 1947. Buku ini diterbitkan hasil daripada dapatan tesis beliau (Ph.D) di Universiti of London, 1940.

sahaja. Namun demikian, kajian ini banyak membantu dalam memberi gambaran tentang perkembangan awal pendidikan wanita Melayu khususnya di NNS.

Khairi Ariffin, dalam tesisnya yang bertajuk *Dasar Kolonial British Terhadap Pendidikan Melayu di Tanah Melayu 1900 -1957*,⁴¹ memberi tumpuan kepada perkembangan pendidikan Melayu dengan tumpuan kepada dasar dan polisi British kepada pendidikan Melayu pada era kolonial British (1900-1957). Perbincangannya lebih memberi tumpuan kepada diskriminasi dasar British terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu sekitar tahun 1900 hingga 1957. Beliau juga turut membincangkan mengenai niat sebenar British yang hanya mahu memberikan pendidikan rendah kepada orang Melayu khususnya bagi kanak-kanak lelaki. Persoalan tentang Bahasa Melayu, pendidikan peringkat menengah dan pendidikan bagi kanak-kanak perempuan juga tidak dipedulikan oleh kerajaan kolonial British. Walau bagaimanapun kajian ini lebih memberi tumpuan kepada pendidikan vernakular di Tanah Melayu dengan tumpuan kepada perkembangan pendidikan di Tanah Melayu secara keseluruhannya. Disebabkan skop dan tahun kajian yang agak besar, perbincangan mengenai pendidikan wanita Melayu menjadi terhad dan agak terbatas.

Seterusnya, Ramli bin Saadon dalam kajian yang berjudul *Dasar Pelajaran Kolonial British Di Negeri Selangor 1875-1957*⁴² pula lebih merupakan kajian terhadap dasar pelajaran kolonial British terhadap pendidikan di negeri Selangor. Fokus kajian agak menyeluruh dengan penelitian terhadap dasar British terhadap pendidikan vernakular di Selangor yang melibatkan pendidikan vernakular Melayu, Cina dan juga India. Selain itu, penelitian juga dibuat terhadap dasar British terhadap

⁴¹ Khairi Arrifin, *Dasar kolonial British Terhadap Pendidikan Melayu di Tanah Melayu 1900-1957*, Tesis P.hD, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2009.

⁴² Ramli Saadon, *Dasar Pelajaran Kolonial British Di Negeri Selangor 1875-1957*, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2007.

pendidikan Inggeris khususnya di negeri Selangor. Manakala dari segi sumber, beliau menggunakan sumber pertama yang pelbagai yang melibatkan rekod kolonial, laporan tahunan, artikel, jurnal dan sumber kedua. Apa yang menarik dalam kajian beliau ialah berkenaan penggunaan istilah dasar yang sering kali banyak disalah tafsir dan sewenang-wenangnya digunakan oleh sesetengah pengkaji. Walaupun beliau ada membincangkan mengenai dasar British terhadap pendidikan orang Melayu, namun beliau tidak membincangkan secara jelas berkenaan dasar British terhadap pendidikan wanita Melayu.

Hasnah binti Hussin dalam kajiannya yang bertajuk *Peranan Guru-Guru Melayu Dalam Memajukan Masyarakat Melayu pada tahun 1900-1941*⁴³ adalah merupakan salah satu kajian yang membincangkan secara khusus peranan guru-guru Melayu di Tanah Melayu sehingga sebelum Perang Dunia Kedua. Dalam kajian ini, beliau membincangkan mengenai peranan guru-guru Melayu khususnya pada tahun 1900 sehingga 1941 yang dianggap sangat penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu dalam bidang politik, ekonomi dan juga pendidikan. Walaupun perbincangannya agak ringkas bagi setiap bab namun apa yang menarik ialah beliau banyak menggunakan sumber-sumber pertama dalam kajian terutamanya sumber CO (*Colonial Office*). Kajian beliau juga turut membincangkan mengenai peranan guru-guru Melayu termasuk guru wanita yang bersama-sama membangkitkan kesedaran kepada masyarakat Melayu tentang pentingnya memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan. Peranan dan pengaruh guru-guru Melayu ini juga telah menyebabkan berlakunya peningkatan yang mendadak dari segi perkembangan pendidikan dan juga perkembangan sekolah-sekolah perempuan Melayu terutama

⁴³ Hasnah binti Hussin, *Peranan Guru-Guru Melayu Dalam Memajukan Masyarakat Melayu 1900-1941*, Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.

dalam tahun-tahun 1920-an. Namun demikian, kajian ini hanya memberi fokus kepada peranan guru-guru Melayu dalam memajukan pendidikan wanita Melayu.

Selain daripada penulisan mengenai wanita di Tanah Melayu, terdapat juga beberapa penulis yang mengenegahkan mengenai kedudukan, peranan dan status wanita di eropah dan juga timur. Eleanor Flexner dalam bukunya *Century of struggle: the woman's rights movement in the United States* adalah antara penulis yang awal menggambarkan mengenai kedudukan dan peranan wanita di Amerika. Skop tahun kajian beliau meliputi zaman awal bermula pada tahun 1800 sehingga tahun 1920. Beliau membincangkan dengan agak terperinci tentang hak dan kedudukan wanita Amerika yang masih rendah dan tertindas.⁴⁴ Apa yang menarik ialah penulis telah membincangkan mengenai kedudukan dan peranan wanita pada peringkat awal dalam masyarakat Amerika yang juga seakan-akan sama dengan kedudukan wanita di Asia. Beliau menerangkan kebanyakan wanita terutamanya wanita golongan bawahan tidak mendapat kedudukan dan peranan yang sepatutnya dan mereka sering kali dinafikan dalam banyak perkara termasuk dalam menentukan pasangan hidup, mendapatkan pendidikan dan juga pekerjaan.

Selain itu, penulis turut membincangkan secara ringkas mengenai perkembangan pendidikan wanita di Amerika yang dikatakan mula berkembang pada tahun 1812. Walau bagaimanapun, pendidikan yang diberikan hanyalah pendidikan asas. Pendidikan kepada wanita juga dianggap sebagai keperluan untuk memperlengkapkan kehidupan seseorang lelaki atau suami.⁴⁵ Situasi ini berterusan sehingga awal abad ke-20, apabila timbul kesedaran dalam kalangan wanita di

⁴⁴ Lihat Eleanor Flexner, *Century of struggle: the woman's rights movement in the United States*, USA, The Belknap Press of Harvard University Press, 1959.

⁴⁵ Eleanor Flexner, *Century of struggle: the woman's rights movement in the United States*, hlm.23-24. Beliau menyatakan “*The whole education of women ought to be relative to men. To please by them, to educate them when young, to care for them when grown, to counsel them, to console them, and to make life sweet and agreeable to them- these are the duties of women at all times, and what should be taught them from their infancy.*”

Amerika untuk memperjuangkan hak dan peranan mereka dan institusi kekeluargaan dan masyarakat. Apa yang jelas ialah, kedudukan, peranan dan hak wanita di Amerika pada peringkat awal adalah sama dengan wanita Melayu di Tanah Melayu.

Denise Paulme dalam bukunya *Women of Tropical Africa* pula telah membincangkan mengenai kedudukan, peranan dan status wanita di Afrika.⁴⁶ Buku ini ditulis hasil daripada kajian lapangan (Etnografi) beliau yang telah dijalankan di Afrika selama 10 tahun. Beliau memberi gambaran yang agak jelas mengenai kedudukan, peranan dan status wanita di Afrika (khususnya di Dakar, Nakara dan Burundi) yang sering kali ditindas, dipergunakan dan tidak mempunyai kedudukan dan hak dalam institusi keluarga dan masyarakat. Apa yang menarik mengenai penulisan beliau ialah berkenaan kedudukan dan hak wanita tradisional di Afrika dilihat hampir sama dengan wanita tradisional di Tanah Melayu. Kehidupan bagi kanak-kanak wanita adalah terhad di rumah bersama ibunya sehinggalah sampai masanya beliau dikahwinkan. Selepas berkahwin, beliau mesti menumpukan perhatian sepenuhnya kepada urusan rumah tangga dan menjalankan kewajipan sebagai isteri.⁴⁷

Selain kajian mengenai wanita Barat, penulisan mengenai wanita juga dibuat mengenai wanita di Jepun. Antaranya ialah penulisan oleh Takashi Koyama dalam bukunya *The changing social position of women in Japan*⁴⁸ telah membincangkan tentang kedudukan dan peranan wanita di Jepun. Beliau membincangkan mengenai masyarakat Jepun yang masih berpegang teguh kepada tradisi lama yang mana kaum wanita hanya diberikan peranan sebagai pengurus rumah tangga dan pembantu di sawah sahaja. Apa yang menarik mengenai penulisan ini ialah mengenai

⁴⁶ Lihat Denise Paulme, *Women of Tropical Africa*, London: Routledge & Kegan Paul, 1963.

⁴⁷ Denise Paulme, *Women of Tropical Africa*, hlm.25. Denise menyatakan, "The young girl lives with her mother up until the time when she goes to live with her husband, ... As soon as she begins living with her husband she has to take her share in the household work."

⁴⁸ Lihat Takashi Koyama, *The changing social position of women in Japan*, UNESCO, 1961.

kebangkitan semangat kesedaran dalam kalangan wanita di Jepun untuk menuntut kesaksamaan dari segi gander. Kebangkitan semangat kesedaran hak dalam kalangan wanita Jepun yang menyebabkan berlakunya perubahan dan Perlembagaan Baharu Jepun pada 3 November 1946.⁴⁹ Menurut perlembagaan ini semua orang tanpa diskriminasi jantina adalah sama dari segi undang-undang, politik, ekonomi dan juga sosial.

Di negara Arab, kajian mengenai feminisme telah mula berkembang dengan baik terutama pada abad ke-20. Bandran, M. dan Cooke, M Margo dalam kajiannya yang bertajuk *Opening the Gates: A Century of Arab Feminist Writing* merupakan antara kajian yang penting dalam membincangkan wanita di negara Arab.⁵⁰ Beliau membincangkan mengenai kedudukan dan peranan wanita Arab yang masih dianggap terpinggir dan seakan-akan dilupakan oleh masyarakat. Beliau mendapati bahawa faktor kekurangan pendidikan menjadi faktor utama yang menyebabkan perkara ini berlaku. Pada tahun 1923, Kesatuan Feminis Mesir (The Egyptian Feminist Union) yang ditubuhkan oleh Huda telah membahagikan situasi peminggiran ini kepada dua iaitu *invisible* and *visible*. Tahap *invisible* (tidak nyata) meliputi jangka masa 1860-an hingga awal 1920-an dan tahap *visible* ialah pada pertengahan tahun 1920-an.⁵¹ Apa yang menarik ialah perkembangan semangat feminisme Mesir ini telah menular ke Tanah Melayu melalui majalah-majalah dan juga rencana-rencana yang disadur daripada rencana-rencana di Mesir. Antara tokoh feminist Mesir yang pernah menjadi idola dan ikutan ialah Huda Shaarawi. Tokoh

⁴⁹ Lihat The New Constitution of Japan, promulgated on 3 November 1946, guaranteed to all Japanese subjects equality under the law. (Article 14, states). Untuk keterangan lanjut lihat Takashi Koyama, *The changing social position of women in Japan*, UNESCO, 1961, hlm.16-21.

⁵⁰ Lihat Bandran, M. dan Cooke, M, *Opening the Gates: A Century of Arab Feminist Writing*, London: Virago, 1990.

⁵¹ M. dan Cooke, M, *Opening the Gates: A Century of Arab Feminist Writing*, hlm, xix.

ini dipaparkan oleh Bulan Melayu (1930-1941) dan diketengahkan sendiri oleh Ibu Zain untuk meniup semangat kesedaran kepada wanita Melayu di Tanah Melayu.⁵²

Di Indonesia, penulisan mengenai wanita oleh A. Suroto dalam *Raden Ajeng Kartini: Pendekar Wanita Indonesia*, membincangkan tentang Raden Ajeng Kartini (1879 – 1904) yang memperjuangkan hak-hak mengenai wanita di Indonesia. Apa yang menarik mengenai penulisan beliau ialah tentang perjuangan yang berterusan Raden Ajeng Kartini dalam memperkasakan pendidikan dalam kalangan wanita di Indonesia. Beliau mempersoalkan mengapa wanita tidak diberikan hak yang sama terutama dalam pendidikan sebagaimana lelaki. Tindakan beliau telah menjadi satu titik tolak ke arah kebangkitan wanita Indonesia dalam memperjuangkan hak dan kepentingan mereka dalam pendidikan.⁵³ Perjuangan beliau juga telah memberi kesan dan pengaruh terhadap perjuangan wanita Melayu di Tanah Melayu khususnya selepas Perang Dunia Kedua.

S. Nilakusuma dalam bukunya *Wanita Di dalam dan Di luar Rumahtangga*, turut membincangkan mengenai peranan wanita di Indonesia yang dianggap sangat penting kepada institusi keluarga dan masyarakat. Selain cuba mengangkat tokoh Raden Anjeng Kartini sebagai pelopor kepada pendidikan wanita di Indonesia, penulis juga turut menyeru agar golongan wanita di Indonesia sedar dan berusaha untuk memajukan diri demi kepentingan keluarga dan masyarakat. Pendidikan kepada wanita dianggap sangat penting kerana golongan wanita juga terlibat sama dalam pembangunan sosial, kekeluargaan, ekonomi dan juga politik. Apa yang menarik ialah perjuangan Raden Anjeng Kartini ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dalam kalangan wanita di seluruh Indonesia malahan gerakan kesedaran ini juga turut mempengaruhi gerakan kesedaran wanita di Tanah Melayu pada abad

⁵² Lihat Rosnah Baharudin, *Wacana Wanita Melayu dan Sastera*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm.18-19.

⁵³ A.Suroto, *Raden Ajeng Kartini: Pendekar Wanita Indonesia*, Indonesia: Djambatan, 1974.

ke-20.⁵⁴ Daripada kajian perpustakaan berkenaan wanita di seluruh dunia, faktor peranan, hak, kedudukan dan status wanita yang dipinggirkan adalah merupakan sesuatu yang sejagat (universal) dan berlaku dalam hampir kesemua tamadun.

Secara kesimpulannya kesemua kajian tentang wanita pada peringkat awal sama ada kajian berkenaan wanita di luar negara ataupun di negara kita banyak menjurus kepada aspek wanita dan kewanitaan. Antara fokus kajian adalah berkenaan hak, kedudukan dan peranan wanita yang dikatakan tertindas dan tidak diberi pembelaan sewajarnya. Dari aspek pendidikan, kajian berkenaan pendidikan pada peringkat awal banyak berkisar berkenaan sejarah perkembangan pendidikan di Tanah Melayu pada tahun 1800-an sehingga awal kemerdekaan. Secara umumnya, kebanyakan pengkaji lebih berminat mengkaji mengenai perkembangan dasar pendidikan British, perkembangan sekolah vernakular dan sekolah Inggeris yang mempunyai banyak bahan primer. Kajian mengenai pendidikan wanita Melayu khususnya dari tahun 1896 sehingga 1941 kurang mendapat perhatian daripada pengkaji kerana kesukaran mendapatkan bahan terutamanya sumber primer. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat mengisi kekosongan yang telah ditinggalkan oleh para pengkaji terdahulu.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan sejarah yang banyak menggunakan kaedah analisis dokumen, rekod dan juga fail. Manakala pembahagian bab pula menggunakan kaedah tematik atau bertema berdasarkan isu-isu yang diketengahkan. Kaedah kajian dokumen ini melibatkan penelitian dan analisis terhadap rekod-rekod yang wujud pada zaman penjajahan British khususnya pada

⁵⁴ S. Nilakusuma, *Wanita Di Dalam dan Di Luar Rumah Tangga*, Djakarta: Penerbit N.V. Nusantara, 1960.

tahun 1896 sehingga 1941. Rekod-rekod ini seperti Laporan Tahunan NNMB, (*Annual Report of Federated Malay States*), Laporan NNS (*Straits Settlements Report*) Laporan Tahunan Pendidikan (*Education Department Report*), Warta negeri (*Gazette*), fail-fail persendirian dan juga CO (*Colonial Office Record*) yang telah diperoleh daripada Arkib London, Arkib Negara Malaysia, Arkib NNMB dan juga universiti tempatan. Selain itu, pengkaji juga menggunakan akhbar-akhbar dan majalah-majalah terutamanya untuk menjawab persoalan mengenai reaksi orang Melayu terhadap pendidikan wanita. Kajian ke atas rekod-rekod temu bual yang telah dijalankan oleh pihak arkib negara ke atas beberapa tokoh wanita Melayu juga diteliti dan dianalisis bagi memperkukuhkan dan memantapkan penulisan.

Bagi tujuan mendapatkan sumber primer, pengkaji telah membuat rujukan di National Archives of Singapore, National Archives of London dan juga British Library untuk mendapatkan bahan-bahan primer terutamanya CO, dokumen dan juga fail yang berkenaan dengan tajuk kajian. Sumber-sumber primer yang diperoleh daripada National Archives London disimpan dalam bentuk digital dan dianalisis mengikut tema yang telah ditetapkan sebelumnya. Bagi mengukuhkan lagi kajian, pengkaji telah melawat tapak sekolah perempuan Melayu yang pertama yang terletak di Singapura iaitu Sekolah Perempuan Melayu Teluk Belanga (Belangah). Selain menggunakan sumber-sumber primer, pengkaji juga menggunakan sumber-sumber sekunder bagi mengukuhkan dan memantapkan hasil kajian. Walau bagaimanapun pemilihan sumber sekunder ini dilakukan secara berhati-hati dengan mengambil kira beberapa aspek seperti latar belakang penulis, motif penulisan, penggunaan sumber dan juga tempoh kajian dijalankan. Maklumat-maklumat yang diperoleh dari sumber sekunder ini juga perlu diteliti dan dianalisis dan dibandingkan dengan sumber primer terlebih dahulu sebelum dijadikan bahan penulisan.

Pembahagian Bab

Kajian ini mempunyai tujuh bab keseluruhannya termasuk bab pengenalan dan kesimpulan. Bab satu membincangkan maklumat asas yang berkaitan dengan kajian seperti persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kajian terdahulu, metodologi kajian dan pembahagian bab. Di samping itu, perbincangan dalam pendahuluan juga meliputi latar belakang penubuhan NNMB dan perkembangan awal pendidikan formal di Tanah Melayu. Dalam kajian perpustakaan pula meninjau mengenai kajian-kajian lepas berkenaan kedudukan wanita di Barat dan juga Timur serta membandingkannya dengan kedudukan wanita di NNMB. Selain itu, kajian lepas juga meliputi aspek-aspek perkembangan pendidikan wanita di NNMB yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Daripada dapatan kajian perpustakaan, setakat ini belum ada satu kajian yang secara khusus membincangkan mengenai perkembangan pendidikan wanita Melayu di NNMB.

Bab kedua membincangkan mengenai latar belakang wanita Melayu dan pendidikan awal wanita Melayu. Perbincangan mengenai kedudukan, peranan dan status wanita adalah penting bagi melihat pandangan dan kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu tradisional. Selain itu, perbincangan mengenai perkembangan pendidikan wanita dibahagikan kepada dua iaitu pendidikan tidak formal dan pendidikan formal. Pendidikan tidak formal lebih kepada aspek pemindahan kemahiran daripada ibu kepada anak perempuan sebagai persediaan untuk menjadi isteri dan ibu. Selain itu, turut dibincangkan mengenai pengenalan sistem pendidikan agama yang bermula di surau-surau dan juga sekolah-sekolah agama. Selain itu, perbincangan juga meliputi pengenalan awal sistem persekolahan formal bagi kanak-kanak perempuan Melayu sebelum penubuhan NNMB sehingga kepada tahun-tahun awal 1900-an. Turut dibincangkan ialah latar belakang pendidikan Inggeris di Tanah Melayu.

Bab ketiga pula membincangkan mengenai pembangunan pendidikan wanita Melayu dari tahun 1896 sehingga 1941. Perbincangan mengenai pembangunan pendidikan wanita Melayu dilihat dari segi peranan dan komitmen kerajaan British dalam membangunkan pendidikan wanita. Pembangunan pendidikan wanita difokuskan kepada pembangunan infrastruktur fizikal, pembangunan pentadbiran dan pengurusan, pembangunan kurikulum dan juga peruntukan kewangan.

Bab keempat membincangkan mengenai halangan dan cabaran yang dihadapi oleh pendidikan wanita Melayu sepanjang tahun 1896 sehingga 1941. Halangan dan cabaran yang dibincangkan dalam bab ini meliputi halangan dan cabaran dari segi kekangan adat dan budaya, masalah kelemahan pentadbiran dan pengurusan, masalah kelemahan kurikulum dan masalah kekurangan peruntukan kewangan. Perbincangan mengenai isu halangan dan cabaran ini adalah amat penting untuk melihat sejauh manakah isu-isu berkenaan memberi kesan terhadap perkembangan dan kemajuan pendidikan wanita Melayu di NNMB.

Bab kelima pula akan membincangkan mengenai strategi dan peranan yang telah dimainkan oleh sesetengah pegawai-pegawai British untuk memajukan dan memartabatkan pendidikan wanita Melayu di NNMB. Selain itu, perbincangan juga meliputi strategi yang dimainkan oleh Raja-raja Melayu dan golongan bangsawan, golongan cendekiawan dan pegawai-pegawai Melayu dan golongan agama dalam usaha memartabatkan pendidikan wanita Melayu di NNMB. Perbincangan bab ini akan melihat sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak telah memberi kesan kepada pembangunan dan perkembangan pendidikan wanita Melayu.

Bab keenam pula membincangkan mengenai kesan pendidikan terhadap pencapaian wanita Melayu sepanjang tahun 1896 sehingga 1941. Pencapaian-pencapaian wanita Melayu di NNMB dibahagikan kepada beberapa aspek antaranya pencapaian dari segi pendidikan, pencapaian dan penglibatan dalam bidang

berpersatuan, pencapaian dan penglibatan dalam bidang kesihatan, pencapaian dan penglibatan dalam bidang penulisan dan kewartawanan. Dalam bidang pendidikan pencapaian terbahagi kepada dua iaitu pencapaian pelajar perempuan Melayu yang dilihat dari segi peningkatan pelajar perempuan, peningkatan kehadiran, peningkatan pelajar perempuan di sekolah lelaki dan pencapaian akademik pelajar perempuan Melayu sepanjang tahun 1896 sehingga 1941. Selain itu, perbincangan juga meliputi penyertaan wanita Melayu dalam bidang perguruan serta peranan mereka dalam memajukan pendidikan wanita Melayu.

Bab ketujuh pula membincangkan penglibatan wanita Melayu dalam bidang berserikat yang merupakan langkah awal kepada penglibatan wanita Melayu dalam bidang politik khususnya selepas Perang Dunia Kedua. Selain itu, perbincangan juga meliputi pencapaian dan penyertaan wanita Melayu sebagai bidan dan jururawat serta peranan mereka dalam bidang kesihatan. Pencapaian wanita Melayu juga dilihat melalui penyertaan mereka dalam bidang penulisan dan kewartawanan di NNMB. Walaupun skop kajian hanya berakhir pada tahun 1941, tetapi perbincangan mengenai pencapaian wanita Melayu juga dilihat pada tahun-tahun awal selepas meletusnya Perang Dunia Kedua. Penelitian secara sepintas lalu ini hanyalah bertujuan untuk menunjukkan bahawa pencapaian yang mengelakkan ini adalah berpunca daripada gerakan kesedaran yang berlaku pada tahun-tahun akhir 1930-an.

Batasan Kajian

Disebabkan masalah kekurangan sumber mengenai pendidikan wanita Melayu khususnya sebelum abad ke-19, maka sumber-sumber daripada karya sastera berunsur sejarah telah digunakan. Selain itu, bahan-bahan daripada sumber pertama seperti Rekod Kolonial (CO), Laporan Tahunan NNMB (*Annual Report*), Warta

Kerajaan dan rekod-rekod lain juga memberikan penerangan yang agak terbatas mengenai pendidikan wanita Melayu dan sesetengah negeri terutamanya Pahang mempunyai maklumat yang amat terhad mengenai pendidikan wanita Melayu. Kesukaran juga dihadapi dalam mendapatkan sumber-sumber daripada bahan mikrofilem di Arkib Negara Malaysia kerana terdapat beberapa fail mengenai pendidikan rosak dan sesetengahnya kabur dan sukar dibaca. Dalam mengatasi masalah ini pengkaji telah melakukan pencarian sumber-sumber primer di Arkib London, Arkib Singapura dan arkib-arkib di NNMB. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan kaedah tematik di mana setiap isu dibincangkan secara bertema yang merangkumi kesemua negeri dalam NNMB.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini akan melihat dan meneliti perkembangan pendidikan wanita Melayu di NNMB dari tahun 1896 sehingga 1941. Beberapa persoalan dan objektif kajian telah dibentuk untuk bagi meneliti dan menilai perkembangan pendidikan wanita Melayu di NNMB. Pengkaji juga menggunakan sumber pertama dan kedua dalam menghurai setiap isu yang dibincangkan agar penulisan mengenai isu berkenaan lebih tepat dan menepati kaedah penulisan sejarah.

BAB 2

PENDIDIKAN WANITA MELAYU

Pengenalan

Konsep dan proses pendidikan mempunyai makna yang amat subjektif dan merupakan salah satu elemen penting dalam kehidupan seseorang manusia.

¹ Dalam masyarakat Melayu, kesedaran mengenai kepentingan pendidikan telah pun wujud semenjak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Pada peringkat awal, penekanan pendidikan lebih kepada pemindahan pengetahuan dan kemahiran asas daripada ibu atau bapa kepada anak-anak. Selain itu, masyarakat Melayu juga memberi penekanan khusus kepada pendidikan agama Islam untuk anak-anak lelaki dan perempuan. Kemasukan penjajah British ke Tanah Melayu pada abad ke-19 telah membawa perubahan besar terhadap sistem pendidikan di Tanah Melayu. Pengenalan pendidikan Barat oleh kerajaan British telah menyebabkan wujudnya dua sistem pendidikan di Tanah Melayu iaitu pendidikan bercorak agama dan pendidikan sekular. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal sistem pendidikan sekular yang dibawa oleh British dikatakan kurang mendapat sambutan daripada orang Melayu kerana orang Melayu masih berpegang kepada sistem pendidikan agama.

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang wanita Melayu di Tanah Melayu sebelum penubuhan NNMB. Perbincangan mengenai peranan, kedudukan dan status wanita Melayu adalah amat penting kerana ia akan memberi gambaran yang jelas mengenai kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu. Perbincangan seterusnya akan

¹ Pendidikan merupakan sesuatu yang subjektif kerana objektif dan peranan pendidikan adalah berbeza dan ditakrif secara berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Pendidikan dalam sesuatu masyarakat berperanan untuk melahirkan seseorang warga masyarakat yang dapat memenuhi normal-normal dan pola-pola kelakuan yang selari dengan budaya, adat dan kepercayaan sesuatu Masyarakat. Lihat Azizah Kassim, (ed.), *Wanita Dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd, 1985, hlm. 96-98.

meneliti perkembangan awal pendidikan wanita Melayu yang meliputi perkembangan pendidikan tradisional, pendidikan agama Islam, pendidikan vernakular Melayu dan juga pendidikan vernakular Inggeris.

Wanita Melayu Tradisional

Dalam sejarah masyarakat dunia, kedudukan, peranan dan status wanita adalah lebih rendah berbanding lelaki. Wanita dianggap sebagai makhluk yang serba kekurangan dan tidak mempunyai apa-apa kelebihan dan keupayaan yang istimewa.² Dalam masyarakat Greek misalnya, kaum perempuan diibaratkan seperti seponon ‘pokok beracun’ yang pada zahirnya membawa rahmat dan nikmat tetapi pada hakikatnya sebagai racun dan azab sengsara.³ Dalam masyarakat Arab, Yunani, Rom dan Cina, kaum wanita dianggap tidak bernilai, di pandang hina dan tidak mempunyai sebarang hak.⁴ Selain itu, mereka juga dianggap sebagai alat untuk memuaskan hawa nafsu kaum lelaki, menjadi bahan tukaran dan hanya bertindak sebagai agen penambah zuriat sahaja. Lebih teruk daripada itu, mereka dianggap sebagai perangkap menggoda dan menjadi punca kejatuhan sesebuah keluarga, masyarakat dan juga negara.⁵

Dari sudut sains, wanita juga adalah berbeza daripada lelaki. Perbezaan anatomi biologi kedua-duanya dapat dilihat dengan jelas terutama dari segi bentuk fizikal, kekuatan dan kebolehan tertentu. Perbezaan semula jadi ini jugalah yang menyebabkan peranan dan kebolehan mereka berbeza dengan kaum lelaki. Oleh yang demikian, kaum

² Azizah Kassim, *Kedudukan Wanita Di Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih Di Negeri Sembilan*, Tesis M.A, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969, hlm. 37-38.

³ Abdul Rabbi Nawab ad-Din, *Kerjaya Wanita*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1992, hlm. 35.

⁴ Dalam masyarakat Arab Jahiliah, kelahiran anak perempuan dianggap sebagai memalukan keluarga dan mereka berdukacita sekiranya mendapat anak perempuan. Dalam Surah al-Nahl 16 Ayat 57-59, Allah berfirman mengenai pandangan masyarakat Arab Jahiliah tentang anak perempuan. “Dan mereka menetapkan bagi Allah anak-anak perempuan, maha suci Allah, sedang untuk mereka sendiri, (mereka tetapkan) apa yang mereka sukai (iaitu anak lelaki). dan apabila seseorang dari mereka diberi khabar dengan (kelahiran) anak perempuan, hitam lah (merah padamlah) bukannya, dan di sangat marah. Ia menyembunyikan dari orang banyak, disebabkan buruknya berita yang disampaikan kepadanya. Apakah dia akan memeliharanya dengan menanggung kehinaan atau menguburkannya ke dalam tanah (hidup-hidup)? Ketahuilah, alangkah buruknya apa yang mereka tetapkan itu.”

⁵ Ibid., hlm. 36.

lelaki dianggap memainkan peranan utama dalam masyarakat, lebih berpotensi, lebih kuat dan lebih produktif. Manakala organ reproduksi wanita sering kali dianggap akan membatasi kebolehan wanita untuk bergerak bebas seperti kehamilan, melahirkan anak, menyusui anak dan sebagainya sedangkan lelaki tidak mempunyai fungsi berkenaan.⁶ Justeru itu, pembahagian kerja secara jantina dianggap wajar disebabkan wujudnya perbezaan struktur genetik antara lelaki dan wanita.

Dalam masyarakat Melayu tradisional⁷ kedudukan, peranan dan status wanita telah ditetapkan mengikut norma-norma dan kepercayaan masyarakat. Aspek-aspek seperti kedudukan, peranan dan status wanita Melayu pada zaman tradisional adalah antara aspek penting yang perlu diteliti kerana ianya mempunyai hubungan secara langsung dengan bentuk dan tahap pendidikan yang diberikan kepada wanita Melayu.⁸

The term social position is in many cases synonymous with terms like social status or social role, but this is because there is a general lack of precision in the use of these terms in sociological literature.⁹

... A position is simply the label or the means of identifying a particular social role and often in the literature on the subjects, the two terms are used interchangeably. ... In this sense the term position and role are only analytically separable. ... The expectations that the role partner in the counter position has of ego's role are normally referred to as ego's role obligations or duties and the expectations that ego has of his role partner are ego's rights.¹⁰

Kedudukan, peranan dan hak antara kaum lelaki dan kaum perempuan telah ditetapkan bersesuaian dengan kehendak adat, budaya dan normal-normal masyarakat. Sebagai contoh, seorang wanita yang sudah berkahwin merupakan isteri kepada

⁶ Kate Millet, *Sexual Politics*, New York: Doubleday & Co, 1970, hlm. 187.

⁷ Istilah masyarakat Melayu tradisional adalah merujuk kepada masyarakat Melayu sebelum kedatangan British. Ramai pengkaji dan penulis menggunakan istilah tradisional untuk menggambarkan masyarakat Melayu pada zaman silam. Lihat Abu Bakar Nordin, *Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran 2020*, Kuala Lumpur: Penerbit Nurin Enterprise, 1994, hlm. 2.

⁸ Peranan dan kedudukan merupakan satu konsep yang sangat berkaitan di antara satu sama lain terutama dalam kajian sains kemasyarakatan. Peranan didefinisikan dalam bahasa Inggeris sebagai *roles* dan kedudukan pula didefinisikan sebagai *position* dan kadang-kadang pula status. Ketiga-tiga perkataan ini sering kali digunakan untuk membincangkan pengertian mengenai hak-hak, tugas atau tanggungjawab. Lihat Azizah Kassim, *Kedudukan Wanita Di Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih Di Negeri Sembilan*, Tesis M.A, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hlm.32.

⁹ Mitchell, G. Duncan, *A Dictionary of Sociology*, Chicago: Aldine Pub. Co, 1968, hlm. 175.

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 148-149.

suaminya dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan suami, anak dan rumah tangga nya.¹¹ Di samping itu, beliau juga adalah ibu kepada anak-anaknya, menantu kepada mertuanya, kakak kepada adiknya dan sebagainya. Setiap satu taraf atau kedudukan itu mempunyai peranan yang mesti dijalankan oleh setiap individu yang memperoleh taraf dan kedudukan berkenaan.¹² Tidak ada taraf tanpa kedudukan dan sebaliknya. “...*A role represent the dynamic aspect of status. ...Role and status are quite inseparable and the distinction is only on academic interested.*”¹³

Kajian mengenai sifat semula jadi, peranan, kedudukan dan status wanita Melayu khususnya sebelum tahun 1896 adalah agak sukar kerana masalah kekurangan sumber-sumber yang berkaitan. Oleh sebab itu, kebanyakan pengkaji yang membuat penelitian mengenai wanita Melayu khususnya sebelum abad ke-17, banyak menggunakan sumber-sumber tempatan sebagai bahan rujukan.¹⁴ Sumber-sumber daripada karya tempatan ini seperti *Sejarah Melayu, Hikayat Banjar, Hikayat Raja-Raja Pasai, Hikayat Langlang Buana, Misa Melayu, Hikayat Abdullah, Syair Siti Zubaidah Perang China* dan lain-lain lagi.¹⁵ Walau pun agak sukar diterima oleh kebanyakan pengkaji Barat, namun sumber-sumber ini merupakan sumber tempatan yang masih

¹¹ Azizah Kassim, *Wanita dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd, 1985, hlm. 2.

¹² Ralph Linton, *The study of Man: an introduction*, London: Peter Owen, 1965, hlm. 113-114.

¹³ *Ibid.*, hlm. 114.

¹⁴ Antara pengkaji yang menggunakan karya-karya Melayu tradisional dalam kajian mereka ialah Raja Hamzah Yunus, “Perempuan Melayu” Menurut Takrif Naskhah Melayu Riau Johor, dalam *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, 1998, Johor: Penerbit Yayasan Warisan Johor, 1997, Rahimah Hamdan, “Menilai ‘Kepasifan’ Wanita Melayu Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional”, *Kertas Kerja Seminar Naskhah Melayu*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 12 Februari 2010, Mahani Musa, Kaum Wanita Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka: Antara Batasan Tradisi dan Realiti, *Jurnal Jabatan sejarah* Universiti Malaya, Jilid no.6, 1988. Lihat juga Noraziah Ali dan Faridah Ibrahim, Status dan Citra Wanita Melayu Sebelum Merdeka. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, Jilid I, Universiti Kebangsaan Malaysia 1998.

¹⁵ Peranan dan kedudukan wanita Melayu pada zaman tradisional hanya dapat dikesan melalui cerita-cerita legenda dan juga berdasarkan tulisan-tulisan dalam Persejarah Melayu seperti dalam *Sejarah Melayu, Misa Melayu, Hikayat Raja-raja Pasai, Tuhfat al-Nafis* dan lain-lain lagi. Melalui tulisan dalam Persejarah Melayu ini beberapa nama wanita Melayu yang menonjol seperti Tun Fatimah, Tun Teja, Tun Kudu, Wan Empuk, Wan Malini, Puteri Gunung Ledang, Raja Hijau, Raja Kuning, Puteri Galoh Cendera Kirana, Dang Bibah, Cik Siti Wang Kembang dan sebagainya. Mereka ini merupakan watak-watak penting dalam sesebuah negara dan terdiri dalam kalangan golongan bangsawan. Terdapat juga watak wanita rakyat biasa tetapi amat kurang ditonjolkan dalam penulisan. Lihat Ismail Abas, *Wanita Dalam Persejarah Melayu, Dewan Masyarakat*, Oktober 1975, hlm. 40.

relevan dan sering digunakan oleh pengkaji-pengkaji tempatan.¹⁶ Selain daripada karya-karya tradisional,¹⁷ terdapat juga beberapa kajian dan penulisan yang telah dibuat oleh penulis-penulis tempatan dan Barat mengenai wanita Melayu tradisional.¹⁸ Walau bagaimanapun, penulisan mereka lebih banyak berkisar mengenai wanita Melayu pada abad ke-20.¹⁹

Boleh dikatakan bahawa Tun Seri Lanang yang menulis *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin*²⁰ merupakan antara pelopor kepada penulisan tentang kaum wanita Melayu. Beliau juga telah berjaya mewujudkan dua watak wanita yang penting iaitu wanita golongan bangsawan dan wanita golongan bawahan.²¹ Teks *Sejarah Melayu* ini juga boleh dianggap sebagai salah satu dokumen bertulis awal yang mampu memberi maklumat kepada pengkaji untuk mengkaji tentang wanita Melayu khususnya wanita

¹⁶ Walaupun teks sastra Melayu tradisional mendapat kritikan oleh pengkaji Barat kerana mengandungi banyak unsur 'mitos' namun teks-teks ini menjadi rujukan utama kebanyakan pengkaji tempatan kerana mempunyai maklumat dan gambaran yang jelas mengenai masyarakat Melayu tradisional. Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, *Syair Siti Zubaidah Perang China, Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1994, hlm. xvi-xvii.

¹⁷ Berbagai-bagai istilah digunakan antaranya karya Melayu klasik, karya Melayu tradisional dan karya Melayu lama. Dalam kajian ini karya Melayu tradisional merujuk kepada karya-karya sebelum abad ke-16 yang diperoleh dan dikumpul serta di bukukan. Lihat Mustafa Mohammad Isa, *Perwatakan Dalam Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm.1.

¹⁸ Antara penulis dan pengkaji Barat yang banyak menceritakan mengenai wanita Melayu tradisional ialah Frank Swettehem dalam bukunya *Malay Sketches*. Lihat Frank Swettenham, *Malay Sketches*, London: John Lane, 1913.

¹⁹ Antara penulis dan pengkaji tempatan yang aktif membuat kajian dan penulisan berkenaan wanita Melayu ialah Mahani Musa, Arbai'yah binti Mohd Noor, Kamal Ariffin Mohd Rus, Azizah Kassim, Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Zukarnaim Mohamed, Jamilah Ariffin, Anis Sabirin dan lain-lain lagi.

²⁰ *Sulalatus Salatin* ialah judul asal *Sejarah Melayu*, terdapat sekurang-kurangnya enam versi *Sejarah Melayu* yang telah diselenggarakan. Versi pertama dikatakan di selenggara oleh Abdullah Munsyi pada tahun 1831 di Singapura dan diterbitkan dalam tulisan Jawi. Edisi Abdullah ini diterbitkan semula oleh H.C. Klinkert di Leiden pada tahun 1884, kemudiannya di selenggara pula A.E. Teeuw dan T.D. Situmorang pada tahun 1952 di Jakarta dan Amsterdam. Versi-versi lain seperti versi R.O. Winstedt 1938 yang menyelenggarakan naskah Raffles (1536) yang kemudiannya dikenali sebagai *The Malay Annals*. Lihat Muhammad Yusoff Hashim, *Hikayat Melayu dan Sulalat'us-Salatin*, Melaka: Penerbit Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 1998, hlm. 5. Lihat Armando Cortesao (editor.), *The Suma Oriental of Tome Pires*, London: Printed for the Hakluyt Society, 1944, hlm. 231-232. Lihat juga Karya Syaikh Nurudin al-Raniri dalam karyanya *Bustan Ul-Salatin* (Taman Raja-raja), fasal yang ke-12 bab II, 1638.

²¹ Menurut J.M.Gullick dalam kajiannya mengenai sistem sosial dan politik Tanah Melayu, menyatakan terdapat tiga hierarki sosial dalam masyarakat Melayu tradisional iaitu kerabat diraja, kerabat am dan rakyat. Kerabat diraja dan kerabat am mendapat kedudukan daripada keturunan, sedangkan rakyat terdiri daripada orang keistimewaan yang memegang jawatan tertentu. Lihat J.M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London: The Athlone Press, 1969, hlm. 3-4.

pada zaman tradisional.²² Walau bagaimanapun, penulisannya banyak berkisar tentang wanita Melayu kerabat diraja dan golongan bangsawan. Manakala penulisan mengenai wanita golongan bawahan dibuat hanyalah sebagai pelengkap kepada penulisan mengenai lelaki dan juga wanita golongan atasan.

Dalam tek-teks sastera tradisional, watak-watak wanita Melayu kerabat diraja adalah seperti permaisuri, puteri, bonda, nenda dan gundik. Mereka ini dikelompokkan sebagai kaum kerabat diraja yang sentiasa berada di Istana dan dikawal dengan penuh adat istiadat diraja. Selain wanita kerabat diraja, wanita golongan bangsawan juga mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Walaupun mereka tidak tinggal di Istana tetapi kekayaan dan pengaruh yang dimiliki oleh keluarga mereka telah menyebabkan mereka di pandang tinggi dalam masyarakat.²³ Terdapat juga sesetengah golongan bangsawan atau ketua masyarakat tempatan yang mempunyai kekayaan melebihi kekayaan Sultan. Golongan ini terdiri daripada pembesar-pembesar yang diberi gelaran dan dianugerahkan kawasan tertentu untuk ditadbir.

Golongan bangsawan dan pembesar yang dianugerahkan kawasan tertentu ini mempunyai kuasa politik, hak memungut cukai dan mengenakan peraturan-peraturan mengikut budi bicara mereka. Ada sesetengah pembesar tidak menyerahkan hasil cukai secukupnya kepada Sultan dan menyebabkan kekayaan mereka melebihi kekayaan Sultan.²⁴ Oleh sebab yang demikian, kaum wanita golongan bangsawan juga mempunyai kemewahan dan disediakan dengan dayang-dayang yang tinggal bersama.²⁵

²² Menurut Zainul Abidin Wahid, ahli-ahli sejarah yang menulis Sejarah Melayu, tanpa menggunakan teks *Sejarah Melayu* sebagai sumber asas, mungkin menulis sejarah Melayu dengan berat sebelah. Lihat Zainal Abidin Wahid, *Majalah Dewan Bahasa* ('Tawarikh dari segi penjajah dan yang dijajah'), Keluaran Ogos, 1958, hlm. 1-3.

²³ Armando Costesao. *The Suma Oriental of Tome Pires*, London: The Hakluyt Society, 1944, hlm. 268.

²⁴ Terdapat tiga sumber utama pendapatan atau kekayaan bagi golongan pemerintah (Raja dan golongan bangsawan). Pertama ialah kawalan tenaga manusia untuk buruh dan perkhidmatan ketenteraan, kedua, daripada perdagangan dan ketiga daripada hasil tanah. Mereka juga mengenakan cukai-cukai tertentu ke atas perkhidmatan dan perlindungan seperti cukai kepala, cukai perdagangan dan pajakan. Lihat Amanjit Kuar, *Semenanjung Tanah Melayu pada Abad ke-19*; Suatu Tinjauan Ekonomi, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm .4.

²⁵ Armando Costesao. *The Suma Oriental of Tome Pires*, hlm. 268.

Apa yang membezakan kedua-dua kelompok kaum wanita ini hanyalah dari segi gelaran. Bagi kaum wanita Melayu golongan kerabat diraja, mereka diberi gelaran “Raja” sementara wanita dari golongan bangsawan pula diberikan gelaran “Tun” seperti Tun Teja, Tun Kudu, Tun Fatimah, Tun Senaja dan lain-lain lagi. Manakala gelaran “Dang” pula diberi kepada anak perempuan biduanda.²⁶

Dari segi fizikal, wanita Melayu golongan diraja dan bangsawan dianggap sebagai seorang wanita yang cantik, lembut dan menjadikannya tarikan kepada golongan kerabat diraja untuk memperisterikannya. Wanita Melayu kerabat diraja juga digambarkan sebagai wanita yang sempurna dari segi rupa paras dan bentuk tubuh badan yang cantik serta menjadi perbualan dan digilai oleh semua kaum lelaki pada masa dahulu. Keindahan rupa parasnya digambarkan sebagaimana berikut.

Ia gadis keturunan raja; namanya, Raja Maimunah. Kulitnya cerah tidak seperti kebanyakan orang Melayu, kecil molek bentuk tubuhnya, kaki dan tangannya halus, mukanya bujur dan matanya cantik, anak matanya hitam bak bunga teratai terapung di tasik, pandangan matanya ayu menggoda, kadang-kadang kelopak matanya diangkat, kadang-kadang separuh tertutup, menampakkan alis matanya yang lebat dan hitam. Hidungnya kecil dan mancung, bibirnya jika tersenyum menampakkan gigi yang elok dan putih bersih. Di kedua-dua belah pipinya terdapat lesung pipit yang digelar oleh orang Melayu lesung mati, inilah lesung pipit yang sungguh menawan hati sesiapa yang memandang dan akan gila bayang sampai ke ajalnya.²⁷

Selain wanita golongan kerabat diraja, wanita Melayu golongan bangsawan juga digambarkan mempunyai kecantikan yang setanding dengan wanita golongan kerabat diraja. Sebagai contoh Tun Fatimah anak kepada Tun Mutahir digambarkan sebagai seorang perempuan yang sangat cantik dan sempurna dari segi rupa paras. ...tiadalah cendalanya lagi, sedap, manis, pantas, pangus, seperti laut madu, bertasik susu, berpantalkan sakar; mukanya bercahaya berkilat-kilat seperti bulan purnama pada ketika

²⁶ Mohd Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989, hlm. 294-296.

²⁷ Zubaidah Ibrahim, *Perihal Melayu, Sebuah Percintaan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007, hlm. 143.

cuaca.²⁸ Dalam *Naskah Melayu Riau Johor* kanak-kanak perempuan Melayu golongan bangsawan digambarkan seperti berikut;

Jadi adalah perempuan itu sayugianya jenis Siti Hawa yang memiliki sifat-sifat fasih, ramah, mempunyai sifat malu dan boleh dipercayai, wangi bau badannya serta kepercayaan perbuatannya, yang semua sifat-sifat itu menjadi handalan baginya.²⁹

Selain itu, Tun Teja atau Tun Teja Ratna Menggala yang merupakan anak Bendahara Pahang juga merupakan seorang wanita Melayu sangat cantik. Kecantikannya tiada ada tolok bandingnya pada ketika itu sehingga digambarkan tiada seorang pun gadis pada masa itu di Melaka yang dapat menandingi kecantikan Tun Teja. Dalam *Sulalatus Salatin*, Tun Teja digambarkan seperti berikut.

...terlalu baik parasnya; dalam negeri Pahang seorang pun tiada samanya pada zaman itu. Pada barang lakunya sedap manis, penglipur lara tiada berbagai-bagai; dan akan Tun Teja itu jika lada sulah dikesipnya dengan giginya, betul belah dua, tiada sipi; demikianlah peri aksanya.³⁰

Wanita golongan diraja dan bangsawan juga hanya perlu menyiapkan diri supaya sentiasa kelihatan cantik. Segala kehidupan mereka telah diatur dengan tertib termasuklah soal makan, minum, pakaian, perhiasan diri, waktu tidur, bangun dan sebagainya. Mereka dilarang keluar daripada istana sesuka hati, dilarang bergaul dengan rakyat biasa dan sentiasa dikawal oleh hulubalang-hulubalang Melayu. Selain itu, mereka juga tidak dibenarkan mengerjakan kerja-kerja di dapur seperti memasak, kerana mereka bakal menjadi isteri orang kenamaan dan bangsawan. Situasi ini digambarkan seperti berikut;

²⁸ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu Edisi Pelajar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 250.

²⁹ Raja Hamzah Yunus, "Perempuan Melayu" Menurut Takrif Naskah Melayu Riau Johor, *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, 1998, Johor: Penerbit Yayasan Warisan Johor, 1997, hlm. 126.

³⁰ *Ibid.*, hlm. 221

Maka disuruh baginda perhias istananya dan anakda tuan puteri dua orang itu dengan pakaian yang keemasan bertatahkan ratna mutu manikam, dan seorang lagi anak gundik baginda bernama Tuan Puteri Ganggang itu diberinya memakai kain sutera cengkurai dan berbaju warna bunga jambu dan memakai cincin berpermata dan bersubang berjentera.³¹

Anak-anak perempuan tidak diajar suatu apa pun tentang urusan rumah tangga, kerana peranan mereka kelak adalah sebagai isteri orang besar yang hanya tahanan nasi tersaji di lutut. Seluruh pendidikan di tumpukan ke arah ini. Yang dipentingkan ialah mereka harus cantik molek, berdandan rapi dan mempunyai gaya lembut menawan.³²

Malangnya keadaan fizikal wanita Melayu golongan bawahan dan rakyat biasa tidak digambarkan dalam karya-karya Melayu tradisional kerana penonjolan watak mereka hanya sebagai watak sampingan. Walau bagaimanapun, Frank Swettenhem dalam bukunya *Malay Sketches* telah menggambarkan kanak-kanak perempuan Melayu golongan bawahan (rakyat biasa) sebagaimana berikut;

Budak perempuan Melayu biasanya tidak secomel budak lelaki dan kurang diberi perhatian. Biasanya budak perempuan dibiarkan berlari ke sana sini sehinggalah sampai masa ia patut dipakaikan baju, yakni pada masa umurnya lebih kurang 5 tahun... dia tidak boleh bergaul dengan orang-orang lelaki yang tidak dikenali. Bila berumur 15 atau 16 tahun, barulah dia nampak menarik sedikit, tersangat pemalu, sangat gemar berpakaian cantik dan perhiasan diri, kulitnya agak cerah sedikit dari kulit lelaki Melayu,

Kaki dan tangannya kecil, wajahnya sentiasa tersenyum dan riang, giginya baik, mata dan keningnya sungguh cantik, rambutnya hitam lebat, berkulit halus tidak ada cacat cela dan bulu keningnya seperti "bulan sehari"- alis matanya lentik dan ada lesung pipit di pipi atau di dagu.³³

³¹ Russell Jonies, *Hikayat Raja Pasai*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Fajar Bakti, 1999, hlm. 19. Terdapat tiga buah naskhah atau manuskrip berkenaan *Hikayat Raja Pasai*. Antara naskhah yang paling lama ialah naskhah MS Rafflels Malay No.67, yang tersimpan di The Royal Asiatic Society, London. Naskhah ini dipanggil manuskrip A, yang kedua ialah naskhah yang disalin daripada manuskrip A, yang dilakukan oleh sarjan Perancis iaitu Edouard Dulaurier pada tahun 1838. Naskhah ini tersimpan di Bibilothèque nationale, Paris, Naskah yang ketiga ditemui di London pada tahun 1896 dan dibeli oleh British Library dan dijadikan manuskrip B.

³² Nordin Selat, *Kelas Menengah Pentadbir Melayu, Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Utusan Melayu (M) Berhad, 1976, hlm. 41.

³³ Frank Swettenham, *Malay Sketches*, London: John Lane, 1913, hlm. 6-7. Catatan di atas adalah terjemahan dari buku Frank Swettenhem. *The Malay girl... (has) less consideration shown to her. She runs wild till the time comes for investing her with a garment, that is to say when she is about five years old. From then she is taught to help in the house and the kitchen, to sew, read and write, perhaps to work in the padi field*".

Selain daripada rupa paras, anak-anak perempuan Melayu golongan bawahan juga digambarkan sebagai wanita yang lasak dan sering membantu ibu bapa dalam kerja-kerja seharian. Selain daripada kerja-kerja memasak, membasuh, menjahit, menganyam dan menjaga adik-adik, mereka juga turut membantu ibu bapa mereka mengerjakan tanaman padi dan berkebun. Mereka dikatakan turut sama ke sawah untuk membajak, menanam dan menyabit padi.³⁴

Sambil mengepit bayi, wanita menumbuk padi; sambil mencangkul tanah menyediakan tapak untuk berkebun sayur, anak didukung di belakang, diikat dengan kain ke tubuh. Mereka juga biasa menganyam bakul sambil bayi menyucut puting buah dadanya, sementara sekali gus mengawas nasi yang sedang ditanak di dapur.³⁵

Dari segi sifat semula jadi, wanita dianggap sebagai golongan yang lemah dan pasif yang perlukan perlindungan lelaki sama ada bapa, abang, suami, ipar dan sebagainya.³⁶ Oleh sebab yang demikian, wanita dalam masyarakat Melayu tradisional pada asasnya bersifat stereotaip, pasif, subordinat, terkongkong di samping sifat-sifat kewanitaan 'sejati', sesuai dengan kehendak keluarga, tuntutan budaya, adat dan *world view* masyarakat Melayu tradisional.³⁷ Sebagai contoh dalam teks *Misa Melayu*, watak wanita Melayu digambarkan sebagai watak wanita yang 'pasif' dan menyetujui apa sahaja yang telah ditentukan kepadanya tanpa membantah. Kebiasaannya sifat pasif dan menyetujui ini banyak berlaku dalam peristiwa perkahwinan diraja dan juga pelaksanaan hukuman.

Wanita juga dikurniakan dengan kekuatan fizikal yang terhad berbanding lelaki dan lebih emosional. Justeru itu, peranan dan kedudukan wanita hanya berlegar di

³⁴ Lihat Frank Swettenhem, *British Malaya, An Account of the origin and progress of British influence in Malaya*, London: John Line The Bodly Head, 1929, hlm. 152.

³⁵ Azizah Kassim, *Wanita dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1985, hlm. 8.

³⁶ Rahimah Hamdan, "Menilai 'Kepasifan' Wanita Melayu Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional", *Kertas Kerja Seminar Naskhah Melayu*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 12 Februari 2010.

³⁷ Noraziah Ali dan Faridah Ibrahim, Status dan Citra Wanita Melayu Sebelum Merdeka. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, Jilid I, 1998, hlm. 3.

sekitar ruang domestik yang telah menjadi ketetapan gender dalam masyarakat Melayu. Situasi ini juga disebabkan oleh faktor adat dan budaya masyarakat Melayu yang masih berpegang kepada 'sistem patriarki' dan telah mendominasi pemikiran *world view* masyarakat.³⁸

A wife's primary task is the performance of domestic duties, cooking, running the household, and caring for the children. If she can perform these duties well, and without nagging, then she is a good wife. The husband, on the other hand, is primarily the provider for the family.³⁹

Setelah kemasukan agama Islam pada abad ke-13, kedudukan wanita dikatakan masih tidak banyak berubah. Walau pun agama Islam meletakkan kedudukan wanita setaraf dengan lelaki serta lengkap melengkap dan saling memerlukan di antara satu sama lain (surah an-Nisaa 4:1) namun fungsi, peranan dan kedudukan wanita masih sama seperti sebelumnya.⁴⁰ Dalam institusi kekeluargaan Islam, isteri mestilah mentaati suaminya, sentiasa menjaga maruah suami, mendidik anak-anak dan sebagainya.⁴¹ Islam meletakkan wanita di tempat yang sebaik-baiknya dan dipelihara sepenuhnya kedudukan, hak dan peranannya dalam institusi keluarga, masyarakat dan negara.⁴²

³⁸ Rahimah Hamdan, "Menilai 'Kepasifan' Wanita Melayu Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional", *Kertas Kerja Seminar Naskhah Melayu*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 12 Februari 2010.

³⁹ Barbara E. Ward, *Women in The New Asia, The Changing Social Roles of Men and Women In South And South East Asia*, Paris, United Nation Education Scientific and Cultural Organization (UNESCO), 1963, hlm. 227.

⁴⁰ *Al Quran*, dalam surah an-Nisaa, ayat 1, menyatakan "wahai manusia! Bertakwa kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam) dan (Allah) menciptakan pasangannya (Hawa) dari (diri) nya (bahagian tulang rusuk); dan (lalu) dari keduanya Allah mengembang-biakkan lelaki dan perempuan yang banyak. Bertakwalah kepada Allah yang dengan namanya kamu saling meminta, dan (peliharalah) hubungan kekeluargaan. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi mu. (Rujuk Al-Quran, Surah an-Nisaa)

⁴¹ Rasullah S.A.W bersabda yang maksudnya "sekiranya aku (boleh) menyuruh seseorang sujud kepada manusia nescaya akan ku perintahkan seorang isteri sujud kepada suaminya lantaran besarnya hak (suaminya) ke atas dirinya. Lihat juga surah al-Rum, 30:21, di mana Allah berfirman "seorang isteri merupakan pemelihara harta suaminya, dan ia bertanggungjawab terhadap harta jagaannya".

⁴² Antara hak wanita yang termaktub dalam al-Quran sebagai sumber asasi Islam ialah hak dalam perkahwinan (fasakh cerai, kluluk (tebus talak), *ta'liq* yakni meletakkan syarat dalam akad perkahwinan (lelaki tiada hak mengadakan *ta'liq*), hadanah (penjagaan anak), hak pendidikan yang sama, hak memberi sumbangan terhadap masyarakat sesuai dengan fitrah wanita seperti bidang pendidikan dan perubatan. Lihat Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zukarnain Mohamed, *Islam Feminisme Barat dan Sastera Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013, hlm. 42.

Walaupun peranan lelaki dan perempuan saling melengkapi antara satu sama lain tetapi peranan yang dimainkan oleh wanita dianggap 'biasa' berbanding peranan yang dimainkan oleh lelaki. Hakikatnya, dalam masyarakat Melayu tradisional, wanita bekerja untuk kepentingan lelaki. Wanita dianggap sebagai golongan *proletariats* sementara lelaki dianggap sebagai golongan *bourgeoisie*.⁴³ Walaupun peranan dan tugas wanita amat penting dalam institusi keluarga tetapi sering kali mereka disisihkan dan tidak mendapat layanan yang baik. Manakala tugas dan peranan lelaki dianggap sebagai 'luar biasa' dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Kerja-kerja yang dilakukan oleh mereka dipuji kerana dikatakan menggunakan kekuatan, keberanian dan kepintaran untuk melakukannya.⁴⁴

Wanita Melayu tradisional dianggap sebagai golongan yang lemah, pasif dan hanya menerima apa sahaja yang telah ditetapkan oleh kaum lelaki. Sebagai contoh dalam peristiwa Sultan Iskandar Zulkarnain (yang memerintah negeri Perak) berangkat ke Sayong dan ke Padang Asam untuk memburu gajah. Semasa di sana, beliau telah diberitahu tentang peristiwa perebutan seorang janda di Sayong, antara pembesar Sayong iaitu Sri Maharaja Lela dan seorang orang kebanyakan bernama Abdullah. Peristiwa ini digambarkan seperti berikut;

Diberitahu bahawa seorang janda jelita di Sayong telah menjadi rebutan antara dua orang – seorang orang kebanyakan bernama Abdullah dan seorang lagi penghulu atau pembesar Sayong bergelar Sri Maharaja Lela. Perebutan ini semakin hari semakin bertambah hangat. Akhirnya dengan tujuan sama-sama melepaskan, pihak Sri Maharaja Lela telah menyerahkan si janda jelita ini kepada Sultan sebagai hamba.⁴⁵

Daripada peristiwa berkenaan, jelas menunjukkan bahawa wanita Melayu khususnya dalam kebanyakan teks-teks sastera tradisional seolah-olah telah 'dibisukan'

⁴³ Azizah Kassim, *Wanita dan Masyarakat*, hlm. 4.

⁴⁴ *Ibid.*, hlm.5.

⁴⁵ Raja Chulan, *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1991. *Misa Melayu* dicetak kali pertama pada tahun 1919 oleh Methodist Publishing House, Singapura. Manakala edisi baru yang diterbitkan oleh Pustaka Antara ialah pada tahun 1962 (edisi pertama) sehingga ke edisi ke-6 pada tahun 1991.

oleh pengarang. Setiap keputusan yang melibatkan kaum perempuan telah ditentukan oleh pihak lelaki tanpa mendapat pandangan atau persetujuan daripada pihak perempuan. Tindakannya yang membisu dan tidak membantah menggambarkan bahawa dia seakan-akan merestui atau menyetujui keputusan berkenaan. Selain pasif dan menyetujui, wanita Melayu dalam persejaraan Melayu juga digambarkan sebagai ‘wanita yang pasif dan senang dikuasai’, serta rela diperlakukan sewenang-wenangnya oleh pihak lelaki. Tindakannya yang dianggap ‘mabuk cinta’ ini telah memberi ruang kepada lelaki yang dicintainya untuk di manipulasi dan ditindas sesuka hati.

Situasi ini juga digambarkan dalam *Sejarah Melayu* melalui watak Tun Teja Ratna Benggala, puteri Bendahara Indrapura (Pahang). Tun Teja sebenarnya telah ditunangkan dengan Sultan Abdul Jamal dan hanya menunggu masa untuk dikahwinkan. Berita kecantikan Tun Teja telah sampai ke pengetahuan Raja Melaka pada masa itu iaitu Sultan Mahmud Syah dan baginda terus mengutuskan Hang Nadim (Dalam *Sejarah Melayu*) dan Hang Tuah (dalam *Hikayat Hang Tuah*) untuk menjalankan tugas yang sama iaitu membawa Tun Teja ke Melaka untuk diperisterikannya. Sebagai contoh dalam *Sejarah Melayu*, Tun Teja telah tertarik dengan kehandalan dan kebijaksanaan Hang Nadim dan tanpa disedarinya beliau telah jatuh cinta kepada Hang Nadim. Walaupun beliau sebenarnya telah dikenakan ubat guna-guna oleh si pelulut tua, tetapi tindakannya yang sanggup lari ke Melaka bersama Hang Nadim telah dimurkai oleh ayahandanya. Justeru itu, watak Tun Teja adalah watak wanita Melayu tradisional senang dimanipulasi oleh ‘kesucian cinta’ dan sanggup berbuat apa sahaja demi lelaki yang dikasihinya. Beliau juga sanggup mengikuti Hang Nadim ke Melaka tanpa mengetahui nasibnya yang akan diperisterikan oleh Sultan Mahmud Syah.

Manipulasi wanita juga berlaku dalam urusan perdagangan dan perebutan untuk mendapatkan hak perdagangan. Pada abad ke-15 dan ke-16, Kesultanan Melayu Melaka merupakan pusat perdagangan antarabangsa dan dianggap paling sibuk di dunia pada

masa tersebut. Kepadatan perdagangan ini telah menyebabkan berlakunya amalan rasuah untuk mendapatkan hak perniagaan. Dalam situasi ini, wanita muncul sebagai alat untuk merasuah pembesar selain daripada hadiah-hadiah lain.⁴⁶ Sudah menjadi kebiasaan dan kesukaan kepada Raja-Raja Melaka yang gemar beristeri lebih daripada seorang dan memiliki ramai gundik yang tinggal sebungung di istana. Antara sultan yang mempunyai ramai isteri ialah Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Mahmud Syah.⁴⁷

Selain sering dimanipulasi, wanita Melayu golongan bangsawan juga digambarkan sebagai watak penting dalam sistem politik kerajaan Melayu. Antara watak penting yang berpengaruh dan memainkan peranan yang penting dalam politik kerajaan Melayu ialah Raden Ratna Cendera Puri, Tun Teja, Tun Kudu, Tun Fatimah dan lain-lain lagi.⁴⁸ Sebagai contoh dalam *Sejarah Melayu*, wanita Melayu golongan bangsawan memainkan peranan yang amat penting dalam penentuan struktur sosial dan hak di antara golongan raja dan rakyat. Di bahagian awal teks diceritakan bagaimana Raden Ratna Cendera Puri yang namanya dikaitkan dengan waadat yang akhirnya mewujudkan garis pemisah antara raja dengan rakyat. Meskipun waadat itu sendiri diragui kebenarannya dan dikatakan direka oleh pengarang namun pembabitan wanita dilihat mempunyai maksud yang tersirat dan bermakna.

Waadat ini juga dilihat sebagai permulaan kepada wujudnya konsep “daulat” dan “derhaka” yang akhirnya menjadi inti pati terpenting dalam teks *Sejarah Melayu*. Perjanjian ini bermula apabila anak Demang Lebar Daun hendak memperisterikan puteri Seri Teri Buana. Oleh sebab bimbang akan nasib anaknya yang mungkin akan diabaikan, maka Seri Teri Buana berwaadat;

⁴⁶ Armando Costesao. *The Suma Oriental of Tome Pires*, hlm.268.

⁴⁷ Ibid., hlm. 249.

⁴⁸ Watak-watak seperti Raden Ratna Cendera Puri, Tun Kudu, Tun Teja, Tun Fatimah adalah merupakan watak golongan wanita kerabat diraja dan bangsawan yang memainkan peranan penting dalam penceritaan Sejarah Melayu. sebagai contoh Raden Ratna Cendera Puri yang namanya dikaitkan dengan waadat yang akhirnya mewujudkan garis pemisah antara raja dengan rakyat. Waadat ini juga dilihat sebagai permulaan kepada wujudnya konsep “daulat” dan “derhaka”. Lihat A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu Edisi Pelajar*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka , 2003, hlm. 25.

...jikalau anak patik telah terambil ke bawah duli, jikalau ia kena penyakit seperti patik-patik yang lain, telah maklum ia bawah duli tuanku, jikalau ada ampun kurnia duli Yang Maha Mulia, janganlah tuanku keluarkan dari bawah istana tuanku. Biarlah ia menjadi gembala dapur Yang Maha Mulia.....⁴⁹

Wanita Melayu golongan istana dalam *Sejarah Melayu* juga merupakan golongan yang memainkan peranan penting di sebalik setiap tindakan dan keputusan yang dibuat oleh sultan. Nama-nama yang menonjol seperti Tun Kudu, Bonda Sultan Mahmud dan Tun Fatimah. Kedua-dua watak ini muncul sebagai penyelesaian kekusutan apabila berlaku sebarang kekalutan dalam pemerintahan Sultan Mahmud dan anaknya Sultan Ahmad. Mereka dilihat sangat berpengaruh, pintar serta menggunakan peluang yang ada seterusnya telah mempengaruhi pola perantaraan pembesar dan juga sistem birokrasi Kesultanan Melayu Melaka.⁵⁰ Mereka ini diberi jolokan “belakang tabir” oleh pengkaji seperti Cheah Boon Kheng.

Peranan dan kebijaksanaan Tun Kudu diperlihatkan melalui usaha beliau untuk mendamaikan dua puak yang bermusuhan di Melaka iaitu India-Muslim dan orang Melayu. Pergolakan ini disebabkan oleh perebutan jawatan Bendahara Melaka di antara Seri Nara Diraja Tun Ali dengan Paduka Raja Tun Perak. Seri Nara Diraja Tun Ali telah dilantik sebagai Bendahara Melaka setelah kemangkatan Bendahara Seri Wak Raja (bapa Tun Perak) tetapi tidak disukai oleh puak Melayu yang mahukan Tun Perak sebagai Bendahara yang baru. Akhirnya Sultan Muzaffar Syah berjaya memujuk Seri Nara Diraja menyerahkan jawatan tersebut dengan menawarkan isterinya sebagai ganti. Tawaran itu telah diterima oleh Tun Ali. Dari satu sudut, peristiwa ini memperlihatkan bahawa wanita Melayu khususnya kerabat diraja sangat mentaati perintah suami dan sanggup menyetepikan naluri kewanitaannya, sanggup turun pangkat, semata-mata untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh suami dan sultan. Namun, dari sudut

⁴⁹ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu Edisi Pelajar*, hlm.25.

⁵⁰ Ibid.

yang lain, ia memperlihatkan bahawa golongan wanita terpaksa akur dan menerima keputusan yang telah dibuat oleh pihak lelaki

Watak wanita bangsawan yang turut mempunyai peranan besar dalam *Sejarah Melayu* ialah Tun Fatimah. Tun Fatimah yang terpaksa berkahwin dengan Sultan Mahmud yang juga telah membunuh semua keluarganya termasuk suaminya telah memprotes tindakan sultan. Protes pertama yang dilakukan ialah enggan bermesra dengan Sultan Mahmud sehingga menimbulkan rasa bersalah dan insaf Sultan Mahmud kerana telah membunuh keluarga Tun Fatimah. Oleh kerana rasa bersalah yang amat sangat, Sultan Mahmud rela menuruni takhta dan melantik Raja Ahmad sebagai pengganti dengan gelaran Sultan Ahmad Syah.⁵¹

Maka Sultan Mahmud terlalu menyesal diri baginda, oleh membunuh Bendahara Seri Maharaja itu, Hatta maka Sultan Mahmud pun membuang kerajaan baginda. Raja Ahmad lah dirajakan baginda, bergelar Sultan Ahmad Syah.⁵²

Protes yang kedua ialah dengan menggugurkan kandungannya setiap kali beliau mengandung. Protes ini dibuat kerana rasa marah dan dendam Tun Fatimah kepada Sultan Mahmud masih belum reda. Sehingga Sultan Mahmud terpaksa akur dengan permintaan Tun Fatimah untuk melantik anak lelaki yang bakal dilahirkan nanti menjadi Sultan Melaka. Walau bagaimanapun kesemua anak yang dilahirkan selepas persetujuan tersebut adalah anak perempuan.

Mengapa titah Sultan Mahmud Syah kepada Tun Fatimah, mengapatah maka tuan hamil dibuangkan? Tiada sukakah tuan beranak dengan beta Maka sahut Tun Fatimah, Apatah kerja raja beranak dengan beta lagi, kerana anak raja yang kerajaan sudah ada, Maka titah Sultan Mahmud, Jikalau tuan hamil sekali lagi, jangan dibuangkan; jikalau ia lelaki ialah kita rajakan.⁵³

⁵¹ Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu Edisi Pelajar*, hlm. 264.

⁵² Ibid.

⁵³ Ibid., hlm.265-266.

Tindakan Tun Fatimah ini menggambarkan pengaruhnya yang kuat terutama melibatkan soal politik yang melibatkan perlantikan Sultan. Walaupun anaknya tidak berjaya menjadi Sultan Melaka tetapi anak lelakinya yang lahir semasa beliau berpindah ke Kopak merupakan pengasas kepada empayar Johor-Riau dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah II (1529-1564). Selain watak wanita bangsawan di atas, ada beberapa lagi wanita Melayu bangsawan dan diraja yang memainkan peranan penting dalam menentukan struktur politik dalam Kesultanan Melayu Melaka. Antara tokoh lain ialah Raja Tua yang telah cuba membunuh cucunya bagi membolehkan cucu kesayangannya menjadi pengganti Sultan Melaka.⁵⁴

Tokoh kedua ialah anak Raja Rekan yang memainkan peranan ‘di belakang tabir’ dan telah berjaya mempengaruhi suaminya, Sultan Muhammad Syah untuk melantik Raja Ibrahim sebagai raja.⁵⁵ Walau bagaimanapun, campur tangan ini telah menyebabkan perebutan takhta dalam kalangan kerabat diraja. Keadaan ini menunjukkan wanita Melayu kerabat diraja dan golongan bangsawan merupakan golongan yang berperanan penting dalam politik Kesultanan Melayu Melaka. Walaupun mereka berperanan ‘di belakang tabir’, namun ia memberikan corak baru dalam struktur birokrasi Kesultanan Melayu Melaka.

Selain penonjolan watak wanita Melayu kerabat diraja dan bangsawan karya-karya Melayu tradisional ini juga turut memuatkan watak-watak wanita golongan bawahan dan hamba. Walaupun watak mereka hanya diwujudkan bagi melengkapkan plot cerita mengenai raja-raja Melayu dan wanita golongan bangsawan tetapi penonjolan watak mereka telah sedikit sebanyak memberi gambaran mengenai sifat semula jadi, peranan dan kedudukan mereka. Status dan kedudukan wanita Melayu golongan bawahan adalah jauh lebih rendah berbanding dengan wanita Melayu

⁵⁴ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu Edisi Pelajar*, hlm. 188.

⁵⁵ Ibid.

golongan diraja dan bangsawan. Perbezaan ini berkaitan dengan faktor kekerabatan, keturunan, kedudukan politik dan juga status ekonomi keluarga. Apa yang jelas, wanita Melayu golongan bawahan mempunyai kuasa yang terhad dan statusnya pula amat bergantung pada kedudukan keluarganya dalam masyarakat.⁵⁶

Dalam *Sejarah Melayu* juga watak-watak wanita golongan bawahan dimuatkan sekadar untuk melengkapkan penulisan mengenai wanita golongan diraja dan bangsawan. Watak wanita golongan bawahan boleh dilihat melalui watak si pelulut tua⁵⁷ dalam kisah Hang Nadim melarikan Tun Teja dengan bantuan si pelulut tua (wanita Melayu golongan bawahan tanpa nama). Tanpa bantuan si pelulut tua, Hang Nadim tidak akan dapat melarikan Tun Teja kerana pada masa tersebut Tun Teja adalah tunangan Sultan Abdul Jamal (1560-1590). Si pelulut tua itulah yang telah mengenakan ubat guna-guna yang diberikan Hang Nadim untuk disapu kepada Tun Teja. Kesan daripada ubat tersebut, Tun Teja menjadi tidak keruan dan sanggup lari bersama-sama Hang Nadim ke Melaka.

Selain itu, watak-watak wanita Melayu golongan bawahan juga hanya ditonjolkan dalam bab-bab akhir *Sejarah Melayu*. Walau bagaimanapun, penonjolan watak-watak wanita golongan bawahan ini hanya dibuat secara sepintas lalu (sekadar menyebut tiga orang). Watak-watak wanita golongan bawahan dikesan dalam bab terakhir *Sejarah Melayu* iaitu semasa Sultan Mahmud dengan Bendahara Seri Nara Diraja dan pengikutnya melarikan diri dari Melaka. Baginda bersama-sama pengikutnya melarikan diri setelah gagal mempertahankan Melaka daripada serangan Portugis. Dalam perjalanan ke Muar, baginda berhenti di suatu tempat untuk mendapatkan makanan. Oleh sebab Sultan Mahmud kelaparan, maka baginda telah meminta

⁵⁶ Sandy, A. *Forwards a Theory of the Status Women*. New York: George Allen & Unurin, 1974, hlm.3-7

⁵⁷ Satu pekerjaan yang dibuat oleh perempuan-perempuan tua di kampung-kampung untuk membersihkan kulit anak-anak gadis terutama sebelum hari perkahwinan. Walau bagaimanapun, di istana, tukang pelulut akan sentiasa membuat pekerjaan berkenaan untuk permaisuri dan anak-anak perempuan raja.

Bendahara mendapatkan nasi. Akibat terdesak, bendahara telah mencuri nasi kepunyaan tiga wanita yang sedang bertanak nasi pada masa tersebut.

Maka pergilah ia mengintai; maka dilihat Seri Wak Raja, perempuan tiga orang menghadapi satu periuk tembaga, ada muat dua cupak, baharu dibangkitnya, dibubuh diletakkannya; lagi ia membakar ikan, seorang mengambil daun palas. Setelah dilihat oleh Seri Wak Raja, maka ia berkemas, lalu diterkamnya periuk dan ikan itu, dilarikannya.⁵⁸

Dari segi sosial pula, masyarakat Melayu tradisional amat membataskan pergaulan lelaki dan perempuan. Anak-anak gadis Melayu ditegah sama sekali memandang, mendekati malahan bergaul dengan lelaki lain selain daripada saudaranya. Larangan ini bagi memastikan kesucian gadis-gadis Melayu terpelihara serta 'suci' bersesuaian dengan tuntutan agama Islam dan adat masyarakat pada masa tersebut. Situasi ini juga digambarkan oleh Frank Swetteham seperti berikut;

Gadis-gadis yang belum berkahwin diajar supaya menjauhi semua orang lelaki melainkan yang bersaudara dengannya. Sebelum berkahwin, adalah dianggap tidak manis bagi seorang anak dara mengangkat matanya atau menunjukkan minat kepada hal-hal sekelilingnya bila ada lelaki. Ini membuatnya berpura-pura malu dan walau bagaimana sekalipun hal ini disorok kelihatan juga kepada orang.⁵⁹

Selain daripada faktor agama, faktor adat dan budaya juga turut membataskan pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Larangan ini adalah bertujuan untuk memastikan anak-anak gadis terhindar daripada perkara-perkara fitnah dan maksiat. Kedua-dua kelompok wanita sama ada golongan kerabat diraja dan bangsawan dan golongan bawahan adalah terikat kepada batasan pergaulan yang ketat. Mereka yang melanggarnya akan dikenakan hukuman mengikut syariat Islam dan dipandang hina oleh masyarakat Melayu.

⁵⁸ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu Edisi Pelajar*, hlm.282.

⁵⁹ Frank Swettenham, *Malay Sketches*, hlm.6-7

Secara kesimpulannya, wanita Melayu khususnya sebelum abad ke-19, boleh dibahagikan kepada dua kelompok iaitu wanita kerabat diraja dan bangsawan dan satu kelompok lagi adalah wanita golongan bawahan. Penelitian mengenai sifat semula jadi, kedudukan, peranan dan hak wanita dalam masyarakat Melayu adalah penting kerana faktor-faktor ini mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan tahap pendidikan yang diberikan oleh orang Melayu kepada wanita. Selain itu, kerajaan British juga sering menggunakan alasan berkenaan untuk tidak memberi perhatian kepada pendidikan wanita.

Pendidikan Tradisional

Dari aspek pendidikan, orang Melayu sebenarnya sudahpun mempunyai sistem pendidikan tersendiri yang telah diamalkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka.⁶⁰ Walau bagaimanapun, perkembangan pendidikan pada zaman silam ini tidak banyak diketahui kerana kekurangan catatan dan sumber yang khusus mengenainya.⁶¹ Namun demikian, adalah tidak wajar jikalau kita katakan bahawa zaman silam sunyi daripada pendidikan hanya kerana bersandarkan pernyataan awal tadi. Sistem pendidikan zaman silam sememangnya wujud tetapi dalam bentuk dan sistem yang berbeza dengan sistem pendidikan moden.⁶²

⁶⁰ Sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu, orang Melayu sebenarnya telah mempunyai sistem pendidikan tersendiri. Walau bagaimanapun sistem pendidikan ini lebih berbentuk sistem pendidikan tidak formal dan juga sistem pendidikan yang bercorak agama. Dalam sistem pendidikan yang bercorak agama, institusi seperti surau, madrasah selain rumah guru telah menjadi pusat pengajaran dan pembelajaran kepada anak-anak Melayu lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun tidak banyak penulisan yang dapat membincangkan mengenai sistem pendidikan yang bercorak agama kerana pada peringkat awal pelajaran agama diberikan oleh ibu bapa di rumah. Lihat Awang Had Salleh (ed.), *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1980, hlm. 2.

⁶¹ Lihat *Selangor Administration Report 1906* dalam CO 439/3, laporan berkenaan menyatakan tidak ada rekod dan laporan yang khusus mengenai kurikulum sekolah Melayu sebelum kedatangan British.

⁶² *Report of the Committee on Malay Education, Federation of Malaya*, menyatakan bahawa pendidikan sebelum kedatangan British sudah ada iaitu lebih kepada pendidikan agama atau Sekolah Al-Quran. “Prior to this, the education available in most part of Malaya had been such as was provided by Koran School.”

Sistem pendidikan di Tanah Melayu sebelum tahun 1957 boleh dibahagikan kepada dua peringkat yang utama, iaitu sistem pendidikan sebelum kedatangan British (1400-1786) dan sistem pendidikan semasa penjajahan British (1786-1956).⁶³ Pada asasnya pendidikan di Tanah Melayu boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu pendidikan tidak formal dan pendidikan formal.⁶⁴ Menurut John MacDonald dalam bukunya *A Philosophy of Education*, menyatakan pengertian pendidikan bagi masyarakat tradisional ialah pemindahan pengetahuan dan kemahiran asas daripada ibu bapa kepada anak-anak. Ibu atau bapa akan memberi tunjuk ajar secara tidak langsung dalam bentuk pengetahuan vokasional, adat resam dan kepercayaan. Manakala pendidikan moden pula adalah pendidikan yang berlaku secara langsung dan melibatkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran tertentu. Guru yang berkenaan merupakan guru yang mempunyai ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam bidang yang diajarnya.⁶⁵

Dalam masyarakat Melayu, objektif pendidikan tradisional adalah bertujuan untuk pemindahan pengetahuan dan kemahiran (skill) seperti pertanian, perdagangan, seni mempertahankan diri di samping sistem kepercayaan yang bersifat keagamaan.⁶⁶ Pada akhirnya nanti, seseorang yang telah melalui proses pendidikan ini akan mampu bekerja menyara keluarga, menjadi ahli komuniti masyarakat yang baik serta mempunyai tingkah laku yang bersesuaian dengan norma-norma masyarakat. Ibu bapa dan masyarakat sekeliling juga mengharapkan agar seseorang yang terdidik melalui

⁶³ Mok Soon Sang, *Pendidikan Di Malaysia (Edisi ke-7)*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd, 2000, hlm. 1.

⁶⁴ *Selangor Government Gazette for the year 1900* dalam *Selangor Administration Report for the year 1899* dalam CO 469/10. Menyatakan bahawa kebanyakan penulis yang mengkaji mengenai pendidikan di Tanah Melayu banyak menggunakan istilah pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Penggunaan dua istilah tadi adalah bagi memudahkan perbincangan ataupun pembahagian dalam pelaksanaan pendidikan zaman British di Tanah Melayu. Lihat juga Mohd. Ali Kamaruddin, *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM*, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 1. Pendidikan formal adalah sistem pelajaran Melayu Moden dalam erti kata adanya bangunan khas yang dikenali sebagai sekolah yang didirikan untuk mengajar mata pelajaran sekular secara formal dan tidak lagi seperti pendidikan Melayu Tradisional yang hanya memberi pelajaran bercorak keagamaan sahaja, sama ada di Masjid atau pondok.

⁶⁵ John MacDonald, *A Philosophy of Education*, Glenview III: Scoot & Foresman, 1965, hlm. 1-3.

⁶⁶ Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka, 1900-1922*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991, hlm. 2.

proses pendidikan ini akan ‘menjadi orang’⁶⁷ dan mampu mengadaptasi segala kehendak masyarakat sekeliling dengan baik.⁶⁸

Secara umumnya, kaedah pendidikan tradisional boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Pada peringkat permulaan biasanya kanak-kanak yang melakukan kesalahan akan dimarahi, ditegur, didenda dan diminta berjanji supaya tidak melakukan kesalahan yang sama. Bagi tujuan pengukuhan, biasanya kanak-kanak ini akan didenda seperti dipukul atau dirotan dengan tujuan agar mereka tidak lagi melakukannya. Pada peringkat kedua pula ialah peringkat apabila kanak-kanak mula meningkat remaja atau dewasa. Pendekatan berbeza akan digunakan bersesuaian dengan tahap kematangan dan emosi mereka pada ketika itu. Pendidikan pada peringkat ini lebih kepada secara pujukan atau diplomasi, di mana ibu bapa akan menasihati anak-anak dengan cara yang lembut, memujuk dan memberi sokongan kepada mereka untuk berkelakuan baik.⁶⁹ Ibu bapa juga akan memerhati segala tindak tanduk dan perlakuan anak-anak mereka dan memastikan segala perlakuan anak-anak bersesuaian dengan kehendak ibu bapa, keluarga dan masyarakat.

Oleh yang demikian, kanak-kanak diajar bagaimana untuk berkelakuan baik, menghormati ibu bapa, berbudi bahasa, bersopan santun dan bagaimana bertindak dalam lingkungan pengaruh adat dan tatasusila budaya yang telah ditetapkan oleh masyarakat.⁷⁰ Proses pendidikan ini berlaku secara sosialisasi dan dilalui oleh semua kanak-kanak lelaki dan perempuan. Kebiasaannya proses pembelajaran akan berlaku secara tidak langsung iaitu melalui pemerhatian dan pengalaman dan sesetengahnya melalui tunjuk ajar oleh ibu atau bapa. Kebiasaannya ilmu yang diajar adalah dalam

⁶⁷ Tindakan anak-anak mencerminkan kedudukan dan sikap ibu bapa mereka. Oleh yang demikian, ibu bapa memandang berat terhadap segala tindakan anak-anak agar tidak memberi kesan kepada kedudukan dan maruah mereka. Ringkasnya, kegagalan anak-anak mematuhi adat, budaya dan tatasusila Melayu juga menggambarkan kegagalan ibu bapa. Lihat Wan Abdul Kadir, *Pengenalan Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kota Baharu dan Petaling Jaya, 1993, hlm. 23-24.

⁶⁸ Mok Soon Sang, *Pendidikan Di Malaysia*, hlm. 1-3.

⁶⁹ Abu Zahari Bin Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia: Zaman Sebelum Merdeka Hingga Zaman sesudah Merdeka*, hlm.6

⁷⁰ *The New Encyclopaedia Britannica*, Vol. 18, edisi ke-15, hlm.1.

bentuk pengetahuan dan kemahiran asas yang membolehkan seseorang meneruskan ‘kelangsungan kehidupan’ (legacy) yang ditinggalkan oleh ibu atau bapa mereka.⁷¹

Bagi anak-anak perempuan, pendidikan yang diberikan adalah berbeza berbanding anak-anak lelaki. Pendidikan yang diberikan kepada anak-anak perempuan adalah bertujuan untuk mempersiapkan mereka untuk menjadi isteri, menguruskan anak, membantu suami di sawah, memasak, menjahit, menganyam dan mentaati suami. Dalam masyarakat Melayu tradisional, semua anak perempuan wajib mempelajari dan mengetahui semua urusan yang berkaitan dengan rumah tangga.⁷² Wan Abdul Kadir dalam kajian mengenai budaya orang Melayu menyatakan bahawa;

Bagi anak-anak perempuan pula dididik dengan kemahiran memasak, menjaga adik-adik dan rumah tangga. Anak-anak perempuan yang tidak tahu mengurus rumah tangga sangat dipandang rendah oleh masyarakat. Ibu bapa amat mengambil berat tentang kebolehan anak-anak perempuan dalam melakukan urusan rumah tangga. Mereka bimbang nanti anak-anak perempuan dipandang rendah dan tidak ada orang yang datang meminangnya.⁷³

Menurut Frank Swettenham, pendidikan awal yang diberikan kepada anak-anak perempuan Melayu adalah kemahiran asas untuk menguruskan rumah tangga di samping kemahiran membaca dan menulis. Pada usia berkenaan mereka mula diberi perhatian khusus oleh ibu bapa terutama dari segi berpakaian dan juga kebersihan. Mereka juga dilarang keluar daripada rumah sesuka hati, dan juga dilarang bergaul dengan mana-mana lelaki yang tidak dikenalnya.

⁷¹ Yaacob Harun, *Keluarga Melayu: Bentuk, Organisasi dan Fungsi*, dalam Mohd Taib Osman, *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 21.

⁷² Lihat Frank Swettenham, *British Malaya, An Account of the origin and progress of British influence in Malaya*, London: John Line The Bodly Head, 1929, hlm. 151. Menurut Frank Swettenham, kanak-kanak perempuan Melayu perlu memperlengkapkan diri untuk menjadi isteri pada suatu hari nanti. *She is mostly in the house, helps her mother to carry water from the river, morning and evening, when all Malays bathe, and assists in the cooking, or another household work.*

⁷³ Wan Abdul Kadir, *Pengenalan Masyarakat dan Budaya Melayu*, hlm. 25.

Budak perempuan Melayu biasanya tidak secomel budak lelaki dan kurang diberi perhatian. Biasanya budak perempuan dibiarkan berlari ke sana sini sehinggalah sampai masa ia patut dipakaikan baju, yakni pada umurnya lebih kurang 5 tahun. Dari masa itu, dia diajar membuat kerja-kerja rumah dan kerja-kerja dapur, menjahit, membaca, menulis, mungkin juga bekerja di sawah pada, tetapi walau apa pun, dia tidak boleh bergaul dengan orang-orang lelaki yang tidak dikenalnya.⁷⁴

Kenyataan Frank Swettenhem adalah selari dengan tulisan R.O.Winstedt mengenai pendidikan tradisional untuk anak-anak perempuan Melayu. Winstedt menyatakan kanak-kanak perempuan yang tidak ke sekolah akan berada di rumah. Kebiasaannya mereka diajar oleh ibunya sendiri mengenai cara-cara menyediakan keperluan asas rumah tangga seperti memasak, membuat tikar, menjahit baju dan juga membantu kaum lelaki mengerjakan sawah padi.

Bagi anak perempuan di serahkan menganyam dan menjahit. Dapat tikar sehelai bantal sebuah. Sukalah emak dengan banyaknya. Bagi si lelaki diserahkan mengaji, dapat ayat sepatah dua. Tangkal judi sabung. Kemudian anak si lelaki, sampai ukur dengan jangkanya. Kalau ke laut belajar cincang dayung. Kalau darat belajar cincang pedang.⁷⁵

Di samping itu, anak-anak perempuan juga diajar bagaimana untuk menjaga kehormatan diri dan mengelakkan diri daripada terjebak kepada perkara-perkara maksiat atau yang bertentangan dengan agama Islam. Oleh itu, mereka ditegah bergaul dengan lelaki yang bukan muhrimnya (keluarga terdekat), ditegah bercakap dengan sembarangan orang, ditegah keluar rumah secara berseorangan tanpa ditemani, ditegah bertentangan mata dengan lelaki yang tidak dikenali, ditegah mempelawa mana-mana lelaki ke rumah sekiranya tiada ibu bapa di rumah dan sebagainya. Tegahan ini

⁷⁴ Frank Swettenham, *Perihal Melayu*, (terjemahan Zubaidah Ibrahim), hlm. 5.

⁷⁵ Lihat Mohamed Din bin Ali, *Malay Customary Law and the Family dalam David C. Buxbaum (ed.), Family Law and Customary Law in Asia: A contemporary legal perspective*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1968, hlm. 183. Lihat juga Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan, Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972*, (terjemahan Samsudin Jaafar), Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, 1981, hlm. 25.

bukanlah bermaksud untuk mengongkong atau menyekat kebebasan kaum wanita Melayu tetapi lebih kepada menjaga keselamatan, maruah dan juga kesucian mereka.⁷⁶

Gadis-gadis yang belum berkahwin diajar supaya menjauhi semua orang lelaki melainkan yang bersaudara dengannya. Sebelum berkahwin, adalah dianggap tidak manis bagi seorang anak dara mengangkat matanya atau menunjukkan minat kepada hal-hal sekelilingnya bila ada lelaki.⁷⁷

Walau bagaimanapun, terdapat juga anak-anak perempuan Melayu tradisional yang mempelajari ilmu tari-menari atau lebih dikenali sebagai tarian joget.⁷⁸ Selain tarian joget mereka juga turut mempelajari persembahan lain seperti makyung dan menora yang merupakan salah satu hiburan dalam masyarakat Melayu tradisional. Kemahiran ini diperoleh melalui proses pendidikan dan kebiasaannya diajar oleh guru-guru yang mahir dalam bidang berkenaan. Persembahan joget, makyung dan menora merupakan persembahan diraja dan kebiasaannya diadakan di istana-istana raja (balairung) dan juga kediaman golongan bangsawan. Sebagai contoh dalam *Hikayat Pahang*, diceritakan terdapat empat orang gadis Melayu yang mempelajari tarian joget daripada Encik Puan Bongsu. Mereka juga diceritakan sering diundang untuk membuat persembahan joget di istana negeri Pahang.

Maka adalah Yang Amat Mulia Encik Puan Bongsu membela joget empat orang, sangatlah cantik rupa parasnya dan pasangan empat orang itu sebaya, tiada bezanya. Apatah lagi permainan tariknya, oleh sebab kepandaian, masuk ajaran. Encik Puan Bongsu sendiri melatihnya. Kata *sahibulhikayat* ini, dahulukala pun sukar mencarinya, apatah lagi zaman ini. Pada masa ia bermain, dikeluarkan

⁷⁶ Dalam masyarakat Melayu tradisional, seseorang gadis perlu menjaga kesucian dan kehormatan diri. Untuk mengelakkan berlakunya perkara yang boleh mengundang maksiat, maka anak-anak gadis dilarang daripada mempunyai hubungan dengan mana-mana lelaki yang bukan muhrimnya. Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed, *Islam Feminisme Barat dan Sastera Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013, hlm. 38.

⁷⁷ Frank Swettenham, *Malay Sketches*, hlm. 5.

⁷⁸ Kalthum Jeran, *Hikayat Pahang*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1997, hlm.35. Dalam salah sebuah negeri Melayu iaitu Pahang, telah menjadi adat raja-rajanya dan satu atau dua kerabatnya menyimpan anak-anak gadis yang dilatih untuk menari. Persembahan itu di panggil “Joget”- iaitu sebuah tarian yang disertakan dengan persembahan muzik, tetapi alat-alat orkestranya agak kasar.

di balairung seri, sekalian mereka (habis) semuanya gila melihat tari dan parasnya...⁷⁹

Selain daripada tari-menari, wanita Melayu tradisional juga mempelajari ilmu tenunan dan sulaman. Kemahiran menenun dan menyulam kain ini dipelajari secara warisan iaitu dari nenek kepada emak dan seterusnya kepada anak-anak perempuan. Corak dan motif tenunan adalah berbeza mengikut budaya dan adat negeri masing-masing. Selain itu, corak dan motif tenunan serta sulaman ini juga dipengaruhi oleh agama Islam, budaya India dan budaya Cina. Keadaan ini berlaku kerana pengaruh Islam, China dan India telah meresap dalam masyarakat Melayu seawal abad ke-14 lagi.⁸⁰ Negeri yang banyak menghasilkan kain tenun, kain songket dan kain sarung ialah negeri Perak, Terengganu, Selangor, Pahang dan juga Kelantan. Walau bagaimanapun, corak kain tenunan dan sulaman yang paling cantik adalah dari negeri Terengganu dan Kelantan.⁸¹

In some of the Malay States a great deal of wearing-often very beautiful-is done, the almost every house has a loom, and the main occupation of the women of all classes is the making silk of cotton fabrics. In Perak they pride themselves on their skill in mat-making and embroidery, and not without reason. Selangor was one famous of its sarongs of cloth of gold,... in Pahang the women make excellent mats, of various colours, and very good silk cloth...⁸²

Selain mempelajari kemahiran tenunan, anak-anak perempuan Melayu juga diajar serba sedikit mengenai kaedah perubatan tradisional, kaedah penjagaan semasa kehamilan, menyambut kelahiran (perbidanan),⁸³ kaedah berpantang, kaedah

⁷⁹ Kalthum Jeran, *Hikayat Pahang*, hlm. 66.

⁸⁰ John Crawfurd, *A Descriptive of Indian Islands & Adjacent Countries*, London: Bradbury & Evans, 1856, hlm. 151.

⁸¹ Lihat Frank Swettenhem, *British Malaya, An Account of the origin and progress of British influence in Malaya*, London: John Line The Bodly Head, 1929, hlm. 152. Frank Swettenhem menyatakan *...but the best and most beautiful wearing is done in Terengganu, an independent state on the east coast, and in Kelantan, its northern neighbour.*

⁸² *Ibid.*, hlm. 151.

⁸³ Lihat Makepeace, Walter, et.al, *One Hundred Years of Singapore*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 510-511. *The average Malay baby is at birth only about five or six pounds in weight. It is washed in tepid water, often containing a large nail and a nut (Buah Keras), which supposed to make the*

pemakanan, kaedah penjagaan anak dan lain-lain lagi.⁸⁴ Dalam aspek perubatan tradisional, terdapat anak-anak perempuan yang diajar secara terperinci cara-cara untuk menjadi bidan, menyambut kelahiran dan mengubati pesakit.⁸⁵ Walau bagaimanapun, kebiasaannya pekerjaan perbidanan ini diwarisi dari emak dan seterusnya kepada anak. Sebelum kemunculan perubatan moden, kaedah perbidanan tradisional ini mendapat tempat dalam masyarakat Melayu. Walaupun pengenalan sistem perbidanan moden agak menggugat sistem perbidanan tradisional, namun di kebanyakan tempat kaedah ini masih mendapat kepercayaan dan sambutan.⁸⁶

Secara kesimpulannya, wanita Melayu tradisional sebenarnya tidak sunyi daripada pendidikan. Semenjak kecil mereka telah dilatih dengan cukup baik oleh ibu dan bapa sama ada dalam kemahiran menguruskan rumah tangga, menanam padi, ilmu agama, adab bercakap dengan sopan, cara menjaga kehormatan, ilmu mempertahankan diri dan sebagainya. Pendek kata, ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diterima oleh anak-anak perempuan Melayu telah menjadikan mereka seorang anak dan isteri yang cekap, bertanggungjawab, jujur, sopan, berilmu dan pandai menjaga keselamatan dan kehormatan diri. Pakej ini merupakan pakej lengkap sebagai wanita Melayu yang sempurna menurut kaca mata masyarakat Melayu tradisional.

infant strong, and scabies. A sireh leaf, heated at the fire is applied to the abdomen, chest, and tights, and is supposed to prevent the entrance of "angin"-as chopped onions are placed on the forehead of a Javanese baby. The arms are then bound to the side by a strip of kain sarong (Kain-Lampin), and a larger pieces (Kain-Bedong) is then wrapped round it from shoulder to feet like a mummy.

⁸⁴ Ibid., *The Javanese often give bananas and milk on the day of birth, while the Malays are found of a mixture of gula lebah (honey) and minyak sapi (Suet): but they do not feed the infants at regular intervals, only when the cry.*

⁸⁵ Raja Chulan, *Misa Melayu*, hlm. 56. Dalam *Misa Melayu* diceritakan bahawa semasa Putera Sultan Iskandar iaitu Raja Sabda Rasul gering, Baginda Sultan telah menjemput ramai tabib termasuk tabib perempuan. "semua-nya pun berhimpun-lah mengadap baginda hadhir siang dan malam bertunggu berjaga-jaga akan anakanda baginda gering itu serta di-himpunkan segala tabib laki-laki perempuan akan mengubati raja itu."

⁸⁶ Lihat Azlizan Mat Enh dan Sarina Abdullah (Editor), *Kesihatan dan Kematian Ibu di Selangor Era British 1900-1940 dalam Wanita dan Masyarakat, Batu Pahat*: Penerbit UTHM, 2012, hlm.24. Menurut mereka, masyarakat Melayu di Selangor masih berpegang teguh kepada amalan dan kepercayaan tradisional yang berkaitan dengan kehamilan, kelahiran dan waktu berpantang.

Pendidikan Agama Islam

Selain pendidikan tradisional secara tidak formal, anak-anak perempuan Melayu juga diberi pendidikan agama. Secara umumnya pendidikan agama untuk anak-anak perempuan boleh dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama ialah pendidikan agama yang diberikan oleh ibu atau bapa di rumah dan kebiasaannya melibatkan soal-soal asas mengenai agama Islam.⁸⁷ Tahap pendidikan yang diberikan juga bergantung pada tahap pengetahuan agama yang dimiliki oleh ibu atau bapa. Peringkat kedua ialah pendidikan agama di rumah-rumah guru dan juga di surau-surau yang berhampiran dengan kediaman. Tahap pendidikan pada peringkat ini adalah lebih tinggi daripada yang diajar oleh ibu atau bapa dan kebiasaannya tenaga pengajar merupakan orang yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam ilmu agama. Peringkat ketiga ialah pendidikan di institusi pondok atau madrasah yang merupakan tahap tertinggi bagi pendidikan agama Islam di Tanah Melayu. Tahap pendidikan yang diberikan adalah lebih tersusun sama ada dari segi kurikulum, pentadbiran dan juga peperiksaan.

Perkembangan sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu adalah kesan daripada penyebaran agama Islam oleh pedagang-pedagang Arab yang datang ke Tanah Melayu. Kedudukan Tanah Melayu yang berada di tengah-tengah jalan perdagangan antara timur dan barat telah membawa banyak perubahan sama ada dari segi politik, ekonomi dan juga sosial kepada penduduk Tanah Melayu. Selain menjadi pusat perdagangan dan kegiatan ekonomi, Tanah Melayu juga terkenal sebagai pusat perkembangan agama Islam terutamanya pada lewat abad ke-13.⁸⁸ Perkembangan ini telah menyebabkan tempat-tempat seperti Melaka, Pasai dan Aceh menjadi pusat pembelajaran dan

⁸⁷ Lihat Transkripsi temu bual di antara Datin Halimah Hussain (dilahirkan pada tahun 1899 dan merupakan isteri kepada Dato On bin Jaafar) dengan Encik Sidik Jamil daripada Arkib Negara Malaysia, Pita Rakaman Nombor 1 pada 22 Jun 1974. '...orang perempuan semua tak keluar sekolah macam zaman ini, belajarlah mengaji Quran, mengaji sembahyang semua kat rumah, lagi kecil tu mengaji Quran sampai besar belajarlah sembahyang itu ini.'

⁸⁸ Nabir bin Haji Abdullah, *Pelajaran Orang Melayu Singapura Dari Awal hingga Tahun 1920, Kajian terhadap Dasar Pelajaran Inggeris, Pengaruh Kemasyarakatan dan Peranan Agama Ke atasnya*, jilid I, Tesis M.A, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981/1982, hlm. 274.

penyebaran Islam yang utama.⁸⁹ Pada peringkat awal, golongan pendakwah dari Arab dan India yang datang berniaga telah menyebarkan ajaran agama Islam kepada penduduk-penduduk di Tanah Melayu.⁹⁰ Proses penyebaran agama Islam ke Tanah Melayu menjadi semakin mudah apabila Raja Melaka iaitu Raja Iskandar Shah memeluk Islam.⁹¹

Menjelang abad ke-17, orang Arab yang datang secara berasingan ke Nusantara⁹² sangat berpengaruh di negeri-negeri di pantai timur Tanah Melayu seperti Kelantan dan Terengganu. Kemudian pada abad ke-19, lebih ramai orang-orang Arab terutamanya dari Hadramaut telah datang ke Perak dan juga Selangor di samping negeri-negeri lain di pantai timur Tanah Melayu. Pada tahun 1901, jumlah orang keturunan Arab yang berada di NNS dan NNMB adalah seramai 2000 orang, manakala di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu terdapat seramai 1000 orang.⁹³ Perkembangan ini memperlihatkan bahawa penghijrahan orang-orang Arab dari Timur Tengah ini telah memberi kesan terhadap penyebaran dan perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu.

Pedagang-pedagang Islam membentuk koloni-koloni bagi diri mereka sendiri di persisiran Tanah Melayu dalam lingkungan perkampungan Melayu, mendirikan surau dan masjid. Di sini kepandaian membaca,

⁸⁹ Lihat W. G. Shellabear (editor), *Sejarah Melayu*, Malay Publishing House, Singapura, 1961, hlm.73, Mengikuti catatan yang dibuat oleh Tun Seri Lanang, menyebut bahawa kemasukan agama Islam ke Melaka berlaku secara terus dari Melaka iaitu dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad (Bergelar Raja Kecil Besar, 1414 – 1424).

⁹⁰ Fuziah Shaffie & Ruslam Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, 2001, hlm. 332-336.

⁹¹ Raja Melaka yang pertama memeluk agama Islam ialah Raja Iskandar Shah yang merupakan putera Parameswara. Tome Pires dalam catatannya menyebut Iskandar Shah sebagai Chaquem Darxa. Pires menyatakan pengislaman ini berlaku apabila raja Melaka yang kedua ini bernikah dengan seorang puteri raja Pasai yang beragama Islam. Selepas peristiwa berkenaan, agama Islam mula tersebar luas di Melaka. Catatan Pires ini diterima oleh kebanyakan pengkaji terutamanya pengkaji Barat. Lihat Armando Cortesao (editor), *The Suma Oriental of Tome Pires*, London: Printed for the Hakluyt Society, 1944, hlm.242-243.

⁹² Nusantara adalah gugusan kepulauan di alam Melayu yang merangkumi pulau-pulau di Filipina, wilayah-wilayah di Indonesia, Malaysia dan Tanah Besar Asia Tenggara. Peribumi Nusantara terdiri daripada orang Melayu yang merupakan rumpun besar yang di dalamnya merangkumi pelbagai etnik antaranya Jawa, Banjar, Bugis, Minangkabau, Mendeling, Kerinci, Rawa dan Patani. Lihat Ishak bin Saat, *Sejarah Sosiobudaya Melayu*, Shah Alam: Karisma Publication, 2006, hlm. 3.

⁹³ J.A. Morley, *The Arabs and the Eastern Trade*, *Journal of the Royal Asiatic Society Malayan Branch (JMBRAS)*, Vol.22, Jilid 1, 1949, hlm. 156.

menulis mula berkembang, tulisan Arab disesuaikan untuk Bahasa Melayu.⁹⁴

Proses penyebaran agama Islam dalam kalangan penduduk Tanah Melayu ini telah menyebabkan lahirnya ulama-ulama dalam kalangan orang Melayu sendiri. Mereka yang mahir mengenai ilmu agama ini menjadi iman, guru dan amat berpengaruh dalam masyarakat Melayu. Mereka menjadikan rumah dan surau sebagai tempat pembelajaran agama Islam. Pada peringkat awal, objektif pendidikan adalah untuk memberi pendidikan asas berkenaan agama Islam dan membaca al-Quran.⁹⁵ Kewujudan sistem pendidikan Islam ini dijelaskan oleh majalah *Panduan Guru* sebagaimana berikut;

Di kampung-kampung pada zaman dahulu di manakah ada sekolah dan manakah tempat pelajaran anak-anak Melayu yang boleh dipanggilkan sekolah. Bahkan pada zaman Abdullah Munsyi di negeri Melaka dahulu ada juga tempat-tempat pelajaran yang dibuka oleh orang-orang Melayu sendiri dan pelajaran di dalamnya ialah mengaji al-Quran dan sedikit-sedikit tulis menulis bahasa Melayu dan tidak pula berperaturan yang lengkap seperti yang ada sekarang ini...⁹⁶

Di rumah-rumah guru, pelajar lelaki dan pelajar perempuan akan belajar bersama-sama sementara di surau hanya ada pelajar lelaki sahaja. Keadaan ini disebabkan adanya tegahan agama yang melarang percampuran pelajar lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Walaupun pun wujud percampuran antara pelajar lelaki dan perempuan tetapi ia dihadkan agar tidak terlalu bebas dan terbuka. Kebiasaan pelajar lelaki akan diletakkan di bahagian hadapan atau di anjung rumah sementara pelajar perempuan akan ditempatkan di bahagian tengah rumah. Sistem pembelajaran di rumah-

⁹⁴ Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 220-221.

⁹⁵ Lihat Abu Zahari bin Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia: Zaman Sebelum Merdeka Hingga Ke Zaman Sesudah Merdeka*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1980, hlm. 6.

⁹⁶ 'Jalan Persekolahan,' *Panduan Guru*, Julai 1922, hlm. 30.

rumah guru dan surau-surau berkembang kerana mendapat sokongan daripada para ulama' dan gerakan golongan sufi.⁹⁷

Biasanya kanak-kanak diajar al-Quran terlebih dahulu diikuti dengan pelajaran bahasa Melayu. Keadaan ini dapat dilihat pada awal abad ke-19, apabila seorang guru Quran iaitu Lebai Abdul Razak, telah memberitahu kepada rombongan Munshi Abdullah dan Sir Stamford Raffles yang melawat tempat dia mengajar dengan menyatakan bahawa, "Orang-orang yang empunya anak ini menyuruh ajarkan Quran dahulu, maka kalau sudah ia dapat Quran, kemudian boleh belajar bahasa Melayu, begitulah adat sahaya semuanya ..."⁹⁸ Guru-guru agama mengajar tanpa mengharapkan apa-apa bayaran, namun masyarakat kampung kebiasaannya akan memberi zakat kepada guru sebagai tanda terima kasih kerana mengajar anak-anak mereka. Pelajar-pelajar juga akan memberi bantuan dan pertolongan kepada gurunya seperti membantu mengangkat air, membersihkan rumah, membantu kerja-kerja sawah milik gurunya dan sebarang kerja yang disuruh oleh guru.⁹⁹

Pelajaran diadakan setiap hari kecuali hari Jumaat dan diberikan dalam dua atau kadang-kadang tiga peringkat masa, iaitu antara pukul 7.00 hingga 9.00 pagi, pukul 2.00 hingga pukul 4.00 petang dan pukul 7.00 hingga pukul 9.00 malam. Bilangan kanak-kanak yang belajar di rumah guru ini tidaklah besar jumlahnya, hanya di antara 15 hingga 30 orang.¹⁰⁰ Oleh kerana itu, dalam sesebuah kampung terdapat lebih daripada

⁹⁷ W.F.Wertheim menyatakan "Islam gave the small man a sense of his individual worth a member of the Islamic community. According to Hindu ideology he was merely a creature of lower order than the members of the higher castes. Under Islam he could as it were, feel himself their equal or, even, in, his quality as a moslem themselves, even though he still occupied a subordinate position in the social structure". Lihat W.F.Wertheim,, *Indonesian Society in Transition*, The Hauge: W.Van Hoeve, 1956, hlm. 170. Lihat juga Syed Muhammad Naquid al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972, hlm. 20-24.

⁹⁸ Lihat Mohd. Dahlan Mansoer, Beberapa Catatan Mengenai Masuk dan Berkembang Agama Islam Di Daerah Pesisir Utara Sumatera, dalam *Jurnal Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur), Jil. XI, 1972/1973, hlm.11.

⁹⁹ Awang Had Salleh (editor), *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1980, hlm. 2.

¹⁰⁰ Kanak-kanak yang belajar mengaji di sebelah malam biasanya akan menyediakan "andang' yang diperbuat daripada daun kelapa kering sebagai lampu suluh ketika mereka pulang. Lihat Md. Jani Naim,

seorang guru mengajar al-Quran. Umur kanak-kanak yang belajar adalah antara tujuh hingga 15 tahun. Pada peringkat awal mereka belajar Mukaddam dan diajar beberapa doa penerang hati untuk belajar. Kanak-kanak biasanya berjaya menamatkan bacaan Quran dalam tempoh lima atau enam tahun dan ada di antara mereka akan mengulanginya dua atau tiga kali.¹⁰¹

Bagi memudahkan anak-anak Melayu mendapat pendidikan agama Islam, surau-surau telah dibina hampir di semua kampung.¹⁰² Pendidikan yang diberikan adalah pendidikan asas keagamaan seperti kemahiran asas membaca dan menghafal Al-Quran, Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Ibu bapa akan menghantar anak-anak mereka ke rumah guru-guru atau iman-iman yang kebanyakannya datang daripada Timur Tengah dan juga India.¹⁰³ Selain ulama-ulama luar, orang Melayu yang telah mendapat pendidikan dan yang telah menunaikan haji dianggap sebagai orang yang berkebolehan untuk menjadi guru agama. Kaedah pembelajaran pada peringkat ini lebih kepada proses mengenal huruf-huruf Arab di samping menguasai sebutannya. R.J. Wilkinson menyebut bahawa:

Murid mula belajar perkataan-perkataan Arab dan selepas sudah menguasainya, mereka akan terus mempelajari cara menghafaz huruf abjad Arab supaya menjadi panduan membaca doa dan teks Arab. Biasanya, mereka belajar tiga pelajaran sehari, setiap pelajaran mengambil masa satu jam. Pelajaran pertama biasanya dimulakan selepas sembahyang subuh; kedua, selepas sembahyang Zuhur dan satu lagi selepas senja.¹⁰⁴

Islam di Malaysia: Sekolah Agama Rakyat Di Sabak Bernam Hingga 1945, Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Sejarah Malaysia, 1975, hlm. 52-61.

¹⁰¹ Ibid.

¹⁰² Di Melaka, surau tertua yang merupakan tempat kanak-kanak Melayu belajar agama ialah di Surau Kampung Hulu (juga dipanggil Masjid Kampung Hulu). Surau ini dibina pada tahun 1720 oleh Samsuddin Arom seorang kapitan Melayu pada zaman pemerintahan Belanda. Pada tahun 1892, surau ini diperkukuhkan dengan binaan menggunakan batu bata. Selain Surau Kampung Hulu, surau-surau lain di Melaka ialah Surau Tengker (1728/ 1141 hijrah) dan Surau Tanjung Keling. Surau ini dikatakan menjadi tumpuan pedagang-pedagang Arab, India dan Nusantara. Lihat Abd. Rahim Selamat, et.al, *Melaka Negeri Maju: Perspektif Pendidikan*, Johor: Penerbit UTHM, 2010, hlm. 25-27.

¹⁰³ Harun Din & Sabri Salamon, *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*, Selangor: Sincer Press Sdn. Bhd, 1976, hlm. 19.

¹⁰⁴ R.J. Wilkinson, "Malay Customs and Belief", *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol. 30, part 4, 1957, hlm .3.

Kewujudan kelas-kelas agama di surau tidaklah menyebabkan kelas-kelas Quran di rumah-rumah guru dihentikan kerana ia tidak berlaku secara serentak di sesebuah kampung. Kelas-kelas agama di surau biasanya dilakukan pada siang hari sahaja dan pada malam hari kanak-kanak akan belajar di rumah guru. Walau bagaimanapun pengendalian kelas-kelas belajar Quran di surau-surau ini berbeza dengan kelas mengaji Quran di rumah-rumah guru. Sebagai contoh pengendalian pengajaran di Surau Kampung Sungai Besar, Kampung Baharu Sabak Bernam dan surau Pekan Sabak Bernam di Selangor lebih menekankan mengenai pembelajaran mengenai undang-undang Islam, ketuhanan, tafsir al-Quran, metafizik, bahasa Arab dan semantik.¹⁰⁵

Objektif pendidikan agama pada masa ini adalah bagi memastikan anak-anak mengetahui asas-asas berkaitan dengan agama Islam di samping diajar membaca al-Quran dan tulisan jawi. Oleh yang demikian, kanak-kanak lelaki dan perempuan seawal umur enam hingga tujuh tahun telah diajar untuk mengenal huruf-huruf al-Quran, mengeja, menulis menggunakan abjad jawi, menghafal dan membaca al-Quran.

Panduan Guru menyebut:

Di kampung-kampung pada zaman dahulu di manakah ada sekolah dan manakah tempat pelajaran anak-anak Melayu yang boleh dipanggilkan sekolah. Bahkan pada zaman Abdullah Munsyi di negeri Melaka dahulu ada juga tempat-tempat pelajaran yang dibuka oleh orang-orang Melayu sendiri dan pelajaran di dalamnya ialah mengaji al-Quran dan sedikit-sedikit tulis bahasa Melayu dan tidak pula berperaturan yang lengkap seperti yang ada sekarang ini...¹⁰⁶

Dalam *Hikayat Abdullah* yang ditulis pada awal abad ke-18 juga menyatakan bahawa nenek Abdullah Munsyi¹⁰⁷ yang bernama Peri Achi merupakan guru besar di

¹⁰⁵ Md. Jani Naim, *Islam di Malaysia : Sekolah Agama Rakyat Di Sabak Bernam Hingga 1945*, hlm.53

¹⁰⁶ 'Jalan Persekolahan', *Panduan Guru*, Julai 1922, hlm. 30.

¹⁰⁷ Beliau dilahirkan di kampung Pali, Melaka pada tahun 1795, mempunyai empat orang abang tetapi semuanya meninggal dunia ketika usia muda. Kesedaran ibu bapa beliau terhadap pendidikan menyebabkan semenjak dari kecil lagi beliau telah diberi pendidikan. Pendidikan awal yang diterima oleh beliau ialah pendidikan agama ketika berumur 7 tahun. Beliau digelar Abdullah Munsyi kerana jasa dan sumbangan beliau kepada perkembangan bahasa Melayu. Untuk keterangan lebih lanjut mengenai latar belakang keluarga dan pendidikan beliau sila lihat Abdullah bin Abdul Kadir, *The Hikayat Abdullah*

Kampung Pali, mengajar lebih kurang dua ratus orang kanak-kanak menulis dan membaca al-Quran. Maklumat ini menunjukkan sudah ada kaum wanita pada abad ke-18 yang berpendidikan dan menjadi guru kepada kanak-kanak di kampungnya.¹⁰⁸

Sa-bermula maka adalah pada zaman itu dalam negeri Melaka, bahawa nenek perempuan sebelah bapaku itulah menjadi guru besar dalam kampung Pali, ada kira-kira dua ratus anak muridnya daripada laki-laki dan perempuan mengaji Qur'an. Dan berbagai-bagai-bagai orang belajar kepadanya; ada yang menulis, ada yang belajar surat dan bahasa Melayu masing-masing dengan kehendaknya. Maka hampir-hampir habis se-Melaka itu punya kanak-kanak datang belajar kepadanya...¹⁰⁹

Secara asasnya sukatan pelajar bagi pendidikan agama pada tahap ini boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Pada peringkat permulaan kanak-kanak lelaki dan perempuan akan mempelajari al-Quran dan perkara-perkara pokok agama Islam yang wajib dilalui oleh semua pelajar. Kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berusia lima hingga 10 tahun diwajibkan mempelajari huruf-huruf Arab serta menyebutnya dengan betul. Kanak-kanak juga diwajibkan menghafal ayat-ayat al-Quran dan mengulanginya sehingga bacaannya lancar dan betul.¹¹⁰ Kanak-kanak yang gagal menghafal akan dikenakan hukuman bagi memperbetulkan tingkah laku dan menggalakkan minat murid-murid kepada al-Quran.¹¹¹ Dikatakan bahawa kanak-kanak perempuan juga akan menerima hukuman yang sama dengan kanak-kanak lelaki sekiranya gagal menghafal al-Quran.¹¹²

(Terjemahan) oleh A.H.Hill, Kuala Lumpur Singapore: Oxford University Press, London, New York, 1970, hlm. 31-64.

¹⁰⁸ Siti Aisah Murad, *Abdullah Munsyi dan Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 14.

¹⁰⁹ Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi* (Cetakan ke-6), Singapura, Jilid 1, 1949, hlm. 12-13.

¹¹⁰ Kitab belajar Al-Quran ini adalah sama yang membezakannya adalah namanya, di Jawa kitab ini dikenali sebagai *Kitab Alif Ba Ta* dan *djuz' Amma* atau *Kitab Turutan*. Ini kerana kaedah mengajarnya adalah dengan menurut kata guru. "Alif", Kata guru, "Alif", kata murid, "Ba", kata guru, "Ba" kata murid dan seterusnya. Untuk keterangan lanjut lihat Mahmud Junus, *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*, Djakarta: Penerbit Pustaka Mahmudiah, 1960, hlm. 199-200.

¹¹¹ Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyariiff Gunung Semanggol 1934-1959*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, hlm. 285.

¹¹² *Ibid.*, hlm. 288.

Pada peringkat kedua, kanak-kanak yang telah menguasai kemahiran mengenal dan menguasai sebutannya akan diajar kemahiran membaca al-Quran dengan nahu dan sebutan yang betul (berlagu).¹¹³ Selain diajar membaca dengan sebutan dan gaya yang betul, kanak-kanak lelaki dan perempuan juga diajar perkara-perkara asas dalam Islam seperti doa-doa, zikir, nasyid dan juga marhaban.¹¹⁴ Pada abad ke-18, sekolah-sekolah pondok mula diperkenalkan oleh alim ulama dari Timur Tengah antaranya seperti Sharif Muhamad, Syekh Daud bin Abdullah, Syekh Abdul Kadir dan lain-lain lagi.¹¹⁵

Sekolah-sekolah pondok¹¹⁶ pada peringkat awal berkembang di negeri-negeri pantai timur Tanah Melayu seperti Kelantan, Terengganu dan juga Kedah. Kemudiannya merebak ke negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.¹¹⁷ Sekolah pondok merupakan satu institusi pendidikan Islam yang berasrama.¹¹⁸ Pada masa tersebut, sistem pendidikan pondok adalah lebih kemas dan lebih maju berbanding sistem pendidikan agama di rumah guru dan di surau. Tenaga pengajarnya juga adalah dalam kalangan alim ulama dari Timur Tengah, India dan juga Indonesia di samping orang-orang Melayu yang mendapat pendidikan agama.¹¹⁹

Sekolah-sekolah pondok itu didirikan secara tidak langsung bilamana ada guru-guru yang berkebolehan dalam hal-hal agama, maka murid-murid dari kalangan anak orang-orang Melayu akan tertumpu ke sana

¹¹³ Dalam *Syair Siti Zubaidah Perang China* diceritakan bahawa Siti Zubaidah mempunyai kebolehan untuk mengaji Quran dengan baik dan merdu sehingga menyebabkan orang yang mendengarnya terpegun. Diceritakan bahawa, ...Sultan Zainal Abidin dapat mendengar suara orang perempuan sedang mengaji Quran dengan suaranya yang merdu. Bagaikan tidak sedarkan diri baginda terpegun mendengar kemerduan suara pengajian itu. Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, *Syair Siti Zubaidah Perang China, Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1994, hlm. 6.

¹¹⁴ Khoo Kay Kim, *Perkembangan Pelajaran Agama Islam dalam Awang Had Salleh* (editor), *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1980, hlm. 2.

¹¹⁵ Mook Soon Sang, *Pendidikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, hlm. 2-3.

¹¹⁶ Pondok merupakan institusi pendidikan yang tertua dan wujud sebelum kedatangan British lagi. Kewujudannya adalah hasil usaha masyarakat tempatan bagi memenuhi keperluan pendidikan setempat. Berbeza dengan kurikulum Sekolah Melayu dan Sekolah Rakyat yang lebih bersifat sekular dengan sedikit pendidikan agama, Sekolah Pondok berteraskan pendidikan agama sepenuhnya. Lihat juga H.R.Cheseman, *Education in Malaya, 1900-1941*, *The Malayan Historical Journal*, 2 (1), 1955, hlm. 3.

¹¹⁷ Ibid.

¹¹⁸ Lihat Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia 1800-1963*, Kuala Lumpur; Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., 2002, hlm. 208.

¹¹⁹ Badriyah Haji Salleh, *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiyah-Salihag 1914-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 2-3.

untuk mempelajari tafsir al-Quran, adat istiadat dan peraturan moral yang baik.¹²⁰

Institusi pendidikan pondok telah berkembang di Tanah Melayu dan dianggap sebagai salah satu alternatif kepada pendidikan agama kepada masyarakat Melayu.¹²¹ Kemunculan institusi pondok di Tanah Melayu telah menjadikan sistem pendidikan berasaskan agama lebih teratur daripada tahun-tahun sebelumnya. Kebanyakan institusi pendidikan pondok ini dibina atas usaha guru-guru agama dan mereka juga bertindak sebagai tenaga pengajar di pondok berkenaan.¹²² Perkembangan sistem pendidikan ini kemudiannya telah berkembang ke negeri-negeri yang lain di Tanah Melayu. Tambahan pula pada abad ke-18, ramai ulamak telah datang ke Tanah Melayu khususnya di negeri Pantai Timur dan telah membuka sekolah-sekolah pondok. Sistem pendidikan pondok ini adalah lebih kemas dan lebih maju jika dibandingkan dengan sistem pendidikan agama di surau dan masjid.¹²³ Pembiayaan sekolah-sekolah pondok ini diperoleh melalui derma, zakat dan sedekah daripada orang ramai.¹²⁴ Rex Stevenson menggambarkan sistem pendidikan pondok di Perak sebagaimana berikut:

A pupil began by learning to repeat correctly the Arabic formulae with which every lesson began and ended. When he had mastered these preliminaries he proceeded to study the alphabet, less for its own sake than as a sort of guide to reading Arabic prayers and texts. Through much memorizing and through the assistance given him by his knowledge of the lettering he would in time succeed in being able to

¹²⁰ Hashimah Bt Teh, *Isu-Isu Kemasyarakatan Di Dalam Rencana Pengarang Akhbar Melayu Terpenting 1930-an: Satu Kajian Sejarah Intelek*, Tesis B.A, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987, hlm. 71.

¹²¹ Sistem pendidikan pondok adalah saduran daripada sistem pendidikan Zawaya yang digunakan di Mekah. Sistem ini sememangnya popular bagi pelajar-pelajar Melayu yang belajar di Timur Tengah. Lihat Aboebakar, *Sedjarah Mesjid Dan Amal Ibadat Dalamnya*, Djakarta: Visser & Co, 1955, hlm. 411.

¹²² Awang Had Salleh, *Institusi Pondok di Malaysia dalam Zainal Kling (editor), Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Perubahan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 1977, hlm. 33.

¹²³ Pendidikan Islam di Tanah Melayu dijalankan secara formal dan juga tidak formal. Sistem pendidikan yang berlangsung di surau dan masjid-masjid dijalankan secara tidak formal iaitu pada waktu subuh, petang dan malam khususnya selepas solat subuh dan malam di antara waktu maghrib dan isyak. Manakala sistem pendidikan pondok pula dilakukan secara formal dan dikendalikan oleh guru-guru agama yang mempunyai kepakaran masing-masing. Ishak Saat dan Mohd Azhar Bahari, *Madrasah Idrisiah Bukit Candan 1922-2000, Sumbangan dan cabaran*, Batu Pahat, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 1910, hlm. 1-2. Lihat juga Mok Soon Sang, *Pendidikan di Malaysia* (Edisi Ke-7), hlm. 3.

¹²⁴ Mahani Musa, *sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 148-149.

read the koran and the principal prayers from end to end. There is education stopped. The general drift of the text was explained to him, but not the construction of the sentences nor the meaning of the Arabic words. A slight amount of dogma was also imparted Religious dogma can of course, be made to vary greatly according to the needs of the locality.¹²⁵

Antara golongan ulama yang terawal membina sekolah pondok adalah Sharif Muhammad, Syeikh Daud Abdullah dan Sheikh Abdul Kadir yang telah berhijrah ke Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu seperti Terengganu dan Kelantan.¹²⁶ Sekolah pondok ini kemudiannya telah berkembang ke negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Sekolah-sekolah pondok mula didirikan di merata kampung yang bertujuan mendidik kanak-kanak Melayu lelaki dan perempuan membaca al-Quran. Sistem pendidikan pondok ini berterusan sehingga kurun ke-19.¹²⁷ Pendidikan di Tanah Melayu sebenarnya bermula dengan penubuhan sekolah-sekolah pondok yang mengajar mengenai al-Quran. Pada peringkat awal sekolah-sekolah pondok dibina atas inisiatif guru-guru agama yang bermurah hati untuk mengajar dengan mendapat imbuhan bayaran zakat dan sedekah.¹²⁸

Terdapat beberapa peraturan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa dan anak-anak sebelum diterima sebagai pelajar di pondok.¹²⁹ Biasanya kanak-kanak Melayu akan mula belajar seawal umur lima hingga tujuh tahun. Ibu bapa akan menyerahkan anak-anak mereka kepada guru-guru melalui satu upacara 'Menyembah Guru' yang telah menjadi satu adat dan kemestian;

¹²⁵ Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Educational Policy Towards The Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 18.

¹²⁶ Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hlm. 45. Lihat juga Abdullah Alwi Haji Hassan, 'The Development of Islamic Education in Kelantan,' *Jurnal Tamadun Islam Di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, 958, Jln. Hose, Kuala Lumpur, 1980, hlm.190-191.

¹²⁷ Mahmud Junus, *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*, hlm. 200.

¹²⁸ Mahani Musa, *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, hlm. 149.

¹²⁹ Lihat Abu Zahari Bin Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia: Zaman Sebelum Merdeka Hingga Zaman sesudah Merdeka*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., 1980, hlm. 6.

Maka adalah adat apabila seseorang melepaskan anaknya mengaji, maka datanglah ibu atau bapa budak yang akan mengaji itu dahulu menyembah guru itu, serta membawakan sirih secerana dan penganan sedulang, bersama-sama dengan budak yang hendak mengaji itu; serta ibu bapanya itu berkata, ‘Tuan, atau encik, saya minta dua perkara saja, pertama-tama biji mata budak ini, kedua, kakitangannya jangan dipatahkan; maka lain daripada itu encik punya suka. ‘Maka disuruhnya anaknya menyembah kaki gurunya itu, kemudian baharullah dibacakan oleh guru itu doa selamat, maka segala pegangan itu pun dibahagikanlah kepada segala budak-budak dan wangnya diambil oleh gurunya itu, dan bunga cendana semuanya dibahagikan.¹³⁰

Upacara ini dilakukan untuk mendapatkan restu daripada guru dan juga tanda kesediaan guru menerima seseorang kanak-kanak yang dihantar sebagai pelajarinya. Selain itu, upacara ini juga bermakna ibu bapa meletakkan tanggungjawab mendidik sepenuhnya kepada guru dan memberi hak kepada guru untuk melakukan apa sahaja yang perlu tanpa mencederakan anggota penting badan. Ibu bapa juga akan membekalkan anak-anak mereka dengan sebuah tilam, sebiji bantal, sebuah periuk dan seguni beras bagi persediaan untuk dihantar belajar di sekolah agama.¹³¹ Dalam budaya kebanyakan orang Asia, pendidikan agama wajib diberikan kepada semua kanak-kanak sama ada lelaki ataupun perempuan. Pendidikan agama dan pembelajaran Al-Quran dianggap sebagai pendidikan formal yang mesti dilalui oleh semua kanak-kanak Melayu.¹³²

Masa untuk pelajaran asas atau peringkat permulaan (pengajian al-Quran) tidak ditentukan kerana ia bergantung pada kecerdasan kanak-kanak itu. Terdapat kanak-kanak yang berjaya menamatkan bacaan al-Quran sebanyak dua atau tiga kali sebelum ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ‘Pengajian Kitab’. Pada peringkat ini kanak-kanak Melayu akan diajar mata pelajaran Ilmu Syaraf (Nahu Bahasa Arab), Fiqah dan Ilmu

¹³⁰ Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, *Hikayat Abdullah 1796-1854*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1997, hlm. 21-24.

¹³¹ Philip Loh Fook Seng, *Seed of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press, 1975, hlm. 12.

¹³² Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators British Educational Policy Towards the Malays 1875-1906*, hlm. 12.

Tafsir daripada guru-guru yang mempunyai ilmu yang luas dalam bidang-bidang berkenaan. Peringkat kedua ini memakan masa tiga hingga lima tahun sebelum mereka boleh melanjutkan pelajarannya ke Timur Tengah.¹³³

Pada tahun 1854, British di India (*East Indian Company*) telah mengeluarkan arahan supaya kerajaan British memberi tumpuan kepada usaha untuk menubuhkan sekolah-sekolah Melayu.¹³⁴ Usaha ini adalah bertujuan untuk mengawal dan memastikan agar bumiputera Melayu terus memberi sokongan kepada kerajaan British di Tanah Melayu.¹³⁵ Dari segi pentadbiran kerajaan British mula mengambil alih sebahagian sekolah agama yang menjadi pusat pengajian tradisional orang Melayu. Pada tahun yang sama juga, sekolah-sekolah ini telah diberi bantuan dan kurikulumnya juga turut diubah.¹³⁶

Pada awal abad ke-20, sesetengah sekolah pondok ditukar kepada sekolah agama atau sekolah Quran.¹³⁷ Mata pelajaran yang disediakan adalah pelajaran jawi, ilmu kira-kira, kesihatan, lukisan, pelajaran agama termasuk pelajaran Al-Quran. Lama kelamaan pentadbiran dan perjalanannya pula diubah di mana masa persekolahan dibahagi kepada dua iaitu sesi pagi dan sesi petang. Sesi pagi dikhaskan untuk mata pelajaran akademik dan dikenali sebagai sekolah Melayu dan sesi petang dikenali sebagai sekolah Quran. Guru-guru akademik dibiayai oleh kerajaan British manakala guru-guru agama dibiayai oleh ibu bapa sendiri. Walau bagaimanapun tidak semua

¹³³ Abd.Rahman bin Abdullah, *Sejarah Pendidikan Orang Melayu Melaka Zaman British*, Tesis B.A, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1976, hlm. 5.

¹³⁴ Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Malaysia)*, Petaling Jaya: Al-Rahmaniah (Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia), 1990, hlm. 173.

¹³⁵ Ibid.

¹³⁶ Lihat Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara Khususnya Di Tanah Melayu*, Selangor: Penerbit Al-Rahmaniah, 1990, hlm. 172-173.

¹³⁷ Pada awal tahun 1900-an, sesetengah sekolah agama kampung dan sekolah pondok mula ditukar kepada Sekolah Agama dan kurikulumnya juga turut berubah bersesuaian dengan perkembangan semasa. walau bagaimanapun, sebahagian besar sekolah pondok terus kekal sebagai salah satu institusi pendidikan Islam di Negeri-negeri Melayu bersekutu. Selepas Perang Dunia Kedua, sistem pendidikan pondok mula mengalami kemerosotan akibat daripada kemunculan sistem pendidikan Madrasah yang dianggap lebih sistematik dan moden. Lihat Awang Had Salleh, *Institusi Pendidikan Pondok di Malaysia dalam Zainal Kling (editor), Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Perubahan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1977, hlm.41.

sekolah-sekolah Quran yang dibina oleh orang Melayu diambil alih oleh kerajaan British.

Indigenous School, The old Malay Koran School were often residential... Malay girls also were taught something of the Koran, thought they were not expected to attain the same standard of proficiency as boys. In some cases, after learning to read the Koran in Arabic, they were taught a little Malay.¹³⁸

Pada tahun 1890, kanak-kanak perempuan Melayu di Perak mendapat pendidikan akademik pada sesi pagi (sekolah Melayu) dan pendidikan agama (sekolah agama) diadakan pada sebelah petang. Dari segi kurikulum, sukatan pelajaran untuk murid-murid perempuan di sekolah agama agak rendah sedikit berbanding murid-murid lelaki. Mereka diajar rukun sembahyang, rukun iman dan hukum bersuci. Pelajaran ini dipanggil Perukunan Agama dan kitab yang mereka gunakan ialah 'Kitab Perukunan'.¹³⁹ Pelajaran asas ini dilakukan dua kali seminggu sahaja.¹⁴⁰

Afternoon Quran classes, introduced in Perak in 1890, had raised the daily average school attendance from about 65 to around 70 percent...by 1896 there were 58 Quran teachers on the Perak government's payroll.

During 1894, the Selangor Government introduced a system of afternoon in all of Selangor's Malay school since the 1870s, but only by the ordinary schoolmaster. Now Selangor Malay could learn from their traditional Quran teachers during school hours instead of afterward as had been the practical before.¹⁴¹

Sekolah-sekolah agama ini terus berkembang walaupun mendapat persaingan dengan sekolah-sekolah sekular yang diwujudkan oleh kerajaan British. Malahan

¹³⁸ D.D. Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800 to 1925*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1940, hlm. 35.

¹³⁹ 'Kitab Perukunan' yang digunakan di Tanah Melayu juga terdapat dalam sukatan Sekolah Agama di Jawa dan Sumatera di Indonesia.

¹⁴⁰ Abdul Rahim Abu Bakar, *Perkembangan Penduduk Melayu di Daerah Kinta, Perak, 1880-1930*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976/1977, hlm. 74.

¹⁴¹ Lihat Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators, British Education Policy toward the Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm.82. Lihat juga Annual Report on Education for the year 1895, hlm. 383 dalam *Perak Government Gazette 5th June 1896* dalam CO 467/7. Dalam laporan berkenaan dinyatakan terdapat 60 kelas Quran dengan jumlah pelajar seramai 1,135 orang di Perak. *There were 60 Koran classes at the close of the year with an aggregate enrolment of 1,135, of whom are credited with having passed in the 'Sacred Book'*.

sekolah-sekolah ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang Melayu di NNMB. Disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap sekolah agama, kerajaan British terpaksa mengadakan dua sesi persekolahan bagi membolehkan pelajar-pelajar Melayu. sesi pagi untuk sekolah Melayu dan sesi petang untuk sekolah agama.

Pendidikan Melayu

Dasar British terhadap usaha memberikan pendidikan kepada orang Melayu pada peringkat awal agak kabur dan tidak konsisten. Penglibatan British secara tidak langsung dalam pendidikan di Tanah Melayu bermula pada tahun 1854, apabila Gabenor Jeneral British di India telah mengarahkan Gabenor NNS memberi perhatian terhadap pendidikan vernakular di NNS. Cadangan penambahbaikan terhadap pendidikan di Tanah Melayu telah dimuatkan dalam Laporan Blundell (*Blundell Report*) pada tahun 1854.¹⁴² Dalam laporan berkenaan, Blundell berharap agar bantuan kewangan diberikan kepada sekolah-sekolah vernakular Melayu dan Cina yang telah didirikan di NNS. Malangnya hasrat beliau tidak kesampaian apabila kerajaan British di India tidak meluluskan peruntukan berkenaan.

He hoped, with pecuniary assistance, to succeed in this efforts to communicate knowledge through the medium of the native languages, especially Malay and Chinese, which might be considered the language of the Straits Settlements. ...the Indian Government did not give him the grants he asked for.¹⁴³

Penglibatan British secara langsung dalam hal ehwal pelajaran di Tanah Melayu bermula tahun 1870.¹⁴⁴ Pada tahun 1870, satu rang undang-undang pelajaran asas telah

¹⁴² D.D. Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800 to 1925*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1947, hlm. 58. *The Governor-general sent in 1854 the Court's Despatch on Education to the Governor of the Straits Settlements and called for a full report on the state of education in these Settlements.*

¹⁴³ D.D. Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800 to 1925*, hlm.59.

¹⁴⁴ Pada tahun 1870, satu rang undang-undang pelajaran asas telah diluluskan oleh Parlimen British yang menyatakan kerajaan Inggeris bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan kepada penduduk di tanah jajahannya. Pada 8 Disember 1870, satu jawatankuasa telah dibentuk oleh Setiausaha bagi tahanan

diluluskan oleh Parlimen British yang menyatakan kerajaan British bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan kepada penduduk di tanah jajahannya.¹⁴⁵ Jawatankuasa berkenaan telah meluluskan tiga ketetapan iaitu mewujudkan jawatan *Inspector of School* bagi menyelaraskan pendidikan, menyediakan bantuan *Grand-in-aid system* bagi sekolah Inggeris persendirian dan sekolah mubaligh serta yang terakhir ialah memperkemaskan sistem pendidikan vernakular terutama sekali sekolah vernakular Melayu.¹⁴⁶

The Report of the Committee in 1870 to the appointed of another Committee, the Woolley Committee which had the task of inquiring into the whole subject of education in the Colony. It revealed in its report of 8th December, 1870 that Malay education in the Colony had a little progress. Its recommended (a) a thorough reorganization of the existing educational establishments, (b) the continuance of the Cristian Missions' education system which was mainly based on charity and (c) the appointment of a Director of Education Charge with the organization, administration and supervision of all school in the Colony.¹⁴⁷

jajahan iaitu Sir Harry Ord dan jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Kolonial R.Wolley yang bertujuan memperbaiki sistem pendidikan di Negeri-negeri Selat pada ketika itu. Lihat Report of The Select Committee of The Legislative Council to enquire into the state of Education in the colony (The Wolley Report 1870) dalam Francis H.K Wong dan Gwee Yee Hean, *Official Report on Education Straits Settlements and The Federated Malay States 1970-1939*, Singapore: Pan Pacific, 1980. Lihat juga Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward the Malay 1875 – 1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 23. Lihat juga H.S. Barlow, *Swettenham*, Kuala Lumpur, Southdence Sdn. Bhd, 1995, hlm. 368. *The views of British administration at this time in the Peninsula closely reflected those of their contemporaries in the U.K.* Lihat juga Jumaah Hj. Alias, *Sejarah Perkembangan Sekolah Tinggi Melaka 1826-1976*, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982/83, hlm. 6-7. Lihat juga Gwee Yee Hean, et.al, *150 Years of Education in Singapore*, Singapore: TTC Publication, Training College, 1969, hlm. 24.

¹⁴⁵ S.J.Curtis and M.E.A.Boulford, *An Introduction History Of English Education Since 1800*, London: London Universiti Tutorial Press Ltd, 1970, hlm.7. Lihat juga H.S. Barlow, *Swettenham*, Kuala Lumpur: Penerbit Southdence Sdn. Bhd, 1995, hlm.368. Beliau menyatakan bahawa pihak British memberikan pelajaran kepada orang-orang Melayu adalah disebabkan oleh adanya *Education Act 1870*. *In this they were influenced by Foster's Education Act of 1870*.

¹⁴⁶ Report of the select Committee of the Legislative Council to enquire into the state of Education in the colony (The Wolley Report 1870) dalam Francis H.K Wong dan Gwee Yee Hean, *Official Report on Education Straits Settlements and the federated Malay States 1970-1939*. Walau bagaimanapun menurut Philip Loh Fook Seng, kerajaan British mula memberi bantuan kewangan kepada sekolah Melayu bermula pada tahun 1862 lagi. *A Major aspect of the policy was Governor Cavenagh's success in 1862 in obtaining financial support for the establishment of Malay school in Malacca, Penang and Province Wellesley*. Lihat Philip Loh Fook Seng, *Seed of Separatism, Education Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 13.

¹⁴⁷ Lihat juga Gwee Yee Hean et.al, *150 Years of Education in Singapore*, Singapore: TTC Publication, Training College, 1969, hlm. 26.

Walau bagaimanapun, undang-undang ini jelas menyatakan bahawa hanya pendidikan asas harus diberikan kepada penduduk di tanah jajahannya.¹⁴⁸ Pelaksanaan dasar pelajaran British secara rasmi di Tanah Melayu bermula apabila kerajaan British memperkenalkan *Education Code* yang digunakan di England bagi mewajibkan pihak British menyediakan pendidikan asas kepada setiap tanah jajahannya. *In 1870, Four years before the signing of the Pangkor Engagement, Forster's Education Act was passed in England after a long and bitter debate.*¹⁴⁹

Pada peringkat awal juga kerajaan British tidak berperanan dalam pembinaan dan pembukaan sekolah-sekolah Melayu. Tindakan ini adalah selari dan bersesuaian dengan dasar tidak campur tangan British dalam pendidikan di Tanah Melayu. Selepas tahun 1870, kerajaan British mula melibatkan diri dalam pendidikan dengan menyediakan peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah vernakular, sekolah-sekolah *Mission* dan sekolah-sekolah Inggeris persendirian yang telah pun wujud di Tanah Melayu sebelumnya.¹⁵⁰ Pada tahun 1871, A.E.H. Anson (*Acting Governor, Colonial Office*) telah menyatakan kerajaan British telah menyediakan peruntukan kewangan atau *Grants-in-Aid* bagi pendidikan di Negeri-negeri Selat.¹⁵¹ Beliau menyatakan;

... the **financial responsibilities** of the existing Grant-in-Aid which the Indian administration to paid annually to the three types of school that existed in the Colony: the non-sectarian 'Free Schools' run by private committees such as the Raffles Institute in Singapore, the

¹⁴⁸ H.S. Barlow, *Swettenham*, Kuala Lumpur: Penerbit Southdence Sdn. Bhd, 1995, hlm. 368.


¹⁴⁹ Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward the Malay 1875 – 1906*, hlm. 23. Lihat juga H.S. Barlow, *Swettenham*, Kuala Lumpur, Southdence Sdn. Bhd, 1995, hlm. 368. *The views of British administration at this time in the Peninsula closely reflected those of their contemporaries in the U.K.*

¹⁵⁰ Selepas tahun 1870, sekolah-sekolah Melayu dan sekolah-sekolah Inggeris yang ditubuhkan oleh mubaligh Kristian dan Sekolah Inggeris persendirian telah mula diambil alih oleh kerajaan British. Sekolah-sekolah berkenaan mula dikawal dan diberi bantuan kewangan. Lihat *Education Policy in Malaya*, hlm.3 dalam CO 717/53/14. "There are entirely controlled and paid for by government."

¹⁵¹ Pada peringkat awal penubuhan dan perkembangan sekolah-sekolah perempuan Melayu bermula di Negeri-negeri Selat seperti Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. Negeri-negeri ini merupakan negeri yang penting kepada British terutama dari segi ekonomi. Lihat Frank Swettenhem, *British Malaya, An Account of the origin and progress of British influence in Malaya*, London: John Line The Bodly Head, 1929, hlm. 62-63.

Penang Free School and the High School in Malacca; six Mission Schools, most of which were Roman Catholic; and the **twenty-two vernacular school**, the majority of which conducted their lessons in Malay.¹⁵²

Walau bagaimanapun, penglibatan kerajaan British terhadap pendidikan Melayu adalah terhad kerana mereka terikat kepada kelulusan kewangan daripada Kerajaan British di India. Sering kali bantuan yang diminta tidak mendapat perhatian daripada kerajaan British kerana penyediaan kemudahan pendidikan bukanlah menjadi keutamaan kerajaan British. Tambahan pula pada penghujung abad ke-19, tumpuan kerajaan British adalah untuk mengeksploitasi sumber ekonomi Tanah Melayu. Penubuhan dan pembukaan sekolah-sekolah Melayu termasuk Sekolah Perempuan Melayu dilakukan sendiri oleh orang Melayu. Oleh yang demikian, sehingga tahun 1900, jumlah sekolah Melayu di Tanah Melayu adalah sedikit walaupun jumlah pelajaranya semakin meningkat setiap tahun.



Graf 2.1: Perkembangan Sekolah Vernakular Melayu Sebelum 1900

Sumber: Diubahsuai daripada D.D. Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800 to 1925*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1947, hlm. 59.

¹⁵² Lihat Despatch, Acting Governor to Colonial Office, 21 November 1871 dalam CO 273/51. Laporan ini dibuat oleh A.E.H. Anson iaitu Pemangku Gabenor bagi Pejabat Tanah Jajahan British.

Berdasarkan Graf 2.1, perkembangan sekolah-sekolah Melayu tidak selari dengan pertambahan jumlah pelajar Melayu yang dilihat semakin meningkat sepanjang tahun 1872 sehingga 1900. Pada tahun 1872 misalnya, jumlah sekolah Melayu di Tanah Melayu adalah sebanyak 16 buah sahaja dengan jumlah pelajar seramai 600 orang, jumlah ini meningkat kepada 169 buah sekolah (termasuk sekolah perempuan) dengan jumlah pelajar seramai 7400 orang pada tahun 1900.¹⁵³ Masalah kekurangan sekolah ini bukan sahaja dihadapi oleh pelajar lelaki Melayu malah lebih serius bagi pelajar perempuan.

Secara asasnya terdapat dua jenis sekolah perempuan yang mempunyai pelajar perempuan Melayu di Tanah Melayu iaitu Sekolah Perempuan Melayu dan Sekolah Perempuan Inggeris. Sekolah Perempuan Melayu secara tidak rasmi¹⁵⁴ telah diwujudkan di Singapura pada pertengahan abad ke-19 oleh seorang Paderi, iaitu Encik Wright's dengan dibantu oleh isteri dan saudaranya perempuannya.¹⁵⁵ Sekolah ini hampir sama dengan sekolah yang dilaksanakan oleh Keasberry¹⁵⁶ untuk murid-murid lelaki yang telah dibina pada tahun 1840.¹⁵⁷ Sekolah ini juga merupakan sekolah persendirian yang diwujudkan oleh orang perseorangan tanpa bantuan daripada kerajaan British. *The school received no support from the Government and the girls were fed and clothed chiefly at Mr. Wright's expense as the private sub-scriptions were very scanty.*¹⁵⁸ Mata

¹⁵³ D.D. Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800 to 1925*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1947, hlm. 59.

¹⁵⁴ Apa yang dimaksudkan secara tidak rasmi ialah kerana sekolah ini tidak mempunyai bangunan sekolah dan hanya menggunakan rumah Mr. Wright's sebagai tempat belajar. Philip Loh Fook Seng, *Seed of Separatism Education Policy in Malaya 1874-1940*, London: Oxford University Press, 1975, hlm. 156.

¹⁵⁵ D.D. Chelliah, *A History of The Educational Policy of Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on Vernaculars*, Tesis Ph.D, Universiti of London, 1940, hlm. 94. *About the middle of the last century there was a school for Malay girls run on similar lines to Mr. Keasberry's School for boy. This was conducted by a clergyman by the nama of Mr. Wright, his wife and his sister.*

¹⁵⁶ Benjamin Peach Keasberry merupakan seorang paderi yang pernah mendirikan sebuah sekolah misi atau sekolah mubaligh Kristian. Paderi ini mula bekerja di bawah Dr. Medhurst dari Persatuan Mubaligh London (*London Missionary Society*) di Batavia. Beliau mengajar dan melatih anak-anak tempatan termasuk anak-anak Melayu tentang ilmu cetak-mencetak dan menjilid buku. Lihat Kamsiah Abdullah, *Benih Budiman, Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu di Singapura*, Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007, hlm. 48-49.

¹⁵⁷ Makepeace, Walter., Brooke, Gilbert E. (Gilbert Edward), Braddell, Roland St. J. (Roland St. John), *One Hundred Years of Singapore*, hlm. 448.

¹⁵⁸ D.D.Chelliah, *A History Of The Education Policy of The Straits Settlements*, hlm. 95.

pelajaran yang diajar di sekolah ini ialah membaca, menulis dan menjahit khusus untuk wanita-wanita muda dan anak-anak gadis yang berminat mempelajarinya.¹⁵⁹

Manakala Sekolah Perempuan Melayu pertama secara rasmi telah dibuka pada tahun 1884, di Teluk Belanga, Singapura.¹⁶⁰ Pembinaan Sekolah Perempuan Melayu pertama di Teluk Belanga, Singapura adalah atas usaha kerabat Diraja Johor.¹⁶¹ Walau bagaimanapun, pada peringkat awal sekolah ini dikatakan tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu dan pelajar perempuan yang datang ke sekolah adalah kerana terpaksa dan bukannya atas kehendak mereka.¹⁶²

The first school was opened at Telok Blanga in 1884, and could show sixty pupils the next year. In 1887 it had to be closed, " the attendance having sunk almost to nil." The next year it was reopened, but in 1889, " owing to the departure of Ungku Anda, who had taken great interest in the Telok Blanga Girls' School, and to the fact that over twenty families having children in the school removed with her to Johore in April last, the attendant."¹⁶³

Kemudiannya pada tahun 1889 sebuah lagi sekolah perempuan telah didirikan di Kedah Road, Pulau Pinang.¹⁶⁴ Walau bagaimanapun, sekolah ini juga menghadapi masalah yang sama.¹⁶⁵ Sehingga tahun 1898, hanya terdapat 11 buah sekolah perempuan Melayu, manakala bagi sekolah lelaki pula sebanyak 157 buah. Seterusnya pada penghujung abad ke-19, beberapa buah sekolah perempuan Melayu telah mula ditubuhkan di Melaka. Walau bagaimanapun, perkembangan sekolah-sekolah

¹⁵⁹ D.D.Cheliah, *A History Of The Education Policy of The Straits Settlements*, hlm. 94-95. Walau bagaimanapun sekolah ini tidak dapat bertahan lama kerana kurang sambutan daripada orang Melayu. kemudiannya Mr.Wright's telah mengambil anak-anak yatim untuk belajar di sekolah berkenaan.

¹⁶⁰ Ibid., hlm. 76-77. Beliau menyatakan pada peringkat awal terdapat 60 orang pelajar perempuan bersekolah di sekolah berkenaan (S ekolah Perempuan Melayu Teluk Belanga).

¹⁶¹ Annual Report on Education in the Straits Settlements for the year 1883, (Education Office Singapore).*The district of Telok Blangah was far in advance of other country districts in educational matters because of the wholesome influence constantly exerted by H.H. the "Maharaja" of Johore in favour of education.* Lihat juga Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan*, Siri Sains Sosial, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1990, hlm. 29.

¹⁶² Ibid., hlm.469. *The Malay girls school have not fared so well. The Malays were opposed to female education, and their children only attended in response to pressure.*

¹⁶³ Makepeace, et.al, *One Hundred Years of Singapore*, hlm.469.

¹⁶⁴ Hasnah Binti Hussin, *Peranan Guru-Guru Melayu Dalam Memajukan Masyarakat Melayu, 1900-1941*, Disertasi M.A, Jabatan sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 248.

¹⁶⁵ Ibid.

perempuan Melayu di NNS masih perlahan dan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sekolah kanak-kanak lelaki.¹⁶⁶

Jadual 2.1: Bilangan Sekolah Perempuan Melayu Di NNS Sebelum Tahun 1896

Tahun	Negeri	Bilangan Sekolah Melayu	Bilangan Sekolah Perempuan Melayu
1872	Negeri-negeri Selat	16	-
1882		85	-
1892		189	1 (Di Teluk Belanga, Singapura, 1884) 1 (Di Kedah Road, Pulau Pinang, 1889)

Sumber: Diubahsuai daripada *Report of Appointed Committee on Vernacular Education*, 1894, hlm. 28.

Sekolah Perempuan Melayu pertama di NNMB dikesan wujud pada penghujung abad ke-19. Sekolah berkenaan ialah sekolah perempuan Melayu Taiping yang ditubuhkan tahun 1890 di negeri Perak.¹⁶⁷ Bagi negeri Selangor pula ialah pada tahun 1895,¹⁶⁸ diikuti dengan Negeri Sembilan pada tahun 1906,¹⁶⁹ dan Pahang pada tahun 1914.¹⁷⁰ Tahun 1895 boleh dianggap sebagai tahun bertuah bagi anak-anak perempuan Melayu di Selangor kerana buat pertama kalinya sekolah perempuan Melayu didirikan

¹⁶⁶ Lihat Aida bte Yusof, *Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka, (1935 – 1993)*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 10.

¹⁶⁷ Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward the Malay 1875 – 1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 92. *Female Education, Perak had taken the lead in this field by opening two Malay girls school in 1890*. Lihat juga Cheah Jin Seng, *Perak 300 Early Postcards*, Singapore: RNS Publications Sdn.Bhd, 2009, hlm. 119. *The booming tin industry and Taiping's position as the capital of Perak brought significant development to the town. Taiping achieved many 'first' in the Malay States, including the first hill station, Maxwell Hill (1884); magistrates court (1875); girls school, Government Girls' School (1890)*.

¹⁶⁸ Lihat *Administration Report of the State of Selangor for the year 1895*, hlm. 17-18. *A Malay girls school...has been successfully opened at Kuala Langat*,

¹⁶⁹ Lihat *Negeri Sembilan Administration Report for the year 1907* dalam *Negeri Sembilan Government Gazette 2nd October 1908*, hlm. 10.

¹⁷⁰ Lihat *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1934*, hlm. 29 dalam *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Federated Malay States for the year 1934*, dalam CO 576/50. *The year 1914 was the opening at Pekan of the first vernacular girls school in Pahang*. By H.G.R. Leonard (British Resident Pahang) .

di Selangor.¹⁷¹ Mengikut laporan Fail Setiausaha Kerajaan Selangor pada tahun 1896, (*Inspector of School Selangor*), sekolah untuk kanak-kanak perempuan Melayu telah dibuka di Kuala Langat Selangor pada tahun berkenaan. Pada tahun 1896 juga, sebuah lagi sekolah perempuan Melayu telah dibuka di Kuala Lumpur. Kedua-dua daerah ini merupakan daerah yang mempunyai penduduk Melayu yang ramai.¹⁷²

A Malay girl's school, at which the girls are taught weaving sewing and cooking, as well as reading and writing, has been successfully opened at Kuala Langat, and probably another will be opened at Kuala Selangor during the current year. There are the two districts in which is the largest Malay Population.¹⁷³

Pada awal penubuhan NNMB, jumlah sekolah perempuan terlalu sedikit sehingga menyebabkan pelajar-pelajar perempuan terpaksa menumpang di sekolah-sekolah lelaki. Selain daripada sekolah lelaki, pelajar-pelajar perempuan turut bersekolah di sekolah-sekolah campuran yang wujud berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Secara umumnya, terdapat tiga jenis sekolah yang dihadiri oleh pelajar-pelajar perempuan Melayu.¹⁷⁴ Pertama, ialah sekolah yang khusus kepada anak-anak perempuan Melayu, namun bilangannya sangat tidak memuaskan. Guru-guru terdiri daripada bekas-bekas murid yang tidak terlatih dan sangat kurang bilangannya. Manakala dari segi kualiti pula, darjah lima sekolah perempuan sama taraf dengan darjah empat sekolah lelaki. Latihan yang diberikan di sekolah perempuan pada ketika ini adalah dalam bentuk latihan bagi memastikan mereka lebih mahir dalam kerja-kerja menyulam, memasak, mencuci dan sebagainya.

¹⁷¹ SEL.SEC, Fail No. 4217/1895, (238) Vernacular Education For Girls, bertarikh 15.8.1895. Dalam surat berkenaan *Inspector of School Selangor* telah memaklumkan kepada kerajaan British Selangor bahawa Pegawai Daerah dan Raja Muda memaklumkan terdapat 30 – 40 orang pelajar perempuan bersedia untuk belajar di daerah Bandar, Selangor. Sekolah berkenaan juga sudah pun dibina oleh Raja Muda.

¹⁷² Laporan dibuat oleh *Inspector of School 1896* dalam SEL.SEC, Fail No.1634/1897,

¹⁷³ *Selangor Government Gazette*, 3rd July, 1896, Vol. VII, hlm. 20-21.

¹⁷⁴ *Fifth Educational Conference of Malay* (Malay School Conference 1939), Kuala Lumpur, Tidak diterbitkan, 1939, Universiti Malaya, hlm. 19.

Kedua, ialah sekolah campuran iaitu sekolah yang terdiri daripada murid-murid lelaki dan murid perempuan. Sekiranya ramai murid perempuan di sekolah berkenaan, maka guru-guru perempuan akan mengajar kerja-kerja tangan. Kanak-kanak yang belajar di sekolah campuran biasanya di bawah umur 12 tahun.¹⁷⁵ Ketiga, ialah sekolah campuran yang tidak mempunyai guru perempuan. Kebanyakan sekolah, murid-murid perempuan akan mengikuti kelas seperti murid-murid lelaki. Sekolah seperti ini tidak menarik minat ibu bapa untuk menghantar anak-anak perempuan mereka belajar di sini. Sekiranya dihantar belajar di sekolah ini, mereka yang berumur di antara 9 dan 10 tahun dipaksa meninggalkan sekolah tersebut kerana bimbang terjerumus dengan perbuatan yang tidak baik di sekolah.¹⁷⁶

Sehingga tahun 1889, terdapat lapan buah sekolah perempuan Melayu di Perak dan tiga buah di Selangor dan tidak ada satu pun sekolah perempuan dibina di Negeri Sembilan dan Pahang sehingga tahun 1901.¹⁷⁷ Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah yang ditubuhkan pada peringkat awal dikatakan menghadapi pelbagai masalah dan sesetengahnya terpaksa ditutup atau dibuka di tempat lain.¹⁷⁸ Menurut *Inspector of School Selangor*, daripada tiga buah sekolah perempuan Melayu di Selangor hanya sebuah sahaja yang menunjukkan peningkatan disebabkan oleh sokongan dan bantuan oleh Raja Muda Selangor. *Female education in the states is not an encouraging position, of the three Malay girls school only one is in anything like a flourishing condition.*¹⁷⁹

¹⁷⁵ Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk Annual Reports On Educational in The Federated Malay States 1937, Published by Authority, Singapura, 1938, hlm. 48.

¹⁷⁶ N. Purdom, 'Needlework and craft instruction in Malay Girl School'. Overseas Education, 1930 – 1942 and 1946, Kuala Lumpur: Government Press, 1938, hlm. 33.

¹⁷⁷ *Negeri Sembilan Government Gazette 1902*, Vol. VII, January to Disember 1902, Federal Education Office, 3rd March, 1901 oleh J. Driver (Inspector of School, F.M.S), hlm. 6 dalam CO 463/3.

¹⁷⁸ Blundell yang membuat kritikan tentang orang-orang Melayu, menyatakan orang Melayu tidak mahu belajar jika hanya semata-mata untuk mendapatkan pengetahuan. Mereka hanya hendak menuntut ilmu jika ia berkaitan dengan cara-cara untuk menyara kehidupan senang tanpa terlalu banyak berusaha. Lihat D.D.Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800-1925, with recommendation for a new system based on the vernacular*, hlm. 50. Lihat juga Kamsiah Abdullah, *Benih Budiman, Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu di Singapura*, Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007, hlm. 52.

¹⁷⁹ *Inspector of School 1900* dalam SEL.SEC. 116/1900.

Jadual 2.2: Statistik Sekolah Perempuan Melayu di NNMB Pada Tahun 1899

Negeri	Jumlah Sekolah Vernakular	
	Lelaki	Perempuan
Perak	93	8
Selangor	33	3
Negeri Sembilan	25	-
Pahang	8	-
Jumlah	159	11

Sumber: *Supplement to the "Selangor Government Gazette,"* 29 June, 1900, Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1899, hlm. 6.

Pada tahun 1899, jumlah sekolah perempuan Melayu jauh lebih sedikit daripada jumlah sekolah lelaki Melayu. Daripada 170 buah sekolah Melayu pada tahun berkenaan, hanya 11 buah sahaja adalah sekolah perempuan Melayu. Dari segi taburan sekolah, negeri Perak merupakan negeri yang paling banyak mempunyai jumlah sekolah perempuan iaitu sebanyak lapan buah dan diikuti dengan Selangor sebanyak tiga buah. Negeri Sembilan dan Pahang pula tidak mempunyai sekolah perempuan sehingga tahun 1899. Jumlah sekolah yang sedikit ini telah menggambarkan bahawa pendidikan kepada anak-anak perempuan adalah amat terbatas dan hanya terbuka kepada segelintir anak-anak perempuan Melayu terutama yang tinggal di bandar-bandar.¹⁸⁰

Selain jumlah sekolah yang sedikit, sukatan yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu (lelaki dan perempuan) juga amat rendah dan tidak dinamik. Sukatan pelajaran di sekolah-sekolah vernakular Melayu juga berubah dari semasa ke semasa. Pada tahun 1880, mata pelajaran yang terdapat di sekolah-sekolah Melayu ialah bacaan, mengarang, ejaan, menulis, ilmu hisab, latihan jasmani dan ilmu alam. Menjelang awal

¹⁸⁰ *Supplement to the "Selangor Government Gazette,"* 29 June, 1900, Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1899, hlm. 6.

abad ke-20, mata pelajaran seperti perkebunan dan anyaman telah dimasukkan dalam kurikulum sekolah Melayu.¹⁸¹ Pada peringkat awal, kanak-kanak perempuan terpaksa mengikuti kurikulum di sekolah-sekolah lelaki kerana masih belum banyak sekolah perempuan didirikan. Kurikulum yang terdapat di sekolah Melayu hanyalah bertujuan menjadikan anak-anak Melayu mengetahui asas membaca, menulis dan sedikit ilmu kira-kira.

Jadual 2.3: Jadual Waktu Sekolah vernakular Melayu Pada Tahun 1880

Darjah 1	Darjah 2	Darjah 3	Darjah 4	Masa
Menulis	Menulis	Ejaan	Bacaan	7.00-7.30 pagi
Ejaan	Menulis	Bacaan	Mengarang	7.30-8.00 pagi
Ejaan	Bacaan	Mengarang	Mengarang	8.00-8.30 pagi
Bacaan	Ejaan	Mengarang	Ilmu Hisab	8.30-9.00 pagi
Ilmu Hisab	Ilmu Hisab	Ilmu Alam	Latihan Jasmani	9.00-9.30 pagi
			Ilmu Alam	9.45-10.30 pagi
			Latihan Congak	10.30-11.00 pagi

Sumber: *Report of the Vernacular Education Committee 1894*, Kuala Lumpur, Printed at the Government Printing Office, 1895, hlm. 28.

Sebelum tahun 1896, matlamat kurikulum sekolah Melayu adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar Melayu yang hanya boleh membaca, menulis dan membuat kira-kira asas. Manakala darjah tertinggi bagi sekolah Melayu hanyalah darjah empat dan ada sesetengah tempat hanya setakat darjah tiga. Waktu pembelajaran juga terlalu singkat iaitu hanya dua jam setengah bagi darjah satu sehingga darjah tiga, manakala darjah empat selama empat jam. Penekanan diberi kepada mata pelajaran ejaan, menulis, mengarang, membaca dan ilmu hisab. Di samping itu, kanak-kanak juga diajar pendidikan jasmani, ilmu alam dan latihan congak. Bagi sekolah-sekolah perempuan

¹⁸¹ Mook Soon Sang, *Pendidikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 1998, hlm. 7.

mata pelajaran tambahan yang diperkenalkan ialah mata pelajaran jahitan, anyaman dan masakan.¹⁸²

Pendidikan Inggeris

Selain sekolah perempuan Melayu terdapat juga pelajar perempuan Melayu yang mendapat pendidikan di sekolah perempuan Inggeris. Walau bagaimanapun, jumlah pelajar perempuan Melayu yang belajar di sekolah perempuan Inggeris adalah sangat sedikit berbanding dengan pelajar-pelajar bangsa lain.¹⁸³ Secara umumnya, Sekolah Inggeris pada zaman penjajahan British boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu *Free School*, Sekolah Inggeris Separa Bantuan (*Grant In Aid English School*) dan sekolah Inggeris persendirian yang diasaskan oleh orang perseorangan.¹⁸⁴ *Free School* ialah sekolah Inggeris yang mendapat bantuan daripada kerajaan serta terletak di bawah naungannya sehinggalah kerajaan mengambil alih pentadbirannya.¹⁸⁵

Sekolah ini dinamakan *Free School* kerana ia dibuka kepada semua kaum di Tanah Melayu.¹⁸⁶ Murid-murid dikenakan yuran mengikut kemampuan keluarga masing-masing. Selain itu, Sekolah Inggeris separa Bantuan ataupun dikenali sebagai Sekolah Mubaligh (*Mission School*) kebanyakannya ditubuhkan dan dibiayai oleh Persatuan Mubaligh London, Mubaligh Roman Katolik, Kumpulan Mubaligh

¹⁸² Walau bagaimanapun sekolah ini tidak dapat bertahan lama kerana kurang sambutan daripada orang Melayu. kemudiannya Mr. Wright's telah mengambil anak-anak yatim untuk belajar di sekolah berkenaan. Lihat D.D. Chelliah, *A History of The Education Policy on The Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on Vernacular*, 1800 to 1925, Singapura, G.H. Kit and Co. Ltd., 1960, hlm. 94-95.

¹⁸³ Sehingga tahun 1929, pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Perempuan Inggeris hanya 3.6 peratus sahaja iaitu hanya 155 orang daripada 4,279 orang pelajar. Lihat *Supplement to the F.M.S. Government Gazette*, 5, Disember 1930, hlm. Appendix. III.

¹⁸⁴ Azlan Aminuddin, *Sejarah Perkembangan Sekolah Sultan Yussuf, Batu Gajah, Perak 1907 – 1957*, Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1985/86, hlm.1.

¹⁸⁵ Abu Zahari Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1980, hlm. 30.

¹⁸⁶ D.D. Chelliah, *A History of The Education Policy of Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on vernacular*, Tesis Ph.D, University of London, 1940, hlm. 37 & 41. *That the school may be open to reception of all children in this island. Its was Free only in the sense that no restriction of race, creed, or colour was placed on the admission of pupils to the school.*

Methodist, Gereja Besar England (Church of England).¹⁸⁷ Sekolah-sekolah Mubaligh ini terbuka kepada semua kanak-kanak tidak mengira bangsa atau agama. Tujuannya ialah menyediakan pendidikan umum serta memperbaiki akhlak berdasarkan ajaran Kristian.¹⁸⁸

Sekolah Inggeris yang seterusnya ialah Sekolah Inggeris Persendirian yang kebanyakannya diasaskan hasil inisiatif beberapa orang individu tertentu dengan tujuan untuk memberi pendidikan Inggeris kepada kanak-kanak dari keluarga yang kurang berkemampuan. Walau bagaimanapun, selama dua dekad kerajaan British berkuasa di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pendidikan Inggeris hanya dihadkan kepada anak-anak Raja-raja Melayu dan golongan bangsawan.¹⁸⁹ Pada bulan Disember 1890, sebuah sekolah khas untuk anak-anak raja dan pembesar-pembesar Melayu yang dikenali sebagai 'Raja School' telah ditubuhkan di Selangor.¹⁹⁰ Kemudiannya sebuah lagi sekolah Inggeris iaitu Government Central School Taiping telah ditubuhkan khusus untuk anak-anak lelaki kerabat diraja dan golongan bangsawan.¹⁹¹

Kebanyakan anak-anak raja dan anak-anak pembesar Melayu pada peringkat awal bersekolah di sekolah berkenaan. Kenyataan rasmi yang pertama mengenai pendidikan Inggeris yang dikhaskan kepada golongan atasan Melayu di Perak, telah

¹⁸⁷ Education Policy in Malaya dalam CO 717/53/14. Sekolah-sekolah Inggeris pada peringkat awalnya dimulakan oleh kerajaan kolonial British dan kumpulan-kumpulan tertentu. Antara kumpulan yang banyak mendirikan sekolah Inggeris pada ketika itu ialah Methodist Episcopal, Christian Brothers, Sister of the Holy Infant Jesus, Church of England, Plymouth Brethren dan Private Bishop Singapore. Kesemua sekolah ini ditubuhkan dengan mendapat kelulusan kerajaan British. Lihat juga Gwee Yee Hean, *150 Years of Education in Singapore*, Singapore: TTC Publication, Training College, 1969, hlm. 16. Beliau menyatakan terdapat tiga Pertubuhan Kristian luar yang memberi bantuan kepada sekolah-sekolah Mission di Tanah Melayu iaitu The London Missionary Society, The American Board of Commissioners of Foreign Mission dan The French Society of Foreign Missions.

¹⁸⁸ Azlan Aminuddin, *Sejarah Perkembangan Sekolah Sultan Yussuf, Batu Gajah, Perak 1907 – 1957*, hlm. 2

¹⁸⁹ Government Central School merupakan sekolah Inggeris yang termasyhur di Perak pada akhir abad ke-19 yang diasaskan pada tahun 1883 di Taiping. Ia kemudiannya dinamakan Sekolah King Edward VII, Taiping pada tahun 1901. Lihat Azlan Aminuddin, *Sejarah Perkembangan Sekolah Sultan Yussuf Batu Gajah, Perak 1907-1957*, hlm. 4.

¹⁹⁰ Raja School; atau Sekolah Raja telah dirasmikan pada bulan Disember, 1980 dan ditempatkan di sebuah rumah kepunyaan kerajaan Inggeris dan terletak berhampiran dengan Gombak Lane yang kini dikenali sebagai Jalan Raja. Dikatakan Jalan Raja ini adalah diambil sempena mengingati nama sekolah ini. Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk J.M. Gullick, *Kuala Lumpur 1880–1895, A City in the Making*, Kuala Lumpur, Pelanduk Publications, 1988, hlm. 102.

¹⁹¹ Philip Loh Fook Seng, *Seed of Separatism: Education Policy in Malaya, 1874 – 1940*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 52.

dibuat dalam laporan Sir Hugh Low pada tahun 1878. Beliau menyatakan, *This is a new establishment instituted in the hope of inducing a desire for education amongst the children of the Rajas and others are Sayong.*¹⁹² Menjelang tahun 1889, Residen Selangor, William Maxwell telah melantik Rev. Frank Haines sebagai pengajar kepada anak-anak golongan bangsawan di Selangor.¹⁹³

Pada awal abad ke-19, sekolah Inggeris atau “Government English School” pada amnya berkembang mengikut garis panduan sekolah di England. Sekolah Inggeris ialah institusi pendidikan moden terawal yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu. Penang Free School adalah sekolah pertama yang dibuka oleh seorang paderi tentera iaitu Rev.R.S.Hutchings. Sekolah ini terbuka kepada semua kaum dan agama.¹⁹⁴ Pada peringkat awal, urusan sekolah ini dikendalikan secara bersama oleh kerajaan Inggeris dan gereja di Pulau Pinang.¹⁹⁵ Selepas penubuhan *Penang Free School*, terdapat beberapa buah lagi sekolah seumpama itu, satu di Melaka iaitu *Malacca High School* (1826) dan *Victorian Institution* di Kuala Lumpur (1894).¹⁹⁶ Kemudiannya terdapat beberapa buah lagi sekolah Inggeris dibuka dan kebanyakannya diusahakan oleh persatuan pengembangan agama Kristian.

Pada tahun 1890, Rev. Fredecick Hames telah menubuhkan sekolah Inggeris di Jalan Melayu Kuala Lumpur, namun bilangan pelajarinya pada peringkat awal amatlah sedikit. Pada tahun 1892, bilangannya mula bertambah tetapi tidak melebihi 40 orang. Dari jumlah tersebut, 25 orang Cina, dua orang Melayu,(lelaki) dua orang Singh dan

¹⁹² Chai Hon Chan, *Development of British Malaya 1896-1909*, London: Oxford University Press, 1964, hlm. 229.

¹⁹³ Tan Ding Eing, *A Potrait Of Malaysia And Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 200.

¹⁹⁴ C.M.Turnbull, *The Straits Settlements 1826 – 1867 Indian Presidency To Crown Colony*, London: The Athlone Press, 1972, hlm. 223.

¹⁹⁵ Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd , 2001, hlm. 296 – 301.

¹⁹⁶ Sekolah Inggeris pertama yang ditubuhkan hasil daripada kehendak orang ramai. Sekolah tersebut ditubuhkan pada tahun 1893 bagi memperingati Jubli Intan pemerintahan Ratu Victoria. Lihat John Doraisamy, *Victoria Institution: the first century 1893-1999*, Kuala Lumpur: VI Centenary Celebration Committee, 1993, hlm. 1-3.

enam orang Eurasian.¹⁹⁷ Sekolah ini adalah di bawah kelolaan G.W Hepponstall dan merupakan teras kepada sekolah menengah Victoria Kuala Lumpur. H.R.Cheeseman menegaskan bahawa perkembangan sekolah-sekolah Inggeris di Tanah Melayu selepas pertengahan abad ke-19 banyak bergantung pada usaha persatuan pengembang agama Kristian yang tidak mendapat halangan oleh kerajaan British.¹⁹⁸ Pada akhir abad ke-19, kerajaan Inggeris mula membuat beberapa perubahan dalam bidang pendidikan dengan memperkenalkan sekolah-sekolah Inggeris bantuan kerajaan dan mengambil alih sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh mubaligh Kristian.¹⁹⁹

Tambahan pula, pada awal abad ke-20, sekolah-sekolah persendirian ini telah menghadapi masalah kewangan.²⁰⁰ Walau bagaimanapun tidak semua sekolah Inggeris persendirian diambil alih oleh kerajaan British. Sekolah-sekolah lain terus kekal sebagai sekolah separa bantuan kerajaan.²⁰¹ Selain itu, pihak British juga merasakan peluang untuk belajar di sekolah Inggeris harus diberi kepada anak-anak raja dan pembesar negeri. Golongan ini perlu diberi pendidikan Inggeris bagi menyenangkan mereka berurusan dengan pentadbir British pada ketika itu. Peraturan ini juga dilihat selari dengan kenyataan yang dibuat oleh Frank Swettenham pada 5 Mei 1891 yang menyatakan;

Adalah satu yang berbahaya sekiranya memberi pendidikan Inggeris tanpa sebarang diskriminasi. Ia tidak seharusnya diberikan secara

¹⁹⁷ Lihat H.R.Cheeseman, Education In Malaya 1900–1941, *Malaysian In History*, Vol. 22, 1979, hlm. 127.

¹⁹⁸ Ibid.

¹⁹⁹ Paul Chang Ming Phang, *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum: Kajian Kes Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975, hlm. 1.

²⁰⁰ Sebelum tahun 1919, sekolah-sekolah bantuan kerajaan mendapat bantuan per kapita dan bebas daripada pengawasan kerajaan. Segala rekod kewangan akan diaudit oleh Jabatan pelajaran. Pihak kerajaan juga akan membayar separuh daripada kos perbelanjaan sekiranya ada pembinaan sekolah baru atau bangunan tambahan. Setelah menerima bantuan sekolah ini akan diletakkan di bawah pengawasan kerajaan. Sebelum 1918, bantuan juga diberikan berdasarkan kepada kelulusan seseorang murid. Kelulusan ini ditentukan melalui peperiksaan yang akan diadakan oleh Inspektor Sekolah-Sekolah pada akhir tahun. Contoh bantuan ialah \$ 3.00 bagi setiap murid yang lulus dan \$ 2.00 setahun bagi murid-murid yang hadir ke sekolah tidak kurang 200 hari dalam setahun. Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat Ho seng Ong, *Education for Unity in Malaya*, Malayan Teacher's Union, Pulau Pinang, 1952, hlm.70.

²⁰¹ Paul Chang Ming Phang, *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum: Kajian Kes Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975, hlm. 4.

meluas melainkan di sekolah-sekolah yang tertentu dan saya merasakan pendidikan ini tidak perlu untuk semua...²⁰²

Pada tahun 1880-an, hanya terdapat tiga buah sekolah Inggeris kerajaan di Perak dan Selangor sepanjang tahun 1883 hingga 1885.²⁰³ Manakala sekolah-sekolah Inggeris yang lain ditubuhkan oleh mubaligh-mubaligh telah mendapat sedikit bantuan daripada kerajaan British. Sekolah-sekolah Inggeris juga hanya ditubuhkan di bandar-bandar utama di NNMB. Keadaan ini menyebabkan peluang untuk mendapatkan pendidikan Inggeris hanya terbuka kepada anak-anak imigran Cina dan India di samping anak-anak raja dan bangsawan Melayu yang sememangnya tinggal di kawasan berkenaan. Kerajaan British juga merasakan pendidikan Inggeris tidak perlu diberikan secara terbuka kepada orang Melayu kerana tindakan ini tidak ekonomik dan membahayakan kedudukan British di Tanah Melayu.²⁰⁴

Sejajar dengan tertubuhnya sekolah-sekolah Inggeris ini, British juga berhasrat untuk mendirikan sekolah perempuan Inggeris. Sekolah perempuan Inggeris yang pertama dikesan adalah pada awal abad ke-19 di Pulau Pinang. Sekolah berkenaan ialah The Anglican Chaplain yang ditubuhkan pada tahun 1817. Sekolah ini ditubuhkan oleh mubaligh-mubaligh Kristian yang mendapat bantuan dan sokongan daripada Persatuan Kristian di England atau London Missionary Society.²⁰⁵ Sekolah ini merupakan sebahagian daripada *Penang Free School* yang diasaskan pada tahun sebelumnya. Tujuan asal penubuhan The Anglican Chaplain adalah untuk memberi pendidikan

²⁰² Lihat kenyataan yang dibuat oleh Frank Swettenham dalam Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators: British Educational Policy Towards The Malays 1875 – 1906*, London, University Press, 1975, hlm. 57. “*Is a dangerous event that provide English education without any discrimination. It should not be given widespread except in certain schools and I feel this education should not be for all...*”

²⁰³ Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1964, hlm. 230.

²⁰⁴ Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, hlm. 230.

²⁰⁵ R.J.H. Sidney, *In British Malay Today*, London: Hutchinson and Co, 1927, hlm. 25. Lihat Juga Makepeace, Walter, et.al, *One Hundred Years of Singapore*, London: J. Murry, 1921, hlm. 448. *In 1840, as a member of the London Missionary Society, he opened a day school for Malays in Kampung Glam, but have to give that up owing to this pupils.*

kepada anak-anak perempuan golongan pegawai-pegawai kerajaan dan juga orang Eropah.²⁰⁶

Selepas penubuhan The Anglican Chaplain, beberapa buah sekolah perempuan Inggeris lain mula di buka di NNS. Sekolah-sekolah yang muncul kemudiannya juga menggunakan pendekatan *Free School* iaitu terbuka kepada semua kaum dan agama. sekolah perempuan Inggeris kedua di Tanah Melayu iaitu *Raffles Girls' School* dibuka pada 4th Mac 1844 dengan jumlah pelajar seramai 11 orang.²⁰⁷ Sekolah berkenaan juga diasaskan oleh London Missionary Society yang bertujuan untuk menyebarkan agama Kristian dalam kalangan penduduk di tanah jajahan British.²⁰⁸ Walau bagaimanapun, pada peringkat awal, pelajar-pelajar perempuan yang bersekolah di sekolah ini adalah terdiri daripada anak-anak pentadbir British yang berkhidmat di Singapura. Selain itu, terdapat juga pelajar-pelajar dalam kalangan anak-anak perempuan penganut Protestant yang tidak berkemampuan.²⁰⁹

This school (*Raffles Girls School*), as already mentioned was opened in the institution building on the 4th March 1844, with eleven pupils, six of whom were boarder receiving food, clothing, and education free, and five day scholars.²¹⁰

²⁰⁶ R.J.H. Sidney, *In British Malay Today*, hlm. 25.

²⁰⁷ Sekolah ini pada peringkat awal ditubuhkan oleh LMS (London Missionary Society) pada 1844, kemudiannya pada tahun 1903, sekolah ini telah diambil alih oleh kerajaan British. Pengambilalihan ini adalah disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh sekolah. Bermula tahun 1903 sekolah ini merupakan sekolah yang menawarkan pelajaran peringkat rendah dan menengah. "*Combined Secondary and Primary School*". Lihat D.D. Chelliah, *A History of The Education Policy of Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on vernacular*, Tesis Ph.D, University of London, 1940, hlm. 48.

²⁰⁸ *Raffles Girls School with objective of sheltering the girls from many temptations to which they appeared to be exposed. Moral and religious education received preference over general education.* Lihat Gwee Yee Hean, *150 Years of Education in Singapore*, Singapore: TTC Publication Board, Training College, 1969, hlm. 22.

²⁰⁹ D.D. Chelliah, *A History of The Education Policy of Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on vernacular*, hlm. 45. *A Female school designed for education and religious training of the children of poor Protestant parents...*

²¹⁰ Makepeace, Walter, et.al, *One Hundred Years of Singapore*, hlm. 443.

Seterusnya pada tahun 1870, sekolah perempuan Inggeris mula ditubuhkan di Banda Hilir, Melaka. Sekolah berkenaan ialah Sekolah Convent Infant Jesus.²¹¹ Pada peringkat awal sukatan pelajaran yang digunakan adalah kemahiran membaca, menulis, mengira dan juga satu mata pelajaran wajib iaitu pembelajaran kitab Bible.²¹² Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah ini sering menghadapi masalah kewangan terutama bagi menampung perbelanjaan dan pembayaran gaji guru. Akibatnya pada tahun 1870 sekolah-sekolah perempuan ini terpaksa diambil alih oleh pihak kerajaan British.²¹³

Di NNMB Sekolah Perempuan Inggeris pertama dibuka di Perak pada tahun 1895.²¹⁴ Daripada lima buah sekolah Inggeris yang dibina di Taiping, satu daripadanya ialah sekolah perempuan Inggeris yang dikenali sebagai Sekolah Perempuan Inggeris Taiping (English Girls School Taiping).²¹⁵ Jumlah pelajar berdaftar di sekolah berkenaan adalah seramai 21 orang dan jumlah kedatangan direkodkan amat baik. Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan jumlah pelajar perempuan mengikut kaum di sekolah berkenaan.

The Taiping Girl's School presented 21 pupils in standard I-IV and obtained 97 per cent of passed- on extremely good percentage. There is a marked improvement in the attendance, which averaged daily 76 percent of the enrolment.²¹⁶

Pada tahun 1898, terdapat dua buah Sekolah Perempuan Inggeris di Perak dan sebuah di Selangor. Walau bagaimanapun, tidak terdapat satu pun Sekolah Perempuan

²¹¹ Sekolah Convent Infant Jesus yang terletak di Banda Hilir Melaka ialah sekolah perempuan Inggeris tertua di Melaka. Bangunan sekolah ini dibahagi dua iaitu sekolah rendah dan sekolah menengah dan dibina berhampiran dengan gereja. Lihat Mohd Bakri Jaffar & Azmy Morsidi, *25000 km Menjelajah Warisan Kita, Untuk Mu Malaysia-Sempena 50 Tahun Merdeka*, Kuala Lumpur: Penerbit Perpustakaan Negara Malaysia, 2007, hlm. 195.

²¹² D.D. Chelliah, *A History of The Education Policy of Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on vernacular*, Tesis Ph.D, University of London, 1940, hlm. 43. *At a general meeting of the subscribers held on the 11th May, 1838, it was resolved that the Bible be used as a class book...*

²¹³ D.D.Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800-1925, with recommendation for a new system based on the vernacular*, hlm. 38-46.

²¹⁴ Lihat Annual Report on Education for the year 1895, hlm. 383 dalam *Perak Government Gazette 5th June 1896* dalam CO 467/7.

²¹⁵ Chai Hon Chan, *Development of British Malaya 1896-1909*, hlm. 234.

²¹⁶ Annual Report on Education for the year 1895, hlm. 383.

Inggeris didirikan di Negeri Sembilan dan Pahang.²¹⁷ Seterusnya pada tahun 1899, tiga orang rahib wanita telah dihantar oleh Gereja Convent Pulau Pinang ke Taiping bagi membuka sekolah Inggeris untuk murid-murid perempuan. Pada awal pembukaannya jumlah pelajar perempuan yang berdaftar adalah seramai 60 orang dan kemudiannya semakin meningkat dan telah menyebabkan pihak pentadbiran mencari tapak baharu untuk membuka sekolah baharu. Walau bagaimanapun, sekolah ini hanya siap dibina pada tahun 1900 dan dibuka untuk pembelajaran pada tahun yang sama.²¹⁸

Pada tahun 1896, Sekolah Perempuan Methodist (Methodist's Girls School) telah dibuka di Jalan Chamberlian, Ipoh, Perak dan merupakan Sekolah Perempuan Inggeris tertua di Ipoh dan yang kedua di negeri Perak. Sekolah ini pada asalnya bermula sebagai kelas tambahan untuk murid perempuan di sekolah lelaki Rev. Horly Anglo Chinese School Ipoh. Oleh sebab kesukaran untuk mendapatkan bangunan, Rev. Horley telah membenarkan murid perempuan menumpang sementara di bangunan Sekolah Anglo Chinese School. Setelah melihat sambutan yang menggalakkan terutamanya dari segi pertambahan murid maka baharulah pihak missionary memikirkan untuk membina sebuah sekolah yang berasingan. Walau bagaimanapun hanya pada tahun 1927, baharulah bangunan Sekolah Methodist ditubuhkan dan mereka mula berpindah ke sekolah baharu.²¹⁹

²¹⁷ Report on Education in the Federated Malay States for the year 1898, hlm.7 dalam *Supplements to the "Perak Government Gazette, 1st September 1899* dalam CO 467/10.

²¹⁸ Mohd Bakri Jaffar & Azmy Morsidi, *25000 km Menjelajah Warisan Kita, Untuk Mu Malaysia-Sempena 50 Tahun Merdeka*, Kuala Lumpur: Penerbit Perpustakaan Negara Malaysia, 2007, hlm.284.

²¹⁹ Mohd Bakri Jaffar & Azmy Morsidi, *25000 km Menjelajah Warisan Kita, Untuk Mu Malaysia-Sempena 50 Tahun Merdeka*, hlm.294.

Jadual 2.4: Sekolah-Sekolah Perempuan Inggeris Di Perak

Tahun	Nama Sekolah	Daerah
1895	Sekolah Perempuan Inggeris Taiping	Taiping
1896	Sekolah Perempuan Methodist	Ipoh
1907	Sekolah Convent	Ipoh

Sumber: Annual Report on Education for the year 1895 dalam *Perak Government Gazette* 5th June 1896 dalam CO 467/7. Lihat juga *Perak Government Gazette* 7th Feb 1907 dalam CO 467/19.

Manakala sekolah Inggeris pertama yang didirikan di Selangor untuk kanak-kanak perempuan ialah Sekolah Perempuan Inggeris Kuala Lumpur yang ditubuhkan pada 3 Ogos 1896 dengan jumlah pelajar berdaftar seramai 32 orang.²²⁰ Selain itu, terdapat juga sekolah Inggeris yang didirikan khas bagi peringkat rendah dan menengah bagi kanak-kanak perempuan di Kuala Lumpur ialah Sekolah Inggeris Bukit Bintang pada tahun 1893, Sekolah Perempuan Methodist pada tahun 1896, Sekolah Convent Bukit Nanas pada tahun 1899,²²¹ St. Mary's Girls School pada tahun 1912 dan Sekolah rendah dan menengah Inggeris Pudu pada tahun 1914.²²² Kesemua sekolah perempuan Inggeris pada peringkat awal tertumpu di Kuala Lumpur.

An English Girl's School was opened during the year at Kuala Lumpur under the charge of a certificated teacher, and there were 32 name enrolled on the register. The school supplies a long-left want and appears to be much appreciated.²²³

²²⁰ Annual Report by the British Resident of Selangor for the year 1896, hlm. 2 dalam Annual Report Selangor 1896-1905 dalam CO 439/2.

²²¹ Sekolah Convent Bukit Nanas dibina pada tahun 1899 (Sekolah asal) oleh Mother St Andre Holy Infant Jesus Singapura. Setelah 2 tahun dibina, jumlah pelajarinya meningkat seramai 80 orang. Pada tahun 1901, pihak pengurusan sekolah telah membeli bangunan Hotel Victoria di Brickfields untuk dijadikan sekolah. Oleh sebab sekolah sering kali dilanda banjir maka dipindahkan ke Bukit Nanas dengan bangunan baharu pada tahun 1911. Lihat Mohd Bakri Jaffar & Azmy Morsidi, *25000 km Menjelajah Warisan Kita, Untuk Mu Malaysia-Sempena 50 Tahun Merdeka*, hlm. 29.

²²² Hasnah Muhammad Ali, Nurzan Mohd. Wahid dan Rashila Ramli, *Warisan Puteri Melayu Dari MGC ke TKC (1947-1997)*, Kuala Lumpur: Penerbit Old Girls Association, 2000, hlm. 6. Lihat juga *Selangor Government Gazettes* 1897 dalam CO 469.7.

²²³ Annual Report by the British Resident of Selangor for the year 1896, hlm. 2 dalam CO 439/2.

Jadual 2.5: Sekolah-Sekolah Perempuan Inggeris Di Selangor Sebelum Tahun 1900

Tahun	Nama Sekolah	Daerah
1893	Bukit Bintang	Kuala Lumpur
1896	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
1896	Methodist	Kuala Lumpur
1899	Convent Bukit Nanas	Kuala Lumpur

Sumber : Annual Report by the British Resident of Selangor for the year 1896–1905 dalam Annual Report Selangor 1896-1905 dalam CO 439/2.

Di Negeri Sembilan, sekolah perempuan Inggeris pertama ditubuhkan di Seremban pada tahun 1902 yang diasaskan oleh St. Paul's Mission. Sekolah ini dilaporkan mendapat bantuan daripada kerajaan British sebanyak \$4,000 untuk membina bangunan dan menyediakan kemudahan lain.²²⁴ Kemudiannya sebuah lagi sekolah perempuan Inggeris di buka di Seremban pada tahun 1904 atas usaha Yam Tuan Negeri Sembilan. Sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Convent Seremban. Menurut laporan *Negeri Sembilan Administration Report 1905*, terdapat 61 orang pelajar di sekolah berkenaan dari darjah satu sehingga darjah lima.

Its enrolment for year averaged 61, and 35 children were presented for examination in Standards I-V. the work was satisfactory throughout and the Sister are to be congratulated on the success of their first year's effort. The teaching staff is strong for the present attendance.²²⁵

Dari segi kurikulum, pembelajaran di sekolah Inggeris sebelum 1870 mengambil masa selama empat hingga lapan tahun.²²⁶ Walau bagaimanapun, pada peringkat awal, setiap sekolah mempunyai kurikulumnya yang tersendiri dan berbeza antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Sebagai contoh kurikulum bagi *Singapore Institution*

²²⁴ Lihat Negeri Sembilan Administration Report for the year 1903 to the Resident-General (W. Hood Treacher (C.M.G), hlm. 35 dalam Supplements to the "Negeri Sembilan Government Gazette," May 20 1904 dalam CO 463/5. *A large girls school (English) was commenced in Seremban by the St. Paul's Mission, towards which Government will subscribe \$4,000.*

²²⁵ *Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1905*, by D.G. Campbell, hlm. 8.

²²⁶ Paul Chang Ming Phang, *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum: Kajian Kes Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975.hlm. 25-26.

Free School (1838-1839) adalah sehingga darjah empat sahaja, manakala bagi *The Free School, Melaka* (1848) pula sehingga darjah lapan.²²⁷ Pihak pengurusan sekolah bertanggungjawab untuk menentukan sukatan dan juga tempoh masa bagi seseorang pelajar menamatkan pengajian. Keadaan ini disebabkan tiadanya peraturan dan kawalan oleh pihak kerajaan British. Jadual 1.6 menunjukkan perbezaan yang ketara di antara kurikulum *Singapore Institution Free School* dan *The Free School Malacca* sebelum tahun 1870.

Jadual 2.6: Perbezaan Kurikulum Sekolah-sekolah Inggeris Sebelum 1870

Singapore Institution Free School (1838-1839)	The Free School Malacca (1848)
First or Head Class: Roman History; Astronomi; English Composition; Problem in the use of Globes, with Dictionary; writing and Arithmetic	Top Class: English Grammar; Parsing; Exercises in false Syntax; Writing; Dictation; Problem in the Terrestrial Globes; Carpenter's Spelling; Reading and Arithmetic.
Second Class: Outlines of History; Geography; Grimmer Exercises; writing and Arithmetic.	Second Class: The same, omitting Problems in the Globes
Third Class: English Grammar; Geography; Spelling; Reading; Writing and Arithmetic	Third Class: Spelling, reading, Writing and Arithmetic.
Fourth Class: Reading; Easy Spelling; Object Lessons; Writing and Arithmetic.	Fourth Class: The same.
	Fifth Class: Spelling (Disyllables); Reading and Writing on slates.
	Six and Seventh Class: Spelling (Monosyllables); and Writing on slates
	Eight Class: The Alphabet

Sumber: D.D.Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800-1925, with recommendation for a new system based on the vernacular*, Singapura: G.H. Liat and Co. Ltd., 1960, hlm.38-46.

²²⁷ D.D.Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800-1925, with recommendation for a new system based on the vernacular*, Singapura: G.H. Liat and Co. Ltd., 1960, hlm. 50.

Dalam laporan Blundell, beliau menyatakan bahawa pendidikan Inggeris yang disediakan pada peringkat awal ini adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan asas membaca, menulis, mengira di samping pengetahuan mengenai geografi, sejarah dan geometri. Ini disebut dalam kenyataan berikut:

When Blundell made his report, boys and girls, “received more or less of education, the maximum being little beyond good reading, writing and arithmetic, with a fair knowledge of geography and some acquaintance with Grammar, History and the Elements of Geometry.”²²⁸

Keadaan mula berubah selepas tahun 1870, apabila kerajaan mula mengambil alih pengurusan dan pentadbiran sekolah-sekolah Inggeris. Kurikulum dan tempoh masa pengajian juga mula berubah mengikut objektif yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Pada peringkat rendah, tempoh pembelajaran mengambil masa selama lima tahun iaitu Primary Satu, Primary Dua, kemudiannya standard Satu hingga standard Lima (Standard I-V).²²⁹ Peringkat menengah pula mengambil masa selama empat tahun yang bermula dengan standard enam, standard tujuh iaitu bermula dengan peperiksaan *Junior Certificate Class* dan berakhir dengan *Senior Certificate Class*.²³⁰ Murid-murid perempuan sekolah Melayu yang ingin memasuki sekolah Inggeris perlu melalui kelas peralihan (*Special Class*) selama dua tahun. Mereka kebiasaannya akan menghadapi kesukaran kerana terpaksa menguasai bahasa pengantar iaitu bahasa Inggeris.²³¹

²²⁸ D.D.Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800-1925, with recommendation for a new system based on the vernacular*, hlm. 51.

²²⁹ Kurikulum bagi sekolah rendah Inggeris termasuklah bahasa Inggeris, ilmu kira-kira, Tawarikh, Ilmu Alam, Ilmu Sains, Sains Kesihatan dan Latihan Jasmani. Penekanan pelajaran di sekolah rendah ialah penekanan kepada “3M” iaitu membaca, menulis dan mengira. Kurikulum sekolah menengah pula ialah Bahasa Inggeris, Kesusteraan Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Sains Am, Ilmu Tumbuhan, Fizik, Biologi, Kimia, Sejarah, Ilmu Alam, Sains Kesihatan, Latihan Jasmani bahasa kedua sama ada, Bahasa latin, Bahasa Cina, Bahasa Melayu dan Bahasa Urdu. Untuk keterangan lanjut sila lihat Federic Mason, *The School Of Malaya*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1959, hlm. 4.

²³⁰ Tan Ding Eing, *A Portrait Of Malaysia And Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, , 1977, hlm. 202.

²³¹ Education Policy in Malaya dalam CO 717/53/14, *Mr Mayhew emphasized the co-existence of two different systems of teaching English, is one of which a start was made only after completing the vernacular primary course, while the others introduced English at the very beginning of the school course*. Lihat juga The Policy of the Government of the F.M.S. Were Summarised in a Reply to a Question at a

Selain itu, kurikulum sekolah Inggeris juga lebih tersusun di mana mata pelajaran yang diajar adalah lebih bersifat akademik di samping mata pelajaran kesihatan dan juga kemahiran.²³² Mata pelajaran yang digunakan di Sekolah Inggeris adalah berteraskan akademik dan mengikut sukatan sekolah di London. Mata pelajaran seperti fizik, kimia, biologi adalah antara mata pelajaran penting yang diberi perhatian di sekolah Inggeris.²³³ Di samping mata pelajaran moden, Sekolah Inggeris juga mempunyai sistem peperiksaan yang tersusun dan sistematik. Mereka yang mempunyai kelulusan Sekolah Inggeris mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi termasuk ke universiti luar negara seperti mana kenyataan berikut:

At the annual inspection, 177 candidates presented themselves for examination in the Seventh Standard and 86 passed. In the Cambridge Local Examination held in December 1913 out of 174 candidates was entered, 101 gained passes. Six boys have recently go to Hong Kong to continue their studies at the university.²³⁴

Walau bagaimanapun, penyertaan pelajar-pelajar perempuan Melayu di sekolah-sekolah perempuan Inggeris adalah amat terhad dan hanya kelihatan pada tahun akhir 1900-an.²³⁵ Selain itu, peluang pendidikan Inggeris bagi kanak-kanak perempuan Melayu hanya dinikmati oleh anak-anak bangsawan dan raja-raja Melayu sahaja.²³⁶ Peluang untuk anak-anak perempuan Melayu dalam kalangan rakyat biasa adalah sukar kerana masalah perbelanjaan dan yuran persekolahan yang tinggi. Tambahan pula,

Meeting in the Federal Council Held on 28th July 1924 dalam Review of Education in S.S and F.M.S dalam CO 717/60/15,

²³² Terdapat pelbagai mata pelajaran yang diajar menggunakan bahasa pengantar Inggeris di peringkat rendah dan menengah. Lihat CO 717/53/14.

²³³ *Education Policy In Malaya* (No. Fail C.F.20671) dalam CO 717/53/14.

²³⁴ Lihat Federated Malay States, Selangor Administration Report 1915 dalam CO 439/3

²³⁵ Antara pelajar Melayu pertama yang dikesan mendapat pendidikan Inggeris ialah Sofiah Abdullah. Beliau mendapat pendidikan Inggeris di Sekolah Convent, Bukit Nanas, Kuala Lumpur pada tahun 1907. Lihat Hasnah Muhammad Ali, et.al, *Warisan Puteri Melayu Dari KGC ke TKC (1947-1997)*, Kuala Lumpur : Penerbit Old Girl's Association (MGC/TKC), 2000, hlm. 6.

²³⁶ Hoo Yan Lee, *Pendidikan Inggeris di Seremban 1900 – 1957*, Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/1995. hlm. 4.

syarat kemasukan ke sekolah perempuan Inggeris adalah amat ketat dan perlu melalui beberapa proses saringan seperti lulus peperiksaan dan temuduga.

Oleh yang demikian, hanya sebahagian kecil sahaja anak-anak perempuan Melayu berpeluang untuk belajar di sekolah-sekolah Inggeris dan mereka ini terdiri daripada anak golongan bangsawan, intelektual Melayu dan pembesar tempatan. Tambahan pula, ramai ibu bapa Melayu terutamanya pada peringkat awal enggan menghantar anak perempuan mereka ke Sekolah Inggeris kerana faktor agama dan keselamatan. Mereka dikatakan bimbang anak-anak mereka akan terpengaruh dengan fahaman agama Kristian dan juga bergaul bebas dengan budak-budak lelaki. Namun, keadaan ini telah berubah pada tahun 1920-an di mana secara beransur-ansur masyarakat Melayu mula menaruh kepercayaan terhadap sekolah Inggeris.

Perubahan sikap sebahagian besar ibu bapa terhadap sekolah Inggeris boleh dikaitkan dengan perkembangan ekonomi di NNMB pada tahun 1920-an. Perkembangan ekonomi juga telah membawa perubahan dari segi taraf hidup dan kemampuan dalam kalangan orang Melayu. Mereka juga bersedia untuk melepaskan anak-anak perempuan dan lelaki mereka ke sekolah Inggeris. Keadaan ini berbeza dengan sebelumnya di mana ibu bapa lebih cenderung untuk memaksa anak-anak mereka tinggal di rumah dan membantu pekerjaan harian mereka.

Pada tahun 1920-an dan 30-an, anak Melayu, lelaki dan perempuan diberi peluang memasuki sekolah Inggeris melalui *Special Malay Class*. Murid-murid dari darjah IV di sekolah rendah Melayu berada selama dua tahun dalam *Special Malay Class* sebelum mereka boleh memasuki Standard V di sekolah menengah Inggeris. Dari situ mereka terus belajar hingga ke Standard VII dan menduduki peperiksaan Sijil *Senior Cambridge*. Selepas memperoleh sijil pelajaran, mereka mempunyai peluang yang cerah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh yang

demikian, sekolah Inggeris mula menjadi tumpuan ibu bapa untuk menghantar anak mereka belajar.²³⁷

Selain itu, sekolah Inggeris juga dianggap menjadi tempat latihan untuk memenuhi kerja-kerja pentadbiran yang rendah. Pelajaran yang diterima akan membolehkan mereka mengambil bahagian dalam pentadbiran British sebagai pegawai-pegawai pentadbir rendah dan kerani di syarikat-syarikat perladangan dan perlombongan.²³⁸ Menjelang tahun 1910-an, orang Melayu mula menyedari bahawa lepasan Sekolah Inggeris akan menjanjikan peluang pekerjaan yang cerah berbanding sekolah Melayu. Oleh sebab yang demikian, ramai ibu bapa Melayu mula berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Inggeris.

The awakening of the Malay race to the advantages of English education has been widespread. In every states Malays seek admission to English school in increasing numbers and took full advantages of the government scholarship.²³⁹

Secara umumnya, perkembangan pendidikan Inggeris dalam kalangan anak-anak perempuan Melayu adalah amat perlahan dan terhad. Sekolah Perempuan Inggeris terawal dikesan pada awal abad ke-19 di Pulau Pinang dan kemudiannya berkembang di NNS yang lain seperti Melaka dan Singapura. Walau bagaimanapun, penyertaan pelajar-pelajar perempuan Melayu di Sekolah Perempuan Inggeris adalah agak lewat iaitu hanya pada awal abad ke-20. Pada peringkat awal juga pendidikan Inggeris hanya dinikmati oleh anak-anak perempuan Melayu golongan kerabat diraja, bangsawan dan juga ketua-ketua masyarakat sahaja. Manakala peluang untuk mendapatkan pendidikan Inggeris bagi anak-anak perempuan dari kalangan rakyat biasa adalah sukar.

²³⁷ Hasnah Muhammad Ali, Nurzan Mohd.Wahid dan Rashila Ramli, *Warisan Puteri Melayu Dari MGC ke TKC (1947-1997)*, Kuala Lumpur: Penerbit Old Girls Association, 2000, hlm, 2.

²³⁸ Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977, hlm. 28-29.

²³⁹ *Annual Report on Education in The Federated Malay States, 1920*, hlm. 2.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kedudukan, peranan dan status wanita Melayu banyak dipengaruhi oleh adat, budaya dan juga sistem kepercayaan masyarakat Melayu tradisional. Faktor ini jugalah yang telah menyebabkan wanita Melayu pada peringkat awal kurang diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan formal. Walau bagaimanapun, anak-anak perempuan Melayu sebenarnya tidak terlepas daripada menerima pendidikan sebagaimana anak-anak lelaki. Pada peringkat awal, pendidikan yang diberikan adalah dalam bentuk pendidikan tidak formal. Pendidikan pada peringkat ini lebih kepada pemindahan pengetahuan dan kemahiran daripada ibu kepada anak perempuan mengenai asas-asas pengurusan rumah tangga. Selain itu, mereka juga diberikan pendidikan agama sebagaimana anak-anak lelaki sama ada di rumah atau di surau. Setelah kemasukan British ke Tanah Melayu, anak-anak perempuan diperkenalkan pula dengan pendidikan bercorak formal. Walau bagaimanapun, penyertaan mereka dalam pendidikan ini agak lambat dan ketinggalan juga dibandingkan dengan anak-anak lelaki.

BAB 3

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN WANITA MELAYU

Pengenalan

Pembangunan pendidikan adalah berkaitan dengan keperluan untuk meningkatkan keupayaan pendidikan sedia ada agar bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa masyarakat dan negara. Pembangunan bukanlah semata-mata perubahan biasa, tetapi merupakan pembangunan yang dirancang dan berfokus. Tujuannya ialah supaya segala perancangan dan tindakan yang dibuat dapat membetulkan, memperbaiki dan meningkatkan prestasi pendidikan. Pembangunan pendidikan juga merujuk kepada usaha-usaha untuk memperbaiki polisi dan amalan pendidikan sedia ada agar perubahan-perubahan yang dibuat selari dengan perubahan-perubahan sosiopolitik dan sosiobudaya masyarakat dan negara. Pembangunan pendidikan juga tidak terhad kepada perubahan dalam sektor pendidikan, malahan ia turut melibatkan perubahan dalam sektor-sektor lain. Justeru itu, pembangunan dalam bidang politik dan juga ekonomi adalah berkait rapat dengan pembangunan pendidikan. Oleh yang demikian, aspek-aspek pembangunan pendidikan seperti objektif pendidikan, peluang pendidikan, kemudahan pendidikan, pengurusan dan pentadbiran, kurikulum dan peruntukan kewangan menjadi agenda utama dalam pembangunan pendidikan sesebuah negara.

Bab ini akan membincangkan pembangunan pendidikan wanita Melayu di NNMB dari tahun 1896 sehingga 1941. Perbincangan dimulakan dengan meneliti kemudahan-kemudahan infrastruktur fizikal untuk pendidikan wanita Melayu seperti bangunan sekolah, kemudahan pembelajaran dan juga kemudahan infrastruktur yang lain. Perbincangan seterusnya akan meneliti aspek pentadbiran dan pengurusan

pendidikan wanita yang melibatkan peranan dan fungsi pentadbiran sama ada di peringkat pusat, negeri, daerah dan juga sekolah. Selain itu, penelitian juga dibuat terhadap peraturan-peraturan (undang-undang), penyeliaan dan latihan perguruan. Seterusnya, perbincangan akan menyentuh mengenai aspek-aspek pembangunan kurikulum dan kokurikulum, peruntukan kewangan terhadap pembangunan pendidikan wanita Melayu.

Pembangunan Infrastruktur Fizikal

Pembangunan infrastruktur fizikal merupakan aspek yang penting dalam kemajuan dan perkembangan pendidikan. Pembangunan infrastruktur fizikal melibatkan pembinaan sekolah, penyediaan kemudahan pembelajaran dan pembinaan kemudahan perhubungan. Pembinaan sesebuah sekolah sebagai institusi pembelajaran merupakan salah satu elemen penting dalam sistem pendidikan moden. Sebelum kemasukan British ke Tanah Melayu, institusi pendidikan seperti surau, masjid dan pondok telah menjadi institusi penting dalam pendidikan orang Melayu. Manakala kewujudan sekolah sebagai institusi pendidikan moden telah wujud pada abad ke-19 lagi dan seterusnya berkembang pada abad ke-20. Penglibatan British secara rasmi dalam pembinaan dan pembukaan sekolah-sekolah Melayu termasuk sekolah perempuan bermula selepas tahun 1870, apabila Akta Pendidikan (Forster's Education Act)¹ telah diluluskan oleh kerajaan British di England.

Setelah kewujudan akta ini, kerajaan British mula mengambil alih dan memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah yang terdapat di Tanah Melayu. Sekolah-sekolah mubaligh, sekolah-sekolah persendirian dan sekolah-sekolah Melayu mula diambil alih oleh kerajaan dan dikenali sebagai Sekolah Kerajaan (Government School)

¹ Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward the Malay 1875 – 1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 23.

dan Sekolah Bantuan Kerajaan (Aided School). Selepas tahun 1870, sekolah-sekolah Melayu yang diletakkan di bawah kategori Sekolah Kerajaan adalah tertakluk kepada peraturan dan arahan kerajaan British. Mengikut peraturan, setiap sekolah vernakular Melayu yang ingin ditubuhkan mestilah mengikut garis panduan penubuhan sekolah sebagaimana yang diarahkan oleh kerajaan British. Sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria yang ditetapkan akan diberikan bantuan kewangan dan bantuan-bantuan lain oleh pihak kerajaan.²

Pada peringkat awal, pembinaan sekolah untuk kanak-kanak perempuan Melayu bermula di NNS dan kemudiannya berkembang di NNMB dan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, pembinaan sekolah-sekolah perempuan Melayu di NNMB adalah perlahan dan terhad jika dibandingkan dengan pembinaan sekolah untuk kanak-kanak lelaki. Di Perak sekolah perempuan dibina di daerah Larut, Matang, Kuala Kangsar, Upper Perak, Selama dan Kerian. Tumpuan penubuhan sekolah-sekolah perempuan di kawasan-kawasan berkenaan adalah disebabkan oleh faktor ekonomi dan juga faktor jumlah penduduk Melayu yang ramai.³ Kawasan ini juga merupakan kawasan golongan elit Melayu seperti golongan diraja dan juga bangsawan. Sebagai contoh sekolah perempuan pertama yang ditubuhkan di Perak iaitu di Taiping⁴ adalah merupakan kawasan perlombongan biji timah, bandar diraja (*Royal Capital*) dan juga kawasan yang mempunyai penduduk Melayu yang agak ramai.⁵

² Walau bagaimanapun, kerajaan British tidak mengambil tindakan sebagaimana yang termaktub dalam akta berkenaan. Laporan penambahbaikan berkenaan hanyalah sekadar cadangan Gabenor Sir Harry Ord sahaja. "No action was taken by the Government after the submission of the Report, and it was only on the request of the Governor, Sir, Harry Ord in 1872. Lihat Gwee Yee Hean, et.al, *150 Years Of Education In Singapore*, Singapore: TTC Special Publication, 1969, hlm. 26.

³ Pada abad ke-19, kawasan terpenting biji timah ialah di Perak, Selangor dan Sungai Ujong. Pada tahun 1839 pengeluaran biji timah bagi negeri Perak adalah sebanyak 7500 pikul, Selangor, 3600 pikul dan Sungai Ujong 7000 pikul. Lihat Amarjit Kuar, *Semenanjung Tanah Melayu Pada Abad Ke-19: Suatu Tinjauan Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 12-13.

⁴ Nama Taiping ialah Kelian Pauh manakala Kemunting dikenali sebagai Kelian Baru setelah tamatnya kekacauan di Larut pada tahun 1874. Pihak British telah menamakan Kelian Pauh kepada Taiping dan bermulalah era campur tangan British di Larut. Lihat Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu kota Perak*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1994, hlm.1-5.

⁵ Penglibatan orang Melayu dalam perusahaan biji timah di Perak telah bermula pada abad ke-16 lagi. Emmanuel Gadinho de Eredia menulis berkenaan penglibatan pegawai-pegawai Portugis di Melaka yang

Jadual 3.1: Sekolah Perempuan Melayu di Perak Dan Selangor Pada Tahun 1898

No	Negeri Perak	Negeri Selangor
1	Sekolah Perempuan Melayu Taiping (Larut)	Sekolah Perempuan Melayu Bandar (Kuala Langat)
2	Sekolah Perempuan Melayu Matang Matang)	Sekolah Perempuan Melayu Kajang
3	Sekolah Perempuan Melayu Kuala Kangsar (Kuala Kangsar)	Sekolah Perempuan Melayu Kuala Selangor
4	Sekolah Perempuan Melayu Janing (Upper Perak)	Sekolah Perempuan Melayu Kuala Lumpur
5	Sekolah Perempuan Melayu Jalan Baharu (Kerian)	
6	Sekolah Perempuan Melayu Kuala Selama (Selama)	
7	Sekolah Perempuan Melayu Sungai Siakup (Kerian)	
8	Sekolah Perempuan Melayu Tanjung Piadang (Kerian)	
9	Sekolah Perempuan Melayu Bagan Serai (Kerian)	

Sumber: Diubahsuai daripada *Perak Government Gazettes July 17th 1897*, Appendix J Education. Lihat juga *Annual Report for the year 1899, Federated Malay States, Perak Administration Report, 1899*, Appendix J- Education, *Annual Report for the year 1899, Federated Malay States, Selangor Administration Report, 1899*, Appendix I, *Selangor Government Gazette, Friday, 11th February, 1898*, (V01.IX), hlm.221 dalam CO 467/7.

Berdasarkan jadual 3.1, sekolah-sekolah perempuan Melayu yang dibina di Selangor juga dibina di kawasan-kawasan pengeluar biji timah seperti di Kuala Langat, Kuala Selangor, Kajang dan Kuala Lumpur.⁶ Kawasan-kawasan ini merupakan kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk Melayu yang lebih tinggi berbanding daerah-

terlibat dalam perdagangan biji timah dengan pembesar negeri Perak pada tahun 1557-1600. Antara pembesar-pembesar Melayu yang menguasai perlombongan biji timah ialah Long Jaafar (kemudiannya Ngah Ibrahim anaknya) di Larut, Matang dan Selama dan Panglima Bukit Gantang di Kerian, Bukit Gantang dan Sungai Limau. Lihat Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001, hlm.25 dan 28-3.

⁶ Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi Di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 318. Kawasan perlombongan biji timah terbesar di Selangor ialah di Lembah Klang selain Kuala Langat, Kuala Selangor dan Kajang.

daerah lain di Selangor.⁷ Dalam *Selangor Sessional Papers; 1888 -1905*, menyatakan dengan jelas bahawa penubuhan sekolah-sekolah formal pada tahun awal 1900-an banyak bertumpu di Kuala Lumpur kerana faktornya sebagai pusat perkembangan ekonomi, pusat pentadbiran dan juga faktor bekalan tenaga buruh.⁸ Apa yang jelas, pengaruh ekonomi memainkan peranan penting dalam penubuhan sesebuah sekolah perempuan terutama di NNMB.

Pada tahun 1901, jumlah sekolah perempuan di NNMB bertambah menjadi 15 buah berbanding 11 buah pada tahun 1900. Walau bagaimanapun, di Selangor jumlah sekolah perempuan menurun daripada tiga buah pada tahun 1899 kepada dua buah pada tahun 1900.⁹ Situasi ini berbeza dengan sekolah untuk kanak-kanak lelaki yang dilaporkan bertambah daripada 31 buah pada tahun 1899 kepada 32 buah pada tahun 1900. Pada tahun 1900 juga, dua buah sekolah perempuan Melayu di Selangor terpaksa ditutup dan sebuah lagi terpaksa dipindahkan ke Kuala Lumpur kerana kekurangan pelajar.

In the absence of pupils, it became necessary to close two of the school during the year, and I have moved one of them in to Kuala Lumpur, in the hope that more enlightenment may be found among those who live in and around the town live and that the same insuperable obstacles may not be generally encountered.¹⁰

⁷ Negeri Selangor: Sungai Bernam di utara, Sungai Sepang di Selatan, Selat Melaka di barat dan Banjaran Gunung Titiwangsa di timur telah membentuk sebuah kerajaan "Selangor" yang luasnya 5,760 kilometer persegi. Berikutyanya dengan itu, apabila perusahaan melombong biji timah mula terkenal, nama-nama baru yang penting dengan penghasilan biji pula muncul seperti; Kancing, Petaling, Pengkalan Lumpur (Kemudian Kuala Lumpur), Cheras, Serdang, Kajang, Ampang dan beberapa tempat lain. Lihat Khoo Kay Kim dan Paiman bin Keromo, *Selangor Darul Ehsan, satu perspektif sejarah*, Selangor: Penerbit Muzium Negeri Selangor, 1989, hlm. 12-13

⁸ *Selangor Sessional Papers; 1888-1905* dalam CO 439/1-2. Kesemua sekolah-sekolah vernakular di Tanah Melayu pada peringkat awal bertumpu di kawasan bandar-bandar perlombongan biji timah. *There are Malay School at ten station, and that Kuala Lumpur includes an English Class. There are also Tamil and Chinese School at Kuala Lumpur.*

⁹ *Selangor Administration Report for the year 1900* dalam *Annual Report Selangor 1896-1905*, H.Conway Belfield (Acting British Resident, Selangor) 2nd April 1901, hlm.15 dalam CO 439/2. Menyatakan, "One new school for Malay boy was added to the list, and one girls' school was closed and another removed to a different situation." Keadaan ini adalah biasa terutama pada tahun-tahun 1900-an, di mana sekolah-sekolah yang mempunyai kurang pelajar akan ditutup atau dipindahkan ke tempat lain yang dirasakan akan mendapat sambutan yang lebih baik.

¹⁰ *Ibid.*, hlm.15.

Jadual 3.2: Statistik Sekolah Perempuan Melayu Di NNMB Pada Tahun 1898 Sehingga 1901

Tahun	Perak	Selangor	Negeri Sembilan	Pahang	Jumlah
1896	5	1	-	-	6
1897	7	2	-	-	9
1898	9	2	-	-	11
1899	8	3	-	-	12
1900	10	2	-	-	12

Sumber: *Perak Government Gazette*, 25th March 1898, hlm.177 dalam CO 467/9. Lihat *Selangor Government Gazette*, 2 Jan 1897, hlm.41 dalam *Annual Report on the State of Perak for the year 1896*, hlm54-55 dalam CO 469/7. Lihat *Annual Report on the State of Selangor for the year 1896*, hlm.10, Federated Malay States, Report on Education 1900, hlm.1 dalam CO 463/3.

Jadual 3.2 menunjukkan jumlah sekolah perempuan Melayu di NNMB dari tahun 1896 sehingga 1900. Daripada statistik di atas, jumlah sekolah perempuan Melayu menunjukkan peningkatan yang baik di Perak manakala di Selangor jumlah sekolah perempuan adalah tidak konsisten. Di Selangor terdapat sekolah yang terpaksa ditutup kerana dikatakan tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu. Alasan yang digunakan oleh kerajaan British untuk menutup sekolah berkenaan ialah disebabkan masalah kekurangan murid dan masalah kehadiran murid yang tidak menggalakkan. H.Conwey Belfield (*Acting Resident Selangor*) pada 2nd April 1901 melaporkan masalah utama perkembangan pendidikan wanita Melayu di Selangor adalah disebabkan sikap prejudis orang Melayu yang enggan membenarkan anak-anak perempuan mereka meninggalkan rumah untuk ke sekolah. Beliau menyatakan;

I regret to say that the progress of education among Malay girls show no improvement, the objection evinced by the parents especially in the country districts to let their daughter leave home for the propose of education being almost insurmountable.¹¹

¹¹ *Administration Report Selangor for the year 1900* dalam *Annual Report Selangor 1896-1905* by H. Conwey Belfield (Acting British Resident, Selangor) 2nd April 190.1

Situasi ini agak berbeza dengan negeri Perak di mana permintaan orang Melayu terhadap pendidikan untuk anak-anak perempuan adalah menggalakkan. Dalam laporan tahunan pendidikan bagi negeri Perak pada tahun 1899, J. Driver (*Inspector of School F.M.S*) melaporkan bahawa, *it is also gratifying to be able to report that the Perak Malays themselves are beginning to ask that girls' school may be established for their children.*¹² Kesedaran yang tinggi dalam kalangan orang Melayu di Perak berkenaan pendidikan untuk anak-anak perempuan telah menyebabkan berlakunya pertambahan bilangan sekolah-sekolah perempuan Melayu dari 13 buah pada tahun 1901 kepada 37 buah pada tahun 1910. Manakala di Selangor sepanjang tahun 1901 sehingga 1910 jumlah sekolah perempuan Melayu kekal kepada dua buah sahaja.¹³

J. Driver juga menyatakan rasa kesalnya terhadap perkembangan pendidikan perempuan di Selangor yang tidak menunjukkan peningkatan dan menganggap masalah ini adalah disebabkan oleh sikap penghulu dan ketua masyarakat tempatan yang dianggap berpura-pura menyatakan sokongan tetapi tidak bertindak sebagaimana yang dijanjikan. Situasi ini berbeza dengan masyarakat Melayu di Perak yang mempunyai kesedaran yang lebih tinggi terhadap pendidikan untuk anak-anak perempuan.¹⁴ Beliau menyatakan bahawa;

I cannot thinking in spite of the protestations of penghulu and headman in Selangor, who declare themselves very desirous of educating their girls, that their real attitude in this respect would be best indifference, if not of passive hostility until they learn to adopt the more enlightened views that appear to obtain in Perak.¹⁵

¹² Report on Education in the Federated Malay States for the year 1899 dalam *Perak Administration Report for the year 1899*, hlm. 2 dalam CO 467/11.

¹³ Report on Education 1900, hlm. 1-5 dalam *Selangor Government Gazette for the year 1901* dalam CO 469/11. Lihat juga Report On Education for the year 1903, hlm. 1 dalam *Selangor Government Gazette 1904* dalam CO 469/14 Lihat juga *Selangor Administration Report for the year (1906-1924)*, (1907, hlm.19, 1908, hlm.18, 1909, hlm.23 dan 1910, hlm. 20 dalam CO 439/3.

¹⁴ Report on Education in the Federated Malay States for the year 1899 dalam *Perak Administration Report for the year 1899*, hlm. 3 dalam CO 467/11.

¹⁵ *Perak Administration Report for the year 1899*, hlm. 3.

Jadual 3.3: Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu Di NNMB Dari Tahun 1901 – 19110

Tahun/Negeri	1901	1902	1903	1904	1905	1906	1907	1908	1909	1910
Perak	13	12	16	21	24	27	31	34	37	37
Selangor	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2
N.Sembilan	-	-	-	-	-	1	1	1	3	4
Pahang	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	15	14	18	23	26	30	34	37	42	43

Sumber: Report on Education 1900 dalam *Selangor Government Gazette for the year 1901*, hlm.1-5 dalam CO 469/11, Report On Education for the year 1903, hlm.1 dalam *Selangor Government Gazette for the year 1904* dalam CO 469/14, *Selangor Administration Report for the year 1906*, hlm.24, 1907, hlm.19, 1908, hlm.18, 1909, hlm.23 dan 1910, hlm.20 dalam CO 439/3.

Daripada statistik jadual 3.3 di atas jelas menunjukkan bahawa peningkatan jumlah Sekolah Perempuan Melayu di Perak jauh lebih baik berbanding dengan negeri Selangor. R.J. Wilkinson (*Inspector of School F.M.S*) dalam Laporan Pendidikan pada tahun 1904 juga menyatakan bahawa Perak merupakan satu-satunya negeri dalam NNMB yang menunjukkan peningkatan yang 10 kali ganda lebih baik berbanding dengan negeri-negeri lain dalam persekutuan.¹⁶ Pada tahun 1905 daripada 976 orang murid perempuan di NNMB, 925 orang adalah dari negeri Perak dan hanya 51 orang sahaja dari negeri Selangor.¹⁷

Female education is thus practically still confined to Perak. Here it found favour some years ago, and it is steadily extending. Now every kampung in the state is asking for a girls' school. Needless to say, this condition of things is simply the result of patient effort: patience and completes sympathy being necessary to win the trust of the Malay and inspire him with confidence in the merits of the gift held out to him for his children.¹⁸

¹⁶ Federated Malay States, Report on Education for the year 1904, hlm. 3 dalam *Selangor Government Gazette for the year 1905*, (Jan-Dec, Vol. XVI) dalam CO 469/15.

¹⁷ Resident-General's Annual Report, 1905, hlm. 15 dalam *Supplements to the Negeri Sembilan Government Gazette 1906, 27 July, 1906* dalam CO 463/7.

¹⁸ Federated Malay States, Report on Education for the year 1905, by H.B. Collinge (Acting Inspector of School F.M.S), hlm. 4 dalam *Perak Government Gazette for the year 1906*, Vol.XIX, January to December dalam CO 467/17

Selain itu, negeri Perak juga merupakan negeri yang tidak mengguna pakai undang-undang wajib ke sekolah atau *Compulsory Education* sebagaimana negeri-negeri lain dalam persekutuan.¹⁹ Keadaan ini menunjukkan bahawa kesedaran orang Melayu Perak terhadap pendidikan adalah sangat tinggi dan dilaporkan mengatasi kaum-kaum lain di Tanah Melayu.²⁰

In the most advanced of the Malay States-Perak- the number of Malay pupils is the times as great. There is no compulsion to attend school in Perak, and there are no rewards for proficiency in Malay such as there are for proficiency in English. It may fairly be claimed for these figures that they indicate a certain feeling of confidence in education for its own sake, and certainly no native shows these confidence except the Malay.²¹

Walau bagaimanapun, peranan dan komitmen kerajaan British terhadap pendidikan wanita sepanjang tahun 1896 sehingga 1910 masih lagi kabur kerana pembinaan dan pembukaan sekolah-sekolah perempuan Melayu sepanjang tahun berkenaan masih lagi dilakukan oleh orang-orang Melayu.²² Kerajaan British hanya akan memberi bantuan apabila sekolah berkenaan diwujudkan dan apabila diberi bantuan sekolah berkenaan akan terikat dengan syarat-syarat sebagai sekolah kerajaan (*Government School*) dan tertakluk kepada peraturan atau *Draf Code Of Regulations Government Grant-In-Aid, English And Vernacular School In The Federated Malay*

¹⁹ Report by The Resident General on the Federated Malay States to His Excellency the High Commissioner, 1901, by W.H. Teacher, hlm. 18. dalam Annual Report by Resident General 1896-1906 dalam CO 576/1. Laporan berkenaan jelas menyatakan hanya Perak dan Pahang tidak mempunyai undang-undang wajib ke sekolah. *In Selangor, 1891, and in Negeri Sembilan, 1900 laws were passed for enforcing the attendance at school of Malay... Neither Perak nor Pahang have adopted this legislation, and it happens to be a fact that the percentage of attendance is higher in the former than in two latter state.*

²⁰ Report by The Resident General on the Federated Malay States to His Excellency the High Commissioner, 1901, by W.H. Teacher, hlm. 18. dalam *Annual Report by Resident General 1896-1906* dalam CO 576/1. *Perak (Malay) it may fairly be claimed for these figures that they indicate a certain feeling of confidence in education for own sake, and certainly no native race shows this confidence except the Malays.*

²¹ Federated Malay States, Report on Education for the year 1904, hlm .3 dalam *Selangor Government Gazette for the year 1905*, (Jan-Dec, Vol. XVI) dalam CO 469/15.

²² Sepanjang tahun 1896 sehingga 1920-an, semua Sekolah Perempuan Melayu di negeri-negeri Melayu Bersekutu diusahakan sendiri oleh orang Melayu sama ada dari segi penyediaan tempat, menyewa bangunan atau mendirikan bangunan sementara. Bantuan hanya diberikan selepas sekolah berkenaan diwujudkan. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1923 dalam Federated Malay States Annual Report For The Year 1923, hlm.9 dalam CO 576/26.

*States for the year 1898.*²³ Sekolah-sekolah yang menerima bantuan kerajaan (sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan) juga terikat kepada syarat-syarat mengenai jumlah pelajar berdaftar dan juga kedatangan yang mesti mengikut garis panduan yang disediakan.²⁴ Oleh sebab yang demikian, terdapat beberapa sekolah terutamanya di Selangor terpaksa ditutup kerana jumlah pelajar yang sedikit dan sesetengah sekolah dipindahkan ke kawasan lain yang mempunyai jumlah penduduk Melayu yang lebih ramai.²⁵ Kerajaan British juga berpendapat adalah merugikan sekiranya sekolah yang tidak mempunyai pelajar yang mencukupi terus beroperasi kerana British terpaksa mengeluarkan peruntukan untuk membayar gaji guru dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang lain.

When the first Residents and their colleagues took up their posts in the Protected Malay States, the subject of education policy towards the Malay had almost certainly not entered their thought. As one of them, Sir Frank Swettenham, later confessed in an interview with Daily News correspondent in 1897, I do not pretend that we went into the Malay States as philanthropists.²⁶

Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan British tidak mempunyai perancangan untuk memajukan pendidikan orang Melayu terutamanya pendidikan untuk anak-anak perempuan. Masalah kehadiran pelajar di sekolah-sekolah perempuan Melayu dijadikan alasan oleh pihak British untuk terus menutup sekolah-sekolah

²³ *Draft Code Of Regulations Government Grant-In-Aid, English And Vernacular School In The Federated Malay States 1898*, Taiping: Printed At The Perak Government Printing Office, hlm. 38.

²⁴ Lihat *Education Code For The Straits Settlements* (Approved by The Governor in Council on the 16th March 1908), Singapore, Printed at the Government Printing office, 1908, hlm. 1-10.

²⁵ Annual Report on Education in Federated Malay States for the year 1911, hlm.4 dalam *Supplements to the F.M.S Government Gazette, 21 May 1912* by G.A. Hall (Acting Director of Education S.S and F.M.S) dalam CO 576/11. Laporan berkenaan Pengarah pelajaran melaporkan bahawa beberapa buah sekolah terpaksa ditutup kerana jumlah pelajar yang dianggap sedikit dan tidak ekonomik. *Selangor and Perak show a small increase, but both enrolment and attendance decreased in Negeri Sembilan owing to the usual amount of illness, several school were closed for a long time periods and other were merely kept open as convenient centre.*

²⁶ Lihat Rex Stevensen, *Cultivators And Administration British Education Policy towards the Malay 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 24.

berkenaan walaupun sekolah berkenaan baharu sahaja dibuka.²⁷ Guru-guru di sekolah-sekolah ini juga akan ditukarkan ke tempat lain yang mempunyai jumlah murid yang lebih ramai.²⁸ Alasan yang sama juga terus digunakan untuk menutup dan membuka sekolah-sekolah perempuan Melayu dari tahun 1911 sehingga 1919.

Jadual 3.4: Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu Di NNMB Dari Tahun 1911 – 1919

Tahun/Negeri	1911	1912	1913	1914	1915	1916	1917	1918	1919
Perak	41	43	45	46	45	43	43	45	45
Selangor	2	4	4	6	6	6	6	4	4
N.Sembilan	3	3	3	3	5	4	4	4	4
Pahang	-	-	-	-	1	1	1	2	2
Jumlah	46	50	52	55	57	54	54	55	55

Sumber: Diubahsuai daripada Annual Report on Education in the Federated Malay States 1911, hlm.1-2 dalam CO 576/9, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1912, hlm.1-2 dalam CO 576/10, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1913, hlm.1-2, dalam CO 576/11, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1914, hlm.1-2 dalam CO 576/12, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1916, hlm.3-4 dalam CO 576/15, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1919, hlm.2 dalam CO 576/21, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1921, App XIII, hlm.19 dalam CO 576/24 dan Chief Secretary and Resident Report 1916, hlm.13 dalam CO 576/16, *Perak Administration Report 1917*, hlm.12-13, *Selangor Administration Report 1917*, hlm.9, *Negeri Sembilan Administration Report 1917*, hlm.12, *Pahang Administration Report 1917*, hlm.17 dalam Federated Malay States Annual Report for 1917 dalam CO 576/18.

Sepanjang tahun 1911 sehingga 1919, pertumbuhan dan perkembangan Sekolah Perempuan Melayu mengalami sedikit peningkatan terutamanya bagi negeri Perak dan Selangor. Walau bagaimanapun, pertumbuhannya tidak konsisten terutamanya pada tahun 1914, 1915 dan 1916. Di Perak, jumlah peningkatan Sekolah Perempuan Melayu

²⁷ *Annual Report on the State of Perak for the year 1896* dalam Federated Malay States for the year 1896, hlm. 22. Dalam laporan berkenaan Sekolah Perempuan Janing,, Perak telah ditutup walaupun baharu sahaja dibuka pada tahun 1895 disebabkan oleh masalah kedatangan pelajar yang rendah. *The Girls School at Janing was closed, owing to insufficient attendance.*

²⁸ Report on the Education Department 1902 dalam *Supplement to the "Selangor Government Gazette, 16 October, 1903*, hlm. 2. *The attendance is far from satisfactory and the Weaving Mistress has been removed, when I visited the school in August the loom had been eying idle for three months.*

walaupun tidak konsisten, tetap menunjukkan peningkatan iaitu daripada 41 buah pada tahun 1911 kepada 45 buah pada tahun 1919. Secara keseluruhannya jumlah Sekolah Perempuan Melayu yang ditubuhkan di NNMB sepanjang tahun 1911 sehingga 1919 hanyalah sebanyak sembilan buah berbanding 28 buah pada tahun 1901 hingga 1910. Penurunan ini mempunyai kaitkan dengan masalah ekonomi yang dialami oleh kerajaan British.

Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, kerajaan British meletakkan sepenuhnya kesalahan berkenaan kepada orang Melayu yang dianggap sebagai prejudis dan terlalu terikat dengan adat dan budaya. Seseengah Sekolah Perempuan Melayu sepanjang tahun 1911 sehingga 1919 dilaporkan terpaksa ditutup kerana jumlah pelajar dan peratusan kedatangan pelajar yang rendah.²⁹ Manakala sesetengahnya pula dipindah ke tempat lain yang lebih ramai penduduk Melayu dan dijangka akan mendapat sambutan. Walau bagaimanapun pada tahun 1913, Sekolah perempuan Melayu Kuala Lumpur yang merupakan kawasan penduduk yang padat dilaporkan terpaksa ditutup disebabkan oleh peratusan kedatangan yang rendah.³⁰ Apa yang menghairankan ialah, masalah penutupan Sekolah Perempuan Melayu bukan sahaja berlaku di negeri Selangor, malah turut berlaku di negeri Perak yang dilaporkan merupakan negeri yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pendidikan wanita. Situasi ini dilihat agak bertentangan dengan alasan yang sering digunakan oleh kerajaan British.

Dalam laporan Setiausaha Kerajaan Selangor pada tahun 1913, Jabatan Pelajaran melaporkan bahawa *“The Kuala Lumpur Malay Girls School is in very unsatisfactory state as regards numbers, and it may be necessary to close the school.”*³¹ Namun demikian, apabila diteliti secara mendalam, kemerosotan jumlah pelajar dan penurunan peratus kedatangan pelajar perempuan adalah disebabkan oleh faktor penularan

²⁹ Rujuk jadual 3.4 untuk melihat statistik jumlah Sekolah Perempuan Melayu yang menunjukkan peningkatan yang tidak konsisten terutama di Selangor dan juga Perak.

³⁰ Annual Report on the Education Department Selangor 1913, hlm. 4 dalam SEL.SEC. 1053/1914

³¹ Ibid.

penyakit berjangkit seperti malaria,³² beri-beri,³³ disenteri³⁴ dan influenza³⁵ yang semakin bertambah di Selangor.³⁶ Perbincangan mengenai masalah ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bab tiga.

Jadual 3.5: Jumlah Sekolah Perempuan Melayu Di NNMB Dari Tahun 1920 – 1930

Tahun/ Negeri	1920	1921	1922	1923	1924	1925	1926	1927	1928	1929	1930
Perak	42	43	43	47	47	50	51	54	54	57	60
Selangor	6	7	8	8	8	8	8	8	8	9	10
N. Sembilan	4	5	4	3	5	5	6	7	8	8	7
Pahang	2	2	2	2	2	2	2	3	3	3	5
Jumlah	54	57	57	60	62	65	67	72	73	77	82

Sumber: Diubahsuai daripada Annual Report on Education in the Federated Malay States 1921, hlm.3 dalam CO 576/24, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1922, hlm.10 dalam CO 576/25, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1923, hlm.10-11 dalam CO 576/26, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1925, hlm.14-15 dalam CO 576/30, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1926, hlm.16-17 dalam CO 576/32, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1927, hlm.14-15 dalam CO 576/34,

³² Penyakit Malaria atau juga dipanggil penyakit demam malaria adalah merupakan penyakit utama yang melanda Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pembawa penyakit ini adalah nyamuk *anopheles* dan kaedah pengawalannya adalah menggunakan kuinina. Lihat Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008, hlm.59-62.

³³ Penyakit Beri-beri adalah penyakit yang disebabkan oleh kekurangan vitamin B1. Antara gejalanya ialah kehilangan selera makan, kelesuan dan lemah anggota badan terutamanya kaki dan tangan. Lihat John Megaw, "Beri-beri," *The British Encyclopaedia of Medical Practice*, Jilid.2, Edisi kedua, London: Butterworth & Co. Ltd, 1950, hlm. 457.

³⁴ Penyakit Disenteri adalah penyakit infeksi usus. Tanda –tanda penyakit ini ialah pembuangan najis yang kerap dan cair. Kebiasaannya berlaku di kawasan tempat tinggal yang kotor dan sesak. Ibid., Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, hlm. 89-100.

³⁵ *Selangor Administration Report for the year 1918* dalam Federated Malay States for the year 1918, hlm. 12-13 dalam CO 576/19. (Education) *The girls schools have been reduced by two in some place girls attended the boys' schools.* (Health) *Malaria accounted for 27.9% of the total cases treated in all hospital as against 29.03% the previous year. The spleen census of school children is higher in Klang and Kuala Selangor but lower in Ulu Selangor and Kuala Langat... Dysentery comes next to malaria...follow beri-beri and venereal diseases.*

³⁶ *Selangor Administration Report for the year 1918* dalam Federated Malay States Annual Report for 1918, hlm. 12 dalam CO 576/19. Peningkatan wabak penyakit pada tahun 1918 di negeri Selangor telah memberi kesan kepada kedatangan pelajar ke sekolah, dua buah. sekolah perempuan Melayu telah ditutup pada tahun 1918. *The total number of in-patients treated in Government hospitals and institution during the year (1918) was 31,003 an increase of 5,285 on the year 1917. The death numbered 3,706 giving a mortality rate of 11.95% compared with of 9.24% previous year. The high death-rate was entirely to the epidemic of influenza.*

Annual Report on Education in the Federated Malay States 1929, hlm.7-8 dalam CO 576/39, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1931, hlm.50-51 dalam CO 576/43, dan Annual Report on Education in the Federated Malay States 1927 dalam *Supplements to the F.M.S. Government Gazette 1928*, hlm.14-15 dalam CO 574/50, Annual Report on Education in the Federated Malay States dalam *Supplements to the F.M.S. Government Gazette 1929*, hlm.15 dalam CO 574/53.

Menjelang tahun 1920-an, kerajaan British mulai sedar bahawa keperluan untuk menubuhkan lebih banyak sekolah perempuan Melayu perlu dilakukan kerana desakan daripada Raja-raja Melayu, golongan intelektual dan juga masyarakat Melayu.³⁷ E.C.H.Wolff (*Director of Education S.S & F.M.S.*) dalam laporannya mengenai Sekolah Perempuan Melayu (*Malay Girls School*) pada tahun 1922, mengatakan bahawa orang Melayu mula memberi perhatian serius mengenai pendidikan untuk anak-anak perempuan. Beliau menyatakan “*Selangor- There ia a distinct forward movement here. The present school are mostly quite full and the people keep asking for new girls’ school.*”³⁸ Perkembangan kesedaran ini terutamanya di Selangor memberi gambaran bahawa keperluan untuk menambah bilangan sekolah perempuan Melayu semakin meningkat.

Namun demikian, kenyataan ini bertentangan dengan laporan yang dibuat oleh *Lady Supervisor Malay Girls School* dalam laporan tahunan pendidikan 1922. Beliau menyatakan, secara keseluruhannya perkembangan sekolah perempuan Melayu adalah perlahan dan ketinggalan. Beliau juga melaporkan hanya sekolah-sekolah perempuan yang berada di kawasan bandar sahaja yang mendapat sambutan yang menggalakkan, manakala sekolah-sekolah perempuan Melayu di kawasan luar bandar adalah sebaliknya.³⁹ Walaupun peningkatannya dianggap ‘perlahan’(*Slow*), namun dari segi

³⁷ Perbincangan mengenai peranan Raja-raja Melayu, golongan cendekiawan dan golongan agama untuk memartabatkan pendidikan wanita akan dibincangkan secara terperinci dalam bab empat..

³⁸ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1922, hlm. 10 dalam CO 576/25.

³⁹ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1922 dalam *Supplements to the F.M.S Government Gazette, 25 August 1922*, hlm. 7 dalam CO 576/24. Dalam Laporan berkenaan Penyelia Sekolah Perempuan Melayu melaporkan, (*Lady Supervisor Report*): *The progress of Malay*

statistik jumlah sekolah, jumlah pelajar dan peratusan kedatangan pelajar perempuan Melayu di NNMB pada tahun 1922 menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Jadual 3.6 menunjukkan statistik peningkatan berkenaan.

Jadual 3.6: Statistik Sekolah, Pelajar dan Kedatangan Pelajar Perempuan Melayu 1921 dan 1922 di NNMB

Negeri/Tahun	Sekolah Perempuan		Jumlah pelajar		Kedatangan	
	1921	1922	1921	1922	1921	1922
Perak	43	44	1,526	1,735	82	90
Selangor	7	8	242	317	87	90
N. Sembilan	4	4	110	131	74	82
Pahang	2	2	33	47	86	85

Sumber: Diubahsuai daripada Annual Report Education in the Federated Malay States for the year 1922, hlm. 28, Appendix XIII dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 13 July 1922* dalam CO 576/25.

Peningkatan ini sebenarnya disedari oleh kerajaan British di NNMB. Dalam *Perak Administration Report 1923*, *Inspector of School Perak* melaporkan bahawa sekolah-sekolah Melayu sama ada lelaki dan perempuan mendapat sambutan yang menggalakkan dan jumlah pelajar bagi kedua-dua jenis sekolah juga menunjukkan peningkatan.⁴⁰ Walaupun menyedari wujudnya keperluan untuk menambah bilangan sekolah perempuan Melayu, namun kerajaan British masih mengambil sikap acuh tak acuh terhadap pembinaan sekolah-sekolah perempuan Melayu. Keadaan ini menyebabkan orang Melayu sendiri telah mengambil inisiatif dengan menyediakan tanah dan membina sendiri bangunan sekolah.⁴¹ Situasi yang sama juga dilaporkan dalam Laporan Pendidikan bagi Negeri Perak pada tahun 1925, di mana jumlah sekolah

Girls School is slow. Change in local religious feeling, the growth of town with crowded traffic, the personality of a teacher, all these may mar a school.

⁴⁰ *Perak Administration Report for the year 1923*, hlm. 9 dalam Federated Malay States Annual Report for 1923, dalam CO 576/26.

⁴¹ *Perak Administration Report for the year 1923*, by Lieut-Col. C.W.C Parr (British Resident Perak) menyatakan, *The progress made during the year was satisfactory and the enrolment in both boys and girls school. The demand for vernacular schools was noticeable and in several cases the kampung people either gave building free of rent or put up temporary building themselves.*

perempuan yang didirikan di negeri Perak gagal menampung jumlah pelajar perempuan Melayu yang semakin meningkat.

Perak:- (Girls School) The work was satisfactory throughout with good attendance. Three new school were opened for girls but this addition **failed to accommodate all** and the overflow though in boys school was considerable.⁴²

Jelas, kerajaan British sebenarnya menyedari wujud permintaan yang tinggi dalam kalangan orang Melayu untuk memberikan pendidikan anak-anak perempuan, namun tiada usaha yang bersungguh-sungguh dilakukan oleh kerajaan British untuk menyediakan sekolah berkenaan. Dalam laporan berkenaan juga, *Inspector of School Perak* menyatakan bahawa daripada 10 buah sekolah Melayu yang dibina pada tahun 1923, tiada satu pun dibina oleh pihak kerajaan British.⁴³

Thought **no school were built by the Public Works Department**, it was found possible to open ten new schools, either by the help of the kampung people or by means of a small vote which was provided for building temporary school buildings.⁴⁴

Kerajaan British juga menyedari bahawa peruntukan untuk membina sekolah-sekolah perempuan Melayu adalah tidak terlalu besar kerana kebanyakan bahan yang digunakan adalah bahan-bahan tempatan dan bentuk sekolah perempuan Melayu juga adalah “*simple*”. Walau bagaimanapun, kerajaan British dengan sengaja tidak menyediakan peruntukan berkenaan dan membiarkan sekolah-sekolah perempuan dibina sendiri oleh ketua kampung atau penghulu dengan bantuan orang kampung.⁴⁵ Masalah

⁴² Annual Report on Education in Federated Malay States for the year 1925 dalam Federated Malay States Annual Report for 1925, hlm. 15 dalam CO 576/30.

⁴³ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1923 dalam *Supplement to the “F.M.S Government Gazette” 25 July, 1924*, hlm. 10 dalam CO 576/26. Daripada 10 buah sekolah berkenaan 4 buah adalah Sekolah Perempuan Melayu. *Seven new boys school were opened, namely at Port Weld, Jawang, Bukit Chandan, Balun Bidai, Bagan Pasir, Budiman and Kenayat. New girls schools were opened at Kuala Kangsar, Bukit Chandan dan Sayong.*

⁴⁴ *Perak Administration Report for the year 1923* dalam Federated Malay States Annual Report for 1923, hlm. 9 dalam CO 576/26

⁴⁵ Kerajaan British sebenarnya tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk menubuhkan sekolah perempuan Melayu kerana kebanyakan sekolah dibina oleh orang Melayu sendiri dan sekolah berkenaan hanyalah pada peringkat rendah sahaja. Pendidikan percuma yang diberikan juga hanyalah

kekurangan dan kedaifan sekolah perempuan telah menyukarkan pelajar-pelajar perempuan untuk mendapatkan pendidikan. Masalah ini juga telah menyebabkan sekolah-sekolah perempuan Melayu menjadi sesak dan menyebabkan pelajar-pelajar perempuan terpaksa bersesak-sesak-sesak di dalam satu kelas untuk mendapatkan pendidikan.

The end of the year found many Malay school overcrowded. The Malay Girls' School at Kampung Baharu, Kuala Lumpur, is found to be too small to accommodate the 150 girls at present in the school. The demand for education for girls has increased considerably.⁴⁶

Pada tahun 1927, dilaporkan jumlah pelajar perempuan yang belajar di sekolah lelaki di NNMB adalah seramai 1,911 orang atau 54.72 peratus berbanding 3,492 orang atau 45.28 peratus yang belajar di sekolah perempuan Melayu.⁴⁷ Manakala dalam laporan pada tahun 1929, *Chief Secretary to Government Federated Malay States* (C.W.H Cochrance), menyatakan bahawa ibu bapa Melayu telah mulai sedar tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak perempuan dan mereka mula menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Menurut beliau juga, peningkatan ini adalah disebabkan pembaharuan kaedah mengajar yang telah dibuat oleh *Lady Supervisor Malay Girls School*.⁴⁸

Malay Parents continue to display a most satisfactory eagerness for the education on their girls, a chance due largely to improved practical methods of teaching introduced by the Lady Supervisor of Malay Girls' School.⁴⁹

pada peringkat rendah sahaja. Oleh sebab itu, kerajaan British tidak banyak berusaha untuk menyediakan pelajar perempuan ke sekolah Inggeris atau institusi pendidikan yang lebih tinggi. Lihat Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward the Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1975, hlm. 26.

⁴⁶ *Selangor Administration Report for the Year 1927*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1928, hlm. 14 dalam CO 439/4.

⁴⁷ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1927 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette"*, 22 June, 1928, hlm. 14 dalam CO 574/50.

⁴⁸ Report on the Chief Secretary (C.W.H Cochrance) to Government Federated Malay States for the year 1929 dalam Annual Report on the Federated Malay States for the year 1929, hlm. 5 dalam CO 576/39.

⁴⁹ Ibid.

Walau bagaimanapun, kenyataan *Chief Secretary* adalah kurang tepat kerana peningkatan jumlah sekolah perempuan dan jumlah pelajar perempuan Melayu terutamanya pada tahun 1920-an adalah hasil daripada kesedaran orang Melayu sendiri. Sepanjang tahun 1920 sehingga 1930, jumlah Sekolah Perempuan Melayu di NNMB telah bertambah sebanyak 38 buah berbanding hanya sembilan buah pada tahun 1911 sehingga 1919. Perkembangan kesedaran dalam kalangan orang Melayu ini disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh golongan intelektual Melayu sama ada yang berpendidikan Melayu, Inggeris dan juga Timur Tengah. Golongan yang berpendidikan Melayu dan Inggeris biasanya menjadi pegawai-pegawai British seperti Pegawai Daerah, guru, kerani pejabat kerajaan, penghulu dan sesetengahnya terlibat dalam bidang persuratkhabaran. Manakala golongan yang berpendidikan Timur Tengah atau dikenali sebagai *Kaum Muda* terlibat dalam bidang perguruan, persuratkhabaran, perniagaan dan sebagainya.

Golongan ini telah memainkan peranan untuk menyedarkan orang Melayu mengenai kepentingan memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Golongan yang paling aktif memperjuangkan hak-hak wanita dalam pendidikan terutamanya pada tahun 1920-an ialah golongan berpendidikan Timur Tengah. Golongan ini menerima idea reformis Islam dari Timur Tengah. Mereka yang aktif menyeru perubahan dan pembaharuan ialah Syeikh Mohd. Tahir b Jalaluddin Al-Azhari,⁵⁰ Sayid Syeikh Ahmad Al-Hadi, Haji Abbas bin Mohd. Taha⁵¹ dan Syeikh

⁵⁰ Sheikh Mohd. Tahir bin Jalaluddin Al-Azhari dilahirkan dekat Bukit Tinggi, Sumatera Barat pada tahun 1869. Beliau merupakan pengarang pertama majalah *Al-Iman* yang paling intelektual dan keserjanannya. Beliau pernah tinggal di Mekah selama 12 tahun dan belajar ilmu falak di Universiti Al-Azhar, Kaherah pada tahun 1893. Selama 4 tahun di Kaherah, beliau didedahkan dengan pengaruh-pengaruh ajaran pembaharuan Islam di Mesir yang diketuai oleh Sheikh Mohd. Abduh dan pengikutnya Mohd. Rashid Rihda.

⁵¹ Haji Abas bin Mohd Taha, pengarang ketiga majalah *Al-Iman* berasal dari Singapura (1885). Pada zaman mudanya, beliau belajar di Mekah sebelum kembali ke Singapura (1905). Pengalaman kerja sebagai guru agama, penerbit (1906) dan pengarang *Al-Iman* (1908).

Mohd. Salim Al-Kalali.⁵² Golongan ini telah menggunakan akhbar dan majalah seperti *Al-Ikhwan* (1926-1931) dan *Saudara* (1928-1934), untuk menyeru dan menyedarkan orang Melayu tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak perempuan.⁵³ Peranan dan komitmen golongan cendekiawan Melayu dan golongan agama dibincangkan secara terperinci dalam bab empat.

Jadual 3.7: Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu Di NNMB Dari Tahun 1931 – 1938

Tahun/ Negeri	1931	1932	1933	1934	1935	1936	1937	1938
Perak	62	64	61	62	62	62	62	59
Selangor	10	10	7	7	7	7	7	7
N. Sembilan	8	8	8	8	8	6	6	6
Pahang	5	5	5	5	5	5	6	6
Jumlah	85	87	81	82	82	80	81	78

Sumber: Annual Report on Education Department for the year 1936, Appendix XV, (Table of Malay School & Pupils), hlm.88 dalam CO 576/43, *Perak Administration Report for the year 1932*, hlm.23 dalam Annual Report of the Social and Economic Progress of the Federated Malay States for the year 1932 dalam CO 576/46, *Selangor Administration Report for the year 1932*, hlm.36-37 dalam Annual Report of the Social and Economic Progress of the Federated Malay States for the year 1932 dalam CO 576/46, *Negeri Sembilan Administration Report for the year 1932*, hlm.18 dalam Annual Report of the Social and Economic Progress of the Federated Malay States for the year 1932 dalam CO 576/46, *Pahang Administration Report for the year 1932*, hlm.30 dalam Annual Report of the Social and Economic Progress of the Federated Malay States for the year 1932 dalam CO 576/46, Federated Malay States, Annual Report on Education Department for the year 1935, (Vol. II), Appendix XV, (Table of Malay School & Pupils), hlm.106 dalam CO 576/53, Federated Malay States, Annual Report on Education Department for the year 1936, (Vol. II), Appendix XV, (Table of Malay School & Pupils), hlm.104 dalam CO 576/56. Annual Report of the Social and Economic Progress of the Perak for the year 1937, hlm.51 dalam Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Federated Malay States for the year 1937 dalam CO 576/59, Annual Report of the Social and Economic Progress of the Selangor

⁵² Syeikh Mohd. Salim Al-Kalali, seorang saudagar Aceh keturunan Hadhrani, pengarah Al-Iman. Seorang saudagar Melayu-Arab yang mempunyai kepentingan perdagangan luas di seluruh kepulauan Melayu dan negara Arab. Hubungannya serta sumbangannya kepada Al-Iman bukan sahaja dari segi keserjanaan dan penulisan tetapi dari segi sokongan kewangan untuk memperjuangkan masyarakat Melayu Islam melalui pembaharuan agama.

⁵³ Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah Di Malaysia, Isu-Isu Dan Cabaran*, Shah Alam: Penerbit Karisma Publication Sdn. Bhd, 2002, hlm. 3.

for the year 1937, hlm.82 dalam Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Federated Malay States for the year 1937 dalam CO 576/59, Annual Report of the Social and Economic Progress of the Negeri Sembilan for the year 1937, hlm.33 dalam Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Federated Malay States for the year 1937 dalam CO 576/59, Annual Report of the Social and Economic Progress of the Pahang for the year 1937, hlm.49 dalam Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Federated Malay States for the year 1937 dalam CO 576/59, Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, Appendix XV, hlm.204 dalam CO 576/63.

Berdasarkan jadual 3.7, perkembangan Sekolah Perempuan Melayu di NNMB dari tahun 1931 sehingga tahun 1938 menunjukkan penurunan daripada 85 buah kepada 78 buah sekolah sahaja. Peningkatan jumlah sekolah perempuan pada tahun 1930-an hanya berlaku pada tahun 1932 iaitu sebanyak dua buah berbanding tahun sebelumnya. Namun demikian, pada tahun 1933 jumlah sekolah perempuan Melayu menurun dengan mendadak iaitu dari 87 buah pada tahun 1932 kepada 81 buah pada tahun 1933. Penurunan ini adalah disebabkan masalah kejatuhan ekonomi dunia yang menyebabkan pendapatan British merosot terutama pada tahun 1931 sehingga 1933. Pendapatan British di NNMB pada tahun 1931 adalah \$52,349.000, jatuh kepada \$47,199.00 pada tahun 1933. Daripada situasi berkenaan, faktor ekonomi memainkan peranan penting dalam perkembangan Sekolah Perempuan Melayu.⁵⁴

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar perempuan Melayu di NNMB pada tahun berkenaan menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Pada tahun 1933, jumlah pelajar perempuan di NNMB yang bersekolah di sekolah lelaki ialah seramai 5,809 orang berbanding 5,171 pada tahun 1932.⁵⁵ Di Selangor, jumlah pelajar perempuan sama ada bersekolah di sekolah lelaki atau sekolah perempuan adalah seramai 1,868 orang

⁵⁴ Untuk keterangan lanjut, lihat Rupert Emerson, *Malaysia, A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1970, hlm. 186-187.

⁵⁵ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1933, hlm. 21 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 7th September 1934* dalam CO 576/48.

pada tahun 1933 meningkat sebanyak 221 orang berbanding tahun sebelumnya.⁵⁶ Nisbah pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki di NNMB adalah pada kadar 1 : 3.⁵⁷

The demand for education for Malay girls appeared to remain more or less stationary as compared with that in 1932, but there is reason to believe that in reality it was still growing. On the average figures there was a decrease of 181 in the enrolment, a percentage of 1.7. The girls numbered 25.1 per cent of the total number of pupils in Malay Vernacular School.⁵⁸

Pada tahun 1935, nisbah pelajar perempuan berbanding nisbah pelajar lelaki di sekolah-sekolah Melayu menurun kepada 1: 2.8. Nisbah ini menunjukkan berlakunya sedikit penurunan jumlah pelajar terutamanya pada tahun 1934 dan 1935. Statistik penurunan ini ditunjukkan dalam laporan pendidikan bagi NNMB pada tahun 1935. Walau bagaimanapun, jumlah sekolah perempuan terus kekal sebanyak 81 buah dari tahun 1934 sehingga 1935.

The demand for education for Malay girls is still growing, at the end of November (1935) there were 5,395 girls enrolled in girls school proper, and the further 7,036 in mixed or boys' school, a total of 12,431. In 1934 the figures were 5,269, 6,511 and 11, 780 respectively.⁵⁹

Pada tahun 1938, jumlah Sekolah Perempuan Melayu di NNMB telah menurun daripada 81 buah kepada 78 buah. Penurunan ini adalah disebabkan penggabungan Sekolah Perempuan Melayu di negeri Perak. ...*This was three less than in 1937, due to amalgamations in Perak.*⁶⁰ Walaupun jumlah sekolah perempuan menurun di Perak,

⁵⁶ Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1933, hlm .43 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Federated Malay States for 1933 dalam CO 576/48.

⁵⁷ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1933, hlm. 53 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 7th September 1934* dalam CO 576/48. "...in other words, one Malay girl to every three Malay boy was receiving a vernacular school education".

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1935, by F.J Morten (Adviser on Education Malay States), hlm.64 dalam CO 576/53

⁶⁰ Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, hlm.78 (by W. Linehan, Director of Education Straits Settlements and Advisor on Education, Malay States) dalam CO 576/63.

jumlah pelajar perempuan pada tahun berkenaan dilaporkan lebih tinggi berbanding pada tahun 1937. Pada tahun 1938, jumlah pelajar perempuan yang berdaftar di sekolah adalah seramai 4,707 orang berbanding 4,244 orang pada tahun sebelumnya. Selain negeri Perak, Negeri Sembilan juga menunjukkan peningkatan jumlah pelajar dari 479 orang pada tahun 1938 berbanding 466 orang pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, perkembangan Sekolah Perempuan Melayu dari tahun 1896 sehingga 1941 menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Walaupun jumlahnya jauh lebih rendah berbanding Sekolah Lelaki Melayu, tetapi peningkatan yang ditunjukkan terutamanya pada tahun 1910-an dan 1930-an telah memberi gambaran bahawa wujud permintaan tinggi terhadap pendidikan wanita. Selain itu, jumlah pelajar di Sekolah Perempuan tidak menggambarkan jumlah sebenar pelajar pada tahun-tahun berkenaan. Ini kerana, terdapat ramai pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Lelaki. Sebagai contoh pada tahun 1935, jumlah pelajar perempuan di Sekolah Lelaki lebih tinggi daripada jumlah pelajar perempuan di Sekolah Perempuan.⁶¹


Pembangunan Pentadbiran Dan Pengurusan

Pentadbiran dan pengurusan⁶² pendidikan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua bermula apabila kerajaan British mula campur tangan dalam pendidikan di Tanah Melayu. Bermula pada tahun 1862, Gabenor Cavenagh's telah memberi bantuan

⁶¹ Federated Malay States and Straits Settlements Report 1935, hlm. 47. *The F.M.S. report says on page 25 "Co-education is not a policy laid down by the Department. "Nevertheless there were in 1935, 10,439 Malay girls in boys' school as compared with 8,379 in girls' school dalam CO 717/119/1.*

⁶² Pentadbiran ialah satu proses untuk menyelaras aktiviti-aktiviti organisasi melalui pembentukan matlamat dan polisi dan menentukan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapainya. Manakala pengurusan pendidikan bermaksud satu proses merancang, membahagikan sumber, menyusun atur, menempatkan pekerja pada bahagian yang sesuai, mengawal sumber-sumber organisasi dan menyelesaikan masalah pendidikan. Kedua-dua istilah ini digunakan kerana setiap organisasi pendidikan akan berfungsi sebagai pihak pengurusan dan dalam masa yang sama akan berfungsi sebagai pihak pentadbiran. Misalnya organisasi sekolah akan dipanggil sebagai jentera pentadbiran pendidikan kerana ia melaksanakan arahan-arahan yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan. Tetapi ia akan dipanggil sebagai pihak pengurusan apabila ia melakukan aktiviti merancang, menyusun atur, mengelola, memimpin dan mengawal aktiviti-aktiviti sekolah. Lihat J.P. Kotter, *"What Leaders Really Do"*, *Harvard Business Review*, Boston: Harvard Business Schools Press, 1999, hlm.103-111. Lihat juga Abd. Majid Mohd. Isa, *Pemikiran Dalam Pendidikan*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2002, hlm. 52.

kewangan untuk pembinaan dan pembukaan sekolah Melayu di Melaka, Pulau Pinang dan Province Wellesley.⁶³ Seterusnya pada tahun 1870, kerajaan British mula campur tangan secara rasmi dalam pendidikan di Tanah Melayu apabila Akta Pendidikan (Forster's Education Act) telah diluluskan oleh kerajaan British di England.⁶⁴



Rajah 3.1: Struktur Pentadbiran Dan Pengurusan Pendidikan Di NNMB Sebelum Perang Dunia Kedua

Sumber: *Administration And Control dalam Chinese Vernacular Education In Malaya 1930* dalam C0 717/74/4 (No. Fail 72426). Lihat juga Gwee Yee Hean, *150 Years of Education in Singapore*, Singapore: TTC Publication Board, 1969, hlm. 145.

⁶³ Philip Loh Fook Seng, *Seed of Separatism, Education Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 13.

⁶⁴ Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward the Malay 1875 – 1906*, hlm. 23.

Perbincangan mengenai pentadbiran dan pengurusan bagi pendidikan wanita Melayu di NNMB melibatkan penelitian terhadap struktur organisasi pentadbiran dan pengurusan, peraturan dan undang-undang pendidikan serta latihan perguruan. Pentadbiran dan pengurusan pendidikan di Tanah Melayu telah bermula sejak tahun 1890 lagi.⁶⁵ Negeri Perak yang merupakan negeri “*Premier*” (terpenting) telah mempunyai *Inspector of School* seawal tahun 1890 lagi.⁶⁶ Manakala pada tahun 1897, NNMB telah menubuhkan Nazir sekolah-sekolah Persekutuannya (Federal Inspector of School) yang meliputi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.⁶⁷ Sebelum penubuhan NNMB urusan pentadbiran pelajaran diletakkan di bawah kuasa Resident British di negeri masing-masing. *Federal Inspector of School* yang dilantik berperanan bagi memastikan struktur pentadbiran pelajaran di NNMB berjalan dengan baik di samping menyusun semula sebuah kanun pelajaran atau dikenali sebagai *Education Code* bagi menggantikan kanun-kanun yang sebelumnya wujud secara berasingan di empat negeri Melayu bersekutu.

...Education Code of 1899 as well as making Grant-in-Aid to schools dependent on general efficiency rather than on individual passes, also laid down a set of regulations and schemes of work for Malay Vernacular School, which in effect imposed on the four state Malay school systems, for the first time, a uniform curriculum and set of Standards.⁶⁸

⁶⁵ Annual Report on Education in the F.M.S for the year 1930, hlm. 431 dalam *Supplements to the F.M.S Government Gazette 31st July 1931* dalam CO 574/59

⁶⁶ Lihat Annual Report for the year 1901 on the Federated Malay States by the Resident-General (W.H. Treacher) dalam Annual Report by Resident General 1896-1906, hlm. 18 dalam CO 576/1. *The vernacular schools increased in number annually, and in 1890 an Inspector of School was appointed for the state of Perak.* Lihat juga Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1937, hlm. 6 dalam CO 576/60. *Perak, the premier state of the Federation, had an Education Department with a Schoolmaster as Inspector of School as early as 1890.*

⁶⁷ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1974, hlm. 7. Lihat juga Ho Seng Ong, *Education For Unity In Malaya*, Malayan Teachers' Union, Pulau Pinang, 1952., hlm. 41. Lihat juga Jagjit Singh Sindhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, East Asia Historical *Monograf*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1980, hlm. 47. Pada tahun 1897 seorang pegawai British telah dilantik sebagai *Inspector of School* bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. *In 1896 the Colonial Office appointed a number of Federal Officers whose duties were meant to transcend narrow states boundaries. The original pelan had been to appoint eleven such officer each in charge of a department but in the first years of Federation only seven were selected: they were the ..., Inspector of School, J. Driver, was appointed in 1897.*

⁶⁸ Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators*, hlm. 96.

Bagi pendidikan Melayu, sistem pentadbiran dan pengurusan di peringkat negeri diletakkan di bawah seliaan *Assistant Inspector Malay School* dengan dibantu oleh *Visiting Teacher*, *Head Teacher* dan *Assistant Clark*.⁶⁹ Manakala bagi pendidikan perempuan pula, diletakkan di bawah pengawasan *Superintendent Of Education*. Beliau akan mengawasi tiga jenis sekolah perempuan iaitu Sekolah Convent (Inggeris), Sekolah Vernakular Melayu dan juga Sekolah Agama.⁷⁰ Bagi Sekolah Convent (Inggeris) seorang *Lady Supervisor* dilantik mengawasi dan mentadbir sekolah-sekolah Inggeris yang terdapat di Tanah Melayu. Di samping itu, dua jawatan Penyelia (*Supervisor*) juga dilantik bagi mentadbir Sekolah Perempuan Melayu dan Sekolah Agama. Kesemua Penyelia Sekolah Perempuan akan dibantu oleh Ketua Sekolah (*Head School*) dan juga staf sekolah.⁷¹ Pada peringkat awal, kesemua jawatan tertinggi dalam struktur pentadbiran pendidikan adalah dilantik dalam kalangan pegawai British.⁷²

Walau bagaimanapun dalam persidangan Residen di Kuala Lumpur pada Oktober 1916, terdapat cadangan agar jawatan *Assistant Inspector Of School* dilantik dalam kalangan orang Melayu untuk memantau sekolah-sekolah Melayu yang semakin bertambah di Tanah Melayu.⁷³ Walau bagaimanapun, cadangan berkenaan tidak

⁶⁹ Gwee Yee Hean, *150 Years of Education in Singapore*, hlm. 145.


⁷⁰ Chinese Vernacular Education in Malaya dalam CO 717/74/4 Dalam laporan berkenaan pentadbiran dan pengurusan sekolah perempuan di Tanah Melayu dibahagikan kepada dua iaitu pentadbiran dan pengurusan Sekolah Vernakular Perempuan Melayu dan pentadbiran dan pengurusan Sekolah Agama. Bagi Sekolah Agama, satu jawatankuasa perlu dibentuk bagi menentukan bentuk pengajaran dan sukatan yang akan digunakan).

⁷¹ Lihat *Education Code For The Straits Settlements* (Approved by The Governor in Council on the 16th March 1908), Singapore, Printed at the Government Printing office, 1908, hlm.3. *Its shall be the duty of the inspecting Officer to pay frequent visits without notice to all Aided Schools. He should on all occasions record what he has observed, and nat matters requiring attention in the school dairy, and forward a copy of his minutes to the Director of Education. He should carefully check the attendance registers, and the Principal's summary af attendance whenever he visit a school and nay irregularity in the registers should be reported to the Director of Education.*

⁷² Sebelum tahun 1917, penyelia bagi sekolah perempuan ialah penyelia lelaki, tetapi pada tahun 1917, R.O. Winstedt telah mencadangkan agar diwujudkan jawatan Penyelia Perempuan bagi Sekolah Perempuan Melayu sekembalinya dari lawatan di Jawa dan Filipina pada tahun 1917. Lihat Report by Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Java and in Philippine Island 13.12.1916 dalam SEL;SEC 6027/1916, R.G's No. 4497/1916,

⁷³ *Conference of Resident at Kuala Lumpur, Selangor, October 1916* dalam Federated Malay States, 1916, yang dihadiri oleh Sir A.H. Young (High Commissioner), Sir E.C. Brockma (Chief Secretary), Mr.R.G. Watson (Perak), Mr. E.G.Badrick (Selangor), Mr. A.H. Lemon (Negeri Sembilan) dan Mr. C.W.C. Parr (Pahang) dalam FCO 141/16635 (Ch.so.1101/18).

dipersetujui oleh kerajaan British kerana mereka berpendapat bahawa orang Melayu masih memerlukan tunjuk ajar daripada kerajaan British.⁷⁴



Rajah 3.2: Sistem Pentadbiran Dan Pengurusan Sekolah Perempuan Di Tanah Melayu

Sumber: Administration And Control dalam Chinese Vernacular Education In Malaya 1930 dalam C0 717/74/4 (No. Fail 72426).

Rajah 3.2, menunjukkan carta organisasi pentadbiran dan pengurusan sekolah-sekolah perempuan di Tanah Melayu yang menunjukkan bahawa jawatan *Superintendent of Education* merupakan jawatan tertinggi dengan dibantu oleh tiga penyelia bagi sekolah Inggeris, sekolah Melayu dan sekolah agama.⁷⁵ Penyelia

⁷⁴ *Conference of Resident at Kuala Lumpur, Selangor, October 1916* dalam Federated Malay States, 1916.

⁷⁵ Sebelum tahun 1926, jawatan tertinggi dipegang oleh Pengarah Jabatan Pelajaran bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang merupakan seorang pegawai yang bertaraf *timescale*. Walau bagaimanapun disebabkan oleh perkembangan yang kompleks dalam pendidikan di Tanah Melayu

(*Supervisor*) bagi ketiga-tiga jenis sekolah berkenaan akan dibantu oleh *Group Teacher* yang akan menyelia 10 hingga 15 buah sekolah yang berhampiran. Manakala di peringkat sekolah pula akan diketuai orang Ketua Guru (*Head teacher*) dengan dibantu oleh guru penolong, guru pelatih dan juga *Pupil Teacher* (Bagi sekolah perempuan Melayu). Guru-guru yang dilantik ini juga akan memainkan peranan tertentu mengikut kedudukan dan pangkat masing-masing. Kedudukan dan pangkat mereka ini juga adalah berdasarkan kelulusan yang mereka miliki.⁷⁶ Bagi Sekolah Agama, pentadbiran dan pengurusan sekolah diletakkan di bawah seliaan Majlis Agama Islam dan dipengerusi kan sendiri oleh Sultan bagi negeri berkenaan. Sebagai contoh, di Perak, Sekolah Agama di letakkan di bawah seliaan Sultan Perak.⁷⁷

Jadual 3.8: Hierarki Guru Dan Tempat Bertugas

No	Taraf Guru	Tugas
1	Guru Pelatih (Trained Teacher)	Mengajar di sekolah
2	Assistant Teacher	Mengajar di sekolah
3	Head Teacher	Mengurus di sebuah sekolah
4	Group Teacher	Di sebuah sekolah khusus dan menyelia antara 10 hingga 15 buah sekolah yang berdekatan dengan sekolahnya
5	Guru Pelawat (Visiting Teacher)	Menyelia semua sekolah di sebuah daerah

Sumber: Annual Report on the Education Department for the year 1935, hlm. 105 dalam CO 717/119/1.

Pada tahun 1914, sebuah Jabatan khusus untuk menyelia sekolah-sekolah Perempuan Melayu telah ditubuhkan di Selangor apabila Sekolah Perempuan Melayu telah bertambah menjadi enam. Penubuhan Jabatan khusus ini adalah bertujuan untuk memudahkan dan melicinkan urusan penyeliaan sekolah perempuan yang semakin

beberapa pegawai telah dilantik bagi membantu pegawai tertinggi. Antara jawatan baharu yang diwujudkan ialah jawatan *Inspector of School*, *Supervisor* dan *Visiting Teacher*. Lihat Administration And Control dalam Chinese Vernacular Education In Malaya 1930, hlm. 3 dalam CO 717/74/4 (No. Fail 72426).

⁷⁶ Lihat *Annual Report on the Education Department for the year 1935*, hlm. 105 dalam CO 717/119/1

⁷⁷ Education Policy in Malaya 1926, hlm.13 dalam CO 717/53/14, Fail No. C.F.20671.

meningkat. Misalnya dalam laporan di Selangor menyebut: *A new girls' school was opened at Klang and a girls' department was opened at Setapak. There are now six Malay girls' in the state.*⁷⁸ Pada tahun 1918, jawatan *Lady Supervisor Malay Girl' School* telah diwujudkan di Tanah Melayu. Pewujudan jawatan ini adalah atas cadangan R.O. Winstedt setelah kembali dari lawatannya di Jawa dan juga Filipina.⁷⁹ *It is decided to recommend; (xiv) that it is desirable to obtain the service, on agreement for three years, of a Lady Supervisor when procurable.*⁸⁰ Pada tahun 1919, A.R.MacIver telah dilantik sebagai *Lady Supervisor of Malay Girl' School* pada tahun 1919 sehingga 1924 bagi membantu melicinkan perjalanan dan pentadbiran sekolah-sekolah perempuan.⁸¹

Pada tahun 1919, jumlah pelajar perempuan Melayu di NNMB yang bersekolah di sekolah lelaki dan sekolah perempuan semakin meningkat.⁸² Oleh yang demikian, kerajaan British mencadangkan agar lebih banyak *Girls Department* diwujudkan untuk memudahkan urusan pemantauan dan penyeliaan pelajar-pelajar perempuan. Oleh itu, pada tahun 1919, *Girls Department* telah ditubuhkan di dua buah sekolah lelaki Melayu dan sebuah di Sekolah Perempuan Melayu, Kuala Lumpur. Penubuhan jabatan ini telah

⁷⁸ *Selangor Administration Report for the year 1914*, hlm. 17.

⁷⁹ Lihat Francis Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur, Heinemann Educational Book (Asia) Ltd, 1975, hm. 17 dalam CO 439/3. Laporan Winstedt 1916, dibuat setelah beliau melawat Jawa dan Filipina. Antara cadangan laporan beliau adalah melantik seorang Penyelia Wanita (*Lady Supervisor*) bagi memantau sekolah-sekolah perempuan Melayu di Tanah Melayu.

⁸⁰ Lihat Conference of Resident, 10th May.1917, Report by Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Java and in Philippine Island C.S.O 4497/1916, PK: SEC 641/16, SEL:SEC 6027/1916, N.S: SEC 3533/1916, PHG: SEC 1919/1916,

⁸¹ *Perak Administration Report for the Year 1920* dalam Federated Malay States Annual Report for 1920, hlm7 dalam CO 574/29. *The visits of the newly appointed Lady Supervisor have much improved the standard of Malay Girls' schools.* Lihat Juga Federated Malay States, Annual Report On Education for the Year 1920, dalam *Supplements to the F.M.S. Government Gazette, July 15, 1921*, hlm.8 dalam CO 574/29 *The appointed of Lady Supervisor has stimulated the teacher in Malay Girls, School especially in the study of needlework.*

⁸² Menurut Laporan Tahunan Pendidikan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1919, terdapat 1,361 orang pelajar perempuan berdaftar di Perak, 131orang di Selangor, 104 orang di Negeri Sembilan dan 30 orang di Pahang. Lihat Annual Report on Education in the F.M.S for the year 1919 (Table of all School and Pupils Under Government Supervision, Appendix II) dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette," 22nd October, 1920* dalam CO 574/26.

memudahkan proses pemantauan yang dibuat oleh *Lady Supervisor Malay Girl's School* ke atas pelajar-pelajar perempuan sama ada di sekolah lelaki ataupun perempuan.⁸³

Pada tahun 1932, jumlah pelajar perempuan Melayu di Selangor yang belajar di sekolah lelaki adalah seramai 1,647 orang dan hampir semua sekolah lelaki di Selangor mempunyai pelajar perempuan. Walau bagaimanapun hanya 12 buah sekolah lelaki (daripada 78) yang mempunyai guru perempuan (*Women Assistant Teacher*) untuk mengajar mata pelajaran jahitan (*needlework*).⁸⁴ Keadaan ini menunjukkan hanya 15 peratus sahaja pelajar perempuan yang berpeluang mempelajari mata pelajaran jahitan manakala yang lain terpaksa mengikuti sukatan pelajaran yang sama dengan pelajar lelaki.⁸⁵

A.R.MacIver yang telah dilantik menjadi *Lady Supervisor of Malay Girl' School* banyak terlibat dalam memberi semangat, sokongan dan galakan kepada wanita Melayu untuk mendapatkan pendidikan. Selepas bersara pada 1924, beliau telah menyuarakan agar pendidikan kepada kanak-kanak perempuan dilakukan dengan lebih serius dan mata pelajaran tertentu perlu diperkenalkan bagi membolehkan mereka melakukan kerja rumah dan mengisi masa lapang dengan perkara yang bermanfaat.

A Lady Supervisor was appointed in 1919, not to inspect but to make herself familiar with the lives of Malay women and to interest them in advantages of education. This was admirably carried out by Miss McIver, who held office from 1919-1924.⁸⁶

⁸³ Inspector of School Selangor, Annual Report 1919, Education Department Selangor, hlm. 12 dalam SEL.SEC, Fail.No.0978/1920,

⁸⁴ Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1932, by T.S. Adam (Acting British Resident Selangor), hlm.32 dalam CO 439/4 *A women teacher is put on the staff, to take needlework with all the girls and to teach the usual subjects to the mixed first year classes.*

⁸⁵ Lihat Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1932, by T.S. Adam . Beliau menyatakan: *At present women assistant teacher are employed at 12 boy school.*

⁸⁶ Training Centre For Malay Women Teachers, Extract from minutes of 49th meeting of the Advisory committee on Education in the colonies held on 21th December 1933. Laporan ditulis oleh F.J. Morten, Director Of Education, 13th August 1933, hlm.15 dalam CO 273/593/3, Fail N0.13167, 1933.

Selain itu, R.O.Winstedt (*Acting Director of Education S.S and F.M.S*) turut memperluaskan mata pelajaran jahitan, masakan dan anyaman sebagai mata pelajaran di sekolah perempuan.⁸⁷ Pada tahun 1924, jawatan *Assistant Supervisor Malay Girl's School* diwujudkan di negeri Perak dan Selangor bertujuan untuk memantau sekolah-sekolah perempuan di negeri-negeri berkenaan. Bagi negeri Selangor, *Assistant Supervisor* merupakan seorang guru perempuan Melayu (Cik Tom Bte Abdul Razak) yang mempunyai pengalaman mengajar di Sekolah Inggeris dan juga Sekolah Melayu.⁸⁸

The chief item of interest was the appointment of two group teachers, or Assistant Supervisor in Perak and Selangor. These Assistant Supervisor, of whom one is the daughter of a Selangor Chief, have both had considerable experience of teaching in English School, and their work in the Malay School should prove of great value.⁸⁹

Setahun kemudiannya iaitu pada tahun 1925, jawatan *Assistant Supervisor* telah diwujudkan untuk menyelia sekolah-sekolah perempuan di Pulau Pinang dan Singapura. Tujuannya adalah untuk memastikan mata pelajaran yang diperkenalkan dapat berjalan dengan lancar.⁹⁰ Pada tahun berikutnya jawatan *Assistant Supervisor* ini telah diperluaskan ke negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Pada tahun 1927, *Lady Supervisor Malay Girls Schools* yang dibantu oleh *Assistant Supervisor* telah mempelbagaikan teknik jahitan dan sulaman di sekolah-sekolah perempuan bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu.

⁸⁷ Annual Report on Education in the federated Malay States for the year 1920 dalam *Supplements to the "F.M.S Gazette" 15 July, 1921*, by R.O. Winstedt (Acting Director of Education S.S and F.M.S), hlm.7 dalam CO 574/29.

⁸⁸ *Assistant Supervisor Malay Girls School* yang pertama dalam kalangan wanita Melayu ialah Cik Tom bte Dato' Setia Abdul Razak dilahirkan di Sabak Bernam, Selangor pada 11 Januari 1904. Cik Tom mendapat pelajaran di Kuala Lumpur sehingga lulus *Junior Cambridge* dalam tahun 1926 dan merupakan wanita Melayu Pertama di negeri Selangor mencapai pelajaran ke peringkat tersebut. Pernah menjadi Guru Besar, Penolong Penyelia dan Penyelia Sekolah-sekolah perempuan Melayu dari tahun 1923 sehingga 1965. Lihat Biografi Wanita Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Pertiwi, 1983, hlm. 157-158. Lihat juga *Majalah Guru*, September, 1936.

⁸⁹ Annual Report on Education in The Federated Malay States for the year 1924, (*Lady Supervisor Malay Girl's School Report*) dalam *Supplement to the F.M.S. Government Gazette, 10 Julai 1925*, hlm. 15 dalam CO 574/41.

⁹⁰ Annual Report on Education in Federated Malay States for the year 1925 dalam Federated Malay States Annual Report for 1925, hlm. 15 dalam CO 576/30.

... pelajaran yang diajar ialah membaca, menulis Bahasa Melayu, ilmu alam, kira-kira, karangan dan ilmu Bahasa Melayu, menjahit, menekat, menyulam, mencucuk atau menekat hampar, membuat tajuk-tajuk bunga rampai, menebuk pakaian, menebuk parada dan lain-lain. Kebanyakan jahitan mereka itu ialah membuat pakaian cara Melayu dan alat-alat yang digunakan oleh orang-orang Melayu. Jahitan itu baharu jua dapat ditekunkan dalam tahun 1927 iaitu semenjak sekolah-sekolah perempuan itu diserahkan kepada jagaan dan tadbir penyelia sekolah-sekolah perempuan.⁹¹

Selain daripada organisasi pentadbiran pendidikan, pengurusan dan pentadbiran juga melibatkan pelaksanaan peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan pendidikan wanita. Dalam aspek ini, penelitian dibuat berkenaan peraturan-peraturan kemasukan pelajar perempuan Melayu sama ada ke Sekolah Vernakular Melayu ataupun ke Sekolah Perempuan Inggeris. Selain itu, perbincangan juga meliputi peraturan-peraturan pakaian bagi pelajar-pelajar perempuan di Sekolah-sekolah Melayu dan juga di Sekolah-sekolah Perempuan Inggeris.

Pada dasarnya adalah menjadi tanggungjawab kerajaan British untuk menyediakan pendidikan asas kepada orang Melayu.⁹² Walaupun tidak dinyatakan secara khusus berkenaan pendidikan kepada anak-anak perempuan tetapi istilah anak-anak Melayu yang digunakan adalah melibatkan kanak-kanak lelaki dan perempuan. Situasi ini juga bertepatan dengan dasar kerajaan British untuk memberikan pendidikan percuma kepada semua kanak-kanak di Tanah Melayu. *The school must be public and no child may be refused admission to it on other reasonable grounds.*⁹³ Oleh sebab yang demikian, tiap-tiap pelajar Melayu sama ada lelaki atau perempuan tidak dikenakan apa-

⁹¹ 'Seruan Kepada Murid-murid Perempuan', *Lembaga Melayu*, 22 Mac 1928, hlm. 3.

⁹² Education Policy in Malaya 1928, hlm.8 dalam CO 717/60/15 (Fail No. 52408). Dalam Polisi Pendidikan British pada tahun 1928 menyatakan dengan jelas bahawa pendidikan asas yang diberikan kepada orang Melayu adalah di bawah tanggungjawab kerajaan British. *There are Malay vernacular school giving instruction in reading, writing, arithmetic, simple geography and history, manual work and school gardening. These are entirely controlled and paid for by Government.*

⁹³ Lihat *Federated Malay States, Code for Grant-in-Aid School and Department Instructions to Inspecting Officer 1908*, hlm1. Lihat juga *Education Code for the Straits Settlements* (Approved by the Governor in Council The 16th March, 1908, hlm 1.

apa bayaran dan kemasukan mereka ke sekolah tidak akan ditolak, kecuali dengan sebab-sebab yang berikut:

- a. Kanak-kanak yang berpenyakit yang berkemungkinan berjangkit atau berbahaya kepada kanak-kanak lain.
- b. Kanak-kanak yang keluar daripada sekolah-sekolah lain yang gagal menunjukkan surat kenyataan keluar sekolah.
- c. Tidak mempunyai tempat yang cukup.⁹⁴

Walau bagaimanapun, undang-undang wajib ke sekolah (Compulsory Education) yang diperkenalkan oleh kerajaan British hanya melibatkan anak-anak lelaki sahaja. Menurut peraturan berkenaan, ibu bapa yang tinggal dalam lingkungan dua batu dari sekolah akan dikenakan tindakan jika anak lelaki yang dalam lingkungan usia tujuh dan dua belas tahun tidak disekolahkan.⁹⁵ Selain itu, kanak-kanak yang memasuki sekolah-sekolah Melayu perlu mematuhi peraturan khas mengenai syarat-syarat minimum (umur) untuk kemasukan ke darjah satu sehingga darjah lima.⁹⁶ Jadual 2.9 menunjukkan had umur pelajar berdasarkan darjah yang telah ditetapkan oleh kerajaan British.

⁹⁴ Education Policy 1926, Malay States 6 November 1926, (Fail No. C.F. 20671), hlm. 1 dalam CO 717/53/14. *Free Compulsory Elementary Education in the vernacular for native of the country, e.g. Malays.*

⁹⁵ Loh Fook Seng Philip. *Seeds of Separatism; Educational Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 122.

⁹⁶ Memorandum on the Note by Advisory Committee on Education in the Colonies on Federated Malay States and Straits Settlements Report for 1935 dalam Education Report 1935 dalam CO 717/119/1. Memorandum berkenaan dinyatakan bahawa darjah tertinggi bagi Sekolah Vernakular Melayu adalah sehingga darjah lima berbanding darjah enam bagi Sekolah Vernakular Cina dan Tamil.

Jadual 3.9: Jadual Menunjukkan Darjah I Hingga IV Mengikut Peringkat Umur Tertentu

No	Darjah	Peringkat Umur Murid
1	Darjah I	Tidak lebih daripada 7 tahun
2	Darjah II	Tidak lebih daripada 8 tahun
3	Darjah III	Tidak lebih daripada 9 tahun
4	Darjah IV	Tidak lebih daripada 10 tahun
5	Darjah V	Tidak lebih daripada 11 tahun
6	Darjah VI	Tidak lebih daripada 12 tahun

Sumber: *Regulation or Malays Vernacular Education in the Straits Settlement*, (Second and Revised Edition), Singapore: Government Printing Office, 1936 dalam P/JP 4/1936,

Sebelum tahun 1916, darjah tertinggi bagi sekolah-sekolah Melayu adalah berbeza mengikut negeri. Namun demikian, secara umumnya darjah tertinggi bagi sekolah Melayu adalah darjah lima. Bagi sekolah-sekolah perempuan pula, darjah tertinggi adalah darjah tiga dan sesetengah negeri sehingga darjah empat atau lima. Pada tahun 1916, R.O. Winstedt mencadangkan agar tempoh persekolahan bagi sekolah vernakular Melayu dikurangkan kepada empat tahun sahaja.⁹⁷ Walau bagaimanapun, dalam Laporan Memorandum Jawatankuasa Pelajaran Kolonial bagi NNMB dan NNS pada tahun 1935, tempoh masa pembelajaran di sekolah-sekolah vernakular di Tanah Melayu telah ditetapkan seperti berikut;

1. 5 tahun untuk Sekolah Vernakular Melayu. (Hanya peringkat Rendah)
2. 6 tahun untuk Sekolah Vernakular China. (Peringkat Rendah)
3. 6 tahun untuk Sekolah Vernakular Tamil.⁹⁸

Namun demikian, pada tahun 1936, tempoh persekolahan bagi Sekolah Vernakular Melayu telah dinaikkan sehingga daripada lima tahun kepada enam tahun.⁹⁹

⁹⁷ Lihat Conference of Resident, 1917, Abstract of Proceeding, Kuala Lumpur, 10th May, 1917, hlm. 1 dalam Report bt Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Jawa and the Philipine Islands dalam Sel.SEC 6027/1916. R.G's No. 4497/1916.

⁹⁸ Memorandum on the Notes by Advisory Committee on Education in the Colonies on Federated Malay States and Straits Settlements Report for 1935, Enclosure No.1 dalam CO 717/119/1, Fail No. 51668.

Selain peraturan-peraturan berkenaan, pelajar-pelajar Melayu yang ingin memasuki sekolah Melayu juga mesti mengemukakan surat pendaftaran kelahiran untuk tujuan pendaftaran. Oleh itu, Guru Besar (Head School) akan memastikan setiap pelajar yang didaftarkan mempunyai surat pendaftaran kelahiran (Sijil Kelahiran). Selain surat pendaftaran kelahiran, lain-lain kenyataan tidak boleh dijadikan bukti yang sah untuk menentukan umur kanak-kanak berkenaan.¹⁰⁰ Kanak-kanak perempuan yang ingin memasuki Sekolah Melayu sama ada sekolah lelaki atau perempuan mestilah berumur tidak lebih daripada 12 tahun. Walau bagaimanapun, kebiasaannya pelajar-pelajar perempuan Melayu diberhentikan sekolah lebih awal sebagai persediaan untuk dikahwinkan.¹⁰¹

Selain syarat kemasukan ke sekolah Melayu, pelajar perempuan yang ingin memasuki Sekolah Perempuan Inggeris juga dikenakan syarat-syarat yang ketat. Pada peringkat awal Sekolah Perempuan Inggeris didirikan untuk memberi pelajaran kepada anak-anak perempuan pentadbir Inggeris, kerabat raja Melayu, golongan bangsawan Melayu, pemimpin masyarakat serta anak-anak buruh Cina dan India yang tinggal di kawasan-kawasan bandar. Pada asasnya pendidikan Inggeris adalah terbuka kepada semua kaum atau dikenali sebagai *Free School*.¹⁰² Namun demikian, peluang untuk anak-anak Melayu untuk mendapatkan pendidikan Inggeris agak terhad terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Selain itu, syarat-syarat yang ketat juga dikenakan kepada anak-anak perempuan Melayu yang ingin memasuki sekolah

⁹⁹ *Regulation or Malays Vernacular Education in the Straits Settlement*, (Second and Revised Edition), 1936.

¹⁰⁰ Lihat Abdullah Bin Abdul Rahman, *Perkembangan Sekolah-Sekolah Kelantan Antara Tahun-Tahun 1904 – 1941, Dengan Perhatian Khusus Kepada Sekolah-Sekolah Vernakular Melayu*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 86. Lihat juga *Regulation or Malays Vernacular Education in the Straits Settlement*, (Second and Revised Edition), 1936.

¹⁰¹ Annual Report 1919, Education Department Selangor, 24.2.1920 dalam SEL:SEC, Fail N0. 0978/1920.

¹⁰² Lihat *Perak Administration Report for the year 1925*, hlm. 11. *Free place in English Schools were provided for Malays who were desirous of studying English after passing standard IV in a Malay School* dalam *Federated Malay States Annual Report for the year 1925*, by W.George Maxwell (Chief Secretary to Government, F.M.S) dalam CO 576/60.

Inggeris.¹⁰³ Syarat-syarat kemasukan kanak-kanak Melayu ke sekolah Inggeris adalah seperti berikut;

While Malay children may at the age of six enter the English school direct into the first class, the more normal channel is via Standard IV (boy) and Standard III (Girls) in the Malay vernacular school to the Special Malay Classes. ... Pupil who have passed the standards referred to, and who are under 11 years of age, are selected by examination result and – generally-interviewed for admission as free pupils to Special Classes, which provide intense training in English.¹⁰⁴

Pelajar-pelajar Melayu yang ingin memasuki sekolah Inggeris mestilah berumur tidak lebih dari 11 tahun dan telah lulus darjah empat bagi pelajar lelaki dan bagi pelajar perempuan pula mesti lulus darjah tiga Sekolah Melayu.¹⁰⁵ Mereka juga perlu memperoleh kelulusan cemerlang dalam peperiksaan dan juga lulus temuduga kemasukan ke sekolah Inggeris. Di samping itu, pelajar-pelajar Sekolah Melayu yang ingin memasuki Sekolah Inggeris juga perlu memasuki *Special Malay Classes* untuk membolehkan mereka menguasai bahasa Inggeris terutama bahasa Inggeris komunikasi dan juga penulisan. Setelah tamat dua tahun di *Special Malay Classes*, mereka akan dimasukkan ke Standard IV sekolah Inggeris.¹⁰⁶

Walau bagaimanapun, dalam Laporan Tahunan Pendidikan bagi NNS dan NNMB pada tahun 1938 melaporkan bahawa sehingga tahun 1938, masih belum wujud *Special Malay Classes* untuk pelajar perempuan Melayu. Pelajar-pelajar perempuan

¹⁰³ J.M. Gullick, *Malaya*, London: Ernest Benn Limited, 1964, hlm. 205.

¹⁰⁴ Lihat *Selangor Administration Report 1925* dalam *Annual Report Selangor 1925-1939* dalam CO 439/4. *Special Classes for Malays were conducted at the Victoria Institution, Maxwell Road School, Government English School, Kajang and the Anglo-Chinese School, Klang.*

¹⁰⁵ Walau bagaimanapun pada tahun 1922, pelajar lelaki Melayu di Perak yang lulus darjah tiga juga diberi keistimewaan untuk memasuki Sekolah Inggeris. Lihat *Perak Administration Report for the year 1922*, hlm.8 dalam *Supplements to the F.M.S Government Gazette, 13 July, 1923* dalam CO 574/35. *The privilege of free education in English Schools is given to selected Malay boy is suitable age as soon as they pass Standard III a Malay schools.*

¹⁰⁶ *Selangor Administration Report for the Year 1927*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1928, hlm.19 dalam CO 439/4. *Intensive training for two years in the English language, special emphasis being laid on the spoken language. At the end of two years in these special classes they Malay boys(girls) of average ability is fit to join the ordinary Standard IV of the English School.*

yang memasuki Sekolah Inggeris juga perlu menunjukkan kebolehan akademik yang luar biasa yang mengatasi pelajar-pelajar dari kaum lain di dalam kelasnya. Keadaan ini bermaksud bahawa hanya pelajar perempuan Melayu yang betul-betul berkebolehan saja berpeluang untuk belajar di Sekolah Inggeris. Dalam Laporan Tahunan Pendidikan pada tahun 1938, W.Lineham (*Director of Education Straits Settlements and Advisor on Education, Malay States*) menyatakan;

There were **no Malay Special Classes for girls** similar to these for the boy because the number involved did not warrant forming these classes but the Malay girls were given special attention so that they would be able to take their place in the higher classes at an age not markedly beyond that of the girls of other race who go to the English school without any preliminary vernacular education.¹⁰⁷

Pada tahun 1924, Setiausaha Residen Selangor telah menaikkan tahap umur pelajar perempuan yang ingin memasuki Inggeris daripada lulus darjah tiga kepada lulus darjah lima Sekolah Melayu. Sebagai contoh pada 22 Januari 1924, M.I.Maidin telah menulis surat kepada Setiausaha Residen Selangor supaya memberikan pendidikan percuma kepada seorang sepupunya (perempuan) yang ingin memasuki sekolah Inggeris. Setiausaha Residen Selangor telah menjawab surat berkenaan dengan menyatakan;

In reply to your letter dated the 22nd Januari 1924 asking for free schooling to Aminah binti Mohamed Kassin, I am directed to inform you that she should pass the Vth Standard before she leaves the vernacular school; when she has done so the question of the grant of free schooling in an English school can be considered.¹⁰⁸

¹⁰⁷ Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, by W. Linehan (Director of Education S.S and Adviser on Education, Malay States) English School, hlm.83 dalam CO 576/63.

¹⁰⁸ Applies for a grant of the free tuition for his cousin in an English Girls School, Surat maklum balas daripada Setiausaha Residen British Selangor bertarikh 18th February 1924 dalam SEL.SEC, 436/1924.

Walau bagaimanapun, syarat-syarat berkenaan adalah bertentangan dengan *Education Code II* (Regulation for Aided English School in the F.M.S) pada tahun 1925, yang menyatakan dengan jelas bahawa murid-murid Melayu yang ingin memasuki sekolah Inggeris mestilah mempunyai syarat-syarat seperti mana di bawah;

Section 16 (ii) and (iv) should be amended as follows:-

Section 16 (ii) “the pupil, if a boy, must have passed Standard IV or V, and **if a girls, Standard II or III** in a Malay Vernacular School”.

Section 16 (iv) “the pupil must pass a medical examination provided that unless a lady medical officer can conduct it the examination may be remitted in the case of girls.”¹⁰⁹

Menurut Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Selangor pada tahun 1919, jumlah pelajar perempuan Melayu yang belajar di sekolah Inggeris di Selangor adalah seramai 14 orang iaitu lima orang di Convent School, lapan orang di Methodist Girl’s School dan satu orang di St. Mary’s School.¹¹⁰ Pada tahun 1920, jumlah pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di sekolah Inggeris di NNMB adalah seramai 44 orang berbanding 535 orang bangsa Eropah, 876 orang Cina dan 456 orang India.¹¹¹ Sehingga tahun 1920, hanya terdapat 3.2 peratus sahaja pelajar perempuan Melayu yang berpeluang belajar di sekolah Inggeris.

¹⁰⁹ Free English Education for Malay Girls, bertarikh 10th Ogos 1925 dalam SEL.SEC, 3831/1925.

¹¹⁰ Annual Report 1919, Education Department Selangor dalam SEL.SEC, 0978/1920.

¹¹¹ Lihat *Federated Malay States Annual Report for 1920*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1921. Appendix. III.

Jadual 3.10: Jumlah Pelajar Perempuan Mengikut Bangsa Di Sekolah Inggeris Di NNMB Pada Tahun 1920

Pelajar Perempuan/ Bangsa	Perak	Selangor	N. Sembilan	Pahang	Jumlah Keseluruhan
Eropah & Erusian	201	227	54	3	535
Melayu	15	25	2	2	44
Cina	339	475	58	4	876
India	170	240	39	7	456
Lain-lain	28	21	5	1	55
Jumlah	753	1,038	158	17	1,966

Sumber: *Federated Malay States Annual Report for 1920*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1921. Appendix III.

Syarat-syarat yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar perempuan Melayu untuk memasuki Sekolah Inggeris adalah ditentukan oleh budi bicara Residen British bagi negeri masing-masing. Peraturan yang ditetapkan hanyalah panduan yang tidak semestinya diikuti oleh Residen. Hal ini menyebabkan agak sukar pelajar perempuan Melayu memasuki Sekolah Perempuan Inggeris. Sehingga tahun 1938, jumlah pelajar perempuan Melayu Di NNMB yang bersekolah di Sekolah Inggeris hanyalah seramai 367 orang berbanding 3,048 orang Cina dan 1,750 India.¹¹²

Selain peraturan kemasukan pelajar ke sekolah, terdapat juga peraturan berkenaan pakaian pelajar perempuan sama ada ke Sekolah Melayu, Sekolah Inggeris dan juga kolej-kolej. Pada peringkat awal tidak ada garis panduan yang khusus dari segi pakaian seragam pelajar perempuan Melayu di sekolah-sekolah Melayu. Kanak-kanak perempuan Melayu boleh memakai apa sahaja pakaian tradisi Melayu atau pakaian lain

¹¹² Annual Report on Education in the Straits Settlements and Federated Malay States for the year 1938, Appendix II dalam CO 576/63.

asalkan bersesuaian untuk ke sekolah.¹¹³ Pakaian seragam sekolah bagi pelajar-pelajar perempuan Melayu pada abad ke-19 dapat dilihat melalui gambar (Rujuk Lampiran 3) pelajar-pelajar perempuan di Sekolah Perempuan Melayu Teluk Belanga, Singapura. Merujuk kepada gambar berkenaan pelajar perempuan Melayu memakai kasut, baju kurung berwarna cerah, kain sarung dan berselendang. Terdapat seorang pelajar perempuan yang memakai skirt putih yang agak labuh sehingga ke bawah lutut.

Walau bagaimanapun, peraturan pakaian pelajar perempuan Melayu telah sedikit berubah terutamanya pada tahun 1920-an dan 1930-an. Apa yang dipentingkan adalah pakaian yang sesuai dan tidak menjolok mata. Peraturan pakaian pelajar perempuan Melayu buat kali pertama dikesan apabila Ibu Zain membuka Sekolah Perempuan Melayu Pasuh Jaya di Negeri Sembilan pada tahun 1920.¹¹⁴

Budak-budak mesti pakai seluar dalam. Yang besar, ajar buat skirt dan pakai lagi, takut kain tu jarang. Sekolah tu ada dua bahagian, satu pagi dan satu petang. Kalau pakai kain gelombang barat, bajunya mesti kurung. Ada pula yang kain tutup, pakai baju kebaya.¹¹⁵

Sehingga tahun 1938, tidak ada pakaian seragam khusus bagi murid-murid perempuan atau lelaki Melayu di sekolah Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah sekolah di Perak dan Selangor yang mempunyai uniform sekolah yang tersendiri. Namun demikian, peraturan ini bukanlah peraturan yang mesti dipatuhi kerana pakaian yang ditekankan ialah pakaian tradisional orang Melayu dan bagi perempuan adalah pakaian yang dapat menutup aurat. Pihak sekolah juga akan membuat pemeriksaan terhadap pakaian, rambut dan kuku pelajar perempuan bagi memastikan

¹¹³ Rujuk lampiran 1, pakaian yang dipakai oleh pelajar perempuan Melayu di Sekolah Perempuan Melayu Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1885.

¹¹⁴ Transkripsi Temu ramah di antara Ibu Zain dengan Encik Sidek Jamil Daripada Arkib Negara Malaysia pada 18hb. Jun, 1974, Tape No 1.

¹¹⁵ Ibid.

mereka sentiasa menjaga kebersihan.¹¹⁶ Pada kebiasaannya murid lelaki akan memakai seluar hitam pendek, baju putih manakala bagi perempuan pula memakai baju kebaya putih atau biru dengan kain sarung dan selendang yang bersesuaian.

Most of the school in the state have succeeded in getting their pupils to put on uniform dress, the boys usually wearing khaki or black shorts, white shirts and black caps, and the girls white or blue kebaya, with sarong and selendang to match.¹¹⁷

Walau bagaimanapun, pakaian seragam sekolah bagi pelajar perempuan sekolah-sekolah Inggeris agak berbeza dengan sekolah Melayu. Bagi murid perempuan sekolah Inggeris biasanya mereka memakai skirt pendek dan baju kemeja lengan pendek yang berwarna putih. Skirt yang dipakai biasanya skirt yang agak ketat dan bagi orang Melayu ia agak tidak sopan. Pakaian seperti ini bukan sahaja dipakai oleh pelajar perempuan sekolah Inggeris tetapi juga dipakai oleh kebanyakan guru perempuan sekolah Inggeris. Menurut Sulaiman Abdul Hadi bin Mohd. Nor (iaitu bapa kepada Ibu Zain) pakaian pelajar-pelajar perempuan di Kolej Guru di Banda Hilir Melaka adalah sebagai berikut;

...anak-anaknya pakai kain senteng sekolah, nampak paha, kita pula suruh anak-anak kita pula. ...perempuan-perempuan dia tak ada aurat, kita dah baca Quran. Kita tahu titah perintah Tuhan yang orang perempuan ada auratnya. Habis anak-anak perempuan, awak tengoklah tu yang pakai uniform tu, sampai hujung-hujung paha dia macan batang pisang keluar.”¹¹⁸

¹¹⁶ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1929, hlm. 22 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" December 5th 1930* dalam CO 576/39.

¹¹⁷ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1938 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Federated Malay States for the Year 1938, hlm. 71 dalam CO 576/62.

¹¹⁸ Transkripsi temu ramah di antara Ibu Zain dengan Encik Sidek Jamil Daripada Arkib Negara Malaysia pada 18hb. Jun, 1974, Tape No 1.

Dalam Laporan Tahunan bagi Negeri Sembilan pada tahun 1938, dinyatakan bahawa pakaian seragam pelajar perempuan Melayu ialah baju kebaya putih dengan kain sarung berwarna biru. Namun, bagi sekolah-sekolah yang di pendalaman peraturan ini bukanlah satu kemestian kerana pelajar-pelajar akan memakai pakaian mengikut kemampuan dan kesesuaian mereka. Sebagai contoh, pelajar perempuan di sebuah sekolah di pendalaman Negeri Sembilan memakai baju dan seluar yang disesuaikan dengan budaya masyarakat Jawa.

Most of them are dressed in neat uniform consisting of short and shirt in the case of boy and a white kebaya and blue sarong in the case of girls. (it was surprising to find in one school in an out of the way district a girl also dressed in shirt and short, but she proved to be of Javanese extraction and it is not probable that Malay opinion would countenance such an innovation at present).¹¹⁹

Sehingga tahun 1941, pakaian seragam sekolah bagi murid perempuan masih sama dengan tahun-tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, amat jarang dan agak luar biasa sekiranya ada murid-murid perempuan Melayu yang memakai skirt pendek dengan baju kemeja lengan pendek kerana ia bertentangan dengan adat tradisi dan agama Islam. Apa yang dipentingkan ialah pakaian yang dipakai oleh pelajar perempuan Melayu mestilah selesa dan bersesuaian dengan adat dan agama orang Melayu.

Selain daripada peraturan pakaian seragam sekolah, pembangunan pendidikan wanita Melayu juga melibatkan pembangunan latihan perguruan untuk Sekolah Perempuan Melayu. Pembangunan dan perkembangan latihan perguruan bagi guru-guru perempuan Melayu di Tanah Melayu adalah perlahan dan jauh ketinggalan berbanding latihan perguruan untuk guru-guru lelaki. Kerajaan British semenjak dari awal lagi tidak

¹¹⁹ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Negeri Sembilan for the Year 1938, dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Federated Malay States for the Year 1938 hlm.54 dalam CO 576/62.

mempunyai perancangan yang jelas mengenai dasar perguruan bagi guru-guru perempuan Melayu. Ketiadaan latihan perguruan telah menyebabkan guru-guru perempuan Melayu adalah guru yang tidak terlatih. Apa yang menghairankan ialah tindakan kerajaan British yang membuka sekolah-sekolah Melayu tetapi dalam masa yang sama tidak pula menyediakan bekalan guru terlatih.¹²⁰

Oleh yang demikian, sekolah-sekolah Melayu pada awal kemunculannya kurang mendapat sambutan daripada orang Melayu. Masalah kekurangan guru merupakan masalah utama di sekolah-sekolah Melayu sehinggakan terdapat sesetengah sekolah terpaksa ditutup kerana ketiadaan guru. ...until 1898, the Malay states had no scheme for the training of Malay school teacher.¹²¹ Kerajaan British pada peringkat awal penubuhan NNMB (1896) juga tidak mempunyai garis panduan yang jelas mengenai pengambilan guru untuk sekolah Melayu. Guru-guru sekolah Melayu pada peringkat awal juga tidak dilatih secara khusus dan tiada pusat latihan yang mencukupi disediakan untuk melatih guru untuk sekolah-sekolah Melayu.¹²² Walau pun wujud beberapa maktab perguruan seperti Maktab Perguruan Matang dan Maktab Perguruan Sultan Idris tetapi kewujudan maktab-maktab perguruan ini tidak dapat menampung keperluan guru di sekolah-sekolah Melayu. Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka pula hanya

¹²⁰ Lihat Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Yob, *Guru dan Perguruan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1990. Penulis buku ini menyatakan dengan jelas bahawa kerajaan British tidak mempunyai dasar yang jelas berkenaan latihan perguruan di Tanah Melayu. selain tidak mempunyai perancangan yang rapi, terdapat juga sekolah yang ditubuhkan tanpa kawalan pihak kolonial British. Cadangan untuk menyediakan latihan perguruan hanya mula dipertimbangkan apabila Laporan Wooley dikeluarkan pada tahun 1870 yang memperakukan tentang keperluan Latihan Perguruan yang lebih terancang dan sistematik.

¹²¹ Chan Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1964, hlm. 249.

¹²² Federated Malay States, *Education Office of Selangor, Increment Certificate of Vernacular Teachers*. Dalam laporan ini dinyatakan bahawa melalui skim gaji yang dibayar pada tahun 1914, menunjukkan hanya dua gred bagi guru-guru Melayu iaitu *Vernacular Teacher* and *Pupil Teacher*. Kedua-dua gred ini mempunyai gred gaji yang berbeza. Dalam laporan ini juga dinyatakan bahawa terdapat ramai guru yang bertaraf *pupil teacher* (guru tidak terlatih) berbanding *vernacular teacher*.

muncul pada tahun 1935 dengan pengambilan pelajar seramai 24 orang sahaja bagi setiap pengambilan.¹²³

Sebelum kewujudan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka, guru-guru perempuan Melayu adalah guru yang tidak terlatih. Pada peringkat awal penubuhan NNMB, bekalan guru untuk sekolah perempuan Melayu diambil dalam kalangan guru-guru perempuan Sekolah Agama atau pelajar-pelajar perempuan lulusan Sekolah Perempuan Melayu. Kebanyakan mereka dipilih oleh orang kampung, penghulu, guru pelawat, *Inspector of School* dan sesetengahnya dipilih oleh Residen British sendiri. Walaupun sudah dipilih oleh orang kampung atau penghulu, guru berkenaan masih belum disahkan sebagai guru secara rasmi selagi belum mendapat surat lantikan daripada *Inspector of School* di Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing.

Apabila mendapat surat lantikan, guru berkenaan secara sah menjadi guru tidak terlatih (*Untrained Teacher*) di sekolah berkenaan dan menerima gaji sebanyak \$11.08 sebulan.¹²⁴ Sebagai contoh pada tahun 1897, Hasana binti Ahmad telah memohon melalui *Inspector of School Selangor* untuk menjadi guru di Sekolah Perempuan Melayu di Selangor. Permohonan beliau telah diluluskan oleh *Inspector of School Selangor* iaitu Frank Wildman (Education Department Selangor) pada 19 Mac 1897.¹²⁵ *Inspector of School* juga bertanggungjawab mengeluarkan surat pengesahan jawatan bagi guru-guru perempuan selepas melalui proses percubaan selama enam bulan. Sebagai contoh pengesahan jawatan bagi Aminah binti Abdullah telah dibuat oleh *Inspector of School Selangor* pada tahun 1915. Antara inti pati surat berkenaan ialah; *I have the honour to*

¹²³ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1935, hlm. 67 dalam Annual Report in the Education Department for the year 1935 dalam CO 576/53.

¹²⁴ Annual Department Report Of The Strait Settlements, 1886, part 1, hlm. 141.

¹²⁵ Education, File No. 2053/1897, Inspector of School, Kuala Lumpur, Assumption of duties by Hasana binti Ahmad (on 19.3.1897) as teacher Girls' School, Kuala Selangor Reports. Lihat juga Education, File No. 1748/1902, Recommended That Chik (female) be Appointed wearing Mistress at the Malay Girls School Kuala Lumpur yang bertarikh 14, March. 1902. Dalam surat berkenaan *Inspector of School Selangor* menyatakan; *I have the honour to recommended that Chik (female) be appointed wearing mistress at the Malay girls school Kuala Lumpur on a salary of \$20 per mensem.*

*recommend that Aminah Binti Abdullah be confirmed in her appointment as Teacher, Klang Malay Girls' School. She was appointed on 6 months' probation on 1.9.1914 and her work has been quite satisfactory.*¹²⁶

Selain itu, inisiatif penambahan guru bagi sesebuah sekolah hanya dilakukan apabila ada permohonan dibuat oleh *Lady Supervisor, Malay Girls' School*. Kerajaan British tiada perancangan yang jelas untuk menangani masalah kekurangan guru di sekolah perempuan Melayu. Sebagai contoh pada tahun 1922, A.R. Mac Iver iaitu *Lady Supervisor Malays Girls' School (S.S & F.M.S)* telah memohon agar bilangan guru perempuan ditambah kerana berlaku peningkatan jumlah pelajar perempuan di dua buah sekolah iaitu di Sekolah Perempuan Melayu Batu dan Sekolah Perempuan Kampung Baharu, Selangor. Beliau menyatakan bahawa;

The schools which require extra assistance are (1) Batu and (2) Kampung Baharu, Kuala Lumpur. 1. Batu, this school are now (Dec 1921) 42 girls on register, in standard I to III. It is impossible that this school be run efficiently with only one teacher. 2. Kampung Baharu, Kuala Lumpur, there are at present 2 teacher in this school. The attendance in this school has increased from 47 (June 1921) to 59 (Dec 1921)... extra work plus the increase of number, make it urgent that we have a extra assistant.¹²⁷

Daripada laporan berkenaan, jelas menunjukkan kerajaan British sebenarnya tidak ada perancangan yang terperinci untuk menangani masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah perempuan Melayu. Keadaan ini bertambah serius apabila jumlah pelajar perempuan meningkat dari tahun ke tahun. Perkembangan ini adalah disebabkan peningkatan kesedaran dalam kalangan orang Melayu mengenai kepentingan

¹²⁶ Confirmation of Aminah binti Abdullah as Teacher, Klang Malay Girls' School, 7 April 1915 dalam SEL.SEC:1790/1915, No.4 in 182/1914,

¹²⁷ Women Teachers For Malay Girls School at – (1) Batu, Kuala Lumpur – (2) Kampung Baharu, Kuala Lumpur dalam SEL.SEC. 182/1922. Surat daripada A.R. Mac Iver iaitu *Lady Supervisor Malay Girls' School (S.S & F.M.S) Kepada Inspector of School Selangor*, Kuala Lumpur bertarikh 6 January 1922.

pendidikan kepada anak-anak perempuan.¹²⁸ Pada tahun 1920 sehingga tahun 1930 jumlah sekolah perempuan Melayu di NNMB meningkat daripada 54 buah kepada 82 buah.¹²⁹

Untuk menangani masalah ini, Puan N. Purdom iaitu *Lady Supervisor Malay Girls' School* (Penyelia bagi NNS dan NNMB) telah mengambil langkah sendiri untuk melatih guru-guru perempuan. Pada tahun 1926, beliau telah menubuhkan sebuah kelas khusus untuk melatih guru-guru perempuan Melayu mengenai kaedah-kaedah mengajar yang betul. Beliau juga telah memohon supaya pihak kerajaan menyediakan peruntukan bagi melatih 10 orang guru perempuan Melayu yang telah bersetuju mengikuti pembelajaran berkenaan. Cadangan berkenaan telah mendapat reaksi positif daripada *Inspector Of Schools, Selangor*. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diberikan hanyalah untuk kemudahan elaun perjalanan untuk guru-guru berkenaan. Antara inti pati surat berkenaan ialah:

In instituting this class Miss Purdom is breaking new ground, as such a class.. It is an attempt to provided the Malay women Teachers with something corresponding to the normal classes held for English-speaking teachers, and as such I would like to recommended it strongly. ...The women teachers have promised to attend this class and it is estimated that the transport expenses incurred will be \$100/-p.m. this can be met at present out of the vote allowances, travelling and personel.¹³⁰

Kelas latihan untuk guru-guru perempuan ini diadakan dua minggu sekali. Mata pelajaran yang diajar ialah Ilmu Kira-kira, Tulisan, Jahitan, Kaedah mengajar dan Pengelolaan Sekolah.¹³¹ Pada tahun 1930 dilaporkan terdapat dua buah pusat latihan

¹²⁸ Hasnah Binti Hussin, *Peranan Guru-Guru Melayu Dalam Memajukan Masyarakat Melayu, 1900-1941*, Tesis M.A, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 29.

¹²⁹ Annual Report on Education in the Federated Malay States 1921, hlm. 3 dalam CO 576/24 dan Annual Report on Education in the Federated Malay States 1931, hlm.50-51 dalam CO 576/43.

¹³⁰ Proposal for a class for Malay women Teachers, No (6) in Selangor, 251/26 dalam SEL.SEC, 2103/1926.

¹³¹ *Majalah Guru*, Ogos -September, 1926.

guru untuk guru-guru perempuan Melayu di Negeri Sembilan iaitu di Sri Menanti dan Kuala Pilah.¹³² Pada bulan November 1930, kumpulan guru perempuan pertama dari Perak, Selangor dan Negeri Sembilan telah menduduki peperiksaan untuk memperoleh Sijil Perguruan (Teacher Certificate).¹³³ Pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1931, kumpulan kedua seramai 145 orang telah menduduki peperiksaan dan 102 orang telah lulus dan memperoleh Sijil Perguruan.¹³⁴ Manakala dalam Laporan Tahunan NNS pada tahun 1930, Penolong Penyelia Sekolah Perempuan telah mengadakan kelas-kelas pembelajaran bagi membantu guru-guru perempuan menghadapi peperiksaan khas.¹³⁵ Calon-calon akan menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran-mata pelajaran berikut;

- a. Pelajaran Senaman dan Permainan bagi Murid darjah satu
- b. Bacaan
- c. Tulisan dan Rencana Rumi
- d. Kerja mengait dan kerja tangan seperti membuat renda, membuat model-model dari kertas atau Lukisan dengan corak.
- e. Ilmu kira-kira, kerja tangan yang tinggi dan Urusan Rumah tangga, (mata pelajaran-mata pelajaran ini dikenakan dalam tahun berikutnya).¹³⁶

Hasilnya, daripada 129 orang yang menduduki peperiksaan pada tahun pertama, 91 orang dilaporkan telah lulus.¹³⁷ Kemudiannya pada tahun 1936, dua buah *Normal Classes* telah ditubuhkan di Selangor iaitu di Kuala Lumpur dan juga di Klang. Pusat latihan ini dihadiri oleh guru-guru baru sekolah perempuan dan juga beberapa guru senior yang berpengalaman sebagai mentor dan tenaga pengajar. Mereka juga diajar dan

¹³² *Supplements to the F.M.S Government Gazette 19th July, 1931*, hlm.16 dalam CO 574/59. Dalam laporan berkenaan dinyatakan jumlah guru perempuan Melayu yang belajar di dua pusat berkenaan adalah seramai 16 orang. *Classes for Malay women teachers were held in Sri Menanti and Kuala Pilah. The number of teachers attending these training classes was 16, and the progress made was gratifying.*

¹³³ Ibid.

¹³⁴ Annual Report on Education in the F.M.S for the year 1930, hlm.30 dalam *Supplements to the F.M.S Government Gazette 31st July 1931* dalam CO 574/59

¹³⁵ Annual Department Report Straits Settlements for the year 1930, hlm.10.

¹³⁶ Ibid.

¹³⁷ Ibid.

dilatih dalam beberapa mata pelajaran tertentu, teori dan juga kaedah mengajar. Seramai 24 orang telah menduduki peperiksaan perguruan pada tahun 1936 dan 18 daripadanya telah lulus.¹³⁸

Usaha-usaha untuk melatih guru-guru perempuan ini telah diusahakan sendiri oleh negeri-negeri lain sehinggalah akhirnya tertubuhnya Maktab Perguruan Perempuan Melayu di Melaka pada 31 Januari 1935.¹³⁹ Pada peringkat awal, maktab ini hanya mampu memuatkan seramai 24 orang penuntut sahaja bagi setiap sesi kemasukan. Semua perbelanjaan pengurusan maktab ini adalah ditanggung oleh kerajaan negeri Selat. Manakala bagi penuntut-penuntut dari negeri-negeri lain pula akan dikenakan bayaran yang tidak termasuk perbelanjaan perjalanan dari kampung ke maktab dan dari maktab ke kampung.¹⁴⁰ Walaupun ada usaha yang telah dibuat oleh kerajaan British bagi membekalkan guru yang terlatih kepada Sekolah Perempuan Melayu namun usaha yang dibuat agak lambat dan tidak bersungguh-sungguh. Di samping itu, banyak usaha dilakukan sendiri oleh pegawai-pegawai British di NNMB untuk menangani masalah kekurangan guru. Sehinggalah tahun 1935, barulah sebuah Maktab Perguruan Perempuan ditubuhkan oleh kerajaan British sedangkan kepesatan perkembangan sekolah perempuan Melayu telah bermula seawal tahun 1900-an lagi.¹⁴¹

Pembangunan Kurikulum

Hubungan antara masyarakat dengan sistem pendidikan merupakan proses dua hala yang saling memerlukan di antara satu sama lain. Sistem pendidikan banyak dipengaruhi oleh

¹³⁸ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1936, hlm.45 dalam CO 439/4. *In all 25 teachers attended and the main subject was theory and practice of teaching. Twenty-four teacher sat for the examination in November and 18 passed.*

¹³⁹ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, hlm. 34.

¹⁴⁰ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, hlm. 51-52.

¹⁴¹ *Ibid.*, hlm. 34.

perkembangan politik, budaya dan ekonomi sesuatu masyarakat.¹⁴² Dari segi istilah, kurikulum selalunya ditakrifkan mengikut fungsi, kegunaan dan tugasnya dalam sistem pendidikan.¹⁴³ Kurikulum dan kokurikulum adalah satu dokumen rasmi yang pada dasarnya mempunyai rancangan pendidikan sepanjang pelajar berada di sekolah. Kurikulum dan kokurikulum juga merupakan subsistem dalam sistem persekolahan dan sentiasa menjadi rujukan dan panduan kepada pentadbir dan guru. Oleh yang demikian, kurikulum dan kokurikulum merupakan dokumen rasmi kerajaan dan menjadi alat untuk menentukan matlamat dan hala tuju pendidikan sesebuah negara. Kurikulum boleh dibahagikan kepada dua bahagian besar. Pertama meliputi sukatan pelajaran dan kandungan mata pelajaran serta segala pengajaran dan pembelajaran. Kedua, meliputi kegiatan pendidikan luar bilik atau kokurikulum seperti kegiatan sukan, olahraga, persatuan, pasukan berpakaian seragam dan lain-lain.¹⁴⁴

Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, dasar British terhadap pendidikan orang Melayu hanyalah bertujuan untuk menjadikan anak-anak Melayu mengetahui serba sedikit kemahiran 3M (menulis, membaca, mengira) dan memastikan mereka terus kekal sebagai petani dan nelayan yang lebih baik daripada ibu dan bapanya.¹⁴⁵ Oleh sebab yang demikian, kurikulum yang dirangka oleh kerajaan British adalah bertujuan untuk memenuhi matlamat berkenaan.¹⁴⁶ Bagi anak-anak perempuan, pendidikan yang

¹⁴² Ibrahim Saad, *Perubahan Pendidikan Di Malaysia, Satu Cabaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 7.

¹⁴³ Ishak Ramly, *Inilah Kurikulum Sekolah*, Pahang: Penerbit PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2005, hlm. 7.

¹⁴⁴ Ishak Ramly, *Inilah Kurikulum Sekolah*, hlm. 7.

¹⁴⁵ *Selangor Administration Report 1907*, hlm. 8 dalam CO 439/3. Dalam laporan berkenaan dinyatakan dengan jelas bahawa kurikulum yang disediakan untuk sekolah vernakular Melayu adalah kurikulum peringkat rendah sahaja. Menjelang tahun 1920-an, barulah ada sedikit perubahan dengan memperkenalkan mata pelajaran baharu yang tidak hanya menekankan kemahiran membaca, menulis dan mengira sahaja.

¹⁴⁶ Kurikulum sekolah Melayu pada peringkat awal hanyalah bermatlamat untuk menjadikan orang Melayu mempunyai kemahiran asas dalam menulis, membaca dan mengira. Lihat H.R. Cheeseman, 'Education in Malaya, 1900-1941, Malaysia in History', *Journal of The Malaysian Historical Society*, Vol. 22, May 1979, hlm. 129.

diberikan hanya untuk melatih mereka kemahiran asas pengurusan rumahtangga di samping kemahiran asas 3M (3 R's).¹⁴⁷

Pada peringkat awal juga, jumlah sekolah yang khusus untuk kanak-kanak perempuan Melayu adalah amat terhad.¹⁴⁸ Oleh itu, kanak-kanak perempuan Melayu pada peringkat awal menumpang belajar di sekolah lelaki. Kurikulum yang dipelajari oleh mereka juga adalah sama dengan kurikulum untuk kanak-kanak lelaki.¹⁴⁹

Malay Vernacular Schools:- The aim of the vernacular school (intended as it is for the poorer classes of the population) is industrial rather than commercial or technical. It gives an education such as will enable its pupils to read and write, and to keep the simple accounts necessary to protect themselves from the swindler who everywhere prey on illiteracy.¹⁵⁰

Melalui petikan di atas menunjukkan bahawa objektif utama kurikulum bagi sekolah-sekolah Melayu adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas menyalin, membaca, mengarang di samping kemahiran kira-kira dan 'congok'. Masa pembelajaran adalah dari pukul 7.00 pagi sehingga pukul 11.00 pagi. Waktu rehat pelajar juga diasingkan mengikut darjah kecuali bagi darjah tiga dan darjah empat yang mempunyai waktu rehat yang sama (8.00 -8.30 pagi). Walau bagaimanapun, tempoh masa belajar adalah berbeza antara satu darjah dengan darjah yang lain.

¹⁴⁷ Lihat Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya, 1896-1909*, London: Oxford University Press, 1964, hlm. 242.

¹⁴⁸ Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, hlm. 78 dalam CO 576/63. Lihat juga *Female Education: Malay Vernacular School for Girls, The curriculum was similar to that of the boys' school with a rather easier syllabus in most subjects.*

¹⁴⁹ *Selangor Administration Report for the year 1912*, hlm.7 dalam CO 439/3.

¹⁵⁰ Code For Grant-In-Aid School and Department Instruction to Inspecting Officers dalam *Supplements to the "Selangor Government Gazette", 23 December, 1904.* hlm. 23.

Jadual 3.11: Jadual Waktu Sekolah Melayu Pada Tahun 1890-an

Darjah 1	Darjah II	Darjah III	Darjah IV	Waktu Pembelajaran
Menyalin	Menyalin	Rencana	Membaca	Dari 7.00 – 7.30 pagi
Rencana	-	Membaca	Mengarang	- 7.30 – 8.00 pagi
..	Membaca	-	-	- 8.00 – 8.30 pagi
Membaca	Rencana	Mengarang	I.Kira-kira	- 8.30 – 9.00 pagi
I.Kira-kira	-	-	-	- 9.00 – 9.30 pagi
		I.Alam	I.Bumi angka	- 9.45 – 10.30 pagi
			dan Congak	- 10.30 – 11.00 pagi

Sumber: Report of a Committee Appointed to Enquire in to the System of Vernacular Education in the Colony, No.4, Straits Settlements, Thursday, 22nd Februari, 1894, hlm. 28.

Berdasarkan jadual 3.11, masa pembelajaran bagi pelajar darjah satu adalah selama dua jam bermula dari pukul 7.00 pagi sehingga pukul 9.30 pagi dan Pelajar-darjah dua pula bermula pada pukul 7.00 pagi sehingga pukul 9.00 pagi. Bagi pelajar darjah tiga pula bermula pada pukul 7.00 sehingga 10.30 pagi. Manakala bagi pelajar darjah empat yang merupakan darjah tertinggi Sekolah Melayu pada tahun 1890, bermula pada pukul 7.00 sehingga pukul 11.00 pagi.¹⁵¹ Jika merujuk kepada jadual 3.11, masa pembelajaran bagi Sekolah Melayu adalah amat terhad iaitu antara satu jam setengah sehingga tiga jam sahaja. Selain itu, mata pelajaran yang ditawarkan juga adalah mata pelajaran yang berulang dan tidak dinamik.

Situasi ini adalah selari dengan perancangan dan matlamat British terhadap pendidikan orang Melayu. Pada tahun 1898, J. Driver (*Inspector of School, F.M.S*), telah membuat beberapa perubahan terhadap kurikulum dan masa pembelajaran bagi Sekolah Melayu. Antara perubahan yang dilakukan ialah dengan memperkenalkan beberapa mata

¹⁵¹ Report of a Committee Appointed to Enquire into the System of Vernacular Education in the Colony, No.4, Straits Settlements, Thursday, 22nd Februari, 1894, hlm. 28.

pelajaran baharu serta menambah masa pembelajaran di Sekolah Melayu.¹⁵² Masa pembelajaran mula ditambah daripada dua jam (2.45 minit bagi darjah empat) kepada empat jam lima puluh minit sehari. Selain itu, beberapa sukatan baru telah dimasukkan dalam kurikulum sekolah Melayu, antaranya ialah mata pelajaran senaman, kira-kira tulis, kira-kira perkakas, sifir, bercakap, bercerita, nyanyian, permainan, lakonan, lukisan, kesihatan, ilmu alam (geografi), ilmu tawarikh (sejarah) dan juga pekerjaan tangan.¹⁵³

Syllabus Of Subjects of Instruction:- The instruction given in the vernacular school is very elementary. In the Malay school, which embrace all of them but two, there are only four standards recognised. The course of instruction when completed insures that the boy has acquired a knowledge of reading and writing in the Malay and Roman character and of a little composition, together with a knowledge of the four rule of arithmetic.... in addition a fourth standard boy or girl who has passed well has some knowledge of geography of the world...and the Malay Peninsula.¹⁵⁴

Jadual 3.12 menunjukkan jadual waktu Sekolah Melayu di Tanah Melayu selepas tahun 1898. Perubahan ini dibuat oleh J. Driver yang pada masa berkenaan adalah *Inspector of School* di NNMB. Berikut adalah jadual waktu persekolahan Sekolah Melayu bermula pada tahun 1898.

¹⁵² Lihat *Selangor Government Gazette, Friday, 11th February, 1898, (Vol.IX)*, by J. Driver, *Inspector of School*, F.M.S, hlm.225.

¹⁵³ Lihat Winifred B. Chamber, *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*, (terjemahan Abdul Aziz Din), Kuala Lumpur: Pejabat Karang-Mengarang, Jabatan Pelajaran, 1952, hlm. 17.

¹⁵⁴ *Selangor Government Gazette, Friday, 11th February, 1898, (Vol.IX)*, by J. Driver, *Inspector of School*, F.M.S, hlm. 225.

Jadual 3.12: Jadual Waktu Sekolah Melayu Di NNMB

Masa/ Hari	8.20-8.40	8.40- 9.00	9.00-9.20	9.20-9.40	9.40- 10.00	10.00- 10.20
Isnin	Sifir	Kira-kira Perkakas	Ejaan	Senaman	Bachaaan	Kira-kira tulis
Selasa	Kira-kira Perkakas	Kira-kira tulis	Ejaan	Senaman	Bachaaan	Tulisan
Rabu	Ejaan	Kira-kira Perkakas	Kira-kira tulis	Senaman	Cherita	Permainan
Khamis	Sifir	Kira-kira Perkakas	Kira-kira tulis	Senaman	Ejaan	Nyanyian
Jumaat	Ejaan	Kira-kira Perkakas	Bachaaan	Senaman	Kira-kira Tulis	Berjalan

Sambungan

10.20- 10.40	10.40- 11.00	11.00-11.20	11.20-11.40	11.40- 12.00	12.00-12.30
Cherita	R	Berchakap	Nyanyi	Tulisan	P.Tangan
P.Tangan	E	Cherita I.Alam	Lukisan	Sifir	Lakunan
Bachaaan	H	Sifir	Nyanyi	Tulisan	P.Tangan
Bachaaan	A	Cherita Tawarikh	Lakunan	Tulisan	Lukisan
Tulisan	T	Sifir	Kesihatan	Lukisan	Kumpulan

Sumber: Winifred B. Chamber, *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*, (terjemahan Abdul Aziz Din), Kuala Lumpur: Pejabat Karang-Mengarang, Jabatan Pelajaran, 1952, hlm. 17. Lihat juga *Selangor Government Gazette, Friday, 11th February, 1898*, (VOL.IX), by J. Driver, *Inspector of School*, F.M.S, hlm. 225.

Berdasarkan jadual 3.12, beberapa mata pelajaran dan masa pembelajaran tambahan diperkenalkan bagi sekolah-sekolah Melayu. Beberapa mata pelajaran baharu yang diperkenalkan ialah mata pelajaran tawarikh, ilmu alam, kesihatan, lukisan, nyanyian dan kerja tangan. Mata pelajaran diperkenalkan telah memberi serba sedikit pengetahuan tambahan kepada pelajar-pelajar Melayu. Namun demikian, objektif

pengenalan mata pelajaran berkenaan hanyalah bertujuan untuk memberi sedikit penambahan pengetahuan kepada pelajar Melayu dan matlamatnya masih sama iaitu untuk menjadikan orang Melayu lebih pandai daripada ibu bapa mereka. Selain itu, pengenalan mata pelajaran ini diharap dapat melahirkan tenaga kerja yang lebih baik untuk membantu kerajaan British dalam pengurusan dan pentadbiran Tanah Melayu. Matlamat ini dinyatakan dengan jelas oleh Resident-General British dalam laporannya pada tahun 1899. Beliau menegaskan;

Since the beginning of the current year, we had a Federal Inspector of School (Mr. J. Driver transferred from Mauritius), and with his assistance it may reasonably be expected the education will make greater progress than it has done hitherto. Not that the subject has been neglected, but it is a question how far we are justified in giving to our native population an education which unfits them for manual labour and gives them a smattering of knowledge that may only make them discontented with their lot in life; while it fails to supply them with new careers or even to qualify them to compete successfully for subordinated Government post.¹⁵⁵

Di samping itu, sekolah Melayu juga mempunyai peraturan khusus mengenai cuti persekolahan. Pada asasnya, Sekolah Melayu bercuti selama empat minggu dalam bulan puasa dan cuti hujung tahun selama dua bulan bagi bulan November dan Disember. Selain itu, cuti juga diberikan selama tiga minggu pada bulan April, dua minggu pada bulan Ogos dan 11 hari pada bulan Oktober untuk memberi ruang kepada guru menguruskan peperiksaan tahunan pelajar. Pemberian cuti juga tertakluk kepada arahan yang diberikan oleh Resident dan juga *Inspector of School*.¹⁵⁶ Bagi sekolah perempuan Melayu, mata pelajaran dan jadual waktu persekolahan yang disediakan oleh kerajaan British adalah lebih kurang sama dengan kurikulum sekolah lelaki Melayu.¹⁵⁷

¹⁵⁵ Lihat Report by the Resident-General of The Federated Malay States to His Honour the Acting High Commissioner (Sir Alexander Swettenham, K.C.M.G), hlm. 238 dalam *Supplements to the "Selangor Government Gazette," January 27th 1899* dalam CO 469/9.

¹⁵⁶ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1936, hlm. 71 dalam CO 439/4.

¹⁵⁷ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1935, hlm. 64 dalam CO 576/53. *The school (Girl Schools) are open for much the same number of hours a day and days a year as the boys' schools and the full course normally lasts for five years during which*

Selain mata pelajaran berkenaan, terdapat mata pelajaran jahitan sebagai mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah perempuan. Mata pelajaran ini menjadi mata pelajaran yang penting dalam kurikulum sekolah perempuan Melayu.

Needlework, which has been inspected in all the girl schools by a Lady expert, is reported as generally satisfactory. Suggestion were given as to making more useful garments and using finer materials for crochet work.¹⁵⁸

Para pelajar juga perlu menduduki peperiksaan tahunan untuk membolehkan mereka meneruskan pembelajaran ke tahap seterusnya. *Inspector of School* akan menjadi pemantau dan penyelia bagi peperiksaan di Sekolah Vernakular Melayu.¹⁵⁹ Bagi pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Lelaki mereka akan menduduki peperiksaan darjah empat, manakala bagi pelajar perempuan di Sekolah Perempuan mereka kebiasaannya akan menduduki peperiksaan darjah tiga atau di sesetengah negeri pula darjah empat.¹⁶⁰ Kelulusan peperiksaan tertinggi ini amat penting bagi membolehkan pelajar perempuan memasuki Sekolah Perempuan Inggeris atau menjadi *Pupil Teacher* di Sekolah Perempuan. Antara mata pelajaran yang dinilai dalam peperiksaan ialah membaca, penulisan, ilmu hisab, karangan, ilmu alam dan kerja amali. Bagi Sekolah Perempuan Melayu terdapat peperiksaan tambahan bagi mata pelajaran jahitan, membuat tikar, membuat bakul dan anyaman.

Malay school Girls: However, the result of the examination was most encouraging, as in seven of the eight school examined, 100 per cent of

period the pupils pass thought five "standard". Lihat juga *Supplement to the F.M.S. Government Gazette*, 5th Disember 1930, hlm. 65. *The curriculum followed in these girls' school is very much same as the curriculum in boys' school except that needlework is a subject and that mathematics does not usually receive so much attention. Hygiene, drawing and physical training from part of course.*

¹⁵⁸ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1916, hlm. 13 dalam CO 576/15.

¹⁵⁹ Annual Report, Education 1914, Fail. No 1053/1914, hlm.2. *Malay school examination will be held under the direction of the local Inspector of School, who will issue all the necessary instructions. Examination Schedules (Daftar Peperiksaan) shall be prepared by the head Teacher and checked by the group Teacher at least one week before the date of the Annual Examination.*

¹⁶⁰ Bagi negeri Perak dan Selangor darjah tertinggi bagi Sekolah Perempuan Melayu adalah darjah empat. Pada tahun 1930-an, terdapat Sekolah Perempuan Melayu yang mempunyai darjah tertinggi darjah lima. Lihat Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1935, hlm. 64 dalam CO 576/53.

passes were obtained. It should be remembered that almost all the girls were presented in the first two standards. Special attention has been paid to weaving, needlework, mat and basket making.¹⁶¹

Jadual 3.13: Peperiksaan Tertinggi Sekolah Vernakular Melayu 1899

Mata Pelajaran	Spesifikasi Peperiksaan
Membaca	Bacaan huruf-huruf rumi dan jawi (peringkat tertinggi sekolah Melayu)
Penulisan	Menulis rencana daripada petikan yang disediakan dalam tulisan rumi.
Ilmu Hisab	Pengiraan wang, berat dan ukur mengukur
Karangan	Menghasilkan karangan dalam tulisan rumi dan Arab
Ilmu Alam	Melibatkan pengetahuan geografi dunia dan Asia Tenggara berasaskan Tanah Melayu
Kerja Tangan (Amali)	Penilaian terhadap kerja tangan yang melibatkan pelajar lelaki dan perempuan. Bagi pelajar perempuan (jahitan, membuat tikar dan bakul)

Sumber: Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators British Education Policy Towards the Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm.

Jadual 3.13 menunjukkan mata pelajaran yang dinilai dalam peperiksaan di sekolah-sekolah Melayu khususnya pada tahun 1899. Bagi Sekolah Perempuan Melayu, terdapat mata pelajaran tambahan iaitu kerja tangan amali bagi jahitan dan anyaman. Kemudiannya pada tahun 1916, mata pelajaran di Sekolah Melayu (termasuk Sekolah Perempuan) mula diubahsuai hasil daripada cadangan yang dikemukakan oleh R.O. Winstedt¹⁶² Cadangan ini dikemukakan setelah beliau kembali dari lawatan ke Jawa dan

¹⁶¹ Federated Malay States, Report on Education, 1900, hlm.2 dalam *Supplements to the "Selangor Government Gazette"*, 28 June 1901 dalam CO 469/11.

¹⁶² Nama sebenar beliau ialah Richard Olaf Winstedt. Beliau dilahirkan pada tahun 1878 dan mendapat pendidikan di Magdalen College dan juga di New College, Oxford. Merupakan antara pegawai British yang dianggap sangat berpengaruh dalam perkembangan pendidikan di Tanah Melayu. kerana telah memegang beberapa jawatan penting semasa bertugas di Tanah Melayu antaranya sebagai Pegawai

Filipina. Beliau telah mengemukakan satu laporan kepada Majlis Undangan NNS pada tahun 1917 yang bertajuk *Report by Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Jawa and the Philippine Island*.¹⁶³ Kurikulum yang dicadangkan oleh Winstedt adalah bertujuan untuk mengubah dan memperbaiki kurikulum sedia ada agar lebih memberi manfaat dan memberi pengetahuan baharu kepada pelajar-pelajar.¹⁶⁴

Terdapat beberapa penambahan terhadap kurikulum sekolah perempuan meliputi pengetahuan asas berkaitan dengan sains rumah tangga (Domestic Science). Kurikulum ini direka agar kanak-kanak perempuan Melayu dapat mempelbagaikan kemahiran memasak, menjahit, menenun dan berkebun terutama bagi pelajar perempuan daripada umur lima tahun sehingga 14 tahun.¹⁶⁵

In these school also it is the aim to provide a sound primary education for girls from the age of five years to 14 years. Special attention is to be paid to Needlework, Cookery, Domestic Economy, Handwork and Art. Education is to be free, and every encouragement is to be given to girls to attend school.¹⁶⁶

Bagi kerajaan British, mata pelajaran berkenaan adalah amat penting sebagai persediaan untuk menjadi isteri dan menguruskan rumah tangga. Miss McIver iaitu *Lady Supervisor Malay Girls School* yang pertama menegaskan bahawa pendidikan kepada kanak-kanak perempuan Melayu harus dipertingkatkan bagi melahirkan pelajar-

Daerah, (*District Officer*, 1913), Timbalan Pengarah Pelajaran (*Assistant Director of Education*, 1916-1923) dan jawatan terakhirnya ialah Pengarah Pelajaran Bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (*Director Of Education S.S And F.M.S*) pada tahun 1924. Lihat Mohd Zamberi Abdul Malek, Sir Richard Olaf Winstedt, *Orientalis atau Sarjana*, Perak: penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014, hlm. xi-xvi.

¹⁶³ Report by Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Jawa and the Philippine Island, 13.12.1916. dalam SEL:SEC, 6027/1916, R.G's No. 4497/1916, Laporan Winstedt ini mengandungi 27 halaman yang menceritakan mengenai bentuk dan cabang-cabang pelajaran di negeri-negeri yang dilawatinya. Beliau turut mengemukakan cadangan-cadangan terhadap pelajaran Melayu. Cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah meliputi bidang pelajaran, sekolah pertanian dan pertukangan, pentadbiran dan pemusatan maktab-maktab perguruan. Lihat juga Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British (Dengan rujukan khas kepada Sultan Idris Training College)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 68-77.

¹⁶⁴ Tay Gaik Yong, *British Economic Policy Towards The Malay in the Federated Malay States 1921-1934*, Tesis Master, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 49.

¹⁶⁵ J.M.Gullick, *A History of Selangor (1766-1939)*, *MBRAS Monograph*, No.28, 1988, hlm. 192.

¹⁶⁶ Education Policy in Malaya 1949 dalam CO 717/162/6, Fail. No.52746, Federation of Malaya: Singapore.

pelajar yang mahir dalam pengurusan rumah tangga (*home life*).¹⁶⁷ Oleh itu, mata pelajaran anyaman dan jahitan mula diperbaiki dan dipelbagaikan mengikut budaya dan tradisi masyarakat Melayu.¹⁶⁸ Sehubungan dengan itu juga, jawatan Guru Pelawat Anyaman atau *Bakul Instructor* telah diwujudkan bertujuan untuk menyelia pelaksanaan aktiviti anyaman di Sekolah-sekolah Perempuan.¹⁶⁹

Apa yang jelas ialah matlamat sebenar kurikulum bagi pendidikan wanita Melayu ialah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan asas menguruskan rumah tangga. Seseorang pelajar perempuan yang berada di kelas tertinggi sekolah Melayu seharusnya berkebolehan untuk menjahit sendiri baju yang dipakainya. Matlamat ini dinyatakan dengan jelas dalam laporan *Lady Supervisor Malay Girls' School* pada tahun 1921, menyatakan bahawa; *Every girl in the two higher standards made at least one garment for her own use.*¹⁷⁰ Daripada laporan berkenaan, jelas menunjukkan bahawa objektif pendidikan wanita Melayu adalah terlalu rendah dan sekiranya pelajar perempuan tidak ke Sekolah Vernakular Melayu mereka juga mampu menjahit pakaian sendiri dengan hanya belajar menjahit di rumah.

Selain kurikulum Sekolah Perempuan Melayu dan Sekolah Perempuan Inggeris, penelitian terhadap pembangunan kurikulum Institut Latihan Perguruan juga penting dalam pembangunan pendidikan wanita. Pada tahun 1920-an dan 30-an, kesedaran orang Melayu tentang kepentingan untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak

¹⁶⁷ Training Centre For Malay Women Teachers, 1933 (Fail.No.13167) dalam CO 273/593/3 Memorandum Female Education (Malay), Miss McIver dalam satu majlis persaraannya menyatakan; *"The Girls' School should begin serious work in those subjects suitable and necessary for Malay girl's home life and leisure time."*

¹⁶⁸ Pelajaran anyaman yang sering diajarkan di sekolah Melayu bagi membolehkan para pelajar membuat daripada dan raga yang tertutup daripada rotan atau buluh. Pada tahun 1928, di kebanyakan sekolah di Tanah Melayu, aktiviti anyaman tidak lagi diajarkan kerana kekurangan rotan dan alat perkakasan yang lain. Pelajaran anyaman ini kemudiannya digantikan dengan aktiviti pertukangan iaitu menghasilkan kerusi, penyapu, bidai dan juga bubu yang diperbuat daripada buluh. Sumber : buku Catatan Harian Sekolah Kebangsaan Kuala Kedah. Dipetik daripada Sharipah bt Shaari, *Sejarah Kuala Kedah, 1900 – 1960-an*, Tesis B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983, hlm. 153.

¹⁶⁹ Norazit Selat, *Pahang dahulu dan sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1996, hlm. 113.

¹⁷⁰ Federated Malay Annual Report on Education for the Year 1921, hlm. 4 dalam *Supplements to the F.M.S. Government Gazette, 25 August 1922.*

perempuan telah meningkat. Peningkatan ini telah menyebabkan berlakunya pertambahan jumlah Sekolah Perempuan Melayu terutamanya di Tanah Melayu. Lantaran itu, keperluan kepada bekalan guru terlatih bagi memenuhi keperluan pertambahan sekolah perempuan telah menyebabkan wujudnya keperluan untuk melatih guru-guru perempuan Melayu.

Pusat latihan guru berpusat (Normal Classes) yang pertama telah ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 1926 atas usaha Penyelia Sekolah Perempuan Melayu iaitu Miss Purdom. Sehingga tahun 1934, tidak ada usaha dan cadangan daripada pihak kerajaan British untuk mewujudkan pusat latihan khusus untuk melatih guru-guru perempuan Melayu. Kebanyakan mereka dilatih oleh guru-guru senior dan sesetengahnya mengikuti kelas normal untuk mendapat latihan perguruan. Kewujudan pusat latihan guru yang ditubuhkan oleh Penyelia Sekolah Perempuan Melayu adalah atas usaha dan kesedarannya untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah perempuan. Pada peringkat awal kurikulum pusat latihan ini adalah selari dengan kurikulum sekolah perempuan Melayu.

Pada tahun 1935, barulah Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPMM) ditubuhkan oleh kerajaan British.¹⁷¹ Mereka yang ingin memasuki pusat latihan perguruan ini diwajibkan mengambil peperiksaan khusus bagi memastikan hanya pelajar yang layak sahaja yang diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di MPMM.¹⁷²

As in previous years pupil-teacher received instruction in preparation for the training college entrance examination in special pupil teachers class where these could be arranged, but the majority had to depend on

¹⁷¹ Annual Report For The Education Department For The Year 1935, hlm. 11 dalam CO 717/119/1.

¹⁷² Hasnah Binti Hussin, *Peranan Guru-Guru Melayu Dalam Memajukan Masyarakat Melayu 1900-1941*, Tesis M.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 29.

instruction from trained teacher employed in the school in which they were teaching.¹⁷³

Pada peringkat awal penubuhan, jumlah penuntut maktab ini hanyalah 24 orang sahaja yang terdiri daripada pelajar perempuan dari NNMB, NNS dan NNMTB. Perbelanjaan Maktab ini sepenuhnya ditanggung oleh kerajaan NNS. Dari segi jadual waktu, masa bermulanya sesi pembelajaran adalah pada pukul 9.00 pagi sehingga pukul 6.00 petang.¹⁷⁴ Walau bagaimanapun, pelajar perlu mempersiapkan diri seawal pukul 6.15 pagi dan menjalankan tugas masing-masing mengikut jadual yang telah ditetapkan secara bergilir-gilir. Pada sebelah petang iaitu dari pukul 5.00 sehingga pukul 6.00, pelajar diwajibkan terlibat dengan kegiatan sukan dan kokurikulum.¹⁷⁵ Kebiasaannya mereka melakukan latihan sukan dan permainan seperti permainan badminton, bola jaring dan juga rounder. Jadual pembelajaran juga adalah ketat dan mereka akan sentiasa dikawal oleh pihak pengurusan maktab.

¹⁷³ Annual Report For The Education Department For The Year 1935, hlm. 11.

¹⁷⁴ M. Lomas, *The Malay Women's Training College, Malacca*, Kuala Lumpur: Government Press, 1948, hlm. 124.

¹⁷⁵ Ibid.

Jadual 3.14: Jadual Waktu Penuntut Sehari Di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPMM)

Waktu	Kegiatan
6.15 a.m	Bangun, mandi, berkemas dan sembahyang
7.00 a.m	Menjalankan tugas: 16 orang membasuh, 10 orang menyediakan makanan, sebahagian menyapu dan membersihkan bilik rehat dan selebihnya mencuci bilik mandi dan menyapu sekeliling bangunan. Tugas ini bertukar setiap bulan.
8.15 a.m	Bersarapan
9.00 a.m	Pergi kuliah. Rehat 15 minit dan disambung hingga 1.00 tengah hari
1.00 t/ hari	Makan tengah hari
2 – 3 p.m	Waktu seterika/ menjahit/ kerja tangan dan lain-lain
3.30 a.m	Bertukar pakaian sukan
3.45 a.m	Waktu minum tea
4 – 5 p.m	Masa persediaan pelajaran
5 – 6 p.m	Bersukan, badminton/ bola jaring/ rounder's
7.15 p.m	Makan malam
9.00 p.m	Masa tidur

Sumber: M. Lomas, *The Malay Women's Training College, Malacca*, Kuala Lumpur: Government Press, 1948, hlm.124.

Menurut Fatimah Haji Musip, pada hari Jumaat pelajar-pelajar akan mengikuti pelajaran agama Islam seperti belajar membaca al-Quran dan pelajaran-pelajaran asas agama Islam bermula pukul 8.00 pagi sehingga pukul 1 tengah hari. Selepas makan tengah hari mereka mengulang kaji pelajaran sehingga pukul 5.00 petang. Pada pukul 5.00 sehingga 6.00 petang mereka akan mengikuti kegiatan sukan sebagai mana yang telah ditetapkan oleh tenaga pengajar Maktab¹⁷⁶

¹⁷⁶ Fatimah Haji Musip, *Kenangan Manis: Di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1937-1938, Pendidikan Guru Sempena Perayaan Jubli Intan*, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982, hlm. 29.

Jadual 3.15: Kegiatan Penuntut MPMM Pada Hari Jumaat

Waktu	Kegiatan
8.00 a.m – 1.00 p.m Tengah hari	Pengajaran Agama Islam
4.00 – 5.00 p.m	Mengulang kaji Pelajaran
5.00 – 6.00 p.m	Kegiatan Sukan

Sumber: Fatimah Haji Musip, *Kenangan Manis: Di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1937-1938*, Pendidikan Guru Sempena Perayaan Jubli Intan, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982.

Tujuan penubuhan MPMM adalah untuk melatih guru-guru wanita Melayu khususnya bagi sekolah rendah perempuan aliran Melayu. Maka, kurikulum MPMM lebih cenderung kepada mata pelajaran seperti Sains Rumahtangga, Ilmu Kira-Kira, membaca dan menulis rumi. Pelatih mempelajari keseluruhan sukatan pelajaran untuk sekolah perempuan dari darjah satu hingga darjah lima. Mata pelajaran yang diajar di MPMM ialah ilmu kira-kira, bacaan, tulisan jawi, rumi, karangan, sejarah, ilmu kesihatan, prinsip mengajar, agama, nyanyian, senaman, permainan, lukisan, jahitan, pekerjaan tangan, masakan, menjahit, kebersihan dan pendidikan penjagaan anak.¹⁷⁷

Seseorang pelajar yang diterima masuk perlu mengikuti kursus perguruan di MPMM selama dua tahun. Boleh dikatakan sepanjang dua tahun berada di maktab, mereka hanya mengulangi semula sukatan pelajaran Sekolah Perempuan Melayu dari darjah satu sehingga darjah lima. Setelah menamatkan pengajian selama dua tahun, pelajar-pelajar seharusnya boleh menguasai kemahiran membuat renda (ala model ‘Torchon’, ‘Cluny’, dan ‘Buchinghamshire point’), anyaman mengkuang dan bertenun. Selain itu, pelatih-pelatih juga dibawa ke klinik-klinik yang berhampiran untuk mempelajari cara-cara penjagaan bayi.¹⁷⁸ Menurut Fatimah Haji Musip, perkara-perkara jahit-menjahit, memasak, menggosok baju dan pekerjaan tangan semuanya diambil kira

¹⁷⁷ Aida binti Yusop, *Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1935-1993*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 1992/93, hlm. 28.

¹⁷⁸ M. Lomas, *The Malay Women's Training College, Malacca*, Kuala Lumpur: Government Press, , 1948, hlm. 126.

markahnya untuk melayakkan seseorang penuntut mengambil peperiksaan seterusnya. Malahan katanya, cara menggunakan seterika arang untuk menggosok baju juga diambil markah.¹⁷⁹

Pada tahun 1937, tempat praktikal bagi bakal guru-guru perempuan Melayu ialah di Sekolah Perempuan Melayu Ujong Pasir, Melaka. Pelajar-pelajar akan membuat latihan mengajar di bawah seliaan dan pemerhatian penyelia masing-masing. Pada ketika itu, Sekolah Perempuan Melayu Ujung Pasir mempunyai 36 orang pelajar perempuan Melayu dari darjah satu sehingga darjah empat.¹⁸⁰ Perbelanjaan pelajar di maktab ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan NNMB. Oleh itu, penuntut-penuntut maktab tidak dikenakan sebarang bayaran. Penuntut-penuntut juga disediakan semua kemudahan untuk belajar seperti tambang pergi balik ke maktab, buku, penginapan, makan dan juga alat bantu mengajar. Selain itu, mereka juga diberikan bantuan sebanyak \$3.00 sebulan sebagai duit poket.¹⁸¹

Jadual 3.16: Perbelanjaan Bagi Setiap Pelajar Dari Tahun 1938 sehingga 1942

Tahun	Perbelanjaan Per Pelajar Setahun
1938	\$ 700
1939	\$ 740
1940	\$ 810
1941	\$ 950
1942	\$ 975

Sumber: Annual Cost of Maintenance Per Student At MWTC 1938, 1939, 1940, 1941, 1942 dalam M. Lomas, *The Malay Women's Training College, Malacca*, Kuala Lumpur: Government Press, 1948.

Peruntukan yang disediakan sentiasa bertambah setiap tahun dari tahun 1935 sehinggalah tahun 1942. Sepanjang menuntut di sini, para pelajar perlu mematuhi segala

¹⁷⁹ Fatimah Haji Musip, *Kenangan Manis: Di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1937-1938, Pendidikan Guru Sempena Perayaan Jubli Intan*, hlm. 27.

¹⁸⁰ M. Lomas, *The Malay Women's Training College, Malacca*, hlm. 124.

¹⁸¹ Regulation for Malay Vernacular Education in The Straits Settlements and Federated Malay States 1936, Published by Authority, Singapura, 1937, hlm. 61.

peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Maktab. Pelajar diwajibkan tinggal di asrama yang telah disediakan sepanjang tempoh dua tahun berkursus. Tempat tinggal pelajar di bahagikan kepada 3 iaitu Bilik Biru, Bilik Hijau dan Bilik Kuning. Tiap-tiap bilik terdapat lapan orang penuntut dan setiap penuntut diwajibkan untuk memastikan bilik mereka kemas dan mereka hanya diberi kebenaran pulang ke kampung pada waktu-waktu yang telah ditetapkan sahaja. Tingkah laku penuntut di luar maktab juga dikawal oleh pihak maktab.¹⁸²

Menurut Fatimah Haji Musip, semasa mereka keluar dari Maktab pada hari Jumaat, mereka akan diawasi dan dikawal oleh sekurang-kurangnya dua orang guru yang akan berjalan di hadapan dan di belakang. Mereka juga diwajibkan memakai pakaian seragam sekolah dan peluang untuk keluar hanya dua kali sahaja dalam sepenggal iaitu pada pertengahan penggal dan akhir penggal. Selain itu, mereka juga hanya dibenarkan masuk dan membeli di kedai-kedai tertentu sahaja.¹⁸³ Kawalan ketat ini adalah salah satu kaedah untuk menjaga disiplin dan memastikan pelatih-pelatih memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran.

Selain daripada peraturan dan penguatkuasaan disiplin yang ketat, MPMM juga mengadakan peperiksaan berkala untuk menguji pengetahuan dan kemahiran pelatih. Sistem peperiksaan di MPMM ini dijalankan pada setiap bulan bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan pada bulan berkenaan. Pada akhir setiap penggal, markah peperiksaan penggal akan dicampur dengan markah-markah peperiksaan bulanan dalam penggal berkenaan. Seterusnya markah purata bagi keseluruhan penggal berkenaan akan dijadikan sebagai markah akhir setiap pelajar. Peperiksaan akhir tahun pula merupakan peperiksaan naik darjah bagi penuntut tahun satu dan untuk mendapatkan sijil bagi penuntut tahun dua. Bagi mendapatkan sijil, seseorang penuntut mesti lulus peperiksaan

¹⁸² Fatimah Haji Musip, *Kenangan Manis: Di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1937-1938, Pendidikan Guru Sempena Perayaan Jubli Intan*, hlm. 26.

¹⁸³ Ibid.

tingkah laku dan mempunyai sifat yang baik dan memperoleh sijil ketekunan dari pengetua.¹⁸⁴

Selain syarat-syarat berkenaan, pelatih juga diwajibkan lulus semua mata pelajaran yang diajar di maktab. Untuk mendapatkan sijil kelas pertama, pelajar diwajibkan mendapat markah 80 peratus ke atas. Bagi kelas kedua, pelajar perlu memperoleh markah antara 50 sehingga 80 peratus, manakala markah 50 ke bawah dianggap gagal dan tidak dianugerahkan sijil.¹⁸⁵ Guru-guru pelatih yang telah berjaya menamatkan pengajian biasanya akan di tempatkan di negeri masing-masing untuk berkhidmat sebagai guru terlatih. Penempatan guru-guru di negeri asalnya adalah disebabkan setiap negeri hanya mempunyai peruntukan satu atau dua orang pelajar sahaja bagi setiap pengambilan. Oleh yang demikian, perkhidmatan mereka amat diperlukan kerana mereka yang terlatih ini juga dapat membantu guru perempuan lain yang menjadi *Pupil Teacher* di sekolah-sekolah perempuan.¹⁸⁶

Walaupun MPMM telah diwujudkan bagi melatih guru perempuan Melayu, namun jumlah pengambilannya adalah terhad kepada 24 orang sahaja bagi setiap sesi pengambilan. Jumlah ini terlalu sedikit jika dibandingkan dengan keperluan bagi sekolah-sekolah perempuan Melayu yang semakin meningkat setiap tahun. Oleh sebab yang demikian, *Normal Classes* terus diwujudkan bagi memberi peluang yang lebih luas kepada guru-guru perempuan yang tidak terlatih untuk mendapatkan latihan. Walaupun tidak dilengkapi dengan kemudahan seperti mana MPMM, kelas ini dilihat sebagai salah satu kaedah untuk memberi latihan perguruan kepada guru-guru yang tidak

¹⁸⁴ Fatimah Haji Musip, *Kenangan Manis: Di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1937-1938, Pendidikan Guru Sempena Perayaan Jubli Intan*, hlm. 26-27.

¹⁸⁵ Education Code, Part V, Regulation for Malay vernacular Education in The Straits Settlements and Federated Malay States 1936, Published by Authority, Singapura, 1937, hlm. 62 dalam C.S.O. 6918/35: F.S. 3376/35; D. of E. 609/35,

¹⁸⁶ Fatimah Haji Musip, *Kenangan Manis: Di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1937-1938, Pendidikan Guru Sempena Perayaan Jubli Intan*, hlm. 26.

terlatih. Penekanan yang diberikan dalam *Normal Classes* adalah kemahiran pedagogi di samping mata pelajaran-mata pelajaran lain.¹⁸⁷

Pada tahun 1935, Miss J. Fross iaitu Pengetua Sekolah Inggeris Pudu, Kuala Lumpur telah mengadakan kelas untuk melatih guru-guru perempuan Melayu mengenai kaedah mengajar ilmu kira-kira. Pada tahun yang sama terdapat tiga pusat latihan (*Normal Classes*) diwujudkan di Selangor, iaitu dua di Kuala Lumpur dan satu di Klang. Manakala di Pahang, guru-guru perempuan akan berjumpa sekali dalam masa sebulan untuk menghadiri kelas latihan perguruan.¹⁸⁸

A class to given instruction to Malay women teachers in method of teaching arithmetic to the lower classes was held in Kuala Lumpur, the instruction being given by Miss J. Fross (Principal of the Pudu English School). In Pahang monthly meeting of teacher were held on the day following pay-day at which discussion on teaching took place and instruction was given. Normal Cass for the training of Malay women teaching were continued at three centre in Selangor-two in Kuala Lumpur and one at Klang.¹⁸⁹

Mata pelajaran yang ditawarkan ialah kaedah mengajar, teori dan praktikal, ilmu kira-kira, geografi dan kerja tangan.¹⁹⁰ Pelajar-pelajar juga dikehendaki menduduki peperiksaan sebelum dianugerahkan Sijil Perguruan.¹⁹¹ Walau bagaimanapun, beberapa orang pelajar dilaporkan gagal dalam peperiksaan pada bulan Jun 1936 dan terpaksa

¹⁸⁷ Mata pelajaran-mata pelajaran yang diajar di *Normal Classes* adalah sama dengan mata pelajaran-mata pelajaran di Sekolah Perempuan Melayu. Lihat Fatimah Haji Musip, *Kenangan Manis: Di Maktap Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1937-1938, Pendidikan Guru Sempena Perayaan Jubli Intan*, hlm. 26-27.

¹⁸⁸ Annual Report on Education Department for the year 1935, hlm. 61 oleh F.J.Morten, Adviser on Education, Malay States dalam CO 576/53.

¹⁸⁹ Annual Report on Education Department for the year 1935, hlm. 62. Dalam laporan tahun 1935, seramai 42 orang telah menduduki peperiksaan *Normal Classes* dan 37 telah lulus dan mendapat sijil perguruan.

¹⁹⁰ Annual Report on Education Department for the year 1935, hlm. 61.

¹⁹¹ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1937, hlm. 78 dalam CO 576/55. *From January, 1936, Normal Classes for the training of teachers were started by two school in Perak and two in Selangor. For grant-in-aid purpose, a total of 75 pupils was allowed from each states... the reduction is due elimination of student who failed the terminal examination in June.*

diberhentikan.¹⁹² Selain daripada kurikulum, kegiatan kokurikulum juga adalah antara aspek penting dalam pembangunan pendidikan wanita Melayu. Bagi sekolah perempuan Melayu, kegiatan kokurikulum turut dimasukkan dalam jadual waktu persekolahan. Pada setiap minggu, pelajar-pelajar perempuan perlu melakukan aktiviti di luar bilik darjah iaitu latihan fizikal (*Physical Exercise*), sukan dan permainan.¹⁹³ Antara aktiviti permainan yang popular di Sekolah Perempuan Melayu ialah permainan badminton dan juga tenis. Selain itu, terdapat juga permainan rakyat atau dikenali sebagai *Folk Games* dimasukkan dalam aktiviti kokurikulum Sekolah Perempuan. Selain daripada sukan dan permainan, pelajar-pelajar perempuan Melayu juga terlibat dalam aktiviti pakaian seragam iaitu *Girl Guides*.¹⁹⁴

Pada peringkat awal, terutamanya pada tahun 1910-an dan 1920-an, latihan fizikal atau *Physical Exercise* dan permainan tidak mendapat sambutan daripada pelajar-pelajar perempuan kerana mereka tidak gemar melakukan aktiviti berkenaan secara terbuka. Situasi ini dikaitkan dengan adat dan budaya masyarakat Melayu yang dikatakan melarang anak-anak perempuan melakukan aktiviti fizikal secara terbuka. Oleh itu, *Folk Game* telah dimasukkan dalam sukatan *Physical Exercise* sebagai satu cara untuk menarik pelajar-pelajar perempuan melakukan aktiviti fizikal di luar daripada bilik darjah.¹⁹⁵ Dalam jadual persekolahan Melayu, aktiviti *Physical Training* bagi sekolah perempuan Melayu diadakan pada setiap hari persekolahan (dari pukul 9.20 hingga pukul 9.40 pagi) bermula dari hari Isnin sehingga hari Jumaat.¹⁹⁶ Walau bagaimanapun, pada tahun 1938, aktiviti fizikal hanya dilakukan sebanyak dua kali

¹⁹² Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan berapa jumlah pelajar yang diberhentikan kerana gagal dalam peperiksaan.

¹⁹³ Annual Report on the Education Department for the year 1929, hlm. 12 dalam Federated Malay States for 1929 dalam CO 576/39.

¹⁹⁴ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1933, hlm. 55 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 7th September 1933* dalam CO 576/48.

¹⁹⁵ Annual Report on Education in the Straits Settlements and Federated Malay States for the year 1938, hlm. 92 dalam CO 576/63.

¹⁹⁶ Lihat, Winifred B. Chamber, *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*, (terjemahan Abdul Aziz Din), Kuala Lumpur: Pejabat Karang-Mengarang, Jabatan Pelajaran, 1952, hlm. 17.

seminggu sahaja. Manakala bagi pelajar perempuan yang bersekolah di sekolah lelaki, aktiviti fizikal dilakukan bersama-sama dengan guru-guru perempuan.¹⁹⁷

Selain latihan fizikal, pelajar-pelajar perempuan Melayu juga perlu mengikuti aktiviti sukan dan permainan. Kebanyakan sekolah perempuan mempunyai aktiviti sukan dan permainannya yang tersendiri bergantung pada kemudahan dan peralatan yang disediakan. Guru-guru perempuan terlibat secara langsung dalam memberi arahan dan tunjuk ajar kepada pelajar. Kesemua aktiviti ini dilakukan di luar bilik darjah.¹⁹⁸ Permainan badminton dan tenis adalah antara sukan yang digemari di sekolah-sekolah Melayu sama ada sekolah lelaki atau sekolah perempuan. *Badminton is played at most boys' and girls' school and hockey and volley-ball at a few. A number of school have tennis courts and one girls' school has a croquet lawn.*¹⁹⁹ Di Perak, hampir semua sekolah vernakular Melayu sama ada lelaki atau perempuan dilengkapi dengan kemudahan gelanggang tenis dan peralatan-peralatan lain untuk permainan tenis. Setiap sekolah juga menubuhkan pasukan tenis masing-masing.

Most of Perak school, both boys' and girls', have a deck tennis court and equipment- including a rubber Quito of local manufacture. Many of the schools could put up a team that would astonish some of the P.& O, deck-tennis enthusiast and this applies to girls school as well as boys.²⁰⁰

Pada tahun 1935, aktiviti kokurikulum seperti sukan tahunan bagi Sekolah Perempuan Melayu di Selangor diadakan bersama-sama dengan pelajar lelaki di Sekolah lelaki yang berhampiran dan hanya sebahagian kecil sahaja yang

¹⁹⁷ Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1938, hlm. 70 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of The Federated Malay States for the year 1938 dalam CO 576/62. *In girls school all girls did physical training twice a weeks. In boys school girls were taken out regularly for drill and games by the women teachers.*

¹⁹⁸ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1936, hlm. 74 dalam CO 439/4. *Drill and games were taught to all the teachers, and they gave instruction to the girls three times a week. All exercises were done out of door.*

¹⁹⁹ Education Policy in Malaya, 1926, hlm. 9 dalam CO 717/53/14, Fail. No C.F.20671.

²⁰⁰ Annual Report on Education in Federated Malay States for the year 1935, hlm. 61-61 dalam CO 576/53

mengadakannya secara berasingan.²⁰¹ Di samping itu, Jawatankuasa sukan tahunan juga diwujudkan di semua sekolah lelaki dan juga di sesetengah sekolah perempuan. Tujuannya adalah untuk menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti sukan yang menjadi acara tahunan sekolah.²⁰²

Selain daripada aktiviti sukan dan permainan, pelajar-pelajar perempuan Melayu juga terlibat dalam aktiviti pakaian seragam. Antara aktiviti pakaian seragam yang diikuti oleh pelajar perempuan ialah *Girl Guides* dan *Brownies*. Walau bagaimanapun, aktiviti badan beruniform ini lebih aktif di Sekolah-sekolah perempuan Inggeris. Dalam laporan *Government Gazette* bagi NNMB pada 25 August 1922, pasukan *Girl Guides* telah ditubuhkan di Methodist Girl's School dan St. Mary's Girls' School.²⁰³ Di Selangor pada tahun 1926, Pesuruhjaya Daerah iaitu Miss Foss melaporkan:

The District Commissioner, Miss Foss reports that there was one Ranger Company, three Guide Companies and two Brownie Packs with a total enrolment of 175 Guides and Brownies, all living in Kuala Lumpur. The number of Guides and Brownies in 1926 was 137.²⁰⁴

Jadual 3.17: Cadet Corps, Boy Scout, Girl Guides Di NNMB Pada Tahun 1926

Negeri	Cadet Corps	Boy Scouts	Girl Guides
Perak	3	12	1
Selangor	3	6	4
Negeri Sembilan	..	6	1
Pahang	..	4	..
Jumlah	6	28	6

Sumber: Education Policy in Malaya, Appendix VI dalam CO 717/53/14 Fail. No C.F.20671

²⁰¹ Lihat Annual Report on the Social and Economic Progress for the People of Selangor for the year 1935, hlm. 5 dalam CO 576/52.

²⁰² Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Perak for the year 1938, hlm. 54 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of The Federated Malay States for the year 1938 dalam CO 576/62. *All the boy's school in the state held athletic meeting and also did most of the girls school.*

²⁰³ Annual Report on Education in Federated Malay States for the year 1921, hlm. 8 dalam *Supplement to the F.M.S. Government Gazette, 25th August, 1922.*

²⁰⁴ Education Policy in Malaya, hlm.11 dalam CO 717/53/14, Fail. No C.F.20671. Lihat juga *Selangor Administration Report for the Year 1927*, hlm. 14 dalam CO 439/4.

Jadual 3.17 menunjukkan jumlah unit beruniform yang terdapat di sekolah-sekolah di NNMB pada tahun 1926. Daripada statistik berkenaan, jumlah *Girl Guides* yang terdapat di NNMB pada tahun berkenaan hanyalah sebanyak enam pasukan sahaja iaitu satu di Perak, empat di Selangor dan satu di Negeri Sembilan. Negeri Selangor dilihat mempunyai jumlah *Girl Guides* yang lebih banyak berbanding dengan negeri-negeri lain dalam persekutuan. Keadaan ini adalah disebabkan kedudukan negeri Selangor terutamanya Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran dan pengurusan pendidikan di NNMB. Selain itu, jumlah sekolah perempuan di Selangor juga adalah antara yang terbanyak di NNMB pada tahun 1926.²⁰⁵

Walau bagaimanapun, *Girl Guide* bagi sekolah perempuan Melayu pula hanya ditubuhkan pada tahun 1933 di Sekolah Perempuan Kampung Baharu, Kuala Lumpur. Kontik Kamariah Bt Ahmad dalam *Majalah Guru* pada Januari 1934, melaporkan bahawa pasukan ‘4th Kuala Lumpur Guide Company’ Sekolah Melayu Perempuan, Kampung Baharu, Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada tahun 1934.²⁰⁶ Turut dilaporkan ialah Majlis perlantikan 12 orang anggota *Girl Guide* yang dilakukan di Sekolah berkenaan. Pasukan ini adalah yang pertama (bagi Sekolah Perempuan Melayu) ditubuhkan di NNS dan NNMB. Keanggotaan pasukan ini juga terbuka kepada murid-murid perempuan Melayu dari sekolah-sekolah yang lain dengan syarat mereka berumur lebih daripada 11 tahun. Pakaian seragam pasukan ini dibiayai sepenuhnya oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor.²⁰⁷

²⁰⁵ Jumlah Sekolah Perempuan Inggeris pada tahun 1926 adalah seperti berikut; lima buah di Perak, lima buah di Selangor, sebuah di Negeri Sembilan. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1926, hlm. 26, Appendix. II dalam *Supplements to the “F.M.S Government Gazette,” August 3rd 1927* dalam CO 576/32.

²⁰⁶ Kontik Kamariah Bt Ahmad, ‘*Girl Guides*’; Sekolah Melayu Perempuan, Kampung Baharu, Kuala Lumpur, *Majalah Guru*, bil.1, Januari 1934, hlm. 1. Lihat juga Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1934, hlm. 44 by W.D. Barron (Acting British Resident Selangor) dalam CO 439/4.

²⁰⁷ Ibid.

Pada tahun 1934 juga dilaporkan terdapat seramai 88 orang ahli *Girl Guides*, 100 orang *Brownies*, 22 *Rangers* dan 22 *Guiders* yang terdapat di negeri Selangor. Empat tahun kemudian, Kontik Kamariah telah dilantik sebagai Kapten pasukan *Girl Guides* di Sekolah Perempuan Melayu Kampung Baru, Kuala Lumpur dan memegang jawatan berkenaan sehingga tahun 1939.²⁰⁸ Antara aktiviti persatuan ini ialah mengadakan aktiviti latihan mingguan dan perkhemahan. Bagi membolehkan seseorang dilantik sebagai pegawai *Girl Guides* atau *Brownies* mereka perlu mengikuti kursus *Guiders' Training Week* di Castle Camp di Selangor.²⁰⁹ Pada tahun 1935, Persatuan *Girl Guides* di Selangor telah mengadakan perkhemahan pada bulan November 1935 yang dihadiri 30 peserta termasuk ahli *Girl Guides* dan juga *Ranger*.²¹⁰ Persatuan-persatuan unit beruniform ini terus berkembang di NNMB sehingga kepada tahun-tahun akhir 1930-an.

Jadual 3.18: Ranger, Guides dan Brownies Di Tanah Melayu Pada Tahun 1938

Negeri	Ranger	Girl Guides	Brownies	Jumlah
Singapura	25	232	212	501
Penang	15	103	66	207
Melaka	-	69	-	79
Perak	-	99	51	102
Selangor	10	119	108	252
N. Sembilan	-	29	14	46
Pahang	-	-	-	-
Jumlah	50	651	451	1,247

Sumber: Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, hlm.98 dalam CO 576/63.

²⁰⁸ PERTIWI, *Biografi Wanita Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit PERTIWI, 1983, hlm. 67

²⁰⁹ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1936, hlm. 75 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for the Year 1936, Vol.1 dalam CO 576/55.

²¹⁰ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1935, hlm.48 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for the Year 1935 dalam CO 439/4.

Sehingga tahun 1938, terdapat 651 pasukan *Girl Guides*, 451 pasukan *Brownies* di Tanah Melayu dan sebahagian besar terdapat di Sekolah-sekolah Perempuan Inggeris. Negeri yang paling banyak pasukan beruniform (*Ranger, Girl Guides* dan *Brownies*) ialah negeri Selangor diikuti dengan Perak dan Negeri Sembilan. *Girl Guides* bagi pelajar-pelajar perempuan Melayu sangat aktif di negeri Selangor kerana persatuan ini mendapat sokongan dan bantuan daripada Persatuan Guru-Guru Perempuan Melayu Selangor.²¹¹ Walau bagaimanapun, negeri Pahang sehingga pada tahun 1938 tidak mempunyai sebarang unit beruniform bagi pelajar-pelajar perempuan. Keadaan ini adalah disebabkan oleh tiada Sekolah Perempuan Inggeris ditubuhkan di negeri Pahang sehingga tahun 1938. Di samping itu, jumlah Sekolah Perempuan Melayu di Pahang sehingga tahun 1938 hanya sebanyak enam buah sahaja.²¹²

Pembangunan Peruntukan Kewangan

Selain daripada pembangunan kurikulum, pembangunan peruntukan kewangan juga merupakan salah satu aspek penting dalam pembangunan dan perkembangan pendidikan wanita. Selepas tahun 1870, kerajaan British mula mengambil alih sekolah-sekolah Melayu dan diletakkan di bawah kawalan dan tanggungjawab kerajaan British. Pihak kolonial British juga menyatakan dengan tegas bahawa adalah menjadi dasar British meletakkan semua sekolah Melayu di bawah kawalan British dan setiap perbelanjaan ditanggung oleh kerajaan British.²¹³ Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan yang disediakan untuk pendidikan adalah berbeza sama ada antara negeri, antara jenis sekolah dan juga antara pelajar lelaki dan perempuan. Perbezaan ini adalah disebabkan oleh dua faktor iaitu disebabkan oleh dasar dan juga ekonomi.. Namun

²¹¹ Kontik Kamariah Bt Ahmad, '*Girl Guides*', hlm.1.

²¹² Lihat Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, Appendix XV, hlm. 204 dalam CO 576/63.

²¹³ Education Policy in Malaya 1926 dalam CO 717/53/14, Fail. No C.F.20671 Kerajaan British menyatakan bahawa semua sekolah Melayu sebagai; *There are entirely controlled and paid for by government.*

demikian, faktor ekonomi merupakan faktor utama yang mempengaruhi bentuk dan jumlah peruntukan pendidikan.²¹⁴

Selain itu, adalah sukar untuk menentukan jumlah sebenar peruntukan yang disediakan khusus untuk pendidikan wanita Melayu di NNMB. Hal ini kerana, peruntukan yang disediakan untuk pendidikan wanita telah dimasukkan dalam jumlah peruntukan bagi pendidikan Melayu (secara keseluruhan). Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah laporan yang menerangkan jumlah peruntukan per kepala bagi setiap pelajar di Sekolah Perempuan Melayu di NNMB. Namun demikian, tidak semua laporan tahunan mempunyai maklumat berkenaan (peruntukan per kepala). Oleh itu, perbincangan mengenai perkembangan peruntukan kewangan bagi pendidikan wanita dilihat dari aspek penyediaan peruntukan kepada pendidikan Melayu secara umum dan juga peruntukan per kepala bagi pelajar perempuan Melayu di NNMB.

Jadual 3.19: Perbezaan Peruntukan Kewangan Kerajaan British Dari Tahun 1889 Sehingga 1897 Di Negeri Selangor

Tahun	Peruntukan Untuk Pendidikan	Peruntukan Untuk pembinaan Lorong, Jalan dan Jambatan
1889	\$ 79.28	\$ 322,736.36
1890	\$ 84.27	\$ 375,234.75
1891	\$ 120.69	\$ 337,394.79
1892	\$ 450.24	\$ 318,807.00
1893	\$ 681.77	\$ 438,554.48
1894	\$ 4,993.99	\$ 446,798.00
1895	\$ 7,196.00	\$ 620,930.35
1896	\$ 8,998.62	\$ 1,009,147.00
1897	\$ 10,128.60	\$ 953,358.34

Sumber: Annual Report Of The State Of Selangor For The Year 1896, Estimates Revenue and Expenditure 1899 dalam CO 439/2.

²¹⁴ Lihat Francis Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur, Heinemann Educational Book (Asia) Ltd, 1975, hm. 29.

Jadual 3.19 menunjukkan perbezaan yang ketara antara peruntukan yang diberikan kepada pendidikan dengan peruntukan pembangunan infrastruktur perhubungan. Setelah Perjanjian Pangkor 1874, kerajaan British mula memberi tumpuan terhadap aktiviti-aktiviti mengeksploitasi ekonomi Tanah Melayu. British telah membuka lebih banyak lombong-lombong biji timah²¹⁵ dan ladang-ladang getah²¹⁶ serta membawa masuk secara beramai-ramai buruh dari Cina dan India.²¹⁷ Untuk tujuan mengeksploitasi ekonomi, kerajaan British juga mula memberi tumpuan terhadap pembinaan jalan-jalan kereta api, jalan raya, jambatan dan memperbaiki pelabuhan untuk memudahkan aktiviti mengeksploitasi ekonomi Tanah Melayu. Oleh yang demikian, tumpuan peruntukan kewangan British dari tahun 1889 sehingga 1897 adalah terhadap pembangunan infrastruktur perhubungan. Peruntukan yang disediakan untuk pendidikan adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan peruntukan pembinaan kemudahan perhubungan. Selain itu, terdapat juga perbezaan yang jelas antara peruntukan yang disediakan untuk Sekolah Inggeris, Sekolah Melayu, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil.

²¹⁵ Lihat Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 31. Kegiatan perlombongan mula aktif selepas Perjanjian Pangkor 1874, Pada tahun 1898, pengeluaran biji timah Tanah Melayu adalah sebanyak 40,000 tan meningkat kepada 50,000 tan pada tahun 1913. Perusahaan ini dimonopoli oleh orang Cina dan pemodal-pemodal British. Menjelang tahun 1930, 63 peratus lombong biji timah dimiliki oleh pemodal-pemodal Eropah, 27 peratus oleh orang Cina dan selebihnya oleh orang Melayu.

²¹⁶ Ibid., hlm. 213. Kemosot harga kopi pada tahun 1896 telah menyebabkan British mengubah kepada penanaman getah. Pada tahun 1900 harga getah telah meningkat dari \$1.70 berbanding \$1.30 pada tahun sebelumnya. Keadaan ini menyebabkan penanaman getah mula mendapat perhatian daripada kerajaan British. kawasan penanaman getah juga meningkat dari 345 ekar pada tahun 1897 kepada 50,000 ekar pada tahun 1905.

²¹⁷ Pada tahun 1891, jumlah orang Cina yang berada di Tanah Melayu adalah seramai 391,418, orang meningkat kepada 1,170,551 orang pada tahun 1821 dan 2,418,615 orang pada tahun 1941. Manakala jumlah orang India pula seramai 74,081 pada tahun 1891, meningkat kepada 471,536 orang pada tahun 1921 dan seramai 767,693 orang pada tahun 1934. Sehingga tahun 1941, peratus penduduk Cina di Tanah Melayu adalah 44 peratus, India 14 peratus dan Melayu 40.5 peratus. Lihat Paul Chang Ming Phang, *Education Development In A Plural Society A Malaysian Case Study*, Singapore: Academia Publication, 1973, hlm. 6-7.

Jadual 3.20: Statistik Peruntukan Mengikut Jenis Sekolah Di Selangor Pada Tahun 1897

No	Jumlah dan Jenis Sekolah	Pelajar Dalam pendaftaran	Peruntukan Kerajaan \$	Peruntuk Per/ Kepala \$
1	1- Victoria Institution	275	9,976.22	36.28
2	1- Anglo-Chinese School, Klang	24	249.00	10.37
3	1- Government Girls' School, K.L	31	1,927.03	62.16
4	26- Sekolah Vernakular Lelaki Melayu	1,114	10,329.83	9.27
5	1- Sekolah Vernakular Cina	56	618.04	11.04
6	2- Sekolah Vernakular Perempuan Melayu	61	608.43	9.97
	Jumlah	1,561	23,708.55	

Sumber: *Selangor Government Gazette, Friday, 11th February, 1898*, (VOL.IX), by J. Driver, Inspector of School, F.M.S., hlm. 223.

Jadual 3.20 di menunjukkan jumlah peruntukan per kepala bagi pelajar-pelajar di sekolah Inggeris, Melayu dan Cina di negeri Selangor pada tahun 1897. Dalam peruntukan berkenaan, jumlah peruntukan per kepala bagi setiap pelajar perempuan di Sekolah Perempuan Melayu hanyalah \$9.97 berbanding \$62.16 per kepala bagi pelajar perempuan di Sekolah Inggeris.²¹⁸ Perbezaan ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan British memberi perhatian yang istimewa terhadap Sekolah Perempuan Inggeris. Selain itu, jumlah peruntukan per kepala yang disediakan untuk Sekolah Vernakular Cina juga dilihat lebih tinggi daripada jumlah peruntukan bagi Sekolah Lelaki Melayu dan juga Sekolah Perempuan Melayu. Daripada statistik berkenaan jelas menunjukkan bahawa kerajaan British sebenarnya kurang memberi perhatian terhadap pendidikan Melayu terutamanya pendidikan wanita Melayu.

²¹⁸ *Selangor Government Gazette, no.6, Friday, 11th February, 1898*, (Vol. IX), by J. Driver, Inspector of School, F.M.S, hlm. 223.

Jadual 3.21: Statistik Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi NNMB Pada Tahun 1900

Negeri	Pendapatan (\$)	Perbelanjaan (\$)	Perbelanjaan Pendidikan (\$)	Peratus (%) Perbelanjaan Pendidikan
Perak	7,636,126.76	6,144,774.21	85,315.00	1.38 %
Selangor	6,303,165.45	4,944,160.52	32,769.00	0.6 %
Negeri Sembilan	1,251,366.14	1,009,318.59	9,800.00	0.97 %
Pahang	419,150.25	630,678.43	2,675.00	0.42 %
Jumlah	15,609,808.60	12,728,931.75	130,559.00	3.37 %

Sumber: Federated Malay States, Financial report for the year Ending 31st December 1900, hlm. 238 dalam *Supplements to the Negeri Sembilan Government Gazette*, 30 August, 1901 dalam CO 463/3.

Jadual 3.21 menunjukkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan bagi NNMB pada tahun 1900. Statistik berkenaan jelas menunjukkan bahawa faktor kewangan sangat memainkan peranan dalam penentuan jumlah peruntukan bagi sesebuah negeri. Pada tahun 1900, negeri Perak merupakan negeri yang paling banyak mendapat peruntukan kewangan pendidikan. Daripada jumlah \$139,059 peruntukan pendidikan pada tahun 1900, Perak memperoleh peruntukan sebanyak \$85,315, Selangor \$32,769, Negeri Sembilan \$9,800 dan Pahang hanya memperoleh peruntukan sebanyak \$2,675.²¹⁹ Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan jumlah peruntukan berdasarkan jenis sekolah (lelaki atau perempuan). Jumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan British adalah selari dengan jumlah pendapatan bagi negeri-negeri berkenaan. Bagi negeri yang mempunyai pendapatan yang tinggi, maka jumlah peruntukan diberikan juga adalah tinggi dan sebaliknya.

Selain itu, jumlah peruntukan pendidikan yang diberikan bagi setiap negeri dalam persekutuan NNMB adalah sangat kecil dan terhad. Sebagai contoh, peruntukan

²¹⁹ Federated Malay States, Report On Education 1900, hlm. 6 dalam *Supplements to the Negeri Sembilan Government Gazette*, 21 June 1901 dalam CO 463/3.

perbelanjaan bagi pendidikan bagi negeri Perak hanyalah \$85,315.00 atau 1.38 peratus, Selangor, \$32,769.00 atau 0.6 peratus, Negeri Sembilan, \$9,800.00 atau 0.97 peratus dan Pahang, \$2,675.00 atau 0.42 peratus daripada peruntukan keseluruhan bagi tahun 1900. Secara keseluruhannya, kerajaan British hanya membelanjakan sebanyak \$130,559.00 atau 3.37 peratus sahaja perbelanjaan bagi pembangunan pendidikan di NNMB. Jumlah ini adalah terlalu sedikit dan tidak mencukupi untuk membangunkan pendidikan di NNMB.

Tambah merumitkan apabila jumlah peruntukan yang kecil ini terpaksa pula dibahagikan kepada Sekolah Inggeris, Sekolah Vernakular Melayu, Sekolah Vernakular Cina dan Sekolah Vernakular Tamil. Kebiasaannya peruntukan yang disediakan adalah untuk pembelian peralatan sekolah, membayar gaji guru, kakitangan, sewa bangunan dan juga pembaikan sekolah.²²⁰ Di samping itu, peruntukan juga diberikan bagi setiap pelajar (per kepala) di empat jenis sekolah berkenaan. Pengagihan peruntukan per kepala bagi setiap pelajar mengikut jenis sekolah (vernakular) juga adalah berbeza. Pengagihan ini juga mestilah berpandukan kepada peraturan pemberian bantuan kerajaan (Grant-in-Aided 1908) yang telah ditetapkan oleh kerajaan British.

Pada tahun 1908, sejumlah \$299,245 daripada \$24,623,325 diberikan kepada pembangunan pendidikan di NNMB. Jumlah berkenaan hanyalah 0.012 peratus daripada jumlah pendapatan NNMB.²²¹ Daripada jumlah berkenaan sebanyak \$31,566.52 diperuntukkan²²² kepada persekutuan, \$129,488.33 kepada negeri Perak, \$78,633.18 kepada negeri Selangor, \$48,195.38 kepada Negeri Sembilan dan \$11,362.54 kepada negeri Pahang. Pada tahun 1908 juga, peruntukan yang diberikan untuk setiap pelajar perempuan adalah sebanyak \$13.62. Peruntukan ini adalah antara

²²⁰ *Selangor Administration Report for the year 1906*, hlm. 16 dalam CO 439/3.

²²¹ *Federated Malay States, Resident-general Annual Report for the year 1908*, hlm. 31 dalam *Supplements to the Negeri Sembilan Government Gazette, 23rd July 1909* dalam CO 463/6.

²²² *Federated Malay States, Resident-general Annual Report for the year 1908*, hlm. 31.

yang tertinggi jika dibandingkan dengan jumlah peruntukan yang diberikan bagi setiap pelajar lelaki Melayu di NNMB.²²³ Peruntukan yang lebih tinggi ini adalah disebabkan keperluan perbelanjaan tambahan bagi pelajar-pelajar perempuan terutama untuk aktiviti jahitan dan masakan. Mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran tambahan bagi pelajar-pelajar perempuan.²²⁴ Selain daripada perbezaan peruntukan berdasarkan jantina pelajar terdapat juga perbezaan peruntukan antara Sekolah Inggeris dengan Sekolah Vernakular Melayu.

Jadual 3.22: Perbezaan Peruntukan (Per Kepala) Antara Sekolah Inggeris dan Sekolah vernakular Melayu (Grant-in Aided) 1908

Jenis Sekolah	Darjah/ Standard	Jumlah Peruntukan
Sekolah Inggeris	Sekolah Rendah (Lower Elementary Standards) Primary 1-2.	\$11, \$7.50 atau \$4
	Sekolah Menengah Rendah (Higher Elementary Standards) Standard II, III, IV	\$22, \$15, atau \$8
	Sekolah Menengah Atas Standard V dan ke atas	\$33, \$25, or \$17
Sekolah Vernakular Melayu	Sekolah Rendah (Darjah 1-III)	\$6, \$4.50, atau \$3
	Sekolah Rendah (Darjah III ke atas)	\$10, \$7, atau \$5

(Jumlah peruntukan bergantung pada purata kehadiran untuk setiap murid)

Sumber: Education Code For The Straits Settlements (Approved by The Governor in Council on the 16th March 1908), Singapore, Printed at the Government Printing office, 1908, hlm. 4

Jadual 3.22 juga menunjukkan perbezaan peruntukan (*Grant-in-Aided*) antara Sekolah Inggeris dan Sekolah Melayu pada tahun 1908. Berdasarkan statistik berkenaan jumlah peruntukan per kepala yang diberikan kepada pelajar-pelajar di Sekolah Inggeris adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar di Sekolah Melayu. Jika diteliti secara terperinci perbezaan ini adalah selari dengan matlamat British terhadap

²²³ Federated Malay States, Report On Education 1900, hlm.6.

²²⁴ Report on Education Department for the year 1908, hlm. 2 dalam CO 467/20.

pendidikan orang Melayu iaitu untuk menyediakan pendidikan asas sahaja kepada orang Melayu. Dalam *Education Code* pada tahun 1908, dinyatakan dengan jelas bahawa jumlah peruntukan per kepala bagi setiap pelajar adalah berbeza dan tertakluk kepada budi bicara Majlis Mesyuarat Gabenor dan juga Residen British di negeri masing-masing.²²⁵

Berpandukan kepada *Education Code 1908* juga, peruntukan minimum dan maksimum telah ditetapkan oleh pihak kerajaan British. Selain itu, peruntukan bagi setiap Sekolah Perempuan Inggeris dalam sesebuah negeri juga adalah berbeza. Sebagai contoh pada tahun 1908, peruntukan per kepala bagi setiap pelajar di Convent Taiping, Perak adalah sebanyak \$72.15, Convent Ipoh, Perak sebanyak \$46.43, Methodist Girls Selangor sebanyak \$42.70, Convent Kuala Lumpur sebanyak \$47.70 dan Convent Seremban, Negeri Sembilan sebanyak \$30.20.²²⁶ Perbezaan ini disebabkan oleh jumlah peruntukan pendidikan yang disediakan kepada setiap negeri adalah berbeza. Negeri Perak mendapat peruntukan pendidikan yang tertinggi, diikuti Selangor dan Negeri Sembilan. Situasi yang sama juga berlaku di Sekolah-sekolah Melayu di NNMB.

Selain perbezaan peruntukan mengikut negeri, terdapat juga perbezaan peruntukan di antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Jadual 2.23 menunjukkan contoh perbezaan jumlah peruntukan antara Sekolah Inggeris, Sekolah Melayu dan juga Sekolah Tamil di Negeri Sembilan pada tahun 1910 dan 1911.

²²⁵ Education Code For The Straits Settlements (Approved by The Governor in Council on the 16th March 1908), Singapore, Printed at the Government Printing office, 1908, hlm. 4

²²⁶ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1908, hlm .4 dalam *Supplements to the Negeri Sembilan Government Gazette*, 23rd July 1909 dalam CO 463/6.

Jadual 3.23: Statistik Peruntukan Mengikut Jenis Sekolah dan Jantina di Negeri Sembilan pada tahun 1910 dan 1911

Jenis Sekolah/ Jantina	Jumlah Sekolah 1910	Jumlah Sekolah 1911	Jumlah Murid 1910	Jumlah Murid 1911	Peruntukan Bagi Setiap Pelajar (1910)	Peruntukan Bagi Setiap Pelajar (1911)
Sekolah Inggeris (Lelaki)	1	1	182	182	\$ 9.95	\$ 12.02
Sekolah Inggeris (Perempuan)	1	1	117	117	\$10.90	\$12.72
Sekolah Melayu (Lelaki)	59	59	3,710	3,710	\$ 9.76	\$ 12.45
Sekolah Melayu (Perempuan)	4	3	177	117	\$ 6.86	\$ 11.25
Sekolah Tamil (Campur)	2	1	67	67	\$ 14.09	\$ 14.00

Sumber: Annual Report for 1911, Federated Malay States, *Negeri Sembilan Administration Report, 1911*, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1912, hlm. 3.

Pada tahun 1910 dan 1911 jumlah peruntukan per kepala bagi pelajar-pelajar Melayu di Negeri Sembilan menunjukkan sedikit peningkatan. Bagi pelajar lelaki jumlah peruntukan naik kepada \$12.46 berbanding \$9.76 pada tahun sebelumnya. Manakala bagi pelajar perempuan Melayu pula, jumlah peruntukan per kepala naik daripada \$6.86 kepada \$11.25. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan per kepala bagi pelajar perempuan Melayu adalah lebih rendah berbanding dengan peruntukan bagi pelajar perempuan di Sekolah Inggeris iaitu sebanyak \$12.72. Apa yang menghairankan ialah jumlah peruntukan per kepala bagi pelajar India di Sekolah Tamil (campuran) jauh lebih tinggi daripada peruntukan yang diberikan kepada pelajar Melayu sama ada lelaki atau perempuan. Oleh yang demikian, dasar British yang dianggap sebagai pro-Melayu adalah tidak tepat dan hanya gunakan untuk mengaburi mata orang Melayu sahaja.

Jadual 3.24: Statistik Perbelanjaan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Pada Tahun 1913, 1914 dan 1915

No	Perkara	Jumlah perbelanjaan	Jumlah perbelanjaan	Jumlah perbelanjaan
		1913	1914	1915
1	Inspektor Sekolah, Kakitangan Pejabat dan lain-lain	\$ 6,221	\$ 6,342	\$ 5,817
2	Sekolah Inggeris	\$ 4,477	\$ 4,466	\$ 4,934
3	Sekolah Inggeris Kerajaan, Port Dickson	\$ 2,397	\$ 3,296	\$ 3,740
4	Sekolah Lelaki Melayu	\$ 34,460	\$ 41,053	\$ 45,996
5	Sekolah Perempuan Melayu	\$ 808	\$ 1,210	\$ 1,625
6	Sekolah Tamil	\$ 875	\$ 609	\$ 491
7	Pengajaran Al-Quran	\$ 2,963	\$ 2,828	\$ 2,942
8	Biasiswa kepada pelajar Melayu untuk ke sekolah Inggeris	\$ 2,273	\$ 2,796	\$ 2,693
9	Peruntukan untuk pelajar lelaki Melayu untuk belajar di MCKK	\$ 3,944	\$ 3,832	\$ 4,321
	Jumlah Peruntukan	\$ 58,418	\$ 66,432	\$ 72,559

Sumber: Diubahsuai daripada *Annual Report of the State of The Federated Malay States for 1913 & 1914, Negri Sembilan Administration Report*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States, Government Printing Office, 1913, 1914 dan 1915.

Jadual 3.24 menunjukkan jumlah perbelanjaan bagi pendidikan di Negeri Sembilan pada tahun 1913 sehingga 1915. Secara keseluruhannya, peruntukan perbelanjaan pendidikan bagi tempoh tahun berkenaan telah menunjukkan peningkatan iaitu daripada \$58,418 pada tahun 1913 kepada \$72,559 pada tahun 1915. Peningkatan juga berlaku bagi sekolah-sekolah perempuan Melayu iaitu dari \$808 pada tahun 1913 kepada \$1,625 pada tahun 1915. Dari segi peratusan, peningkatan ini merupakan peningkatan yang besar iaitu 100 peratus berbanding dua tahun sebelumnya.²²⁷ Peningkatan ini juga adalah selari dengan pertambahan bilangan Sekolah Perempuan Melayu di Negeri Sembilan iaitu daripada tiga buah pada tahun 1913 kepada lima buah

²²⁷ Annual Report of the State of The Federated Malay States for 1913 & 1914. Lihat juga *Negeri Sembilan Administration Report*, 1913, 1914 dan 1915.

pada tahun 1915.²²⁸ Selain Negeri Sembilan, jumlah peruntukan bagi pendidikan juga meningkat bagi negeri Perak, Selangor dan juga Pahang. Jadual 2.25 di bawah menunjukkan peningkatan jumlah peruntukan pendidikan bagi NNMB dari tahun 1911 sehingga 1919.

Jadual 3.25: Statistik Peruntukan Bagi Perbelanjaan Pendidikan Di NNMB Pada Tahun 1911, 1914, 1916 dan 1919

No	Negeri/ Peruntukan	1911	1914	1916	1919
1	Persekutuan	\$41,053.93	\$41,015.86	\$35,255.95	\$40,087.80
2	Perak	\$148,868.68	\$222,905.17	\$215,568.66	\$356,328.26
3	Selangor	\$70,148.82	\$89,407.41	\$137,347.73	\$224,229.34
4	Negeri Sembilan	\$51,017.76	\$65,302.97	\$72,419.60	\$96,532.53
5	Pahang	\$19,482.48	\$35,941.84	\$39,138.91	\$70,034.53
	Jumlah	\$330,563.67	\$454,573.25	\$499,730.85	\$787,212.72

Sumber: Diubahsuai daripada Federated Malay States, Annual Report Of Education Department For The Year 1911, 1914, 1916 and 1919 dalam CO 576/9, CO 576/12, CO 576/15 dan CO 576/21.

Berdasarkan jadual 3.25, jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap negeri dalam NNMB bertambah setiap tahun. Daripada empat negeri dalam persekutuan NNMB, negeri Perak memperoleh peruntukan yang besar berbanding dengan negeri-negeri lain. Sebagai contoh pada tahun 1911, peruntukan pendidikan yang diberikan kepada negeri Perak adalah sebanyak \$148,868.68 meningkat kepada \$356,328.26 pada tahun 1919. Negeri Pahang pula menerima peruntukan yang paling sedikit iaitu sebanyak \$19,482.48 pada tahun 1911 kepada \$70,034.53 pada tahun 1919. Keadaan ini adalah disebabkan peranan Perak sebagai negeri penyumbang terbesar kepada ekonomi British diikuti oleh Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.²²⁹

²²⁸ Annual Report on Education in the Federated Malay States 1913, hlm. 1-2 dalam CO 576/11. Lihat juga Annual Report on Education in the Federated Malay States 1916, hlm. 3-4 dalam CO 576/15.

²²⁹ Pada tahun 1900, Perak telah muncul sebagai pengeluar bijih timah utama di Tanah Melayu. Kawasan pengeluar bijih timah di Perak ialah Larut. Dikatakan 45% daripada pengeluaran biji timah dari Tanah Melayu diperoleh daripada daerah ini. Untuk keterangan lanjut lihat Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk Dan Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 315-317.

Jadual 3.26: Peruntukan Kewangan Untuk Pendidikan di NNMB Pada Tahun 1933

No	Kategori Pendidikan	Peruntukan (\$)	Peratus	Peratus
1	Pendidikan Teknikal	23,657	0.8	0.8
2	Pendidikan Menengah Inggeris	446,429	15.6	52.1
3	Pendidikan Rendah Inggeris	1,046,644	36.5	
4	Pendidikan Melayu	1,089, 031	38.0	38.0
5	Pendidikan China	82,235	3.8	3.8
6	Pendidikan Tamil	119	2.9	2.9
7	Pendidikan Komersial	6,479	0.0	0.0
8	Pendidikan Vokasional	64,245	2.2	2.2
	Jumlah	2,868,909	100	100

Sumber: Annual report on Education in the Federated Malay States for the year 1933, hlm. 19 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 7th September 1934* dalam CO 576/48.

Jadual 3.26 di atas menunjukkan jumlah peruntukan yang diberikan kepada lapan kategori pendidikan di NNMB pada tahun 1933. Pada tahun 1933, jumlah peruntukan kewangan bagi pendidikan Melayu adalah sebanyak \$1,089,031 atau 38.0 peratus berbanding dengan peruntukan untuk pendidikan Inggeris sebanyak \$1,493,073 atau 52.1 peratus daripada keseluruhan peruntukan pendidikan.²³⁰ Manakala pada tahun 1934, peruntukan pendidikan bagi negeri Selangor turut menunjukkan bahawa kerajaan British memberi perhatian yang khusus kepada pendidikan Inggeris.

²³⁰ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1933, hlm. 19 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 7th September 1934* dalam CO 576/48.

Jadual 3.27: Peruntukan Bagi Setiap Murid Bagi Sekolah-Sekolah Di Selangor Pada Tahun 1933 dan 1938

No	Jenis Sekolah	1933	1934	1935	1936	1937	1938
1	Sekolah Inggeris Kerajaan	\$97.64	\$96.18	\$92.08	\$93.98	\$101.77	\$110.07
2	Sekolah Inggeris Bantuan	\$45.93	\$37.65	\$33.20	\$35.39	\$33.12	\$37.06
3	Sekolah Vernakular Melayu	\$19.59	\$16.99	\$18.02	\$17.57	\$19.68	\$19.49
4	Sekolah Vernakular Tamil	\$13.58	\$15.03	\$13.14	\$11.98	\$27.30	\$28.44
5	Sekolah Vernakular Cina	\$34.97	\$33.28	\$36.63	\$37.92	\$60.48	\$60.21

Sumber: Diubahsuai daripada Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1934, 1935, 1936, 1937, 1938 dalam CO 439/4.

Jadual 3.27 menunjukkan Peruntukan per kepala (pelajar) bagi setiap pelajar di Sekolah Inggeris dan Sekolah Vernakular dari tahun 1934 sehingga tahun 1938 di negeri Selangor. Sekolah Inggeris di Selangor pada tahun berkenaan mendapat peruntukan per kepala sebanyak \$96.34, Sekolah Inggeris Bantuan - \$37.65, Sekolah Vernakular Tamil - \$15.03, Sekolah Vernakular China - \$33.28 manakala Sekolah Vernakular Melayu hanya \$16.99 sahaja bagi setiap pelajar.²³¹ Berdasarkan peratus dan jumlah peruntukan di atas menggambarkan bahawa kerajaan British lebih memberi fokus kepada pendidikan di Sekolah Inggeris berbanding dengan pendidikan vernakular lain.

Daripada statistik di atas juga menunjukkan bahawa Sekolah vernakular Melayu dari tahun 1896 sehingga kepada tahun-tahun akhir 1930-an tidak diberi perhatian oleh kerajaan British. Keadaan ini berbeza dengan Sekolah vernakular Cina dan Tamil yang

²³¹ Annual Report on Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1934, hlm. 36 dalam Annual Report on Social and Economic Progress of the people of the Federated Malay States for the year 1934 dalam CO 576/50.

lebih diberi tumpuan dan bantuan. Statistik ini juga menunjukkan bahawa dasar British terhadap pendidikan Melayu adalah sangat jelas iaitu menghadkan orang Melayu daripada mendapat pendidikan serta memastikan orang Melayu terus dihimpit kemiskinan dan tinggal di kampung-kampung. Sebagai contoh peruntukan pada tahun 1938, jumlah peruntukan per kepala (pelajar) bagi Sekolah Vernakular Melayu hanyalah \$19.49 berbanding dengan Sekolah Inggeris (Kerajaan) sebanyak \$110.07, Sekolah Inggeris (Bantuan) pula sebanyak \$37.06. Manakala peruntukan per kepala bagi Sekolah Vernakular Tamil adalah sebanyak \$28.44 per kepala mengatasi peruntukan untuk Sekolah vernakular Melayu pada tahun berkenaan.²³²

Selain itu, pemberian peruntukan pendidikan juga bergantung pada kedudukan kewangan British dan juga perkembangan ekonomi dunia. Sepanjang tahun 1931 sehingga 1938, peruntukan yang diberikan untuk pembangunan pendidikan di NNMB sentiasa berubah. Pada awal tahun 1930-an, peruntukan bagi pendidikan menurun daripada \$3,163,171 pada tahun 1931 kepada \$2,393,668.54 pada tahun 1932. Penurunan ini berlanjutan sehingga kepada pada tahun 1935.²³³ Keadaan ini adalah disebabkan oleh kejatuhan ekonomi dunia pada awal tahun 1930 dan kejatuhan beberapa eksport utama Tanah Melayu iaitu biji timah dan getah.²³⁴ Menjelang tahun 1936, peruntukan pendidikan mula meningkat daripada \$1,206,389.28 pada tahun 1935

²³² Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1934, 1935, 1936, 1937, 1938 dalam CO 439/4.

²³³ Lihat Comparative Statement of Estimated and Actual Expenditure of the Government of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang dalam Federated Malay States, Finance Statements for the year 1932, 1933, 1934, 1935 dalam CO 576/71.

²³⁴ Kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an telah memberi kesan kepada harga getah di Tanah Melayu. pada tahun 1931 misalnya harga getah jatuh kepada 7 sen se paun daripada 30 sen se paun pada tahun 1930. Apabila ekonomi dunia mula pulih, harga getah di Tanah Melayu juga mulai meningkat kepada 20 sen se paun pada tahun 1934, 25 sen pada tahun 1936 dan 38 sen pada tahun 1941. Lihat Ooi Jin-Bee, Land,(ed.) *People and Economy in Malaya*, London: Longmans, 1964, hlm.220.

kepada \$2,867,901.17 pada tahun 1936. Peningkatan ini berterusan sehingga pada tahun 1938.²³⁵

Secara keseluruhannya, peruntukan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan British sentiasa berubah dari tahun 1896 sehingga 1941. Apa yang jelas ialah jumlah peruntukan yang diberikan kepada NNMB adalah dipengaruhi oleh pendapatan NNMB. Negeri Perak merupakan negeri utama penyumbang ekonomi British diikuti dengan Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Pembangunan sekolah dan perkembangan kemudahan infrastruktur adalah berkait rapat dengan pembangunan ekonomi British. British juga menganggap bahawa pemberian pendidikan kepada orang Melayu hanyalah untuk memenuhi tanggungjawab sosial British dan bukannya untuk memajukan pendidikan orang Melayu. Oleh sebab yang demikian, peruntukan untuk pendidikan terutamanya bagi orang Melayu sentiasa berubah dan kadang kala berlaku penurunan dari tahun ke tahun.²³⁶ Selain itu, kerajaan British juga memberi tumpuan kepada pendidikan Inggeris kerana mereka yang lulusan sekolah Inggeris boleh membantu British dalam pengurusan dan pentadbiran serta memudahkan usaha British untuk mengeksploitasi ekonomi Tanah Melayu. Mereka yang mempunyai kelulusan Sekolah Inggeris boleh dilantik sebagai kerani, pekerja hospital, pekerja teknikal (Jabatan Keretapi) dan menjadi pegawai-pegawai rendah British.²³⁷

²³⁵ Comparative Statement of Estimated and Actual Expenditure of the Government of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang dalam Federated Malay States, Finance Statements for the year 1936, 1937, 1938 dalam CO 576/72.

²³⁶ Comparative Statement of Estimated and Actual Expenditure of the Government of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang dalam Federated Malay States, Finance Statements for the year 1936, 1937, 1938 dalam CO 576/72.

²³⁷ Lihat Draft Regulation for Queen's scholarship and fellowship for graduates of Raffles College and the College of Medical, No.2, Tuesday, 25th January 1937 dalam Report of Proceedings of the Finance Committee at a meeting held in the Federal Secretary on the 18th October 1937 dalam CO 576/58. Peruntukan biasiswa diberikan kepada pelajar-pelajar Sekolah Inggeris untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan, ekonomi dan juga undang-undang. *The open scholarship was awarded to Chin Kim Hong of the King Edward VII school, Taiping, who is going to do his "Pre-Medical" course at the Chelsea Polytechnic, London and enter Cambridge next year. The other scholarship was rewarded to Md Ismail bin Ali of Victoria Institution, Kuala Lumpur, who is going to Cambridge to read Economic and Law.*

Kesimpulan

kesimpulannya, pembangunan pendidikan wanita Melayu khususnya pada tahun 1896 sehingga 1941 memperlihatkan pertumbuhan dan perkembangan yang baik. Walaupun bagaimanapun, pembangunan ini agak perlahan jika dibandingkan dengan pendidikan untuk kanak-kanak lelaki dan juga untuk anak-anak perempuan bangsa lain. Pembangunan infrastruktur pendidikan terutamanya pembinaan sekolah-sekolah perempuan adalah tidak konsisten. Walaupun menunjukkan peningkatan pada peringkat awal iaitu pada tahun 1910-an sehingga 1920-an, namun pada tahun-tahun awal 1930-an berlaku penurunan dari segi jumlah Sekolah Perempuan di NNMB. Manakala dari segi pengurusan dan pentadbiran pula memperlihatkan sikap acuh tak acuh kerajaan British terhadap pentadbiran pendidikan wanita Melayu. Keadaan ini dapat dilihat melalui tindakan British yang lambat menangani masalah kekurangan guru, masalah penyeliaan, masalah kekurangan sekolah, masalah kemudahan dan masalah kewangan untuk pendidikan wanita Melayu.

BAB 4

HALANGAN DAN CABARAN PENDIDIKAN

WANITA MELAYU

Pengenalan

Halangan dan cabaran untuk mendapatkan pendidikan telah memberi kesan secara langsung terhadap pembangunan dan perkembangan pendidikan wanita Melayu. Halangan dan cabaran ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu halangan dari segi sosial, halangan dari segi pentadbiran dan halangan dari segi ekonomi. Sepanjang tahun 1896 sehingga 1941, perkembangan pendidikan wanita Melayu dilihat agak perlahan dan jauh ketinggalan berbanding dengan pendidikan untuk lelaki. Kerajaan British melalui laporannya juga sering kali menyalahkan orang Melayu yang dikatakan bersikap prejudis, kolot dan terkongkong dengan adat telah menjadi punca utama kepada kemunduran berkenaan. Walau bagaimanapun, situasi ini hanya dilihat dari kaca mata kerajaan British tanpa mengambil kira situasi dan pandangan masyarakat Melayu pada ketika itu.

Bab ini membincangkan mengenai sejauh manakah faktor adat dan budaya masyarakat Melayu khususnya sebelum Perang Dunia Kedua menjadi punca kepada kemunduran pendidikan wanita Melayu. Selain itu, bab ini akan mengenal pasti dan membincangkan berkenaan halangan dan cabaran dalam aspek kemudahan infrastruktur, pentadbiran dan pengurusan, kurikulum dan bantuan kewangan yang dilihat telah memberi kesan kepada perkembangan pendidikan wanita Melayu khususnya pada tahun 1896 sehingga tahun 1941. Penelitian dan perbincangan mengenai faktor-faktor ini adalah sangat penting untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai cabaran dan halangan sebenar dalam perkembangan pendidikan wanita Melayu.

Masalah Adat Dan Budaya Masyarakat Melayu

Budaya merupakan unsur-unsur kecil yang membina satu kesatuan budaya.¹ Salah satu daripadanya ialah peraturan-peraturan yang menentukan pola-pola perlakuan yang diwarisi oleh masyarakat. Peraturan ini termasuklah adat resam, lembaga, tradisi dan kebiasaan-kebiasaan untuk mengatur hidup anggota masyarakat. Perlakuan-perlakuan ini telah tersusun rapi dan perlu diikuti oleh setiap anggota masyarakat. Seseorang yang melanggar peraturan atau norma sosial yang telah ditetapkan akan dikenakan tekanan sosial atau hukuman tertentu oleh masyarakat.² Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara satu budaya dengan budaya lain bergantung pada norma-norma dan nilai-nilai yang dimiliki oleh masyarakat berkenaan.

Dalam sejarah tamadun dunia, budaya dan adat adalah salah satu aspek penting yang menjadi nadi dan pendukung kepada kelangsungan sistem sosial masyarakat. Kedudukan, hak, peranan dan tanggungjawab setiap individu dalam masyarakat telah ditentukan berdasarkan jantina, kebolehan dan juga keturunan.³ Kebanyakan tamadun dunia meletakkan kedudukan, peranan dan hak wanita lebih rendah berbanding lelaki. Hal ini dikatakan berlaku secara universal di kebanyakan tamadun dunia dan dikatakan mendapat restu dari pelbagai agama.⁴ Fenomena ini berlaku dengan meluas dalam kebanyakan tamadun seperti di India, China, Eropah dan Tanah Arab. Sebagai contoh di England pada sekitar abad ke16 dan 18, wanita England telah dinafikan haknya untuk mengundi dalam pilihan raya yang kemudiannya telah mencetuskan pertelingkahan

¹ Budaya sesuatu masyarakat itu mempunyai ciri-ciri tertentu. Budaya itu tidak lahir secara automatik, tetapi lahir bersama manusia. Budaya mempunyai kesinambungan dan merupakan tradisi yang diperturunkan dari satu generasi kepada satu generasi. Lihat Wan Abdul Kadir, *Beberapa Aspek Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kota Baharu; Petaling Jaya: Masfami Enterprise, 1993, hlm. 21.

² Ibid., hlm. 17-18.

³ Mustafa Daud, *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1991, hlm. 28-54.

⁴ Lihat Edward Alexander. Westermarck, *The Origin and Development of Moral Ides*, New York: Jonson Reprint Corp, 1971, hlm. 629-669. Pendedahan yang dibuat oleh beliau menyatakan kedudukan wanita di semua tamadun dunia amat menyedihkan dalam pelbagai bidang. Lihat juga Muhammad Abdul Rauf, *The Islamic View of Women and the Family*, (terjemahan Mahani Che Ibrahim), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 129.

hebat dalam kalangan masyarakat.⁵ Di Tanah Arab pula fenomena menanam anak perempuan yang baru lahir adalah perkara biasa bagi masyarakat Arab Jahiliah.⁶ Oleh yang demikian, layanan yang buruk terhadap wanita telah berlaku dalam kebanyakan tamadun dunia dan fenomena ini dilihat menjadi tradisi dan terus diperkukuhkan dari satu generasi ke satu generasi.

Dalam masyarakat Melayu, pengaruh adat dan budaya memainkan peranan penting dalam setiap aspek kehidupan masyarakat sama ada dalam bidang politik, ekonomi dan juga sosial. Setelah kemasukan agama Islam, undang-undang adat dalam masyarakat Melayu mula diasimilasi dengan undang-undang Islam. *Adat is often not pure Malay customary law but the surviving tradition of customary law, which betrays an assimilation of Islamic legal ideals and hence no longer justifies use the special term adat law.*⁷ Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu undang-undang adat lebih diberi perhatian berbanding dengan undang-undang Islam. Sebagai contoh dalam masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan, undang-undang adat seperti hak mewarisi harta dan penjagaan anak diberikan kepada kaum perempuan. Kaedah ini adalah bertentangan dengan undang-undang Islam (hukum faraid) dalam pembahagian harta pusaka.⁸

Dalam aspek pendidikan, faktor budaya dan adat turut memainkan peranan penting dalam penentuan bentuk dan tahap pendidikan kepada anak-anak. Pada asasnya masyarakat Melayu sememangnya mementingkan pendidikan kepada anak-anak sama ada anak lelaki atau anak perempuan. Dalam *Hikayat Abdullah*, diceritakan bahawa

⁵ Muhammad Abdul Rauf, *The Islamic View of Women and the Family*, hlm. 129.

⁶ Mahayudin Yahya, *Tamadun Islam*, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2011, hlm. 8. Kedudukan wanita dalam masyarakat Arab jahiliah adalah sangat rendah. Mereka sanggup menanam anak perempuan hidup-hidup kerana menganggap anak perempuan akan memberi masalah sosial dan ekonomi kepada mereka. Lihat juga H. Rus'an, *Lintasan Sejarah Islam Pada zaman Rasullah S.A.W*, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 1982, hlm. 31.

⁷ Abdul Majeed Muhammad Mackee, *Contemporary Islamic Legal Organisation in Malay*, *Monograf Series No: 73*, Yala University South East Asia Studies, 1969, hlm. 10.

⁸ Dalam undang-undang syariah Islam, undang-undang pembahagian harta diletakkan di bawah hukum faraid. Dalam pembahagian harta pusaka, anak-anak lelaki akan mendapat dua bahagian manakala anak-anak perempuan pula mendapat satu bahagian.

anak-anak perempuan Melayu juga turut dihantar ke sekolah untuk mendapatkan pendidikan bersama-sama dengan kanak-kanak lelaki.⁹ Dalam hikayat tersebut Abdullah Munsyi menyatakan;

Sa-bermula maka adalah pada zaman itu dalam negeri Melaka, bahawa nenek perempuan sebelah bapaku itulah menjadi guru besar dalam kampung Pali, ada kira-kira dua ratus anak muridnya daripada laki-laki dan perempuan mengaji Qur'an. Dan berbagai-bagai-bagai orang belajar kepadanya; ada yang menulis, ada yang belajar surat dan bahasa Melayu masing-masing dengan kehendaknya. Maka hampir-hampir habis se-Melaka itu punya kanak-kanak datang belajar kepadanya...¹⁰

Walaupun tidak dinyatakan jumlah pelajar perempuan Melayu yang hadir ke sekolah tetapi, kenyataan berkenaan menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional sememangnya memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan sebagaimana anak-anak lelaki. Kemasukan British ke Tanah Melayu telah membawa perubahan kepada sistem pendidikan di Tanah Melayu. Pengenalan sistem pendidikan formal oleh kerajaan British telah membuka era baru dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu. Pada tahun 1884, Sekolah Perempuan Melayu pertama telah dibuka di Telok Belanga, Singapura. Pengenalan sistem pendidikan formal ini dikatakan tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu. Masalah ini dikaitkan dengan sikap orang Melayu yang dikatakan sangat berpegang teguh kepada sistem adat dan budaya. Dari sudut budaya dan adat Melayu, pendidikan secara terbuka (bersama-sama tanpa diasingkan tempat belajar) antara anak-anak perempuan dan lelaki adalah tidak digalakkan.¹¹ Masyarakat Melayu khawatir pendidikan secara terbuka dengan cara belajar bersama-

⁹ Siti Aisah Murad, *Abdullah Munsyi dan Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm.5-8.

¹⁰ Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi*, Singapura, Jilid 1, 1949, hlm.12-13.

¹¹ Lihat Adnan Nawang, *Memoir Za'ba*, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005, hlm. 9-10. Dalam memoir berkenaan, Za'ba menceritakan bahawa orang Melayu sememangnya menentang pendidikan sekular kepada anak perempuan. "Rembau, Linggi ini daerah Port Dickson, Lengeng bahagian itu banyak orang Minangkabau. Semua datang, semua-semuanya budak yang masuk beradu sama saya itu budak perempuan tak (ada), jam itu orang sekolah perempuan pantang, berdosa besar budak perempuan masuk sekolah Melayu ini. Tak usaha kata sekolah Inggeris, sekolah Melayu pun tak boleh bercampur dengan budak laki-laki."

sama dalam satu kelas adalah bertentangan dengan budaya, adat dan juga agama Islam. Mereka juga bimbang kaedah pendidikan ini akan mengundang pergaulan bebas yang akan merosakkan sistem budaya dan adat yang menjadi pegangan masyarakat Melayu.¹² Oleh yang demikian, kanak-kanak perempuan pada peringkat awal penubuhan sekolah perempuan tidak digalakkan untuk ke sekolah.

Masalah tradisi dan adat yang konservatif masyarakat Melayu tentang pendidikan kepada kanak-kanak perempuan telah menyebabkan golongan ini tertinggal jauh berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Dalam masyarakat Melayu tradisional, budaya dan adat dijunjung tinggi sehinggakan ada pepatah yang menyebut bahawa, “Biar mati anak, jangan mati adat”¹³

The main objection to this, however, was that it would not be easy to enforce that the law where Malay girls were concerned for but custom and tradition Malay women then lived a very secluded life, and forcing Malay girls to go to school might be construed as a violation of Malay custom and religion.¹⁴

Kenyataan ini ditegaskan oleh Muhammad Isa Mahmud sebagaimana berikut:

Sungguh kita ada mempunyai kebebasan berfikir tetapi kita ada di bawah satu kekuasaan adat yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas, selagi orang tua-tua kita belum meletakkan jambatan nya selagi itulah masanya kita mesti menurut perintah mereka, biar tak baik bagi kita tetapi telah elok kepadanya.¹⁵

Selain itu, orang Melayu juga beranggapan bahawa anak-anak perempuan harus diberikan pendidikan bersesuaian dengan fitrah dan fungsi mereka yang kelak akan

¹² Mansor Sanusi, *Sejarah Perkembangan pelajaran Melayu*, Pulau Pinang: Sinaran Bros, 1955, hlm. 52. “Bagi memberi pelajaran kepada kanak-kanak perempuan ini adalah suatu perkara yang susah kerana kebanyakan orang Timur dan orang Melayu khasnya pada zaman dahulu tidak percaya yang perempuan-perempuan patut diberi pelajaran sama seperti lelaki dan mereka tidak mahu melepaskan anak-anak perempuan mereka ke luar rumah bercampur dengan laki-laki. Oleh itu sangatlah susah menjalankan rancangan sekolah perempuan itu.”

¹³ Perbincangan mengenai adat dan gender dalam masyarakat Melayu dibincangkan secara mendalam oleh Wazir Jahan Karim, *Women & Culture, Between Malay Adat and Islam*, Oxford: Westview Press, 1992, hlm. 1-26.

¹⁴ Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, London: Oxford University Press, 1964, hlm. 230.

¹⁵ Muhammad Isa Mahmud, *Senyuman Pemuda*, Seremban: Penerbit The Sungai Ujung Press, 1934, hlm. 17.

menjadi isteri dan ibu kepada anak-anak. Oleh itu, mereka menganggap anak-anak perempuan harus duduk di rumah sahaja untuk membantu ibu menguruskan rumah tangga dan menjaga adik-beradik yang lain.¹⁶ Pandangan ini telah menyebabkan ibu bapa tidak sanggup melabur dalam pendidikan (formal) yang bagi mereka hanyalah membazir dan tidak ada pulangan.¹⁷ Oleh sebab yang demikian, anak-anak perempuan Melayu dilatih oleh ibunya agar menjadi bakal isteri dan ibu yang baik. Bagi mereka pengetahuan dan kemahiran yang diajar di sekolah boleh dipelajari di rumah tanpa perlu ke sekolah. "...tanpa bersekolah pun, anak-anak perempuan mereka boleh belajar memasak dan menjahit seperti yang dipelajari di sekolah."¹⁸

Ibu bagi budak-budak perempuan itu sentiasa mendapati anak-anak yang perempuan berguna membantu kerja-kerja di rumah. Maka ibu bapa yang berpuas hati akan kebaikan dirinya sendiri berfikir ia bahawa anaknya yang perempuan itu tentulah bolehlah bermasak-masak dan jahit menjahit di rumah sahaja dengan tiada apa-apa lebihnya jika dihantarkan ia ke sekolah.¹⁹

Selain itu, orang Melayu juga merasakan bahawa anak-anak perempuan mereka perlu disemai dengan perasaan dan tanggung jawab keibuan seawal usia tujuh atau lapan tahun. Sedangkan pada usia berkenaan mereka seharusnya ke sekolah untuk mendapatkan pendidikan formal. Halangan dan cabaran ini telah menyebabkan anak-anak perempuan tidak dihantar ke sekolah dan mereka terpaksa berada di rumah untuk mempelajari kemahiran mengurus rumah tangga sehinggalah mereka layak dikahwinkan.

When she is seven or eight, she acts as a mother to her younger sibling, takes them out for a walk, changes their clothes when they get dirty or

¹⁶ Transkripsi temu ramah di antara Y. B. Datuk Halimathon bt. Abdul Majid dengan Encik Ahmad bin Haji Abd. Kadir daripada Arkib Negara Malaysia. Pita Rakaman Nombor 1 dan 2 pada 30 September 1978 dan 9 November 1978.

¹⁷ Membunga @ Siti Meriam Yaacob, *WANITA dalam karya Hamzah Hussin Dari Perspektif Feminis*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2010, hlm. 33.

¹⁸ Lihat M.Lomas, *Malay Women's Training College Malacca, Education in Malaya*, artikel dari *Oversea Education* (Published by the Colonial Office), 1930 to 1942, Government Press, Kuala Lumpur, 1948, hlm. 123. Lihat juga Sharipah bt Shaari, *Sejarah Kuala Kedah, 1900 – 1960-an*, Tesis B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983, hlm. 140.

¹⁹ Sekolah Melayu Perempuan, *Cenderamata*, Jun 1924, hlm. 95.

wet, and watches over them with great solicitude as they play with others babies. If a girl has a younger brothers or sisters, neighbours or close kinsmen often ask her to look after their small child during the day, while they are busy.²⁰

Walau bagaimanapun, peluang untuk mendapatkan pendidikan adalah lebih terbuka bagi segelintir anak-anak perempuan Melayu yang berada di kawasan bandar dan berhampiran dengan sekolah.²¹ Sebahagian daripada mereka juga telah dihantar ke sekolah-sekolah perempuan atau sekolah-sekolah lelaki Melayu yang berhampiran dengan kediaman mereka. Sebahagian kecil lagi dihantar ke sekolah-sekolah perempuan Inggeris. Namun demikian, sebahagian besar daripada mereka akan diberhentikan sebaik sahaja tamat darjah dua atau darjah tiga.²² Selepas itu, mereka akan dipersiapkan untuk dikahwinkan. Rex Stevenson menyatakan bahawa: ... *the Malay's custom to keep their girls as seceded as possible from that age until they married.*²³

... yang bersekolah pun hanya setakat sekolah Melayu darjah dua dan tiga sahaja. Selepas dari tu mereka diberhentikan dan tinggal di rumah supaya dapat menolong kerja-kerja ibu. Di masa mereka masih kecil, pelajaran di sekolah tidaklah dipentingkan bagi anak-anak perempuan. Pelajaran yang dititik beratkan kepada mereka ialah pelajaran-pelajaran yang boleh menyediakan mereka untuk menjadi suri rumah tangga yang baik dan cekap – memasak, menguruskan rumah, menjahit, bertukang tangan ... di samping itu juga pelajaran agama. ...ibu bapa akan mengahwinkan anak perempuan mereka dalam peringkat umur yang rendah.²⁴

²⁰ Djamour, Judith, *Malay Kinship and Marriage in Singapore*, London: The Anthlone Press, 1965, hlm. 35.

²¹ Lihat Amarjit Kuar, *Semenanjung Tanah Melayu Pada Abad Ke-19: Suatu Tinjauan Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 12-13. Kebanyakan sekolah-sekolah Melayu pada abad ke-19 dibina di kawasan bandar-bandar utama perlombongan biji timah.

²² Lihat *Negeri Sembilan Government Gazette, Vol. VII, January to Disember 1902*, hlm. 4 alam CO 463/3. "...the average Malay schoolgirl will not learn much, as at the age 10 she is generally withdrawn from school and kept in seclusion." Lihat Juga Report by the Resident-general of the Federated Malay States to H.E. The High Commissioner, 1902, "Further, it is still a general custom to more or less rigorously seclude Malay girls from about age of nine or ten years until they become married."

²³ Lihat Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators, British Education Policy toward the Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 94. lihat juga Rahimah Abdul Azizi, *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945), Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 104.

²⁴ Azizah Kassim, *Kedudukan Wanita Di Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih Di Negeri Sembilan*, Tesis M.A, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969, hlm. 116.

Fenomena memberhentikan persekolahan anak-anak perempuan sebaik sahaja mereka mencapai usia baligh atau hampir baligh adalah dianggap perkara biasa.²⁵ Dengan kata lain, kepatuhan kepada budaya yang mengelilingi masyarakat Melayu, adat resam, kemiskinan dan kejahilan terhadap keperluan pendidikan yang sempurna telah menyebabkan anak perempuan kehilangan hak untuk mendapatkan pendidikan formal sebagaimana anak-anak lelaki.²⁶ Kenyataan ini turut diketengahkan oleh Ibu Zain semasa beliau mula bersekolah pada usia lima tahun.

...jadi didikan yang diberikan kepada ibu tu ganjil. Sebab masa itu negeri Melaka tu, orang tidak ambil tahu sangat pelajaran anak-anak perempuan. Tapi bagi diri Ibu adik-beradik Ibu, laki-laki, perempuan semua diberi cara didikannya sendiri.²⁷

The great difficulty was not to get little girls to attend school but to keep them there when they were just beginning to learn, as it was the custom of the Malays to keep their girls as secluded as possible from the age until they were married.²⁸

Oleh yang demikian, pendidikan formal bagi orang Melayu pada peringkat awal hanya terbuka untuk kanak-kanak lelaki sahaja dan hampir tertutup untuk anak-anak perempuan. Halangan dan cabaran ini turut diketengahkan oleh Resident General British dalam laporan tahunannya pada tahun 1901 dengan menyatakan bahawa kekangan adat telah menjadi penghalang untuk anak-anak perempuan mendapatkan pendidikan.

Further, it is still a general custom to more or less rigorously seclude Malay girls from about the age of nine or ten years until they become married. Under these condition much progress in the matter of female education cannot be expected for some time to come.²⁹

²⁵ Djamour, Judith, *Malay Kinship and Marriage in Singapore*, hlm. 10.

²⁶ Membunga @ Siti Meriam Yaacob, *WANITA dalam karya Hamzah Hussin Dari Perspektif Feminis*, hlm. 33.

²⁷ Transkrip wawancara dengan Hajah Zainun Binti Sulaiman oleh Sidek Jamil, Pegawai Arkib Negara pada 18 Jun 1974, Pita Nombor 1.

²⁸ Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, London, Oxford University Press, 1964, hlm. 248.

²⁹ Report by The Resident-General of the Federated Malay States to H.E The High Commissioner, Kuala Lumpur, Printed at the Selangor Government Printing Office, 1902, hlm. 19.

Selain masalah berkenaan, pihak kerajaan British juga dikatakan terpaksa tunduk kepada tekanan persekitaran. Mereka terpaksa memberi cuti kepada pelajar sebulan pada bulan puasa dan dua musim yang lain iaitu musim menanam padi (Cuti 15 hari) dan musim menuai padi (cuti 15 hari).³⁰ Pada musim menanam dan menuai padi, ibu bapa sangat memerlukan tenaga anak-anak mereka sama ada lelaki dan perempuan untuk membantu mereka menanam padi. Anak-anak perempuan pula akan membantu menguruskan rumah, membasuh pakaian, memasak dan menjaga adik-adik yang lain. Di samping itu, masyarakat Melayu juga tidak membenarkan anak-anak mereka ke sekolah pada bulan puasa. Mereka bimbang anak-anak mereka akan kepenatan dan tidak berupaya untuk meneruskan ibadat puasa.³¹

Namun demikian, halangan dan cabaran adat dan budaya ini sebenarnya tidak menggambarkan bahawa orang Melayu tidak mementingkan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, anak-anak perempuan Melayu sememangnya diberikan pendidikan sama seperti anak-anak lelaki. Reaksi negatif orang Melayu terhadap pengenalan sistem pendidikan formal (sekular) kepada anak-anak perempuan bukanlah bermaksud bahawa orang Melayu menentang pendidikan terhadap anak-anak perempuan. Penolakan ini adalah disebabkan kebimbangan orang Melayu terhadap corak dan sistem pendidikan formal yang dilihat bertentangan dengan adat dan agama orang Melayu. Tambahan pula mata pelajaran agama tidak dimasukkan dalam sukatan pelajaran di Sekolah Perempuan Melayu.

Selain faktor adat resam dan budaya, faktor agama juga dikatakan menjadi penghalang untuk anak-anak perempuan Melayu mendapatkan pendidikan formal. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam report tahunan pendidikan pada tahun 1921 yang menyatakan: *The Progress of Malay Girls' School is slow. Changes in local religious*

³⁰ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1923, School Holiday, hlm. 41 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, 10 July 1925* dalam CO 574/41.

³¹ Mahani Awang @ Musa, *Sosio-Ekonomi Wanita Melayu Kedah 1881 – 1940*, Tesis Doktor Falsafah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003, hlm. 239.

*feeling, the growth of towns with crowded traffic, the personality of teacher, all these may mar a school.*³² Bagaimanapun, kenyataan ini boleh dianggap bertentangan dengan ajaran agama Islam yang tidak menghalang pendidikan kepada anak-anak perempuan, malahan mereka juga diseru untuk mendapatkan pendidikan sebagaimana anak-anak lelaki. Cuma, kekhuatiran ibu bapa ialah akan berlaku pergaulan bebas antara anak-anak lelaki dan perempuan telah menyebabkan orang Melayu (terutamanya pada peringkat awal) kurang menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Di samping itu, orang Melayu juga khuatir, anak-anak perempuan yang berpendidikan akan terikut-ikut dengan cara berpakaian orang Barat dan orang Cina. Pergaulan bebas juga dikhuatiri berlaku apabila anak-anak perempuan mula bekerja di pejabat-pejabat kerajaan.

... oleh sebab kalau perempuan sudah dapat seperti orang-orang Barat pergi sekolah kemudiannya bekerja di mana-mana pejabat menjadi kerani bercampur gaul dengan laki-laki, bergaun dengan tidak berstoking hingga kelihatan aurat yang ditegah oleh syarak maka apa pula hukumnya?³³

Selain itu, ibu bapa Melayu juga khuatir untuk menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris kerana takut di Kristiankan oleh guru-guru Kristian di sekolah Inggeris. Masalah dan kebimbangan ibu bapa untuk menghantar anak mereka terutama ke sekolah formal (sekular) sebenarnya telah disuarakan oleh Abdullah Munshi pada abad ke-18 lagi. Abdullah Munshi menyalahkan orang Melayu yang dikatakan kolot dan takut menghantar anak mereka bersekolah di sekolah yang ditubuhkan oleh British kerana takut terpengaruh dengan ajaran Kristian atau dipaksa masuk Kristian.

Bermula adalah telah berpuluh kali aku disuruhkan oleh tuan-tuan itu memanggil dan mencari anak-anak Melayu, supaya boleh ia belajar dan mengetahui membaca dan menulis, baik bahasa Melayu, baik bahasa Inggeris, maka oleh sebab bodohnya dan sangka mereka itu nanti dimasukkan Inggeris, tiada mahu datang, kerana fikiran mereka itu, dengan kekerasan nanti ditangkap dimasukkan Inggeris.

³² Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1921 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette," 25th August, 1922*, hlm. 7.

³³ *Tanah Melayu*, Mac 1934, hlm. 3.

... maka beberapa kali sudah aku ingatkan mereka itu, serta memberitahu akan mereka itu, “Bahawa sekali-kali tiada Inggeris itu hendak memasukkan seseorang ke dalam agamanya kalau empunya sendiri tidak suka, melainkan supaya kamu boleh belajar dan mengetahui banyak gunanya... dan lagi boleh belajar ilmu kira-kira, bukankah berguna kepada kamu sekalian ilmu kira-kira itu? Maka jikalau tiada tahu kira-kira kelak bagaimana engkau hendak jual-beli.?”³⁴

Masalah ini berlarutan sehingga abad ke-20 dan apa yang menjadi persoalan ialah sejauh manakah masalah ini wujud dalam kalangan pelajar Melayu yang bersekolah di sekolah Inggeris. Apa yang jelas ialah, masalah ini bukanlah rekaan ibu bapa Melayu semata-mata kerana ada asas yang kukuh yang membuktikan perkara ini berlaku.³⁵ Hal ini diceritakan oleh Ibu Zain bagaimana mubaligh-mubaligh Kristian telah cuba menghasut dan mahu menjadikan beliau sebagai penganut dan penyebar agama Kristian.

... ibu suka ceritakan masa Ibu dalam darjah tiga, ibu dah cerdik. Sekolah ini sekolah Padri (Missionary). Jadi guru yang daripada Amerika tu dia sangat tertarik dengan Ibu. Dia ingat Ibu boleh jadi pensyarah, ibu boleh kempenkan agama Kristian dengan baik sekali. Jadi dalam sekolah itu Ibu diajar ‘Bible’ (New Testament). Sesetengahnya Ibu hafal....

... Jadi dah terasuh ibu macam itu, sampailah Ibu dah besar, dah patutlah jangkanya pada fikiran guru Ibu tadi, Ibu ni dah boleh dimasukkan Kristian. Itu niat dia. Itu sebab orang kalau hantar anak, nak jaga baik-baik. ... “Zainun engkau dah pandai dan Bible dah habis barangkali engkau lebih pandai daripada aku, aku tak hafal, engkau hafal” kata dia, “bolehlah sekarang engkau masuk Kristian, dan kita masuk kampung, kita Kristian kan semua orang Melayu kampung.”³⁶

Tanggapan ini walaupun dilihat agak terpencil, namun ia merupakan masalah yang paling ditakuti oleh orang Melayu. Ketakutan mereka juga ada asasnya kerana

³⁴ Abdullah Abdul Kadir, Munsyi, *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur, Pustaka Aman, 1963, hlm. 140.

³⁵ Lihat Insu Sony Mustapha, *Memoir Mustapha Hassin, Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 5. Dalam memorinya beliau menyatakan bahawa memang wujud penyebaran agama Kristian di sekolah Inggeris antaranya ialah Sekolah Inggeris St. George’s, Perak. Sekolah ini dikatakan dikendalikan oleh paderi-paderi berkulit putih yang memakai jubah hitam. Oleh itu, tiada seorang pun orang Melayu yang menghantar anak ke sekolah berkenaan.

³⁶ Transkrip wawancara di antara Hajah Zainun Binti Sulaiman dengan Sidek Jamil, Pegawai Arkib Negara pada 18 Jun 1974, Pita Nombor 1.

salah satu mata pelajaran wajib di Sekolah Inggeris ialah mata pelajaran kitab Bible. *At a general meeting of the subscribers held on the 11th May, 1838, it was resolved that the Bible be used as a class book...*³⁷ Selain itu, hampir semua Sekolah Perempuan Inggeris yang ditubuhkan di Tanah Melayu dibiayai oleh pertubuhan Kristian. Antara badan-badan pertubuhan Kristian yang mendirikan sekolah-sekolah perempuan Inggeris ialah Methodist Episcopal, Sister of the Holy Infant Jesus, Plymouth Brethren, Church of England, Private (Bishop Singapore).³⁸

Jadual 4.1: Sekolah-Sekolah Perempuan Inggeris Yang Dibina Oleh Pertubuhan-Pertubuhan Kristian Di NNMB

No	Badan/ Pertubuhan Kristian	Nama Sekolah Perempuan Inggeris
1	Methodist Episcopal	Anglo Chinese Girls, Ipoh
2	Methodist Episcopal	Teacher Girls, Taiping
3	Methodist Episcopal	Methodist Girls, Kuala Lumpur
4	Sister of the Holy Infant Jesus	Convent Taiping
5	Sister of the Holy Infant Jesus	Convent Ipoh
6	Sister of the Holy Infant Jesus	St. Agnes School, Teluk Anson
7	Sister of the Holy Infant Jesus	Convent Kuala Lumpur
8	Sister of the Holy Infant Jesus	Convent Seremban
9	Church of England	St Maty's School, Kuala Lumpur
10	Plymouth Brethren	Chinese Girls Kuala Lumpur
11	Private (Bishop Singapore)	Pudu English School, Kuala Lumpur

Sumber: Annual Report on Education for the year 1926, Appendix IX, Accommodation in Added English School, hlm. 29 dalam Federated Malay States, Annual Report for 1926 dalam CO 576/32.

Maka tidak hairanlah sekiranya jumlah pelajar Melayu (Sekolah Inggeris) sama ada lelaki atau perempuan adalah sangat sedikit jika dibandingkan dengan pelajar-

³⁷ D.D. Chelliah, A History of The Education Policy of Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on vernacular, Tesis Ph.D, University of London, 1940, hlm. 43.

³⁸ Annual Report on Education for the year 1926, Appendix IX, Accommodation in Added English School, hlm. 29 dalam Federated Malay States, Annual Report for 1926 dalam CO 576/32.

pelajar bangsa lain. Situasi ini juga memberi gambaran bahawa orang Melayu sebenarnya bukannya tidak sedar mengenai kepentingan pendidikan tetapi masalah dan kebimbangan utama mereka ialah kekhuatiran kepada pengkristianan anak-anak mereka. Aisyah Ghani dalam *Memoirnya* juga menceritakan bahawa bapanya sangat tidak bersetuju apabila mendengar beliau ingin memasuki Sekolah Inggeris.

Kemudian saya bagitahu ayah bahawa saya ingin belajar bercakap orang putih. Ayah lantas menjawab dengan menyatakan bahawa orang Islam tidak elok masuk Sekolah Paderi Kristian nanti pahala sembahyangnya hilang naik ke langit.³⁹

Halangan dan cabaran dari segi budaya, adat dan kepercayaan ini kemudiannya beransur-ansur berkurangan bermula pada tahun-tahun 1910-an dan 1920-an. Orang Melayu terutamanya golongan terpelajar seperti kerani, guru-guru, penulis dan pegawai-pegawai rendah Melayu telah mula sedar untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan mereka. Golongan terpelajar sama ada yang berpendidikan Timur Tengah, Melayu dan Inggeris telah menggunakan pelbagai kaedah untuk menyedarkan orang Melayu mengenai kepentingan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Rentetan daripada itu, lebih ramai anak-anak perempuan Melayu telah mendapat pendidikan sama ada di Sekolah Melayu atau Sekolah Inggeris. Jumlah pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Melayu meningkat dari 252 pada tahun 1898 kepada 298 pada tahun 1900, jumlah ini kemudiannya meningkat kepada 1,620 pada tahun 1920, manakala pada tahun 1930 pula meningkat kepada 4,941. Pada tahun 1938 jumlahnya meningkat lagi kepada 6,466 orang.⁴⁰ Peningkatan jumlah tersebut menunjukkan bahawa orang Melayu telah terbuka menerima pendidikan sekular.

³⁹ Aishah Ghani, *Memoir Seorang pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 4.

⁴⁰ Lihat *Supplement to the "Selangor Government Gazette," 29 June, 1900*, hlm, 6 dan *Annual Report on Education Federated Malay States. 1921 App XIII 1930 App. XV 1938, App. XV*. Bagi Sekolah Inggeris (Kerajaan dan Bantuan) jumlah pelajar perempuan Melayu yang diterima masuk pada tahun 1938 ialah seperti berikut, Perak 110 orang, Selangor 204 orang, Negeri Sembilan 42 dan Pahang seramai 11 orang, Jumlah keseluruhannya pada tahun 1938 ialah 367 orang. Lihat *Annual Report on Education in the*

Kekurangan Infrastruktur Fizikal

Selain halangan dan cabaran dari segi budaya dan adat, perkembangan pendidikan wanita Melayu juga menghadapi masalah kerana kekurangan dan kedaifan infrastruktur fizikal. Kekurangan dan kedaifan infrastruktur fizikal seperti bangunan sekolah, kemudahan pembelajaran dan juga jalan perhubungan telah menjadi penghalang untuk anak-anak perempuan Melayu mendapatkan pendidikan. Keperluan kepada infrastruktur fizikal ini bermula apabila pendidikan formal mula diperkenalkan oleh kerajaan British. Dalam sistem pendidikan formal keperluan untuk mendirikan bangunan sekolah dan kemudahan-kemudahan pembelajaran adalah menjadi satu kemestian. Sekolah-sekolah ini perlu mempunyai bangunan yang tetap dan didirikan di kawasan yang telah dikhaskan serta mempunyai keperluan-keperluan asas untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran.

Kekurangan jumlah sekolah perempuan di Tanah Melayu terutama pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 telah menyebabkan peluang untuk anak-anak perempuan Melayu mendapatkan pendidikan adalah agak terhad.⁴¹ Masalah kekurangan jumlah sekolah-sekolah Melayu adalah disebabkan oleh peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ketat dikenakan bagi membolehkan sesebuah sekolah dibina. Semasa penjajahan British, pembinaan dan pembukaan sekolah-sekolah vernakular Melayu perlu melalui dan mendapat persetujuan daripada pihak kerajaan British. Pada 21 Jun 1882, Setiausaha Tanah Jajahan (*Colonial Secretary*) telah memaklumkan kepada Residen Selangor (Captain Bloomfield Douglas) mengenai syarat-syarat yang

Straits Settlements dan Federated Malay States for the year 1938, Appendix II, halam.691 dalam CO 576/63.

⁴¹ Pada tahun 1898, jumlah Sekolah Perempuan Melayu di NNMB hanyalah sebanyak 13 buah (9 buah di Perak dan 4 buah di Selangor). Lihat *Perak Government Gazettes July 17th 1897*, Appendix J Education. Lihat Annual Report for the year 1899, Federated Malay States, *Negeri Perak Administration Report, 1899*, Appendix. J- Education. Lihat Annual Report for the year 1899, Federated Malay States, *Negeri Selangor Administration Report, 1899*, Appendix I. Lihat juga *Selangor Government Gazette, Friday, 11th February, 1898*, (V01.IX), hlm.221 dalam CO 467/7.

perlu bagi membolehkan peruntukan diberikan untuk pembinaan sekolah-sekolah vernakular Melayu.

Kerajaan British hanya memberi bantuan kewangan setelah berpuas hati dengan jumlah pelajar dan juga kehadiran pelajar di sekolah berkenaan. Di samping itu, permohonan untuk membuka sekolah Melayu perlu dikemukakan oleh ketua kampung atau penghulu dengan sokongan Pegawai Daerah di kawasan berkenaan. Permohonan berkenaan perlu dikemukakan kepada Residen untuk dinilai sama ada diluluskan ataupun tidak.⁴² Berdasarkan syarat berkenaan, pemberian bantuan untuk pembinaan sekolah-sekolah vernakular Melayu hanya diberikan apabila jumlah pelajar di sekolah berkenaan mencapai tahap yang dikehendaki selain mendapat sokongan daripada penghulu dan juga Pegawai Daerah di kawasan berkenaan. Seterusnya pada tahun 1898, kerajaan kolonial British mengeluarkan satu lagi garis panduan baharu bagi syarat-syarat pembinaan dan pembukaan sesebuah sekolah Inggeris dan juga sekolah vernakular di Tanah Melayu.

Menurut *Draft Code Of Regulations Government Grant-In –Aid, English And Vernacular School In The Federated Malay States pada tahun 1898* menyatakan dengan jelas bahawa pembinaan sesebuah bangunan sekolah perlu mengikut garis panduan yang disediakan oleh kerajaan British.⁴³ Perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan sebelum sesebuah sekolah dibina ialah dari segi anggaran kos pembinaan. Selain itu, pelan lantai bangunan mestilah sekurang-kurangnya berkeluasan

⁴² Colonial Secretary to Resident Selangor, 21st June 1882 dalam SEL.SEC 320/82, (1882).

⁴³ Draft Code Of Regulations Government Grant-In-Aid, English And Vernacular School In The Federated Malay States 1898, Taiping: Printed At The Perak Government Printing Office, Appendix E, School Building And Furniture, hlm. 38. Sesebuah sekolah perlu dilengkapi dan disediakan semua kemudahan asas. “*Convenience of pelan, suitable lighting, proper sub-division into classes and thorough ventilation are its leading essentials. Attention to small points is of extreme importance. Sanitary laws in the school are as vital as in a hospital*”.

20 X 20 kaki serta mempunyai kemudahan asas seperti padang permainan, mempunyai pintu masuk, jalan, berpagar dan dilengkapi dengan kemudahan asas yang lain.⁴⁴

Walau bagaimanapun, garis panduan ini hanyalah sekadar retorik daripada kerajaan British kerana kebanyakan sekolah-sekolah vernakular termasuk sekolah vernakular perempuan dibina tidak mengikut garis panduan berkenaan. Garis panduan ini hanya digunakan bagi pembinaan sekolah-sekolah Inggeris sahaja dan tidak digunakan untuk membina sekolah vernakular Melayu. Mengikut garis panduan ini juga, semua sekolah bantuan kerajaan (*Grand-In-Aided*) mesti dibina di tempat yang sesuai, mempunyai bentuk dan struktur bangunan yang telah ditetapkan, mempunyai susun atur bilik darjah, meja, kerusi, tingkap dan dinding yang sesuai dan selamat serta dilengkapi dengan kemudahan asas pembelajaran seperti padang permainan, tandas, jalan, buku dan sebagainya.

The building, books and school apparatus must be suitable and sufficient. All reasonable care must taken to educate the pupil in habits of punctuality, good manners, cleanliness and neatness, and to impress on them the importance of cheerful obedience to duty, and of honour and truthfulness.⁴⁵

Sekiranya garis panduan ini dijadikan panduan oleh kerajaan British, sudah tentu sekolah-sekolah vernakular Melayu merupakan sekolah yang moden, selamat dan sangat kondusif untuk aktiviti pembelajaran. Menurut *Draf Code Of Regulations Government Grant-In –Aid, English And Vernacular School In The Federated Malay States pada tahun 1898, (School Building And Furniture)*, menyatakan bahawa semua sekolah Inggeris dan sekolah vernakular Melayu mesti memenuhi ciri-ciri berkenaan;

No School room should be lighted from one side only. Gable ends should be fully utilised from windows. Accommodation in school room for elder children is subject a minimum of 10 square feet per

⁴⁴ Draft Code Of Regulations Government Grant-In-Aid, English And Vernacular School In The Federated Malay States 1898, hlm. 38.

⁴⁵ Lihat Education Code For The Straits Settlements (Approved by The Governor in Council on the 16th March 1908), hlm. 1.

child being provided. Care should be taken to render the roof as impervious to heat as possible. The external walls of the school must be solid. If of brick, the thickness must be at least one brick and a half, and if of stone at least 20 inches. The vegetable soil within the area of the building should be removed. The floors of class-room can be raised with great advantage in three or four tiers of board step, each wide enough to accommodate a row of desks and seats for the scholars, and about 4 or 5 inches in height. The desks and benches should be graduated according to the ages of the children, and placed at right angles to the light. No desks should be more than 12 feet long, and should have a gangway of at least 18 inches between each group and the walls. Privies should be at a considerable distance from the school building. In mixed school for boy and girls they should be as apart as possible, and in all cases should be well within view of the Teacher.⁴⁶

Walau bagaimanapun, garis panduan ini tidak digunakan dalam pembinaan sekolah-sekolah vernakular Melayu. Kerajaan British juga dilihat tidak memberi perhatian dan tidak memainkan peranan yang sewajarnya bagi pembinaan sekolah-sekolah Melayu. Sekolah-sekolah vernakular Melayu pada peringkat awal didirikan hasil kerjasama orang kampung di samping bantuan daripada pembesar-pembesar tempatan seperti penghulu atau ketua kampung dan sesetengahnya mendapat bantuan raja atau kerabat diraja.⁴⁷ Pada asasnya terdapat beberapa peringkat yang perlu dipatuhi sebelum sesebuah sekolah Melayu dapat dibina sama ada oleh kerajaan British atau oleh orang Melayu sendiri.

Pada peringkat permulaan, ketua kampung dengan bantuan penghulu akan menemui Residen British untuk mendapat kebenaran bagi membina sesebuah sekolah. Semasa perjumpaan ketua kampung dan penghulu memainkan peranan yang sangat penting dan meyakinkan pihak British bahawa terdapat antara 30 hingga 40 orang kanak-kanak kampung yang bersedia untuk belajar. Residen British pula akan meminta Pegawai Daerah (*District Officer*) untuk menyemak dan memberi jaminan bahawa sesebuah sekolah perlu diwujudkan di kampung berkenaan. Setelah mendapat

⁴⁶ Draft Code Of Regulations Government Grant-In-Aid, English And Vernacular School In The Federated Malay States 1898, hlm. 38.

⁴⁷ Razuan Mohd. Yusof, Persekolahan di Pahang Sebelum Kedatangan Jepun, *Konvensyen Pendidikan IV*, Anjuran Persatuan Suloh Budiman, MRSM Kuantan, 8-10 Disember, 1979, hlm. 12.

persetujuan daripada pihak British maka langkah yang seterusnya ialah bagaimana hendak menyediakan bangunan dan tempat yang sesuai sama ada dengan menyewa atau membina sekolah di tanah persendirian.⁴⁸

To start a Malay vernacular school the District Officer and the Penghulu had to guarantee the Resident that there would be a minimum attendance in the vicinity of twenty pupils. This was the smallest number it was thought would justify the expense of renting or building a schoolhouse, and hiring a teacher.⁴⁹

Proses ini memakan masa yang agak lama dan setiap permohonan yang diajukan juga sering kali tidak mendapat perhatian daripada Residen British.⁵⁰ Oleh yang demikian, orang Melayu mengambil inisiatif sendiri untuk membina sekolah tanpa bantuan daripada kerajaan British. Kerajaan British juga sering menggunakan alasan tidak mempunyai peruntukan untuk tidak memberi bantuan kepada pembinaan dan pembukaan sekolah Melayu.⁵¹ Dalam laporan *Inspector Of School Perak* pada tahun 1923 menjelaskan perkara berkenaan sebagaimana berikut;

The progress made during the years was satisfactory was noticeable and in several cases the kampung people either gave building free or rent or put up temporary buildings themselves. **Though no school were built by the Public Works Department**, it was found possible to open ten new school, either by the help of the kampung people or by means of small vote which was provided for building temporary school buildings.⁵²

⁴⁸ *Perak Administration Report for the Year 1922*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1923. Lihat juga Ramli Saadon, *Dasar Pelajaran Kolonial British Di Negeri Selangor 1875-1957*, Tesis PhD, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007, hlm. 22.

⁴⁹ Rex Stevenson, *Cultivators And Administration British Education Policy Toward The Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 31-32.

⁵⁰ Agak sukar bagi Residen British meluluskan permohonan berkenaan kerana kekurangan peruntukan kewangan. Kebiasaannya Residen British memberi kebenaran agar sekolah berkenaan dibuka sendiri oleh orang Melayu tanpa bantuan kerajaan British. Lihat *Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1923*, hlm. 9 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 25 July, 1924* dalam CO 576/26.

⁵¹ Lihat Jagjit Singh Sindhu, *Administration in the Federated Malay States, 1896-1902*, Kuala Lumpur; Oxford University Press, 1980, hlm. 140.

⁵² *Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1923*, hlm. 9 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 25 July, 1924* dalam CO 576/26.

Oleh sebab yang demikian, keadaan kebanyakan bangunan sekolah perempuan Melayu pada peringkat awal adalah sangat daif dan sesetengahnya tidak selamat untuk dijadikan sebagai sebuah sekolah.⁵³ Justeru itu, bangunan-bangunan sekolah yang dibina kebanyakannya tidak mengambil kira soal keselamatan, keselesaan dan kesesuaian untuk aktiviti pembelajaran. Bahan-bahan yang digunakan juga adalah daripada bahan tempatan yang murah dan senang diperolehi. Kerajaan British juga tidak membuat pemantauan ke atas pembinaan sesebuah sekolah kerana tugas membina dan menyiapkan sesebuah sekolah Melayu adalah tanggungjawab orang Melayu sendiri. Keadaan ini menyebabkan sekolah-sekolah Melayu yang dibina pada peringkat awal adalah bangsal-bangsal kecil yang pada pandangan orang Melayu cukup untuk berlindung daripada panas dan hujan.⁵⁴ *This school was opened (Pekan Girl's School, Pahang) in the building formerly occupied by the Pekan Preparatory School, which has now been repaired.*⁵⁵

Pembinaan bangunan sekolah Melayu pada peringkat awal boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu bangunan sekolah yang dibina oleh kerajaan British dan bangunan sekolah yang dibina oleh orang kampung kerana tidak mendapat bantuan kerajaan British. Kebanyakan bangunan sekolah dibina oleh orang kampung kerana permintaan tinggi daripada masyarakat, manakala bangunan sekolah yang dibina oleh kerajaan British adalah lebih baik dan mempunyai struktur dan bentuk yang sama. *The school building, the most modern at that time, had cemented fronts step, stout and*

⁵³ Federated Malay States, *Selangor Administration Report For The Year 1911* dalam CO 439/3 menyatakan terdapat dua buah sekolah Melayu telah roboh akibat dipukul ribut. Sekolah-sekolah ini juga dikatakan tidak mempunyai struktur yang kuat kerana dibina oleh orang-orang kampung dan tidak menggunakan bahan yang berkualiti.

⁵⁴ Lihat Mustapha Hussain *Malay Nasionalisme Before UMNO, The Memoir of Mustapha Hussain*, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2005, hlm. 12.

⁵⁵ Annual Report for 1914, Federated Malay States, *Negeri Pahang Administration Report, 1914*, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1915

*square brick pillars, red tile roofing, and unvarnished wooden floorboards. However, it wall and window were traditional, made split and woven bamboo.*⁵⁶

Dari aspek fizikal, terdapat perbezaan dari segi susun atur, jumlah bilik darjah dan juga kemudahan pembelajaran antara sekolah perempuan di bandar dan sekolah perempuan di luar bandar.⁵⁷ Sekolah Perempuan Melayu di luar bandar dibina oleh penduduk kampung yang mempunyai ruang belajar yang sempit, beratap rumbia, tidak mempunyai bilik-bilik darjah dan dibina daripada bahan tempatan yang tidak berkualiti.⁵⁸

A Malay Girls School was opened during the year at Pasir Panjang Hulu. ...These school are housed in temporary atap buildings, unsuitable for the propose: better work would doubtless be performed both by teachers and pupils...

Manakala sekolah perempuan Melayu di bandar biasanya dibina daripada kayu yang lebih berkualiti, mempunyai tiang-tiang konkrit serta dilengkapi dengan bilik-bilik darjah. Keadaan fizikal yang lebih baik ini adalah disebabkan oleh adanya bantuan kewangan daripada Raja dan juga kerajaan British.⁵⁹ Sebagai contoh, Sekolah Perempuan Melayu Bandar, Kuala Langat, Selangor mendapat peruntukan sebanyak \$1,200 pada tahun 1899 untuk pembinaan kuarters guru (*Teachers Quarters*) dan juga penyediaan kemudahan pembelajaran.⁶⁰ Walau bagaimanapun, pertambahan bilangan pelajar setiap tahun telah menyebabkan berlaku kesesakan di dalam bilik-bilik darjah

⁵⁶ *Negeri Pahang Administration Report, 1914.*

⁵⁷ Pada peringkat awal Sekolah Perempuan Melayu dibina di kawasan bandar dan dibiayai oleh Raja atau Raja Muda. Sebagai contoh Sekolah Perempuan Melayu Bandar mendapat sokongan daripada Raja dan Raja Muda Selangor, Sekolah Perempuan Melayu Taiping dibiayai dan mendapat sokongan Raja Perak, Sekolah Perempuan Melayu Seri Menanti dibiayai oleh Raja Negeri Sembilan. Lihat Proceedings of the DURBAR yang diadakan pada 11 Ogos 1927 di Astana Negara, Kuala Kangsar Perak dalam SEL.SEC: 5144/27. Lihat juga Report Of Education, Federated Malay States 1902, hlm.3-6. Lihat juga Mubin Sheppard, *A Short History of Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur, D. Moore for Eastern Universities Press, 1965, hlm. 82.

⁵⁸ Federated Malay States, State of Perak, Report on the Lower Perak District for the year 1908, hlm. 8 dalam *Supplements to the Perak Government Gazette 9th July 1909* dalam CO 467/20.

⁵⁹ *Selangor Administration Report 1912*, hlm. 3-4 dalam CO 439/3. *The girl's school established by H.H. the Sultan on his property at Bandar is included in this year's return.*

⁶⁰ Selangor Estimates, 1899 (Expenditure Detailed), hlm. 92 dalam Government of Selangor, Estimates of Revenue and Expenditure 1899, Annual Report Selangor 1896-1905 dalam CO 439/2.

berkenaan. Apabila bilangan pelajar semakin ramai ruang-ruangnya juga semakin sempit dan sesak. Keadaan ini menyebabkan ruang-ruang lain bangunan juga dijadikan bilik-bilik darjah.⁶¹ Situasi ini telah menyebabkan sesi pembelajaran menjadi tidak kondusif serta memberi kesan kepada prestasi akademik dan juga minat pelajar.

Selain perbezaan antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar terdapat juga perbezaan fizikal antara Sekolah Perempuan Melayu di bandar dengan Sekolah Perempuan Inggeris di bandar.⁶² Keadaan ini adalah disebabkan oleh jumlah peruntukan kewangan yang diberikan untuk penyediaan sekolah-sekolah Inggeris adalah lebih tinggi berbanding dengan sekolah-sekolah vernakular lain terutamanya sekolah perempuan Melayu.⁶³ Oleh yang demikian, sekolah-sekolah perempuan Inggeris dan sekolah perempuan Cina dilengkapi dengan segala kemudahan sama ada dari segi bangunan, bilik darjah dan juga kelengkapan lain untuk pembelajaran. Keadaan ini telah disuarakan oleh Za'ba dengan menyatakan bahawa:

Kebanyakan sekolah-sekolah Melayu tiada mempunyai bilik, tidak sebagaimana sekolah-sekolah Inggeris, banyak yang berbilik-bilik. Sesungguhnya jika berkehendakkan kelas beraturan baik ialah mempunyai bilik.⁶⁴

Manakala, George Maxwell dan Laporan Tahunan Pendidikan pada tahun 1912 menggambarkan keadaan sekolah Inggeris seperti berikut:

⁶¹ Federick Masson, *The School Of Malaya*, Singapore: Donald Moore, 1957.hlm. 8.

⁶² Selangor Seasonal Paper 1888-1905 dalam CO 439/1-2. Menyatakan bahawa sekolah-sekolah formal yang ditubuhkan oleh kerajaan British banyak bertumpu di Kuala Lumpur disebabkan kawasan berkenaan adalah pusat pentadbiran British dan keperluan tenaga kerja peringkat rendah adalah penting bagi melaksanakan dasar-dasar kerajaan British. *There are Malay school at ten station, and that Kuala Lumpur includes an English class.*

⁶³ Dalam Laporan Tahunan Pendidikan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1933, jumlah peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Inggeris (Rendah dan Menengah) ialah \$1,493,073 atau melibatkan 52.1 peratus, manakala peruntukan bagi Sekolah Melayu adalah \$1,089,031 atau 38 peratus dari jumlah keseluruhan peruntukan (\$2,868,909). Lihat Annual Report on Education in the F.M.S for the year 193, hlm. 19 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, 7th September, 1934* dalam CO576/48.

⁶⁴ Keadaan bangunan sekolah Melayu menurut Za'ba adalah sangat tidak sesuai dari segi bentuk dan pembinaannya. Bilik darjah tidak diasingkan, tiada perpustakaan, peralatan mengajar yang tidak lengkap, kekurangan guru dan tiada Guru Besar. Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk Adnan Haji Nawang, *Pemikiran Za'ba Tentang Kemajuan Melayu*, Tesis PhD, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1995, hlm. 117.

... in any town in Malaya, one may see in prominent place a handsome two storied brick structure, with pleasant around it. That is an English School.⁶⁵

There are three girls' school –viz., the convent, The Methodist Girls' School and the Chinese Girls' School. As regards the Convent School the event of this year was the removal to new building on Bukit Nanas (Selangor). The building is well-designed and provides well-lighted class rooms, and is a great improvement on the old buildings.⁶⁶

Gambaran yang diberikan jelas menunjukkan perbezaan fizikal antara sekolah Melayu dengan sekolah Inggeris yang didirikan oleh kerajaan British. Walau bagaimanapun, kerajaan British pada tahun 1905 menganggap bahawa kerajaan kolonial telah menyediakan kemudahan yang berpatutan bagi semua pelajar di Tanah Melayu untuk mendapatkan pendidikan. Namun, apa yang diperdebatkan ialah apakah yang dimaksudkan oleh kerajaan British sebagai berpatutan. Berpatutan bagi pandangan kerajaan British hanya cukup sekadar menyediakan kemudahan bangunan yang berbumbung sebagai tempat pembelajaran tanpa memikirkan keperluan-keperluan infrastruktur yang lain. Dalam Selangor Seasonal Office, 1888 – 1905 menyatakan; *Reasonable facilities are given by the state for education of native children of all nationalities, but parents are apathetic, and the result are not all that could be wished.*⁶⁷ Kenyataan ini juga memberi gambaran bahawa penyediaan kemudahan pendidikan yang baik bukanlah menjadi keutamaan kerajaan British.

Pada tahun 1915, pelajar perempuan Melayu di Selangor terpaksa menumpang di rumah-rumah guru dan masjid-masjid kerana jumlah sekolah perempuan Melayu tidak mencukupi untuk menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat.⁶⁸ Sesetengahnya pula terpaksa belajar di sekolah-sekolah lelaki yang berada berhampiran

⁶⁵ Sir George Maxwell at The Inter Colonial Congress on Education on the Colonies, Held in Connection with the International Colonial Exhibition at Paris, September 1931, hlm. 10 dalam CO 273/557. Lihat juga, "Memandang Arah ke Sekolah Melayu," *Majlis*, 15 April 1935.

⁶⁶ Federated Malay States Annual Report On Education For The Year 1912, dalam *Supplement to the F.M.S. Government Gazette*, 6th June 1913, hlm. 4.

⁶⁷ Selangor Seasonal Office, 1888-1905, hlm. 39 dalam CO 439/1-2.

⁶⁸ Annual Report Of Education Department Selangor, 1915, hlm. 8 dalam SEL.SEC, 995/1915

dengan tempat tinggal mereka.⁶⁹ Keadaan ini bertambah rumit terutama pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an, apabila jumlah pelajar perempuan semakin bertambah.⁷⁰ Pada tahun 1920, jumlah pelajar perempuan Melayu di NNMB (yang berdaftar) adalah seramai 1,620 orang telah meningkat kepada 4,941 orang pada tahun 1930.⁷¹

Pertambahan bilangan pelajar perempuan yang semakin meningkat telah menyebabkan sekolah perempuan tidak mampu menampung jumlah pelajar yang semakin ramai. Keadaan ini menyebabkan ramai pelajar perempuan Melayu terpaksa bersekolah di sekolah lelaki dan sesetengahnya terpaksa bersekolah di sekolah campuran.⁷² Manakala di sesetengah tempat pula, pelajar lelaki terpaksa berkongsi sekolah dengan pelajar perempuan iaitu pelajar lelaki akan belajar di sebelah pagi dan pelajar perempuan belajar di sebelah petang.⁷³

In the girl's schools, which are three in number... something, however, might be done by providing more attractive buildings. Two of the school have earth floors and are not good repair, and the third is a boys' school used by girls in the afternoon, an arrangement which is not satisfactory. The type of school which is built on the ground, whether it has earth or cement floor is disliked by teachers and children.⁷⁴

Menjelang tahun 1920-an, proses pembinaan sesebuah sekolah termasuk sekolah vernakular Melayu perlu melalui proses tender yang dikeluarkan oleh Pejabat

⁶⁹ Annual Report Of Education Department Selangor, 1915, hlm. 8 dalam SEL.SEC, 995/1915. *In several of the boys' school there are a few girls in attendance; and it is gratifying to note the signs of increased desire for the education of Malay girls.*

⁷⁰ Lihat *Negeri Sembilan Administration Report for the year 1925*, hlm. 11 dalam CO 576/30. *No new Malay Girls schools were opened, but the enrolment increased from 273 to 291 and the attendance from 248 to 264.*

⁷¹ Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1899, hlm. 6 dalam *Supplement to the Selangor Government Gazette, 29th June, 1900*. Lihat juga Annual Report on Education Federated Malay States. 1921 Appendix. XIII 1930 Appendix. XV 1938, Appendix. XV.

⁷² Pada tahun 1922, jumlah pelajar perempuan Di NNMB yang bersekolah di Sekolah Lelaki atau Sekolah Campuran ialah seramai 500 orang bertambah kepada 6,431 pada tahun 1931 dan seramai 7,372 orang pada tahun 1932. Lihat Extract from minutes of the 49th meeting of the Advisory Committee on Education in the Colonies held on 21st December, 1933, hlm. 13 dalam Training Centre for Malay Women Teachers, 1933, Fail No.13167 dalam CO 273/593/3.

⁷³ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1912, hlm. 6 dalam *Supplement to the F.M.S. Government Gazette, 6th June 1913* dalam CO 576/10.

⁷⁴ Ibid.

Setiausaha Kerajaan Negeri (Government Secretary Office). Proses ini memakan masa yang agak lama dan perlu melalui proses yang rumit kerana melibatkan peruntukan dan perbelanjaan yang agak besar. Antara syarat yang dikenakan untuk pembinaan sesebuah sekolah vernakular Melayu ialah mesti mempunyai keluasan tanah minimum seluas dua ekar.⁷⁵ Walau bagaimanapun, syarat berkenaan bukanlah masalah besar kerana penduduk kampung boleh menyediakan tanah berkenaan. Masalah yang paling besar ialah ketiadaan peruntukan untuk membina sekolah berkenaan seperti mana yang diminta. Hal ini menyebabkan banyak sekolah Melayu tidak dapat dibina kerana tidak memenuhi syarat, ketiadaan peruntukan dan masalah-masalah lain.⁷⁶ Disebabkan masalah berkenaan orang Melayu terpaksa membina sendiri sekolah-sekolah mengikut kemampuan mereka. Oleh sebab yang demikian, kebanyakan sekolah perempuan Melayu dibina tidak mengikut prosedur, tidak ada insurans dan tidak kondusif berbanding sekolah-sekolah perempuan Inggeris. Sekolah Perempuan Inggeris pada tahun 1914 dilaporkan mempunyai kemudahan gimnasium dan bangunannya juga dilindungi insurans.

A new drill hall and assembly room was added to the convent and a small open air gymnasium has also been equipped. The main building at the Methodist Girls' School was unfortunately burned down in November, the loss being partly covered by insurance.⁷⁷

Pada tahun 1928, jumlah pelajar perempuan yang belajar di sekolah lelaki di NNMB adalah seramai 2,948 orang atau 43.3 peratus berbanding 3,863 orang atau 56.7 peratus yang belajar di sekolah perempuan Melayu⁷⁸. Disebabkan pertambahan bilangan

⁷⁵ Selangor Sessional Papers 1888 -1905 dalam CO 439/1-2.

⁷⁶ Ibid., Laporan berkenaan menyatakan bahawa kerajaan British menghadapi kesukaran untuk menyediakan bangunan bagi kemudahan awam termasuk sekolah kerana kekurangan dan kesukaran untuk memperoleh bahan binaan, kemampuan kontraktor, kakitangan yang tidak mencukupi dan juga sistem perhubungan yang tidak baik.

⁷⁷ *Selangor Administration Report For The Year 1914* dalam CO 439/3.

⁷⁸ Mariam Bte Mansor, 'Bulan Melayu' dalam *Lembaran Akhbar Melayu* dalam Khoo Kay Kim dan Jazamuddin Baharuddin, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. Lihat juga Au Yong Geok Lian, Satu analisis sosiologi kal penulisan tokoh-tokoh sasterawan lelaki pro-feminis dekad 1920-an-40-an

pelajar perempuan yang semakin meningkat, orang Melayu mula mendirikan sekolah-sekolah sementara (*Trail School*) untuk pelajar-pelajar perempuan di NNMB. Walau bagaimanapun, bangunan sekolah berkenaan adalah sangat daif dan tidak sesuai untuk aktiviti pembelajaran. Kerajaan British hanya memberi bantuan apabila kedatangan pelajar di sekolah berkenaan menunjukkan peningkatan dan menepati syarat yang ditetapkan oleh kerajaan British. Oleh yang demikian, pembinaan bangunan baharu untuk menggantikan bangunan sementara bagi setiap sekolah memakan masa sekurang-kurangnya dua atau tiga tahun.

The erect the building, the Government supplies the teacher and the barest necessities in the way of furniture, and the Education department then waits for a year or two to see whether the attendance warrants the provision of a permanent school.⁷⁹

Seperti yang dibincangkan dalam bab dua, kebanyakan Sekolah Perempuan Melayu dibina di kawasan-kawasan bandar sedangkan orang Melayu lebih ramai berada di kawasan luar bandar.⁸⁰ Oleh yang demikian, peluang untuk anak-anak perempuan Melayu yang berada di kawasan luar bandar dan kampung untuk mendapatkan pendidikan adalah terhad.⁸¹ Kerajaan British juga dilihat tidak berminat untuk mendirikan sekolah-sekolah di kawasan kampung dan pedalaman kerana kawasan ini tidak mempunyai potensi ekonomi seperti biji timah dan pertanian.⁸² *Selangor Seasonal Paper* menyebut bahawa: *New school were built during the year at Kuala Lumpur, and*

tumpuan khusus kepada penulisan yang berhubung dengan emansipasi wanita, Latihan ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm. 48.

⁷⁹ Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of the Federated Malay States for 1938, hlm. 52 dalam CO 576/62.

⁸⁰ Lihat Francis Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur, Heinemann Educational Book (Asia) Ltd, 1975, hm. 29.

⁸¹ Lihat *Supplements to the F.M.S. Government Gazette, 13th July, 1934*, hlm. 36-37 dalam Annual Report Selangor 1925-1939 dalam CO 439/4. *The education given in the Malay vernacular schools is entirely free. Building, quarters for staff, book, equipment, etc., are provided by the Government. The majority of the parents, particularly those near the town, now send their children to school at an earlier age than formerly.* Lihat juga Raja Rohana Raja Mamat, *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia: Darpada Perspektif Sosial dan Undang-Undang*: Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm.xi.

⁸² Lihat Ooi Jin Bee, *The Rubber Industry of the Federation of Malaya, The Journal Of Tropical Geography*, Vol 15, 1961, hlm. 4-6.

at Cheras Seonieh (Ulu Langat), Permatang Pasir (Kuala Selangor), and Kalumpang (Ulu Selangor).⁸³ Boleh dikatakan hampir semua Sekolah Perempuan Melayu didirikan di kawasan perlombongan biji timah dan juga penanaman getah seperti di Kuala Lumpur, Kuala Selangor, Kuala Kangsar, Ipoh, Seremban, pekan dan lain-lain.⁸⁴ Sebagai contoh di Selangor, sekolah-sekolah perempuan Melayu dibina di Kuala Lumpur, Kuala Langat, Kajang dan Kuala Selangor.⁸⁵

The history of education in any country shows that economics and the geographical background have always been major factors in influencing the educational structure of the particular country... The location of the school was in fact very much controlled by geographic and economic consideration.⁸⁶

Di samping itu, kebanyakan tapak kawasan sekolah sebelum Perang Dunia Kedua juga adalah diusahakan oleh orang Melayu sendiri melalui kutipan derma. Pihak kerajaan hanya membantu dalam pembinaan sekolah yang mana peruntukannya juga adalah kecil.⁸⁷ Menurut Za'ba dalam akhbar *Utusan Melayu* keluaran pada hari Isnin, 20 Oktober 1917, menegaskan bahawa sekolah-sekolah Melayu dalam keadaan serba kedaifan dan tidak memuaskan; Beliau menyatakan,

...bangunan-bangunannya tidak sesuai, iaitu bentuk serta kedudukan bangunan itu, bilik-bilik darjah yang sempit dan tidak diasingkan pula; tidak ada perhimpunan buku-buku (perpustakaan); tidak ada padang permainan; tiada cukup guru dan tiada pula jawatan Guru Besar yang

⁸³ Selangor Seasonal Papers; 1888-1905 dalam CO 439/1-2

⁸⁴ Lihat *Perak Government Gazettes July 17th 1897*, Appendix J Education. Lihat juga Annual Report for the year 1899, Federated Malay States, *Negeri Perak Administration Report, 1899*, Appendix J-Education.

⁸⁵ Federated Malay States, Negeri Selangor Administration Report, 1899, Appendix I, *Selangor Government Gazette, Friday, 11th February, 1898*, (Vol.IX), hlm.221 dalam CO 467/7. Lihat juga *Selangor Sessional Papers; 1888 –1905* dalam CO 439/1-2. Menyatakan kebanyakan sekolah Melayu, China dan Tamil didirikan di bandar-bandar utama seperti di Kuala Lumpur. Faktor ini adalah disebabkan Kuala Lumpur telah dijadikan pusat pentadbiran British dan keperluan tenaga kerja bawahan diperlukan bagi menjalankan pentadbiran British. *The area Malay School at ten station and that Kuala Lumpur includes an English class. There are also Tamil and Chinese School at Kuala Lumpur.*

⁸⁶ Lihat Francis Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur, Heinemann Educational Book (Asia) Ltd, 1975, hm. 29.

⁸⁷ Lihat Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the Year 1935, hlm. 45-46. *It was decided, however, that it was unfair to expect the village people to put up a second building without any assistance from Government and so the sum of \$71.60 was provided.*

khas, serta gaji yang sangat rendah; kaedah mengajar yang tidak betul dan sebagainya.⁸⁸

Kenyataan Za'ba ini adalah hasil penelitian secara menyeluruh tentang keadaan sekolah Melayu pada ketika itu. Keadaan ini juga memberi gambaran bahawa kerajaan British telah menjalankan dasar diskriminasi terhadap sekolah Melayu. Segala kemudahan yang asas tidak disediakan. Keadaan ini amat berbeza dengan sekolah-sekolah Inggeris yang terdapat pada masa berkenaan. Za'ba menegaskan bahawa;

Perhatikanlah sekolah-sekolah Inggeris pada merata-rata tempat dan di seluruh Semenanjung itu semua jaya belaka pelajaran sehingga dikehendaki ... dijaga cukup oleh kerajaan dan badan-badan tertentu sehingga ada kelas tujuh lebih.⁸⁹

Walau bagaimanapun, menjelang pertengahan tahun 1920-an, sekolah perempuan Melayu mula diperbaiki dan diberi bantuan oleh kerajaan British. Namun demikian, masih terdapat sekolah perempuan Melayu yang berada di tahap lama. Menurut laporan tahunan oleh *Lady Supervisor Malay Girls School* bagi negeri Selangor pada tahun 1925 menyatakan *The Malay Girls' School at Setapak is the only weak school at present – The building is too small and it is very dusty and hot. The school never seems clean, and the Head Teacher has been slacking this year.*⁹⁰ Manakala bagi Negeri Sembilan dan Pahang, keadaan kebanyakan Sekolah Perempuan Melayu masih lagi daif dan serba kekurangan.⁹¹ Keadaan ini disebabkan oleh

⁸⁸ Lihat *Utusan Melayu*, bil. 1836, Isnin, 20 Oktober 1917. Lihat juga Adnan Haji Nawang, *Za'Ba 1896 – 1973, Satu Tinjauan Tentang Kegiatan-Kegiatannya*, Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1977, hlm. 106 – 107.

⁸⁹ Lihat *Utusan Melayu*, bil. 1827, Jumaat, 12 Oktober 1917.

⁹⁰ Annual Report 1925, Education Department Selangor, Part IV, Malay Education, 12 February 1926 dalam SEL.SEC 914/1926, No.(57) in 829/25,

⁹¹ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1925, hlm. 15 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, 11 June 1926* dalam CO 576/30. *Malay Girls School; Some schools housed in poor building have worked under very trying condition during the rains and deserve praise for most creditable attainments.* Lihat juga Mohamed Mokhtar bin Abu Bakar dan Fauziah binti Zakaria, *Monograf Pahang Dalam Sejarah*, Pahang: Penerbit Lembaga Muzium Negeri Pahang 1989, hlm. 15. Dalam monograf ini dinyatakan bahawa pada tahun 1930, murid-murid lelaki di Sekolah Padang Lalang dipindahkan ke Sekolah Melayu Laki-Laki Teruntum, Jalan Gambut dan Sekolah Padang Lalang menjadi Sekolah Perempuan Melayu. Apa yang jelas ialah pendidikan kepada wanita tidak menjadi matlamat British dan Sekolah Perempuan hanya memperoleh sekolah yang ditinggalkan oleh pelajar lelaki.

peruntukan yang diberikan kepada dua negeri berkenaan jauh lebih rendah berbanding dengan peruntukan yang diterima oleh negeri Perak dan Selangor.⁹²

Selain daripada masalah bangunan dan lokasi, sekolah-sekolah perempuan Melayu juga menghadapi masalah kekurangan buku-buku rujukan dan juga peralatan-peralatan lain untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.⁹³ Kebanyakan pelajar pada tahun 1920 sehingga penghujung tahun 1930-an masih lagi menggunakan peralatan seperti papan batu dan kalam untuk menulis dan membuat tugas. Setiap pelajar sama ada lelaki atau perempuan mempunyai satu papan batu dan kalam untuk tujuan pembelajaran di dalam kelas.

Dari darjah 1 hingga darjah III, kami menggunakan papan batu dan kalam. Apabila tumpul, kami berlari ke tepi longkang sekolah untuk mengasah kalam supaya tajam. Apabila tersalah tulis di papan batu, ia dipadamkan sahaja dengan tangan atau dengan sedikit air liur. Mudah sahaja.⁹⁴

Buku-buku rujukan yang dibekalkan juga tidak mencukupi di mana sebuah buku terpaksa dikongsi oleh tiga atau empat orang pelajar. Selain itu, kebanyakan pelajar juga tidak memasuki perpustakaan kerana kurangnya buku-buku rujukan dalam bahasa Melayu.⁹⁵ Keadaan ini agak berbeza dengan perpustakaan di Sekolah Inggeris yang dilaporkan mempunyai banyak bahan bacaan dan sangat popular dalam kalangan

⁹² Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1925, hlm. 5. Jumlah peruntukan pendidikan pada tahun 1925 yang diberikan kepada negeri Perak adalah \$962,109, Selangor \$742,668, Negeri Sembilan 299,548 dan Pahang \$190,859.

⁹³ Lihat Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 1. Dalam Memoirnya Aishah Ghani menceritakan mengenai peralatan persekolahan beliau, "...Mujurlah ketika itu buku-buku dan alatan sekolah tidak banyak. Dari darjah I hingga Darjah V yang perlu dibawa hanya sebuah papan batu, kalam, pensel sedikit buku tulis dan buku bacaan."

⁹⁴ Azizah Mokhzani, et.al, *Siti Hasmah, Citra Wanita Dua Zaman*, Kuala Lumpur, Penerbit Perpustakaan Negara Malaysia 1999, hlm. 25.

⁹⁵ Lihat Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1938, hlm. 63 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of federated Malay States for the year 1938 dalam CO 576/62, Annual Report F.M.S Vol.1, 1938. *All school have a small libraries and nearly all Tanjong Malim Publication are supplied as publishes. "Warta Malaya" and "Majalah Guru" are supplied to all school.* Lihat juga Paul Chang Ming Phang, *Education Development in a Plural Society: A Malaysian Case Study*, Malaya Publishing & Printing Company, Petaling Jaya, Selangor, 1973, hlm. 15.

pelajar. *School Libraries are popular. Gramophones are used in schools chiefly for oral English work. School magazines are...*⁹⁶

Situasi ini memberi gambaran bahawa kerajaan British hanya mewujudkan perpustakaan di Sekolah Melayu tetapi tiada usaha untuk menjadikan ia bermanfaat untuk pelajar Melayu. Kerajaan, British juga sering kali menggunakan alasan kekurangan peruntukan apabila sesuatu permohonan diajukan dan meminta supaya permohonan berkenaan diajukan pada tahun berikutnya. Apa yang jelas, permohonan berkenaan dilihat merugikan pihak British dan dianggap tidak memberi pulangan terutamanya dari segi ekonomi. Sebagai contoh dalam mesyuarat kewangan pada 24 Mac 1937, terdapat permohonan untuk menyediakan meja, kerusi dan mesin taip untuk keperluan pelajar perempuan Melayu. Malangnya permohonan berkenaan tidak diluluskan oleh Residen British Selangor.

This provision of \$690 is required for the purchase of five type-writing machines, five tables and five chairs for Malay Girls typewriting class which it has been decided to from this years. It was not possible to include this item in the 1937.⁹⁷

Selain masalah kemudahan pembelajaran, masalah kekurangan dan kedaifan perhubungan juga telah menyebabkan perkembangan pendidikan wanita Melayu menjadi lambat dan terkebelakang.⁹⁸ Masalah kekurangan dan kedaifan kemudahan pengangkutan dan perhubungan terutamanya jalan raya dan jalan kereta api telah menyukarkan pergerakan pelajar untuk ke sekolah sama ada di kampung, pekan dan

⁹⁶ Lihat Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Perak for the year 1938, hlm. 53 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of federated Malay States for the year 1938 dalam CO 576/62, Annual Report F.M.S Vol.1, 1938.

⁹⁷ Report of Proceeding of the Finance Committee at a meeting held in Kuala Lumpur on 24th March 1937 dalam CO 439/5,

⁹⁸ Lihat Ooi Jin Bee, *Land, People and Economy in Malaya*, London and Harlow: Longmans, Green And Co Ltd, hlm. 354. *Until 1874...These roads were, in fact, cart tracks, sinuous and badly surfaced...the traditional footpaths and jungle tracks.*

juga bandar.⁹⁹ Masalah ini telah memaksa anak-anak perempuan Melayu melalui semak, belukar, jambatan dan sebagainya sebelum sampai ke sekolah.¹⁰⁰ Kesukaran ini telah menyebabkan mereka terpaksa keluar awal daripada rumah dan sesetengahnya mengambil masa dua hingga tiga jam untuk sampai ke sekolah.

Setiap hari Fatimah bersama adik beradiknya serta beberapa anak kampung yang lain akan berjalan kaki beramai-ramai menuju ke Parit Bakar Darat untuk ke sekolah. Oleh sebab beg-beg sekolah belum ada lagi terdapat pada masa itu, maka memadai bagi buku-buku dibungkus dengan sehelai sapu tangan yang besar kemudiannya dibimbit atau dijinjit sepanjang perjalanan. ... sebagai kebiasaannya, mereka akan mula beredar dari Kampung Parit Bakar Laut pada pukul tujuh pagi dan lebih kurang dua jam kemudian, tibalah mereka di Sekolah.¹⁰¹

Tambahan pula, pada peringkat awal kebanyakan sekolah-sekolah Melayu dan Sekolah Inggeris dibina di kawasan bandar-bandar utama. Kekurangan dan kedaifan kemudahan perhubungan ini juga telah menyukarkan anak-anak perempuan Melayu melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah Inggeris kerana semua sekolah Inggeris berada di bandar.¹⁰² Kedudukan sekolah yang jauh ini telah menyebabkan orang Melayu bimbang mengenai keselamatan anak-anak mereka terutama apabila pergi dan pulang dari sekolah.

Malay parents, it must be remembered, do not willingly send their children to a distant school, and if the people are to be educated, this can only be done by opening school in the most populous villages at

⁹⁹ Selangor Sessional Papers; 1888 – 1905 dalam CO 439/1-2; menyatakan kebanyakan sekolah Melayu, China dan Tamil didirikan di bandar-bandar utama seperti di Kuala Lumpur. Faktor ini adalah disebabkan Kuala Lumpur telah dijadikan pusat pentadbiran British dan keperluan tenaga kerja bawahan diperlukan bagi menjalankan pentadbiran British. *The area Malay School at ten station and that Kuala Lumpur includes an English class. There are also Tamil and Chinese School at Kuala Lumpur.*

¹⁰⁰ *As Parent were afraid of allowing their daughters to go alone any distance though the streets or along the roads, the Inspector of School recommended in 1887 that there should be large number of small school at short distance from the house of the pupils.* Lihat Annual Report on Education for the year 1887, hlm. 3.

¹⁰¹ Fauziah Fadzil, *Fatimah, Gadis Desa Srikandi Bangsa*, Petaling Jaya, Penerbit: MPH Group Publishing Sdn Bhd, 2009, hlm. 55.

¹⁰² Lihat Resident-General Annual Report for the year 1904, hlm. 18 dalam Selangor Government Gazette for the year 1905, Vol.XVI, Jan to December dalam CO 469/15. *In the English School, the Malay are less represented; that is because the English School are town school and the Malay constitute the population of the country district.* Lihat juga Raja Rohana Raja Mamat, *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia: Daripada Perspektif Sosial dan Undang-Undang*, 1991, hlm. xi.

places where they will be readily accessible to a large number of children.¹⁰³

Atas faktor keselamatan, kebiasaannya pelajar perempuan Melayu akan ditemani oleh saudara lelaki atau berjalan secara berkumpulan semasa pergi dan balik daripada sekolah. Namun demikian, tidak ramai ibu bapa yang sanggup melakukannya, kerana mereka juga perlu menumpukan perhatian untuk kerja-kerja di sawah dan membuat kerja-kerja lain untuk mencari rezeki.

As a precaution, girls were at first not allowed to go to school on their own. They were escorted or chaperoned by old men each morning and afternoon to and from their school. The practice was eventually allowed to lapse with the improvement in the transport system in the country, and the increasing improvement in the economic position of the Malays generally. Nowadays girls are allowed to go to school either on foot, by bus or car or even by cycle – much to the annoyance and disgust of their elders.¹⁰⁴

Dalam Laporan Tahunan Pendidikan bagi Negeri Sembilan pada tahun 1905, W.H.Lee-Warner (*Acting Inspector of Schools*) melaporkan masalah kelemahan sistem perhubungan merupakan salah satu masalah yang menyebabkan sekolah-sekolah perempuan lambat dibuka di Negeri Sembilan.¹⁰⁵ Kebanyakan jalan-jalan raya yang dibina di NNMB hanya menghubungkan bandar-bandar utama pengeluar bijih timah dan juga pertanian. Maka tidak hairanlah jika perkembangan pendidikan wanita Melayu di Negeri Sembilan dan NNMB yang lain berkembang dengan agak perlahan.

With regard to the former, direct application was made for **two girls' school** in Kuala Pilah district, **but** the difficulty of finding suitable teacher, **the awkwardness of transport**...to postponement till the

¹⁰³ Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, London, Oxford University Press, 1964, hlm. 235.

¹⁰⁴ Barbara E. Ward, *Women in The New Asia, The Changing Social Roles of Men and Women In South And South East Asia*, Paris, United Nation Education Scientific and Cultural Organization (UNESCO), 1963, hlm. 291.

¹⁰⁵ Federated Malay States, State of Negeri Sembilan, Report on Education Department 1905, hlm.3 dalam *Negeri Sembilan Government Gazette for the year 1906, Vol. XI, Jan-December 1906* dalam CO 463/7.

1907 Estimated of the request for Government provision for girls school.¹⁰⁶

Sebagai contoh, jaringan jalan raya yang dibina oleh kerajaan British di NNMB pada tahun 1900 sehingga 1910 tertumpu di kawasan-kawasan perlombongan biji timah iaitu di daerah Kinta, Ipoh, Kerian dan Kuala Selama. Manakala di Selangor pula bertumpu di daerah Kuala Lumpur, Kemunting dan Damansara. Di Negeri Sembilan pula bertumpu di daerah Seri Menanti, Kuala Jelai dan Bahau.¹⁰⁷ Jika diteliti secara khusus, sekolah-sekolah perempuan Melayu pada tempoh tahun berkenaan juga banyak didirikan di daerah-daerah yang dinyatakan tadi. Oleh itu, agak sukar bagi pelajar perempuan yang berada di luar daripada daerah berkenaan untuk mendapatkan pendidikan kerana masalah kekurangan kemudahan jalan raya.

Selain daripada rangkaian jalan raya, sistem perhubungan menggunakan kemudahan jalan kereta api juga hanya menghubungkan bandar-bandar utama sahaja. Pada tahun 1896, jaringan jalan kereta api hanya menghubungkan bandar Taiping ke Pot Weld, Ipoh – Batu Gajah dan Telok Anson, Kuala Lumpur ke Pelabuhan Port Swettenham dan Seremban ke Port Dickson.¹⁰⁸ Manakala pada tahun 1910, jaringan jalan kereta api mula berkembang yang menghubungkan terus Prai, Taiping, Ipoh, Tapah Road Kuala Lumpur, Gemas, Keluang hingga ke Johor Baharu.¹⁰⁹ Pada Tahun 1931, jaringan jalan kereta api mula dibina ke Pantai Timur Semenanjung iaitu dari Singapura, Johor Baharu, Gemas, Mentakab, Kuala Lipis, Gua Musang, Tumpat dan ke selatan Thailand.¹¹⁰

¹⁰⁶ Federated Malay States, State of Negeri Sembilan, Report on Education Department 1905, hlm.3.

¹⁰⁷ Chronology of Road Construction, F.M.S, Excluding Town Road and Streets, 1900-1910, Appendix Q, dalam *Supplements to the F.M.S Government Gazette 17th July, 1931* dalam F.M.S Annual Report for 1930 dalam CO 574/59.

¹⁰⁸ Lihat Ooi Jin Bee, *Land, People and Economy in Malaya*, hlm. .356, Fig. 65. The evolution of the rail network

¹⁰⁹ Ibid.

¹¹⁰ Ibid.

Kekurangan kemudahan jalan raya dan jalan kereta api ini telah menyukarkan pelajar-pelajar perempuan terutamanya yang berada jauh daripada sekolah untuk ke sekolah. Keadaan ini juga telah menyukarkan Guru Pelawat, *Inspector of School* dan juga *Lady Supervisor* untuk memantau dan melawat sekolah-sekolah perempuan Melayu. Kontik Kamariah yang menjadi Guru Pelawat Sekolah Perempuan Melayu Selangor pada tahun 1932 menceritakan betapa daifnya jalan perhubungan yang menghubungkan satu sekolah dengan sekolah yang lain. Beliau menyatakan;

...dulu, masa kalau hendak pergi ke Sabak Bernam, kena pergi ikut Teluk Anson (Teluk Intan). Naik motokar pergi ke Teluk Anson dan dari situ ke Hutan Melintang. Tinggalkan motokar di Hutan Melintang dan sambung perjalanan naik bot ke Sabak Bernam. Masa dulu, jalan Sabak Bernam belum ada. Jadi, pergi ke sekolah-sekolah semuanya naik basikal. Tapi, kalau musim hujan basikal pun tak boleh pakai, kenalah berjalan kaki. Kalau nasib kurang baik, kasut pun tak boleh pakai kerana melekat pada tanah liat atau tanah lumpur.¹¹¹

Sehingga tahun 1941, kesemua jaringan jalan kereta api yang di bina di Tanah Melayu hanya menghubungkan bandar-bandar utama yang merupakan bandar perlombongan dan pertanian.¹¹² Kemudahan jalan raya dan jalan kereta api yang terhad dan hanya menghubungkan bandar-bandar utama sahaja telah menyukarkan anak-anak perempuan Melayu mendapatkan pendidikan kerana kebanyakan sekolah perempuan Melayu dan Inggeris didirikan di kawasan bandar. Maka tidak hairanlah sekiranya jumlah pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Perempuan Melayu dan Sekolah Perempuan Inggeris adalah amat sedikit berbanding dengan jumlah pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar perempuan bangsa-bangsa lain.¹¹³

¹¹¹ Lihat Amla Salleh dan Nila Inangda, *Perkembangan Kerjaya Wanita, Satu Analisis Biografi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012, hlm. 64.

¹¹² Ooi Jin Bee, *Land, People and Economy in Malaya*, hlm.355. *The first phase of rail construction occupied the ten years from 1885-1895 when four short lines laid along western Malaya, each line connecting a coastal port with an inland tin-field and taking over completely from the river as the carries of supplies and tin-ore. The next phase (1910)...at this period the rubber-planting fever was reaching its height, and large areas of land were cleared on both side of the railway line for the new crop.*

¹¹³ Sehingga tahun 1938, jumlah pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Perempuan Inggeris di NNMB hanyalah seramai 365 atau 6.34 peratus, pelajar perempuan Cina seramai 3048 atau 52.72 peratus dan pelajar perempuan India seramai 1750 atau 30.27 peratus. Lihat Annual Report on

Selain masalah sistem perhubungan, orang Melayu juga tidak menghantar perempuan mereka ke sekolah kerana kos pengangkutan seperti tambang kereta api, bot atau perahu dan kereta untuk ke sekolah adalah tinggi. Tambahan pula, kebanyakan orang adalah Melayu terdiri daripada petani dan nelayan yang mempunyai pendapatan yang rendah. Masalah kemiskinan ini telah menyebabkan mereka tidak berkemampuan untuk menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah yang berada di kawasan bandar. Barbara Andaya dan Lenoard Andaya menyatakan: *Throughout the period between the two world wars Malays styles separate the urban from barely one-fifth of urban dwellers. Sharp division of living styles separate the urban from the rural populations with the latter having very low incomes.*¹¹⁴ Kesemua halangan dan cabaran dari segi infrastruktur fizikal ini telah menyebabkan pendidikan wanita Melayu lambat berkembang dan jauh ketinggalan berbanding dengan pendidikan untuk pelajar-pelajar lelaki dan juga pelajar-pelajar perempuan bangsa-bangsa lain.

Kelemahan Pentadbiran Dan Pengurusan

Selain daripada masalah kekurangan dan kedaifan kemudahan infrastruktur fizikal, pendidikan wanita Melayu juga menghadapi halangan dan cabaran dari segi pengurusan dan pentadbiran. Beberapa isu yang berkaitan dengan kelemahan pengurusan dan pentadbiran wanita Melayu telah dikenal pasti. Antaranya ialah kelemahan dari segi penyeliaan, pengenalan peraturan kemasukan ke sekolah (Melayu dan Inggeris) yang terlalu ketat, ketiadaan undang-undang wajib ke sekolah bagi pelajar-pelajar perempuan Melayu (Compulsory Education), kelemahan sistem pemilihan calon guru dan kekurangan dan kelemahan sistem latihan perguruan. Halangan dan cabaran ini telah

Education in the Straits Settlements and Federated Malay States for the year 1938, hlm. 169, Appendix II dalam CO 576/63.

¹¹⁴ Lihat Barbara Watson Andaya dan Leonard Andaya, *A History of Malaya*, New York: St, Martin's Press, 1982, hlm. 218. Lihat juga Raja Rohana Raja Mamat, *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia: Daripada Perspektif Sosial dan Undang-Undang*, hlm. 5.

memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada pembangunan dan perkembangan pendidikan wanita Melayu khususnya di NNMB.

Secara umumnya, pentadbiran dan pengurusan pendidikan wanita di NNMB adalah diletakkan di bawah pengawasan *Superintendent Of Education*. *Superintendent Of Education* akan mengawasi tiga jenis sekolah perempuan iaitu Sekolah Convent (Inggeris), Sekolah Vernakular Melayu dan juga Sekolah Agama.¹¹⁵ Sekolah Vernakular Melayu pula diketuai oleh Penyelia (Supervisor) Sekolah Perempuan Melayu dengan dibantu oleh Ketua Sekolah (Head School) dan juga staf sekolah.¹¹⁶ Walau bagaimanapun, jawatan *Lady Supervisor Malay Girls' School* hanya diwujudkan pada tahun 1919. Sebelum tahun 1919, tugas penyeliaan bagi Sekolah Perempuan Melayu dilakukan oleh pegawai-pegawai lelaki. Perlantikan ini dilihat tidak bersesuaian dan telah memberi kesan negatif terhadap sistem pentadbiran dan pengurusan pendidikan wanita. Mereka juga dikatakan kurang memahami dan tidak memberi perhatian terhadap setiap masalah yang dihadapi di sekolah-sekolah perempuan.¹¹⁷

Pentadbiran dan pengurusan di peringkat sekolah pula diketuai oleh seorang Ketua Guru (*Head Teacher*) yang bertanggungjawab menguruskan pentadbiran sekolah. Ketua Guru berperanan untuk mengawasi dan menyelia semua Guru Pembantu, Guru Pelatih dan juga *Pupil Teacher*.¹¹⁸ Semua guru yang mengajar di sekolah juga dipantau oleh sekumpulan guru senior yang dikenali sebagai *Group Teacher*. *Group Teacher* ini akan memantau, menyelia dan memberi tunjuk ajar kepada guru-guru di sekolah terutamanya

¹¹⁵ Administration And Control dalam Chinese Vernacular Education In Malaya 1930 dalam CO 717/74/4 (No. Fail 72426).

¹¹⁶ Annual Report on the Education Department for the year 1935, hlm. 105 dalam CO 717/119/1.

¹¹⁷ Perlantikan Penyelia lelaki untuk mentadbir Sekolah Perempuan dianggap tidak tepat dan tidak bersesuaian. Masalah ini telah menimbulkan pelbagai implikasi negatif terhadap pengurusan pendidikan wanita. Penyelia lelaki dilihat tidak memahami masalah dan gagal untuk menangani permasalahan yang wujud di sekolah-sekolah perempuan. Untuk keterangan lanjut lihat Federated Malay States, Conference of Resident, 1917, hlm. 1-3 dalam Report by Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Jawa and the Philipine Island dalam SEL.SEC, 6027/1916, (R.G No. 4497/1916), 1312.1916.

¹¹⁸ *Pupil Teacher* ialah guru yang dilantik dalam kalangan pelajar-pelajar perempuan Melayu yang mempunyai kelulusan tertinggi Sekolah Melayu.

berkenaan kaedah mengajar dan juga sukatan pelajaran. Pemantauan di peringkat daerah pula dilakukan oleh Guru Pelawat atau *Visiting Teacher*. Seterusnya, pemantauan di peringkat negeri dilakukan oleh *Inspector of School* yang telah dilantik bagi setiap negeri dalam NNMB. Kebiasaannya lawatan dilakukan secara berkala bagi setiap sekolah-sekolah yang berada di bawah seliaannya.¹¹⁹ *Inspector of School* bagi setiap negeri pula perlu menghantar laporan tahunan kepada *Assistant Director of Education* dan *Director of Education* di NNMB.¹²⁰

Namun demikian, pemantauan dan penyeliaan tidak dapat dilakukan seperti mana yang telah dirancang kerana masalah kekurangan *Group Teacher* dan juga *Visiting Teacher*. *There is still a difficulty in recruiting qualified school mistress, but the Group Teacher for boys schools helped a lot in supervisor and the Lady Supervisor held classes in the district she visited.*¹²¹ Selain itu, masalah kekurangan dan kedaifan sistem perhubungan dan pengangkutan juga telah membataskan usaha-usaha lawatan dan pemantauan.¹²² Halangan dan cabaran ini merupakan antara masalah serius yang dihadapi oleh sekolah-sekolah perempuan Melayu khususnya di NNMB.¹²³ Di samping itu, sukar untuk mendapatkan pegawai-pegawai British untuk menjawat jawatan sebagai *Chief Inspector of School*, *Inspector of School*, *Lady Supervisor* dan juga *Visiting Teacher* kerana kebanyakan pegawai-pegawai British lebih berminat bekerja di jabatan-jabatan lain. Laporan Tahunan Pendidikan pada tahun 1919 menyebut bahawa: *Staff:*

¹¹⁹ Lihat Federated Malay States, Annual Report of the Education Department for the year 1935 dalam CO 717/119/1 Education Report 1935, Fail No.51668.

¹²⁰ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1919, hlm. 1 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, August 27th 1920* dalam CO 576/21. Pada tahun 1919, jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran pendidikan dilantik dalam kalangan bangsa Eropah. Antara Director of Education (Mr. H.W. Firmstone), Assistant Director of Education (Mr. R.O. Winstedt), Inspector of School Perak (Mr. H.I. Summer), Selangor (Mr. D.A. Bishop), Negeri Sembilan (Mr. M.B. Brookwell) dan Pahang (Mr. J. Watson)

¹²¹ Annual Report on Education in The Federated Malay States for the year 1927, hlm. 14 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette," June 22 1928* dalam CO 717/61/6.

¹²² Training Centre For Malay Women Teachers, 1933(No. Fail. 13167), Memorandum Female Education (Malay) General Survey, Laporan ditulis oleh F.J. Morten, Director Of Education, 13th August 1933, hlm.15-17 dalam CO 273/593/3.

¹²³ Lihat *Supplement to Selangor Government Gazette, Friday 23rd September 1898*, hlm. 15 dalam Annual Report Selangor for the year 1897.

*Great Difficulty was experienced by the Education Department as by other department in greeting officers from Europe.*¹²⁴

Menjelang tahun 1914, *Girls Department* (Jabatan Perempuan) telah ditubuhkan di Selangor untuk menyelia sekolah-sekolah Perempuan Melayu. *Girls Department* ini juga telah diwujudkan di beberapa buah sekolah lelaki yang mempunyai ramai pelajar perempuan. Penubuhan Jabatan berkenaan adalah untuk memudahkan dan melicinkan urusan penyeliaan sekolah-sekolah perempuan yang sebelumnya sangat kurang dilakukan. Rekod pentadbiran negeri Selangor pada tahun 1914 menyebut bahawa: *A new girls' school was opened at Klang and a girls' department was opened at Setapak. There are now six Malay girls' in the state.*¹²⁵ Walau bagaimanapun, tidak semua Sekolah Lelaki Melayu mempunyai Jabatan Perempuan. Keadaan ini telah menyebabkan urusan pemantauan dan penyeliaan terhadap pelajar perempuan di sekolah-sekolah berkenaan tidak dapat dilakukan dengan efektif.¹²⁶

Mereka juga terpaksa mengikuti kurikulum sekolah lelaki dan tidak berkesempatan untuk mempelajari mata pelajaran tambahan (*needlework*) seperti mana pelajar-pelajar perempuan di sekolah perempuan. Bagi Sekolah lelaki yang mempunyai jumlah pelajar yang ramai, seorang guru perempuan akan dihantar ke sekolah berkenaan untuk mengajar mata pelajaran jahitan (*Needlework*). Situasi ini terpaksa dilakukan walaupun pada dasarnya kerajaan British tidak mempunyai perancangan (polisi) untuk

¹²⁴ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1919, hlm. 14 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, August 27th 1920* dalam CO 576/21.

¹²⁵ Lihat Federated Malay States Selangor dalam Administration Report for the year 1914, hlm. 17 dalam CO 439/3 Annual Report Selangor 1906-1924.

¹²⁶ Annual Report on Education for the year 1897, hlm. 4 dalam *Supplement to Selangor Government Gazette, Friday 23rd September 1898*. Dalam laporan tahun 1897, terdapat Sekolah perempuan Melayu di Selangor yang langsung tidak dilawati pada tahun berkenaan. Sekolah berkenaan ialah Sekolah perempuan Melayu Kuala Selangor.

mewujudkan sekolah campuran.¹²⁷ Laporan Tahunan Pendidikan bagi NNMB pada tahun 1933 menyatakan:

Whenever the number of girls at a boys' school justifies it a women teacher is if possible to appointed to the staff to take needlework with the girls and to teach the other usual subjects to the mixed first year classes. Co-education, however, is not a policy of the department.¹²⁸

Seterusnya pada tahun 1916, R.O. Winstedt telah mencadangkan agar jawatan *Lady Supervisor Malay Girls' School* diwujudkan bagi memudahkan urusan pentadbiran dan pengurusan pendidikan wanita. Cadangan ini dikemukakan setelah beliau kembali dari lawatannya di Jawa dan juga Filipina.¹²⁹ Walau bagaimanapun, pada peringkat awal jawatan berkenaan dilantik daripada bangsa Eropah dan bukannya orang Melayu (perempuan). Pada tahun 1919, Mrs. A.R. MacIver telah dilantik sebagai *Lady Supervisor of Malay Girl' School* dari tahun 1919 sehingga 1924. Perlantikan ini dilakukan bagi membantu melicinkan perjalanan dan pentadbiran sekolah-sekolah perempuan Melayu.¹³⁰ Pada tahun 1919, *Girls Department* telah ditubuhkan pula di dua buah sekolah lelaki Melayu dan sebuah Sekolah Perempuan Melayu di Selangor.¹³¹ Penubuhan jabatan ini telah memudahkan proses pemantauan yang dibuat oleh *Lady*

¹²⁷ Bagi Sekolah Lelaki Melayu, mata pelajaran *needlework* hanya diwujudkan sekiranya jumlah pelajar perempuan di sekolah berkenaan mencukupi. Sekiranya jumlah berkenaan tidak mencukupi, maka guru-guru perempuan yang mengajar mata pelajaran berkenaan tidak dihantar ke sekolah berkenaan. Oleh itu, pelajar perempuan di sekolah berkenaan terpaksa mengikuti sukatan pelajaran seperti mana pelajar lelaki.

¹²⁸ Annual Report on Education in The Federated Malay States for the year 1932, hlm. 20 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette," 8 September 1933* dalam CO 576/46.

¹²⁹ Lihat Federated Malay States, Conference of Resident, 1917, hlm.2 dalam Report by Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Jawa and the Philippine Island dalam SEL.SEC, 6027/1916, (R.G No. 4497/1916), 1312.1916. (xiii) *that is desirable to obtain the services, on agreement for three years, of a Lady Supervisor when procurable.*

¹³⁰ Lihat *Perak Administration Report for the Year 1920. The visits of the newly appointed Lady Supervisor have much improved the standard of Malay Girls' schools.* Lihat Juga Federated Malay States, Annual Report On Education for the Year 1920, dalam *Supplements to the F.M.S. Government Gazette, 15th July, 1921*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1921, *The appointed of Lady Supervisor has stimulated the teacher in Malay Girls, School especially in the study of needlework.*

¹³¹ Walau bagaimanapun tidak dinyatakan sekolah lelaki berkenaan. Bagi sekolah perempuan, jabatan ini ditubuhkan di Sekolah Perempuan Melayu Batu di Kuala Lumpur. Lihat Annual Report 1919, Education Department Selangor, hlm. 12 dalam SEL.SEC 0978/1920.

Supervisor Malay Girl's School ke atas pelajar-pelajar perempuan sama ada di sekolah lelaki ataupun perempuan.¹³²

Walau bagaimanapun semasa A.R.MacIver memegang jawatan berkenaan, beliau dikatakan lebih banyak terlibat dalam memberi semangat dan galakkan kepada wanita Melayu untuk mendapatkan pelajaran daripada menjalankan urusan pentadbiran. Oleh sebab itu, selepas bersara pada 1924, beliau mula sedar bahawa pendidikan kepada kanak-kanak perempuan perlu dilakukan dengan lebih serius dan mata pelajaran tertentu perlu diperkenalkan bagi membolehkan mereka melakukan kerja rumah dan mengisi masa lapang dengan perkara yang bermanfaat.¹³³ Pada tahun 1924, jawatan *Assistant Supervisor* telah diwujudkan untuk menyelia sekolah-sekolah perempuan dan memastikan mata pelajaran anyaman yang diperkenalkan oleh R.O. Winstedt dapat berjalan dengan lancar.¹³⁴

Walau bagaimanapun, *Assistant Lady Supervisor* yang dilantik tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada tugas yang diberikan kerana terpaksa mengendalikan kursus untuk guru-guru perempuan.¹³⁵ *Assistant Lady Supervisor* diminta untuk mengendalikan *Normal Classes* dan memberi latihan kepada guru-guru perempuan Melayu yang tidak terlatih. Kursus yang dianjurkan di bawah pengawasan *Assistant Supervisor* pula memakan masa selama enam bulan sebelum guru-guru berkenaan memperoleh sijil (*Normal Certificate*).¹³⁶ Namun demikian, bebanan tugas yang diberikan telah menyebabkan *Assistant Lady Supervisor* tidak dapat memberi tumpuan kepada tugas penyeliaan dan pengawasan sekolah-sekolah perempuan.

¹³² Annual Report 1919, Education Department Selangor, hlm. 12.

¹³³ Training Centre For Malay Women Teachers, 1933(No. Fail. 13167) dalam CO 273/593/3. *A Lady Supervisor was appointed in 1919, not to inspect but to make herself familiar with the lives of Malay women and to interest them in advantages of education. This was admirably carried out by Miss McIver, who held office from 1919-1924.*

¹³⁴ Lihat Annual Report on Education for the year 1925, hlm. 15 dalam Annual Report F.M.S 1925 dalam CO 576/30.

¹³⁵ Ibid.

¹³⁶ Ibid.

Keadaan ini menyebabkan sekolah-sekolah perempuan tidak dapat diselia sebagaimana sekolah-sekolah lelaki dan sekolah-sekolah vernakular yang lain.

Although the duties of the Assistant Supervisor appointed for Selangor in 1924 have been limited to Kampung Baharu School during 1925, it is hoped that having gained her Normal certificate in 1926 arrangements may be made for her to visit the group of school under the charge. Failing these arrangements a six month' course of Normal Work may be offered in Kampung Baharu School for teachers in other school under the Assistant Supervisor. Selangor: most progress was made in Kampung Baharu School where the Assistant Supervisor made excellent use of her normal training (Normal Classes).¹³⁷

Perkembangan sekolah-sekolah perempuan Melayu terutama pada tahun 1920-an sehingga sebelum Perang Dunia Kedua telah menyebabkan tugas penyeliaan menjadi lebih sukar dan mencabar.¹³⁸ Keadaan ini adalah disebabkan oleh masalah kekurangan penyelia dan juga masalah kekurangan dan kedaifan sistem perhubungan.¹³⁹ Masalah ini juga telah menyebabkan sekolah-sekolah perempuan Melayu tidak dapat di selia dan dipantau dengan sempurna. Kerajaan British pada masa yang sama sebenarnya sedar bahawa kekurangan ini menyebabkan banyak sekolah-sekolah perempuan Melayu tidak dapat dipantau dan diperiksa. Sering kali masalah kekurangan calon yang berkecukupan dijadikan sebab oleh kerajaan British untuk tidak menambah bilangan jawatan penyelia dan penolong penyelia bagi sekolah perempuan Melayu.¹⁴⁰

Pada tahun 1915, jawatan guru yang berhenti, ditukar atau berkursus tidak segera digantikan dan telah menyebabkan banyak sekolah-sekolah Melayu sama ada lelaki dan perempuan kekurangan guru. Walaupun sedar mengenai masalah ini, kerajaan British dilihat tidak mengambil inisiatif untuk menggantikannya. Laporan Jabatan

¹³⁷ Annual Report on Education for the year 1925, hlm. 15.

¹³⁸ Pada tahun 1920 jumlah Sekolah Perempuan Melayu adalah sebanyak 54 buah telah meningkat kepada 82 buah pada tahun 1930. Sehingga tahun 1938 jumlah Sekolah Perempuan Melayu di NNMB adalah sebanyak 78 buah. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States 1921, hlm. 3 dalam CO 576/24, Annual Report on Education in the Federated Malay States 1931, hlm. 50-51 dalam CO 576/43. Lihat juga Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, Appendix XV, hlm. 204 dalam CO 576/63.

¹³⁹ Lihat Training Centre For Malay Women Teachers, 1933(No. Fail. 13167), Memorandum Female Education (Malay) General Survey, 13th August 1933, hlm. 15 dalam CO 273/593/3.

¹⁴⁰ Lihat Annual Report on Education Department for the year 1915, hlm. 1 dalam SEL'SEC 1224/1916, Inspector of School Selangor, 24.2 1916.

Pendidikan negeri Selangor pada tahun 1915 menyatakan: *One Malay Schoolmaster resigned, and one women asst: Teacher was dismissed. Various transfers and promotions were effected. The Malay Teaching staff was strengthened by the addition of 8 Trained Assistant Teachers.*¹⁴¹ Apa yang jelas ialah kerajaan British sebenarnya tidak sanggup mengeluarkan perbelanjaan untuk pengurusan dan pentadbiran bagi pendidikan wanita kerana kos yang tinggi terpaksa dikeluarkan untuk perbelanjaan perjalanan bagi tugas penyeliaan dan juga membayar gaji kepada penyelia yang baharu.¹⁴²

Since 1931 the number of Assistant Supervisor Lady Girls' School has been reduced from 8 to 4 by retrenchment of retirement. Teachers' classes have been discontinued in most districts for transport of teachers was an expensive item in large states.¹⁴³

Kekurangan *Lady Supervisor* dan *Assistant Lady Supervisor* di NNMB khususnya pada awal tahun 1930-an telah menyebabkan tugas pemantauan menjadi bertambah sukar. Pada tahun 1932, *Lady Supervisor* terpaksa memantau dan mengawasi pelajar perempuan seramai 8,364 orang di Sekolah Perempuan Melayu dan *Inspector of School* pula terpaksa memantau seramai 7,372 orang pelajar perempuan di sekolah lelaki.¹⁴⁴ Masalah kedaifan sistem perhubungan juga telah menyebabkan tugas mereka menjadi sukar kerana tempoh masa yang agak lama diperlukan untuk bergerak dari satu sekolah ke sekolah yang lain. F.J. Morten mengutarakan masalah ini dengan menyatakan: *A lady Supervisor could be better employed in such a centre teaching daily*

¹⁴¹ Lihat Annual Report on Education Department for the year 1915, hlm. 1.

¹⁴² Lihat Training Centre For Malay Women Teachers 1934 (No. Fail. 33142) 18th September 1934 dalam CO 273/601/23. Mr Gent melaporkan bahawa *The committee will of course, appreciate the financial difficulty. They may perhaps suggest the desirability of calling for a future report on the S.S improves.,*

¹⁴³ Lihat Training Centre For Malay Women Teachers, 1933(No. Fail. 13167), Memorandum Female Education (Malay) General Survey, Laporan ditulis oleh F.J Morten, Director Of Education, 13th August 1933, hlm. 15 dalam CO 273/593/3.

¹⁴⁴ Ibid., hlm. 16-17. *Lady Supervisor of Malay Girls' School controlled (in 1932), 8,364 pupils in girls' school. The Inspector of School was directly responsible for 7,372 girls attending the boy school.*

*than expending energy and time in travelling from school to school giving advice or instruction without enough visits to establish the work.*¹⁴⁵

Sehingga tahun 1932, tugas penyeliaan dan pemantauan tidak dapat dilakukan dengan sempurna oleh *Lady Supervisor Malay Girls School*. Disebabkan masalah berkenaan, kerajaan British telah menamatkan jawatan *Lady Supervisor Malay Girls School* pada tahun 1932 dan tugas menyelia sekolah-sekolah perempuan diserahkan kepada tiga orang *Assistant Lady Supervisor* yang terdiri daripada wanita Melayu. *Assistant Lady Supervisor* turut dibantu oleh kumpulan Guru Pelawat perempuan di sekolah-sekolah lelaki.¹⁴⁶

Since the obligation of the post of Lady Supervisor of Malay Girls Schools in 1932, the work of supervising Malay Girls Schools has been carried on by the three local Assistant of Malay Girls Schools (women) with the help of the group of visiting teacher of the boy's schools.¹⁴⁷

Pada tahun 1932, Kontik Kamariah¹⁴⁸ dilantik sebagai Pemerhati di Sekolah Perempuan Melayu Kampung Baharu, Kuala Lumpur. Selepas enam bulan berkhidmat beliau dilantik pula menjadi Penyelia bagi sekolah-sekolah Melayu Negeri Selangor dan merupakan wanita Melayu pertama di Tanah Melayu yang dilantik memegang jawatan tersebut. Tugas berat ini memerlukan beliau melawat sekolah-sekolah di seluruh

¹⁴⁵ Training Centre For Malay Women Teachers, 1933(No. Fail. 13167), Memorandum Female Education (Malay) General Survey, Laporan ditulis oleh F.J. Morten, Director Of Education, 13th August 1933, hlm. 17.

¹⁴⁶Lihat Federated Malay States, Annual Report on the Education Department for the year 1935, hlm. 67 dalam Education Report 1935 dalam CO 717/119/1, Fail No. 51668. Lihat juga Annual Report on Education Department for the year 1935, hlm. 67 dalam CO 576/53.

¹⁴⁷ Ibid.

¹⁴⁸ Kontik Kamariah binti Ahmad di lahirkan pada tahun 1911 di Kg Seputih Kuala Lumpur. Beliau merupakan anak Ahmad Panglima Garang Ishak iaitu bekas penghulu Kuala Lumpur. Bersekolah di sekolah Melayu seputih dari tahun 1919 hingga 1923 sehingga darjah 5, kemudian sekolah menengah Methodist Girls School Kuala Lumpur sehingga 1928 dan lulus senior Cambridge. Merupakan wanita pertama lulus peperiksaan ini. Beliau lulus Senior Cambridge pada tahun 1929, suatu kejayaan yang menjadi buah mulut dan kebanggaan orang Melayu pada era tersebut kerana beliau adalah satu-satunya perempuan Melayu yang lulus sehingga darjah sembilan. Pada tahun 1929 hingga 1931, Kontik mengikuti kursus perguruan English Normal Teacher Training Centre di Victoria Institution, Kuala Lumpur. Lihat Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, lihat bab I, hlm. 1-10.

Selangor.¹⁴⁹ Sehingga tahun 1935, masih sukar untuk mendapatkan calon wanita Melayu untuk dilantik menjadi *Lady Supervisor* untuk menyelia sekolah perempuan Melayu di NNMB yang lain. Keadaan ini telah menyebabkan tugas menyelia sekolah perempuan Melayu banyak dilakukan oleh Penyelia Lelaki. Penyelia lelaki yang menjalankan tugas berkenaan dikatakan tidak sesuai untuk menyelia sekolah-sekolah perempuan Melayu. Menurut laporan *Inspection of Malay Girls' School* dalam Annual Education Report 1935, menyatakan bahawa:

Sir Richard Winstedt agreed that the present position was obscure and unsatisfactory. He doubted whether the appointment of one Women Supervisor would be a solution to the problem, as it would be difficult to find a women physically strong enough to bear the strain of the large amount of travelling involved.¹⁵⁰

Oleh sebab yang demikian Dr Esdaile iaitu salah seorang ahli jawatankuasa pelajaran pada tahun 1935 mencadangkan agar penyelia sekolah perempuan Melayu mestilah dalam kalangan wanita Melayu kerana mereka lebih memahaminya keperluan sekolah perempuan Melayu. Sering kali laporan yang dibuat menyatakan sekolah perempuan dalam keadaan tidak memuaskan tetapi kurang diberi cadangan untuk penambahbaikan.¹⁵¹

I should like to propose that the Education Committee should repeat that recommendation that a women supervisor be appointed so that every girls; school may be inspected by a women, whether they take

¹⁴⁹ Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus, "Tokoh: Y Bhg. Tan Sri Datin Paduka Kontek Kamariah". Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Sejarah Tokoh Wanita Selangor. anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia dengan kerjasama Panitia Sejarah Sekolah Daerah Petaling. 18 Februari 2006, Auditorium Muzium Sultan Alam Shah. Shah Alam. Lihat juga Amla Salleh dan Nila Inangda, *Perkembangan Kerjaya Wanita, Satu Analisis Biografi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012, hlm. 64. Dalam biografi Kontik Kamariah, beliau menceritakan tugasnya yang sibuk menyelia sekolah perempuan di Selangor. Beliau terpaksa melawat 104 buah sekolah di seluruh Selangor, tiap-tiap sekolah mesti dilawati sekali sebulan.

¹⁵⁰ Education Report for Malay States, *Inspection of Malay Girls' School* (F.M.S and S.S, Annual Education Report 1935, hlm. 16 dalam CO 717/119/1

¹⁵¹ Lihat Annual Report on Education for the year 1925, hlm. 15 dalam CO 576/30 Annual Report F.M.S 1925. *Lady Supervisor Report as follow: Perak: The work was satisfactory throughout with good attendance. Three new schools were opened for girls but the addition failed to accommodate for teachers in the other schools under the Assistant Supervisor.*

Domestic Science or not, and in addition to the Inspections of the male inspectors.¹⁵²

Kesan langsung daripada kekurangan pemantauan dan penyeliaan ini telah menyebabkan gred Sekolah Perempuan Melayu berada di tahap yang rendah berbanding gred Sekolah Lelaki. Penentuan gred ini adalah amat penting kerana ia dijadikan satu kriteria dalam pemberian geran kerajaan kepada sesebuah sekolah. Sistem penilaian bagi menentukan gred bagi sesebuah sekolah telah diwujudkan semenjak tahun 1875.¹⁵³ Pada tahun 1875, satu rekomendasi daripada Jawatankuasa McNair telah dilaksanakan bagi menetapkan gred-gred yang akan diberikan kepada setiap sekolah setelah dibuat pemantauan dan penilaian. Secara asasnya, terdapat beberapa kriteria bagi menentukan gred bagi sesebuah sekolah. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan prestasi akademik pelajar, jumlah kedatangan dan juga jumlah pelajar berdaftar. Pembahagian geran adalah berdasarkan kriteria berikut;

1. Geran berdasarkan prestasi akademik semua murid bagi setiap sekolah. bagi setiap calon murid yang mengambil Peperiksaan Besar dalam Standard V dan VI, geran setahun bagi sekolah ialah \$16, \$14 atau \$12 bagi seorang bergantung pada kecemerlangan dalam peperiksaan. Untuk murid-murid yang dalam darjah I-IV, geran ialah \$8, \$7 atau \$6 bagi setiap seorang murid.
2. Geran berdasarkan kehadiran di sekolah. setiap sekolah mestilah dibuka selama 200 hari setahun dan mesti dibuka untuk peperiksaan dari Nazir di Sekolah pada bila-bila masa. Untuk kehadiran di sekolah geran nya ialah \$2, \$1.50 dan \$1 bagi setiap murid.
3. Bilangan murid-murid tidak boleh melebihi 50 orang bagi setiap guru.

¹⁵² Education Report for Malay States, Inspection of Malay Girls' School (F.M.S and S.S, Annual Education Report 1935, hlm. 16 dalam CO 717/119/1.

¹⁵³ Federated Malay States, Code For Grant-in-Aid School and Department Instruction to Inspecting Officer. Lihat juga Kamsiah Abdullah, *Benih Budiman, Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu di Singapura*, Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007, hlm. 126-127.

4. Akaun sekolah mestilah dibuat dengan rapi.¹⁵⁴

Walaupun bagaimanapun, menurut *Regulation For Malay Vernacular Education 1936* terdapat tujuh kriteria yang akan diperiksa untuk menentukan gred sesebuah sekolah vernakular Melayu. Kriteria yang digunakan dalam panduan ini adalah kriteria yang digunakan untuk menilai semua sekolah di Tanah Melayu. Walaupun bagaimanapun, kriteria ini hanyalah sekadar panduan kepada pemantau atau penyelia kerana mereka juga boleh menggunakan kuasa budi bicara dalam menentukan gred sesebuah sekolah. Namun, kebiasaannya kriteria yang paling menjadi tumpuan bagi Sekolah Perempuan Melayu ialah kebolehan pelajar-pelajar perempuan untuk menguasai kemahiran kerja tangan seperti jahitan, masakan, anyaman dan sebagainya.¹⁵⁵ Menurut *Regulation For Malay Vernacular Education 1936*, kriteria yang akan dinilai ialah;

1. Kedatangan pelajar
2. Penjagaan bangunan sekolah, perabot, buku dan sebagainya
3. Kebersihan pelajar dan kelengkapan sekolah
4. Disiplin pelajar dan kakitangan
5. Latihan pelajar
6. Berkebun
7. Bakul dan kerja tangan.¹⁵⁶

Setiap sekolah kebiasaan akan dilawati dan diperiksa satu atau dua kali setahun.

Dalam lawatan berkenaan, pegawai yang melawat sekolah akan memberikan gred atau

¹⁵⁴ Lihat Federated Malay States, Code For Grant-in-Aid School and Department Instruction to Inspecting Officer. Lihat juga Kamsiah Abdullah, *Benih Budiman, Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu di Singapura*, Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007, hlm. 126-127.

¹⁵⁵ Lihat Federated Malay States, Report on Education 1900, hlm. 2 dalam *Supplements to the "Selangor Government Gazette, June 28th 1901* dalam CO 469/11. *Malay School Girls: However the result of the examination was most encouraging, as in seven of the eight school examined, 100 percent of passes were obtained. It should be remembered that almost all the girls were presented in the first two standards. Special attention been paid to wearing, needlework, mat and basket making.*

¹⁵⁶ Lihat Education Code, Part V, Regulation For Malay Vernacular Education in The Straits Settlements And Federated Malay States (Second and Revised Edition), Singapore: Published by Authority, Printed At The Government Printing Office, hlm.2.dalam C.S.O. 6918/35: F.S. 3376/35; D. of E. 609/35, 1936.

markah kepada sekolah berdasarkan prestasi keseluruhan dan sekali gus menentukan pangkat dan kedudukan sekolah berkenaan.¹⁵⁷ Gred yang diberikan bermula dengan ‘Terlalu Baik’, ‘Terbaik’, ‘Baik’, ‘Hampir Baik’ dan ‘Sedang’.¹⁵⁸ Instrumen penilaian juga unik kerana sentiasa berubah dari tahun ke tahun, kadang-kadang ditambah atau dikurangkan mengikut kehendak *Inspector of School*.¹⁵⁹ Apa yang menghairankan ialah aspek akademik bukan merupakan aspek penting dalam menentukan gred sekolah malahan aspek ini berada dalam kedudukan terke bawah di dalam “Buku Rampaian dan Peperiksaan.” Walau bagaimanapun, penentuan gred ini adalah sangat penting kerana ia melibatkan bantuan dan peruntukan kerajaan.¹⁶⁰ Penilaian bagi penentuan gred bagi setiap sekolah adalah dilakukan sendiri oleh *Inspector of School* dan dibantu oleh *Visiting Teacher, Supervisor* dan *Assistant Supervisor*.¹⁶¹

Malangnya, pemantauan ke atas sekolah-sekolah perempuan Melayu adalah sangat kurang dilakukan sehinggakan terdapat sekolah yang tidak pernah di lawati sama ada oleh *Inspector of School* atau *Visiting Teacher*. Situasi ini menyebabkan penentuan gred ke atas sekolah berkenaan tidak dapat ditentukan dan menyebabkan peruntukan tidak dapat disediakan oleh kerajaan British. Jadual 3.2 menunjukkan jumlah lawatan yang dilakukan oleh *Inspector of School* atau *Visiting Teacher* di negeri Selangor pada tahun 1898.

¹⁵⁷ Federated Malay States, *Selangor Administration Report for the year 1915* dalam CO 439/3. Penentuan gred bagi sekolah-sekolah Melayu dibuat berdasarkan garis panduan yang telah disediakan. Kebiasaannya gred sekolah akan ditentukan sekali dalam setahun dan pemeriksaan akan dibuat oleh *Inspector of School, Visiting Teacher, Lady Supervisor* dan pada tahun 1935 diperiksa oleh Pengetua (Principal) Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka. *Once a year every school shall be graded, partly on the result of the Annual Examination of each standard and partly on its general work.*

¹⁵⁸ Norazit Selat, *Pahang dahulu dan sekarang*, Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Muzium Malaysia, 1996, hlm. 113.

¹⁵⁹ Ibid.

¹⁶⁰ Lihat Report on Education In The Federated Malay States For The Year 1902, hlm. 10-12 dalam *Supplement to the “Selangor Government Gazette” July 24, 1903*. Dalam laporan berkenaan dinyatakan bahawa, *The three English girls’ school supported by Missionary enterprise, have provided education for 169 girls at a cost of \$1,958 to the Government*. Selain itu, sekolah berkenaan juga dilaporkan sebagai cemerlang. *The schools have maintained their high standard of excellence.*

¹⁶¹ Norazit Selat, *Pahang dahulu dan sekarang*, hlm. 113.

Jadual 4.2: Statistik Pelajar Dan Jumlah Dilawati Sekolah Perempuan Melayu Di Selangor Pada Tahun 1898

No	Sekolah/ Perkara	Jumlah Pelajar dalam pendaftaran	Purata kedatangan	Peratus kedatangan	Kekerapan lawatan <i>Inspectors of school</i>	Kekerapan lawatan <i>Visiting Teacher</i>
1	Sekolah Perempuan Melayu Bandar	38	30	79	1	1
2	Sekolah Perempuan Melayu Kajang	12	8	67	-	1
3	Sekolah Perempuan Melayu K. Selangor	9	8	89	-	-

Sumber: Annual Report Selangor for the year 1897, hlm. 4 dalam *Supplement to Selangor Government Gazette, Friday 23rd September 1898*.

Daripada analisis kekerapan pemantauan dalam jadual 4.2, jelas menunjukkan bahawa penyeliaan bagi sekolah perempuan Melayu di Selangor hanya dilakukan sekali atau dua kali sahaja dalam setahun. Namun demikian, terdapat juga sekolah yang langsung tidak dilawati sama ada oleh *Inspector of School* atau *Visiting Teacher*.¹⁶² Selain itu, jumlah peruntukan yang disediakan kepada sekolah di NNMB juga adalah berdasarkan jumlah kehadiran pelajar. Maklumat ini kebiasaannya diperolehi semasa sesebuah sekolah dilawati oleh *Inspector of School* atau *Visiting Teachers*. Sebagai contoh dalam peruntukan belanjawan pendidikan bagi negeri Selangor, kerajaan British

¹⁶² Annual Report on Education for the year 1897, hlm. 4 dalam *Supplement to Selangor Government Gazette, Friday 23rd September 1898*.

memperuntukkan sejumlah wang untuk diberikan kepada sekolah-sekolah vernakular yang mencatatkan rekod kehadiran pelajar yang memuaskan.¹⁶³

Jadual 4.3: Jumlah Peruntukan Kewangan untuk Sekolah Di Selangor Berdasarkan Kedatangan Pelajar (1900-1904)

Tahun	1900	1901	1902	1903	1904
Peruntukan	\$ 600	\$ 800	\$ 800	\$ 800	\$ 900

Sumber: Grant For Attendance at Vernacular School dalam *Selangor Administration Report For The Year 1899-1904*, Selangor Estimates 1900, hlm. 142, 1901, hlm.173, 1902, hlm. 195, 1903, hlm.27, 1904, hlm. 37, Grant for attendance at vernacular school dalam CO 439/2.

Jadual 4.3 di atas menunjukkan jumlah peruntukan berdasarkan prestasi kehadiran yang diberikan kepada sekolah-sekolah vernakular di negeri Selangor sepanjang tahun 1900 sehingga 1904. Statistik di atas juga menunjukkan bahawa terdapat peruntukan yang khusus untuk sekolah-sekolah yang mencapai peratusan kedatangan yang baik. Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan secara khusus jumlah peruntukan yang diberikan berdasarkan jenis sekolah vernakular. Selain daripada faktor kedatangan, faktor lain yang dikira dalam menentukan peruntukan kepada Sekolah Perempuan Melayu ialah faktor prestasi mata pelajaran kerja tangan (Hand Work). Bagi Sekolah Perempuan Melayu, mata pelajaran anyaman merupakan salah satu mata pelajaran penting dalam kurikulum sekolah dan juga menjadi salah satu elemen penting dalam penilaian dan penentuan gred sekolah.

Kepentingan mata pelajaran ini dapat dilihat apabila diwujudkan jawatan Guru Pelawat Anyaman atau *Bakul Instructor*. Selain anyaman terdapat juga mata pelajaran lain yang turut dinilai iaitu aktiviti jahitan, menenun kain, tekat menekat muka bantal,

¹⁶³ Lihat *Education Code For The Straits Settlements* (Approved by The Governor in Council on the 16th March 1908), hlm. 1. *The school must have met not less than 200 days in the course of the school year, and each meeting must have been for not less than three hours.*

kusyen, membuat kipas menggunakan baldi dan benang emas dan sebagainya. Bagi sesetengah sekolah yang bernasib baik, mereka akan dibekalkan dengan dua buah alat tenunan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran.¹⁶⁴

Jadual 4.4: Perbandingan Gred Sekolah Melayu Mengikut Jantina Di NNMB Pada Tahun 1920

	Perak		Selangor		Negeri Sembilan		Pahang	
	L	P	L	P	L	P	L	P
Cemerlang	8	1	18	2	5	-	2	-
Baik	118	25	22	2	36	1	18	2
Agak Baik	36	14	17	2	19	2	26	-
Tidak Memuaskan	7	2	2	-	7	1	2	-
Jumlah	169	42	59	6	67	4	48	2

Sumber: *Federated Malay States Annual Report for 1920*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1921, Appendix. XV

Berdasarkan jadual 4.4, jumlah Sekolah Perempuan Melayu di NNMB yang diberi gred yang tinggi adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan sekolah lelaki Melayu. Hasil daripada pemantauan dan penyeliaan pada tahun 1920, didapati bahawa sekolah perempuan Melayu yang digredkan sebagai cemerlang hanyalah tiga buah sahaja, manakala Sekolah Lelaki adalah 23 buah. Maklumat ini memberi gambaran bahawa gred yang rendah yang diperolehi oleh sekolah perempuan Melayu adalah disebabkan oleh kurangnya pemantauan dan penyeliaan oleh pihak kerajaan. Keadaan ini berterusan sehingga akhir tahun 1920-an. Pada tahun 1926 misalnya, jumlah Sekolah

¹⁶⁴ Lihat Norazit Selat, *Pahang dahulu dan sekarang*, Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Muzium Malaysia, 1996, hlm. 114.

Perempuan Melayu di NNMB yang mendapat gred cemerlang hanyalah 11 buah sekolah, berbanding 24 buah, bagi Sekolah lelaki.¹⁶⁵

Jadual 4.5: Perbandingan Gred Sekolah Lelaki dan Perempuan Melayu Di Selangor Pada Tahun 1932

Gred	Sekolah Lelaki	Sekolah Perempuan	Jumlah
Cemerlang	5		5
Baik	20	5	25
Sederhana Baik	35	4	39
Agak Baik	7	1	8
Tidak Memuaskan	1		1
Jumlah	68	10	78

Sumber: Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1932, by T.S. Adam (Acting British Resident Selangor), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1933, hlm.36-37 dalam CO 439/4.

Masalah kekurangan pemantauan dan penyeliaan ini berterusan sehingga kepada tahun-tahun 1930-an. Pada tahun 1932, daripada 10 buah sekolah perempuan di Selangor tiada satu pun sekolah berkenaan digredkan sebagai cemerlang. Secara purata, gred Sekolah Perempuan Melayu di NNMB pada tahun 1930-an adalah pada tahap sederhana. Bagi sekolah-sekolah yang baharu dibuka, proses pemantauan dan penyeliaan ini adalah sangat penting kerana ia akan membantu meningkatkan prestasi sekolah serta berpeluang untuk memperoleh bantuan daripada kerajaan. Selain itu, proses pemantauan dan penyeliaan ini juga membantu pihak kerajaan untuk memahami masalah sebenar yang dihadapi oleh sekolah. Maklumat-maklumat ini akan membantu

¹⁶⁵ Education Policy in Malaya, Appendix XVII dalam CO 717/53/14.

memudahkan pihak kerajaan British untuk menyediakan peruntukan yang bersesuaian serta memperbaiki dan memulihkan sekolah berkenaan.¹⁶⁶

Selain masalah kelemahan sistem penyeliaan dan pemantauan, pendidikan wanita Melayu juga menghadapi masalah dari segi pengenalan peraturan, penguatkuasaan undang-undang dan kaedah pemilihan dan pengambilan guru. Halangan dan cabaran ini juga telah membantutkan perkembangan pendidikan wanita Melayu. Seperti dibincangkan dalam bab dua, pelbagai peraturan dan syarat yang ketat dikenakan kepada pelajar-pelajar perempuan Melayu untuk memasuki sekolah Melayu, Sekolah Inggeris dan juga Maktab Perguruan. Pengenalan peraturan-peraturan berkenaan telah membataskan peluang pelajar-pelajar perempuan Melayu untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik. Apa yang menghairankan ialah, dalam masa yang sama kerajaan British tidak pula menguatkuasakan undang-undang wajib ke sekolah (*Compulsory Education*) kepada pelajar-pelajar perempuan Melayu.

Kerajaan British dari tahun 1896 sehingga tahun 1941 tidak mempunyai satu peraturan khusus bagi mewajibkan kanak-kanak perempuan Melayu untuk ke sekolah. Kenyataan ini dibuktikan apabila peraturan wajib ke sekolah hanya disyaratkan kepada kanak-kanak lelaki Melayu sahaja dan tidak kepada anak-anak perempuan.

To overcome the reluctance of Malay parents to send their children to school, the Selangor State Government passed a law in June 1891, making it compulsory for Malay boys, aged between seven and fourteen to attend school, if there was one within a radius of two miles of children's home. Parents and guardians responsible for their children's schooling were liable to a penalty of five dollars or simple imprisonment not exceeding fourteen days in default of payment.¹⁶⁷

¹⁶⁶ Pada tahun 1936, hasil daripada pemantauan dibuat, kerajaan British telah menyediakan peruntukan sebanyak \$10,961.60 bagi tujuan pembinaan bangunan separuh kekal bagi Sekolah Perempuan Melayu Klang, Selangor. Sekolah ini boleh memuatkan 140 orang pelajar perempuan Melayu. Selain itu, sebanyak \$1,250.00 diperuntukkan untuk membina bangunan tambahan sementara bagi Sekolah Melayu di Bukit Kapar. Lihat Selangor- Comparative Statements of Estimated and Actual Expenditure, 1936, hlm. 210 dalam Federated Malay States, Financial Statements for the year 1936 dalam CO 576/72.

¹⁶⁷ Lihat Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, London: Oxford University Press, 1964, hlm. 229.

Pada tahun 1883, negeri Selangor telah mempelopori usaha untuk mendorong ibu bapa Melayu menghantar anak lelaki ke sekolah.¹⁶⁸ Kemudiannya pada tahun 1891, kerajaan negeri Selangor sekali lagi telah mewajibkan anak-anak lelaki untuk di hantar ke sekolah. Namun demikian, sehingga tahun 1902 belum ada undang-undang bertulis dikeluarkan oleh kerajaan British yang mensyaratkan peraturan berkenaan. Pada tahun 1902, Majlis Negeri meluluskan undang-undang dengan mensyaratkan supaya kanak-kanak antara umur 7 hingga 14 tahun perlu mendapatkan pendidikan di sekolah-sekolah yang penggunaan bahasa pengantar ibundanya sendiri (Sekolah vernakular). Syarat-syarat yang dikenakan ialah, kedatangan tetap tidak kurang daripada 50 peratus daripada hari persekolahan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Penjaga yang gagal atau tidak mengikut peraturan yang disediakan akan didenda tidak lebih daripada RM 5.00 atau 14 hari penjara.¹⁶⁹

From and after the date of the coming into operation of this Ordinance in any Settlement or part thereof the parent or person having the actual custody of any male child between such ages not less than 7 or higher than 14 as shall be fixed from time to time... lawfully responsible for the regular attendance of such male child at a school.¹⁷⁰

Walaupun undang-undang ini telah dimuktamadkan, namun dari segi pelaksanaan ia agak sukar dilaksanakan kerana bilangan sekolah Melayu yang masih kecil dan hanya terdapat di kawasan-kawasan bandar utama sahaja. Oleh yang demikian, undang-undang ini memberi pengecualian kepada ibu bapa sekiranya mereka

¹⁶⁸ Lihat Ordinances Enacted by The Governor of The Straits Settlements with the advice and consent of Legislative Council thereof during the year 1901, Singapore: Printed at the Government Printing Office, 1902, hlm. 1-10.

¹⁶⁹ Ordinances Enacted by The Governor of The Straits Settlements with the advice and consent of Legislative Council thereof during the year 1901, hlm. 1-10. *The Ordinance may be cited as "The School Attendance Ordinance 1902" and shall come into operation in the several Settlement or in any part or parts thereof specified by order of the Governor in council at such date as shall be fixed by the Governor in Council by notification in the Gazette.* Lihat juga Hasnah Muhammad Ali, Nurzan Mohd. Wahid dan Rasila Ramli, *Warisan Puteri Melayu Dari MGC ke TKC (1947-1997)*, Kuala Lumpur: Penerbit Old Girl's Association (MGC/TKC), 2000, hlm. 3.

¹⁷⁰ Ibid.

mempunyai alasan-alasan yang munasabah. Pengecualian berkenaan adalah seperti berikut;

- a. Tiada sekolah kerajaan dalam lingkungan 2 batu dari rumah
- b. Kanak-kanak belajar di sekolah Inggeris
- c. Kanak-kanak dalam lingkungan umur itu sudah lulus darjah yang tertinggi atau
- d. Kanak-kanak yang berpenyakit.¹⁷¹

Kesan daripada penguatkuasaan undang-undang berkenaan, kedatangan pelajar-pelajar Melayu ke sekolah telah mula meningkat dengan baik. Walau bagaimanapun undang-undang ini hanya ditetapkan kepada kanak-kanak lelaki sahaja seperti mana kenyataan berikut. *No charge is made at the Vernacular Schools, but attendance is compulsory for any boy living within two miles.*¹⁷² Negeri Sembilan dalam laporannya dalam pada tahun 1902 juga memberikan penjelasan yang sama berkenaan peraturan kedatangan pelajar ke sekolah.

Education is carried on upon the same lines as in the other Education States. There are twenty-five vernacular schools, attendance at which is compulsory for boys residing within a certain radius from the school house.¹⁷³

Di Selangor, satu enakmen mewajibkan kehadiran murid-murid ke sekolah vernakular Melayu telah diisytiharkan pada tahun 1923.¹⁷⁴ Peraturan ini disiarkan di dalam buku yang dikenali sebagai *statue books*. Walau bagaimanapun, undang-undang berkenaan juga hanya menekankan kehadiran wajib bagi kanak-kanak lelaki sahaja.

¹⁷¹ Rex Stevenson, *Cultivators & Administrators: British Education Policy Towards the Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, Appendices A,B,C,D & E.

¹⁷² Handbook of The Federated Malay States Compiled by H.Conway Balfield, British Resident of Selangor, London: Edward Stanford, 12 – 14 Long Acre, W.O, 1902, hlm. 112.

¹⁷³ Ibid., hlm. 91.

¹⁷⁴ Provision for Compulsory Education in the Colonies, 1930 dalam H.C.O.1295/1930.

Bagi kerajaan British pengenalan undang-undang ini akan memberi tekanan kepada orang Melayu untuk menghantar anak lelaki mereka ke sekolah.

Sering kali terdapat rungutan bahawa ibu bapa orang Melayu menentang usaha menghantar anak-anak lelaki ke sekolah. di kampung-kampung, sekiranya undang-undang ini tidak dikuatkuasakan, mustahil akan cukup bilangan murid-murid bagi menubuhkan sebuah sekolah yang menguntungkan. Ini membuktikan kepada kita bahawa perkembangan sekolah vernakular Melayu disebabkan oleh adanya undang-undang tersebut.¹⁷⁵

Ketiadaan undang-undang wajib ke sekolah bagi kanak-kanak perempuan Melayu telah menyebabkan kehadiran pelajar-pelajar perempuan ke sekolah telah merosot.¹⁷⁶ Keadaan ini telah memberi ruang untuk kerajaan British menutup sekolah berkenaan dengan alasan masalah kedatangan dan kekurangan pelajar. Di Selangor misalnya, beberapa buah Sekolah Perempuan Melayu terpaksa ditutup atau dipindahkan ke tempat lain kerana kekurangan pelajar.¹⁷⁷ Kerajaan British juga sering menggunakan alasan sikap prejudis orang Melayu yang enggan menghantar anak perempuan mereka ke sekolah.¹⁷⁸ Sedangkan pada masa yang sama mereka juga sebenarnya bersikap prejudis terhadap pendidikan wanita Melayu. Walaupun demikian, atas keinginan dan kesedaran ibu bapa, anak-anak perempuan mula dihantar ke sekolah sama ada ke sekolah lelaki, sekolah perempuan dan sekolah campuran terutama pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an.

There are no Ordinance compelling girls to attend school as in the case for boys. Where there are no school for girls they attend the school for boys in the district till they attain the age of 12. The education of girls

¹⁷⁵ Abu Zahari Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, 1980, hlm. 15.

¹⁷⁶ Masalah ini banyak berlaku di negeri Selangor dan telah menyebabkan beberapa buah Sekolah Perempuan Melayu terpaksa ditutup. Lihat Annual Report by the Acting British Resident of Selangor for the year 1897, hlm. 19 dalam Annual Report of the State of Selangor 1896-1905 dalam CO 439/2. *The result show by the Kuala Lumpur Girls School opened in August 1896, are not Satisfactory.*

¹⁷⁷ *Selangor Administration Report for the year 1900*, hlm. 14 dalam CO 439/2 Annual Report Selangor 1896-1905. *One new school for Malay boys was added to the list and one girls school was closed and another removed to a difference situation.*

¹⁷⁸ *Selangor Administration Report for the year 1899*, hlm. 10 dalam CO 439/2 Annual Report Selangor 1896-1905.

is coming increasingly popular, and with more qualified lady teachers available it will continue to make good progress.¹⁷⁹

An attendance of over 18,000 girls in Malay vernacular school must be considered as notable progress towards the removal of prejudice against secular female education, particularly when it is remembered that attendance at school is compulsory only for boys.¹⁸⁰

Sehingga tahun 1938, undang-undang mengenai kehadiran wajib bagi kanak-kanak perempuan belum lagi diwujudkan. *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the Year 1938*, menyatakan dengan jelas bahawa pendidikan untuk murid-murid perempuan adalah tidak wajib, *Education for girls is not compulsory*.¹⁸¹ Pada tahun 1927, kerajaan British di NNMB telah mengeluarkan 2,046 notis serta 106 saman yang melibatkan denda sebanyak \$150 kepada ibu bapa yang melanggar peraturan berkenaan.¹⁸² Sehingga tahun 1938, negeri Selangor sahaja telah mengeluarkan sebanyak 46 saman yang melibatkan jumlah denda sebanyak \$108.30 kepada ibu bapa Melayu yang gagal menghantar anak lelaki mereka yang berumur 7 hingga 14 tahun ke sekolah.¹⁸³ Namun, tindakan tegas ini tidak dikenakan kepada ibu bapa yang gagal menghantar anak perempuan mereka ke sekolah. Sikap *double standard* ini sebenarnya menampakkan niat sebenar kerajaan British terhadap pendidikan wanita Melayu.

Selain daripada ketiadaan undang-undang wajib ke sekolah bagi kanak-kanak perempuan Melayu, pendidikan perempuan Melayu juga menghadapi masalah

¹⁷⁹ D.D. Cecelliah, *A History of The Education Policy With The Straits Settlements with Recommendations for a New System Based on vernacular*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1947, hlm. 78.

¹⁸⁰ R.L. German, *Handbook To British Malaya 1935*, London: Malay States Information, 1926, hlm. 173.

¹⁸¹ *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the Year 1938*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Press, 1939.

¹⁸² Lihat Federated Malay States, *Annual Report on Education for the year 1927*, hlm. 14 dalam CO 717/61/6. *Two thousand and forty six notices were issued for non attendance, 106 summonses taken out and fines amounting to \$150 inflicted.*

¹⁸³ *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1938*, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Press, 1939, hlm. 63. *Attendance at Malay Vernacular school is compulsory for boy between the ages of 7 and 14 who live within two miles of a school. The Inspector of school is empowered under the School Attendance Enactments to compel Malay boys to attend school. The number of summonses and notices issued under this Enactment continued to decrease. During the year only 46 summonses were issued and fines inflicted totalled \$108.30.*

kekurangan guru terlatih. Keadaan ini disebabkan oleh tiadanya pusat latihan perguruan yang khusus untuk melatih guru-guru perempuan Melayu. Keadaan ini menunjukkan bahawa kerajaan British tidak mempunyai perancangan yang jelas mengenai perkembangan pendidikan wanita Melayu.¹⁸⁴ Kerajaan British merasakan cukup sekadar menyediakan sekolah yang sederhana bagi memperlihatkan bahawa kerajaan British kononnya mengambil berat tentang pendidikan orang Melayu.¹⁸⁵ Oleh yang demikianlah, sekolah-sekolah perempuan Melayu pada awal menghadapi masalah kekurangan guru yang serius.

Untuk mengatasi masalah berkenaan, guru-guru Quran (perempuan) telah diminta untuk mengajar di sekolah-sekolah perempuan Melayu. Selain itu, isteri-isteri kepada guru-guru yang terlatih turut ditawarkan jawatan sebagai guru di Sekolah Perempuan Melayu. Walau bagaimanapun kebanyakan daripadanya menolak kerana skim gaji yang ditawarkan adalah rendah. Pada awal penubuhan NNMB masalah guru menjadi masalah utama dalam kemajuan dan perkembangan Sekolah Perempuan Melayu. Di sesetengah negeri pula, proses pengambilan guru dilakukan sendiri oleh Residen British.¹⁸⁶ Manakala di sesetengah negeri Pegawai Daerah akan memilih calon guru bagi daerah masing-masing berdasarkan kepada pengalaman dan kemahiran tertentu dalam kerja tangan.

In a house some distance from Haji Shamsuddin's I discovered an aged Malay women named Baiedah at work at her loom manufacturing a kain Belabas. As soon as the Malay Girls' School at

¹⁸⁴ Kerajaan British tidak mempunyai dasar yang jelas berkenaan latihan perguruan di Tanah Melayu. selain tidak mempunyai perancangan yang rapi, terdapat juga sekolah yang ditubuhkan tanpa kawalan pihak kolonial British. Cadangan untuk menyediakan latihan perguruan hanya mula dipertimbangkan apabila Laporan Wooley dikeluarkan pada tahun 1870 yang memperakukan tentang keperluan Latihan Perguruan yang lebih terancang dan sistematik. Lihat Fauziah Yaakub, Ahmad Mahdzan Yob, *Guru dan Perguruan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 5-10.

¹⁸⁵ Chan Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1964, hlm. 249. Lihat juga Compulsory Education dalam SEL.SEC. 321/1909. *Until 1898, the Malay states had no scheme for the training of Malay school teacher.*

¹⁸⁶ Malay Miscellaneous 2801/1896, Application for post of Teacher- Girl School Ulu Langat, Surat daripada A. Fatimah kepada J.P.Roger, Residen British Selangor memohon jawatan guru Sekolah Perempuan Ulu Langat. Lihat Fail No.1957/0063181, bertarikh 20 May 1896.

Pasir Penambang is opened. I intend asking the Government to retain the service of Baiedah to instruct the girls in this manufacture.¹⁸⁷

Walau bagaimanapun, proses pengambilan guru dengan kaedah berkenaan telah menimbulkan pelbagai masalah kepada sistem pembelajaran di Sekolah Perempuan. Masalah yang timbul ialah, guru yang diambil bekerja ini tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mendalam dalam subjek yang diajar dan juga tidak mempunyai kemahiran pedagogi. Masalah ini telah menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi bosan dan tidak kondusif. Secara tidak langsung ia memberi kesan kepada minat pelajar dan menyebabkan berlakunya masalah ketidakhadiran. Suasana pembelajaran sebegini juga memberi kesan kepada tanggapan dan pandangan ibu bapa mengenai pendidikan di Sekolah Perempuan Melayu. Oleh itu, sesetengah ibu bapa beranggapan bahawa situasi pembelajaran sebegini tidak mendatangkan faedah kepada anak-anak mereka dan adalah lebih baik anak-anak diberhentikan. Masalah ini dapat dilihat dengan jelas dalam *Perak Administration Report pada tahun 1901*. Dalam laporan berkenaan H.B. Collinge (Inspector of School Perak) menyatakan;

The elementary classes of Malay school were well attended, both boys and girls, but the Inspector complains that the children are taken away from school by their parents, to earn a livelihood, at too early an age, and before they have passed the Fourth Standard. The attendance at these vernacular school mainly depends on the personality of the teacher.¹⁸⁸

Masalah kekurangan guru yang terlatih ini telah menyebabkan perkembangan Sekolah Perempuan Melayu menjadi perlahan. Dalam surat perlantikan Jamalia sebagai Ketua Guru Sekolah Perempuan Melayu Kuala Lumpur pada tahun 1904, *Inspector of School Selangor* menerangkan mengenai kesukaran untuk mendapatkan calon guru perempuan untuk sekolah perempuan Melayu, walaupun gaji yang menarik dan jaminan

¹⁸⁷ Lihat Report by Mr.W.D. Scott (Acting District Officer, Kuala Selangor), hlm. 163 dalam *Selangor Government Gazette for the year 1897* dalam CO 469/7.

¹⁸⁸ *Perak Administration Report for the year 1901* by J.P Roger, British Residen Perak, hlm. 10 dalam Report by The Resident-General of the Federated Malay States to H.E. The High Commissioner.

lain ditawarkan kepada mereka.¹⁸⁹ Walau bagaimanapun, dakwaan ini ternyata bertentangan dengan skim gaji bagi guru perempuan Melayu yang jauh lebih rendah daripada gaji guru lelaki.¹⁹⁰

Pada tahun 1905, dalam Laporan Pendidikan bagi Negeri Sembilan, W.H.Lee-Warner (*Acting Inspector of School*) melaporkan bahawa terdapat permohonan untuk membuka dua buah Sekolah Perempuan Melayu di Kuala Pilah, tetapi apa yang membimbangkan pihak British ialah ketiadaan calon yang sesuai untuk menjadi guru di sekolah berkenaan.¹⁹¹ Sehingga tahun 1905, belum ada usaha-usah untuk melatih guru-guru perempuan secara teratur dan sistematik. Menurut *Special Report On Educational Subjects, 1905* menyatakan:

...belum ada usaha-usaha yang dibuat bagi melatih guru-guru perempuan secara teratur untuk sekolah-sekolah baharu di mana mereka dapat digaji. ...amat disangsikan yang gadis-gadis dan perempuan-perempuan Melayu, pada umur di mana Latihan perguruan patut bermula, akan sedia mengikuti kursus-kursus itu.¹⁹²

Manakala pada tahun 1914, laporan tahunan bagi jabatan pendidikan bagi negeri Selangor dan Negeri Sembilan menyatakan; ... *in both these states (Selangor and Negeri Sembilan) the Malay boy's school are well attended and on the whole satisfactory. The girls' school are few, and the teaching poor.*¹⁹³ Laporan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan pada tahun 1914 turut melaporkan bahawa masalah

¹⁸⁹ Inspector of School Selangor: Kuala Lumpur, 25th April 1904, Recommends the appointment of Jamalia as School Mistress K.L, Malay Girls' School dalam Fail No. 2318/1904, Ed: 83/04, Corr: 2313/04

¹⁹⁰ Salaries of Education Teachers in Malaya School, 1917 dalam Strait Settlement, 2407/1917, sebagai contoh, gaji guru lelaki kelas 1 ialah \$ 360 (A 36-540) berbanding guru perempuan kelas yang sama iaitu \$ 216 (A12-300).

¹⁹¹ Federated Malay States of Negri Sembilan, Report on the Education Department 1905 oleh W.H.Lee-Warner (Acting Inspector of School), dalam CO 463/7. "with regard to the former, direct application was made for two girls' school in Kuala Pilah district, but the difficulty of finding suitable teachers, the awkwardness of transport..."

¹⁹² Special Report on Education Subjects, 1905, hlm. 10 dalam The System of Education in the Federated Malay States 1905.

¹⁹³ Annual Report on Education in The Federated Malay States For The Year 1913, hlm. 5 dalam *Supplement to the F.M.S. Government Gazette, 31st July 1914.*

kekurangan guru terlatih di sekolah perempuan Melayu adalah disebabkan tiada calon guru perempuan yang berkelayakan.¹⁹⁴ Sehingga tahun 1915, hanya terdapat sebilangan kecil pelajar perempuan Melayu di negeri Selangor yang lulus darjah tiga. Keadaan ini menyebabkan pihak kerajaan tidak dapat menyediakan bekalan guru yang mencukupi untuk sekolah-sekolah perempuan Melayu.

The greatest difficulty is experienced in securing suitable teachers. Few girls in Selangor remain beyond standard III and Obviously no girl who has reached only this stage will be of any use as a teacher. Experience has shown that the best arrangement for the teaching of girls is to have girls' department in connection with the larger and better boys' school, as there are at Kajang or Setapak.¹⁹⁵

Masalah kekurangan guru terlatih ini memberi implikasi besar terhadap mutu pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, kerajaan British hanya membenarkan sesebuah Sekolah Perempuan Melayu dibuka setelah yakin bahawa ada guru yang berkelayakan. Peraturan ini telah menyebabkan banyak Sekolah Perempuan tidak dapat dibuka dan seterusnya membantutkan perkembangan pendidikan perempuan Melayu. Selain itu, masalah bekalan guru yang terlatih ini akan memberi kesan secara langsung terhadap mutu pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, disebabkan ketiadaan bekalan guru yang terlatih, guru-guru lepasan Sekolah Melayu terpaksa diambil bagi membolehkan sesebuah sekolah perempuan dapat dibuka.

Teacher:- The vernacular school are conducted by teachers who have had no special training for their work beyond what they have been able to acquire by their own experience in school. The majority of them, notwithstanding, are doing fairly good work and appear competent to teach the rudiments of the education laid down in the syllabus, although a few are still deficient even in this respect.¹⁹⁶

The main difficulty in the extension of education amongst Malay Girls lies in securing suitable teachers. A child of ten who had passed

¹⁹⁴ Guru yang berkelayakan seperti mana yang dimaksudkan ialah guru-guru yang diambil dari kalangan pelajar perempuan Melayu yang mempunyai kelulusan tertinggi Sekolah Melayu iaitu tamat darjah tiga dan empat.

¹⁹⁵ Annual Report of Education Department Selangor 1914, hlm. 8 dalam SEL.SEC, 995/1915.

¹⁹⁶ *Selangor Government Gazette, 11 February, 1898*, (Vol. IX), by J. Driver, *Inspector of School*, F.M.S., hlm. 222.

standard V in a vernacular school was suggested to me as the only suitable person in the district where it was desired to open a Girls' school.¹⁹⁷

Pada tahun 1914, sistem pengambilan guru untuk Sekolah Perempuan Melayu di Perak dilakukan oleh orang kampung dan ditemuduga oleh *Visiting Teacher* dan seterusnya dilantik oleh *Inspector of School*.¹⁹⁸ Pengambilan guru yang tidak terlatih menyebabkan prestasi sekolah-sekolah perempuan Melayu menjadi rendah dan tidak konsisten.¹⁹⁹ Masalah ini bertambah rumit apabila sebahagian besar kanak-kanak perempuan yang mempunyai kelulusan tidak minat menjadi guru. Menurut laporan tahunan Jabatan Pendidikan Perak pada tahun 1919, menyatakan; *it is extremely difficult to obtain satisfactory teachers for the Malay Girls' school*.²⁰⁰ Manakala di Selangor pada tahun 1919, situasi kekurangan guru telah menyebabkan pelajar-pelajar perempuan sekolah perempuan Melayu dicadangkan untuk diserap sebagai guru di sekolah perempuan.²⁰¹

The school which require extra assistance are (1) Batu and (2) Kampung Baharu, Kuala Lumpur. 1. Batu, this school was opened on 15.6.1921 with one teacher in charge. There are now (Dec.1921) 42 girls on the register, in standards I to III. Its impossible that this school be run efficiently with only one teacher. 2. Kampung Baharu, Kuala Lumpur. There are at present 2 teachers in this school. The attendance in this school has increased from 47 (June 1921) to 59 (Dec.1921).²⁰²

¹⁹⁷ Lihat Annual Report: 1919, Education Department Selangor, 24.2.1920 dalam SEL:SEC 0978/1920.

¹⁹⁸ Lihat, Education in The Federated Malay States – Memorandum by the Dato'Sri Andika Raja, Perak dalam SEL.SEC. 4419/1916. Dalam jawapan balas kepada surat Dato'Sri Andika Raja, Residen British memaklumkan bahawa sistem pengambilan guru bagi sekolah Melayu dilakukan oleh orang-orang kampung sebelum ditemuduga oleh Guru Pelawat. Setelah dianggap layak, bakal guru tadi akan dilantik oleh *Inspector of School* iaitu Pegawai Pelajaran British bagi negeri Perak.

¹⁹⁹ Lihat Annual Report of the Education Department for the Year 1921, hm. 4 dalam *Supplement to the F.M.S. Government Gazette 25th August 1922*. Except at Sri Menanti the girls, school of Negeri Sembilan are backward children and teachers being slow and listless.

²⁰⁰ *Negeri Perak Administration Report, 1919*, hlm. 5 dalam Annual Report for Federated Malay States 1919.

²⁰¹ Annual Report On Education Department Selangor 1919, hlm. 12 dalam SEL.SEC 0978/1920. *The main difficulty in the extension of education amongst Malay Girls lies in securing suitable teachers.*

²⁰² Women teachers for Malay Girls School at – (i) Batu, Kuala Lumpur – (ii) Kampung Baharu, Kuala Lumpur. Lihat surat yang ditulis oleh Lady Supervisor, Malay Girls' School (S.S. & F.M.S) kepada The Inspector of School Selangor pada 6th January 1922 dalam SEL.SEC 182/1922.

Walau bagaimanapun, menjelang tahun 1920-an, *Lady Supervisor*, Residen British dan juga *Inspector of School* telah berusaha untuk mewujudkan pusat latihan untuk melatih guru-guru perempuan Melayu. Pusat latihan ini diwujudkan di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Kuala Kangsar dan juga Seri Menanti.²⁰³ Walau bagaimanapun, usaha ini lebih bersifat individu kerana pihak kerajaan tidak mengambil tindakan untuk menyediakan pusat latihan berkenaan sehingga tahun 1935. Pada tahun 1923, Pesuruhjaya Tinggi British telah mencadangkan agar murid-murid perempuan dilatih menjadi guru oleh guru-guru perempuan lain yang mempunyai pengalaman di sekolah.²⁰⁴

Kemudiannya pada 19 Mac 1923, dalam Mesyuarat Kerajaan negeri Selangor, Sultan Selangor (Sultan Hisamuddin Alam Shah, 1938-1942) telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan pusat latihan bagi melatih murid-murid perempuan Melayu.²⁰⁵ Baginda sedar bahawa masalah kekurangan guru yang terlatih telah memberi kesan kepada prestasi pelajar perempuan terutamanya di sekolah-sekolah perempuan Melayu. Cadangan ini juga dikemukakan kerana pusat-pusat latihan perguruan atau Maktab perguruan yang ditubuhkan pada masa berkenaan hanya untuk melatih guru lelaki sahaja. Dalam majlis berkenaan baginda telah menyatakan;

The Malay women Teachers are at present wholly untrained in teaching. It is desired to improve the teaching in Malay Girls' School. It is not possible at present to have a Training College for women teachers as there is for men teachers. But it is proposed to bring women Teachers from time to time to Kuala Lumpur possibly for 3 months to trained.²⁰⁶

²⁰³ Annual Report on Education for the year 1926, hlm. 17 dalam Federated Malay States, Annual Report for 1926 dalam CO 576/32. *Selangor: A class was held twice a month for (15) women teacher at Kampung Baharu (Kuala Lumpur), Negeri Sembilan: A part time trained Visiting Teacher was appointed in September and her work is already having effect. She has started classes for women teacher at Seri Menanti.*

²⁰⁴ Proceeding, Federal Council, Federated Malay States, 1923, hlm. 134.

²⁰⁵ System For Educating Malay women To Be School Mistress of Malay Girls' School dalam SEL. SEC 501/1923, No3 in 501/23.

²⁰⁶ Ibid.

Pada tahun 1930, *Inspector of School Perak* telah menulis surat kepada Pejabat Setiausaha Resident Perak memaklumkan kewujudan kelas untuk melatih murid-murid perempuan Melayu yang lulus darjah V mengenai mata pelajaran *Domestic Science*. Mereka yang mengikuti kelas ini akan menduduki peperiksaan sebelum dilantik sebagai Guru Penolong (*Assistant Teachers*) di sekolah perempuan Melayu.²⁰⁷

I have the honour to inform you that the Domestic Science Mistress, Ipoh has formed a class of seven student for definite training in teaching domestic Science subjects. The student are Malay Girls who have passed, or are in Standard V in Malay Girls' Schools.²⁰⁸

Pada tahun 1930 juga, Penolong Penyelia Sekolah Perempuan Melayu (*Assistant Lady Supervisor Malay Girls School*) telah mengadakan kelas khas bagi menyediakan guru-guru perempuan Melayu untuk menghadapi peperiksaan khas. Guru-guru berkenaan perlu mengikuti kelas berkenaan bagi membolehkan mereka lulus peperiksaan dan dilantik sebagai guru.²⁰⁹ Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan, namun bekalan guru terlatih untuk sekolah-sekolah perempuan Melayu masih tidak mencukupi. Pada tahun 1932, jumlah guru perempuan di NNMB adalah seramai 309 orang berbanding dengan jumlah pelajar seramai 5,413 orang.²¹⁰ Perbandingan nisbah guru berbanding pelajar bagi setiap negeri adalah seperti berikut. Bagi negeri Perak jumlah guru perempuan Melayu adalah seramai 125 berbanding pelajar perempuan seramai 3,894 orang, Selangor pada nisbah 105: 773, Negeri Sembilan, 49: 523 dan Pahang, 30: 223.²¹¹

²⁰⁷ Lihat *Supplements to the F.M.S. Government Gazette*, 13 July 1934, hlm. 37 dalam CO 439/4.

²⁰⁸ Formation of class at Ipoh for training in teaching Domestic Science subjects to student who have passed or are in Standard V in the Malay Girls' School. 2. Proposal to appoint passed student as women teachers in Malay School. Lihat Surat daripada G.C. Davies (*Inspector of School*) kepada Setiausaha Residen Perak yang bertarikh 9th September 1930 dalam SEL.SEC: G. 2151/1930, 1. (No.1 in PK. 4819/30, No.4 in Ed. PK. 931/30),

²⁰⁹ Lihat Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British (Dengan rujukan khas kepada Sultan Idris Training College)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 30.

²¹⁰ Annual Report on the Education Department for the year 1932, hlm. 82, Appendix VI dalam CO 576/46.

²¹¹ Ibid.

Sehinggalah pada tahun 1935, barulah sebuah Maktab Perguruan Perempuan Melayu (MPMM) ditubuhkan di negeri Melaka.²¹² Pada peringkat awal maktab ini hanya mengambil 24 orang pelatih sahaja bagi setiap pengambilan. Walau bagaimanapun, syarat-syarat kemasukan ke Maktab ini adalah sangat ketat dan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja diterima masuk. Antara syarat-syarat kemasukan pelajar ke Maktab Perguruan ialah, berumur tidak kurang daripada 16 tahun dan tidak lebih daripada 18 tahun. Selain itu, calon juga mesti lulus darjah lima Sekolah Perempuan Melayu.²¹³ Setelah semua syarat berkenaan dipenuhi, para pelajar mesti melalui satu peperiksaan khas kemasukan ke Maktab Perguruan.

Selepas lulus peperiksaan khas ini, calon akan dinilai sekali lagi oleh Tuan Nazir bagi negeri masing-masing bagi memastikan hanya calon yang benar-benar berkualiti dipilih untuk mengikuti kursus. Memandangkan tempat adalah terhad, pemilihan calon dibuat berdasarkan kekosongan yang ada. Sebelum diterima masuk, calon sekali lagi mesti melalui pemeriksaan oleh doktor kerajaan bagi memastikan calon mempunyai kesihatan yang baik sebelum memasuki maktab.

Mula-mula sekali penuntut yang hendak dihantar masuk ke maktab ini dipilih oleh Nazir masing-masing negeri tentang kebolehannya mengajar. Kemudian dan dengan tujuan hendaklah sama taraf pengetahuan penuntut-penuntut yang hendak masuk itu, maka maktab mengadakan suatu peperiksaan yang dinamakan peperiksaan masuk maktab, iaitu soalan peperiksaan itu dibuat di maktab ini dan kertas-kertas jawapan penuntut-penuntut diperiksa di maktab ini. Keputusan peperiksaan itu dihantar ke negeri masing-masing dan Nazir masing-masing negeri akan memilih sekali lagi penuntut-penuntut yang dihantar ke maktab ini dari negerinya daripada bilangan penuntut yang lulus di dalam peperiksaan itu. Pilihan ini dijalankan dengan mengambil timbangan di atas sifat-sifat kelayakan penuntut itu

²¹² Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1935, hlm. 67 dalam Annual Report in the Education Department for the year 1935 dalam CO 576/53.

²¹³ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan di Malaya Zaman British*, hlm. 79–110.

menjadi guru dan sifat-sifat kebolehan mereka itu dilatih untuk menjadi guru.²¹⁴

Selain itu, penuntut juga mestilah belum berkahwin dan perlu mengemukakan surat pendaftaran kelahiran bagi memastikan umur mereka tidak melebihi 16 tahun.²¹⁵ Pada peringkat awal pembukaannya, maktab ini menghadapi beberapa masalah dalam proses pengambilan penuntut. Antaranya ialah masalah untuk meyakinkan sesetengah ibu bapa Melayu mengenai keselamatan anak-anak mereka dan masalah lokasi Maktab yang agak jauh terutama bagi penuntut dari negeri-negeri di pantai timur dan selatan Tanah Melayu.²¹⁶ Semua perbelanjaan pengurusan maktab ini adalah ditanggung oleh Pentadbiran Negeri-Negeri Selat. Penuntut-penuntut dari NNMB dan NNMTB pula akan dikenakan bayaran yang tidak termasuk perbelanjaan perjalanan dari kampung ke maktab dan dari maktab ke kampung.²¹⁷ Namun demikian, sehingga tahun 1938, MPMM hanya berjaya mengeluarkan seramai 72 orang guru perempuan Melayu sahaja. Jumlah ini masih belum mencukupi jika dibandingkan dengan jumlah pelajar perempuan Melayu seramai 6,446 orang.²¹⁸

Kelemahan Kurikulum

Selain halangan dan cabaran dalam aspek pentadbiran dan pengurusan, pendidikan wanita Melayu juga menghadapi masalah dari segi kurikulum. Perbincangan mengenai masalah kurikulum melibatkan perkara-perkara seperti objektif kurikulum secara umum,

²¹⁴ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan di Malaya Zaman British*, hlm. 79–110.

²¹⁵ Peraturan-peraturan Bagi pelajaran Sekolah-sekolah Melayu di dalam Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu Bagi Tahun 1936 dalam SP 94/B/45. hlm.81.

²¹⁶ Lihat Training Centre For Malay Women Teachers, Extract from minutes of 49th meeting of the Advisory committee on Education in the colonies held on 21th December 1933 dalam CO 273/593/3, Fail N0. 13167, 1933,

²¹⁷ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan di Malaya Zaman British*, hlm. 51-52.

²¹⁸ Annual Report on Education in the Straits Settlements and Federated Malay States for the year 1938, hlm. 204, Appendix. XV dalam CO 576/63.

sukatan pelajaran yang digunakan, tahap sukatan berbanding dengan sekolah lelaki dan sekolah perempuan Inggeris dan juga implikasi kurikulum terhadap perkembangan pendidikan wanita. Pada asasnya kurikulum pendidikan untuk anak-anak perempuan Melayu hanya diwujudkan apabila tertubuhnya sekolah perempuan Melayu di Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1885.²¹⁹ Pada peringkat awal, kurikulum yang digunakan di sekolah perempuan Melayu adalah sama dengan kurikulum yang disediakan untuk Sekolah Lelaki Melayu.

Reka bentuk kurikulum yang disediakan oleh kerajaan British adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan asas kepada orang Melayu mengenai kemahiran membaca, menulis, Ilmu Kira-Kira dan juga Ilmu Alam.²²⁰ Pengetahuan asas ini, diharapkan dapat membantu dan mengelakkan orang Melayu daripada ditipu oleh bangsa-bangsa lain.²²¹ Selain daripada pengetahuan asas 3M, terdapat juga mata pelajaran lain seperti asas-asas pertanian, kraf tangan, membuat bakul serta amalan dan penjagaan kesihatan.²²² Bagi British tahap kurikulum yang rendah ini adalah bersesuaian dengan corak hidup dan pekerjaan seharian orang Melayu.²²³

²¹⁹ Annual Report on Education in the Straits Settlements for the year 1883, (Education Office Singapore). Lihat juga Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan*, Siri Sains Sosial, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1990, hlm. 29.

²²⁰ Lihat Winifred B. Chamber, *Kita Pertolongan Ilmu Mengajar*, (Terjemahan Abdul Aziz Din), Kuala Lumpur: Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran, 1952, hlm. 17.

²²¹ Lihat "Minute" daripada Residen British Negeri Sembilan kepada Resident general British, bertarikh 14th Jun, 1898 dalam (H.C.O)- High Commissioner's Office, Fail NO. 758/1898. Bangsa-bangsa lain yang dimaksudkan ialah bangsa Cina dan India yang berada di Tanah Melayu.

²²² Hussin Ahmad, *Pendidikan Dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1993, hlm.10.

²²³ Lihat H.R. Cheeseman, 'Education in Malaya, 1900-1941, Malaysia in History', *Journal of The Malaysian Historical Society*, Vol. 22, May 1979, hlm. 129.

Jadual 4.6: Objektif Kurikulum Pendidikan Melayu Tajaan British

Objektif Untuk Kestabilan Politik	Objektif Untuk Status Quo	Objektif Untuk Menghasilkan Pekerja Peringkat Rendah	Objektif Untuk Menghapuskan Buta Huruf
<p>Pendidikan rendah kepada orang Melayu bertujuan mengelakkan mereka sedar mengenai hak dan kedudukan mereka di Tanah Melayu.</p> <p>Mengelak pemberontakan seperti berlaku di India. – mengelakkan</p>	<p>Mengekalkan mereka kepada pekerjaan tradisi iaitu penanaman padi</p> <p>Mengekalkan mereka di kampung-kampung.</p>	<p>Menjadikan mereka pemandu kereta lembu, penanam padi, nelayan, pekedai-pekedai kecil.</p> <p>Menjadi pekerja yang berdisiplin, bersih (menjadi mata-mata, peon, kerani, pekerja-pekerja rendah lain.</p>	<p>Menjadikan mereka tahu 3 M</p> <p>Supaya tidak mudah ditipu oleh masyarakat lain (bangsa lain)</p>

Sumber: Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 13.

Jadual 4.6 menunjukkan objektif kerajaan British terhadap pendidikan orang Melayu. Pada asasnya terdapat empat matlamat British terhadap pendidikan orang Melayu iaitu untuk mengekalkan kedudukan British di Tanah Melayu serta memastikan orang Melayu terus memberi sokongan kepada kerajaan British. Objektif yang kedua ialah untuk mengekal status quo orang Melayu dan memastikan mereka terus kekal di kampung-kampung dan menjalankan pekerjaan tradisi. Objektif ketiga adalah untuk menghasilkan pekerja-pekerja peringkat rendah yang akan memudahkan pentadbiran British di Tanah Melayu. Manakala yang keempat pula adalah untuk menghapuskan buta huruf dalam kalangan orang Melayu. Walaupun objektif khusus untuk pendidikan wanita Melayu tidak dinyatakan secara khusus tetapi matlamat objektif berkenaan jelas mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan pendidikan wanita. Apa yang dapat

disimpulkan ialah matlamat dan objektif pendidikan Melayu tajaan British adalah sangat terhad dan tidak membantu orang Melayu untuk maju dalam pendidikan.

Selain objektif yang rendah, sukatan pelajaran yang disediakan untuk Sekolah Perempuan Melayu juga rendah, berulang dan tidak menarik. Jika diteliti secara mendalam, sukatan pelajaran bagi semua mata pelajaran di Sekolah Perempuan Melayu adalah sukatan pelajaran yang tidak dinamik kerana hasil pembelajarannya (Learning outcome) adalah hampir sama bagi setiap peringkat.²²⁴ Oleh sebab yang demikian, ramai pelajar merasa bosan kerana kebanyakan mereka telah menguasai kemahiran berkenaan pada darjah satu atau dua lagi. Sebagai contoh objektif pelajaran bagi mata pelajaran menulis, ejaan dan bacaan bagi darjah satu sehingga darjah tiga adalah sama.

Jadual 4.7: Sukatan Pelajaran Sekolah Perempuan Melayu

Darjah 1	Darjah 2	Darjah 3
Menulis	Menulis	Ejaan
Ejaan	Menulis	Bacaan
Ejaan	Bacaan	Mengarang
Bacaan	Ejaan	Mengarang
Ilmu Hisab	Ilmu Hisab	Ilmu Alam

Sumber: Report of The Vernacular Education Committee 1894, hlm. 28. Lihat juga Winifred B Chamber, *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*, (terjemahan Abdul Aziz Din), Kuala Lumpur: Pejabat Karang-Mengarang, Jabatan Pelajaran, 1952, hlm. 16.

Jadual 4.7 menunjukkan perincian mata pelajaran di Sekolah Perempuan Melayu pada tahun 1894. Kebanyakan mata pelajaran yang diajar adalah mata pelajaran asas yang diulang dari Darjah satu sehingga Darjah tiga. Mata pelajaran ini tidak dinamik dan boleh dikuasai oleh pelajar dalam masa yang singkat.

Kanak-kanak darjah tinggi sama seperti kanak-kanak rendah juga, mereka mesti dapat menerangkan sendiri mengikut kebolehan akal

²²⁴ Lihat Subjects of Instruction in Malay Vernacular School, hlm. 12, Appendix D dalam Education Code for the Straits Settlements, 16th March, 1908.

mereka akan sesuatu kira-kira atau kaedah kira-kira yang mereka sudah belajar. Oleh itu, sangatlah wajib tiap-tiap guru mengajar sesuatu kaedah kira-kira disertakan dengan latihan membuatnya dengan perkakas jika kira-kira itu boleh dapat perkakas sebelum mengira dengan bertulis.²²⁵

Tahun 1916, bolehlah dianggap sebagai tahun yang bermakna kepada pembangunan dan perkembangan pendidikan wanita Melayu. Selepas melawat Jawa dan Filipina, R.O. Winstedt telah membuat pembaharuan terhadap pengurusan dan kurikulum pendidikan wanita. Antara pembaharuan yang diketengahkan ialah pengenalan mata pelajaran anyaman, pengenalan buku teks yang baharu dan cadangan mewujudkan jawatan *Lady Supervisor* untuk menyelia sekolah-sekolah perempuan.²²⁶ Walau bagaimanapun, cadangan yang dikemukakan oleh beliau tidak memberi tumpuan kepada pembaharuan kurikulum masakan, jahitan dan pengurusan rumah tangga tetapi lebih kepada pengenalan jawatan baharu, skim gaji baharu dan pengenalan mata pelajaran baharu (anyaman). *That basketry in the wide sense of the term-i.e., including netting, matting, fish-trap manufacture, etc., be taught.*²²⁷ Jadual 4.8 menunjukkan sukatan pelajaran anyaman yang diperkenalkan oleh R.O. Winstedt pada tahun 1916.

²²⁵ Winifred B Chamber, *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*, hlm. 16.

²²⁶ Federated Malay States, Conference of Resident, 1917, hlm. 1-2 dalam SEL.SEC 6027/1916, Report by Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Jawa and The Philippine Islands, 13.12.1916.

²²⁷ Federated Malay States, Conference of Resident, 1917, hlm. 1 dalam SEL.SEC 6027/1916.

Jadual 4.8: Sukatan Pelajaran Bagi Mata Pelajaran Anyaman Bagi Sekolah Perempuan Melayu Di Tanah Melayu Selepas Tahun 1916

Darjah 1	Lipan	Lalat atau ular	Buah petai	Baling-baling	Bola	Kipas kecil
Darjah 2	Lapek	Alas gelas (bulat)	Alas pinggan (pecah 8)	Bekas berus gigi	Buah kelumpang	Ketupat
Darjah 3	Sumpit (bekas berus gigi)	Bekas sikat	Alas gelas (6 keping)	Alas kertas lap	Tali air gambar atau bekas wang	Kipas (pecah lapan)
Darjah 4	Sumpit (bekas berus gigi)	Sarung buku	Alas kertas lap (penjuru 3 segi)	Kembali bertali	Beg tangan	Kipas bulat
Darjah 5	Sumpit (bekas berus gigi)	Beg buku	Alas kerusi	Sarang lebah	Tikar atau pinggan (besar) 6 keping	Tudung saji

Sumber : Education Code, Part V, Regulation For Malay Vernacular Education in The Straits Settlements And Federated Malay States (Second and Revised Edition), Singapore: Published by Authority, Printed At The Government Printing Office, 1936, hlm. 27 dalam C.S.O. 6918/35; F.S. 3376/35; D. of E. 609/35.

Walau bagaimanapun, pengenalan dan pembaharuan sukatan pelajaran yang diketengahkan oleh R.O.Wintedt tidak memberi banyak makna terhadap pendidikan wanita. Jika diteliti secara mendalam, sukatan pelajaran (anyaman dan jahitan) yang disediakan masih rendah, tidak dinamik dan membosankan. Sebagai contoh, sukatan pelajaran seperti membuat bekas berus gigi, alas gelas, membuat kipas, membuat beg adalah mata pelajaran yang berulang dari darjah satu sehingga darjah lima.²²⁸

²²⁸ Lihat Education Code, Part V, Regulation For Malay Vernacular Education in The Straits Settlements And Federated Malay States (Second and Revised Edition), Singapore: Published by Authority, Printed At The Government Printing Office, 1936, hlm. 27 dalam C.S.O. 6918/35; F.S. 3376/35; D. of E. 609/35.

Jadual 4.9: Sukatan Pelajaran Bagi Mata Pelajaran Jahitan Bagi Sekolah Perempuan Melayu Di Tanah Melayu Selepas Tahun 1916

Darjah	Mata Pelajaran	Barang Yang Dihasilkan	Jenis Jahitan Yang Diajar
1	<p>Jahitan (2 1/2 jam) untuk kanak-kanak perempuan di sebelah petang dari jam 1.00 – 3.30 petang</p>	Sampul kertas, gambar jahitan, lapik, tuala, tali pinggang, sapu tangan atau kipas kecil atau tudung gelas, pundi-pundi bekas berus gigi	Jahit cucuk, jahit lilit, jahit tikam insang pari, jahit tindan, jahit manik-manik, jahit jelujur
2		Sapu tangan, sarung buku atau bekas berus gigi, barut kereta atau bekas sikat, beg berkelim, tudung kepala	Jahit sembat, jahit lilit, jahit bhakiah, jahit lilit tali barut.
3		Barut dada atau gantung, kain tempat kerusi, alas dulang, coli kurung, beg, bekas sikat, baju dalam anak kecil.	Jahit jelujur halus, jahit bhakiah, jahit lilit, jahit kelim terus cabut benang, jahit kelim sembat, jahit tulang belut, jahit bekas tali, jahit tali
4		Sapu tangan, kain jahit jerumat atau susup, sarung bantal, kain tudung, songkok kecil, baju kecil, baju basah dapur, kain koyak jahit sisip.	Jahit kelim terus cabut benang, jahit susup, jahit kedut. Jahit kelim sembat, jahit lilit, jahit bhakiah.
5		Lubang butang, kasut kecil, kain koyak bertampal, seluar dalam anak kecil atau songkok kecil	Jahit lubang butang, jahit mengikut butang, jahit bhakiah, jahit kelim sembat, jahit lilit, jahit tindan.

Sumber : Education Code, Part V, Regulation For Malay Vernacular Education in The Straits Settlements And Federated Malay States (Second and Revised Edition), Singapore: Published by Authority, Printed At The Government Printing Office, 1936, hlm. 22-26 dalam C.S.O. 6918/35; F.S. 3376/35; D. of E. 609/35.

Kemahiran yang diajar juga adalah kemahiran asas dalam anyaman yang hanya sesuai diajar kepada pelajar perempuan darjah satu atau dua sahaja. Situasi ini bukan sahaja dilihat tidak praktikal malah membazirkan masa pelajar serta tidak banyak

memberi pengetahuan dan kemahiran baharu.²²⁹ Selain sukatan pelajaran anyaman, sukatan pelajaran jahitan yang digunakan di Sekolah Perempuan Melayu juga didapati agak rendah, tidak dinamik dan juga membosankan. Jika diteliti secara khusus, pengetahuan dan kemahiran jahitan yang terdapat dalam sukatan berkenaan adalah amat rendah, berulang dan tidak praktikal. Sebagai contoh sukatan jahitan bagi pelajar darjah satu iaitu jahit cucuk, jahit lilit, jahit tikam insang pari, jahit tindan, jahit manik-manik, jahit jelujur adalah lebih kurang sama dengan sukatan jahitan bagi darjah lima iaitu Jahit lubang butang, jahit mengikut butang, jahit bhakiah, jahit kelim sembat, jahit lilit dan jahit tindan.²³⁰ *Lembaga Melayu* keluaran 22 Mac 1928 menyatakan bahawa semua kemahiran jahitan yang diajar di Sekolah Perempuan Melayu adalah kemahiran jahitan tradisional orang Melayu dan matlamat akhirnya ialah untuk menghasilkan pakaian tradisional Melayu (pakaian cara Melayu).

... pelajaran yang diajar ialah membaca, menulis Bahasa Melayu, ilmu alam, kira-kira, karangan dan ilmu Bahasa Melayu, menjahit, menekat, menyulam, mencucuk atau menekat hampar, membuat tajuk-tajuk bunga rampai, menebuk pakaian, menebuk parada dan lain-lain. Kebanyakan jahitan mereka itu ialah membuat pakaian cara Melayu dan alat-alat yang digunakan oleh orang-orang Melayu. Jahitan itu baharu jua dapat ditekunkan dalam tahun 1927 iaitu semenjak sekolah-sekolah perempuan itu diserahkan kepada jagaan dan tadbir penyelia sekolah-sekolah perempuan.²³¹

Kurikulum yang rendah dan tidak dinamik ini telah memberi kesan buruk kepada pembangunan dan perkembangan pendidikan wanita Melayu. Orang Melayu juga menyedari bahawa kurikulum pendidikan yang terdapat di Sekolah-sekolah perempuan Melayu tidak memberi banyak manfaat kepada anak-anak mereka.²³² Mata

²²⁹ Lihat Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1974, hlm. 13.

²³⁰ Education Code, Part V, Regulation For Malay Vernacular Education in The Straits Settlements And Federated Malay States (Second and Revised Edition), Singapore: Published by Authority, Printed At The Government Printing Office, 1936, hlm. 22-26 dalam C.S.O. 6918/35: F.S. 3376/35; D. of E. 609/35.

²³¹ 'Seruan Kepada Murid-murid Perempuan', *Lembaga Melayu*, 22 Mac 1928, hlm. 3.

²³² *Negeri Sembilan Administration Report for the year 1914*, hlm. 4 dalam Annual Report for Federated Malay States 1914. *As a whole the girl's school cannot be considered satisfactory, and most Malays fail*

pelajaran seperti masakan, jahitan, anyaman, penjagaan anak dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pengurusan rumah tangga sebenarnya boleh dipelajari tanpa perlu ke sekolah.²³³ Masalah kelemahan kurikulum ini telah memberi kesan secara langsung terhadap jumlah pelajar dan peratus kedatangan pelajar perempuan di sekolah-sekolah Perempuan Melayu.²³⁴ Maka tidak hairanlah jika sepanjang tahun 1885 sehingga ke tahun-tahun 1920-an, masalah besar yang dihadapi oleh pendidikan wanita Melayu ialah masalah kemerosotan kedatangan dan keciciran pelajar.

The Malays most readily avail themselves of these facilities for the education of their boys, but it is a matter of greater difficulty to obtain their consent to the attendance of their girls at school. Girls' schools have however been established at one or two centres, where sewing, weaving, and other feminine accomplishments are taught, but it is unlikely that the attendance of native girls at Government schools will ever become general. Nor has the Government been unmindful of the needs.²³⁵

Semenjak dari penubuhan Sekolah Perempuan Melayu pertama di Teluk Belanga pada tahun 1884 lagi masalah ini merupakan masalah utama yang membawa kepada penutupan sekolah berkenaan. Walaupun sekolah ini dibina dengan bantuan dan inisiatif Maharaja Abu Bakar dan kebanyakan murid-muridnya adalah anak-anak kerabat Temenggung dan pembesar, namun dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1886 sekolah ini terpaksa ditutup kerana kemerosotan bilangan kedatangan murid.²³⁶ *The attendance had sunk almost to nil.*²³⁷ Masalah ini kemudian berterusan dan menjadi semakin serius terutama pada peringkat awal penubuhan NNMB. Jadual 3.10 dan jadual

to realize the importance of female education. It is extremely difficult to get parents to send their girl to school, and to get the girl to attend school when once they have been admitted.

²³³ Education Code, Part V, Regulation For Malay Vernacular Education in The Straits Settlements And Federated Malay States (Second and Revised Edition), Singapore: Published by Authority, Printed At The Government Printing Office, 1936, hlm.22-26 dalam C.S.O. 6918/35; F.S. 3376/35; D. of E. 609/35,

²³⁴ Kamsiah Abdullah, *Benih Budiman, Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu di Singapura*, Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007, hlm.58.

²³⁵ Handbook of The Federated Malay States Compiled by H.Conway Balfield, British Resident of Selangor, London: Edward Stanford, 12 – 14 Long Acre, W.O,1902, hlm.62.

²³⁶ Kamsiah Abdullah, *Benih Budiman, Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu di Singapura*, Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007, hlm.58.

²³⁷ Gwee Yee Hean, *150 Years of Education in Singapore*, Singapore: TTC Publication Board, 1969, hlm.111.

4.10 menunjukkan jumlah pelajar dan peratus kedatangan bagi negeri Perak dan Selangor pada awal penubuhan NNMB. Walau pun negeri Perak merupakan negeri yang paling awal dan dianggap paling dominan bagi pendidikan wanita Melayu, namun masalah kedatangan pelajar menjadi masalah utama dalam pembangunan dan perkembangan pendidikan wanita.

Jadual 4.10: Jumlah Pelajar Perempuan, Kedatangan dan Peratusan Kedatangan Di Sekolah Perempuan Melayu, Perak Pada Tahun 1895-1896

Sekolah Perempuan Melayu	Jumlah Pelajar 1895	Kedatangan	Peratus	Jumlah Pelajar 1896	Kedatangan	Peratus
Kamunting	30	23	76.6	28	20	71.8
Simpang	17	7	41.1	15	9	60
Kuala Kangsar	12	9	75	18	11	61
Jalan Baru	20	12	60	23	18	78.2
Kuala Selama	43	26	60	35	23	65.7

Sumber: *Administration Report of the State of Perak for the Year 1896*, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1896, Appendix. J-Education, hlm. 54-55.

Berdasarkan jadual 4.10, masalah peratusan kedatangan yang rendah di Sekolah Perempuan Melayu di Perak adalah serius. Sebagai contoh pada tahun 1895 peratusan kedatangan bagi Sekolah Perempuan Melayu Simpang hanyalah 41.1 peratus sahaja. Manakala dari segi purata kehadiran pula, hanya tujuh orang daripada 17 orang pelajar hadir ke sekolah. Masalah ini merupakan masalah besar yang dihadapi oleh sekolah-sekolah perempuan Melayu terutamanya pada peringkat awal penubuhan NNMB. Walaupun menunjukkan peningkatan pada tahun 1896, namun peratusan kehadiran masih rendah dan belum mencapai tahap yang membolehkan sekolah berkenaan diberikan peruntukan oleh kerajaan British.²³⁸

²³⁸ Education Code, Part V, Regulation For Malay Vernacular Education in The Straits Settlements And Federated Malay States (Second and Revised Edition), Singapore: Published by Authority, Printed At The Government Printing Office, 1936, hlm. 22-26 dalam C.S.O. 6918/35: F.S. 3376/35; D. of E. 609/35. Jumlah kedatangan yang dipertimbangkan untuk diberikan peruntukan adalah 80 peratus ke atas.

Jadual 4.11: Perbandingan Peratusan Kehadiran Pelajar Di Negeri

Selangor Pada Tahun 1899

No	Jenis Sekolah	Jumlah Pelajar	Purata kehadiran	Peratusan Kehadiran
1	Sekolah Lelaki Melayu	1,277	999	78.2
2	Sekolah Perempuan Melayu	57	37	64.9
3	Sekolah Vernakular Cina	75	50	66.6
	Jumlah	1,409	1,086	77.07

Sumber: Report on Education Department For The Year 1899, hlm. 1 dalam *Supplement to the "Selangor Government Gazette," 29th June 1900.*

Jadual 4.12 juga menunjukkan masalah yang sama dihadapi oleh sekolah-sekolah perempuan Melayu di Selangor pada tahun 1899. Secara purata, jumlah kehadiran bagi Sekolah Perempuan Melayu di Selangor adalah 64.9 peratus sahaja berbanding 78.2 peratus untuk Sekolah Lelaki Melayu dan 66.6 peratus untuk Sekolah Cina. Selain daripada masalah sukatan dan kehadiran, Sekolah Perempuan Melayu di NNMB juga menghadapi masalah kerana ketidakseragaman dari segi tahap pendidikan antara satu negeri dengan negeri yang lain. Di Selangor misalnya, pendidikan bagi kanak-kanak perempuan hanya setakat darjah empat sahaja. Manakala mata pelajaran yang diajar adalah mata pelajar asas seperti ilmu kira-kira, menulis jawi dan Arab, asas geografi dan lain-lain.

Malay vernacular education provided for only four years' schooling. Children were taught simple arithmetic for the first three years, and in the fourth year, Malayan weights and measures. In 'composition' they were required to write a few lines in roman or Arabic script describing some animal on which object lessons had been given with a picture or diagram.²³⁹

Manakala di Pahang sebelum tahun 1885 pelajaran rendah diberi selama enam tahun, tetapi mulai tahun 1885 ia telah dikurangkan menjadi empat tahun sahaja. Hal ini

²³⁹ Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, London, Oxford University Press, 1964, hlm. 249.

kerana dalam masa tiga tahun sahaja didapati murid-murid telah tahu membaca dan menulis dalam bahasa Melayu, membuat kira-kira dan mengetahui Ilmu Alam dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah negeri yang memberi pendidikan rendah sehingga lima atau enam tahun. Manakala pada tahun 1908, pendidikan yang disediakan untuk anak-anak perempuan bagi NNS pula adalah sehingga darjah lima.²⁴⁰ Manakala bagi negeri Pahang pada tahun 1916, darjah tertinggi bagi Sekolah perempuan Melayu diturunkan kepada darjah tiga. “*Standard III was the highest in this school.*”²⁴¹ Ketiadaan keseragaman ini menunjukkan bahawa tiadanya perancangan yang jelas oleh kerajaan British untuk pembangunan pendidikan wanita Melayu.

Kemudiannya pada tahun 1916, tahap pendidikan bagi Sekolah Perempuan Melayu mula ditetapkan kepada darjah empat sahaja. Tindakan ini diambil setelah R.O.Winstedt mengemukakan cadangan beliau setelah kembali dari melawat Jawa dan Filipina. Cadangan ini kemudiannya telah dipanjangkan ke negeri Perak (Pk. 6414/16), Selangor (Sel. 6027/16), Negeri Sembilan (N.S. 3533/16 dan juga Pahang (Phg. 1919/16) pada tahun 1916. *It is decided to recommend (i) that the number of standards be reduced from five to four provided that the level of education in the highest standard be not reduced.*²⁴²

Namun demikian, pada tahun 1919, tahap berkenaan dinaikkan semula kepada lima tahun. Ketidaktentuan tahap ini telah memberi kesan yang amat besar terhadap perkembangan pendidikan wanita terutamanya apabila syarat untuk kemasukan ke Sekolah Perempuan Inggeris dan juga syarat untuk menjadi *Pupil Teacher* juga mula

²⁴⁰ Education Code for the Straits Settlements, Approved by the Government in Council on the 16th March, 1908, hlm. 12, Appendix D, Subjects of Instruction in Malay Vernacular Schools.

²⁴¹ Lihat *Pahang Administration Report for the year 1916*, hlm.4.

²⁴² Conference of Resident, 1917, Abstract of Proceeding, Kuala Lumpur, 10th May, 1917, hlm. 1 dalam Report by Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Jawa and the Philippine Islands dalam Sel.SEC 6027/1916. R.G's No. 4497/1916.

dinaikkan kepada tamat darjah lima.²⁴³ Sebagai contoh, pada tahun 1919, syarat untuk menjadi guru bagi Sekolah Perempuan Melayu ditetapkan kepada tamat darjah lima Sekolah Melayu. *A child of ten who passed standard V in a vernacular school was suggested to me as the only suitable person in the district where it was desired to open a Girls' School.*²⁴⁴

Selain ketidakseragaman dari segi tahap, kurikulum yang digunakan untuk sekolah perempuan Melayu juga lebih rendah satu tahap berbanding dengan kurikulum yang digunakan untuk sekolah lelaki Melayu dan juga sekolah perempuan Inggeris.²⁴⁵ Walau pun mata pelajaran jahitan dan sulaman yang digunakan di Sekolah Perempuan Melayu sama dengan mata pelajaran yang digunakan di sekolah perempuan Inggeris tetapi dari segi tahap, ia didapati lebih rendah (rendah satu tahap). *“Needlework in Girl's school will according to the syllabus for English Girl's School, Schedule II but one standard lower in each case”.*²⁴⁶

Di samping itu, sukatan pelajaran berkenaan pengetahuan asas rumah tangga juga berbeza antara daerah dan negeri bergantung pada keperluan dan juga tenaga pengajar. Selain itu, faktor bahan mentah dan juga budaya sesuatu negeri juga mempengaruhi bentuk dan jenis kemahiran yang diberikan. Sebagai contoh pada tahun 1928, mata pelajaran masakan diajar di 11 buah Sekolah Perempuan Melayu di Perak, tiga buah di Selangor dan sebuah di Pahang. Situasi ini dinyatakan dengan jelas dalam

²⁴³ Applies for a grant of the free tuition for his cousin in an English Girls School, Surat maklum balas daripada Setiausaha Residen British Selangor bertarikh 18th February 1924 dalam SEL.SEC, 436/1924.

²⁴⁴ Annual Report: 1919, Education Department Selangor, hlm. 12 dalam SEL.SEC 0978/1920, 24.February.1920.

²⁴⁵ Skrip wawancara dengan Y.B Tan Sri Fatimah Hashim yang dilakukan oleh Azizah Bte Kasah dari Arkib Negara Malaysia, Pita Rakaman Nombor 1, 9hb Ogos 1973. Setelah setahun berhenti, kali ni saya masuk sekolah perempuan. di Mersing ada sekolah perempuan. Saya dapati tingkatan pelajaran itu ada berbeza sedikit antara sekolah perempuan Melayu dengan sekolah lelaki Melayu. Saya dapati bahawa apa yang diajar oleh sekolah perempuan di kelas lima masa itu telah pun saya belajar di sekolah lelaki darjah empat.

²⁴⁶ Draft Code Of Regulations Government Grant-In-Aid, English And Vernacular School In The Federated Malay States 1898, Taiping: Printed At The Perak Government Printing Office, hlm. 26

Laporan Tahunan Pendidikan bagi NNMB pada tahun 1929. Laporan berkenaan menjelaskan bahawa;

*The needlework in the great majority of school was good and the standard was higher than 1928. Cookery was taught in eleven school in Perak, in three in Selangor and in one in Pahang.*²⁴⁷

*On the 82 Malay Vernacular Girls Schools, 5 had gardens, 3 did wearing, 72 mengkuang plaiting, 1 pottery, 23 lace-making, 1 batek-work and 35 cookery.*²⁴⁸

Selain daripada kelemahan dari sukatan dan perbezaan tahap (standard), objektif kurikulum sekolah perempuan Melayu juga lemah dan kurang berorientasikan peperiksaan sebagaimana sekolah perempuan Inggeris. Kurikulum yang disediakan bagi sekolah perempuan Inggeris adalah berasaskan *Senior Cambridge School Certificate Examination* yang mempunyai 'standard' yang tinggi.²⁴⁹ Mereka yang mempunyai kelulusan Sekolah Inggeris mempunyai peluang yang lebih cerah untuk melanjutkan pelajaran dan mendapatkan pekerjaan. Selain itu, kurikulum yang digunakan di sekolah Inggeris juga lebih berorientasikan pekerjaan serta kehendak ekonomi Tanah Melayu.

The curriculum also reflected the economic trend of the period. The early history of education in Malaysia shows that the main purpose of the syllabus was to teach children reading and writing English, as well as aritmetik, with a view to obtaining just that amount of knowledge as would secure then gainful employment.²⁵⁰

²⁴⁷ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1929, hlm. 22 dalam *Supplements to the Federated Malay States Government Gazette 5th December 1930* dalam CO 576/39.

²⁴⁸ Lihat Federated Malay States, Annual Report on Education Department for the year 1935, hlm. 67 dalam CO 576/53

²⁴⁹ Haris Md..Jadi, *Etnik, Politik Dan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 18.

²⁵⁰ Lihat Francis Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann education Book (Asia) Ltd, 1975, hlm. 32

Mata pelajaran yang ditawarkan juga merupakan mata pelajaran yang lebih bersifat akademik selain mata pelajaran kesihatan dan kemahiran.²⁵¹ Antara mata pelajaran yang ditawarkan di Sekolah-sekolah Inggeris adalah seperti berikut;

Jadual 4.12: Kurikulum Sekolah Inggeris Di Tanah Melayu

No	Mata Pelajaran
1.	Bahasa Inggeris
2.	Kesusasteraan
3.	Aritmetik
4.	Geografi
5.	Kesihatan
6.	Latihan Fizikal
7.	Tatabahasa Melayu
8.	Latihan Bertulis
9.	Lisan
10.	Algebra
11.	Kimia, Fizik, Biologi
12.	Lukisan
13.	Simpan Kira
14.	Asas Pertanian
15.	Peraturan Pengukuran

Sumber: *Education Policy In Malaya 1926* dalam CO 717/53/14, No. Fail C.F.20671

Kurikulum yang ditawarkan di Sekolah Inggeris adalah lebih berdaya saing dan lebih tinggi berbanding dengan kurikulum Sekolah Melayu. Mata pelajaran seperti kimia, fizik, biologi dan algebra adalah antara mata pelajaran yang tidak terdapat dalam kurikulum Sekolah Perempuan Melayu. Sedangkan mata pelajaran ini adalah sangat penting untuk pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan dan juga

²⁵¹ Education Policy in Malaya, 1926, dalam CO 717/53/14, No. Fail C.F.20671, mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah Inggeris mempunyai nilai akademik yang tinggi. Pelajar-pelajar juga melalui proses pembelajaran yang lebih lama (11 tahun) berbanding sekolah Melayu (4, 5 atau 6 tahun).

memasuki universiti di luar negara.²⁵² Mata pelajaran ini juga penting kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pelajaran dalam bidang sains dan teknikal. Di samping itu, bagi pelajar-pelajar perempuan yang ingin memasuki kolej latihan kejururawatan dan kolej perubatan, mata pelajaran ini adalah antara mata pelajaran yang diambil kira sebelum seseorang pelajar diterima masuk ke kolej-kolej berkenaan. Jadual 4.13 menunjukkan perincian sukatan pelajaran bagi Sekolah Inggeris pada tahun 1930.

Jadual 4.13: Perincian Sukatan Pelajaran Bagi Sekolah Inggeris
Pada Tahun 1930

Primary	Elementary Standard 1 to 5	Secondary Standard 6 to 9
Reading	Reading	Reading
Script Writing	Written Composition	Conversation and Composition
Arithmetic	Recitation	Arithmetic
Conversation	Spelling and Dictation	Geography
Recitation	Writing	History
Singing	Arithmetic	Algebra
Physical Exercises	Geography	Malay
Hygiene	Hygiene	Hygiene
	Drawing	Drawing
	Physical Training	Physical Training
	Needlework (Female Pupil)	English Language
	History (from standard 2)	English Literature
	Malay Language (from standard 5)	Religious Knowledge (offered by Mission School)
		Latin (in the major school)
		General Science (after 1938)

Sumber: Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward The Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur, Oxford Universiti Press, 1975, hlm.142, Appendix 3, Diagram 3, The School Curriculum During The 1930s.

²⁵² Federated Malay States, Annual Report on Education For The Year 1954. "The curriculum of the secondary school is similar to that of the grammar school in the United Kingdom and leads to the Cambridge School Certificate"

Perbezaan tahap kurikulum kerja tangan di antara sekolah perempuan Melayu dan sekolah perempuan Inggeris dapat dilihat semasa pameran dan pertandingan kerja tangan pada setiap tahun. Pada setiap tahun, hasil kerja tangan pelajar-pelajar perempuan (Sekolah Melayu dan Sekolah Inggeris) seperti sulaman, membuat perkakasan dan jahitan akan di pameran dan dipertandingkan dalam *Malayan Agri-Horticultural Association Exhibition*. Hasil-hasil kerja tangan ini juga turut dijual kepada orang ramai semasa Hari Ibu Bapa yang diadakan di sekolah setiap tahun.²⁵³ Pada tahun 1936, Sekolah-sekolah Perempuan Melayu di Selangor telah menghantar 300 hasil kerja tangan pelajar dan 25 daripadanya telah menerima pelbagai anugerah.²⁵⁴ Pertandingan ini juga turut disertai oleh Sekolah Perempuan Inggeris di Selangor dan mereka memenangi 24 anugerah di mana Sekolah Inggeris Perempuan Pudu sahaja memenangi 10 anugerah, Methodist Girls' School mendapat tujuh anugerah dan St. Marys' Girls' School mendapat tujuh anugerah.²⁵⁵

Secara keseluruhannya, kurikulum yang disediakan untuk Sekolah Perempuan Melayu adalah kurikulum yang lemah, rendah, statik, tidak berdaya saing dan tidak berorientasikan pekerjaan. Kurikulum ini juga bersesuaian dengan objektif British terhadap pendidikan wanita Melayu iaitu memberi pengetahuan asas 3M dan juga pengetahuan asas pengurusan rumah tangga. Walau pun terdapat perubahan dari segi kurikulum, namun perubahan yang dilakukan adalah sangat terhad dan terbatas.

Kekurangan Peruntukan Kewangan

Selain masalah kelemahan kurikulum, halangan dan cabaran kewangan juga turut memberi kesan negatif kepada perkembangan pendidikan wanita Melayu. Masalah

²⁵³ Lihat Annual Report of the Sosial and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1936, hlm. 75 dalam CO 576/55. *The School exhibition and parents days were very well supported by the parents, who also took great interest in the sports which were held in the afternoon following the exhibition.*

²⁵⁴ Ibid.

²⁵⁵ Ibid., hlm. 76.

kekurangan peruntukan kewangan ini dapat dilihat melalui peruntukan kewangan bagi peruntukan gaji guru dan peruntukan biasiswa kepada pelajar perempuan Melayu. Sebelum kewujudan NNMB, tidak banyak sekolah perempuan Melayu yang ditubuhkan dan jawatan sebagai guru juga dilihat tidak menarik dan tidak sepenting pekerjaan sebagai kerani, polis atau budak pejabat. Keadaan ini menyebabkan gaji guru pada peringkat awal adalah lebih rendah berbanding dengan kerani, polis dan budak pejabat. Pada tahun 1886, A.H. Hill melaporkan;

Gaji hitung panjang termasuk (capitation allowances dan gratuities) yang diterima oleh seorang guru dalam tahun lepas (1886) ialah \$11.08 sebulan. Kadar gaji ini, bila dibandingkan dengan gaji-gaji budak pejabat, peon, polis dan sebagainya., tidaklah dapat dikatakan mencukupi untuk membekalkan guru-guru yang cekap mengajar mata pelajaran- mata pelajaran dalam kursus Melayu itu.²⁵⁶

Sebelum tahun 1900-an, kerajaan British tidak mempunyai satu kriteria yang khusus dalam menentukan kelayakan dan gaji bagi guru-guru sekolah Melayu. Kebiasaannya kelayakan dan gaji guru-guru adalah bergantung kepada budi bicara pegawai-pegawai British (Resident British) di Tanah Melayu. Kerajaan British merasakan gaji minimum yang diberikan kepada guru-guru Melayu adalah bertepatan dengan kelayakan dan kebolehan mereka yang juga minimum.²⁵⁷

The criteria for a teacher's suitability according to Swettenham were that he should be able to teach (I) the koran, (II) reading and writing Malay, (III) simple arithmetic and he was to receive a salary of \$20 a month.²⁵⁸

Menjelang tahun 1902, gaji guru sekolah Melayu telah menunjukkan peningkatan daripada tahun-tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, tangga gaji guru

²⁵⁶ Annual Department Report Of The Strait Settlements, 1886, part 1, hlm. 141.

²⁵⁷ Lihat Vernacular School: Teacher Salaries dalam CO 54/887/11. Lihat Juga Federated Malay States dalam CO 717/119/1 menyatakan sebelum tahun 1935, guru-guru sekolah Melayu dikenali sebagai 'Pupil Teacher'. Pemilihannya adalah daripada murid yang lulus tertinggi sekolah Melayu sementara gaji yang ditawarkan ialah \$15 sebulan. "*Pupil-Teacher...a salary of \$15 a month rising by annual increments of \$1 a month to \$20.*"

²⁵⁸ Rex Stevenson, *Cultivator And Administrators, British Education Policy Towards the Malay 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 32.

pelatih masih jauh lebih rendah daripada gaji tukang sapu sampah, peon dan juga pembawa surat.²⁵⁹ Dalam Laporan *Inspector of School*, Kuala Lumpur pada 14 Mac 1902, dinyatakan bahawa gaji seorang guru perempuan Melayu (Guru Jahitan) hanyalah sebanyak \$20 sebulan sahaja. Dalam surat berkenaan, *Inspector of School* menyatakan; *I have the honour to recommended that Chik (female) be appointed Wearing Mistress at the Malay Girls School Kuala Lumpur on a salary of \$20 per mensem.*²⁶⁰ Namun demikian, maklumat ini tidak dinyatakan dalam Laporan Perbelanjaan negeri Selangor pada tahun 1904.

²⁵⁹ Lihat Scheme for the Salaries of Teacher in Government School, (III) Teacher in Vernacular School, by Oliver Marks (Acting Secretary to Resident General, F.M.S) hlm. 1-2 dalam Report by the Resident General (W.Hood. Treacher) of the Federated Malay States to H.E. The High Commissioner dalam CO 463/3. Gaji guru Sekolah Vernakular Melayu pada tahun 1902 adalah seperti berikut, Kelas I, \$360, Kelas II, \$270, Kelas III, \$216, Kelas IV, \$180, Guru Pembantu, \$108, Pupil Teacher-Tahun Pertama, \$72, Tahun kedua, \$96. Lihat juga Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu Di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 21. Seorang guru penolong yang tidak mendapat latihan apa-apa selain daripada latihan guru pelatihnya sahaja menerima gaji sebanyak \$108.00 setahun. Sekiranya ia lulus Peperiksaan Guru Pelatih menurut Artikel 79 dalam kanun pelajaran (*Education Code*), ia akan menerima \$132.00 setahun. Guru-guru latihan Maktab menerima \$150.00 setahun. Dalam tahun yang sama, gaji permulaan sebanyak-banyaknya bagi penarik pungkah atau tukang sapu sampah ialah \$96.00 setahun, gaji peon atau pembawa surat ialah \$120.00 setahun dan bertambah menjadi \$144.00 setahun selepas enam tahun.

²⁶⁰ Recommends that Chik (female) be appointed wearing mistress at the Malay Girls School Kuala Lumpur by Inspector of School Kuala Lumpur, 14th March 1902 dalam Fail No 1748/1902.

Jadual 4.14: Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Pembayaran Gaji Kakitangan Kerajaan Di Negeri Selangor Pada Tahun 1904

No	Perkara	Gaji /bulan	Jumlah (\$)
1	Inspector of School (1)	1800	1800
2	Clerk, 3 rd grade (1)	600	600
3	Chinese School Master (1)	600	600
4	Chinese School Master Pudoh (1)	480	480
5	Malay School Master (1)	360	360
6	Malay School Master Setapak (1)	360	360
7	Visiting Teacher, 1 at 660, 1 at 480 (2)	660/480	1140
8	Assistant Teacher, 6 at 108 (6)	108	648
9	Tamil Master, 2 at 300 (2)	300	600
10	Pupil Teacher, 30 at 72 (30)	72	2,160
11	Teacher Girls School 2 at 270 (2)	270	540
12	Peon at 120 (1)	120	120
	Walau bagaimanapun gaji bagi Malay Girls School(Tidak dinyatakan)	-	-

Sumber: Selangor Estimates of Revenue, 1904, hlm. 27 dalam Annual Report of the state of *Selangor Administration Report for the year 1903* dalam Annual Report of the state of Selangor 1896-1905 dalam CO 439/2.

Walaupun satu skim gaji yang baharu telah dibuat oleh British untuk guru-guru Melayu pada tahun 1904, namun gaji guru-guru Melayu masih jauh lebih rendah daripada gaji guru-guru bangsa Eropah.²⁶¹ Hal yang demikian kerana kebanyakan guru-guru Melayu adalah guru yang tidak terlatih dan kelulusan mereka juga jauh lebih rendah berbanding dengan guru-guru bangsa Eropah. Oleh itu, kebanyakan daripada mereka adalah Guru Kelas III dan ke bawah.

²⁶¹ Scheme for Salaries of Teachers in Government School endorsed in Negeri Sembilan State Secretary 2910/02. Gaji guru-guru sekolah Inggeris Bumiputera dan Erusian) bagi Gred I ialah \$85 - \$125 sebulan; Gred II \$35 - \$60 sebulan, jauh lebih tinggi daripada guru Sekolah Melayu.

Jadual 4.15: Jadual Gaji Guru Mengikut Jenis Guru Pada Tahun 1904

Jenis guru	Gaji
Guru pelawat	\$40 -\$50 sebulan
Guru Kelas I	\$30.00 sebulan
Guru Kelas II	\$26.00 sebulan
Guru Kelas III	\$18.00 sebulan
Guru Kelas IV	\$15.00 sebulan
Guru Penolong Kelas I	\$12.50 sebulan
Guru Penolong Kelas II	\$11.00 sebulan
Guru Penolong Kelas III	\$11.00 sebulan

Sumber: *The Federated Malay States Civil Service List, January 1904*, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1904, Scheme for Salaries of Teachers in Government School endorsed in Negeri Sembilan State Secretary 2910/02

Pada tahun 1917, gaji guru bagi sekolah-sekolah vernakular diperbaiki bagi menarik minat lebih ramai lulusan sekolah Melayu menjadi guru. Perubahan ini dibuat selepas mengambil kira cadangan daripada laporan yang telah dibuat oleh R.O. Winsdent selepas kembali dari melawat Jawa dan Filipina. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara antara gaji guru lelaki Melayu dan guru perempuan Melayu meskipun dalam gred jawatan yang sama. Sebagai contoh, gred gaji Kelas 1 bagi guru lelaki ialah \$720 berbanding \$216 bagi gaji guru perempuan Sekolah Melayu.²⁶² Di samping itu, kebanyakan guru perempuan Melayu juga adalah guru yang tidak terlatih dan mereka menerima gaji yang lebih rendah berbanding dengan guru lelaki yang kebanyakannya terlatih. Jadual 3.16 di bawah menunjukkan perbezaan gaji antara guru lelaki dan guru perempuan di Sekolah Vernakular Melayu.

²⁶² Salaries of Education Teachers in Malaya School, 1917 dalam Strait Settlement 2407/1917, Lihat Juga *The Federated Malay States Civil Service List, January 1904*, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1904. Lihat Juga *Education Department, Revision Of Salary Above The Timescale In The Education Department, F.M.S & S.S, 25/10/1926* dalam CO 717/53/16, (No Fail 5/291), menyatakan gaji Senior Education Officers Gred A \$900 (a month) dan Senior Education Officers Gred B ialah \$850 (a month).

Jadual 4.16: Perbezaan Gaji Guru Lelaki dan Perempuan di sekolah Vernakular Melayu pada tahun 1917

Jantina/ Kategori Guru	Gaji
Guru Lelaki	
1. Special Class	\$960 A60-440
2. Class I	\$720 A60-900
3. Class II A trained	\$360 A36-540
4. Class II B (Untrained)	\$252 A24- 420
5. Class III A (Trained)	\$240 A24-336
6. Class III B (Untrained)	\$144 A12-180
7. Class IV	\$120
Guru Perempuan	
1. Class I	\$216 A12-300
2. Class II	\$144 A12-204
3. Class III	\$84 A12-108

Sumber: Salaries of Education Teachers in Malaya School, 1917 dalam Strait Settlement Fail No. 2407/1917, Lihat Juga *The Federated Malay States Civil Service List, January 1904*, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1904. Lihat Juga *Education Department, Revision Of Salary Above The Timescale In The Education Department, F.M.S & S.S, 25/10/1926* dalam CO 717/53/16, No Fail 5/291.

Selain itu, guru-guru sekolah perempuan Melayu yang ingin bercuti panjang seperti cuti perkahwinan atau sebagainya perlu memohon cuti tanpa gaji daripada *Inspector of School* di negeri masing-masing sebelum permohonan berkenaan di kemukakan kepada Residen British. Sebagai contoh Halimah binti Husin pada Jun 1926, telah memohon cuti tanpa gaji selama dua bulan iaitu dari 1.7.1926 sehingga 31.8.1926 kerana membuat persiapan perkahwinan.²⁶³ Masalah berkenaan gaji yang tidak setimpal dan tiada kemudahan cuti bergaji ini telah menyebabkan ramai murid-murid perempuan tidak berminat untuk menjadi guru dan situasi ini menyebabkan banyak sekolah perempuan tidak mempunyai bekalan guru yang mencukupi

²⁶³ Application by Halimah binti Husin, Assistent Women Teacher at the Malay Girls' School Batu, for two month no-pay bertarikh 14.6.1926 dalam SEL.SEC. 3150/1926. NO.2 in Sel Edu. 462/26.

Situasi ini bukan sahaja dihadapi oleh guru perempuan di sekolah Melayu, malah turut dihadapi oleh guru perempuan di sekolah Inggeris. Jika merujuk kepada jadual 4.17 di bawah, terdapat perbezaan antara gred guru lelaki dan guru perempuan walaupun mempunyai kelulusan yang sama. Sebagai contoh guru perempuan yang berkelulusan *Senior Cambridge* dan mempunyai sijil Kelas Normal diletakkan pada gred Kelas Dua, tetapi bagi guru lelaki yang mempunyai kelulusan yang sama pula diletakkan pada Kelas Satu. Perbezaan ini memberi implikasi besar terhadap jumlah gaji yang diterima oleh guru-guru berkenaan.

Jadual 4.17: Perbezaan Gred Guru Lelaki Dan Perempuan Di sekolah Inggeris Pada Tahun 1928.

Gred Guru	Jantina/ Kelulusan Guru
Kelas Satu (I)	Guru Lelaki yang berkelulusan Senior Cambridge dan Sijil Dalam Kelas Normal
Kelas Dua (II)	Guru Wanita yang berkelulusan Senior Cambridge dan Sijil Dalam Kelas Normal
Kelas Tiga A (III A)	Guru Lelaki dengan Sijil Kelas Normal
Kelas Tiga B (III B)	Guru Wanita dengan Sijil Kelas Normal
Kelas Empat A (IV A)	Guru Lelaki berkelulusan Senior Cambridge sahaja
Kelas Empat B (IV B)	Guru Wanita berkelulusan Senior Cambridge sahaja
Kelas Lima (V)	Guru berkelulusan Junior Cambridge atau Darjah Tujuh sahaja.

Sumber: J.S. Nagel, *Educational Needs Of The Straits Settlements And Federated Malay States*, Baltimore: John Hopkins University, 1928, hlm. 32.

Selain itu, guru-guru yang menunjukkan prestasi yang rendah akan diberikan gaji yang lebih rendah. Di samping itu, guru-guru yang memberikan perkhidmatan yang baik terhadap pengajaran akan diberikan skim tertentu dan menerima gaji yang lebih tinggi

daripada sebelumnya.²⁶⁴ Walau bagaimanapun, amalan ini sebenarnya adalah amalan biasa yang dilakukan di London di mana gaji guru lelaki dan guru perempuan adalah berbeza dan pemberian gaji adalah berdasarkan prestasi, kebolehan dan keupayaan mereka (*equal pay for equal work*). Gaji setiap guru diberi mengikut gred tetapi dikawal mengikut prestasi kerja iaitu wujud gaji minimum dan gaji maksimum.²⁶⁵ Dalam *Report of the Department Committee* (Volume II) yang dibentangkan di Parlimen London pada tahun 1918, Mrs. E.E. Kemble, H.M. *Inspector of School* menyatakan bahawa;

Sex- Theoretically, there should be no difference in the salaries paid to men and women of the sama grade. Payment should be based on the work done, and not on the needs of the workers. In practice, however equal pay to men and women will not be possible for many years.²⁶⁶

Jadual 4.18 di sebelah menunjukkan perbezaan gaji guru lelaki dan guru perempuan di London. Selain itu, jadual ini juga menunjukkan jumlah gaji minimum dan maksimum berdasarkan gred gaji guru.

²⁶⁴ Salaries of Education Teachers in Malaya School, 1917 dalam Strait Settlement 2407/1917.

²⁶⁵ Lihat Rujuk jadual 3.17 untuk melihat gaji minimum dan maximum berdasarkan gred.

²⁶⁶ ED 24/1783 Report of the Department Committee, Volum II, Summaries of Evidence and Memoranda, Presented to Majesty, London, Published by his Majesty Stationary Office, 1918. Walau bagaimanapun, tangga gaji bagi guru lelaki dan guru perempuan di London juga adalah berbeza. Alasan yang diberikan ialah guru perempuan akan lebih banyak mengambil cuti dan bagi yang telah berkahwin tanggungjawab dan komitmen terhadap kerja dikatakan berkurangan.

Jadual 4.18: Tangga Gaji Guru Di London Pada Tahun 1918

No	Ordinary Elementary School	£ (Minimum)	£ (Moderate)	£ (Maximum)
1	Maximum Trained C, Assistant Men	180	200	240
2	Maximum Trained C, Assistant Women	135	150	180
3	Minimum for Head Master with 14 years service as Assistant	200	225	270
4	Minimum for Head Mistress with 13 years service as Assistant	150	165	200
5	Maximum for Head Master of school containing older boy with 400 on roll	270	300	360
	Maximum for Head Master of school containing older boy with 400 on roll	200	225	270
	Higher Grade School			
1	Maximum for Assistant Men	210	230	280
2	Maximum for Assistant Women	160	175	210
3	Maximum for Head Master of 400 school	400	450	540
4	Maximum for Head Mistress of 400 school	300	340	400

Sumber: Report of the Department Committee, Volum II, Summaries of Evidence and Memoranda, Presented to Majesty, London, Published by his Majesty Stationary Office, 1918 dalam ED 24/1783.

Jika dilihat tangga gaji guru-guru di London, terdapat perbezaan yang ketara antara gaji guru lelaki dan gaji guru perempuan. Amalan gaji yang dianggap sebagai 'double standard' oleh Persatuan Kebangsaan Guru Wanita (*National Federation of women Teacher*) di London ini telah diguna pakai di Tanah Melayu menyebabkan

wujudnya tangga gaji yang juga berbeza antara guru lelaki dan perempuan.²⁶⁷ Apa yang jelas ialah, masalah pemberian gaji yang rendah kepada guru perempuan bukanlah perkara yang luar biasa bagi kerajaan British. Hal yang demikian juga memberi gambaran bahawa sikap prejudis dan *double standard* terhadap wanita ini sebenarnya telah diamalkan oleh kerajaan British dan apa yang dilakukan di Tanah Melayu hanyalah penerusan terhadap dasar berkenaan.

Selain masalah gaji yang rendah, masalah ketiadaan peruntukan biasiswa juga telah menyebabkan perkembangan pendidikan wanita Melayu menjadi perlahan dan jauh ketinggalan. Pemberian biasiswa kepada pelajar di Tanah Melayu telah diperkenalkan pada tahun 1881. Pada tahun berkenaan, biasiswa Queen (sebagai penghormatan kepada Queen Victoria) telah diperkenalkan oleh Gabenor Negeri Selat iaitu Sir Cecil Clementi Smith.²⁶⁸ Tujuan pemberian biasiswa ini adalah untuk menggalakkan pelajar yang cemerlang meneruskan persekolahan ke Sekolah Inggeris.²⁶⁹ Biasiswa ini kemudiannya telah diperluaskan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan tempatan (Junior and Senior, Cambridge) di sekolah-sekolah Inggeris untuk melanjutkan pelajaran ke England.²⁷⁰ Walau bagaimanapun, pada peringkat awal kemudahan biasiswa ini hanya disediakan kepada pelajar lelaki sahaja.

Kemudiannya pada tahun 1902, *Education Code 1899* disemak semula dan ketetapan baharu telah dibuat berkenaan pemberian biasiswa kepada pelajar. Walau

²⁶⁷ Pada Isnin, 20 Oktober 1919, Persatuan Kebangsaan Guru Wanita London telah menghantar resolusi kepada pihak kerajaan membantah gred gaji yang berbeza kepada guru berdasarkan jantina. Dalam resolusi berkenaan persatuan menyatakan ketegasan supaya kerajaan tidak bersikap pilih kasih atau *double standard* dalam pemberian gaji guru. *That this meeting convened by the National Federation of Women Teachers denounces the prevailing custom of paying a double standard of wage to men and women for the same type of work and call upon the Government to give a lead to the country by establishing the principle of 'equal pay for equal work' in all branches of its services.* Lihat Report of the Department Committee, Volum II, Summaries of Evidence and Memoranda, Presented to Majesty, London, Published by his Majesty Stationary Office, 1918 dalam ED 24/1783.

²⁶⁸ Annual Department Report Federated Malay States, 1907, hlm. 1.

²⁶⁹ Francis Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong, *Pendidikan Di Malaysia*, Heinemann Educational Books, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 22-23

²⁷⁰ Biasiswa sejumlah \$60 dan \$84 telah diberikan kepada pelajar lelaki yang cemerlang untuk membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris yang lebih baik. Lihat Francis Wong Hoy Kee, Gwee Yee Hean, *Official Report On Education: Straits Settlements And The Federated Malay States 1879-1939*, Singapore: Pan Pacific Book Distributors, 1980, hlm. 6.

bagaimanapun, pemberian biasiswa (dalam bentuk geran) berkenaan adalah berdasarkan kedatangan pelajar dan juga prestasi sekolah dalam peperiksaan.²⁷¹ Maklumat berkenaan biasiswa tersebut adalah seperti berikut;

- a. Biasiswa pokok sebanyak \$10, \$14 atau \$16 bagi setiap pelajar yang menghadiri peperiksaan darjah 5 hingga darjah 7, \$5, \$7 atau \$18 bagi setiap penuntut yang hadir untuk peperiksaan darjah 1 hingga darjah 4.
- b. Biasiswa untuk disiplin dan organisasi sebanyak \$1, \$1.50 atau \$2 untuk setiap penuntut yang menghadiri sekolah
- c. Biasiswa \$5 diberikan kepada penuntut yang lulus dalam mata pelajaran khas di semua sekolah dan \$3 kepada penuntut wanita yang lulus dalam seni jahitan.²⁷²

Pada tahun 1904, kemudahan biasiswa mula diperluaskan agar lebih ramai pelajar berpeluang untuk mendapatkan biasiswa.²⁷³ Pada tahun 1910, dasar ini kemudiannya diperbaharui dan diperluaskan oleh pihak kerajaan bagi membolehkan pelajar-pelajar lelaki lepasan Sekolah Inggeris melanjutkan pelajaran ke pusat matrikulasi, universiti dan pusat pengajian tinggi yang lain.²⁷⁴

They have now been renewed..., preparation is now given in English school for the Matriculation Examinations of London and Hong Kong Universities and the Singapore Medical College, and the London University Intermediate Arts and Bachelor of Art Examinations, in addition to the Cambridge Local Examination.²⁷⁵

Walau bagaimanapun, sehingga tahun 1910, pemberian biasiswa hanya terbuka kepada pelajar lelaki yang cemerlang sahaja. *Under D Of E.(Director Of Education) 845/22 free education may be granted to a Malay Boy the principal condition being...*

²⁷¹ Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1964, hlm. 265.

²⁷² Ibid.

²⁷³ Ibid., hlm. 265-266.

²⁷⁴ R. L. German, *Handbook To British Malaya*. Malaya House, Malayan Civil Services The Malayan Information Agency, 1930, hlm. 110.

²⁷⁵ Ibid., hlm.132.

*There are no special regulations for girls.*²⁷⁶ Sungguhpun demikian, Pengarah Pelajaran (D Of E) bagi NNMB dan juga Residen British mempunyai kuasa budi bicara untuk memberikan biasiswa kepada mana-mana pelajar perempuan Melayu yang cemerlang dan di rasakan perlukan bantuan. Sebagai contoh pada Julai 1922, Pengarah Pelajaran bagi NNMB telah memberi bantuan kewangan kepada dua orang pelajar perempuan Melayu yang cemerlang dalam peperiksaan untuk memasuki Sekolah Convent di Kuala Lumpur.²⁷⁷

Manakala pada tahun 1923, biasiswa diberikan kepada seorang pelajar perempuan Melayu yang ingin memasuki Methodist Girls' School, Kuala Lumpur. Boleh dikatakan pemberian biasiswa kepada pelajar perempuan Melayu adalah sangat terbatas kecuali bagi pelajar-pelajar yang betul-betul cemerlang dan memerlukan sahaja.

Under D Of E. 845/22 Mr. Coleman, Inspector of School, granted free tuition to two girls in the Convent. In July 1923, I granted free tuition to a Malay Girls in the Methodist Girls' School, Kuala Lumpur because she was the best girl in her class (Standard V Malay School, Seputih) and her father was unable to pay the fees.²⁷⁸

Walau bagaimanapun, pada tahun 1924, permohonan untuk mendapatkan biasiswa kepada empat pelajar perempuan Melayu yang ingin melanjutkan pelajaran di Methodist School Klang telah ditolak dengan alasan bahawa kerajaan British tidak mempunyai peruntukan untuk membiayai permohonan berkenaan. Permohonan bantuan ini telah dibuat oleh Pegawai Daerah Klang melalui Pengarah Pelajaran kepada Residen British Selangor pada 20 Oktober 1924. Pegawai Daerah Klang memohon peruntukan sebanyak \$100 untuk membiayai empat orang pelajar perempuan Melayu yang ingin menyambung persekolahan di Sekolah Inggeris. Namun jawapan balas dari Setiausaha Residen British Selangor adalah mendukacitakan. Setiausaha Residen hanya memberi

²⁷⁶ Grant of \$100 to be cover school fees for a year for 4 Malay Girls dalam SEL.SEC, 3989/1924, No 683/24 dated 27.2.1924.

²⁷⁷ Ibid.

²⁷⁸ Ibid.

alasan bahawa Kerajaan British tidak mempunyai peruntukan untuk membiayai perbelanjaan berkenaan.

With reference to your letter... a proposal to make a grant of \$100 to cover school fees for a year for four Malay Girls at the Methodist School Klang. I am directed to inform you that, after consulting the Director of Education, the Resident is unable to support the proposal.²⁷⁹

Walau bagaimanapun, dalam fail Setiausaha Kerajaan Selangor, Pengarah Pelajaran (D of E) bagi negeri Selangor menyatakan dengan jelas bahawa pendidikan percuma untuk ke sekolah Inggeris seharusnya diberi kepada semua pelajar Melayu sama ada lelaki atau perempuan. Beliau berpendapat bahawa dalam kod pendidikan II, para 16, menyatakan pemberian biasiswa diberi kepada pelajar Melayu dan ia seharusnya merangkumi pelajar lelaki dan juga pelajar perempuan. Beliau menyatakan; *In para 16 the word used is not "boys" and it is not "girls". It is "pupils" is this includes both the...*²⁸⁰ Walau bagaimanapun, permasalahan ini kemudiannya telah dijelaskan oleh Pengarah Pelajaran bagi NNS dan NNMB (R.O.Winstedt) pada 10 Ogos 1925. Beliau menjelaskan bahawa pendidikan Inggeris untuk anak-anak perempuan Melayu masih lagi belum dipertimbangkan oleh kerajaan British. Dengan kata lain, kenyataan ini bermaksud, sehingga tahun 1925, tidak ada kemudahan biasiswa yang khusus kepada pelajar perempuan Melayu untuk memasuki Sekolah Inggeris.

The condition governing free education for Malay boys are given in section 16, page 3, of the enclosed regulation. The problem of free English education for Malay girls has hitherto not been considered. Seeing that there are a large number of Malay boys learning English, it would appear that some encouragement for girls to study the same language is desirable.²⁸¹

²⁷⁹ Grant of \$100 to be cover school fees for a year for 4 Malay Girls dalam SEL:SEC: 3989/1924, Fail No.3989/24, dated 27.2.1924.

²⁸⁰ Free English Education for Malay Girls dalam SEL.SEC.3831/1925.

²⁸¹ Free English Education for Malay Girls, 10. Ogos 1925. Surat daripada pejabat Pengarah Pelajaran bagi NNS dan NNMB di Singapura bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Pengarah pelajaran negeri Selangor dalam SEL.SEC.3831/1925, Fail.No.785/25.

Namun demikian, pada tahun 1927, kerajaan Selangor telah menyediakan biasiswa khusus bagi membolehkan pelajar perempuan Melayu untuk melanjutkan pelajaran di sekolah Inggeris.²⁸² Biasiswa ini adalah yang pertama diwujudkan khusus untuk pelajar perempuan Melayu yang cemerlang. Dalam *Selangor Secretariat* pada 12 Januari 1927, (*Selangor Scholarship, Scholarships For Girls From Malay School To English School*) menyatakan dengan terperinci mengenai peruntukan biasiswa kepada pelajar perempuan yang ingin ke sekolah Inggeris. Syarat pemberian biasiswa berkenaan adalah seperti berikut;

Each scholarship will be of value of \$120 per annum and be tenable for seven years: provided that, if a hostel for girls is opened, the Government may during term time substitute for money grant, a grant of free board and lodging with a reasonable pocket money allowance... scholarship will be open to all girls who have passed Standard II or III in a Malay Vernacular School and are under 10 years of age.²⁸³

Peruntukan ini juga telah dimasukkan dalam peruntukan perbelanjaan bagi biasiswa negeri Selangor. Dalam belanjawan negeri pada tahun 1927, kerajaan Selangor telah memperuntukkan wang sebanyak \$600 untuk tujuan pemberian biasiswa kepada pelajar perempuan.²⁸⁴ Pada tahun 1928 pula, 10 orang pelajar perempuan Melayu di Selangor telah menerima biasiswa untuk belajar di sekolah Inggeris.²⁸⁵ Negeri Sembilan pada tahun 1930 juga telah memperuntukkan biasiswa kepada 10 orang pelajar perempuan Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris.²⁸⁶ Walau

²⁸² Lihat *Selangor Administration Report for the Year 1927*, hlm.13 dalam CO 439/4 *A demand from Malay Girls for an English education in gradually being flat. Scholarship for Malay girls were given for the first time during the year.*

²⁸³ Scholarships for Malay Girls' at English School bertarikh 12 Januari 1927 dalam SEL.SEC, 298/1927, No (6) in Sel. Edu.1024/26.

²⁸⁴ Ibid.

²⁸⁵ *Selangor Administration Report for the Year 1928*, hlm. 30 dalam CO 439/4 "The demand for an English education for Malay Girls is increasing. During the year, 10 Malay girls were in receipt of scholarship."

²⁸⁶ *Negeri Sembilan Administration Report for the Year 1930*, hlm. 15. *There are ten Malay girls who hold scholarship at English school and out of those seven are held by Malay girls attending the Government English school at Kuala Pilah and three by girls at the Seremban Convent.*

bagaimanapun, pada tahun 1931 jumlah biasiswa telah dikurangkan daripada \$120 pada tahun 1930 kepada \$108 pada tahun 1931.²⁸⁷

Menjelang tahun 1934, peluang untuk mendapatkan biasiswa adalah lebih terbuka kepada pelajar-pelajar perempuan Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah perempuan Inggeris. Menurut laporan Warta Kerajaan (*Gazette*) bagi NNMB pada tahun 1934, menyatakan daripada 383 jumlah pelajar yang menerima biasiswa, 72 daripadanya adalah pelajar perempuan Melayu.²⁸⁸ Kemudahan biasiswa ini adalah penting bagi pelajar perempuan Melayu kerana yuran sekolah Inggeris adalah tinggi dan kebanyakannya tidak mampu dibiayai oleh orang Melayu.²⁸⁹ Yuran yang dikenakan ke atas pelajar yang ingin memasuki sekolah Inggeris pada tahun 1932 adalah seperti berikut:

Jadual 4.19: Yuran Semasa Yang Dikenakan Ke Atas Murid-murid Sekolah Menengah Inggeris

Darjah	Murid Lelaki (\$) Sebulan	Murid Perempuan (\$) Sebulan
Empat Ke bawah	\$2.50	\$2.00
Empat Ke atas	\$4.00	\$3.00

Sumber: Education Policy in Selangor, 1932 dalam SEC.SEL.2596/1932,

Walau bagaimanapun, pada tahun berkenaan juga kadar yuran bagi pelajar lelaki dan perempuan telah dinaikkan. Dalam Kod Pendidikan (*Education Code*), halaman 14, Seksyen 13, 1934 mengatakan bahawa yuran bagi pelajar darjah 6 ke bawah adalah sebanyak \$3.00 berbanding \$2.50 bagi lelaki dan \$2.00 bagi perempuan pada

²⁸⁷ Reduction of scholarships for Malay boy and girls at English School, Education Office Seremban, 12th October 1931 dalam N.Sembilan.Sec.Financial. 700/1931, No. (4) in Ed.N.S.302-31.

²⁸⁸ Lihat *Supplements to the F.M.S. Government Gazette*, 13th July 1934, hlm. 42 dalam CO 574/70 *The number of girls receiving free tuition or scholarship from all sources was 383 including 72 Malays, of whom 11 held scholarship with money grants.*

²⁸⁹ Throughout the period between the two world wars, Malays styles separate the urban from barely one-fifth of urban dwellers. Sharp division of living styles separate the urban from the rural populations with the latter having very low incomes. Lihat juga Raja Rohana Raja Mamat, *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia: Daripada Perspektif Sosial dan Undang-Undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 4.

sebelumnya. Manakala bagi darjah 6 ke atas, yuran dinaikkan kepada \$6.00 atau \$9.00 berbanding \$4.00 atau \$3.00 pada tahun sebelumnya. Bagi pelajar perempuan Melayu yang hanya menerima biasiswa sebanyak \$108.00 setahun, jumlah yuran yang dikenakan adalah tinggi kerana perbelanjaan untuk pembelajaran di Sekolah Inggeris adalah sangat tinggi. Jadual 4.20 di bawah menunjukkan peningkatan yuran bagi Sekolah Inggeris pada tahun 1932-1934.

Jadual 4.20: Peningkatan Yuran Bagi Persekolahan pada tahun 1932-1934.

Darjah	Yuran Bagi Murid Lelaki dan Perempuan (\$) Sebulan
Enam Ke bawah	\$3.00
Enam ke atas	\$6 atau \$9 sebulan bergantung pada keputusan peperiksaan tahunan. Murid-murid yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan hanya perlu membayar \$6 sebulan dan mereka yang selebihnya perlu membayar \$9 sebulan. Walau bagaimanapun, bayaran \$9 sebulan akan dipertimbangkan semula dari semasa ke semasa.

Sumber: Annual Report on the Education Department for the year 1934, Appendix XVIII, hlm. 84 dalam Annual Report on the Social and Economic progress of the people of the Federated Malay States for 1934 dalam CO 576/50. Lihat juga, Education Policy in Selangor, 1932 dalam Straits Settlements 2596/1932.

Namun demikian, kenaikan yuran ini kemudiannya terpaksa dikurangkan kerana menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan penduduk. Di NNMB, kadar kenaikan yuran ini telah memberi kesan kepada kemerosotan bilangan pelajar perempuan di Sekolah Inggeris pada tahun 1934.²⁹⁰ Walau bagaimanapun, kadar yuran ini kembali kepada kadar asal kerana tentangan daripada penduduk Tanah Melayu. Oleh sebab yang demikian, Kod Pelajaran (*Education Code*) ini telah dipinda pada tahun

²⁹⁰ Dalam laporan berkenaan jumlah pelajar perempuan Melayu di Sekolah Inggeris adalah seperti berikut, pada tahun 1934, Perak 86 orang, Selangor 157, Negeri Sembilan 49 orang dan 10 orang di Pahang. Pada tahun 1935, jumlah ini sedikit meningkat kepada Perak 89 orang, Selangor 174 orang, Negeri Sembilan 43 orang dan Pahang 8 orang sahaja. Lihat Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of the Federated Malay States for the year 1934, hlm. 67 dalam CO 576/50. Lihat juga Annual Report of the Education Department for the year 1935, hlm. 91 dalam CO 576/53.

1934 dan yuran baharu ini akan hanya dilaksanakan 1 Januari 1942.²⁹¹ Kenaikan yuran dan kekurangan biasiswa ini telah menyebabkan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris agak sukar dan hanya murid perempuan daripada keluarga yang mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh sahaja berpeluang menikmatinya.²⁹²

Pada tahun 1934, dalam *Education Code, Pahang Scholarship* menyatakan negeri Pahang menawarkan biasiswa kepada semua pelajar Melayu yang lulus darjah empat dan lima untuk memasuki sekolah Inggeris. Walau bagaimanapun, tawaran biasiswa ini tidak menyatakan secara jelas mengenai pemberian biasiswa sama ada kepada semua pelajar atau hanya kepada pelajar lelaki sahaja. Namun demikian, berdasarkan *Comparative Statements of Estimated and Actual Expenditure of the Government of Pahang* pada tahun 1932, 1933,1934,1935, 1936, 1937 dan 1938, kerajaan negeri Pahang tidak menyediakan peruntukan biasiswa kepada pelajar perempuan Melayu dari tahun 1932 sehingga 1938.²⁹³

Scholarship will be open (a) to all Malay children who have passed standard IV or V in a Malay school and who were under 11 years of age when they joined an English School, (b) to any deserving in any of standards of English school.²⁹⁴

²⁹¹ Lihat Education Policy in Selangor, 1932 dalam Straits Settlements 2596/1932. Lihat juga Annual Report on the Education Department for the year 1934, Appendix. XVIII, hlm. 84 dalam Annual Report on the Social and Economic progress of the people of the Federated Malay States for 1934 dalam CO 576/50 Annual Report F.M.S 1934.

²⁹² Education Policy In Malaya dalam CO 717/53/14, menyatakan bahawa peruntukan biasiswa yang kecil disediakan untuk pelajar Melayu memasuki sekolah Inggeris. Selain itu, faktor kekurangan sekolah English dan juga yuran yang tinggi telah menghalang hasrat murid-murid Melayu melanjutkan pelajaran ke sekolah English.

²⁹³ Comparative Statements of Estimated and Actual Expenditure of the Government of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang 1932, 1933,1934,1935 dalam Federated Malay States, Financial Statements for the year 1932, 1933, 1934, 1935 dalam CO 576/71 dan Comparative Statements of Estimated and Actual Expenditure of the Government of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang 1932, 1933,1934,1935 dalam Federated Malay States, Financial Statements for the year 1936, 1937, 1938 dalam CO 576/72.

²⁹⁴ Education Code, Pahang Scholarship on page 13 and 14, with effect from the 1st Januari 1934, hlm. 14 dalam CO 717/107/6.

Keadaan ini berbeza dengan negeri Perak, Selangor dan juga Negeri Sembilan yang menyediakan peruntukan biasiswa kepada pelajar perempuan Melayu. Walau bagaimanapun, jumlah biasiswa dan jumlah pelajar yang menerima biasiswa adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Pada tahun 1936, kerajaan negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah biasiswa yang tertinggi khusus kepada pelajar perempuan Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris atau pusat pengajian tinggi yang lain. Daripada 363 biasiswa yang disediakan pada tahun berkenaan, sebanyak 110 daripadanya diberikan kepada pelajar perempuan Melayu.

Walaupun jumlah ini masih dianggap kecil jika dibandingkan dengan jumlah pelajar perempuan pada tahun 1936, namun ia telah menunjukkan peningkatan yang baik. Laporan berkenaan menyatakan; *The number of girls receiving free tuition or scholarships from all source was 368, including 110 Malays, of whom 14 held scholarships with money grant in addition to exemption from school fees.*²⁹⁵ Situasi ini berbeza dengan negeri Perak, di mana peruntukan biasiswa yang diberikan kepada pelajar perempuan Melayu hanyalah sebanyak \$1,152.00 atau 5.85 peratus sahaja berbanding \$18,507.50 untuk pelajar lelaki.²⁹⁶ Peruntukan yang sedikit ini menunjukkan bahawa hanya segelintir sahaja pelajar Perempuan Melayu yang berpeluang untuk mendapatkan pendidikan Inggeris. Jadual 4.21 menunjukkan jumlah peruntukan dan perbelanjaan biasiswa bagi pelajar perempuan dan lelaki Melayu di NNMB dari tahun 1932 sehingga 1938.

²⁹⁵ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1936, hlm. 76.

²⁹⁶ Perak: Comparative Statement of Estimated and Actual Expenditure 1936, hlm. 152 dalam Federated Malay States, Financial Statements for 1936-1938 dalam CO 576/72.

Jadual 4.21: Biasiswa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Melayu Untuk Memasuki Sekolah Inggeris Pada Tahun 1932-1938

Negeri/ Tahun	Biasiswa Pelajar Perempuan Melayu		Biasiswa Pelajar Lelaki Melayu	
	1932			
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan
Perak	\$1,440	\$1,420	\$25,200	\$24,700
Selangor	\$1,920	\$1,410	\$9,000	\$6,685
N. Sembilan	\$1,300	\$1,276.41	\$6,980	\$7,285.55
Pahang	-	-	\$12,000	\$10,554.35
Jumlah	\$4,660	\$4,106.41	\$53,180	\$49,224.90
	1933			
Perak	\$1,152	\$1,133.60	\$20,160	\$19,744
Selangor	\$1,680	\$1,260	\$8,000	\$5,952.09
N. Sembilan	\$1,056	\$1,000	\$5,664	\$5,465
Pahang	-	-	\$9,400	\$6,728.12
Jumlah	\$3,888	\$3,393	\$43,224	\$37,889.21
	1934			
Perak	\$1,152	\$1,136	\$20,160	\$19,808
Selangor	\$1,680	\$1,544.75	\$10,000	\$9,417.83
N. Sembilan	\$1,056	\$1,024.00	\$6,700	\$6,272
Pahang	-	-	\$6,800	\$5,179.77
Jumlah	\$4,584	\$3,704.75	\$43,660	\$40,677.60
	1935			
Perak	\$1,152	\$1,112	\$20,160	\$19,112
Selangor	\$1,680	\$1,550.72	\$7,500	\$6,968.05
N. Sembilan	\$1,056	\$560.	\$6,720	\$5,672
Pahang	-	-	\$7,500	\$5,462.23
Jumlah	\$4,584	\$3,222.72	\$41,880	\$37,214.28
	1936			
Perak	\$1,152	\$1,152	\$20,160	\$18,507.50
Selangor	\$2,160	\$1,381.55	\$8,100	\$8,065.72
N. Sembilan	\$1,056	\$600	\$6,720	\$6,112
Pahang	-	-	\$7,000	\$5,620.19
Jumlah	\$4,584	\$3,133.55	\$41,980	\$38,305.41
	1937			
Perak	\$1,368	\$1,368	\$20,160	\$16,824
Selangor	\$2,160	\$1,391.92	\$9,000	\$7,565
N. Sembilan	\$1,056	\$576	\$6,720	\$5,916
Pahang	-	-	\$6,500	\$5,690.71
Jumlah	\$4,584	\$3,335.20	\$42,380	\$35,885.71

Sambungan				
	1938			
Perak	\$1,440	\$1,144	\$20,160	\$15,792
Selangor	\$2,160	\$1,946.20	\$9,000	\$8,584.37
N. Sembilan	\$1,056	\$672	\$6,720	\$5,808
Pahang	-	-	\$6,350	\$6,238
Jumlah	\$4,656	\$3,762.20	\$42,230	\$36,422.37

Sumber: Diubahsuai daripada Comparative Statements of Estimated and Actual Expenditure of the Government of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang 1932, 1933, 1934, 1935 dalam Federated Malay States, Financial Statements for the year 1932, 1933, 1934, 1935 dalam CO 576/71 dan Comparative Statements of Estimated and Actual Expenditure of the Government of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang 1932, 1933, 1934, 1935 dalam Federated Malay States, Financial Statements for the year 1936, 1937, 1938 dalam CO 576/72.

Pada 3 Disember 1940, H.G. Hammett, Setiausaha Residen, Negeri Sembilan telah mencadangkan agar biasiswa kepada pelajar lelaki dan perempuan Melayu yang belajar di sekolah Inggeris ditambah bagi membolehkan pelajar Melayu yang miskin dapat meneruskan pengajian di Sekolah Inggeris. Keadaan ini disebabkan peningkatan yuran dan perbelanjaan di Sekolah Inggeris yang semakin meningkat dari tahun ke tahun.

I am directed to forward a draft of suggested revised Regulation under the Education Code Part IV for scholarship to Malay boys and girls in Government and Aided English School. The reason for wishing to increase the value of these scholarships... very poor boy and girl is unable to receive an English education because the amount of the scholarship is not sufficient.²⁹⁷

Beliau juga mencadangkan agar jumlah biasiswa yang ditawarkan untuk pelajar (darjah enam (VI) dan ke atas) lelaki dan perempuan Melayu adalah sama iaitu sebanyak \$12.50 sebulan. Manakala bagi pelajar darjah enam ke bawah adalah \$11.00 sebulan. Biasiswa yang diperuntukan termasuk perbelanjaan peralatan pembelajaran dan juga yuran sekolah. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa kerajaan British sebenarnya menyedari bahawa wujud permintaan yang tinggi daripada orang Melayu untuk

²⁹⁷ Education Code part IV (F.M.S), Negeri Sembilan Scholarship, 1940, Lihat Surat H.G.Hammett, dalam Negeri Sembilan. SEC, 116/40, 3 December, 1940. Lihat juga Reduction of scholarship for Malay boys and girls at English School dalam N.S.SEC. Financial, 700/1931.

memberikan pendidikan Inggeris kepada anak-anak perempuan mereka. Tetapi masalah kekurangan biasiswa dan tempat telah membantutkan hasrat mereka.

Each Scholarship will be graded in accordance with the financial needs of the scholars, and will not exceed \$12.50 a month for girls and boys in standard VI and above, and \$11.00 for boys and girls below standard VI. Each scholarship will carry exemption from school fees, including books.²⁹⁸

Selain masalah biasiswa untuk memasuki sekolah Inggeris, pelajar perempuan Melayu juga menghadapi masalah biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (selain memasuki sekolah Inggeris). Sebagai contoh pada tahun 1935, seorang pelajar perempuan Melayu dari Pahang yang telah terpilih untuk mengikuti kursus perguruan di MPMM terpaksa membatalkan hasratnya kerana jumlah biasiswa yang diberikan oleh pihak kerajaan British dikatakan terlalu sedikit.²⁹⁹ Situasi ini telah sedikit sebanyak menjadi masalah kepada kanak-kanak perempuan Melayu untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi kerana pada masa berkenaan antara pusat pengajian tinggi bagi pelajar-pelajar perempuan Melayu ialah MPMM.

The Malay Women Teachers' Training College, Malacca, was opened this year with an enrolment of 24 students drawn from the Straits Settlements and the Federated Malay States; one student from Pahang was asked to discontinue her studies because of poor scholarship and lack of promise of improvement.³⁰⁰

Halangan dan cabaran kewangan seperti gaji yang rendah, kekurangan peruntukan biasiswa dan yuran yang tinggi telah menyebabkan perkembangan pendidikan wanita Melayu menjadi perlahan dan ketinggalan. Walaupun ada usaha yang dilakukan oleh kerajaan British untuk menaikkan gaji guru, meningkatkan jumlah

²⁹⁸ Education Code part IV (F.M.S), Negeri Sembilan Scholarship, 1940, Suggested Revised Regulations, Scholarship to Malay Boys and Girls in Government and Aided English Schools, hlm. 2.

²⁹⁹ Lihat Report of Proceeding of the Finance Committee at a meeting held in Kuala Lumpur on 28th September, 1940. Selangor Estimates 1940 dalam CO 439/5. *A new method of calculation approved by the Government of the Straits Settlements was introduced in 1940. This new method result in a increase in the fee charged. The average fee for each student now works out at approximately \$985 per annum as compared with \$783.43 in 1939.*

³⁰⁰ Lihat Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1935, hlm. 69 dalam CO 576/12.

biasiswa, menurunkan yuran persekolahan dan sebagainya, tetapi usaha ini dilihat secara tidak bersungguh-sungguh. Perubahan yang cuba dilakukan juga agak lambat dan hanya bertindak apabila ada rungutan daripada orang Melayu mengenainya. Walaupun demikian, perubahan-perubahan yang dibuat pada tahun-tahun 1930-an dan awal 1940, telah sedikit sebanyak memberi ruang dan peluang kepada perkembangan pendidikan wanita Melayu.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pendidikan bagi wanita Melayu semenjak 1896 sehingga 1941 menghadapi pelbagai masalah dan kekangan. Situasi ini digambarkan dalam *Warta Malaya* pada tahun 1938 dengan menyatakan; “Kaum perempuan kita sangat kekurangan dalam hal pelajaran seperti ilmu berumah tangga, ilmu mengasuh anak, ilmu kebersihan, ilmu masak-memasak, cuci mencuci, kait mengait, anyam-menganyam dan lain-lain lagi”.³⁰¹ Halangan dan cabaran yang dihadapi seperti masalah budaya dan adat, masalah kekurangan infrastruktur fizikal, kelemahan pentadbiran dan pengurusan, kelemahan kurikulum dan kekurangan peruntukan kewangan telah melambatkan perkembangan pendidikan wanita Melayu. Menjelang tahun 1920-an, masalah-masalah ini semakin serius apabila jumlah pelajar perempuan Melayu mula meningkat secara mendadak. Pada tahun-tahun 1920-an dan 30-an juga memperlihatkan peningkatan kesedaran dalam kalangan orang Melayu untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Mereka mula mendesak agar ruang, peluang dan bantuan yang lebih baik diberikan untuk pendidikan wanita. Pada masa yang sama, terdapat juga usaha-usaha yang dilakukan oleh pegawai-pegawai British untuk membantu meningkatkan pendidikan wanita Melayu tetapi usaha yang dilakukan tidak mampu untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Kerajaan British juga dilihat tidak banyak membantu dalam

³⁰¹ “Harapan Kita Kepada Guru-Guru Perempuan Melayu”, *Warta Malaya*, 2 Julai 1938.

perkembangan pendidikan wanita Melayu. Alasan kekurangan peruntukan kewangan dan polisi pendidikan British telah membataskan tindakan dan usaha untuk memajukan pendidikan wanita Melayu.

University of Malaya

BAB 5

STRATEGI MEMAJUKAN PENDIDIKAN

WANITA MELAYU

Pengenalan

Pembangunan dan perkembangan pendidikan sekular dalam kalangan wanita Melayu sepanjang tahun 1896 sehingga 1941 adalah perlahan dan ketinggalan jika dibandingkan dengan pendidikan untuk anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan bangsa lain. Walaupun dilihat agak perlahan pada peringkat awal, namun pendidikan wanita Melayu mula menunjukkan peningkatan yang menggalakkan terutamanya selepas tahun 1920-an. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peranan dan strategi pembangunan yang dibuat oleh kerajaan British dan juga inisiatif daripada pegawai-pegawai British. Walaupun sesetengah langkah dan strategi yang dibuat lebih kepada mengambil hati orang Melayu, namun langkah berkenaan sedikit sebanyak membantu meningkatkan pendidikan wanita Melayu.

Di samping itu, peranan dan usaha, raja-raja Melayu, pentadbir Melayu, golongan intelektual Melayu, golongan agama dan juga wanita Melayu juga turut memainkan peranan dalam perkembangan pendidikan wanita.¹ Mereka telah berusaha memberikan galakan, kesedaran dan juga bantuan kewangan untuk menggalakkan penglibatan wanita Melayu dalam pendidikan. Strategi dan usaha yang dibuat telah memberi kesan positif terhadap perkembangan pendidikan wanita Melayu terutamanya pada tahun-tahun 1920-an sehingga tahun 1940-an.

Bab ini akan membincangkan strategi dan peranan yang telah dimainkan oleh pegawai-pegawai British di NNMB untuk memajukan pendidikan wanita Melayu. Strategi pembangunan pendidikan yang dilakukan oleh kerajaan British dapat dilihat

¹ Training Centre For Malay Women Teachers, 1933(No. Fail. 13167) dalam CO 273/593/3.

melalui usaha-usaha dan peranan-peranan yang telah dilakukan oleh mereka untuk membangunkan pendidikan wanita sepanjang tahun 1896 sehingga 1941. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan mengenai strategi dan peranan yang dimainkan oleh raja-raja Melayu, pentadbir Melayu, intelektual Melayu, golongan agama dan juga wanita Melayu untuk membangunkan dan memperkembangkan pendidikan wanita Melayu.

Strategi Pegawai-Pegawai British

Pendidikan wanita Melayu di NMB menghadapi pelbagai masalah antaranya ialah masalah adat dan budaya, kekurangan infrastruktur fizikal, kelemahan pentadbiran, kelemahan kurikulum dan juga masalah kekurangan peruntukan kewangan. Masalah-masalah ini telah menyebabkan pendidikan wanita Melayu berkembang secara perlahan. Pada peringkat awal penubuhan NNMB, peranan dan strategi pembangunan pendidikan wanita Melayu adalah kabur dan tidak konsisten.² Pada peringkat awal juga kerajaan British dikatakan memberi tumpuan khusus kepada pendidikan orang Melayu dan dilihat sebagai dasar pro Melayu.³ Walau bagaimanapun, dasar ini bertentangan dengan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan British terhadap pendidikan orang Melayu sepanjang pembentukan NNMB.

Disebabkan masalah kekurangan sekolah perempuan, kebanyakan pelajar perempuan Melayu bersekolah di sekolah lelaki yang berada berhampiran dengan kediaman mereka. Oleh sebab yang demikian, sebarang perancangan yang dibuat ke atas pendidikan Melayu secara tidak langsung memberi kesan kepada pelajar-pelajar perempuan Melayu. Ketiadaan perancangan yang jelas terutamanya pada peringkat awal

² S.J.Curtis and M.E.A.Boulfwood, *An Introduction History Of English Education Since 1800*, London Universiti Tutorial Press Ltd , 1970, hlm. 7.

³ Dasar Pro Melayu dilihat melalui usaha kerajaan British dalam menyediakan sekolah-sekolah kepada orang Melayu kerana beranggapan bahawa sebagai penduduk asal wajarlah diberi hak-hak tertentu termasuk pendidikan. Lihat SEL.SEC 4429/1916.

penubuhan NNMB telah menyebabkan perkembangan pendidikan Melayu termasuk pendidikan wanita menjadi perlahan dan telah menimbulkan pelbagai masalah.⁴

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa orang pegawai British di NNMB yang berusaha untuk membangun dan memperkembangkan pendidikan orang Melayu. Antaranya ialah Sir Hugh Clifford iaitu Residen Pahang pada tahun 1896. Dalam *Annual Report Of The State of Pahang 1896*, beliau telah menyuarakan hasratnya agar kerajaan British membuka sekolah di Chenor, Langgar dan Budu bagi membolehkan lebih ramai anak-anak Melayu mendapatkan pendidikan. Disebabkan masalah perhubungan, beliau telah mencadangkan agar sekolah-sekolah Melayu dibuka di kawasan-kawasan lain di pedalaman negeri Pahang. Situasi ini menunjukkan bahawa masalah kekurangan sekolah, kekurangan kemudahan perhubungan dan masalah keselamatan telah pun disedari oleh kebanyakan pentadbir British semenjak awal penubuhan NNMB lagi.⁵

... I hope next year to be able to open school at Chenor, Langgar and Budu, which will be a first step towards effecting our object. Malay parents, it must be remembered, do not willingly send their children to a distant school, and if the people are not to be educated this can only be done by opening school in the most populous villages at places where they will be readily accessible to a large number of children.⁶

⁴ Selangor Sessional Press 1888–1905 dalam CO 439/1-2. Laporan berkenaan menyatakan dengan jelas menyatakan bahawa pelaksanaan pelajaran British di Tanah Melayu menghadapi pelbagai masalah disebabkan ketiadaan kertas cadangan (Blue print) yang jelas mengenai satu sistem pelajaran di Tanah Melayu. “*The schools have during the latter part of the year been under Mr. G.C. Bellamy, as inspector of school, and has taken much trouble, to advance them. Among District Officers who have pushed education in their districts, Mr. Ridges only deserves mention.*”

⁵ Willian R.Roff, *Nasionalisme Melayu* (terjemahan Ahmad Boestaman) Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005, hlm. 150. Menurut Willian, R.Roff, pada tahun 1915, R.H. Kenion seorang anggota tidak rasmi dalam Majlis Undangan Negeri Melayu Bersekutu menyatakan keraguannya terhadap sistem pendidikan anak negeri (Native Education). Keraguan itu rupa-rupanya dirasakan oleh Residen Perak dan Pahang. Oleh itu, mereka mencadangkan agar sebuah Suruhanjaya Penyiasat ditubuhkan dengan segera.

⁶ Annual Report of The State of Pahang, 1896, (petikan ucapan Residen Pahang iaitu Hugh Clifford dalam Annual Report 1896)

Selain itu, R.J. Wilkinson⁷ yang dilantik sebagai *Federal Inspector Of School* (1903) juga telah membawa banyak perubahan dalam sistem pendidikan Melayu.⁸ R.J. Wilkinson berpendapat bahawa pendidikan bukan hanya suatu “perkhidmatan kebajikan” yang hanya memberi pendidikan untuk memenuhi kehidupan sosial sahaja. Beliau menganggap pendidikan yang diberikan kepada orang Melayu mampu menjadi penggerak kepada pembangunan budaya dan kesusasteraan Melayu.⁹ Oleh itu, Wilkinson telah membuat beberapa perubahan besar terhadap sistem pendidikan Melayu antaranya ialah dengan menyunting dan memperkenalkan beberapa hasil karya sastera Melayu ke sekolah-sekolah, mengetuai usaha menyeragamkan bahasa Melayu dan mengemas kini sistem tulisan rumi. Menurut Residen Jeneral British, W.H. Treacher (1901-1904)¹⁰ perlantikan R.J. Wilkinson ini adalah bertepatan memandangkan beliau memahami bahasa Melayu serta dilihat sebagai tokoh yang banyak menyumbang kepada pendidikan Melayu. Residen Jeneral juga berharap Wilkinson mampu merubah nasib orang Melayu serta menjadikan mereka boleh bersaing dengan bangsa-bangsa lain dalam semua aspek di Tanah Melayu.

I prophesy that a new era is opening for the Malay race in the Peninsula and that provided Government generously supports and wisely encourages Mr. Wilkinson's effort, we shall in due time train

⁷ Richard James Wilkinson dilahirkan pada tahun 1867 dan merupakan pelajar lulusan Trinity College, Cambridge. Beliau dilantik sebagai Pegawai Kadet bagi Negeri-negeri Selat pada tahun 1889. Mempunyai kebolehan bertutur dalam bahasa Melayu (1891) Hokkien (1895). Beliau kemudiannya dilantik sebagai Nazir Sekolah Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1903. Pada tahun 1906, dilantik sebagai Setiausaha kepada Residen Perak. Pada tahun 1910, dilantik menjadi Residen Negeri Sembilan, selepas itu pada tahun 1911 dilantik menjadi Colonial Secretary bagi negeri-negeri Selat. Bersara pada tahun 1922 dan meninggal dunia pada tahun 1941. Lihat Hasnah Husiin, *Guru-Guru Melayu, Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm. 17.

⁸ Lihat Resident General Annual Report for the year 1903, hlm. 30 dalam *Supplements to the "Selangor Government Gazette, 8th Januari 1904* dalam CO 469/14. *Mr. R. J. Wilkinson, author of the most recent standard Malay-English Dictionary was transferred from the Government Service to the Straits Settlements and took up his appointed as Inspector of School.*

⁹ Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators: British Educational Policy Towards The Malays 1875 - 1906*, London, University Press, 1975, hlm. 157.

¹⁰ Sir William Hood Treacher lahir pada tahun 1849, menyertai perkhidmatan di Labuan pada tahun 1871. Pada tahun 1881, telah dilantik menjadi Gabenor Pertama di Utara Borneo British. Bertugas sebagai setiausaha kepada kerajaan British di Perak pada tahun 1881, menjadi Residen Selangor pada tahun 1892 dan Residen Perak pada tahun 1896. Bertugas sebagai Residen Jeneral di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dari tahun 1902 hingga 1904. Ibid, Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press, 1968, hlm. 391.

up a generation of young Malay equipped for and capable of fairly holding their own in the competition with the European, Chinese and Indians who now monopolise the commercial, industrial and administrative activities of this country.¹¹

Usaha Wikinson telah diteruskan oleh R.O.Winstedt yang dilantik sebagai Penolong Pengarah Pelajaran bagi NNS dan NNMB pada tahun 1916. Winstedt sebelumnya telah membuat tinjauan terhadap perkembangan pendidikan di Jawa dan Filipina dan mendapati perlu dibuat perubahan seiring dengan perkembangan pendidikan di dua buah negara berkenaan. Ekoran daripada itu, Winstedt telah memperkenalkan mata pelajaran pertukangan dan industri dalam kurikulum sekolah Melayu. Mata pelajaran perkebunan, membuat tikar dan jala diperkenalkan di semua sekolah lelaki Melayu, sementara mata pelajaran menjahit, memasak dan membuat bakul dikemaskini dan diperkenalkan di sekolah perempuan Melayu.¹² Mata pelajaran berkenaan diperkenalkan untuk memupuk anak-anak Melayu kepada kegiatan pertanian dan perusahaan di kampung-kampung.¹³

Kelihatan Winstedt cuba memajukan kurikulum sekolah Melayu, namun terdapat niat tersirat terhadap perubahan tersebut. Beliau telah mencadangkan agar tempoh persekolahan di Sekolah Melayu dikurangkan daripada lima tahun kepada empat tahun sahaja. Beliau berpendapat pengurangan ini adalah bertujuan untuk mengelakkan pelajar-pelajar Melayu menanam hasrat untuk bekerja sebagai kerani di pejabat-pejabat kerajaan.¹⁴ Dalam masa yang sama, beliau juga sedar bahawa kurikulum

¹¹ Lihat Resident General Annual Report for the year 1903, hlm. 30 dalam *Supplements to the "Selangor Government Gazette, 8th Januari 1904* dalam CO 469/14.

¹² Conference of Resident, 1917, Abstract of Proceeding, Kuala Lumpur, 10th May, 1917, hlm.1 dalam Report by Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Jawa and the Philippine Islands dalam Sel.SEC 6027/1916. R.G's No. 4497/1916.

¹³ D.D.Chelliah. *A History of The Education Policy of The Straits Settlements with Recommendations for a new System Based On Vernaculars*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti London 1940, hlm. 71.

¹⁴ Lihat Abdullah Sanusi Ahmad, *Peranan Pejabat Karang-Mengarang Dalam Sekolah Melayu dan Kesusasteraan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966. Pandangan R.O. Winstedt ini turut disokong oleh W.E. Maxwell iaitu Penolong Residen Perak. Maxwell menyatakan Tidak ada faedahnya (bagi penuntut-penuntut sekolah Melayu) memusatkan tenaga pada buku kerana tidak ada peluang untuk mereka jadi kerani kerana ini boleh dipenuhi oleh mereka-mereka lepasan sekolah-sekolah Inggeris dan Maktab Melayu Kuala Kangsar

yang digunakan di sekolah Melayu adalah rendah dan pelajar kebiasaannya boleh menguasai pengetahuan berkenaan dalam masa tiga atau empat tahun sahaja. Oleh itu, pada pandangan beliau pembelajaran sehingga darjah empat sudah memadai dengan matlamat dan objektif pendidikan pada masa berkenaan. Selain itu, beliau turut menyalahkan pihak kerajaan kerana terlebih memberi pendidikan kepada orang Melayu (darjah lima) yang dianggap hanya sesuai mempelajari asas 3M dan pengetahuan berkaitan pertanian dan pertukangan.¹⁵

Mengenai panjangnya kursus sekolah Melayu, Winsted mengatakan bahawa elok diadakan empat darjah sahaja. “Darjah V hanya melahirkan budak-budak yang memikirkan mereka patut menjadi Kerani Melayu sedang pelajaran mereka tidak mencukupi”. Beliau malah menyesal kerana “kita telah mulai dengan memberikan pelajaran yang lebih baik dari ini di kampung yang jauh-jauh, tetapi kita tentu tak dapat surut dari kedudukan yang telah kita ambil”.¹⁶

Selain Winstedt, J.P. Roger¹⁷ juga merupakan salah seorang pegawai British yang turut mengambil perhatian terhadap pelajaran orang Melayu. Beliau bertanggungjawab dalam memperkenalkan Skim Bantuan Kewangan di negeri Selangor pada tahun 1896.¹⁸ Tujuannya adalah untuk membantu pelajar-pelajar Melayu dari kampung yang mempunyai kelulusan yang baik dan berpeluang untuk melanjutkan

¹⁵ Conference of Resident, 1917, Abstract of Proceeding, Kuala Lumpur, 10th May, 1917, hlm. 1-2. Dalam laporan berkenaan Winstedt mencadangkan mata pelajaran masakan, jahitan dan anyaman diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Sekolah Perempuan Melayu. Pengukuhan mata pelajaran ini dianggap lebih sesuai dan bertepatan dengan kehendak masyarakat Melayu.

¹⁶ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu Di Malaya (dengan rujukan khas kepada Sultan Idris Training College)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 70-71, Laporan Winsted (Winstedt's Report, 1919, hlm. C118, selepas beliau di hantar ke Jawa dan Filipina untuk mengkaji sistem pelajaran anak negeri dan perusahaan anjuran kolonial di sana. Lihat juga Insun Sony Mustapha, *Memoir Mustapha Hussain; kebangkitan Nasionalisme Melayu sebelum UMNO*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 137.

¹⁷ Sir John Pickersgill Rodger lahir pada tahun 12 Februari 1851 dan telah mendapat pendidikan di Eton dan Christchurch. Semasa melawat Tanah Melayu pada tahun 1882, beliau telah dilantik sebagai Ketua Majistret dan Pesuruhjaya Tanah di Selangor. Bertugas sebagai Residen British Pahang pertama di antara tahun 1888 hingga 1896. Menjadi Residen British di Selangor dalam tahun 1884-1885 dan 1896-1902 dan menjadi Residen Perak pada tahun 1902. Beliau fasih berbahasa Melayu serta suka bergaul dengan masyarakat Melayu dan Cina. Lihat juga Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur, Universiti of Malaya Press, 1986, hlm. 390.

¹⁸ Lihat Annual Report by the British Resident of Pahang for the year 1896, hlm. 13 dalam Supplements to the *Selangor Government Gazette*, 17th September 1897 dalam CO 469/7. Dalam laporan berkenaan Resident Pahang menyatakan; *I regard the education of the natives of the state as a matter of very important an I should like to see vernacular school started in all the principal villages.*

pelajaran di bandar-bandar. W.H. Treacher turut mempunyai pandangan yang sama tentang kepentingan pendidikan kepada orang Melayu. Semasa beliau menjadi Residen Jeneral dari tahun 1902 hingga 1904, beliau telah memberi sokongan kuat kepada skim biasiswa yang diperkenalkan oleh J.P. Roger. Beliau menyatakan keyakinannya bahawa pendidikan Inggeris yang diberikan kepada kanak-kanak Melayu tidak akan merugikan kerajaan British.¹⁹

Selain J.P. Roger, Sir George Maxwell iaitu Ketua Setiausaha bagi Kerajaan NNMB (1921-1926) juga memainkan peranan penting dalam kemajuan dan perkembangan pendidikan wanita Melayu. Beliau berpandangan bahawa pendidikan seharusnya menjadi keutamaan kerajaan kerana generasi yang berpendidikan akan memberi manfaat positif kepada pembangunan dan perkembangan negara. Hasrat beliau dibuktikan melalui usaha-usaha memajukan pendidikan Melayu termasuk pendidikan wanita dari tahun 1921 sehingga 1926. Pada tahun 1921 jumlah Sekolah Perempuan Melayu di NNMB adalah sebanyak 57 buah telah meningkat kepada 72 buah pada tahun 1927.²⁰ Peningkatan ini adalah peningkatan terbanyak sepanjang tempoh 1896 sehingga 1941. Dalam Laporan Pelajaran bagi tahun 1921, beliau menegaskan bahawa;

The two subject in which I am interested, "are Education and Public Health". I am disposed to put Education first because I take the view that a generation in but short period in the lifetime of a country; and so if is a case of spending money upon one or the other I should spend the money on Education.²¹

Pada tahun 1923 dalam persidangan pendidikan di Singapura (*Proceedings at an Educational Conference*), terdapat cadangan agar mata pelajaran bahasa Inggeris

¹⁹ Annual Report by the British Resident of Pahang for the year 1896, hlm. 13 dalam Supplements to the *Selangor Government Gazette*, 17th September 1987 dalam CO 469/7.

²⁰ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States 1921, hlm. 3 dalam CO 576/24. Lihat juga Annual Report on Education in the Federated Malay States 1927, hlm. 14-15 dalam CO 576/34.

²¹ Richard J.H. Sidney, *In British Malaya To-Day*, London: Hutchinson & Co.LTD, 1927, hlm.202-203.

dijadikan mata pelajaran tambahan di sekolah vernakular Melayu.²² Selain itu, Mr. C.F.C Ayre²³ pula mencadangkan agar kaedah “*Transition Form*” iaitu peluang mempelajari bahasa Inggeris diberikan kepada pelajar-pelajar Melayu di sekolah vernakular. Walau bagaimanapun, ahli majlis mesyuarat berpendapat bahawa pembelajaran bahasa Inggeris lebih praktikal diajar di sekolah Inggeris daripada dijadikan salah satu mata pelajaran tambahan di sekolah vernakular Melayu.²⁴ Kekangan ini disebabkan guru bahasa Inggeris yang mahir amat sukar diperoleh dan tiada dasar yang khusus untuk melatih guru bahasa Inggeris untuk Sekolah Vernakular Melayu.

Pada tahun 1923, Pesuruhjaya Tinggi British (Sir. Lawrance Nunns Guillemard) dalam ucapan tahunannya dalam Majlis Persekutuan bagi NNMB telah menyarankan agar sebuah pusat latihan perguruan diwujudkan untuk melatih guru-guru perempuan Melayu.

Perkembangan terakhir mengenai pelajaran Melayu ialah satu rancangan melatih guru-guru perempuan untuk sekolah-sekolah perempuan. Pentingnya langkah ini tidaklah dapat dikatakan kerana tidak ada bangsa yang boleh menjadi gembira dan maju sekiranya kaum perempuannya ketinggalan di belakang lelaki. di sekolah-sekolah pusat yang dipilih guru-guru perempuan Melayu akan dilatih oleh guru-guru perempuan terlatih.²⁵

Pada tahun 1926, satu usaha telah digerakkan sendiri oleh Penyelia Sekolah Perempuan, Miss N. Purdom untuk melatih guru-guru perempuan bagi sekolah-sekolah Perempuan Melayu. Pada ketika, beliau memegang jawatan sebagai Penyelia Wanita (*Lady Supervisor*) bagi NNMB dan NNS. Beliau telah meminta supaya pihak kerajaan

²² Report of Proceedings at an Education Conference, Singapore, 1923, hlm. 1. Cadangan ini telah dikemukakan oleh Mr.C.F.C Ayre (Pengetua Anderson School)

²³ Mr. C.F.C. Ayre merupakan Pengetua di Anderson School Ipoh dan telah mengemukakan *Transition Form* sebagai salah satu langkah untuk membolehkan pelajar Melayu mempelajari bahasa Inggeris. Lihat *Report of Proceedings at an Education Conference*, Singapore, 1923.

²⁴ Lihat L.A. Mill, *British Rule in Eastern Asia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press,1942, hlm. 334.

²⁵ Proceeding, Federal Council, F.M.S, 1923, hlm. 134.

menyediakan peruntukan bagi melatih 10 orang guru wanita Melayu yang telah bersetuju mengikuti pembelajaran berkenaan. Permohonan berkenaan mendapat reaksi positif daripada *Inspector Of Schools, Selangor*.²⁶

Bagi memastikan guru-guru perempuan mendapat latihan perguruan, Miss N. Purdom telah mengambil inisiatif dengan menyediakan kelas pembelajaran. Kelas ini diadakan dua minggu sekali khusus untuk guru-guru perempuan sekolah Melayu. Mata pelajaran yang diajar ialah Ilmu Kira-kira, Tulisan, Jahitan, Kaedah mengajar dan Pengelolaan Sekolah.²⁷ Guru-guru yang diberi latihan ini perlu menduduki peperiksaan khas untuk membolehkan mereka layak mendapat Sijil Perguruan. Pada tahun 1930, Penolong Penyelia Wanita bagi Sekolah Perempuan Melayu juga telah mengadakan kelas-kelas pembelajaran bagi membantu guru-guru perempuan menghadapi peperiksaan berkenaan.

Pada tahun 1931, seramai 17 orang guru Sekolah Perempuan Melayu telah menduduki peperiksaan khas perguruan. Daripada jumlah berkenaan lima orang mendapat keputusan cemerlang, 17 orang lulus dan lima orang gagal. Guru-guru perempuan yang lulus peperiksaan berkenaan akan dilantik sebagai guru terlatih Kelas III.²⁸ Langkah yang diambil oleh Penyelia dan Penolong Penyelia bagi Sekolah Perempuan Melayu ini telah sedikit sebanyak mengurangkan masalah kekurangan guru perempuan yang terlatih di NNMB khususnya pada tahun 1931. Kemudiannya usaha-usaha untuk melatih guru-guru perempuan ini telah diusahakan di negeri-negeri lain sehinggalah akhirnya tertubuhnya Maktab Perguruan Perempuan Melayu di Melaka pada 31 Januari 1935.

²⁶ Proposal For A Class For Malay Women Teachers dalam SEL.SEC, 2103/1926, No (6) in Selangor, 251/26.

²⁷ *Majalah Guru*, Ogos – September, 1926.

²⁸ Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of the Federated Malay States for the year 1931, hlm. 20 dalam CO 576/43.

Teacher Training Classes were held which 27 teachers attend, instruction was given in lace-making, drill, writing, dictation and arithmetic. Progress was slow but steady, at the examination, five teachers earned distinction, 17 passed and five failed.²⁹

Selain mereka, O.T. Dussek³⁰ juga telah memainkan peranan penting dalam memajukan pendidikan orang Melayu khususnya sebelum tahun 1941. Pada 30 Mac 1915, beliau telah dilantik sebagai Pengetua di *Malacca Training College* (MTC). Semasa memegang jawatan berkenaan, beliau telah melaporkan bahawa sistem persekolahan Melayu adalah lemah dan menyebabkan sebahagian daripada pelatihnya di MTC tidak pandai menulis dan membaca.³¹ Beliau sendiri telah membuat pemantauan ke atas sekolah-sekolah Melayu dan mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam pembelajaran di sekolah Melayu. Antara masalah yang dilaporkan ialah masalah kelemahan disiplin pelajar, masalah kurikulum yang lemah serta kekurangan bahan bacaan yang berkualiti. Oleh itu, beliau mencadangkan agar guru-guru sekolah Melayu menulis buku untuk dijadikan buku teks sekolah. Antara buku teks yang dihasilkan atas galakan O.T. Dussek ialah buku *Kitab Pelita Mengarang* dan *Kitab Pedoman Guru* yang ditulis oleh Cikgu Md. Hashim bin Haji Taib. Buku ini telah digunakan di semua sekolah Melayu dan juga guru-guru Melayu sehingga tahun 1940.³²

²⁹ Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of the Federated Malay States for the year 1931, hlm. 20 dalam CO 576/43.

³⁰ O.T. Dussek (Oman Theodore Dussek) berketurunan Jerman, dilahirkan pada 16 November 1886 di Greenwich England. Beliau kemudiannya dibesarkan di Surrey, England dan berjaya melanjutkan pelajaran di University of England pada tahun 1910. Sebelum berkhidmat di Tanah Melayu, beliau menjadi guru di Uttoxeter Allyne's Grammar School di Straits Settlements dan F.M.S pada 12 Januari 1912 sebelum dilantik sebagai Nazir Sekolah-Sekolah Melaka. Beliau dilantik menjadi Pengetua MTC pada tahun 1915 sehingga 1922. Selepas MTC ditutup pada tahun 1922, beliau dilantik menjadi Penolong Pengarah Pelajaran Melayu dari tahun 1922 sehingga 1936 di Sultan Idris Training College (SITC). Pada tahun 1936, beliau diarahkan bercuti panjang dan pulang ke England. Lihat Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd, 1998, hlm. 147. Lihat juga Raja Ahmad Sahalaby Raja Hassan dan Ishak Saat, O.T. Dussek (1886-1965): Lebih Melayu Daripada Melayu, Reformis Pendidikan Vernakular Melayu, *MALAYSIA dari segi SEJARAH*, bil. 41-2013, hlm. 86-87.

³¹ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu* (terjemahan Ahmad Boestaman), Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm. 149.

³² Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka: 1900-1922*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 74.

Sebahagian daripada buku-buku berkenaan digunakan di sekolah-sekolah Melayu termasuk di sekolah perempuan Melayu.³³

Di samping memberi galakan kepada guru-guru menulis, beliau juga terlibat secara langsung sebagai penterjemah dan penerbit buku-buku teks untuk sekolah Melayu seperti *The Malay School Series* dan *The Malay Home Library*.³⁴ Pada tahun 1915, O.T. Dussek dan Za'ba telah menubuhkan sebuah Badan Menterjemah, kemudiannya dikenali sebagai Pejabat Karang Mengarang (PKM) yang telah menjadi salah satu jabatan di Sultan Idris Training College (SITC). Selepas Laporan Winstedt dikeluarkan pada tahun 1917, Dussek telah mengambil langkah untuk mengemaskinikan mata pelajaran Sejarah, Ilmu Alam dan Ilmu Hisab di sekolah-sekolah Melayu. Beliau juga aktif mengarang dan menterjemahkan buku-buku seperti *Kitab Hisan I-IV*, *Kitab Ilmu Alam*, *Kitab Ilmu Geometri*, *Hikayat Pelandok*, *Permata Kali*, *Macbeth* dan *A Graduated Malay Reader*.³⁵ Pada tahun 1922, beliau telah dilantik sebagai Pengetua SITC dan bersara pada tahun 1936. Dalam ucapan konvokesyen SITC pada tahun 1935 beliau telah memberi galakan kepada penuntut maktab agar sentiasa berusaha untuk mendapatkan ilmu demi kemajuan bahasa dan bangsa Melayu. Dalam ucapan berkenaan beliau menyatakan bahawa:

Your language is, I believe, spoken by some 70 million of people. It forms one of the largest language groups in the world. Do not forget that fact. Cultivate your languages. If the prestige of your language raises, so in equal measure rises the prestige of your race.³⁶

Secara keseluruhannya, usaha yang dilakukan oleh pegawai-pegawai British di NNMB telah sedikit sebanyak membantu meningkatkan pendidikan wanita Melayu. Walaupun sesetengah usaha dilakukan secara individu, namun kesannya cukup besar

³³ Lihat Report of a Committee Appointed to Enquire in to the System of Vernacular Education in the Colony, No.4, Straits Settlements, Thursday, 22nd Februari, 1894, hlm. 28.

³⁴ Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka: 1900-1922*, hlm. 74.

³⁵ Ibid.

³⁶ Lihat *The Straits Times*, 23 November 1935.

terhadap pembangunan pendidikan wanita. Dari sudut yang lain, usaha-usaha yang dibuat atau digerakkan oleh pegawai-pegawai British ini telah menunjukkan bahawa pendidikan wanita Melayu masih ketinggalan dan perlukan perubahan segera. Walau bagaimanapun, kerajaan British dilihat tidak bersungguh-sungguh untuk membantu pendidikan wanita dan menganggap pendidikan wanita tidak memberi pulangan ekonomi kepada kerajaan British.

Strategi Raja-Raja Melayu

Selain daripada pegawai-pegawai British, pembangunan dan perkembangan pendidikan wanita Melayu juga banyak dimainkan oleh Raja-raja Melayu di NNMB. Penglibatan Raja-raja Melayu dalam pendidikan wanita bermula semenjak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi.³⁷ Berdasarkan kedudukan dan kuasa yang dimiliki, maka raja-raja Melayu menjadi taruhan utama orang Melayu untuk menjaga kebajikan, kesejahteraan dan keharmonian mereka. Setelah Raja Melaka yang kedua memeluk Islam, baginda telah mengarahkan agar setiap kampung didirikan surau-surau untuk tujuan beribadat dan menjadi tempat pembelajaran agama Islam. Pada ketika itu, anak-anak lelaki dan perempuan telah dihantar ke surau-surau yang berhampiran untuk mempelajari ilmu agama.³⁸

Walaupun bagaimanapun, penglibatan golongan Raja-raja Melayu dalam pendidikan wanita (Sekular) secara rasmi bermula pada tahun 1855. Pada tahun 1855, Sekolah Perempuan Melayu yang pertama telah didirikan di Teluk Belanga Singapura hasil

³⁷ Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, pendidikan diberikan kepada semua kanak-kanak tanpa mengira jantina. Walau bagaimanapun, pendidikan yang diberikan adalah bersesuaian dengan fitrah dan peranan masing-masing dalam institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. Bagi kanak-kanak perempuan pendidikan yang diberikan adalah bertujuan menjadikan mereka sebagai isteri dan ibu yang sempurna. Setelah memasuki agama Islam, pendidikan agama juga turut diberikan kepada anak-anak perempuan. Lihat Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu Di Malaya*, hlm. 1-2. Lihat juga "Jalan Persekolahan" *Panduan Guru*, Julai 1922, hlm. 30.

³⁸ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu Di Malaya*, hlm. 1-2.

daripada sokongan daripada kerabat diraja Johor.³⁹ Pada tahun berkenaan, Temenggung Johor, telah bersetuju untuk menyumbang sebanyak \$1.500, bagi membolehkan sebuah Sekolah Perempuan Melayu dibuka di Teluk Belanga Singapura. Tindakan ini diambil apabila kerajaan British di India enggan memberikan peruntukan untuk menubuhkan sekolah-sekolah Melayu khususnya di NNS.⁴⁰

Bagi NNMB, penglibatan Raja-raja Melayu dan golongan bangsawan terhadap pendidikan wanita telah pun bermula sebelum penubuhan NNMB lagi.⁴¹ Antara Raja Melayu yang mengambil berat mengenai pendidikan wanita Melayu ialah Sultan Idris Murshidul Adzam Shah ibni al-marhum Raja Bendahara Alang Iskandar (Marhum Teja) (1887-1916). Baginda adalah Sultan Perak yang ke-28 dan merupakan antara sultan Melayu yang sedar mengenai kepentingan pendidikan untuk kemajuan dan pembangunan bangsa. Dalam Persidangan Raja-Raja (DURBAR) dan Majlis Mesyuarat Negeri, baginda sering menyuarakan pendapat dan menggesa kerajaan British untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada rakyat.⁴²

Selain daripada baginda, Raja-raja negeri lain seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang juga merupakan raja yang mengambil berat mengenai kepentingan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Kesungguhan dan keprihatinan Sultan Idris membela nasib orang Melayu sememangnya diakui oleh kerajaan British. Oleh itu, baginda dianggap oleh Swettenham sebagai Raja Melayu yang paling berkebolehan pada masa tersebut. Residen General British bagi NNMB dalam laporannya pada tahun

³⁹ Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan*, Siri Sains Sosial, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1990, hlm. 29.

⁴⁰ D.D. Chelliah, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800 to 1925*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1947, hlm. 59.

⁴¹ Sebelum penubuhan NNMB, Raja-raja Melayu di NNMB telah terlibat dalam memajukan pendidikan wanita. Penubuhan Sekolah Perempuan Melayu di Perak dan Selangor pada peringkat awal (sebelum penubuhan NNMB) telah mendapat bantuan dan sokongan daripada Raja-raja Melayu dan juga kerabat Diraja. Perbincangan mengenai peranan mereka telah dibincangkan dalam bab sebelumnya.

⁴² Ahmad Jelani Halimi dan Ishak Saat, *Warisan Melayu Perak*, Batu Pahat, Johor, Penerbit UTHM, 2010, hlm.68-69. Lihat juga Ishak Saat dan Mohd Azhar Bahari, *Madrasah Idrisiah Bukit Candan 1922-2000, Sumbangan dan Kejayaan*, Batu Pahat, Penerbit UTHM, 2010, hlm. 50-51.

1902, menyatakan Sultan Perak dan Sultan Selangor merupakan sultan yang mengambil berat mengenai pendidikan wanita. Treacher menyebut bahawa: *The Sultan of Perak and Selangor are both supporters of these cause of female education.*⁴³ Dalam persidangan DURBAR baginda berdua sering membangkitkan hal-hal tentang pendidikan anak-anak Melayu sama ada pendidikan Melayu ataupun pendidikan Inggeris.⁴⁴

Di samping itu, Sultan Idris juga telah mengambil inisiatif sendiri untuk menubuhkan sekolah-sekolah bagi anak-anak perempuan Melayu di negeri masing-masing. Selain memberi galakan kepada pelajar-pelajar perempuan Melayu lepasan Sekolah Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Sekolah Inggeris.⁴⁵ Hasil galakan daripada baginda, beberapa buah sekolah Melayu telah ditubuhkan di Perak pada tahun 1905. Bagi kanak-kanak perempuan Melayu, baginda dan permaisurinya telah mendermakan sebidang tanah untuk membina sebuah Madrasah khas untuk anak-anak perempuan Melayu. Madrasah ini dikenali sebagai Madrasah Mariah, sempena nama baginda Raja Perempuan Uthmaniyah.⁴⁶ Madrasah Mariah pada peringkat awal dibuka untuk memberi pendidikan kepada anak-anak yatim perempuan di negeri Perak. Namun, disebabkan permintaan yang tinggi daripada rakyat setempat baginda telah membuka sebuah lagi madrasah untuk pelajar-pelajar lelaki yang dikenali sebagai Madrasah Idrisiyah.⁴⁷

⁴³ Lihat Report by the Resident-General (W. Hood. Treacher) of the Federated Malay States to H.E The High Commissioner, Kuala Lumpur, Printed at the Selangor Government Printed Office, 1902, hlm. 18 dalam CO 463/3. *The Sultan of Perak dan Selangor are both supporters of the cause of female education.*

⁴⁴ Lihat Proceedings of the DURBAR yang diadakan pada 11 Ogos 1927 di Istana Negara, Kuala Kangsar Perak dalam SEL;SEC: 5144/27.

⁴⁵ Report by the Resident-General of the Federated Malay States to H.E The High Commissioner, Kuala Lumpur, Printed at the Selangor Government Printed Office, 1902, hlm. 68-69.

⁴⁶ Report by the Resident-General of the Federated Malay States to H.E The High Commissioner, Kuala Lumpur, Printed at the Selangor Government Printed Office, 1902, hlm. 71.

⁴⁷ Lihat Nor Adina Binti Abdul Kadir, Madrasah Idrisiah Bukit Candan Kuala Kangsar Perak: Sejarah Dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Dari Tahun 1985-1999, Tesis M. Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010, hlm. 74.

Dalam persidangan DURBAR pada 11 Ogos 1927, Sultan Perak iaitu Sultan Iskandar Qadassallahi Shah (1918-1938, Sultan Perak ke-30) telah mencadangkan agar pendidikan kepada wanita diberikan perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Baginda mencadangkan; *His Highness the Sultan of Perak suggested a boarding school. He considered English should be taught; also hygiene and good manners. But the girls must be most carefully looked after.*⁴⁸ Selain Sultan, Raja Muda dan Raja Bendahara Perak juga sangat memberi perhatian terhadap perkembangan sekolah-sekolah vernakular khususnya di negeri Perak.⁴⁹ Sokongan yang kuat ini telah menyebabkan perkembangan pendidikan wanita di Negeri Perak jauh ke hadapan berbanding dengan negeri-negeri lain dalam persekutuan NNMB.⁵⁰

Kesedaran Raja-raja Melayu tentang kepentingan pendidikan kepada wanita Melayu telah mula dikesan pada akhir abad ke-19. Selain Raja di negeri Perak, raja dan kerabat diraja Selangor juga turut memberi perhatian khusus terhadap pendidikan wanita Melayu.⁵¹ Pada tahun 1895, Raja Muda Selangor iaitu Raja Sulaiman telah memohon agar sebuah sekolah perempuan Melayu dibina di Bandar, Kuala Selangor. Baginda menyatakan terdapat antara 40 hingga 50 orang murid perempuan di kawasan berkenaan telah bersetuju untuk belajar di sekolah berkenaan.⁵² Pada tahun awal pembukaan, sekolah ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan peratusan

⁴⁸ Proceedings of the DURBAR yang diadakan pada 11 Ogos 1927 di Astana Negara, Kuala Kangsar Perak dalam SEL;SEC: 5144/27.

⁴⁹ *His Highness the Raja Muda and Raja Bendahara also took much interest in education, particularly in the vernacular school.* Lihat CO 576/48 Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the year 1933, hlm. 25.

⁵⁰ Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward the Malay 1875 – 1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 92. *Female Education, Perak had taken the lead in this field by opening two Malay girls school in 1890.* Sekolah Perempuan Melayu Taiping yang ditubuhkan pada tahun 1890 merupakan sekolah perempuan Melayu pertama di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

⁵¹ Report Of Education, Federated Malay States 1902, hlm. 3-6. Raja-raja Melayu telah memberi galakan kepada penubuhan sekolah-sekolah perempuan bagi menggalakkan kanak-kanak perempuan ke sekolah. “*His Highness takes great interest in the education of Malay girls and his influence was not beneficial in keeping the older girls at school. In Kuala Lumpur it is proposed to remove the loom to the Malay Settlement, in the hope that the older girls living there will interest themselves in this art.*”

⁵² Vernacular Education For Girls, Surat No 238/95 daripada *Inspector of School* kepada The Government Secretary Kuala Lumpur dalam SEL.SEL. 4217/1895.

kedatangan juga adalah tinggi. Peratusan kedatangan bagi Sekolah Perempuan Melayu Bandar pada tahun 1896 adalah 92.31 peratus⁵³ manakala peratusan kedatangan pada tahun 1897 adalah 92 peratus.⁵⁴

Apa yang menarik ialah sekolah perempuan yang dibina atas usaha Raja Sulaiman ini mendapat sambutan yang menarik kerana beberapa faktor. Antaranya ialah sekolah berkenaan mempunyai kemudahan pembelajaran yang baik seperti bangunan sekolah, guru yang mencukupi dan kemudahan pengangkutan. Selain itu, sekolah ini juga menawarkan mata pelajaran al-Quran di samping mata pelajaran membaca, menulis, mengira, jahitan, memasak dan pengurusan rumah tangga. Penawaran mata pelajaran agama sebenarnya merupakan antara sebab utama mengapa sekolah perempuan ini mendapat sambutan yang menggalakkan.⁵⁵ Walau bagaimanapun, faktor sokongan, galakan dan perhatian daripada baginda telah memberi kesan besar kepada orang Melayu untuk menghantar anak perempuan mereka ke sekolah.

Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh baginda ini bukan sahaja telah menyedarkan orang Melayu tetapi turut memberi kesan terhadap pandangan dan sikap kerajaan British terhadap pendidikan wanita. Untuk memastikan perjalanan persekolahan lancar, baginda sanggup meluangkan masa untuk melawat dan memantau sekolah perempuan Melayu Bandar dari semasa ke semasa.

At Bandar, on 17th June, H.H. the Raja Muda met the District Officer and Inspector and visited the school, witnessing the distribution on prizes by the District Officer. The School for the Malay Girls at

⁵³ Inspector of School Kuala Lumpur (16th .12.1896), School return for November 1896, Summary of school return for the month of November 1896. SEL.SEC, Education Fail , N0. 6524/96,

⁵⁴ Inspector of School Kuala Lumpur (3rd May 1897) School Return for the Month of March 1897. Summary of school return for the month of March 1897 dalam SEL.SEC, Education Fail.N0. 2371/97.

⁵⁵ Lihat J.M. Gullik, *A History of Selangor*, (1766-1939), Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998, hlm. 133. *Raja Sulaiman took an active interest in Malay education, especially school for Malay girls. Under his auspices a Malay girl's school was opened at Bandar Langat in 1895. In offered instruction in the Koran, reading and writing, weaving, sewing, knitting and other needlework, and cookery.*

Bandar is very popular. The Raja Muda now generously provides transport to their homes after school hours to the children.⁵⁶

Bagi memudahkan kanak-kanak Melayu ke sekolah, Sultan Selangor iaitu Sultan Abdul Samad (1859-1898, Sultan Selangor ke-empat) telah membantu dengan menyediakan kereta lembu bagi mengangkut kanak-kanak lelaki dan perempuan ke sekolah.⁵⁷ Langkah ini adalah disebabkan masalah pengangkutan menjadi masalah utama kepada pelajar-pelajar Melayu ke sekolah. Tindakan ini juga adalah untuk memastikan semua pelajar perempuan Melayu hadir ke sekolah. Strategi yang dibuat oleh baginda ini telah memberi kesan kepada peningkatan peratusan kehadiran pelajar ke sekolah.

The break down parental prejudice, the influence of village chiefs and even that the Sultan very often had to be invoked. At Bandar, for example, the Sultan of Selangor helped to introduce a bullock-cart service, suitably shielded from the prying eyes of males, to convey Malay girls to and from school, and this helped to keep them at school till a later age than usual.⁵⁸

Menurut Laporan J.P Roger iaitu Residen British Selangor, daripada tiga buah sekolah perempuan Melayu yang dibina di Selangor pada tahun 1898, hanya sebuah sekolah perempuan sahaja yang menunjukkan prestasi yang baik kerana pengaruh dan perhatian khusus oleh Sultan Selangor iaitu Sultan Alauddin Sulaiman Shah (1898-1938, Sultan Selangor Ke-lima).⁵⁹ Laporan Pentadbiran Selangor menyebut: *Of the three Government Malay School for girls, only that at Bandar Langat, under the*

⁵⁶ *Selangor Government Gazette*, 3rd July 1896, Vol. VII, hlm. 25 dalam CO 439/2.

⁵⁷ *Ibid.* H.H the Raja Muda takes as usual, the greatest interest in the welfare of the schools at Bandar, and provided transport for the girls to and from their homes. Lihat juga Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, London, Oxford University Press, 1964, hlm. 248.

⁵⁸ *Selangor Government Gazette*, 3rd July 1896, Vol. VII, hlm. 25 dalam CO 439/2.

⁵⁹ Annual Report Of The State Of Selangor For The Year 1896, hlm. 9 dalam CO 439/2, J.P Roger (Resident Selangor) dalam laporannya menyatakan, “ *The Sultan, with enlightened generosity has already supplied improved looms for weaving in the Girls’ School established by His Highness at Bandar Langat*”.

*personel influential and encouragement of Sultan, has made any progress.*⁶⁰ Selain itu, baginda juga telah menyediakan guru dan menggunakan wangnya sendiri untuk membayar gaji guru-guru berkenaan.⁶¹

Pada tahun 1905, Sultan Alauddin Sulaiman Syah telah membuka sebuah sekolah agama khusus untuk anak-anak perempuan Melayu yang dikenali sebagai Sekolah Agama Perempuan Bandar, Kuala Langat, Selangor. Pada waktu itu baginda adalah Raja Muda Selangor. Pembinaan sekolah berkenaan merupakan salah satu langkah bijak oleh baginda yang kemudiannya telah menyebabkan beberapa buah sekolah perempuan lain telah dibina di sekitar Selangor.⁶² Pada tahun 1924, baginda Sultan Selangor meminta agar kerajaan membina bangunan baru bagi sekolah lelaki dan perempuan Melayu di Kuala Langat, Selangor. Permohonan ini telah dimaklumkan oleh Pegawai Daerah Kuala Langat kepada Residen British Selangor seperti berikut: *I have the honor to address you on the subject of Malay schools boy and girls at Bandar. His Highness the Sultan having mentioned to me that he would like new building erected by Government.*⁶³ Sebelum ini kedua-dua sekolah berkenaan telah pun dibina dengan bantuan kewangan baginda sendiri. Malahan gaji guru dan kemudahan pembelajaran lain juga adalah di bawah tanggungan Sultan Selangor.

Both these school have been provided by His Highness in the past and the teachers in each case are paid by him. His Highness has his own ideas on education which do not entirely coincide with those of the Education Department and prefers to have free hand with the curriculum and the choice of teachers.⁶⁴

⁶⁰ *Selangor Administration Report for the year 1898* by J.P. Roger, hlm. 8 dalam Straits Settlements, Report on the Federated Malay States for 1898.

⁶¹ *Selangor Government Gazette for the year 1897*, hlm. 332 dalam CO 469/7. "When the Inspector of School Mr. Haines opened the Malay Vernacular School in Bandar, he found that the premises were rent by H.H. the Raja Muda and it was furnished with equipment at His Highness expense".

⁶² Khoo Kay Kim et.al, *Selangor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Muzium Malaysia, 1985, hlm. 31.

⁶³ School for Boy and Girls: Bandar Erection of new building, bertarikh 4 April 1924 dalam SEL.SEC, 936/1924, N0.5 in Kuala Langat 582/23, D.O, Kuala Langat, Malay

⁶⁴ SEL.SEC: 936/1924, N0.5 in Kuala Langat 582/23, D.O, Kuala Langat, Malay School for Boy and Girls: Bandar Erection of new building, bertarikh 20 February 1924.

Menjelang Februari 1926, Sultan Sultan Alauddin Sulaiman Shah telah membuka Methodist Girls School di Klang untuk anak-anak perempuan Melayu terutamanya dari golongan kerabat diraja, bangsawan dan ketua masyarakat.⁶⁵ Pada tahun 1935, baginda telah meminta supaya peruntukan sebanyak \$500 bagi menyediakan 5,000 salinan buku agama kepada semua sekolah Melayu di Selangor. Permohonan ini telah dikemukakan dalam persidangan Jawatankuasa Kewangan (*Finance Committee*) di Kuala Lumpur pada 25 November, 1935. Hasil usaha baginda, kerajaan British telah bersetuju dengan permohonan berkenaan dan menyalurkan bantuan pada 1st Januari 1936.⁶⁶

A sum of \$500 is required for the purchase of, 5,000 copies of a book on elementary religious instruction for Malay School. The book is published in Selangor and it is the wish of His Highness, The Sultan that the book be introduced in all the Malay vernacular school as from the 1st Januari, 1935.⁶⁷

Pada 25 November 1939, Sultan Selangor iaitu Sultan Sultan Hisamuddin Alam Shah (1938-1942, Sultan Selangor ke-enam) telah mencadangkan dalam Persidangan Majlis Raja-raja agar sebuah *Malay Girls College* yang sama tarafnya dengan MCKK (Malay College Kuala Kangsar) ditubuhkan. Walau bagaimanapun, penubuhan kolej berkenaan terpaksa ditunda kerana pada ketika itu (1941-1945) Tanah Melayu ditawan oleh tentera Jepun. Hasrat penubuhan kolej ini kemudiannya menjadi kenyataan apabila Lady Gent iaitu isteri Gabenor Malayan Union telah menubuhkan kolej berkenaan pada 1 November 1947.⁶⁸ Walaupun penubuhannya agak lewat, tetapi cadangan penubuhannya telah dikemukakan oleh Sultan Selangor semenjak tahun 1939 lagi.

⁶⁵ *Selangor Administration Report for the Year 1927*, hlm.13 dalam CO 439/4.

⁶⁶ Report of proceeding of the Finance Committee at a meeting held in Kuala Lumpur on the 25th November, 1935, Religious Instruction in the Malay Vernacular school dalam CO 439/5.

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ Lihat Rashila Ramli, *Wanita Melayu Zaman Kolonial: Kajian Kes di Kolej Perempuan Melayu (1947-1956)*, *Seminar Kedudukan Cinta dan Identiti Wanita Melayu Zaman Kolonial*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 14-15 Julai 1998.

Selain Perak dan Selangor, Yam Dipertuan Negeri Sembilan iaitu Tengku Besar Muhammad (1898-1933, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ke-tujuh) juga merupakan seorang Raja yang mementingkan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Pada tahun 1904, baginda telah memberi sokongan yang kuat untuk menubuhkan sebuah sekolah Inggeris untuk kanak-kanak perempuan di Seremban. Sokongan baginda berhasil apabila pada tahun 1904, Sekolah Convent telah ditubuhkan di Seremban Negeri Sembilan.⁶⁹ Hasil usaha baginda ini telah memberi manfaat besar kepada kanak-kanak perempuan Melayu terutama bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran di Sekolah Inggeris.

Pada tahun 1908, baginda telah memberi perhatian yang khusus terhadap Sekolah Perempuan Melayu Sri Menanti. Sekolah berkenaan pada masa tersebut ditadbir oleh Raja Haji Aminah yang merupakan kerabat diraja Selangor.⁷⁰ Jumlah pelajar berdaftar pada ketika itu adalah seramai 36 orang dan waktu pembelajaran bermula jam sembilan pagi sehingga pukul empat petang.⁷¹ Pada tahun 1926, Yang Dipertuan Negeri Sembilan telah meminta agar Ibu Zain membantu memajukan pendidikan perempuan di Negeri Sembilan. Untuk merealisasikan matlamat itu, baginda telah meminta supaya Ibu Zain dilantik sebagai *Lady Supervisor Negeri Sembilan*.

... sebab di hajat sangat nak majukan sekolah-sekolah Negeri Sembilan. Tak adalah manusia lain, anak Cikgu Sulaiman itulah. Sebab dia tahu, dia tengok Ibu kerja dekat sekolah main-main Ibu tu kan, Tuanku suka dia beri Ibu Istana dia⁷² tu jadi sekolah, marilah berkhidmat.⁷³

⁶⁹ Mubin Sheppard, *A Short History of Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur, D. Moore for Eastern Universities Press, 1965, hlm. 82.

⁷⁰ Report on The Kuala Pilah District For The Year 1906 dalam Federated Malay States, State of Negeri Sembilan dalam CO 463/7. *A start was made with a girls' school at Sri Menanti under a sister of Raja Haji Mahmud of Selangor fame.*

⁷¹ *Supplement to the Negeri Sembilan Government Gazette*, 2nd Oktober 1908, hlm. 7 dalam CO 463/8. *The girls' school at Sri Menanti has proved a success so far, as it has received the constant encouragement of His Highness the Yam Tuan and the services of a sympathetic school-mistress, Raja Haji Aminah, who belongs to a well-know Selangor family.*

⁷² Istana yang dimaksudkan ialah hinggap Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Yang Dipertuan Besar Tuanku Muhammad, ayahanda kepada Yang Dipertuan Agung yang pertama. Istana hinggap ini terletak

Selain itu, terdapat juga usaha-usaha oleh Raja-raja Melayu untuk mewujudkan sekolah khusus untuk pelajar-pelajar perempuan Melayu Golongan bangsawan (School for Malay Girls for a Good Family). Pada tahun 1927, cadangan bagi penubuhan sekolah perempuan bagi kanak-kanak perempuan Melayu golongan bangsawan telah dikemukakan dalam persidangan DURBAR (Majlis Raja-Raja) di Kuala Kangsar, Perak. Cadangan berkenaan telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha (Chief Secretary) bagi Persekutuan Tanah Melayu untuk dipanjangkan kepada Residen-residen British Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.⁷⁴ Pada 6 November 1928, usul berkenaan telah dikemukakan dalam persidangan DURBAR yang diadakan di Carcosa, Kuala Lumpur. Hasil daripada persidangan tersebut, kerajaan British bersetuju untuk menubuhkan sebuah sekolah bagi pelajar-pelajar perempuan Melayu golongan bangsawan seperti kenyataan berikut:

I am directed to inform you that the matter was discussed at a conference of Residents held at Carcosa on 6th November, 1928, when the following decision was reached :- "The Conference notes with interest the report from Perak on this subject, and agrees that encouragement of such school is desirable,"⁷⁵

Penubuhan sekolah ini adalah reaksi daripada ketidakhadiran pelajar perempuan golongan bangsawan di sekolah-sekolah perempuan Melayu. Menurut laporan *Lady Supervisor of Malay Girls School*, jumlah kehadiran pelajar-pelajar perempuan Melayu golongan bangsawan adalah sangat tidak memuaskan. Laporan ini kemudiannya dikemukakan oleh Raja-raja Melayu kepada R.O.Winstedt yang pada ketika itu adalah Pengarah Pendidikan NNS dan NNMB. R.O. Winstedt kemudiannya mengarahkan

di Antara Ayer Kering ke Ayer Hitam dekat sempadan Pahang. Istana hinggap ini hanya akan digunakan oleh Yang Dipertuan sekali sahaja setahun semasa baginda datang berburu.

⁷³ Transkripsi temu ramah di antara Ibu Zain dengan Encik Sidek Jamil Daripada Arkib Negara Malaysia pada 18hb. Jun, 1974, Tape No.1.

⁷⁴ Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk surat daripada Chief Secretary to Government, Federated Malay States kepada Residen Selangor pada 3 September 1927, (N0. 3 in G. 1591/27)

⁷⁵ Untuk keterangan lanjut sila rujuk surat "Secretary to Governments, Federated Malay States" Establishment of School for Malay Girls of good family, bertarikh 15 November, 1927.(No 18 in G. 1591/1927).

Resident British Selangor untuk membawa usul berkenaan dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Hasil daripada persidangan berkenaan, kerajaan negeri bersetuju untuk menubuhkan sebuah Sekolah Perempuan Melayu di Kuala Lumpur pada tahun 1927.⁷⁶ Sekolah ini mendapat perhatian dan diselia secara khusus oleh Sultan Selangor sendiri. Di Perak pula, Sekolah Perempuan Melayu untuk golongan bangsawan dibuka pada tahun 1927 di Kuala Kangsar, Perak.⁷⁷ Sekolah ini dikendalikan oleh Mrs. Gibbings dan diselia oleh Sultan Perak.

Secara keseluruhannya, peranan dan komitmen raja-raja Melayu terhadap pendidikan wanita Melayu adalah sangat tinggi. Daripada peringkat awal penubuhan NNMB sehingga kepada meletusnya Perang Dunia Kedua, komitmen dan usaha Raja-raja Melayu untuk memartabatkan pendidikan wanita Melayu tidak pernah luntur malah semakin meningkat terutama pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an. Antara Raja-raja Melayu yang banyak menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan pendidikan wanita Melayu ialah Raja Perak, Selangor dan juga Negeri Sembilan. Baginda sanggup ‘mencemar duli’ untuk turun ke sekolah-sekolah bagi memantau sendiri perjalanan sekolah-sekolah perempuan. Selain itu, mereka juga sanggup mendermakan tanah, memberi bantuan kewangan, menyediakan guru, menyediakan buku dan menyediakan pengangkutan untuk memastikan nasib wanita Melayu dalam pendidikan mendapat pembelaan sewajarnya. Di samping itu, Raja-raja Melayu juga telah mendesak agar kerajaan British memberi perhatian terhadap pendidikan wanita terutamanya dari segi bantuan kewangan, peluang untuk memasuki Sekolah Inggeris, latihan perguruan dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan.

⁷⁶ Lihat Surat daripada Secretary to Resident Selangor kepada Secretary, Federated Malay States (Establishment of school for Malay Girls of good family) pada 14 Oktober 1927 (SEL.SEC, 4473/27).

⁷⁷ Lihat Perak Administration Report, 1928, hlm. 14 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette June 21st 1929* dalam CO 574/53.

Strategi Golongan Pentadbir Melayu

Golongan pentadbir dan intelektual⁷⁸ Melayu juga merupakan golongan yang memainkan peranan penting dalam usaha memartabatkan pendidikan wanita Melayu. Selain Raja, golongan intelektual dan pentadbir Melayu juga merupakan golongan yang dihormati dan dipercayai oleh masyarakat Melayu. Golongan ini boleh dianggap sebagai nadi penggerak atau pencetus kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, segala tindakan dan saranan yang dikemukakan oleh golongan ini sentiasa mendapat perhatian dan ikutan masyarakat. Kemunculan golongan intelektual dan pentadbir Melayu mula dikesan di Tanah Melayu selepas campur tangan British pada tahun 1874.⁷⁹ Pada peringkat awal penubuhan NNMB, masalah utama yang dihadapi oleh pendidikan wanita Melayu ialah masalah kekurangan sekolah, masalah sikap orang Melayu, masalah pegangan adat dan kepercayaan dan juga masalah pengangkutan. Masalah-masalah ini telah memberi kesan besar terhadap pembangunan pendidikan wanita dan telah menyebabkan pendidikan wanita Melayu berkembang dengan perlahan dan ketinggalan.⁸⁰

Pada peringkat awal penubuhan NNMB, golongan pentadbir Melayu seperti Penghulu⁸¹ dan Pegawai Daerah⁸² telah berusaha menyediakan pelbagai kemudahan

⁷⁸ Menurut Syed Hussein Al-Atas, golongan cendekiawan adalah golongan pemikir yang lebih besar keterampilannya. Memiliki ketokohan cendekia yang disegani oleh masyarakat dalam berbicara dan mengupas keperihalan dan permasalahan masyarakat, negara dan keadaan dunia semasa. Lihat Syed Hussein Al-Atas, *Intellectual in Developing Societies*, London: Frank Cass, 1977, hlm .9.

⁷⁹ Selepas campur tangan British secara rasmi, jawatan Penghulu (Native Chief) dalam kalangan orang Melayu dilantik oleh kerajaan British. Mereka akan menerima gaji secara bulanan daripada kerajaan British. Jawatan Penghulu juga sudah wujud sebelum kemunculan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Lihat Government of Selangor, Estimates of Revenue and Expenditure 1899 dalam *Selangor Administration Report for the year 1898* dalam CO 439/2. Lihat Khoo Kay Lam, "Documents: The Pangkor Treaty in Malay", *Peninjau Sejarah* (Bil. 1), 1966, hlm. 51-60. Lihat juga Tham Seong Chee, *Malays And Modernization, A Sociological Interpretation*, Singapore: Singapore University Press Pte.Ltd, 1977, hlm. 62, Table X, Relative Participation of Malays And Management. Beliau menyatakan pada tahun 1921, seramai 2,973 orang Melayu terlibat dalam pentadbiran British termasuk menjadi Penghulu atau Ketua Kampung.

⁸⁰ Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, London: Oxford University Press, 1964, hlm. 230.

⁸¹ Sebelum kedatangan British, perlantikan penghulu biasanya dilakukan oleh Raja dan jawatan ini kebiasaannya diwarisi secara turun temurun. Walau bagaimanapun, selepas penjajahan British jawatan penghulu dilantik oleh Resident British (kebiasaannya jawatan penghulu lama dikekalkan untuk mengelakkan penentangan) dan dibayar sejumlah gaji. Untuk keterangan mengenai perlantikan penghulu

bagi membolehkan anak-anak perempuan Melayu mendapatkan pendidikan. *The first attempts to start a girls' school was made during the year (1897), the Chiefs apparently promised their support and school was started...*⁸³ Pada peringkat awal juga pendidikan untuk anak-anak perempuan Melayu agak tertutup kerana jumlah Sekolah Perempuan Melayu adalah sedikit dan hanya dibina di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Justeru itu, pelajar-pelajar perempuan Melayu yang mempunyai keinginan untuk belajar akan ke sekolah-sekolah lelaki yang berhampiran.⁸⁴ Di negeri Selangor pada tahun 1921, dilaporkan seramai 28 orang pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Lelaki telah berjalan bersama-sama untuk ke sekolah. D dilaporkan juga lima pelajar perempuan lulus darjah tertinggi Sekolah Lelaki.⁸⁵

Selain itu, kerajaan British juga beranggapan faktor agama juga telah membataskan anak-anak perempuan untuk mendapatkan pendidikan.⁸⁶ British menyimpulkan bahawa masalah kemunduran pendidikan wanita adalah disebabkan oleh sikap orang Melayu yang dianggapnya sebagai 'prejudis', 'terkongkong dengan adat'

lihat Annual Report by the British Resident of Selangor for the year 1896, hlm. 2 dalam *Supplements to the Selangor Government Gazette 17th September, 1897* dalam CO 469/7. Lihat Willan R.Roff, *Nasionalisme Melayu* (terjemahan Ahmad Boestaman), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm. 106. Lihat juga Abdullad Zakaria Ghazali (Editor), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga kemerdekaan*, Selangor: Penerbit Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005, hlm. 327.

⁸² Pegawai-pegawai (M.C.S) *Malay Civil Services* dalam tahun 1904, berjumlah 159 orang dan hampir kesemuanya adalah berbangsa Eropah. Dua orang Melayu, kedua-duanya anak kepada bekas Sultan Abdullah, Perak yang mendapat pendidikan di Melaka, telah diterima masuk ke jawatan M.C.S, memegang jawatan sebagai Pegawai Daerah di Ulu Perak dan seorang lagi Penolong Setiausaha Dua kepada Resident British. Lihat Willan R.Roff, *Nasionalisme Melayu* (terjemahan Ahmad Boestaman), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm. 106. Pegawai Daerah yang dimaksudkan ialah Raja Chulan. Untuk keterangan lanjut sila rujuk J.H.M. Robson, *Record And Recollections 1889-1934*, Kuala Lumpur: *MBRAS* (The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society), 2001, hlm. 59.

⁸³ Lihat Report on the Kuala Selangor District, 1897, hlm. 399 dalam *Supplements to the "Selangor Government Gazette," 23rd September 1898* dalam CO 469/8.

⁸⁴ Antara pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Lelaki Melayu ialah Kontik Kamariah. Beliau telah bersekolah di Sekolah Melayu (lelaki) Seputih, Kuala Lumpur pada tahun 1919 sehingga 1923 sehingga tamat darjah lima. Lihat Biografi Wanita Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit PERTIWI, 1983, hlm. 65. Lihat juga Abdullad Zakaria Ghazali (Editor), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga kemerdekaan*, Selangor: penerbit Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005, hlm. 499. Halimaton Abdul Majib pernah bersekolah di Sekolah Melayu Kampung Baru pada tahun 1936. Sekolah berkenaan adalah Sekolah Lelaki Melayu.

⁸⁵ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1921, hlm.7 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" August 25th 1922* dalam CO 576/24.

⁸⁶ Lihat Report by the Resident-General (W.Hood. Treacher) of the Federated Malay States to H.E. The High Commissioner, hlm. 18 dalam *Negeri Sembilan Government Gazette for the year 1902* dalam CO 463/3.

dan 'pesimistik' terhadap pendidikan wanita.⁸⁷ Pandangan ini dianuti oleh hampir kesemua pegawai-pegawai British di Tanah Melayu khususnya sebelum Perang Dunia Kedua.⁸⁸

There is no race on earth less addicted to strenuousness than the Malay... To be a happy child living at home in the ancestral kampung is senang; to be a proud father and a loving husband is senang; to have assured income, as unearned as possible, is senang; to live in place where domestic comforts are plenty is senang; to go a railway train or vehicle is senang; to be far from the jarring association of other race is senang...⁸⁹

Bagi mengatasi masalah ini, ketua-ketua masyarakat tempatan terutamanya penghulu bersama-sama dengan penduduk kampung telah berusaha menyediakan tanah dan mendirikan bangunan (*Trial School*) sementara untuk sekolah-sekolah Melayu.⁹⁰ Walaupun sekolah yang didirikan bukanlah sekolah perempuan, namun pada peringkat awal terdapat pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Lelaki.⁹¹ Langkah

⁸⁷ Walter Makepeace, et.al, *One Hundred Years of Singapore*, London: J. Murray, 1921, hlm. 469. *The Malay girls' schools have not fared so well. The Malays were opposed to female education, and their children only attended in response to pressure.*

⁸⁸ Pandangan British ini boleh dilihat melalui laporan-laporan pentadbiran negeri, laporan Resident-General dan pandangan peribadi sesetengah Pegawai British. Lihat Frank Swettenham, *Perihal Melayu* (Terjemahan Zubaidah Ibrahim), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm. 2. Tetapi yang terutama sekali, dia seorang yang konservatif, bangga dan cintakan tanah air dan rakyatnya, memuliakan adat resamnya, takut kepada rajanya, dan menghormati pihak berkuasa-tetapi ia mencurigai semua jenis pembaharuan dan akan menentang apa-apa pembaharuan yang dipaksakan ke atasnya.

⁸⁹ Lihat Cuthbert Woodville Harrison, *Some Notes on the Government Service in British Malaya*, London: The Malayan Information Agency, Malay House 1929, hlm. 45.

⁹⁰ Lihat Rex Stevenson, *Cultivators And Administration British Education Policy Toward The Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 31-32. Lihat juga Razuan Mohd.Yusof, *Persekolahan di Pahang Sebelum Kedatangan Jepun*, Konvensyen Pendidikan IV, Anjuran Persatuan Suloh Budiman, MRSM Kuantan, 8-10 Disember, 1979, hlm. 12.

⁹¹ Sebelum kewujudan sekolah perempuan, pelajar perempuan Melayu belajar di sekolah lelaki yang berada berhampiran dengan kediaman mereka. Surat permohonan menjadi guru oleh A.Fatimah yang bertarikh 20 May 1896 kepada Residen British Selangor menunjukkan sudah ada pelajar perempuan sebelum 1896 mendapat pendidikan formal di sekolah lelaki. Tambahan pula A. Fatimah menyatakan dalam surat berkenaan bahawa dia pernah belajar di Perak dan Sekolah Perempuan Melayu pertama di Perak hanya dibuka pada tahun 1890. Lihat Malay Miscellaneous, 2801/1896, Application for post of teacher Girl School Ulu Langat. Surat ini ditulis oleh A. Fatimah, Gombak Line, Kuala Lumpur pada 20 May 1896. Lihat juga Resident-general Annual Report for the year 1903, hlm. 31 dalam *Pahang Government Gazette for the year 1904*, Vol.VIII, January to December dalam CO 466/3. *Malay vernacular education is progressing satisfactory as regards boy. The efforts to reach the girls here as yet met with no permanent success infancy.* Dalam penulisan yang bertajuk Sekolah Kebangsaan Langgar, Pahang, Encik Zakaria bin Hitam menceritakan pengalamannya semasa bersekolah di sekolah berkenaan. Menurut beliau pada tahun 1930, seorang pelajar perempuan bernama Rahimah binti Haji Omar telah bersekolah di sekolah berkenaan. Beliau merupakan anak kepada Haji Omar iaitu guru dan murid tua pertama sekolah berkenaan. Lihat Mohamed Mokhtar bin Abu Bakar dan Fauziah binti Zakaria, *Beberapa Aspek Sejarah dan Kebudayaan Negeri Pahang Darul Makmur*, Pahang: penerbit Lembaga Muzium Negeri Pahang, 1989, hlm. 37.

untuk membina sendiri diambil apabila permohonan bantuan kewangan daripada kerajaan British sukar diperolehi. Oleh itu, penghulu bersama-sama dengan masyarakat kampung akan menyediakan tempat (lokasi) dan mendirikan sendiri sekolah-sekolah Melayu.⁹² Dalam *Perak Administration Report* pada tahun 1923, dinyatakan dengan jelas bahawa pada tahun berkenaan tiada sebuah sekolah pun yang didirikan oleh kerajaan British.⁹³ Antara sekolah-sekolah Melayu yang dibina oleh penghulu dengan bantuan masyarakat Melayu adalah seperti berikut.

1. Sekolah Melayu Kampung Marhum, di buka pada 3hb Mac 1903 hasil usaha penghulu Kuala Pahang iaitu Encik Abdul Hamid bin Mamat.⁹⁴
2. Sekolah Melayu Kampung Tengah, Temerloh. Sekolah ini dibuka pada tahun 1910 oleh penghulu kampung Perak bersama-sama dengan beberapa orang tua dari kampung Pengkalan Manggis, Kampung Tengah, Buntut Pulau, Padang Kerbau, Pengesenam, Tengguh, Sebarang Temerloh, Kampung Tebal, Kampung Tanjong Lalang dan Kampung Bukit Pak Silap. Encik Muhamad bin Haji Bakar dilantik sebagai Guru Besar Pertama dengan bantuan tiga orang guru lain.⁹⁵
3. Pada tahun 1920, penghulu mukim Kuala Selangor telah meminta supaya kerajaan British menubuhkan sebuah sekolah Inggeris dibuka di Kuala Selangor.⁹⁶
4. Sekolah Melayu Nenasi, Pekan (Pahang) ditubuhkan oleh penghulu Tok Muda bin Ali pada tahun 1939.⁹⁷

⁹² Dalam laporan Resident British Pahang pada tahun 1899, beliau melaporkan bahawa sebuah Sekolah Melayu Langgar telah didirikan Penghulu Haji Mat Aris bin Idris dengan bantuan orang kampung. Kerajaan British hanya bertindak membayar gaji guru (seorang guru iaitu Haji Ismail bin Abdullah). Lihat Mohamed Mokhtar bin Abu Bakar dan Fauziah binti Zakaria, *Beberapa Aspek Sejarah dan Kebudayaan Negeri Pahang Darul Makmur*, hlm. 34.

⁹³ *Perak Administration Report for the year 1923* dalam *Federated Malay States Annual Report for 1923*, hlm. 9 dalam CO 576/26. *Thought no school were built by the Public Works Department, it was found possible to open ten new schools, either by the help of the kampung people or by means of a small vote which was provided for building temporary school buildings.*

⁹⁴ Razuan Mohd. Yusof, *Persekolahan di Pahang Sebelum Kedatangan Jepun, Konvensyen Pendidikan IV, Anjuran Persatuan Suloh Budiman, MRSM Kuantan, 8-10 Disember, 1979*, hlm. 12.

⁹⁵ *Ibid.*

⁹⁶ *Federated Malay States, Annual Report On Education for the Year 1920*, hlm. 4 dalam *Supplements to the F.M.S. Government Gazette, July 15, 1921.*

5. Sekolah Melayu Karak, (Pahang) ditubuhkan oleh Haji Ishak bin Jaafar, Orang Besar Lapan.⁹⁸

Selain itu, penghulu juga merupakan individu yang bertanggungjawab memastikan setiap sekolah yang telah dibina berjalan dengan lancar. Oleh itu, hubungan sekolah dengan penghulu adalah sangat erat. Pada masa cuti persekolahan, tugas menjaga dan mengawasi sekolah diletakkan di bawah tanggung jawab penghulu atau kepada beberapa orang murid yang boleh dipercayai.⁹⁹ Selain itu, hubungan sekolah dengan penghulu juga lebih kepada hubungan pentadbiran, kerana penghulu juga turut membuat lawatan rasmi ke sekolah di kawasannya sebulan sekali dan akan mencatat 'komen' lawatannya dalam Buku Perharian.¹⁰⁰ Selain itu, penghulu juga diberikan kuasa oleh British untuk mengenakan denda kepada ibu bapa yang gagal menghantar anak (anak-anak lelaki sahaja) mereka ke sekolah tanpa merujuk kepada pegawai British.¹⁰¹

Menjelang tahun 1920-an, tugas pembinaan sekolah-sekolah Melayu masih lagi dipertanggungjawabkan kepada penghulu atau ketua kampung. Bantuan untuk membina bangunan baharu hanya dilakukan oleh kerajaan apabila mereka berpuas hati tentang bilangan dan kehadiran pelajar di sekolah berkenaan. Manakala tugas penghulu sebagai pemantau sekolah-sekolah Melayu (termasuk Sekolah Perempuan Melayu) masih berterusan walaupun pada masa berkenaan jawatan Penyelia dan Penolong Penyelia sekolah telah pun diwujudkan. Dalam laporan *Inspector of School Perak* pada tahun 1923, menyatakan bahawa banyak sekolah Melayu telah dibina oleh orang kampung bagi keperluan persekolahan yang semakin meningkat.

⁹⁷ Razuan Mohd. Yusof, Persekolahan di Pahang Sebelum Kedatangan Jepun, *Konvensyen Pendidikan IV*, hlm. 12.

⁹⁸ Ibid.

⁹⁹ Lihat Norazit Selat, *Pahang dahulu dan sekarang*, Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Muzium Malaysia, 1996, hlm.116.

¹⁰⁰ Norazit Selat, *Pahang dahulu dan sekarang*, hlm. 116.

¹⁰¹ Ramli Saadon, *Dasar Pelajaran Kolonial British Di Negeri Selangor 1875-1957*, Tesis PhD, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007, hlm. 25.

The progress made during the year was satisfactory and enrolment in both boys' and girls' school. The demand for vernacular school was noticeable and in several cases the kampung people either gave building free of rent or put up temporary buildings themselves.¹⁰²

Selain itu, berdasarkan kepada "code of Rules" Residen British telah menurunkan kuasanya kepada Pegawai Daerah, Penghulu dan *Inspector of School* untuk menangani masalah kehadiran pelajar Melayu ke sekolah.¹⁰³ Walau bagaimanapun, undang-undang ini hanya disyaratkan kepada anak-anak lelaki sahaja dan tidak dikenakan bagi kanak-kanak perempuan. Namun demikian, pelaksanaan undang-undang ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi ibu bapa untuk menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Kehadiran anak-anak lelaki ke sekolah telah menyebabkan ibu bapa tidak lagi khuatir tentang masalah keselamatan anak-anak perempuan kerana mereka turut ditemani oleh saudara-saudara lelakinya.¹⁰⁴ Keadaan ini dibuktikan melalui peningkatan jumlah pelajar perempuan Melayu pada tahun 1910-an.¹⁰⁵

The figures for enrolment and attendance at the 4 school were 131 and 113 against 123 and 107 respectively for 1917. These figures do not correctly represent the real number of Malay Girls attending school, as even somewhat incomplete returns showed that were, near the end of the year, at least 80 girls in Boys School.¹⁰⁶

¹⁰² *Perak Administration Report for the Year 1922*, hlm.8.

¹⁰³ Ordinances Enacted by The Governor of The Straits Settlements with the advice and consent of Legislative Council thereof during the year 1901. Lihat juga Handbook of The Federated Malay States Compiled by H.Conway Balfield, British Resident of Selangor, London: Edward Stanford, 12 – 14 Long Acre, W.O, 1902, hlm.112.

¹⁰⁴ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1921, hlm. 7 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" August 25th 1922* dalam CO 576/24. *In one boys' school there are 28 girls working along with the boys and four girls passed the highest standard in the boys' schools.*

¹⁰⁵ Lihat Annual Report Of Education Department, Selangor, hlm,8 dalam SEL.SEC, 995/1915. *In several of the boys' school there are a few girls in attendance; and it is gratifying to note the signs of increased desire for the education of Malay girls.*

¹⁰⁶ Annual Report 1919, Education Department Selangor, hlm.12 dalam SEC.SEL 978/1920.

Di samping itu, para penjaga yang ingkar akan dikenal pasti oleh penghulu sebelum dipanggil berjumpa dengan Pegawai Daerah. Mereka yang dipanggil diminta menjelaskan sebab-sebab mereka tidak menghantar anak-anak ke sekolah.¹⁰⁷ Situasi yang sama juga berlaku di Negeri Sembilan di mana penghulu bagi sesuatu kawasan diwajibkan memantau kehadiran pelajar dan memastikan kehadiran pelajar adalah memuaskan. Mereka juga bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan asas, memberi kesedaran, galakan serta menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada masyarakat di kawasannya. *In Tampin there was only one school, but the late District Officer alleges that the Rembau Chiefs took much interest in education matters and he urges the establishment of a school at Gemencheh.*¹⁰⁸

Pertambahan bilangan Sekolah perempuan Melayu terutamanya pada tahun-tahun 1920, juga memberi gambaran bahawa usaha yang bersungguh-sungguh telah dilakukan oleh penghulu dan masyarakat Melayu untuk memartabatkan pendidikan wanita. Pada tahun 1922, Sekolah Perempuan Melayu di NNMB telah meningkat kepada 57 buah sekolah berbanding 54 buah sekolah pada tahun 1920.¹⁰⁹ Pertambahan ini telah membuka lebih banyak peluang untuk anak-anak perempuan Melayu mendapatkan pendidikan. Selain pertambahan Sekolah Perempuan Melayu, pertambahan pelajar perempuan di Sekolah Lelaki juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Jadual 5.1 di bawah menunjukkan peratusan peningkatan pelajar perempuan Melayu pada tahun 1922 sehingga 1932.

¹⁰⁷ Inspector of School Selangor, Laporan tahunan bagi tahun 1892 dalam SEL.SEC 623/1893.

¹⁰⁸ Lihat laporan E.W.Birch dalam Annual Report of The States of Negeri Sembilan For The Year 1896, Selangor Government Printing Office, hlm. 11.

¹⁰⁹ Annual Report on Education in the Federated Malay States 1921, hlm.3 dalam CO 576/24. Lihat juga Annual Report on Education in the Federated Malay States 1922, hlm. 10 dalam CO 576/25.

Jadual 5.1: Perbezaan Jumlah Murid Perempuan Melayu Di Sekolah Perempuan Dan Lelaki Pada Tahun 1922-1932

Tahun	Murid Perempuan Di Sekolah Perempuan Di NNS dan NMB	Murid Perempuan Di Sekolah Lelaki Di NNS dan NMB	Peratus Peningkatan
1922	3,301	500 (13%)	13%
1931	7,735	6,431 (45.4%)	+32.4 %
1932	8,364	7,372 (46.3%)	+0.9 %
1935	8,379	10,439 (55.4 %)	+ 9.1 %

Sumber: Diubahsuai daripada Training Centre For Malay Women Teachers, Extract from minutes of 49th meeting of the Advisory committee on Education in the colonies held on 21st December 1933 dalam CO 273/593/3, Fail No. 13167, 1933. Lihat juga Federated Malay States and Straits Settlements Report 1935, hlm. 47 dalam CO 717/119/1.

Pada tahun 1935, jumlah pelajar perempuan Melayu di NNMB yang bersekolah di sekolah lelaki adalah semakin meningkat. Peningkatan ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan peranan yang dimainkan oleh penghulu dan Pegawai Daerah memberi kesan yang positif.¹¹⁰ Manakala peratusan pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki Melayu di sekolah-sekolah vernakular Melayu pada tahun 1935 adalah pada kadar 26 peratus dan nisbah pelajar perempuan berbanding lelaki ialah 1: 2.8.¹¹¹ Di Pahang pada tahun 1937, jumlah pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Lelaki adalah tinggi kerana jumlah Sekolah Perempuan Melayu adalah sedikit dan dibina di beberapa bandar utama sahaja.¹¹² Hal ini jelas disebut seperti berikut:

There are in all 1,733 girls attending boys' school, either because there is no girls' school in the place or because the girls' school is too full to take any more pupils. There is in fact an increasing demand for education for Malay Girls, and the number of girls attending school has risen in the last three years from 1,225 to 2,026.¹¹³

¹¹⁰ Federated Malay States and Straits Settlements Report 1935, hlm. 47 dalam CO 717/119/1.

¹¹¹ Lihat Federated Malay States, Annual Report on the Education Department for the year 1935, hlm. 64. dalam CO 576/53.

¹¹² Lihat Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1937, hlm. 49 dalam Annual Report on Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for the year 1937 dalam CO 576/59.

¹¹³ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the Year 1938, hlm. 54.

Selain bertindak membangunkan sekolah, menjadi penasihat, menguatkuasakan undang-undang pelajaran, tindakan penghulu yang memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan mereka juga telah menjadi contoh dan ikutan masyarakat. Sebagai contoh, penghulu Ahmad bin Panglima Garang Ishak iaitu penghulu Kuala Lumpur, merupakan seorang yang mementingkan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Beliau telah memberi pelajaran kepada anak perempuannya iaitu Kontik Kamariah sehingga berjaya ke Sekolah Inggeris. Kejayaan Kontik Kamariah dalam pelajaran telah menjadi dorongan dan ikon kepada anak-anak perempuan Melayu pada ketika itu.¹¹⁴

But the time come when the village schoolmaster and then, very often, the village headman, commenced to send his girls for a year or two to boys' school. The example they set was presently followed by others. Then there arose demands for separate girls' school and now the number of these schools is very rapidly increased.¹¹⁵

Strategi Golongan Intelektual Melayu

Selain penghulu, golongan intelektual Melayu juga memainkan peranan penting dalam memartabatkan pendidikan wanita Melayu.¹¹⁶ Golongan ini terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu lulusan Sekolah Melayu, Sekolah Inggeris dan juga mereka yang mendapat pendidikan agama. Mereka merupakan golongan yang terpelajar dan sangat dihormati dalam kalangan orang Melayu. Kebanyakan mereka terdiri daripada pegawai-

¹¹⁴ Katalog Bahan-Bahan pilihan, Sejarah, Cabaran, Keberanian dan Kesungguhan, Kuala Lumpur: Penerbit Arkib Negara Malaysia, 1992, hlm. 21. Lihat juga *Biografi Wanita* Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit PERTIWI, 1983, hlm.65. Kontik Kamariah mendapat pendidikan peringkat redah di Sekolah Melayu Seputih pada tahun 1919 sehingga 1923 dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Methodist Girls' School, Kuala Lumpur dari tahun 1920 sehingga 1928 dan lulus *Senior Cambridge*. Beliau merupakan wanita Melayu pertama di Tanah Melayu yang mempunyai kelulusan berkenaan.

¹¹⁵ Lihat Annual Report on the Education Department for the year 1935, hlm. 13 dalam CO 576/53.

¹¹⁶ Lihat Edward Said, *Peace and Its Discontent*, New York, Vintage, 1996, hlm. 184-185. Beliau menyatakan seseorang cendekiawan seharusnya bertindak membebaskan masyarakatnya dari segala macam autoriti yang mencengkam dan mem perolok kemanusiaan. *The role of the intellectual is to say the truth to power, to address the central autoriti in every society without hypocrisy, and to choose the method, the style, the critique best suited for the purpose. This is so because the intellectual produces a kind of performance that continues for years, whose main goal is...to give utterance not to mere fashion and passing fads but to real ideals and value.*

pegawai rendah kerajaan British seperti kerani, pembawa surat, kakitangan rendah hospital, guru, Penolong Pegawai Daerah (bagi daerah yang besar) dan juga Pegawai Daerah.¹¹⁷ Pada Persidangan DURBAR 1903, Raja-raja Melayu mendesak supaya kerajaan British menyediakan lebih banyak jawatan (Civil Servants) dalam pentadbiran British untuk orang-orang Melayu yang berpendidikan. Walaupun agar sukar diterima oleh kerajaan British pada peringkat awal, namun menjelang tahun 1920-an terdapat usaha-usaha untuk melibatkan lebih ramai orang Melayu menjawat jawatan dalam pentadbiran British.¹¹⁸

Pada tahun 1910-an, golongan intelektual Melayu yang memegang jawatan dalam pentadbiran British mula menunjukkan kesedaran tentang kepentingan memberikan pendidikan kepada anak-anak lelaki dan perempuan.¹¹⁹ Mereka juga sedar tentang kedudukan orang Melayu yang jauh terkebelakang berbanding dengan kaum lain di Tanah Melayu.¹²⁰ Oleh yang demikian, mereka telah menggunakan akhbar-akhbar¹²¹ dan majalah-majalah¹²² Melayu yang wujud ketika itu sebagai saluran untuk

¹¹⁷ Kebanyakan pentadbir atau pegawai-pegawai Melayu yang berkhidmat dengan kerajaan British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah seperti kerani, pembawa surat, kakitangan rendah hospital, jabatan perhutanan dan jabatan kereta api. Jawatan tertinggi yang dipegang oleh orang Melayu ialah Penolong Pegawai Daerah atau Pegawai Daerah (D.O). Lihat Census Report, 1901, Government of Negeri Sembilan dalam *Supplements to the "Negeri Sembilan Government Gazette, August 16th 1901* dalam CO 463/3. Dalam laporan berkenaan dinyatakan bahawa Raja Abdul Kadir dilantik sebagai Pegawai Daerah Coast, Dato Laksmana Manap Pegawai Daerah Kuala Pilah dan Tengku Ngah, Pegawai Daerah Rembau.

¹¹⁸ Lihat Nordin Selat, *Kelas Menengah Pentadbir Melayu. Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup*, Tesis Ph.D, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 195-196.

¹¹⁹ Lihat L.R. Wheeler, *The Modern Malay*, London: George Allen and Unwin, 1928, hlm. 1-10. Beliau menyatakan golongan pentadbir Melayu atau dipanggilnya sebagai Kelas Menengah Melayu muncul pada tahun 1920-an. Beliau menggunakan kriteria pelajaran sebagai ukuran kepada kedudukan Kelas Menengah ini. Bagi beliau golongan pentadbir Melayu yang menduduki hierarki tertinggi ialah orang Melayu yang berpelajaran Inggeris, manakala golongan pentadbir peringkat rendah ialah mereka yang lulusan sekolah Melayu dan menjadi penghulu, ketua kampung, guru, khadi, iman dan juga "Superior agricultural Malays.

¹²⁰ Hasnah Muhammad Ali, Nurizan Mohd. Wahid dan Rashila Ramli, *Warisan Puteri Melayu dari MGC ke TKC (1947 – 1997)*, Kuala Lumpur: Old Girl's Association (MGC/TKC), 2000, hlm. 4.

¹²¹ Lihat Khoo Kay Kim, *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1984, hlm. 15.... amat jelas bahawa akhbar meliputi berbagai-bagai bidang; akhbar juga mengandungi berita-berita tentang apa yang berlaku di satu-satu tempat dan pada satu-satu ketika yang tertentu- itu semua merupakan bahan-bahan mentah yang diperlukan oleh sejarawan untuk diolah dan dijadikan karya ilmiah.

¹²² *Ibid.*, ...majalah biasanya mempunyai tujuan yang khusus dan justeru itu ditujukan kepada audiens yang tertentu tidak seperti akhbar yang ditujukan kepada semua yang kenal huruf. Majalah dan akhbar

menyedarkan orang Melayu. Tindakan ini bukan saja dibangkitkan oleh golongan pentadbir Melayu yang berpendidikan Inggeris malahan turut dibangkitkan oleh golongan Melayu yang berpendidikan Melayu dan juga pendidikan agama.¹²³

Menurut William R. Roff, akhbar dan majalah di Tanah Melayu boleh dikategorikan kepada tiga kategori yang khusus mengikut peranan dan tujuan penerbitannya. Kategori pertama ialah akhbar Melayu yang bersifat pembaharuan agama seperti *Al-Iman* (1906-1908)¹²⁴ dan *Neracha* (1911-1915).¹²⁵ Akhbar ini dipelopori oleh *Kaum Muda* yang kebanyakannya berpendidikan Timur Tengah. Selain dua akhbar berkenaan akhbar *Idaran Zaman* (1925-1930),¹²⁶ *Al-Ikhwān* (1926-1931)¹²⁷ dan akhbar *Saudara* (1928-1934)¹²⁸ yang diterbitkan di Pulau Pinang juga boleh dikategorikan sebagai akhbar Melayu yang membawa pembaharuan agama. Kategori kedua ialah akhbar Melayu yang tiada hubungan dengan agama seperti akhbar *Lembaga Melayu* (1914-1931),¹²⁹ *Lembaga Malaya* (1934-1941) dan lain-lain lagi. Manakala kategori ketiga ialah akhbar Melayu yang bersifat nasionalisme seperti akhbar *Warta*

merupakan khazanah pemikiran satu-satu bangsa; lebih daripada itu satu-satu golongan di dalam sebuah negara.

¹²³ Khoo Kay Kim, Tahun 1920-an dalam sejarah Malaysia, *Jurnal Sejarah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, jilid 9, 1970/1971, hlm. 7.

¹²⁴ Majalah ini diterbitkan pada tahun 1906 oleh Sheikh Mohd Tahir Jalaluddin dan kemudiannya oleh Haji Abbas bin Mohd Taha. Diterbitkan secara bulanan dan merupakan majalah Islam yang pertama di Asia Tenggara dan dicetak dalam tulisan jawi.

¹²⁵ Diterbitkan pada tahun 1911 oleh Haji Abas bin Mohd Taha yang juga merupakan pengarang *Al-Iman*. Ditulis menggunakan tulisan jawi di Singapura. Dicitak dalam empat halaman oleh Maktab Melayu, Tanjung Pagar. Pada mulanya ia diterbitkan tiga kali sebulan (1911-1912) dan kemudiannya secara mingguan (1912-1915). Terbitan terakhir ialah pada tahun 1915.

¹²⁶ Diterbitkan pada tahun 1925 di Pulau Pinang di bawah pengarangnya iaitu Mohd Yunus bin Abdul Hamid dan kemudiannya digantikan oleh Othman Kalam. W.R. Roof, *Bibliography of Malay and Arabic periodicals published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States, 1876-1941: with an annotated union list of holdings in Malaysia, Singapore and the United Kingdom*, London: Oxford University Press, 1972, hlm. 4.

¹²⁷ Diterbitkan di Pulau Pinang pada 16 Ogos 1926 di bawah Syed Sheikh bin Ahmad Al-Hadi. Pada peringkat awal, surat khabar ini dicetak oleh The British Malaya Company dan kemudiannya oleh Jelutong Press Pulau Pinang. Ditulis dalam tulis jawi dan mengandungi 24 halaman dan diterbitkan sebulan sekali. Terbitan terakhir ialah pada 16 Disember 1931.

¹²⁸ Diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1928 dan dikeluarkan tiga kali seminggu bermula pada tahun 1932. Ditulis dalam tulisan jawi dan banyak membincangkan mengenai hal-hal keagamaan. Dicitak oleh Jelutong Press, Pulau Pinang. Mula diterbitkan secara mingguan (setiap Sabtu) dalam tahun 1928 hingga 1932, dua kali seminggu dalam tahun-tahun 1932 hingga 1941. *Katalog Surat khabar dan Majalah Bahasa Malaysia*, Arkib Negara, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 43.

¹²⁹ W.R. Roof, *Bibliography of Malay and Arabic periodicals published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States, 1876-1941: with an annotated union list of holdings in Malaysia, Singapore and the United Kingdom*, London: Oxford University Press, 1972, hlm. 6 Diterbitkan pada tahun 1931, bertulis jawi dan banyak memuatkan berita-berita dari luar negara dan dalam negeri.

Malaya (1930-1941), *Majlis* (1931-1941), *Lembaga Malaya* (1934-1941), *Lembaga* (1935-1941) dan *Utusan Melayu* (1939-1941).¹³⁰

Kepincangan masyarakat Melayu juga mula dibangkitkan secara lantang oleh golongan pentadbir Melayu dan guru-guru Melayu terutama dalam penulisan-penulisan di akhbar-akhbar pada tahun 1920-an. Menurut Khoo Kay Kim, pada tahun-tahun 1920-an kepincangan masyarakat Melayu dibangkitkan dengan suara yang lebih lantang dan suatu golongan yang mengambil berat tentang soal itu ialah guru-guru Melayu.¹³¹ Kemunculan guru-guru Melayu pada tahun 1920-an telah menjadi penggerak kepada kebangkitan kesedaran dalam kalangan orang Melayu. Guru-guru Melayu di Tanah Melayu mula membentuk persatuan guru di setiap negeri di Tanah Melayu. Tujuannya adalah untuk memudahkan usaha serta kerjasama di antara ahli persatuan. Gerakan kesedaran dalam kalangan guru-guru Melayu bermula pada tahun 1920 di Pulau Pinang. Pada tahun 1920, Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai (PGMPPS) telah ditubuhkan atas daya usaha Muhammad Zain bin Haji Ayub iaitu Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu Pulau Pinang. Persekutuan ini mempunyai ahli seramai 65 orang dan bersidang sebulan sekali di Sekolah Chowrasta.¹³²

Dalam perjumpaan ketiga PGMPPS pada 3 Mac 1922, kata sepakat telah diambil untuk menerbitkan sebuah majalah yang bertujuan menyuarakan pandangan dan teguran kepada ahli persatuan. Dalam perjumpaan ini juga, mereka telah menetapkan

¹³⁰ Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara, Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm.168.

¹³¹ Khoo Kay Kim, Tahun-tahun 1920-an Dalam Sejarah Malaysia, *Jurnal Sejarah*, Jilid IX, 1970/71, hlm. 8.

¹³² Mardiana bt Nordin, *Panduan Guru: Peranan dan Sumbangannya Dalam Membangkitkan Kesedaran Masyarakat Melayu*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/96, hlm. 28. Sekolah Kebangsaan Melayu Chowrasta, kini dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Sri Tanjong. Sekolah Melayu Chowrasta ini ditubuhkan pada tahun 1878 dengan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar pada ketika itu.. Ia adalah diantara sekolah Melayu tertua di Pulau Pinang. Tapak asal Sekolah Melayu Chowrasta ini adalah terletak di persimpangan Jalan Transfer dan Jalan Phee Choon (kini tapak Ibu pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang – Headquarters).

bahawa sebuah majalah yang diberi nama *Panduan Guru*¹³³ akan diterbitkan untuk kepentingan guru Melayu dan juga masyarakat Melayu. Tujuan penerbitan majalah ini bukanlah untuk mengaut keuntungan tetapi lebih kepada usaha dan tanggungjawab seorang guru kepada masyarakat. Dalam *Panduan Guru*, keluaran April 1922, sidang pengarang menyatakan bahawa majalah ini diterbitkan bukan bermotifkan keuntungan. “Majalah seperti *Panduan Guru* ini mendapat pulangan setengah modal pun sudah tuah, kerana *Panduan Guru* bukanlah dikeluarkan untuk perniagaan semata-mata tetapi juga sebagai ingatan ikhlas dan kasih akan kaum”¹³⁴

Mereka telah memberikan banyak sumbangan dalam melahirkan pertumbuhan kesedaran dan kemajuan dalam kalangan orang Melayu. malah golongan intelektual inilah yang telah merintis jalan ke arah memartabatkan kedudukan orang Melayu dan sekali gus berperanan dalam menyebarkan idea-idea kemajuan untuk masyarakat Melayu khususnya pada tahun-tahun 1920-an.¹³⁵

Usaha PGMPPS ini telah berjaya membangkitkan semangat guru-guru Melayu di negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Atas kesedaran yang sama, Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, Persatuan Guru-guru Melayu Negeri Sembilan, Persatuan Guru-guru Melayu Melaka telah bersatu mengeluarkan majalah sebagai saluran perjuangan mereka. Hasil perbincangan dan persetujuan bersama, mereka telah menerbitkan *Majalah Guru*¹³⁶ pada tahun 1924. Perkembangan ini diikuti oleh Persatuan Guru-guru

¹³³ Diterbitkan pada bulan Julai 1922 oleh Persatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang. Diterbitkan tiga bulan sekali dalam tulisan jawi. Pengarangnya ialah Mohd Hussein bin Abdul Rasyid (1922). Terbitaknya yang terakhir ialah pada Januari 1925. Untuk keterangan lanjut lihat W.R. Roff, *Bibliography of Malay and Arabic periodicals published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States, 1876-1941: with an annotated union list of holdings in Malaysia, Singapore and the United Kingdom*, London: Oxford University Press, 1972, hlm. 14.

¹³⁴ “Berita Tahun 1922 PGMPP” *Panduan Guru*, April 1923, hlm.5. Majalah ini diterbitkan tiga bulan sekali dalam tulisan jawi dan berukuran 13 sm. *Panduan Guru* dijual pada harga 25 sen senaskhah. Walau dikeluarkan tiga bulan sekali, tetapi majalah ini telah berjaya membawa banyak isu yang menarik untuk dinilai dan hayati oleh masyarakat Melayu pada ketika itu.

¹³⁵ Khoo Kay Kim, Tahun-tahun 1920-an Dalam Sejarah Malaysia, *Jurnal Sejarah*, hlm. 8.

¹³⁶ *Majalah Guru* merupakan majalah yang banyak membincangkan perkara-perkara mengenai orang Melayu seperti masalah pendidikan, bahasa, ekonomi dan juga politik. Lihat Zawiyah binti Ismail, “Majalah Guru Tahun 1924-1941 dan Sumbangannya Pada Perkembangan Pendidikan di Tanah Melayu, Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1981. Lihat juga Mohd Janan Ahmad, Peranan Majalah Guru Dalam Perkembangan Sastera Sebelum Perang Dunia Kedua, Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996.

Islam Muar yang menerbitkan *Lembaran Guru* pada tahun 1926. Pada tahun 1930, Persekutuan Guru-guru Melayu Johor pula menerbitkan majalah *Bulan Melayu*. Tujuan penerbitan majalah-majalah ini adalah untuk menyediakan satu saluran bagi guru-guru Melayu lelaki dan perempuan menyalurkan pandangan, nasihat dan juga pengetahuan baharu kepada guru dan juga masyarakat sekeliling.

Bahawasanya kita sekalian guru-guru Melayu bersaudara yang sama sebangsa, sama pekerjaan dan sama tujuan maka dengan sebab itu tidaklah ada jalan yang lebih baik di antara kita sekalian supaya berkenalan dan tunjuk-menunjuk, ingat-mengingati dan bertukar-tukar fikiran yang memberi faedah kepada am, melainkan kita ada mempunyai suatu majalah yang khas bagi kita. Yang demikian percayalah kami bahawa percubaan kami yang sedikit ini akan digemari dan disokong oleh saudara-saudara kami yang ramai adanya di Alam Melayu ini.¹³⁷

Adalah guru itu boleh dikatakan sebagai alat yang terkemuka sekali buat guru memajukan anak-anak bangsanya yang akan datang kerana merekalah yang awal mula-mula pertama sekali menjejakkan qalamnya ke atas hamparan dada anak bangsanya yang bersih itu...¹³⁸

Selain itu, guru-guru Melayu mulai sedar bahawa kerajaan British sebenarnya tidak bersungguh-sungguh dalam memajukan pendidikan orang Melayu. Mereka mula mempertikaikan mengenai bangunan-bangunan sekolah Melayu yang masih daif dan seba kekurangan, masalah kekurangan guru yang terlatih, masalah kesedaran pelajar dan juga masalah kurikulum yang dilihat jauh terkebelakang berbanding dengan sekolah vernakular lain. Bagi guru-guru Melayu masalah ini seharusnya diberi perhatian khusus oleh kerajaan British agar pendidikan orang Melayu lebih berdaya saing dan lebih praktikal sebagaimana pendidikan Inggeris. Guru-guru Melayu juga menegaskan bahawa pendidikan yang harus disediakan oleh kerajaan British perlu memenuhi empat kriteria penting iaitu;

1. Keadaan fizikal sekolah yang bersesuaian. (Keadaan sekolah dan kewajipannya)

¹³⁷ Rencana Pengarang, *Majalah Guru*, November 1924, hlm. 1.

¹³⁸ Ibid., hlm. 2.

2. Guru yang terlatih. (Keadaan guru dan kewajipannya)
3. Murid yang bersedia dan memahami tujuan ke sekolah. (Keadaan murid dan kewajipannya.
4. Kurikulum dan peraturan yang lengkap. (Jenis pengetahuan dan faedahnya)¹³⁹

Perkara-perkara ini sentiasa menjadi isu penting yang sering dicanang dan diketengahkan oleh guru-guru Melayu. Tujuannya adalah untuk mengingatkan kerajaan British agar memberi perhatian khusus terhadap aspek-aspek berkenaan agar pendidikan untuk anak-anak perempuan Melayu menjadi lebih bermakna. Guru-guru Melayu melalui akhbar dan majalah meluahkan kekecewaan mereka terhadap kerajaan British yang tidak menghiraukan pendidikan vernakular Melayu. Mereka juga sedar sekiranya elemen-elemen ini tidak diperbaiki oleh kerajaan British, nescaya pendidikan Melayu tidak memberi manfaat kepada orang Melayu dan mereka menggelarnya sebagai “...nescaya tiada terbit pelajaran”. Situasi ini diketengahkan oleh guru-guru Melayu dalam *Lembaran Guru*, Julai 1926.

Ketahui oleh mu wahai anakku yang dikasihi bahawasanya pelajaran itu terkandung ia di dalam tiga bahagian, pertama guru (orang yang mengajar), kedua murid (Orang yang belajar), ketiga ilmu (Ilmu yang diajar). Maka jika ketiadaan salah satu daripada tersebut itu nescaya tiada terbit pelajarannya.¹⁴⁰

Tidakkah ingin tuan-tuan hendak mencuba. Mengubah keadaan kita yang amat rendah dan daif di mata dan hati kaum lelaki kita?. Mustahil kita dapat keluar daripada penjara kehinaan itu melainkan kita mempunyai ilmu yang sebenar dan yang bersetuju dengan kefardhuan kita perempuan serta kita tunaikan kewajipan kita dengan segeranya.¹⁴¹

¹³⁹, Jalan Persekolahan’, *Panduan Guru*, Januari 1923, hlm.12.

¹⁴⁰ ‘Pelajaran’, *Lembaran Guru*, Julai 1926, hlm.4.

¹⁴¹ *Lembaran Guru*, November 1926, hlm.14.

Mohd Yusof Ahmad yang merupakan pengarang *Cenderamata* menyarankan agar guru-guru Melayu memainkan peranan untuk mempengaruhi ibu bapa agar menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Tugas ini merupakan tugas yang sukar dan perlu dilakukan dengan berhati-hati dan beransur-ansur oleh para guru. Beliau menyatakan bahawa guru-guru Melayu yang merupakan golongan yang paling dihormati perlu menjadi agen perubahan dalam masyarakat. Beliau mencadangkan agar guru-guru Melayu bertindak sebagaimana berikut;

1. Mengubah pemikiran orang tua-tua di kampung-kampung dengan menggunakan contoh dan teladan.
2. Guru-guru Melayu hendaklah mengadakan hubungan baik dengan penghulu dan ketua kampung.
3. Guru-guru Melayu perlulah menunjukkan contoh-contoh dan teladan kepada orang-orang kampung dengan mempunyai kelakuan yang baik, bersopan santun dan sebagainya.
4. Guru-guru Melayu bertugas untuk pergi ke kampung-kampung dan bersyarah memberi nasihat kepada perempuan-perempuan berkenaan pelajaran.¹⁴²

Guru-guru Melayu juga sedar bahawa pendidikan Inggeris harus diberikan kepada semua pelajar Melayu sama ada lelaki atau perempuan. Tambahan pula, peluang untuk mendapatkan pekerjaan dalam pentadbiran British (Malayan Civil Service atau M.C.S) adalah lebih terbuka kepada pelajar-pelajar lulusan sekolah Inggeris.¹⁴³ Walau bagaimanapun, mereka menghadapi cabaran kerana ramai orang Melayu lebih berminat

¹⁴² *Cenderahati*, November 1923, hlm. 71.

¹⁴³ Lihat tulisan Melor dalam 'Perempuan Melayu dengan Pelajaran', *Bulan Melayu*, Jun 1930, hlm. 12, Lihat juga 'Persekolahan Gadis-gadis Kita', *Warta Malaya*, & Disember 1936, hlm. 10. Lihat juga 'Adakah Anak-anak Perempuan Melayu Sebenarnya Tidak Harus Diberi Pelajaran Inggeris', *Majlis*, Mac 1934, hlm. 5.

menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama atau sekolah Melayu berbanding sekolah Inggeris. Orang Melayu juga bimbang untuk menghantar anak perempuan mereka ke sekolah Inggeris kerana beberapa sebab iaitu takut terjadinya pergaulan bebas dan juga takut anak-anak mereka di Kristiankan.¹⁴⁴ Sikap inilah menjadi penghalang utama kepada anak-anak perempuan Melayu untuk belajar di sekolah Inggeris.

Jika anak-anak Melayu itu belajar bahasa Inggeris sahaja mencuba menandingi anak bangsa lain di tangan guru-guru yang bukan Melayu boleh jadi dalam seratus tahun lagi anak-anak Melayu yang sedikit bilangannya yang berpelajaran itu menjadi seperti bangsa kacukan iaitu jahil dalam bahasanya, jahil dalam agamanya dan adat resam bangsa yang baik.¹⁴⁵

Beberapa tahun yang lalu kebanyakan bangsa Melayu kita (Khususnya yang ada pengetahuan agama Islam sebanyak sedikitnya atau yang tertakluk di bawah fikiran dan nasihat tuan-tuan alim yang purbakala) tersangatlah menghinakan dan menakutkan anak-anak daripada dihantar ke sekolah-sekolah Inggeris kerana di sekolah-sekolah Inggeris itu sudah tidak ada pelajaran agama Islam maka bertambah pula tiada banyaknya sebab diajarkan bahasa Nasrani iaitu bahasa satu jenis kafir yang sangat dibenci oleh Muslim. Maka dahsyatlah hati-hati mereka itu kalau memikirkan kalau mati anak itu kelak di dalam kafir kerana siapa tahu entah berpaling kepada agama Nasrani itu apabila dibacanya kitab agama itu.¹⁴⁶

Selain guru-guru Melayu, pegawai-pegawai Melayu yang bekerja dengan kerajaan British juga memainkan peranan untuk memartabatkan pendidikan wanita Melayu. Golongan pegawai Melayu pada ketika itu kebiasaannya adalah pegawai-pegawai rendah kerajaan British. Mereka ini dianggap kumpulan orang Melayu terpelajar kerana pendidikan yang dimiliki oleh mereka adalah pendidikan tertinggi

¹⁴⁴ Transkrip wawancara dengan Hajah Zainun Binti Sulaiman (Ibu Zain) oleh Sidek Jamil, Pegawai Arkib Negara pada 18 Jun 1974, Pita Nombor 1.

¹⁴⁵ Lihat 'Bangsa Melayu Boleh Pupus Jikalau Tidak Ada Sekolah Melayu', *Majalah Guru*, Mei 1931, hlm. 83.

¹⁴⁶ Surat Persendirian oleh Za'ba, Anak-anak Melayu di Sekolah Inggeris, Jun 1954, Arkib Negara Malaysia, hlm. 12 dalam SP 18/1A/49. Perkara yang sama juga pernah dibangkitkan dalam *Majlis* pada tahun 1934 di dalam rencana 'Adakah Anak-anak Perempuan Melayu Sebenarnya Tidak Harus Diberi Pelajaran Inggeris' *Majlis*, 8 Mac 1934, hlm. 5.

orang Melayu pada ketika itu.¹⁴⁷ Seruan-seruan terhadap kepentingan pendidikan kepada anak-anak perempuan ini telah mendapat perhatian pegawai-pegawai Melayu. Mereka sedar bahawa pendidikan Melayu dan Inggeris kepada anak perempuan adalah jalan terbaik untuk menjamin masa depan anak-anak mereka.¹⁴⁸ Bagi mereka, pendidikan yang sempurna akan memastikan anak-anak perempuan mereka mendapat calon suami yang berpendidikan. Tambahan pula pegawai-pegawai Melayu serta guru-guru telah dipengaruhi oleh pegawai-pegawai atasan British supaya mengahwini wanita Melayu yang berpelajaran.¹⁴⁹

Akhbar *Lembaga Melayu*,¹⁵⁰ bertarikh 16 November 1927, yang berjudul 'Permulaan' yang ditulis oleh seorang pembaca kepada pengarang *Lembaga Melayu* menyatakan hasratnya supaya anak-anak perempuan Melayu mendapat peluang yang lebih baik dalam pendidikan sebagaimana kaum-kaum lain.

...maka yakin saya oleh kemajuan kaum perempuan itu sebaik-baiknya... hendaklah dijaga jangan melemahkan hingga boleh hilang maruah, hilang perasaan dan berubah fikiran istimewa pula dibiasakan bercampur gaul dengan laki-laki yang bukan kerabat muhrimnya... maka berdoa sungguh saya jika dapat kaum perempuan itu menuntut setinggi-tinggi pelajaran sama ada ilmu akhirat dan ilmu Bahasa Melayu, Inggeris, Arab, Cina, Keling dan jahit-menjahit, ayam-menganyam.¹⁵¹

¹⁴⁷ Pada tahun 1930-an, terdapat desakan daripada orang Melayu dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan agar kerajaan British memberi perhatian terhadap penubuhan dan perkembangan pendidikan wanita. Lihat Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States, 1896-1920*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980, hlm. 140.

¹⁴⁸ Caroline Gerhold, *Factors Relating To Educational Opportunities For Women Residents Of The Malay Peninsula*, Disertasi Ph. D, University Cornell, 1971, hlm. 72.

¹⁴⁹ Lenore Menderson, *Wanita, Politik Dan Perubahan, Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945 – 1972*, (Terjemahan Samsudin Jaapar), Kuala Lumpur; Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1981, hlm. 32. Lihat juga Training Centre For Malay Women Teachers, 1933(No. Fail. 13167) dalam CO 273/593/3. ... and it is evident that young men of Malaya are already beginning to demand that their wives should have had educational opportunities which qualify them to be real companions and helpmates. This is now a common symptom in many part of Asia..

¹⁵⁰ Majalah ini diterbitkan pada tahun 1931 -1941 dalam tulisan jawi dan banyak memuatkan berita-berita dari dalam dan luar negara. Lihat W.R Roff, *Bibliography of Malay and Arabic periodicals published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States, 1876-1941 : with an annotated union list of holdings in Malaysia, Singapore and the United Kingdom*, hlm. 7.

¹⁵¹ 'Permulaan', *Lembaga Melayu*, 16 November 1927, hlm. 2.

Di Selangor, bapa kepada Dr. Siti Hasmah binti Mohd Ali iaitu Mohd. Ali bin Talib yang pada masa itu merupakan seorang kerani di Pejabat Kesihatan Klang amat mengambil berat tentang pendidikan anak-anaknya. Kesemua anak-anaknya sama ada lelaki atau perempuan diberi pendidikan yang secukupnya sama ada pendidikan sekular ataupun pendidikan agama. Siti Hasmah menceritakan bahawa;

Ayah telah membahagikan masa dan giliran menghantar abang-abang saya ke sekolah Victoria Institution dan saya tiga beradik perempuan ke Sekolah St. Mary pada waktu pagi, ke kelas agama di rumah Tuk Iman Haji Sulaiman, Kampung Baru pada waktu petang dan pada hari Sabtu dan Ahad ke Sekolah Perempuan Melayu Kampung Baru untuk belajar bahasa Melayu dan jawi.¹⁵²

Selain daripada pegawai-pegawai Melayu, terdapat juga pesara-pesara kerajaan seperti doktor, pegawai rendah kerajaan, kerani dan juga golongan agama yang turut berusaha memajukan pendidikan Melayu. Mereka telah memberi sokongan kepada pendidikan orang Melayu terutama dari segi sumbangan kebendaan dan kewangan. Sebahagian daripada mereka juga terlibat dalam pembinaan dan pembukaan sekolah-sekolah Melayu. Antara sekolah-sekolah yang didirikan oleh golongan pesara kerajaan ialah;

1. Sekolah Melayu Batu Lapan, (Pahang) ditubuhkan oleh Pakeh Samad bin Abdul Manan (pesara guru) pada tahun 1936.
2. Sekolah Melayu Lebu (Pahang) oleh Dr. Omar bin Tan dan Khatib Yunus Arshad pada tahun 1938
3. Sekolah Melayu Batu Tiga (Pahang) oleh Encik Jamaluddin Abdullah, bekas kerani pejabat pos yang bersara pada tahun 1928.¹⁵³

¹⁵² Azizah Mokhzani, et.al, *Siti Hasmah, Citra Wanita Dua Zaman*, Kuala Lumpur: Penerbit Perpustakaan Negara Malaysia 1999, hlm. 25.

¹⁵³ Razuan Mohd.Yusof, *Persekolahan di Pahang Sebelum Kedatangan Jepun, Konvensyen Pendidikan IV*, hlm. 12.

Kebanyakan golongan intelektual Melayu amat prihatin dan mementingkan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Antaranya ialah Za'ba yang dikatakan seorang yang melihat pendidikan sebagai alat penting untuk kesedaran dan kemajuan orang Melayu. Menurut Za'ba, salah satu faktor yang menyebabkan kemunduran dalam kalangan orang Melayu ialah kerana kelemahan orang Melayu sendiri dalam pendidikan. Kebanyakan orang Melayu pada ke-19 dan awal abad ke-20 tidak mempunyai pendidikan secara formal, mereka hanya diberikan pendidikan secara tidak formal berkenaan keperluan kehidupan seharian mereka sahaja. Dalam *Panduan Guru* menyebut:

Dengan kedatangan Barat telah membuka mata kita hingga dapat melihat dan sedar akan kepapaan kita dan kekurangan kita dalam pelajaran. Maka sungguhpun bertaburan sekolah-sekolah Melayu dan semenjak 40 atau 50 tahun yang lalu akan tetapi hal keadaannya umpama dalam gelap jika adanya hingga sampailah kira-kira tahun 1915, manakala mulai bergerak sedikit-sedikit. Pelajaran Melayu di semenanjung kita mana saksi yang menunjukkan demikian itu boleh kita lihat di dalam surat-surat khabar Melayu daripada segenap ceruk kampung di semenanjung ini berjerit pekik membangun dan menyeru kaumnya yang masih lagi dalam kelalaian dan berteriakan yang telah ketinggalan jauh ke belakang.¹⁵⁴

Za'ba sendiri sedar tentang masalah berkenaan dan cuba menyedarkan orang Melayu tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Beliau juga menyeru agar orang Melayu sedar bahawa kedudukan mereka telah ketinggalan jauh berbanding bangsa-bangsa asing. Oleh itu, orang Melayu diseru agar lebih berdaya saing, berlumba-lumba menimba ilmu agar terus kompetitif sebagaimana bangsa-bangsa asing. Pendidikan bagi beliau adalah landasan utama untuk kemajuan bangsa Melayu. Lantaran itu, beliau sendiri turut menyekolahkan anak perempuannya di Sekolah Tanjung Malim, walaupun masyarakat sering mengejek anaknya sebagai 'kerani

¹⁵⁴ "Jalan Persekolahan" *Panduan Guru*, Julai 1922, hlm. 35.

dapur'.¹⁵⁵ Dalam *Majalah Guru* pula beliau menyebut bahawa budaya orang Melayu dan Cina seperti berikut:

Dengan sebab tiada pelajaran dan tiada perasaan yang terbit daripada pelajaran jadilah amnya orang-orang kita tertinggal beberapa jauh di belakang. Tetapi jikalau dikata bahawa orang Cina kebanyakan tiada pelajaran mengapa mereka rajin berusaha sehingga beberapa banyak ialah sebab itu mereka telah ada latihan beribu tahun pada perkara-perkara kerajinan seperti itu turun temurun dari nenek moyangnya dahulu sehingga telah jadikan usaha dan kerajinan itu sesuatu tabiat kepada bangsanya.¹⁵⁶

Walaupun bagaimanapun, menurut Za'ba, orang Melayu menghadapi pelbagai masalah dan cabaran untuk menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Beliau merasakan bahawa pendidikan Melayu pada zaman kolonial mempunyai kelemahan yang nyata dalam pelbagai aspek. Selain tidak mempunyai dasar yang jelas, kelemahan juga nyata dari segi kurikulum dan pentadbiran.¹⁵⁷ Oleh yang demikian, sekolah-sekolah Melayu menjadi lemah dan memberi kesan kepada mutu pendidikan di Sekolah Melayu.

Walaupun terdapat banyak reaksi positif terhadap kepentingan pendidikan kepada anak-anak Melayu, namun terdapat juga segelintir golongan bangsawan dan intelektual Melayu yang melihat pendidikan yang berlebihan tidak sepatutnya diberikan kepada orang Melayu. Raja Chulan misalnya pada tahun 1933 telah meminta supaya kerajaan British tidak memberi pendidikan yang tinggi kepada orang Melayu kerana pendidikan yang tinggi tidak akan memberi manfaat kepada orang Melayu. David James mendakwa Raja Chulan mengatakan;

Tuan-tuan sehingga akhir-akhir ini, saya rasa pelajaran kesusasteraan (literary) Inggeris adalah memberi peluang yang paling baik bagi tiap-tiap orang Melayu... tetapi hari ini saya sangat terkejut sebab saya tahu yang semuanya ini... tidak memberi peluang apa-apa pun kepada

¹⁵⁵ Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara, Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm. 170.

¹⁵⁶ Za'ba, 'Persekutuan Kerana Pelajaran', *Majalah Guru*, Mac, 1932, hlm. 43.

¹⁵⁷ Adnan Hj.Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd, 1998, hlm. 93.

orang Melayu untuk mendapat kerja di pejabat-pejabat kerajaan... saya bersedia... walaupun saya tahu dengan itu saya akan menerima kritik dari bangsa saya... untuk mencadangkan yang kita patut menarik semua tempat percuma di sekolah-sekolah Inggeris dan menutup semua asrama di sekolah-sekolah ini... kita kan masih lagi mempunyai cukup orang Melayu yang bercakap Inggeris untuk memenuhi kehendak-kehendak tempatan.¹⁵⁸

Selain itu, rencana yang ditulis oleh pengarang *Lembaga Melayu* yang bertarikh 7 Mac 1928, juga dilihat agak pesimistik terhadap pendidikan wanita. Pengarang akhbar berkenaan agak curiga terhadap pendidikan yang terlalu tinggi diberikan kepada anak-anak perempuan Melayu. Beliau merasakan pendidikan peringkat rendah sudah memadai untuk anak-anak perempuan sesuai dengan fungsinya sebagai isteri dan ibu kepada anak-anaknya. Pendidikan yang tinggi dikhuatiri akan menyebabkan wanita Melayu terjebak dengan budaya dan ideologi barat.

...sesungguhnya kita tersangat suka supaya diberikan pelajaran akan anak-anak perempuan kita itu tetapi hendaklah berpada-pada sahaja iaitu tidak terlalu tinggi bagaimana anak-anak kita yang laki-laki dalam bahasa lain-lain itu.¹⁵⁹

Nada yang sama juga telah disuarakan oleh pengarang *Lembaga Melayu* pada keluaran 16 Mac 1928. Beliau menyuarakan pandangan sama pada keluaran sebelumnya. Beliau mengesyorkan agar anak-anak perempuan Melayu tidak diberikan peluang pendidikan yang tinggi. Pengarang turut menyelar sikap orang Melayu yang cuba memberikan pendidikan yang tinggi kepada anak-anak perempuan Melayu sehingga mereka memperoleh sijil *Junior* dan *Senior Cambridge*. Bagi pengarang pendidikan yang tinggi sekiranya tidak dapat dimanfaatkan kepada anak bangsa adalah merugikan dan dianggap sebagai 'tidak berguna' seperti kenyataan berikut:

... sesungguhnya kita tidak suka menggalakkan anak-anak perempuan belajar ilmu-ilmu asing yang tinggi bagaimana yang dipelajari oleh

¹⁵⁸ David James Radcliffe, *Education and Cultural Change Among The Malays 1900-1940*, Ph.D. Dissertation, University of Wisconsin-Madison, 1970, hlm. 26.

¹⁵⁹ 'Rencana Pengarang', *Lembaga Melayu*, 7 Mac 1928, hlm. 2.

saudara-saudaranya yang laki-laki itu tetapi ada jua orang-orang yang suka akan anak-anaknya mendapat pelajaran yang tinggi-tinggi itu dan oleh sebab itu, pada masa ini ada kita dengar anak-anak perempuan Melayu di Singapura, di Pulau Pinang dan di Tanah Melayu yang telah mendapat pelajaran yang tinggi-tinggi itu seperti kelulusan dalam peperiksaan-peperiksaan *Junior* atau *Senior Cambridge* itu. Sekiranya anak-anak perempuan yang telah mendapat pelajaran yang tinggi-tinggi itu menggunakan pelajarannya itu kerana mengajar akan saudaranya yang lain itu iaitu seperti menjadi guru-guru dalam sekolah perempuan-perempuan Melayu itu bolehlah jua dikatakan ada kebijaksanaannya daripada anak-anak perempuan Melayu belajar ilmu-ilmu yang tinggi-tinggi itu jika tidak apakah gunanya kepada kaumnya yang am.¹⁶⁰

Pada tahun-tahun 1930-an, terdapat juga segelintir orang Melayu yang masih memandang dingin terhadap pendidikan wanita. Mereka berpendapat bahawa tugas wanita itu hanyalah menjadi isteri dan ibu di rumah sahaja. Mereka digelar pentadbir “satu kerajaan yang kecil” yang hanya melibatkan ruang lingkup di sekitar rumah tangga mereka sahaja. Pandangan ini disuarakan oleh Binti Salim dalam akhbar *Saudara* keluaran 1 Februari 1930 yang menyatakan bahawa:

Perempuan tiadalah sayugianya berkehendak akan perhubungan suaranya kepada sesuatu pihak. Kerana dia bukanlah orang yang berhak menjadi penyeru atau utusan bagi persatuan kaum bangsanya umum. Akan tetapi ia daripada orang yang berhak melatih dan menjaga serta mengatur benih kemanusiaan kaum bangsanya. Perempuan itu mempunyai kerajaan di dalam rumah tangganya. Ia menjadi wakil atau utusan hanya di dalam pergaulan berkaum keluarga...¹⁶¹

Walau bagaimanapun, pandangan penulis dalam akhbar-akhbar berkenaan lebih bersifat peribadi dan tidak mewakili keseluruhan penduduk Melayu di NNMB. Jika diteliti secara mendalam pandangan ini bukanlah bermaksud menidakkan pendidikan kepada anak-anak perempuan Melayu tetapi lebih kepada memastikan pendidikan yang diterima tidak merosakkan institusi sosial dan adat masyarakat Melayu.¹⁶² Kebanyakan

¹⁶⁰ ‘Rencana pengarang’, *Lembaga Melayu*, 16 Mac, 1928, hlm. 2 .

¹⁶¹ *Saudara*, 1. Februari 1930, hlm. 1.

¹⁶² *Saudara*, 20 Februari .1935. hlm. 7. Pada ketika itu adalah masa dan tempoh yang sebaik-baiknya supaya ia mulai berfikir tentang kebajikan dan kesucian agama Allah Yang Maha Suci itu. Maka oleh

akhbar sezaman seperti *Al-Iman* (1906), *Utusan Melayu* (1907), *Saudara* (1920), *Al-Ikhwān* (1926), *Warta Malaya* (1930), *Majlis* (1931), *Lembaga* (1935) dan *Utusan Melayu* (1939) telah digunakan sebagai landasan oleh golongan intelektual Melayu untuk menyedarkan orang Melayu tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak perempuan.¹⁶³

Pandangan yang lebih jelas disuarakan oleh pengarang akhbar *Lembaga Melayu* pada akhir tahun 1930-an. *Lembaga Melayu* pada 12 Ogos 1938, menyatakan dengan tegas mengenai segelintir orang Melayu yang tidak mementingkan pelajaran kepada anak-anak perempuan. Antara inti patinya ialah;

...kebodohan dan kejahilan perempuan sekarang adalah sebab dari kesalahan dan kelalaian penjaga-penjaganya. Sebahagian mereka diberi pakaian dan makanan, maka pelajaran patut diberi untuk memimpin perempuan. kemuliaan kepada sesuatu bangsa itu adalah kemuliaan wanita.¹⁶⁴

Pelbagai usaha dan strategi telah digerakkan oleh golongan pentadbir dan juga golongan intelektual Melayu untuk memajukan pendidikan wanita. Seruan-seruan kesedaran melalui akhbar-akhbar dan majalah-majalah telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang Melayu. Menjelang tahun 1920-an, gelombang kesedaran orang Melayu telah memasuki fasa baharu iaitu fasa tindakan. Oleh yang demikian, sebagai reaksi terhadap kesedaran berkenaan, orang Melayu telah menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah sama ada ke sekolah Melayu ataupun Sekolah Inggeris. Walaupun wujud kebimbangan dalam kalangan orang Melayu mengenai isu pergaulan bebas dan isu pengkristianan, tetapi masalah ini telah sedikit sebanyak hilang

sebab itu sangatlah kelirunya apabila di dalam masa yang tersebut gadis-gadis kita itu dijauhkan daripada pelajaran agama.

¹⁶³ Mazlan Nordin, *Tokoh dan Akhbar Melayu, Pencetus Peminggiran Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 29. Pengarang-pengarang akhbar dan majalah Melayu pada tahun 1900 sehingga 1941 menyeru orang Melayu menjaga kepentingan dan hak-hak bangsa Melayu yang dilihat ketinggalan dalam segenap aspek.

¹⁶⁴ *Lembaga Melayu*, 12. Ogos. 1938, hlm. 11.

hasil daripada penerangan dan semangat dari golongan pentadbiran dan intelektual Melayu.

Gerakan Kesedaran Oleh Golongan Agama

Peranan dan usaha yang dilakukan oleh golongan agama juga sangat penting dalam memartabatkan pendidikan wanita Melayu. Semenjak pembukaan Melaka sehinggalah kepada penubuhan NNMB, peranan ulama'¹⁶⁵ dan cendekiawan Islam amat penting dalam pembangunan pendidikan orang Melayu. Setelah Raja Melaka memeluk agama Islam, perkembangan pendidikan Islam telah berkembang ke seluruh negeri-negeri naungannya. Pada peringkat awal, pendidikan agama Islam dimulakan oleh golongan ulama' dari Timur Tengah. Mereka telah menjadikan surau-surau, masjid-masjid dan pondok-pondok sebagai institusi pendidikan agama.

Pada awal abad ke-20, muncul pula gerakan pembaharuan yang dicetuskan oleh golongan yang berpendidikan dari Timur Tengah. Gerakan ini dikenali sebagai Gerakan Islah atau gerakan pembaharuan dan reformasi.¹⁶⁶ Di Tanah Melayu, gerakan Islah yang digerakkan oleh bekas pelajar lulusan Timur Tengah ini adalah bertujuan memperbetulkan akidah dan tauhid orang Melayu yang dianggap terlalu terikat dengan adat dan budaya masyarakat. Bagi mereka unsur-unsur syirik, khurafat dan bidaah yang diamalkan oleh masyarakat Melayu adalah bertentangan dengan ajaran al-Quran dan hadis.¹⁶⁷ Golongan pembaharuan ini diberi jolokan sebagai *Kaum Muda* (Young

¹⁶⁵ Istilah Ulama adalah merujuk kepada golongan yang berilmu pengetahuan tinggi atau cendekiawan atau intelek dalam bidang agama. Ulama tradisional pula merujuk kepada golongan kakitangan kerajaan yang terlibat secara langsung dengan soal-soal keagamaan dan merupakan kumpulan yang mempunyai kedudukan dan kepentingan sama ada di istana-istana atau di kampung-kampung. Untuk keterangan lanjut lihat Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Iman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 217-218.

¹⁶⁶ Pan Islamic Movement, hlm. 45-47 dalam CO 537/3751/136798.

¹⁶⁷ Mahayuddin Haji Yahya, Abu Jabir Abdullah bin Ahmad al-Ghadamisi: Tokoh Ulama Islah di tanah Melayu dalam Sejarah dan Proses Pemantapan Negara Bangsa, *Prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua*, Jilid 2, 1998, hlm. 435.

Faction)¹⁶⁸ kerana cuba mengetengahkan fahaman yang dianggap baharu oleh golongan *Kaum Tua*¹⁶⁹ (ulama' tradisional atau Old Faction) di Tanah Melayu.¹⁷⁰ Golongan *Kaum Muda* juga tidak terbatas kepada mereka yang lulusan daripada Timur Tengah sahaja tetapi juga meliputi mereka yang menerima ideologi berkenaan. Dengan kata lain, orang Melayu yang berpendidikan Melayu, Inggeris atau pondok juga boleh dikategorikan sebagai *Kaum Muda* sekiranya mereka menerima ideologi berkenaan.

Antara tokoh *Kaum Muda* yang terkenal ialah Syeikh Mohd. Tahir b Jalaluddin Al-Azahari,¹⁷¹ Sayid Syeikh Ahmad Al-Hadi,¹⁷² Haji Abbas bin Mohd. Taha¹⁷³ dan

¹⁶⁸ *Kaum Muda* merupakan gelaran yang diberikan oleh *Kaum Tua* di Tanah Melayu kepada sekumpulan anak muda yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah dan terpengaruh dengan perjuangan Pan Islamisme dan gerakan Reformasi Islam di bawah kepimpinan Sultan Abdul Hamid II. Namun gelaran ini sebenarnya merupakan suatu panggilan bernada sinis kepada mereka dengan mengaitkan golongan ini dengan gerakan Turki Muda di bawah kepimpinan Mustapha Kamal Atatürk yang jauh tersimpang dari perjuangan Islam. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu, Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 113-115. Lihat juga Alijah Gordon, *The Real Cry Of Syed Shaykh al-Hadi, with selection of his writing by his son Syed Alwi Al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institut (MSRI), 1999, hlm, 201.

¹⁶⁹ *Kaum Tua* pula ialah segolongan masyarakat Melayu yang berpegang teguh kepada al-Quran dan mempercayai sepenuhnya ajaran yang diberikan oleh ulamak pada masa tersebut. Miss Thompson dalam bukunya *Post-mortem in Malaya* menyatakan bahawa; The Dispute between *Kaum Muda* and *Kaum Tua* published in 1929, say that the *Kaum Tua* are those who hold that 'as we must believe in the Kuran and the world of the prophet, so it is obligatory (wajib) to believe in whatever is given us by the ulama'. Virginia Thompson, *Post-mortem on Malaya*, New York, 1943, hlm, 304. Lihat juga Willian R. Roff, *Kaum Muda – Kaum Tua: Innovation And Reaction Among The Malays, 1900-1941, First International Conference of South East Asia Historian*, Singapore, Universiti of Malaya Singapore, 1961, hlm. 163. Lihat juga Alijah Gordon, *The Real Cry Of Syed Shaykh al-Hadi, with selection of his writing by his son Syed Alwi Al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institut (MSRI), 1999, hlm. 201.

¹⁷⁰ Lihat Mohammad Redzuan Othman dan Abu Hanifah Haris, Egyptian Influences On Malay's Muslim *Kaum Muda* (Young Faction) Before World War II, *Al-Shajarah, Journal of The International Institut of Islamic Thought And Civilization (ISTAC)*, International Islamic University Malaysia (IIUM), Vol.18 Number 1, 2013, hlm. 1-2.

¹⁷¹ Sheikh Mohd. Tahir bin Jalaluddin Al-Azhari dilahirkan dekat Bukit Tinggi, Sumatera Barat pada tahun 1869. Beliau merupakan pengarang pertama majalah *Al-Iman* yang paling intelektual dan keserjannannya. Beliau pernah tinggal di Mekah selama 12 tahun dan belajar ilmu falak di Universiti Al-Azhar, Kaherah pada tahun 1893. Selama 4 tahun di Kaherah, beliau didedahkan dengan pengaruh-pengaruh ajaran pembaharuan Islam di Mesir yang diketuai oleh Sheikh Mohd. Abduh dan pengikutnya Mohd. Rashid Rihda.

¹⁷² Syeikh Ahmad al-Hadi dilahirkan pada 25 Rejab 1281 Hijrah bersamaan 1867 Masihi di kampung Hulu, Melaka Bapanya Syed Syeikh Ahmad bin Hassan al-Hadi adalah daripada keturunan Arab Hadramaut. Beliau mendapat pendidikan agama Melayu dan agama di Melaka. Semasa berumur 14 tahun beliau telah berhijrah ke Pulau Penyengat dan dijadikan anak angkat oleh Raja Haji Ali Kelana. Kemudiannya beliau dihantar belajar di sebuah sekolah pondok di Terengganu. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Kaherah pada tahun 1849 sehingga 1905.

¹⁷³ Haji Abas bin Mohd Taha, pengarang ketiga majalah *Al-Iman* berasal dari Singapura (1885). Pada zaman mudanya, beliau belajar di Mekah sebelum kembali ke Singapura (1905). Pengalaman kerja sebagai guru agama, penerbit (1906) dan pengarang *Al-Iman* (1908).

Syeikh Mohd. Salim Al-Kalali¹⁷⁴ dan lain-lain lagi. Mereka merupakan antara pelajar-pelajar Melayu berketurunan Arab yang belajar di Timur Tengah. Semasa menuntut di Kaherah, mereka telah berguru dengan Syeikh Muhammad Abduh (1849-1905) yang pada ketika itu adalah pengasas gerakan *Ikhwal Muslimin*¹⁷⁵ di Timur Tengah. Idea-idea pembaharuan (revolusioner) yang dibawa oleh Syeikh Muhammad Abduh telah diserap dan menjadi pegangan pelajar-pelajar Melayu.¹⁷⁶ Malahan semangat ini turut dieksport ke seluruh pelosok dunia melalui proses pengkaderan pelajar-pelajar yang belajar di Timur Tengah. Gerakan ini berkembang menjadi sebuah gerakan besar yang dikenali sebagai Pan-Islamisme dan Reformis Islam dan tersebar ke seluruh dunia termasuk Tanah Melayu dan Indonesia.¹⁷⁷ Idea gerakan pembaharuan ini telah dibawa balik ke Tanah Melayu oleh Syed Sheikh Al-Hadi, Syeikh Mohd. Tahir Jalaluddin Al-Azahari, Haji Abbas bin Mohd. Taha dan Syeikh Mohd. Salim Al-Kalali.¹⁷⁸

Bagi *Kaum Tua* sebarang bentuk fahaman baharu yang bertentangan dengan tradisi adalah salah dan mereka beranggapan ajaran yang sudah sedia ada perlu dikekalkan kerana lebih tepat dan selamat.¹⁷⁹ *Kaum Tua* mempunyai pengaruh yang kuat dalam sistem pentadbiran di Tanah Melayu. Mereka juga mempunyai kedudukan yang baik dalam struktur masyarakat Melayu dari istana sehingga ke kampung-

¹⁷⁴ Syeikh Mohd. Salim Al-Kalali, seorang saudagar Aceh keturunan Hadhrani, pengarah Al-Iman. Seorang saudagar Melayu-Arab yang mempunyai kepentingan perdagangan luas di seluruh kepulauan Melayu dan negara Arab. Hubungannya serta sumbangannya kepada Al-Iman bukan sahaja dari segi keserjanaan dan penulisan tetapi dari segi sokongan kewangan untuk memperjuangkan masyarakat Melayu Islam melalui pembaharuan agama. Lihat Willian R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm. 99.

¹⁷⁵ Pertubuhan *Ikhwanul Muslimin* merupakan sebuah gerakan Islam yang lahir di bumi Mesir. Mereka merupakan pewaris gerakan Salafiyyah sekitar akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Dianggotai oleh para pejuang/ mujahidin Islam yang dipimpin oleh Al Ikhwanul Muslimin, Al Sya'id Hassan Al Banna, berkelulusan Siswazah Darul Ulum, Mesir. Mereka bersatu dalam perancangan, penelitian, pengkaderan dan juga tindakan ke atas pihak orientalisme Barat khususnya British di Mesir. Strategi yang mereka gunakan amat halus dan terancang sehingga berjaya mengeksport fahaman dan perjuangan Islam ke seluruh dunia. Lihat Lois A. Aroiau, et al, *Timur Tengah dan Afrika Utara Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1911, hlm. 214.

¹⁷⁶ Lihat Yahaya Ismail, *Syed Sheikh Ahmad al-Hadi: Pembuka Zaman Baru dalam Bidang Novel di Bumi Pulau Pinang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 551.

¹⁷⁷ Pan Islamic Movement, hlm.45-47 dalam CO 537/3751/136798.

¹⁷⁸ Taib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992, hlm. 12-13.

¹⁷⁹ Lihat Willian. R. Roff, *Nasionalisme Melayu* (Terjemahan Ahmad Boestamam), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003, hlm. 109.

kampung.¹⁸⁰ Di istana, golongan ini menjadi penasihat raja dan dihormati oleh raja dan juga pegawai-pegawai pentadbir Melayu. Di kampung-kampung, mereka dianggap sebagai ilmuwan agama dan sangat dihormati sehingga ada sesetengah orang Melayu menganggap golongan ini sebagai golongan 'suci'.¹⁸¹ Kemunculan *Kaum Muda* dalam masyarakat Melayu menyebabkan kedudukan *Kaum Tua* tercabar terutama apabila melibatkan perkara-perkara yang melibatkan soal-soal kemasyarakatan dan agama.¹⁸²

*Al-Iman*¹⁸³ menyebut:

Menyangkal-nyangkalah segala orang yang muda-muda sekarang ini bahawa adalah orang yang beragama itu itulah orang yang sentiasa duduk di dalam masjid dan khalwat. Kerana ini larilah ia daripada agama itu dengan reda hatinya menanggung kerugiannya.

Menyangkal-nyakalah pula segala orang tua-tua bahawa adalah berlemah lembut dengan segala-gala bangsa dan bersuka-sukaan dan berhiasan rumah tangga kampung halaman atau pakaian diri dan mengetahui alam ini. Berlawanan dengan kehendak agama mereka

¹⁸⁰ Antara tokoh Kaum Tua yang terkenal dalam masyarakat Melayu di Tanah Melayu ialah Dato' Tg Dato' Hj Ahmad Maher, Sheikh Abdul Halim, Syeikh Idris Al-Marbawi (Perak), Tuan Guru Hj Abdullah Tahir Bunut Payung, Kelantan, Sheikh Wan Ali Kutan Al-Kalantani (beliau terkenal dengan kitab karangannya; *Al-Jauharul Mauhub wa Munabbihatul Qulub* (Mengenai Hadis) juga pernah mengajar di Masjidil Haram Mekah), Tuan Guru Haji Ahmad bin Haji Muhammad Yusuf bin Sheikh Abdul Halim Al-Kalantani, Tok Selehong (Hj. Abdul Rahman Bin Hj. Osman), Khatib Kelantan, Tuan Guru Hj Awang Fakir, Tuan Guru Hj Yahya Kupang, Tok Kenali (Haji Muhammad Yusuf Bin Ahmad Al-Kalantani), Haji Ali Pulau Pisang (1899-1968) (Hj. Mohd Ali Solahuddin Bin Awang), Hj. Abdul Malek Sg. Pinang, Hj. Yusof Sg. Pinang (kemudian lebih dikenali dengan nama Tok Pulau Ubi), Tok Padang Jelapang, Tok Bachok, (Kelantan), Haji Ismail Pontianak (1882-1950, (Hj. Ismail bin Hj. Abdul Majid), Tok Seridik, Tok Kemuning (di Pulau Kundor), Haji Abdul Malek Sungai Pinang (1834-1934), Kelantan, Hj. Idris, Dato' Perdana Hj. Nik Mahmud (Kelantan), Tuan Guru Ahmad Al-Kalantani, Hj. Omar Sg. Keladi, Pak Chik Musa, Hj. Yaakob Legor dan Hj. Ahmad Hafiz, Tok Pulau Condong, Tok Pulau Ubi (Yusuf Abdul Rahman), Tuan Guru Haji Abdullah (Haji Abdullah Bin Haji Abdul Rahman), Ahmad bin Aminuddin Qadhi (Kedah), Tg. Pakcu Him Gajah Mati (Kedah), Syeikh Uthman Jalaluddin Al-Kalantani, Syeikh Utsman Jalaludin, pengasas Pondok Penanti Pulau Pinang, Sayyid Ahmad bin Muhammad bin Husein Al-'Aiderus (Terengganu) dan ramai lagi.

¹⁸¹ Secara umumnya, *Kaum Tua* boleh didefinisikan sebagai ulama-ulama muktabar tradisional yang alim, berpengetahuan luas, mempunyai keahlian dalam selok belok agama, menjaga amanah ilmiah, berpegang kepada pengajian bertalaqqi secara bersanad yang diwarisi daripada Rasulullah, sahabat, para tabien, tabi' tabieen sehinggalah sampai ke tanah melayu kita. Selain itu juga mereka dikaitkan dengan kitab kuning [lama] kerana mementingkan keaslian sumber yang dipakai betul-betul daripada Ulama' Islam terdahulu, tidak diubah sebagaimana yang telah dilakukan oleh kaum Muda [wahhabi]. Sesuai dengan konsep bertalaqqi, ulama'-ulama' ini sebagaimana biasanya melihat sirah atau masa lampau [salaf] sebagai sumber inspirasi atau sesuatu yang harus dipertahankan.

¹⁸² Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Iman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 218.

¹⁸³ Majalah *Al-Iman* diterbitkan pada tahun 1906 di Singapura oleh Syed Syeikh Al-Hadi, Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin Al-Azhari, Syeikh Mohamad bin Salim Al-Kalali dan Haji Abbas bin Mohd Taha. "Al-Iman" bererti "Penganjur" adalah gelaran yang diberikan oleh Syeikh Muhammad Abduh kepada pengikut-pengikutnya di seluruh dunia. Majalah ini berunsurkan pembaharuan agama dan pemikiran umat Islam serta memperjuangkan reformasi umat Islam agar keluar dari kemelut kemunduran dan kekolotan. Lihat Taib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992, hlm. 13.

maka mengerutkanlah mereka itu akan mukanya serta larilah ia bersembunyi kerana takut kena seksa oleh Tuhan dengan sebab mendengar dan memandang akan yang demikian itu.¹⁸⁴

Polemik antara dua golongan ini bermula apabila *Kaum Muda* melalui *al-Iman* mendesak golongan *Kaum Tua* yang merupakan golongan yang dihormati oleh masyarakat agar membetulkan diri serta berusaha untuk memajukan masyarakat Melayu. Menurut *Kaum Muda*, masalah ini timbul apabila *Kaum Tua* yang mendapat taraf ‘ulama’ (mendapat pendidikan agama di pondok-pondok) tidak terdedah kepada perkembangan dunia luar dan ini menyebabkan pemikiran mereka dianggap agak konservatif terutamanya mengenai isu-isu agama dan juga sosial. Ulama *Kaum Tua* juga dianggap sering mengasingkan diri dan terlalu menganggap hanya mereka sahaja ulama’ yang serba tahu dan sukar menerima pendapat dan pembaharuan terutama yang dibawa oleh ulama *Kaum Muda*.¹⁸⁵

Walau pun pada asasnya amalan dan kepercayaan mereka adalah sama tetapi dalam hal-hal tertentu terutamanya yang berkaitan dengan adat yang telah didoktrinkan telah menjadi perdebatan antara mereka. Isu-isu yang sering menjadi pertelingkahan pendapat termasuklah isu berkenaan amalan yang dianggap sebagai khurafat dan bidaah.¹⁸⁶ Selain itu, percanggahan pendapat juga timbul terutama dalam isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan wanita. Bagi *Kaum Tua*, pendidikan kepada wanita perlulah mengikut lunas-lunas syariat Islam di mana kanak-kanak perempuan dilarang daripada bergaul secara bebas dengan kanak-kanak lelaki. Larangan-larangan ini

¹⁸⁴ *Al-Iman*, Jilid. II, 23 Julai 1906 bersamaan Jamadilakhir 1324, hlm.16-20. “Seelok-elok Pekerjaan itu Barang yang Bersangkutan Hajat Umat KEPADANYA”.

¹⁸⁵ *Kaum Tua* sukar menerima pandangan dan perubahan yang dibawa oleh *Kaum Muda* kerana mereka menganggap pemikiran baharu yang dibawa oleh *Kaum Muda* bukan sahaja radikal tetapi boleh menggugat kedudukan *Kaum Tua* yang selama ini dianggap sebagai pakar rujuk dalam masyarakat Melayu. Tambahan pula *Kaum Tua* menguasai pentadbiran dan menjadi penasihat kepada Raja-raja Melayu. Lihat Mohammad Redzuan Othman, Pengaruh Timur Tengah Dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu (editor), *Jendela Masa*, Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato’ Khoo Kay Kim, Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya, 2001, hlm. 250. Dalam persidangan DURBAR di Kuala Kangsar, Perak pada 1927, Sultan Selangor menyatakan kerisauan terhadap pelajar-pelajar Melayu yang belajar di Mesir kerana baginda bimbang sekiranya golongan ini terdedah kepada idea-idea negatif yang boleh merosakkan mereka.

¹⁸⁶ Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Iman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 220

bukanlah meniadakan pendidikan kepada wanita tetapi lebih kepada satu langkah pencegahan untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang dilarang oleh agama Islam.¹⁸⁷

Keadaan ini juga telah menyebabkan pengenalan sistem pendidikan sekular kepada anak-anak perempuan Melayu terutamanya pada akhir abad ke-19 tidak mendapat sokongan daripada orang Melayu. Situasi ini adalah tindak balas secara langsung daripada orang Melayu yang terpengaruh dengan ideologi dan pandangan *Kaum Tua*. Disebabkan penolakan ini, kerajaan British dalam laporan-laporan tahunan pada awal abad ke-20, telah melaporkan bahawa orang Melayu menolak pendidikan kepada wanita dan dianggap sebagai 'prejudis' terhadap pendidikan yang dibawa oleh British.¹⁸⁸ Bagi mengatasi masalah ini *Kaum Muda* telah bertindak menyedarkan orang Melayu agar memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan sebagaimana anak-anak lelaki.

Menurut Wilian R. Roff, orang yang paling aktif memperjuangkan hak kebebasan wanita ialah Syed Sheikh Al-Hadi.¹⁸⁹ Beberapa rencana beliau mengenai emansipasi telah diterbitkan antaranya ialah *Tahrir al-Mar'ah* (Pembebasan Kaum Wanita) diterbitkan secara bersiri dalam *Al-Ikhwān* dan kemudiannya telah dibukukan pada tahun 1930 yang bertajuk *Alam Perempuan*,¹⁹⁰ Terdapat juga penulis-penulis lain

¹⁸⁷ Apa yang ditakuti dan dikhuatiri oleh *Kaum Tua* ialah berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Pengetahuan yang berlebihan kepada anak-anak perempuan juga dikhuatiri akan menyebabkan lahirnya perempuan-perempuan Melayu yang lupa adat, budaya dan larangan agama Islam. Pengaruh pergaulan bebas, cara berpakaian yang dianggap menjolok mata serta kebimbangan pengaruh agama Kristian ini telah disuarakan oleh orang Melayu dalam akhbar dan majalah pada masa berkenaan. Lihat *Tanah Melayu*, Mac 1934, hlm. 3. Lihat juga Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1921 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette," August 25, 1922*, hlm. 7. *The Progress of Malay Girls' School is slow. Changes in local religious feeling, the growth of towns with crowded traffic, the personality of teacher, all these may mar a school.*

¹⁸⁸ *Selangor Administration Report for the year 1899*, hlm. 10 dalam CO 439/2 Annual Report Selangor 1896-1905.

¹⁸⁹ Willian. R. Roff, *Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Penerbit Saudara Sinaran Berhad, 1967, hlm. 82-83.

¹⁹⁰ *Alam Perempuan* adalah tajuk buku yang ditulis oleh Syed Syekh Amhad al-Haidi. Buku ini diterbitkan pada tahun 1930 oleh penerbit Jelutong Press, Pulau Pinang. Lihat Alijah Gordon, *The Real Cry Of Syed Shaykh al-Hadi, with selection of his writings by his son Syed Alwi Al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute (MSRI), 1999, hlm. 311.

yang turut mengetengahkan isu emansipasi wanita Melayu, antaranya ialah Ahmad Rashid Talu yang menulis novel *Iakah Salmah?* dan Ahmad Kotot yang menghasilkan *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan*.¹⁹¹ Selain itu, beliau juga turut menghasilkan buku-buku yang bercorak keagamaan dan diselitkan dengan unsur-unsur kemasyarakatan dan kewanitaan. Penerbitan buku-buku bercorak agama ini juga adalah bertujuan untuk menepis tanggapan salah berkenaan wanita terutamanya dalam soal-soal yang berkaitan dengan agama Islam.¹⁹²

Selain menulis buku, beliau juga terlibat dalam penulisan di akhbar-akhbar dan juga majalah-majalah. Selepas kembali dari Mesir dan menetap di Singapura, Syed Sheikh Al-Hadi telah menerbitkan majalah *Al-Iman* pada tahun 1906. Majalah ini diterbitkan secara rasmi pada 22 Julai 1906 dengan slogan “mengingatnkan mana yang lali dan menjagakan mana yang tidur dan menunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan”.¹⁹³ Antara isu yang dibangkitkan dalam majalah *Al-Iman* ialah mengenai perjuangan Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis, memberi galakan kepada orang Melayu supaya melakukan ijtihad dan menjauhkan diri daripada taklid buta dan menyarankan sistem pendidikan baru, iaitu satu sistem yang berdasarkan pendidikan Islam yang sihat serta ditambah tentang pengetahuan Arab, Inggeris, ilmu hisab dan agama.¹⁹⁴ *Al-Iman* juga menekankan perlunya satu sistem pendidikan baharu yang seragam dan moden bagi semua lapisan masyarakat.

Pendidikan juga harus diberikan kepada semua dan tidak hanya dikhaskan kepada kelas-kelas tertentu seperti yang dilakukan oleh British di Tanah Melayu sebelum tahun 1920. Ini kerana pada zaman penjajahan British pendidikan hanya

¹⁹¹ Lihat ‘Tahir al-Mar’an’ *Al Ikhwan*, 16 September 1926. Lihat juga Willian R.Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm.83. Lihat juga Yahya Ismail, “*Syed Syekh Ahmad al-Hadi: pembuka Zaman Baru dalam Bidang Novel di Bumi Pulau Pinang*,” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 570.

¹⁹² Talib Samat, *Syed Syekh Al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 109.

¹⁹³ Willian R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975, hlm. 71.

¹⁹⁴ ‘Menuntut Ketinggian Akan Anak-Anak Negeri’ *Al-Iman*, 12 Julai 1907.

dinikmati oleh golongan atasan dan hanya sebahagian kecil sahaja rakyat biasa mendapat peluang berkenaan. Manakala pendidikan tinggi hanya dinikmati sepenuhnya oleh golongan atasan seperti kewujudan Maktab Melayu Kuala Kangsar hanya dikhaskan kepada anak-anak golongan raja dan bangsawan Melayu.

Bagi *Kaum Muda* pendidikan juga tidak harus didiskriminasi mengikut jantina, kerana kaum wanita juga harus diberi hak yang sama sesuai dengan fitrah kejadiannya dan juga selari dengan tuntutan agama Islam.¹⁹⁵ Antara isu yang turut disuarakan oleh *Al-Iman* ialah tentang keciciran anak-anak Melayu dalam bidang pelajaran dan ramai daripada mereka terpaksa berhenti sekolah bagi membantu kedua-dua ibu bapa mereka.¹⁹⁶ Masalah lain yang dihadapi oleh pelajar sekolah Melayu ialah tidak boleh menguasai bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang merupakan keperluan asas untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dan menjawat jawatan di jabatan kerajaan.¹⁹⁷ Selain itu, usaha-usaha juga dilakukan oleh *Kaum Muda* untuk mengurangkan rasa bimbang orang Melayu untuk menghantar anak-anak mereka belajar di Sekolah Inggeris.

Dalam tiap-tiap kampung Melayu tentulah ada juga lagi boleh didapati beberapa banyak orang tua-tua kita dan orang-orang ilmu yang menggalang kemajuan dan menasihatkan jangan membenarkan anak-anak masuk sekolah Inggeris dan sebagainya. Maka orang-orang yang demikian jika tergamak oleh guru-guru hendaklah dilawan berbahas dengan lembut dan cuba memberi jalan kepadanya apa-apa tujuan erti kemajuan dan kejayaan dunia akhirat, apa-apa erti ilmu, apa-apa perintah agama Islam.¹⁹⁸

Selain *Al Iman*, Syed Sheikh Al-Hadi melalui penulisannya dalam majalah *Al-Ikhwān* dan akhbar *Saudara* juga menyeru agar orang Melayu memberi pendidikan

¹⁹⁵ Lihat Mustaffa Abdullah, *Rasyid Rida, Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, hlm. 196.

¹⁹⁶ *Al Iman*, 12 Julai 1907.

¹⁹⁷ Lihat juga Willian Roff, *Kaum Muda – Kaum Tua: Innovation And Reaction Among The Malays, 1900-1941* dalam *First International Conference of South East Asia Historian*, Singapore, Universiti of Malaya Singapore, 1961, hlm. 167. *Al-Iman propose a modern system of education in which, upon modern scientific subjects shall be taught and pupils encouraged to further their studies overseas.*

¹⁹⁸ Za'ba, "Persekutuan Kerana pelajaran," *Majalah Guru*, Mac, 1932 hlm. 44.

yang sempurna kepada anak-anak perempuan mereka. Beliau juga menyarankan agar wanita Melayu mencontohi kaum wanita Amerika yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.¹⁹⁹ Sokongan kuat akhbar *Saudara* dapat dibuktikan dengan wujudnya ruangan ‘Alam Perempuan’ pada tahun 1928 dan diikuti dengan ‘Taman Isteri’ mulai tahun 1934.²⁰⁰ Melalui ruangan ini pelbagai isu tentang wanita Melayu terutamanya politik, ekonomi dan pendidikan dapat dibincangkan. Sebagai contoh Akhbar *Saudara* keluaran 20 Februari 1935, melalui tulisan Binti Salim²⁰¹ telah menyarankan agar wanita Melayu bekerja dan berfikir bagi membolehkan mereka bergerak maju seiring dengan kaum lelaki. Beliau juga menyarankan agar anak-anak perempuan Melayu diberikan pendidikan seperti mana anak-anak lelaki. Akhbar *Saudara* menyarankan agar: “mempelajarkan anak-anak perempuan (gadis-gadis) kita itu, maka serba sedikit eloklah kita perhatikan masa-masa tabiat kejadiannya mengikut yang telah diselidiki oleh ahli-ahli pendidikan”²⁰².

Akhbar *Saudara* melalui lidah pengarangnya juga menyeru supaya kanak-kanak perempuan yang berumur enam hingga sembilan tahun diberi pelajaran yang sama seperti mengajar kanak-kanak lelaki kerana mereka juga mempunyai minat dan tahap pemikiran yang sama. Apabila kanak-kanak perempuan ini berumur sembilan hingga 12 tahun, mereka sepatutnya diajarkan hal-hal yang berkaitan dengan urusan rumah tangga, adab sopan, kebersihan dan ketaatan kepada ibu bapa serta guru atau mengikut kecenderungan dan minat masing-masing kerana minat mereka pada ketika itu telah berubah, tidak sama dengan kanak-kanak lelaki seusia dengannya. Akhbar *Saudara* menyeru orang Melayu agar:

¹⁹⁹ ‘Alam Perempuan’ *Al-Ikhwān*, 16 Mei 1927. Lihat juga Willian R Roff, *Nasionalisme Melayu* (Terjemahan Ahmad Boestamam), hlm. 100. Kaum wanita Amerika lebih berdikari mencari nafkah dan membuat kerja berat seperti memikul batu-bata. Justeru itu, wanita Melayu diseru supaya sedar tentang kedudukan mereka yang rendah dan segera bangkit untuk memperbaikinya.

²⁰⁰ Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara, Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, hlm. 176.

²⁰¹ Binti Salim bukanlah nama sebenar penulis tetapi nama samaran yang sering digunakan oleh kebanyakan penulis pada ketika itu.

²⁰² *Saudara*, 20 Februari .1935, hlm. 6

...dijaga yang sebaik-baiknya pada gadis-gadis kita itu, mesti dipelajarkan kepada pelajaran-pelajaran agama walaupun mula-mula tidak disukainya kerana masa inilah persiapan dan perhatian yang bertambah jauh dan berbeda sekali dengan resaman budak laki-laki”.²⁰³

Pada tahun 1930-an, akhbar *Saudara* menyeru agar wanita Melayu memberi fokus kepada pengurusan rumah tangga dengan menjadi ibu yang berpendidikan dan isteri yang bertanggungjawab. Mereka digelar pentadbir “satu kerajaan yang kecil” yang hanya melibatkan ruang lingkup di sekitar rumah tangga mereka sahaja. Oleh sebab yang demikian, seruan agar pendidikan agama secukupnya harus diberikan kepada anak-anak perempuan sebagai persediaan untuk memikul tanggungjawab sebagai isteri dan ibu mengikut syariat Islam.²⁰⁴ Kenyataan ini disokong dalam penulisan Binti Salim dalam akhbar *Saudara* keluaran 1 Februari 1930 yang menyatakan bahawa:

Perempuan tiadalah sayugianya berkehendak akan perhubungan suaranya kepada sesuatu pihak. Kerana dia bukanlah orang yang berhak menjadi penyeru atau utusan bagi persatuan kaum bangsanya umum. Akan tetapi ia daripada orang yang berhak melatih dan menjaga serta mengatur benih kemanusiaan kaum bangsanya. Perempuan itu mempunyai kerajaan di dalam rumah tangganya. Ia menjadi wakil atau utusan hanya di dalam pergaulan berkaum keluarga...²⁰⁵

Selain seruan-seruan dalam akhbar dan majalah, Syed Syekh Ahmad al-Hadi juga telah menghasilkan novel-novel saduran dari Mesir yang bertujuan untuk menyedarkan wanita Melayu di Tanah Melayu. Sepanjang tahun 1920-an sehingga tahun 1930-an, beliau telah berjaya menghasilkan lima buah novel saduran, tujuh buah siri Cerita Rokambul dan tujuh buah buku keagamaan. Novel-novel saduran yang dihasilkan oleh beliau termasuklah *Hikayat Setia Asyik Kepada Maksyuknya* (1925-1926) atau *Hikayat Faridah Hanum*, *Hikayat Taman Cinta Berahi* (1928), *Hikayat*

²⁰³ *Saudara*, 20 Februari .1935, hlm. 7.

²⁰⁴ Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara, Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, hlm.174.

²⁰⁵ *Saudara*, 1. Februari 1930, hlm. 1.

Cermin Kehidupan (1929), *Hikayat Puteri Nurul Ain* (1929) dan *Hikayat Anak Dara Ghassan* (1928-1929) yang telah berjaya menarik minat pembaca pada ketika itu.²⁰⁶

Walaupun bagaimanapun, novel beliau yang bertajuk *Hikayat Faridah Hanum*²⁰⁷ adalah antara novel yang banyak mengetengahkan mengenai isu emansipasi wanita. Kemunculan novel ini juga telah berjaya memecah tradisi penulisan kesusasteraan Melayu yang selama ini lebih banyak menceritakan mengenai hikayat-hikayat lama yang watak-wataknya tidak berpijak di bumi nyata.²⁰⁸ Tema-tema yang digarap oleh beliau dalam novel-novel berkenaan adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dan gambaran yang jelas berkenaan hak, kedudukan dan status golongan wanita. Walaupun dilihat agak 'kontroversi' kerana memaparkan cerita dan gambar yang dianggap bertentangan dengan adat dan agama, tetapi ia memberi kesan yang mendalam kepada pembaca terutamanya golongan wanita.²⁰⁹

Hikayat Faridah Hanum yang menggunakan watak Faridah sebagai seorang wanita yang berpendidikan agama dan juga Barat telah menjadi watak utama yang ingin diketengahkan oleh Sayid Shaykh al-Hadi. Walaupun novel ini berlatarbelakangkan Mesir, namun inti patinya sangat jelas iaitu mengenai emansipasi wanita.²¹⁰ Selain itu, persoalan mengenai kepentingan pendidikan agama dan barat kepada kaum wanita juga diketengahkan. Melalui novel ini juga, watak Faridah Hanum adalah lambang seorang

²⁰⁶ Alijah Gordon, *The Real Cry Of Syed Shaykh al-Hadi, with selection of his writing by his son Syed Alwi Al-Hady*, hlm. 311-312.

²⁰⁷ *Hikayat Faridah Hanum* atau juga dikenali sebagai *Hikayat Setia Asyik Kepada Masyuknya* atau *Shafik Afandi dengan Faridah Hanum* adalah saduran daripada sebuah novel Mesir yang berjudul *Zaynab* yang ditulis oleh Muhammad Husayn Haykal. Lihat Mohammad Rezuan Othman & Abu Hanafiah Haris, *Egyptian Influences on Malay's Muslim Kaum Muda (Young Faction) Before World War II*, Al-Shajarah, *Journal Of The International Institute Of Islamic Thought And Civilization (ISTAC)*, International Islamic University Malaysia (IIUM), No.1, Vol.18, 2013, hlm. 15.

²⁰⁸ Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu*, hlm. 28.

²⁰⁹ Novel ini mempunyai dua jilid dan diterbitkan dalam bahasa Melayu Jawi. Mempunyai hampir 250 halaman bagi setiap jilid dan memuatkan pelbagai gambar yang mengghairahkan. Antaranya ialah gambar Faridah sedang bermesra dengan Shafiq (*Hikayat Faridah Hanun*, hlm. 180). Lihat Li Chuan Siu, *A Bird's-eye View of the Development of the Modern Malay Literature, 1921-1941*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Aman, 1970, hlm. 10.

²¹⁰ *Hikayat Faridah Hanun* adalah saduran daripada novel Arab yang bertajuk *Zaynab* yang dikarang oleh Dr. Muhammad Husayn Haykal. Lihat Muhammad Husayn Haykal, *Zaynab: Manazir wa-Akhlaq Rif'iyyah*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1999.

wanita Islam yang berpendidikan tinggi, bebas memilih pasangan, tidak dikongkong oleh adat dan budaya tetapi dalam masa yang sama juga tahu menjaga batas-batas pergaulan.²¹¹ Walaupun penerbitan novel ini telah menimbulkan polemik yang hebat antara *Kaum Tua* dan *Kaum Muda* tetapi penerbitan novel ini telah memberi kesan yang positif terhadap pandangan orang Melayu mengenai kepentingan pendidikan kepada wanita.

Selain *Hikayat Faridah Hanum*, *Hikayat Taman Cinta Berahi*, *Hikayat Cermin Kehidupan* dan *Hikayat Puteri Nurul* juga merupakan cerita saduran yang berlatarbelakangkan negara-negara Timur Tengah seperti Arab, Mesir dan Turki. Novel-novel ini adalah novel percintaan antara muda mudi yang menghadapi pelbagai rintangan dan disulami dengan kisah-kisah keagamaan yang berlaku di Timur Tengah. Walaupun novel-novel ini bertunjangkan kisah percintaan, namun ia diselitkan dengan persoalan emansipasi wanita agar kaum wanita diberi hak yang sewajarnya dalam kehidupan masyarakat. Ke semua novel-novel ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan sehinggakan terpaksa dicetak beberapa kali untuk memenuhi permintaan pembaca.²¹² Jadual 5.2 di bawah menunjukkan novel dan cerita yang ditulis oleh Syed Syekh al-Hadi yang berjaya membangkitkan kesedaran kepada wanita Melayu.

²¹¹ Lihat Sayyid Shaykh Ahmad al-Hadi, *Hikayat Setia Asyik Kepada Masyuknya atau Shafiq Afandi dengan Faridah Hanum*, Jilid I, Pulau Pinang, Jelutong Press, 1927. Dalam Hikayat ini diceritakan bahawa setiap kali pertemuan sulit antara Shafiq Afandi dengan Faridah Hanum, mereka menunjukkan bahawa pengaruh pendidikan Barat yang diterima langsung tidak menjejaskan nilai-nilai Islam yang mereka pegang. Lihat juga Mana Sikana, *Kritikan Sastera: Pendekatan dan Kaedah*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1986, hlm. 226.

²¹² Antaranya ialah *Hikayat Faridah Hanun* yang terpaksa diulang cetak beberapa kali kerana mendapat sambutan yang luar biasa oleh masyarakat Melayu. Untuk keterangan lanjut lihat Taib Samat, *Syed Syekh Al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu*, hlm.67-69.

Jadual 5.2: Senarai Novel dan Cerita Karya Syekh al-Hadi

No	Judul Buku (Cerita & Novel)	Penerbit	Tahun Diterbitkan
1.	<i>Hikayat Faridah Hanum</i> , atau <i>Setia 'Ashek Kepada Ma'ashoknya</i> . Diterbitkan berulang kali kerana mendapat sambutan.	Al-Aminiyyah Press, Penang	1925
		Jelutong Press, Penang	1926-1928
		Qalam, Singapore	1950
		Pustaka Antara (versi rumi), Kuala Lumpur	1965, 1985
2.	<i>Hikayat Taman Chinta Berahi</i> atau <i>Mahir Afandi dengan Iqbal Hanum</i> .	Jelutong Press, Penang	1928
3.	<i>Hikayat Anak Dara Ghassan</i> atau <i>Hindun dengan Hammad</i>	Jelutong Press, Penang	1928-1929
4.	<i>Hikayat Chermin Kedidupan</i>	Jelutong Press, Penang	1929
5.	<i>Hikayat Puteri Nur ul'Ain</i> atau <i>Bahaya Bercherai talak Tida dan Bercina Buta</i>	Jelutong Press, Penang	1929
<i>Himpunan Cherita Rokambul</i>			
6.	<i>Cherita Rokambul dalam Jil dan di Paris</i>	Jelutong Press, Penang	1928
7.	<i>Cherita Rokambul Dalam Siberia</i>	Jelutong Press, Penang	1929
8.	<i>Cherita Rokambul dengan Puteri Russia yang 'Ashek</i>	Jelutong Press, Penang	1929
9.	<i>Cherita Rokambul atau Peperangan di antara Kebajikan dan Kejahatan di dalam Kehidupan Manusia</i>	Jelutong Press, Penang	1931
10.	<i>Cherita Rokambul dengan Malium Kaum Nor</i>	Jelutong Press, Penang	1932
11.	<i>Cherita Rokambul dengan Korban Hindi</i>	Jelutong Press, Penang	1932
12.	<i>Cherita Rokambul dengan Taman Penglipur Lara</i>	Jelutong Press, Penang	1932

13.	<i>Cherita Rokambul dengan Perbendaharaan Hindi</i>	Jelutong Press, Penang	1932
-----	-----------------------------------------------------	---------------------------	------

Sumber : Alijah Gordon, *The Real Cry Of Syed Shaykh al-Hadi, with selection of his writing by his son Syed Alwi Al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institut (MSRI), 1999, hlm. 311-312.

Selain majalah *Al-Iman*, *Al-Ikhwan* dan *Saudara*, majalah *Neracha* juga melalui lidah pengarangnya sentiasa menyedarkan orang Melayu agar menitik beratkan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Akhbar *Neracha* pada 24 Februari dan 21 April 1915 menyeru agar kanak-kanak perempuan Melayu diberikan pendidikan sebagaimana kanak-kanak lelaki dan menyarankan agar mewujudkan pendidikan madrasah tinggi kepada kanak-kanak perempuan Melayu.

Tidakkah perempuan-perempuan yang terutama wajib menuntut dan belajar bukannya laki-laki sahaja wajib belajar maka betapa bangsa kita tidak mengambil berat tentang pelajaran kanak-kanak perempuan.²¹³

Dan Madrasah yang tinggi bagi anak-anak Muslimin laki-laki dan perempuan.²¹⁴

Selain penerbitan majalah, akhbar dan novel, *Kaum Muda* juga telah menubuhkan madrasah-madrasah yang turut memberi peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar perempuan Melayu. Kemunculan madrasah²¹⁵ dikesan bermula pada awal abad ke-20 di NNS dan kemudiannya di NNMB. Kemunculan madrasah-madrasah di Tanah Melayu adalah berkaitan dengan peranan dan usaha yang dimainkan oleh para pelajar lulusan Timur Tengah terutama lulusan Universiti al-Azhar. Setelah

²¹³ *Neracha*, bil. 182, 5 & 6 Jamadilakhir 1333 bersamaan 21 April 1915, hlm. 1.

²¹⁴ *Neracha*, bil. 174, 5-9 Rabiulakhir 1333 bersamaan 24 Februari 1915, hlm. 1.

²¹⁵ Madrasah adalah satu fenomena pendidikan Islam yang wujud pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu. sejarah penubuhan madrasah ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan segolongan orang Melayu pelbagai keturunan yang pernah ke Tanah Arab atau Mesir sama ada menuntut ilmu agama ataupun melakukan lawatan ke sana pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Madrasah juga dipelopori oleh golongan reformis Islam ataupun dikenali sebagai Islah Islam. Untuk keterangan lanjut lihat Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions Sdn Bhd, 2001, hlm. 226-270.

menamatkan pengajian di Mesir mereka kembali ke Tanah Melayu dan mendirikan madrasah yang memberi peluang pendidikan kepada penduduk di Tanah Melayu.

Pada tahun 1906, Madrasah al-Masriyyah telah ditubuhkan di Tanah Melayu dan merupakan madrasah tertua pada ketika itu. Madrasah ini dibuka secara rasmi pada 1906 oleh Haji Salleh Masri (1875-1971) yang merupakan bekas pelajar Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir.²¹⁶ Selepas ditubuhkan, madrasah ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang Melayu Pulau Pinang.²¹⁷ Kejayaan madrasah ini telah menjadi model kepada kemunculan madrasah-madrasah lain di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal, madrasah-madrasah ini hanya terbuka kepada pelajar-pelajar lelaki sahaja.

Namun demikian, menjelang akhir tahun 1900-an, wujud permintaan daripada orang Melayu agar pelajar perempuan juga diberikan peluang yang sama untuk menuntut di madrasah. Permintaan ini juga selari dengan saranan-saranan oleh *Kaum Muda* yang mendesak agar orang Melayu menghantar anak-anak perempuan mereka belajar di madrasah-madrasah. Pada peringkat awal, kebanyakan pelajar perempuan yang belajar di madrasah sama ada di NNS atau NNMB terdiri daripada anak-anak perempuan orang Arab yang tinggal berdekatan madrasah dan juga anak-anak guru madrasah (Kebanyakan bekas pelajar Timur Tengah). Oleh sebab tiada ruang khusus pada peringkat awal, mereka terpaksa belajar sekelas bersama-sama pelajar lelaki. Setelah penubuhan 'bahagian perempuan' barulah mereka diasingkan.²¹⁸ Pembukaan dan pewujudan 'bahagian perempuan' di madrasah-madrasah di Tanah Melayu menandakan munculnya era baru dalam pendidikan agama bagi anak-anak

²¹⁶ Lihat Othman Bakar, Haji Saleh Masri: pengasas al-Masriyyah, dalam Khoo Kay Kim et.al (editor), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 66.

²¹⁷ Lihat Philip Loh Fook Seng, *Seed of Separation Educational Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1955, hlm. 1. Madrasah ini dikatakan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang Melayu yang selama ini mencari-cari sebuah institusi pendidikan Islam untuk pembelajaran anak-anak mereka. Keadaan berbeza bagi Sekolah Melayu yang didirikan oleh kerajaan British yang tidak mendapat sambutan.

²¹⁸ *Neracha*, bil. 182, 5 & 6 Jamadilakhir 1333 bersamaan 21 April 1915, hlm. 1.

perempuan.²¹⁹ Jadual 5.3 menunjukkan madrasah-madrasah yang didirikan di Tanah Melayu sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua.

Jadual 5.3: Madrasah-Madrasah Yang Ditubuhkan di Tanah Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua

No	Nama Madrasah	Tahun Ditubuhkan
1	Madrasah al-Masriyyah, Pulau Pinang ²²⁰	1906
2	Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah, Singapura ²²¹	1908
3	Madrasah al-Attas, Johor Baru ²²²	1913
4	Madrasah al-Hadi, Banda Kaba, Melaka ²²³	1916
5	Madrasah al-Manshur, Pulau Pinang ²²⁴	1918
6	Madrasah Idrisiyyah, Kuala Kangsar, Perak ²²⁵	1922
7	Madrasah al-Arabiyyah, Kuala Terengganu, Terengganu	1925
8	Madrasah al-Khariyyah al-Muhammadiyyah, Kota Baharu, Kelantan	1920-an
9	Madrasah al-Junid al-Islamiyyah, Singapura ²²⁶	1927

²¹⁹ Lihat Omar Farouk Shaeik Ahmad, *The Arabs in Penang, Malay in History, Special Issue Focus on Penang*, Vol.XXI, No.2, 1978, hlm. 8.

²²⁰ *Neracha*, Jil.5, No. 181, 14 April 1915, hlm. 4.

²²¹ Lutpi Ibrahim (editor), *Islamika: Esei-Esei Sempena Abad Ke-15 Hijrah*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1981, hlm. 164. Madrasah ini diasaskan oleh Uthman Afendi Rafat iaitu seorang ulama dari Mesir dengan bantuan Raja Ali Kelana Riau. Sukatan pelajaran yang digunakan di madrasah ini mirip dengan sukatan pelajaran madrasah moden di Mesir. Lihat juga *Al-Iman*, Jil.2, No.8, 4 Februari 1908, hlm. 264.

²²² Madrasah al-Attas ini dibina pada tahun 1913 oleh Habib Hassan bin Ahmad Alattas di Bukit Timbalan, Johor Baharu. Madrasah ini kemudiannya dipindahkan ke Bukit Seri Kopi berhampiran Sekolah Kebangsaan Air Moleh, Johor.

²²³ Madrasah al-Hadi ditubuhkan oleh Sayyid Shaykh al-Hadi dengan bantuan Haji Abu Bakar Samad sekitar tahun 1916 selepas Sayid Shaykh al-Hadi berpindah ke Pulau Pinang. Kebanyakan guru-guru di madrasah ini adalah guru yang dibawa masuk dari Mesir. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm.259.

²²⁴ Madrasah al-Manshur ditubuhkan pada peringkat awal adalah sebuah sekolah agama yang ditubuhkan oleh beberapa tokoh agama di Pulau Pinang pada tahun 1916, sekolah ini kemudiannya ditukar dengan nama Madrasah al-Manshur al-Islamiyyah. Untuk keterangan lanjut lihat Rahim Osman Madrasah al-Masyhur al-Islamiyah dalam Khoo Kay Kim et.al (ed), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 76-77. Lihat juga Taib Samat, *Syed Syekh Al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 23.

²²⁵ Madrasah Idrisiah, Bukit Candan, Kuala Kangsar, Perak pada asalnya merupakan sebuah Sekolah Agama Rakyat yang berkembang hasil daripada keprihatinan institusi raja dan ulama di negeri Perak. Dibina semasa zaman pemerintahan Sultan Iskandar Qaddasallah Shah pada April 1922/ 1340 Hijrah. Lihat Ishak Saat dan Mohd Azhar Bahari, *Madrasah Idrisiah Bukit Candan 1922-2000*, Batu Pahat: penerbit UTHM, 2010, hlm. 43-44

²²⁶ Madrasah al-Junid al-Islamiyyah ditubuhkan pada tahun 1927 oleh Sayid Umar bin Ali al-Junid. Kebanyakan guru yang mengajar di madrasah ini adalah guru-guru lulusan Universiti al-Azhar yang mengajar subjek bahasa Arab dan agama. Lihat Abdullah Alwi Haji Hassan, *Islam di Singapura: Satu*

10	Madrasah al-Khairiyyah al-Islamiyyah, Pokok Sena, Kedah ²²⁷	1928
11	Madrasah al-Ihya al-Sharif, Gunung Semanggol, Perak ²²⁸	1934
12	Madrasah al-Diniyyah, Padang Rengas, Kuala Kangsar, Perak ²²⁹	1935
13	Madrasah Ulum al-Shari'ah, Arau, Perlis	1937
14	Madrasah Alwiyyah al-Diniyyah, Arau, Perlis ²³⁰	1937

Sumber: Khoo Kay Kim & Mohd. Fadhil Othman (editor), *Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan sekarang*, Kuala Lumpur: persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 114.

Selain di NNS, golongan agama juga menubuhkan madrasah di NNMB. Antara madrasah yang ditubuhkan ialah Madrasah Saadiah-Saliah, Madrasah Il Ihya Assyarif, Madrasah Idrisiyyah dan lain-lain lagi. Madrasah-madrasah ini juga mewujudkan bahagian perempuan yang membolehkan pelajar-pelajar perempuan turut sama belajar bersama-sama pelajar lelaki. Antara kanak-kanak perempuan yang dikesan mendapat pendidikan di madrasah pada awal tahun 1910 ialah Fatimah bt. Haji Salleh.²³¹ Beliau merupakan anak pertama kepada Kiyai Haji Salleh yang merupakan pengasas Madrasah Saadiah-Salihiah (1914-1959) di Temoh, Perak. Beliau telah mengikuti pembelajaran di

Pengenalan dalam Lutpi Ibrahim (ed), *Islamika: Esei-Esei Sempena Abad Ke-15 Hijrah*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1981, hlm. 165-166.

²²⁷ Madrasah al-Khairiyyah al-Islamiyyah ditubuhkan pada tahun 1928 di Pokok Sena, Kedah oleh Tuan Hussain bin Haji Muhammad Nasir. Lihat Halim Man, *Madrasah Khairiah al-Islamiah Pokok Sena* dalam Khoo Kay Kim & Mohd. Fadhil Othman (editor), *Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan sekarang*, Kuala Lumpur: persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 114.

²²⁸ Madrasah Maahad Il Ihya Assyarif diasaskan oleh Abu Bakar al-Bakir pada tahun 1934 di Gunung Semanggol, Perak. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Nabir Haji Abdullah, *Maahad IL Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1975*, Bangi, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976.

²²⁹ Madrasah al-Diniyyah di asaskan oleh Shaykh Junid Tola pada tahun 1935 yang merupakan seorang pelajar lulusan Universiti al-Azhar Mesir. Madrasah ini menggunakan model madrasah moden di Mesir. Lihat Siti Hanafiah Ahmad, Sheikh Junid Tola: Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan, *Latihan Ilmiah*, B.A., Universiti Malaya, 1988/1989, hlm. 23.

²³⁰ Rosnani Hashim (ed), *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Traditional in the Malay Archipelago*, Petaling Jaya: The Other Press Sdn. Bhd., 2010, hlm. 106.

²³¹ Beliau dilahirkan di Peowoerdjo, Jawa tengah, Indonesia. Beliau telah mengikutinya bapanya berhijrah ke Temoh, Perak ketika berumur tiga tahun pada 1910. Beliau mengikuti perkembangan kampung Temoh yang dibuka oleh ayahnya dan juga madrasah-madrasah yang diasaskan oleh orang tuanya. Beliau juga mendapat pendidikan agama di Madrasah yang diasaskan oleh bapanya. Lihat Badriyah Haji Salleh, *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiah-Salihiah 1914-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 119.

Madrasah ini semenjak kecil lagi sehinggalah beliau dikahwinkan dengan Kiyai Hj. Yahya bin Hj.Saleh.

Selain di Madrasah Saadiyah-Salahiah, terdapat juga anak-anak perempuan Melayu yang belajar di Madrasah Maahad Il Ihya Assyarif Gunung Semanggol pada pertengahan tahun 1930-an. Madrasah ini diasaskan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir²³² pada hujung tahun 1934 dan merupakan salah sebuah madrasah moden pada masa tersebut.²³³ Antara mereka ialah,

Jadual 5.4: Senarai Pelajar Perempuan Melayu Pertama Yang Belajar di Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol Pada Tahun 1936

No	Nama Pelajar	Sijil
1	Aminah Bte Osman	Itadaie
2	Fatimah Hj. Abdul Rahman	Itadaie
3	Gauyag bte Salleh	Itadaie
4	Halimah Haji Idris	Thanawi
5	Jamilah Abdullah	Itadaie
6	Jakiah @ Hayati Hassan	Thanawi
7	Maimunah bte Saad	Itadaie
8	Rokiah Hj. Abd. Rahman	Itadaie
9	Rokiah bte Haji Jaafar	Thanawi
10	Sofiah bte Haji Ismail	Thanawi

Sumber: Nabir Bin Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, Bangi, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976.

²³² Abu Bakar Al-Baqir berasal dari rumpun bangsa Jawa dari jajahan Kendal, Jawa Tengah. Datuknya ialah Abdul Jabar bin Abdul Rauf yang telah berhijrah ke Tanah Melayu pada abad ke-19 dan merupakan seorang guru agama. Bapa Abu Bakar iaiti Lebai Said juga merupakan tokoh agama yang telah berpindah ke Gunung Semanggol dari Kuala Kurau. Mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Gunung Semanggol sehingga darjah lima dan telah menyambung pelajaran di Madrasah Ar-Rahmiah, Gunung Semanggol dari tahun 1919 sehingga 1924. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran di Madrasah Dairatul Ma'arif, Pulau Pinang sehingga mendapat kelulusan tertinggi sekolah agama. Lihat Khairul Nizam Zainal Badri, *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar Al-Baqir*, Shah Alam: Penerbit Karisma Publications Sdn.Bhd, 2008, hlm. 4-7.

²³³ Khairul Nizam Zainal Badri, *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar Al-Baqir*, hlm. 34.

Seawal tahun 1920-an, sudah ramai kanak-kanak perempuan Melayu menerima pendidikan agama sama ada di sekolah-sekolah agama atau madrasah di seluruh negeri di Tanah Melayu.²³⁴ Walau bagaimanapun, hanya pada tahun 1935, barulah sebuah madrasah yang secara khusus untuk pelajar perempuan telah dibina iaitu Madrasah Diniyyah Islamiyyah Puteri, Kampung Lalang, Padang Rengas Perak²³⁵ yang ditubuhkan oleh Shaykh Junib Tola.²³⁶ Penubuhan madrasah ini dibuat atas kesedaran beliau tentang pentingnya memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan. Malah beliau sendiri telah menghantar anak perempuannya Sakinah untuk melanjutkan pelajaran di Madrasah Diniyyah Islamiyyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera, Indonesia pada tahun 1937.²³⁷ Madrasah Diniyyah Islamiyyah Puteri, Kampung Lalang ini mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat Melayu. Seramai 90 orang pelajar perempuan telah mendaftar pada peringkat awal pembukaannya dan jumlah ini terus meningkat sehingga menyebabkan Shaykh Junid Tola terpaksa menambah empat orang lagi guru perempuan termasuk anaknya Sakinah untuk tenaga pengajar.²³⁸

Pada tahun 1912, sebuah madrasah ditubuhkan di Pahang oleh Haji Omar dan Haji Hassan Senik di Kampung Ketapang, Pekan, Pahang. Kemudiannya pada tahun 1934, muncul dua madrasah yang terkenal di Tanah Melayu iaitu Madrasah Ihya'al-Syarif Gunung Semanggol di Perak yang diasaskan oleh Haji Abu Bakar al-Bakir dan

²³⁴ Badriyah Haji Salleh, *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiah-Salihiah 1914-1959*, hlm. 119.

²³⁵ Nama Madrasah Diniyyah Islamiyyah Puteri, Kampung Lalang diambil sempena mana Madrasah Diniyyah Islamiyyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera yang merupakan madrasah tempat guru-guru mendapat pendidikan. Madrasah ini bukan sahaja terkenal di Sumatera tetapi juga dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu terutamanya yang berasal dari Indonesia.

²³⁶ Mohd. Sarim Hj. Mustajab, *Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948*, dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982, hlm.m 164.

²³⁷ Siti Hanafiah Ahmad, Syeikh Junid Tola: Sumbangannya Dalam Bidang Pendidikan, Ekonomi dan Politik, 1897-1948, Latihan Ilmiah B.A., Universiti Malaya 1988/99, hlm. 74. Sakinah telah dihantar oleh bapanya untuk melanjutkan pelajaran di Madrasah Diniyyah Islamiyyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera dan tamat pengajian pada tahun 1945 dan terus menjadi guru di Madrasah Diniyyah Islamiyyah Puteri, Kampung Lalang.

²³⁸ Guru-guru perempuan yang dilantik termasuklah Rashidah, Ratna, Dahlia dan Sakinah yang merupakan bekas pelajar Madrasah Diniyyah Islamiyyah, Padang Panjang, Sumatera. Lihat Siti Hanafiah Ahmad, Syeikh Junid Tola: Sumbangannya Dalam Bidang Pendidikan, Ekonomi dan Politik, 1897-1948, Latihan Ilmiah B.A., Universiti Malaya 1988/99.

Maktab Muhmud di Alor Setar, Kedah yang menjadi pusat pergerakan Islam bagi pelajar Melayu Semenanjung.²³⁹ Selain itu, peranan pengaruh yang dibawa *Kaum Muda* juga telah memberi kesedaran kepada orang Melayu bahawa pendidikan Barat juga perlu diberikan kepada anak perempuan selain pendidikan agama. Hasil daripada usaha dan komitmen *Kaum Muda*, ramai ibu bapa mula menghantar anak perempuan mereka untuk belajar di Sekolah Perempuan Inggeris.

Secara keseluruhannya, *Kaum Tua* dan *Kaum Muda* telah memainkan peranan penting dalam usaha memartabatkan pendidikan wanita Melayu. Walaupun pada peringkat awal terdapat polemik antara dua kumpulan ini tetapi ketegangan ini mulai beransur-ansur reda menjelang tahun 1920-an sehingga Perang Dunia Kedua. Apa yang jelas ialah peranan ulama' tradisional yang menjadi guru sama ada di rumah, surau, pondok dan sekolah agama adalah sangat penting dalam perkembangan pendidikan wanita. Kemunculan ulama' *Kaum Muda* pada tahun-tahun 1906, telah memberi nafas baharu dalam perkembangan pendidikan wanita. Gerakan kesedaran yang digerakkan oleh *Kaum Muda* telah berjaya meyakinkan orang Melayu bahawa pendidikan yang sempurna (agama dan sekular) harus diberikan kepada anak-anak perempuan. Kemunculan institusi madrasah yang turut membuka peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar perempuan Melayu juga menjadi satu titik tolak ke arah memartabatkan lagi pendidikan wanita Melayu.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memajukan dan memartabatkan pendidikan wanita Melayu. Pada peringkat awal usaha-usaha untuk memberikan pendidikan sekular kepada anak-anak perempuan Melayu banyak dilakukan oleh raja-raja dan golongan bangsawan Melayu. Walau

²³⁹ Mustaffa Abdullah, *Rasyid Rida Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, hlm. 194.

bagaimanapun, peluang pendidikan pada peringkat awal hanya terhad kepada mereka yang tinggal di bandar-bandar utama di NNMB. Selain itu, terdapat juga beberapa orang pegawai British yang bersimpati dan berusaha untuk memajukan pendidikan wanita. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang dibuat masih terbatas dan terikat kepada dasar pendidikan British di Tanah Melayu iaitu hanya bertujuan menyediakan pendidikan peringkat rendah sahaja. Peranan dan sokongan juga telah dimainkan oleh golongan intelektual Melayu untuk memajukan pendidikan wanita. Usaha-usaha yang dilakukan telah banyak menyedarkan orang Melayu mengenai kepentingan pendidikan kepada golongan wanita. Selain itu, kemunculan *Kaum Muda* pada tahun 1900-an juga telah memberi sinar baharu kepada pembangunan dan kemajuan pendidikan wanita. Mereka telah bertindak menyedarkan masyarakat Melayu mengenai kepentingan dan keperluan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Hasil daripada gerakan kesedaran ini, jumlah Sekolah Perempuan Melayu dan jumlah pelajar perempuan mula meningkat dengan baik pada tahun-tahun 1920-an sehingga Perang Dunia Kedua.

BAB 6

KESAN PENDIDIKAN TERHADAP PENCAPAIAN WANITA MELAYU

Pengenalan

Pada asasnya pendidikan yang disediakan oleh kerajaan British untuk kaum wanita Melayu adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan asas membaca, menulis dan mengira di samping kemahiran asas pengurusan rumah tangga.

Oleh yang demikian, perancangan dan tindakan kerajaan British terhadap pendidikan wanita Melayu sepanjang tahun 1896 sehingga 1941 adalah terhad, terbatas dan terikat dengan matlamat asal tadi.¹ Disebabkan matlamat yang terhad, maka pencapaian dan kejayaan yang dicapai oleh wanita Melayu dalam tempoh masa sebelum Perang Dunia Kedua juga adalah amat terhad dan terbatas. Lantaran itu, penilaian sebenar terhadap kesan pendidikan terhadap pencapaian wanita Melayu dalam bidang politik, ekonomi dan sosial hanya dapat dilihat secara jelas selepas berlakunya Perang Dunia Kedua. Namun demikian, ini tidak bermakna bahawa tidak ada pencapaian yang diperolehi oleh wanita Melayu sepanjang tempoh berkenaan. Penilaian terhadap pencapaian wanita Melayu dalam tempoh berkenaan perlulah dilihat dalam pelbagai aspek dan bukan hanya melihat kepada penglibatan mereka dalam sektor pekerjaan sahaja. Antara pencapaian besar yang dapat dilihat kesan daripada pendidikan kepada wanita ialah dari segi perubahan sikap, komitmen dan peranan golongan wanita untuk memajukan bangsa Melayu.

¹ Pendidikan yang diberikan kepada anak-anak perempuan Melayu adalah bertujuan untuk memenuhi kehendak pegawai-pegawai Melayu yang inginkan isteri yang berpendidikan. Pegawai-pegawai Melayu juga terpengaruh dengan gesaan British agar mencari isteri yang berpendidikan agar mudah untuk bergaul dengan isteri-isteri pegawai British. Lihat Durbar of Rulers (DURBAR), 25 November 1939 dalam CO 717/ 143/51898.

Bab ini akan membincangkan sejauh manakah peranan pendidikan dari tahun 1896 sehingga 1941 memberi kesan terhadap pencapaian wanita Melayu. Pencapaian wanita Melayu dalam bidang pendidikan dilihat dari segi perubahan sikap, peranan, komitmen dan juga penglibatan wanita Melayu dalam bidang pendidikan. Di samping itu, penilaian terhadap pencapaian wanita Melayu juga dilihat dari segi penglibatan, peranan dan komitmen wanita Melayu dalam berpersatuan. Perbincangan seterusnya pula akan meneliti pencapaian wanita Melayu dalam bidang kesihatan dan juga penulisan. Dalam bidang kesihatan dan penulisan, penilaian terhadap pencapaian wanita Melayu juga dilihat melalui penglibatan dan peranan wanita Melayu dalam meningkatkan tahap kesihatan wanita dan juga memberi kesedaran kepada masyarakat. Pencapaian wanita dalam bidang-bidang berkenaan dipilih kerana ia mempunyai kaitan secara langsung dengan pendidikan yang diperoleh oleh kaum wanita Melayu khususnya sebelum Perang Dunia Kedua.

Wanita Dalam Bidang Pendidikan

Pencapaian dan kejayaan wanita Melayu dalam bidang pendidikan boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu pencapaian pelajar perempuan dan yang kedua ialah pencapaian guru perempuan Melayu. Pencapaian dan kejayaan pelajar-pelajar perempuan Melayu dalam pendidikan pula boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu pencapaian dari segi perubahan sikap (disiplin) dan kejayaan dari segi akademik. Manakala pencapaian dan kejayaan wanita Melayu dalam profesion perguruan sepanjang tempoh berkenaan dapat dilihat melalui peningkatan jumlah guru perempuan dan juga usaha-usaha mereka untuk memajukan pendidikan wanita Melayu.

Pencapaian Pelajar Perempuan Melayu

Pencapaian dan kejayaan paling besar bagi pelajar-pelajar perempuan Melayu dapat dilihat melalui perubahan sikap dan mentaliti terhadap pendidikan. Perubahan sikap dan mentaliti ini diterjemahkan melalui peningkatan jumlah pelajar (berdaftar), jumlah kehadiran pelajar dan juga peningkatan pencapaian pelajar dalam akademik. Aspek-aspek ini merupakan kayu ukur sebenar apabila kita membuat penilaian terhadap pencapaian pelajar perempuan Melayu khususnya di NNMB. Sepanjang tahun 1896 sehingga 1941, jumlah pelajar perempuan Melayu di NNMB yang mendapat pendidikan sekular² semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 1897, jumlah pelajar perempuan yang bersekolah di Sekolah Perempuan Melayu adalah seramai 228 daripada jumlah berkenaan 151 orang di Perak³ dan 77 orang di negeri Selangor,⁴ manakala Negeri Sembilan dan Pahang pula tidak mempunyai sekolah perempuan.

Pada tahun 1911 jumlah pelajar perempuan di Sekolah Perempuan Melayu meningkat kepada 1,880 orang. Daripada jumlah itu seramai 1,690 orang dari Perak, 71 orang dari Selangor dan 119 orang dari Negeri Sembilan. Manakala negeri Pahang pula tidak ada sekolah perempuan didirikan setakat tahun 1911.⁵ Walau pun peningkatan sebanyak 1,652 orang pelajar dalam masa 14 tahun bukanlah satu peningkatan yang besar tetapi peningkatan ini memberi gambaran bahawa walaupun dalam keadaan serba kekurangan anak-anak perempuan Melayu masih mempunyai keinginan yang tinggi

² Istilah pendidikan formal muncul selepas kedatangan British ke Tanah Melayu. Forma bermaksud mempunyai tempat yang khusus (sekolah), guru, kemudahan pembelajaran dan juga mempunyai sukatan yang sistematik. Ramai pengkaji menggunakan istilah ini bagi merujuk kepada sistem pendidikan yang dibawa oleh British ke Tanah Melayu. Sesetengah pengkaji menggunakan istilah sekular bagi merujuk kepada sistem pendidikan formal. Walau bagaimanapun, istilah ini turut merangkumi semua sistem pendidikan yang mempunyai ciri-ciri formal termasuk sistem pendidikan madrasah. Bagi anak-anak perempuan Melayu pendidikan formal yang pertama ditubuhkan di Singapura iaitu Sekolah Perempuan Melayu Teluk Belanga 1885.

³ Lihat *Perak Administration Report for the year 1897*, hlm. 221 dalam *Perak Government Gazette*, 1st July 1898 dalam CO 467/9.

⁴ Lihat *Selangor Government Gazette, for the year 1897, March 12 1897*, Vol. VIII, January to December 1897, hlm. 165 dalam CO 469/7.

⁵ Lihat *Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1911*, hlm. 1-2 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, May 12 1912* dalam CO 576/9.

untuk mendapat pendidikan.⁶ Situasi ini juga dilihat bercanggah dengan kenyataan kerajaan British bahawa orang Melayu dikatakan bersikap prejudis terhadap pendidikan anak-anak perempuan.

Jika diteliti secara mendalam masalah sebenar kekurangan pelajar perempuan di sekolah-sekolah perempuan adalah disebabkan masalah kekurangan sekolah-sekolah perempuan dan bukannya disebabkan oleh masalah sikap pelajar atau ibu bapa Melayu.⁷ Masalah ini dinyatakan dengan jelas oleh G.A Hall pada tahun 1911, (Acting Director of Education S.S and F.M.S). Beliau menyatakan masalah sebenar penutupan sekolah-sekolah di NNMB adalah disebabkan penularan wabak penyakit yang serius seperti kenyataan berikut:⁸

Selangor and Negeri Sembilan show a small increase, but both enrolment and attendance decreased in Negeri Sembilan owing to the unusual illness. Several school were closed for a long period, and others were merely kept open convenience centre to distributing quinine. ... in Perak, all vernacular schools were supplied with quinine and all English and Malay School, instruction in the principles of hygiene was given. In Selangor the Medical Department has adopted a scheme of free distribution of quinine through the vernacular school. In Negeri Sembilan, hygiene was taught by systematically for the first time.⁹

⁶ Pada peringkat awal pelbagai masalah dihadapi oleh pendidikan wanita Melayu (seperti mana dibincangkan di bab 3). Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1911, hlm. 4 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, May 12 1912* dalam CO 576/9.

⁷ Sebelum kemunculan sistem pendidikan sekular tajaan British, kanak-kanak perempuan Melayu telah diberi pendidikan di rumah-rumah guru, surau dan juga sekolah agama. Jadi tidak timbul isu yang menyatakan anak-anak perempuan Melayu tidak diberikan pendidikan sebagaimana anak-anak lelaki. Lihat Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi*, Singapura: Mission Press, 1949, hlm. 12-13.

⁸ Antara wabak penyakit yang dilaporkan oleh Medical Department ialah penyakit beri-beri, penyakit disentri, penyakit malaria dan penyakit kulit. Lihat John Megaw, "Beri-beri," *The British Encyclopedia of Medical Practice*, Jilid.2, Edisi kedua, London: Butterworth & Co. Ltd, 1950, hlm. 457. Lihat juga Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, hlm.89-100.

⁹ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1911, hlm. 4 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, May 12 1912* dalam CO 576/9.

Masalah penularan wabak penyakit dalam tempoh tahun berkenaan juga dikaitkan dengan peristiwa meletusnya Perang Dunia Pertama pada tahun 1914.¹⁰ Pada tahun 1914, semasa meletusnya Perang Dunia Pertama, Ketua Setiausaha bagi NNMB telah mengeluarkan surat tawaran kepada mana-mana Pegawai Perubatan di Tanah Melayu yang ingin menyertai perkhidmatan tentera (Kor Perubatan Tentera Diraja British).¹¹ Hasilnya pada tahun 1915, seramai 15 orang Pegawai Perubatan dari NNMB telah bersetuju menyertai perkhidmatan tersebut. Penglibatan mereka telah menyebabkan berlakunya masalah yang serius dalam perkhidmatan kesihatan di NNMB. Keadaan ini berlaku kerana hampir keseluruhan kakitangan perubatan khususnya Pegawai Perubatan di Tanah Melayu adalah terdiri daripada bangsa Eropah.¹² Kekurangan pegawai perubatan ini telah memberi kesan kepada keupayaan perkhidmatan kesihatan untuk menangani masalah penularan penyakit khususnya pada tempoh tahun 1914 sehingga 1920. Hal ini dinyatakan dalam Laporan Perubatan NNMB dan Laporan Pentadbiran Perak pada tahun 1916 seperti berikut:

1916: The health of the children has not been satisfactory on the whole. **Attendance at school suffered** in consequence malaria, mumps, measles and skin diseases were frequently causes of absence, and child as already mentioned in Ulu Selangor owing to an outbreak of small-pox and chicken-pox.¹³

1916: The Lady Doctor in charge treated during the year 4,623 out-patients, 73 surgical and gynaecological cases, 36 patients in government hospital, and 614 with travelling dispensary. **There is a**

¹⁰ Perang Dunia Pertama berlaku pada 28 Julai 1914 dan berakhir pada 11 November 1918. Peperangan ini melibatkan dua kuasa besar iaitu Pihak Berikat yang terdiri daripada negara Rusia, Perancis, British, Kanada, Itali dan Amerika Syarikat. Manakala satu pihak lagi dikenali sebagai Kuasa Pusat yang dianggotai oleh Bulgaria, Empayar Turku Uthmaniyyah, Austria-Hungry dan Empayar Jerman. Peperangan ini akhirnya dimenangi oleh Kuasa Berikat. Oleh sebab Empayar Turki Uthmaniyyah merupakan empayar Islam yang dikagumi oleh penduduk Islam di Tanah Melayu, peperangan ini memberi kesan terhadap sikap sesetengah orang Melayu terhadap British di Tanah Melayu.

¹¹ Lihat Surat Pekeliling Pejabat Ketua Setiausaha NNMB, pada 14 Nov. 1914 dalam SEL.SEC. 5649/1914.

¹² Lihat Noraini Binti Mohamed Hassan, Kesihatan Dan Perubatan Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013, hlm.129.

¹³ Federated Malay States, Medical Report for the year 1916, hlm.13 dalam CO 576/15.

very large increase (from 2,519 -1915 to 4,623 - 1916) in the number of out-patients. The **majority of the patients are Malay**.¹⁴

Pada tahun 1919, jumlah pelajar perempuan Melayu di NNMB terus menunjukkan penurunan terutamanya di Perak dan Negeri Sembilan. Secara keseluruhannya, jumlah pelajar perempuan Melayu di Sekolah Perempuan Melayu di Perak adalah seramai 1,361 orang, Selangor 131 orang, Negeri Sembilan 104 dan Pahang 30 orang dan jumlah keseluruhannya ialah seramai 1,626 orang.¹⁵ Statistik ini menunjukkan berlakunya penurunan sebanyak 254 orang pelajar sepanjang tahun 1911 sehingga 1919. Jika diteliti secara terperinci penurunan ini juga mempunyai kaitan langsung dengan penularan wabak penyakit yang serius dan masalah kekurangan pegawai perubatan pada tahun 1911 sehingga 1919. Hal ini dinyatakan oleh R.O. Winstedt (Acting Director of Education S.S & F.M.S) dalam Laporan Pendidikan NNS dan NNMB pada tahun 1919 seperti berikut: *Medical Inspection of school:- This, which it was arranged of the close of the year to introduce in Singapura, was deferred for the Federated Malay States owing to lack of Medical Officer*.¹⁶

Selain itu, masalah penurunan jumlah pelajar perempuan Melayu pada tahun 1914 sehingga 1920 juga mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan penglibatan kerajaan British dalam Perang Dunia Pertama. Penglibatan British dalam Perang Dunia Pertama memberi kesan secara langsung terhadap tahap keupayaan kewangan British. Oleh sebab itu, beberapa pengurangan terhadap peruntukan perbelanjaan kerajaan terpaksa dikurangkan dan ini menjejaskan pembangunan dan perkembangan pendidikan di Tanah Melayu. Pada tahun 1919, misalnya peruntukan bagi perbelanjaan

¹⁴ Lihat *Perak Administration Report for the year 1916*, hlm.15 dalam *Federated Malay States Annual Report for the year 1916* dalam CO 576/16.

¹⁵ Lihat *Annual Report On Education in the Federated Malay States for the year 1919*, hlm.18, Appendix VI dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette August 27th 1920* dalam CO 574/26.

¹⁶ *Annual Report on Education Department for the year 1919*, hlm. 13 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette August 27th 1919* dalam CO 576/21.

perkhidmatan pendidikan dikurangkan daripada \$787,212.72 pada tahun 1918 kepada \$619,258.33 pada tahun 1919.¹⁷ Pengurangan peruntukan ini secara tidak langsung telah menjejaskan perancangan dan komitmen kerajaan British terhadap pendidikan di NNMB termasuk pembayaran gaji kepada guru-guru Melayu.¹⁸

Selain itu, penglibatan British dalam Perang Dunia Pertama juga memberi kesan negatif terhadap tanggapan dan kepercayaan orang Melayu terhadap kerajaan British. Hal ini kerana semasa Perang Dunia Pertama kerajaan British yang berpihak kepada Kuasa Berikat telah menentang Empayar Turki yang berpihak kepada Kuasa Pusat. Bagi orang Melayu, kerajaan Turki Uthmaniyyah merupakan lambang kemegahan dan keagungan umat Islam dan sangat dihormati oleh Melayu.¹⁹ Oleh itu, peperangan yang dilancarkan oleh kerajaan British terhadap Empayar Turki telah menimbulkan kemarahan dan tentangan daripada orang Melayu. Tambahan pula pada tahun 1906 sehingga 1920-an, golongan agama dan cendekiawan Melayu telah berperanan menggunakan mata pena di akhbar seperti *Neracha* (1911),²⁰ *Pengasoh* (1918),²¹

¹⁷ Chief Secretary's Report for the year 1918, hlm.2 dalam Annual Report for 1918 dalam CO 576/19. Lihat juga Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1919, hlm. 2 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette August 27th 1920* dalam CO 576/21.

¹⁸ Menurut R.O.Winstedt (Acting Director of Education S.S and F.M.S), kekurangan peruntukan ini turut menjejaskan usaha kerajaan untuk menawarkan gaji yang lebih baik kepada guru-guru Melayu. *The economic revolution in Europe consequent on the war, made it exceedingly difficult to fix the proper rate of pay which might be expected to attract candidates of the type desired on indeed of any type.* Lihat Annual Report on Education in the federated Malay States for the year 1919, hlm.14 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette August 27th 1920* dalam CO 576/21.

¹⁹ Untuk keterangan lanjut lihat Abu Hanafiah Bin Haris, Pengaruh Mesir Dalam Masyarakat Melayu, 1906-1970, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013, hlm. 203-218.

²⁰ Akhbar *Neracha* cenderung menyiarkan berita-berita yang diambil daripada *al-Manar* di Mesir. Berita-berita dari Mesir ini telah mempengaruhi penduduk Tanah Melayu. Lihat Mohd. Sarim Mustajab, *Neracha 1910–Jun 1915: Penyambung Nafas al-Iman, Jurnal Budaya Melayu*, Vol.3, No.1, 1978, hlm. 97.

²¹ *Pengasoh* diterbitkan buat pertama kali pada 11 Julai 1918 di Kota Baharu. Akhbar ini juga sering memetik rencana dari akhbar-akhbar di Mesir seperti akhbar *al-Muqtataf* dan *al-Ahram*. Lihat *Pengasoh*, Jil.8, bil.171, 23 Mei 1925. Rencana berkenaan asuhan dan tarbiyyah ini asalnya diterbitkan dalam *al-Muqtataf* keluar Mei 1925. Lihat juga *Pengasoh*, Jil.8, Bil.177, 20 Ogos 1925, hlm. 12. Pada keluaran ini, *Pengasoh* telah memetik rencana daripada *al-Ahram* mengenai kemusnahan yang berlaku di Madinah akibat Peperangan.

Majalah Guru (1924),²² *Idaran Zaman* (1925),²³ *al-Ikhwan* (1926),²⁴ *Saudara* (1928),²⁵ dan lain-lain lagi untuk menyebarkan ideologi persaudaraan Islam.


Pada tahun 1920 sehingga 1930, jumlah pelajar perempuan Melayu menunjukkan peningkatan yang menggalakkan iaitu daripada 1,620 orang pelajar pada tahun 1920 telah meningkat kepada 4941 pada tahun 1930. Peningkatan jumlah pelajar dalam masa sepuluh tahun ialah sebanyak 3,321 orang. Peningkatan yang amat memberangsangkan sepanjang tempoh berkenaan adalah disebabkan peranan yang dimainkan oleh golongan Raja-raja Melayu, golongan bangsawan, golongan cendekiawan dan juga guru-guru Melayu. Peranan dan komitmen mereka telah dibincangkan di dalam bab sebelumnya. Pada tahun 1938, jumlah pelajar perempuan khususnya di sekolah-sekolah perempuan Melayu telah meningkat kepada 6,466 orang. Peningkatan yang ditunjukkan ini merupakan salah satu pencapaian besar dalam perkembangan pendidikan wanita Melayu. Kelompok ini jugalah nanti yang menjadi perintis dan pendukung kepada kemajuan dan kejayaan wanita Melayu. Graf 6.1 menunjukkan peningkatan jumlah pelajar Melayu di Sekolah Perempuan Melayu di NNMB dari tahun 1896 sehingga 1941.

²² *Majalah Guru* diterbitkan pada 1 November 1924 dalam tulisan jawi. Penerbitan terakhir ialah pada December 1941. Diterbitkan hasil usaha Persatuan Guru-Guru Melayu. Lihat Hamed Mohd. Adnan, *Direktori Majalah-Majalah Melayu*, Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya, 2002, hlm. 86.

²³ *Idaran Zaman* diterbitkan pada 1 Januari 1925 di Pulau Pinang. Pengarangnya terdiri daripada Mohd. Yunus Abdul Hamid dan Othman Kalam. Walaupun majalah ini diterbitkan di Pulau Pinang tetapi ia turut mendapat langganan dari penduduk Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Lihat Khoo Kay Kim, *Direktori Majalah-Majalah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1984, hlm. 42.

²⁴ Majalah ini diterbitkan di Pulau Pinang pada 16 September 1926. Majalah ini dikendalikan oleh Syed Syekh Ahmad al-Hadi dan rakan-rakan *Kaum Muda* nya. Majalah ini boleh dianggap sebagai lidah *Kaum Muda* dalam menyeru dan memberi kesedaran kepada orang Melayu. Walaupun diterbitkan di Pulau Pinang, majalah ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang Melayu di NNMB. Lihat Khoo Kay Kim, *Direktori Majalah-Majalah Melayu*, hlm. 18-35. Lihat juga Hamed Mohd. Adnan, *Direktori Majalah-Majalah Melayu*, hlm. 91-92.

²⁵ Akhbar *Saudara* diterbitkan pada 29 September 1928 di Pulau Pinang, akhbar ini mendapat sambutan ramai dan tersebar meluas ke Sumatera, Jawa, Borneo dan juga Sulawesi. Lihat A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973, hlm. 20.



Graf 6.1: Jumlah Peningkatan Pelajar Perempuan Melayu Di Sekolah Perempuan Melayu Pada Tahun 1896 Sehingga 1938

Sumber: Diubahsuai daripada *Perak Administration Report for the year 1897*, hlm. 221 dalam *Perak Government Gazette, 1st July 1898* dalam CO 467/9. Lihat *Selangor Government Gazette, for the year 1897, March 12 1897*, Vol. VIII, January to December 1897, hlm. 165 dalam CO 469/7. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1911, hlm. 1-2 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, May 12 1912* dalam CO 576/9. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1921, hlm. 13, Appendix I dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette August 25th 1922* dalam CO 576/24. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1931, hlm. 88, Appendix. XV dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette November 4th 1932*. Lihat Annual Report on Education in the Straits Settlements and Federated Malay States for the year 1938, hlm. 204, Appendix. XV dalam CO 576/63.

Selain di sekolah perempuan Melayu, terdapat juga pelajar-pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di sekolah lelaki. Kehadiran pelajar perempuan Melayu di sekolah lelaki dikesan seawal tahun 1910-an lagi. Kekurangan sekolah perempuan Melayu yang didirikan di NNMB telah memaksa ibu bapa Melayu menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah lelaki.²⁶ Antara pelajar perempuan yang terawal

²⁶ Pada tahun 1910, jumlah Sekolah perempuan Melayu yang didirikan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu hanyalah sebanyak 43 buah, 37 di negeri Perak, dua buah di Selangor, empat buah di Negeri Sembilan dan tiada sebuah pun sekolah perempuan di Pahang. Jumlah ini adalah terlalu rendah berbanding dengan jumlah sekolah untuk anak-anak lelaki iaitu sebanyak 276 buah. Lihat *Selangor Administration Report for the year 1910*, hlm. 20 dalam CO 439/3. Lihat juga Annual Report on

bersekolah di sekolah lelaki ialah Che Tom binti Dato Setia Abdul Razak. Disebabkan ketiadaan sekolah perempuan di kampungnya, beliau telah menumpang bersekolah di Sekolah Lelaki Melayu, Kelang Selangor pada tahun 1910.²⁷ Setelah lulus darjah V, beliau telah meneruskan pelajaran di Methodist Girls' School, Kuala Lumpur dan merupakan perempuan Melayu tunggal di sekolah berkenaan. Menurut beliau, setelah menduduki darjah VI, barulah ada ibu bapa Melayu yang menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah.²⁸

Pada tahun 1915, terdapat beberapa buah sekolah lelaki di NNMB yang mempunyai pelajar perempuan. Walaupun pada peringkat awal jumlahnya masih kecil, tetapi jumlah ini kemudiannya semakin meningkat dari tahun ke tahun. *In several of the boys' school there are a few girls in attendance; and it is gratifying to note the signs of increased desire for the education of Malay girls.*²⁹ Dalam Laporan Jabatan Pendidikan Selangor pada tahun 1917, menyatakan bahawa jumlah pelajar perempuan Melayu di sekolah perempuan Melayu tidak menggambarkan jumlah keseluruhan pelajar perempuan Melayu di Selangor. Menurut laporan berkenaan daripada 498 orang pelajar perempuan Melayu pada tahun 1917, seramai 80 orang bersekolah di sekolah lelaki manakala selebihnya iaitu 414 orang bersekolah di Sekolah perempuan Melayu.

The figures for enrolment and attendance at the 4 school were 131 and 113 against 123 and 107 respectively for 1917. **These figures do not correctly represent the real number of Malay Girls attending school**, as even somewhat incomplete returns showed that were, near the end of the year, at least 80 girls in Boys School.³⁰

Education in the Federated Malay States for the year 1911, hlm. 1-2 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, May 24 1912* dalam CO 576/9.

²⁷ Shajaratuddur Sheikh Abdul Halim, *Sikap Wanita-wanita Melayu Dalam Bidang Pekerjaan*, Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1968, hlm. 44.

²⁸ Ibid.

²⁹ Annual Report Of Education Department, Selangor, hlm,8 dalam SEL.SEC. 995/1915.

³⁰ Lihat Annual Report 1917, Education Department Selangor 1917, hlm. 12 dalam SEL.SEC. 978/1917.

Pada tahun 1922, jumlah pelajar perempuan Melayu di NNMB yang bersekolah di sekolah lelaki adalah seramai 394 orang.³¹ Jumlah ini meningkat kepada 452 orang pada tahun 1923³² dan seterusnya kepada 933 orang pada tahun 1925.³³ Peningkatan ini menunjukkan wujud perubahan sikap dalam kalangan orang Melayu untuk menghantar anak perempuan mereka ke sekolah. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa pengaruh adat dan budaya yang selama ini dikatakan telah menghalang perkembangan pendidikan wanita kini telah beransur-ansur berkurangan. *At last Malay parents display a most satisfactory eagerness for the education of their girls.*³⁴ Pada tahun 1928, jumlah pelajar perempuan di Sekolah Lelaki adalah seramai 2,943 orang (43.3 peratus) berbanding 3,863 orang (56.7 peratus) di sekolah lelaki.³⁵ Peningkatan yang mendadak ini memberi gambaran bahawa pendidikan untuk anak-anak perempuan Melayu sudah mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan.

Pada tahun 1935, jumlah pelajar perempuan terus menunjukkan peningkatan yang mendadak. Daripada 12,431 orang pelajar perempuan Melayu pada tahun 1935, 7,036 orang (56.6 peratus) belajar di sekolah lelaki manakala 5,395 orang (43.4 peratus) belajar di sekolah perempuan.³⁶ Peratusan yang tinggi di sekolah lelaki ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar perempuan Melayu menunjukkan minat yang tinggi untuk mendapatkan pelajaran. Peningkatan jumlah pelajar perempuan Melayu di sekolah lelaki menunjukkan peningkatan yang berterusan dari tahun ke tahun. Pada tahun 1938,

³¹ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1922, hlm. 10 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette 13 July 1923* dalam CO 576/25.

³² Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1922, hlm. 11 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette 25th July 1924* dalam CO 576/26.

³³ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1925, hlm. 15 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette June 1926* dalam CO 576/30.

³⁴ Lihat Report of the Chief Secretary to the Government for the year 1928, hlm. 49 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette 21st June 1929* dalam CO 574/53.

³⁵ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1929, hlm. 22 dalam *Supplement to the "F.M.S Government Gazette, 5th December, 1930* dalam CO 576/39. Lihat juga Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1928, hlm. 15 dalam *Supplement to the "F.M.S Government Gazette, 10 May 1929* dalam CO 574/53.

³⁶ Annual Report on Education Department for the year 1935, hlm. 64 dalam CO 576/53.

daripada 16.600 orang pelajar perempuan di NNMB, 10,342 orang (62.3 peratus) belajar di sekolah lelaki, manakala 6,258 belajar (37.7 peratus) di sekolah perempuan Melayu.³⁷

Walaupun jumlah sekolah perempuan sudah meningkat kepada 78 buah pada tahun berkenaan, tetapi jumlah ini masih belum mampu menampung jumlah pelajar perempuan yang semakin meningkat.³⁸ Malahan pada tahun 1938, jumlah pelajar perempuan yang berada di sekolah lelaki jauh lebih ramai daripada jumlah pelajar perempuan di sekolah perempuan Melayu. Perubahan ini dikaitkan dengan perubahan sikap orang Melayu terhadap pendidikan kepada anak-anak perempuan.


The flood of applications for the admission of girls could not be stemmed. Throughout the Straits Settlements and Federated Malay States it was most difficult to enforce the regulation regarding accommodation maxima... Parents everywhere and in particular in Negri Sembilan were unable to appreciate why their daughter were refused as long as any space at all appeared to be available.³⁹

Graf 6.2 di sebelah menunjukkan peningkatan jumlah pelajar perempuan Melayu di Sekolah Lelaki di NNMB pada tahun 1923 sehingga 1938. Bermula pada tahun 1935 jumlah pelajar perempuan Melayu di Sekolah Lelaki telah mengatasi jumlah pelajar perempuan di Sekolah Perempuan Melayu.

³⁷ Annual Report on Education in the Straits Settlements and The Federated Malay States for the year 1938, hlm. 77-78 dalam CO 576/63.

³⁸ Ibid., hlm. 204.

³⁹ Annual Report on Education in the Straits Settlements and The Federated Malay States for the year 1938, hlm. 77-78 dalam CO 576/63.



Graf 6.2: Jumlah Peningkatan Pelajar Perempuan Melayu Di Sekolah Perempuan Melayu Pada Tahun 1896 Sehingga 1938

Sumber: Diubahsuai daripada Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1929, hlm. 22 dalam *Supplement to the "F.M.S Government Gazette, 5th December 1930* dalam CO 576/39. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1923, hlm. 11 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, 25th July, 1924* dalam CO 576/26. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1925, hlm. 15 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, 11 June, 1926* dalam CO 576/30. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1930, hlm. 29 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, 13 July, 1930* dalam CO 574/59. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1933, hlm. 21 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, 7th September 1934* dalam CO 574/70. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1935, hlm. 64 dalam CO 576/53. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1938, hlm. 77-78 dalam CO 576/63.

Pencapaian pelajar perempuan Melayu juga dapat dilihat melalui peningkatan jumlah pelajar perempuan Melayu di sekolah-sekolah perempuan Inggeris. Pada peringkat awal penubuhan NNMB tidak ada pelajar perempuan yang berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris. Seperti yang dibincangkan dalam bab sebelumnya, terdapat beberapa sebab mengapa pelajar perempuan Melayu sukar untuk memasuki Sekolah Inggeris. Antaranya ialah syarat yang ketat bagi kemasukan ke

sekolah Inggeris, kekurangan tempat bagi pelajar perempuan Melayu, ketiadaan peruntukan biasiswa dan pandangan British terhadap pendidikan untuk anak-anak perempuan Melayu. Walau bagaimanapun, antara pelajar Melayu pertama dikesan mendapat pendidikan Inggeris ialah Che Tom binti Dato Setia Abdul Razak.⁴⁰ Pada tahun 1915, setelah lulus darjah V Sekolah Melayu, beliau telah meneruskan pelajaran di Methodist Girls' School, Kuala Lumpur.⁴¹

Pada tahun 1919, jumlah pelajar perempuan Melayu di NNMB yang belajar di sekolah Inggeris adalah seramai 26 orang. Jumlah ini kemudiannya meningkat kepada 51 orang pada tahun 1925.⁴² Pada tahun 1934 pula, terdapat seramai 302 orang pelajar perempuan Melayu di Sekolah Inggeris meningkat sebanyak 80 orang berbanding tahun 1931.⁴³ Menjelang tahun 1938, terdapat seramai 367 orang pelajar perempuan Melayu bersekolah di Sekolah Perempuan Inggeris.⁴⁴ Negeri yang mencatat jumlah paling ramai pelajar perempuan Melayu ke Sekolah Inggeris ialah negeri Selangor. Keadaan ini disebabkan oleh peranan Selangor (Kuala Lumpur) sebagai pusat pengurusan dan pentadbiran British di Tanah Melayu dan Kuala Lumpur telah menjadi tumpuan pegawai-pegawai Barat dan juga tumpuan pelabur-pelabur Eropah.

Jika diteliti secara khusus, kebanyakan Sekolah Perempuan Inggeris yang ditubuhkan di Selangor adalah sekolah bantuan kerajaan (*Aided School*). Sekolah ini ditubuhkan oleh pelbagai persatuan mubaligh Kristian untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak pegawai dan pelabur Eropah di Selangor. Sebagai contoh Methodist Girls, Kuala Lumpur ditubuhkan oleh Methodist Episcopal, Convent Kuala Lumpur oleh

⁴⁰ Shajaratuddur Sheikh Abdul Halim, *Sikap Wanita-Wanita Melayu Dalam Bidang Pekerjaan*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1968, hlm. 44.

⁴¹ Ibid.

⁴² Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1925, hlm. 23, Appendix 23 dalam *Supplements to the "F.M.S., June 11st, 1926* dalam CO 576/30.

⁴³ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1931, hlm. 76, Appendix III dalam CO 576/43. Lihat juga Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1934, hlm. 67, Appendix II dalam CO 576/50.

⁴⁴ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1938, hlm. 169, Appendix II dalam CO 576/63.

Sister of the Holly Infant Jesus, St Maty's School, Kuala Lumpur oleh Church of England, Chinese Girls Kuala Lumpur oleh Plymouth Brethren dan Pudu English School, Kuala Lumpur oleh Private (Bishop Singapore).⁴⁵ Walau bagaimanapun, sekolah ini terbuka kepada semua kaum dan ia turut memberi peluang kepada anak-anak perempuan Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris.⁴⁶

Jadual 6.1: Peningkatan Pelajar Perempuan Melayu Di Sekolah Inggeris Di NNMB Pada Tahun 1919-1938

Negeri	Jumlah Pelajar Perempuan Melayu Di Sekolah Inggeris					
	1919	1925	1931	1934	1936	1938
Perak	11	17	73	86	92	110
Selangor	14	27	104	157	180	204
N.Sembilan	1	7	35	49	45	42
Pahang	0	0	10	10	7	11
Jumlah	26	51	222	302	324	367

Sumber: Diubahsuai daripada Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1919, hlm. 17, Appendix III dalam *Supplements to the "F.M.S, 27th August 1920* dalam CO 576/21. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1925, hlm. 23, Appendix 23 dalam *Supplements to the "F.M.S, 11st June, 1926* dalam CO 576/30. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1931, hlm. 76, Appendix III dalam CO 576/43. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1934, hlm. 67, Appendix II dalam CO 576/50. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1936, hlm. 86, Appendix II dalam CO 576/56. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1938, hlm. 169, Appendix. II dalam CO 576/63.

Selain peningkatan jumlah pelajar, pencapaian dan kejayaan pelajar-pelajar perempuan Melayu di NNMB juga boleh diukur melalui peningkatan kehadiran dan penurunan kadar keciciran pelajar di sekolah-sekolah Melayu. Pada peringkat awal penubuhan Sekolah Perempuan Melayu, masalah utama yang dihadapi adalah masalah

⁴⁵ Lihat Annual Report on Education for the year 1926, Appendix IX, Accommodation in Added English School, hlm. 29 dalam Federated Malay States, Annual Report for 1926 dalam CO 576/32.

⁴⁶ Kebanyakan anak-anak perempuan Melayu yang bersekolah di sekolah Inggeris di Selangor terdiri daripada anak-anak Raja-raja Melayu, golongan bangsawan, pegawai-pegawai Melayu dan juga anak ketua-ketua masyarakat atau penghulu.

kehadiran pelajar dan masalah keciciran pelajar.⁴⁷ Masalah kehadiran pelajar telah menyebabkan beberapa buah Sekolah Perempuan Melayu terpaksa ditutup atau dipindahkan ke tempat lain.⁴⁸ Masalah ini juga dijadikan alasan oleh Kerajaan British untuk menutup atau tidak memberikan bantuan kewangan. Masalah kehadiran pelajar-pelajar perempuan Melayu pada peringkat awal penubuhan sekolah perempuan Melayu sering diketengahkan oleh British sebagai masalah utama dalam pendidikan wanita Melayu.

The Malays most readily avail themselves of these facilities for the education of their boys, but it is a matter of greater difficulty to obtain their consent to the attendance of their girls at school. Girls' schools have however been established at one or two centres, where sewing, weaving, and other feminine accomplishments are taught, but it is unlikely that the attendance of native girls at Government schools will ever become general. Nor has the Government been unmindful of the needs.⁴⁹


Seperti mana yang telah dibincangkan sebelumnya, usaha-usaha untuk memartabatkan pendidikan wanita banyak digerakkan oleh raja-raja Melayu, golongan intelektual, pemimpin masyarakat dan juga orang-orang Melayu sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat usaha yang dianggap lebih kepada bersifat individu digerakkan oleh pegawai-pegawai British di NNMB untuk meningkatkan pendidikan wanita Melayu. Usaha-usaha ini telah memberi kesan yang positif terhadap tahap kehadiran pelajar-pelajar perempuan Melayu di sekolah-sekolah perempuan Melayu. Graf 6.3

⁴⁷ *Selangor Government Gazette, Friday, 11 February, 1898, Vol. IX, hlm. 221.* (By Gerald Browne, Secretary to Government). Pada tahun 1898, peratusan kehadiran pelajar perempuan Melayu di Selangor ialah 85 peratus berbanding 89 peratus di Victoria Institution dan 98 peratus di Anglo-Chinese School.

⁴⁸ Masalah ini telah dibincangkan secara terperinci dalam bab sebelumnya. Lihat Report by The Resident-General of the Federated Malay States to H.E The High Commissioner, Kuala Lumpur, Printed at the Selangor Government Printing Office, 1902, hlm. 19. Lihat Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896 – 1909*, London, Oxford University Press, 1964, hlm. 248. Lihat juga Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1921 dalam *Supplements to the "F.M.S Gazette," 25th August, 1922*, hlm. 7.

⁴⁹ *Handbook of The Federated Malay States* Compiled by H. Conway Balfield, British Resident of Selangor, London: Edward Stanford, 12 – 14 Long Acre, W.O,1902, hlm. 62.

menunjukkan peningkatan prestasi kehadiran pelajar perempuan Melayu di sekolah-sekolah perempuan Melayu dari tahun 1896 sehingga 1938.



Graf 6.3: Purata Peratus Kedatangan Pelajar Perempuan Melayu Di Sekolah Perempuan Melayu Dari Tahun 1896 Sehingga 1938

Sumber: Diubahsuai daripada *Administration Report of the State of Perak for the Year 1896*, Appendix. J-Education, hlm. 54-55. Lihat Report on the education Department for the year 1900, hlm. 3 dalam *Perak Government Gazette for the year 1901* dalam CO 467/12. Lihat juga Federated Malay States, Report on Education 1900, hlm. 2 (I, Perak) dalam *Supplements to the "Selangor Government Gazette" 28th June 1901* dalam CO 469/11. Lihat juga *Selangor Administration Report for the year 1900*, hlm. 15 dalam *Supplements to the "Selangor Government Gazette" 28th June 1901* dalam CO 467/12. Lihat juga Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1911, hlm. 1-2 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 24th May 1912* dalam CO 576/9. Lihat juga Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1901, hlm. 78-78, Appendix XIII dalam CO 576/24. Lihat juga Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1931, hlm. 88, Appendix XV dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 4th November 1932* dalam CO 576/43. Lihat juga Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, hlm. 204, Appendix XV dalam CO 576/63. juga Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, hlm. 204, Appendix XV dalam CO 576/63.

Selain peningkatan kehadiran pelajar perempuan, pencapaian wanita Melayu juga dilihat melalui penurunan kadar keciciran pelajar di sekolah-sekolah perempuan

Melayu. Masalah keciciran pelajar perempuan telah dibincangkan dalam bab sebelumnya dan dianggap satu masalah besar dalam perkembangan pendidikan wanita Melayu.⁵⁰ Kesukaran yang paling serius pada peringkat awal ialah masalah kekangan adat dan tradisi yang dikatakan telah menyebabkan ramai anak perempuan Melayu diberhentikan sekolah setelah mencapai usia 9 hingga 10 tahun (darjah empat dan darjah lima). Masalah ini bukan sahaja diketengahkan oleh pentadbir British tetapi turut disuarakan oleh orang Melayu sendiri.⁵¹ Masalah ini berterusan dari tahun 1896 sehingga ke tahun-tahun 1920-an. Walau bagaimanapun, peningkatan kesedaran dalam kalangan orang Melayu terutama pada tahun 1920-an telah memberi kesan positif terhadap masalah keciciran pelajar. Pada tahun-tahun 1930-an kadar keciciran pelajar menunjukkan penurunan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.⁵²


Penurunan tahap keciciran ini adalah disebabkan oleh usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh raja-raja Melayu, golongan intelektual dan juga kaum wanita Melayu sendiri. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa kerajaan British pada tahun 1930-an mula memberi perhatian terhadap pendidikan wanita. Pada peringkat ini, matlamat pendidikan kepada anak-anak perempuan Melayu adalah bertujuan untuk menjadi mereka sebagai isteri yang berpelajaran untuk lelaki Melayu kelas atasan, pegawai-pegawai Melayu dan juga golongan intelektual Melayu. Hasilnya pada tahun 1930-an, peratusan pelajar perempuan Melayu yang berada di darjah tertinggi Sekolah

⁵⁰ Lihat Djamour, Judith, *Malay Kinship and Marriage in Singapore*, London: The Anthlone Press, 1965, hlm. 35. *When she is seven or eight, she acts as a mother to her younger sibling, takes them out for a walk, changes their clothes when they get dirty or wet, and watches over them with great solicitude as they play with others babies.*

⁵¹ Lihat Report by The Resident-General of the Federated Malay States to H.E The High Commissioner, Kuala Lumpur, Printed at the Selangor Government Printing Office, 1902, hlm. 19. M.Lomas, *Malay Women's Training College Malacca, Education in Malaya*, artikel dari *Oversea Education* (Puplished by the Colonial Office), 1930 to 1942, Government Press, Kuala Lumpur, 1948, hlm. 123. Sharipah bt Shaari, *Sejarah Kuala Kedah, 1900 – 1960-an*, Tesis B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983, hlm. 140.

⁵² Pada tahun 1930, majalah *Bulan Melayu* mula diterbitkan. Penerbitan majalah ini telah memberi kesan yang besar terhadap sikap ibu bapa terhadap pendidikan wanita. Anak-anak perempuan Melayu mula diseru agar mendapatkan pelajaran setinggi mungkin sebagaimana anak-anak lelaki. Lihat *Bulan Melayu*, Ogos, 1930. Lihat juga *Bulan Melayu*, Mei, 1932. “Kita berhajat kerajaan mengadakan pelajaran kepada anak-anak lelaki dan perempuan-perempuan kita masa ini lebih lagi baik peraturannya daripada yang telah ada dan segala buku-buku pun isinya ditambahkan beberapa bahagian yang lain...”

Perempuan Melayu iaitu di darjah tiga, empat dan lima mula menunjukkan peningkatan yang menggalakkan.



Graf 6.4: Peratus Pelajar Perempuan Di Sekolah Perempuan Melayu Mengikut Darjah Pada Tahun 1931 Sehingga 1938

Sumber: Diubahsuai daripada Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1931, hlm. 51 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 4th November 1932* dalam CO 576/43. Lihat Annual Report on the Education Department for the year 1932, hlm. 55 dalam CO 576/46. Lihat Annual Report on the Education Department for the year 1933, hlm. 54 dalam CO 576/48. Lihat Annual Report on Education Department for the year 1935, hlm. 64 dalam CO 576/53. Lihat Annual Report on Education Department for the year 1936, hlm. 60 dalam C) 576/56. Lihat Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, hlm. 60 dalam CO 576/63.

Berdasarkan graf 6.4 di atas, didapati bahawa peratusan jumlah pelajar yang berada dalam darjah lima telah menunjukkan sedikit penurunan pada tahun 1936. Penurunan ini adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah pelajar perempuan di sekolah lelaki Melayu. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, bermula pada tahun 1936, jumlah pelajar perempuan di Sekolah Lelaki telah mengatasi jumlah pelajar perempuan

di sekolah perempuan. Pada tahun 1936 menunjukkan bahawa terdapat lebih tinggi jumlah peratusan pelajar perempuan berada di sekolah lelaki berbanding sekolah perempuan terutama bagi darjah tiga hingga lima. Peratusan pelajar perempuan yang berada di darjah tiga sekolah lelaki adalah 16.5 peratus berbanding 15.4 peratus berada di sekolah perempuan, manakala darjah empat 11.4 peratus di sekolah lelaki berbanding 10.3 peratus di sekolah perempuan. Bagi darjah lima pula, 7.1 peratus di sekolah lelaki berbanding 0.6 peratus di sekolah perempuan. Apa yang membanggakan ialah terdapat 0.2 peratus pelajar perempuan di dalam darjah lima sekolah lelaki.⁵³ Statistik berkenaan juga menunjukkan bahawa ketakutan orang Melayu untuk menghantar anak perempuan mereka ke sekolah lelaki sudah mula secara beransur-ansur.

Selain penurunan dari segi kadar keciciran pelajar, pencapaian pelajar perempuan Melayu juga dapat dilihat Melayu prestasi akademik dan kejayaan yang diperoleh sepanjang penubuhan NNMB. Pada peringkat awal agak sukar menentukan pencapaian akademik bagi pelajar-pelajar perempuan kerana kebanyakan sekolah-sekolah perempuan menghadapi pelbagai halangan dan kesukaran. Tambahan pula, matlamat pendidikan wanita Melayu hanyalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan asas pengurusan rumah tangga. Berdasarkan laporan tahunan pendidikan, matlamat akhir bagi pendidikan wanita ialah menghasilkan satu pakaian dengan ilmu jahitan yang mereka pelajari di sekolah.⁵⁴

Pada tahun-tahun awal penubuhan NNMB, peperiksaan bagi Sekolah Melayu akan diadakan setiap tahun bagi menilai tahap pencapaian pelajar. Menurut *Code For Grant-In-Aid School* (1898), peperiksaan tahunan akan dilakukan di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan bagi tujuan pemberian geran kerajaan. Antara aspek yang

⁵³ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1936, hlm. 60 dalam CO 576/56.

⁵⁴ Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1921 dalam *Supplements to the F.M.S. Government Gazette*, 25th August 1922, hlm. 7.

dinilai ialah jumlah pelajar berdaftar, hari persekolahan setahun, kedatangan pelajar dan juga prestasi akademik pelajar.⁵⁵ Bagi Sekolah Perempuan Melayu peperiksaan tahunan dilakukan berdasarkan darjah (standard) pelajar. Bagi pelajar darjah satu peperiksaan dilakukan bagi mata pelajaran bacaan dan penulisan, darjah dua bagi mata pelajaran bacaan, penulisan dan ilmu kira-kira manakala bagi darjah tiga pula bagi mata pelajaran bacaan, penulisan, mengarang, ilmu kira-kira dan lukisan.⁵⁶ Mata pelajaran jahitan pula diajar di semua peringkat mengikut sukatan yang disediakan.⁵⁷

Peperiksaan bagi mata pelajaran jahitan dilakukan setiap tahun berdasarkan sukatan pelajaran bagi setiap darjah (standard). Pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan jahitan perlu menyiapkan satu jenis pakaian menggunakan kemahiran yang dipelajari.⁵⁸ Pada setiap tahun diadakan pertandingan dan pameran bagi hasil kerja tangan pelajar termasuk jahitan. Bagi sekolah yang mencapai kejayaan (mendapat hadiah sama ada tempat pertama, kedua atau sugu hati) dalam pameran dan pertandingan akan diberikan peruntukan tambahan pada tahun seterusnya. Namun demikian, penentuan prestasi pelajar boleh ditentukan melalui dua kaedah iaitu berdasarkan pencapaian akademik atau berdasarkan prestasi kerja tangan pelajar (jahitan). Kuasa untuk memilih diberikan kepada Ketua Sekolah (Head School) sama ada hendak menggunakan keputusan penilaian berdasarkan akademik atau berdasarkan pencapaian pelajar perempuan dalam mata pelajaran jahitan.⁵⁹

Pada tahun 1899, Sekolah Perempuan Melayu Selama, Perak telah mendapat tempat pertama dalam pameran pendidikan di Butterworth, Pulau Pinang. *I noted with pleasure a "kain lepas" woven by the Selama Girls in one of their school obtained the*

⁵⁵ Untuk keterangan lanjut sila rujuk Code For Grant-In-Aid Schools and department Instruction to Inspecting Officer, hlm. 1-4 dalam *Supplements to the "Negeri Sembilan Government Gazette, 30 December, 1904* dalam CO 463/5.

⁵⁶ Ibid., hlm. 14.

⁵⁷ Ibid., hlm. 16. *In addition to the subjects (other than optional subjects) mentioned above, an approved course of instruction in needlework must be given at all vernacular schools for girls.*

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ Ibid.

*first prize for work that kind at Butterworth Exhibition, held in June last year.*⁶⁰

Manakala pada tahun 1906 pula, Sekolah Perempuan Melayu Kuala Lumpur mendapat hadiah khas bagi kategori kerja tangan sulaman (Embroidery, Special prize), Sekolah Melayu Jeram mendapat tempat pertama dan kedua bagi penghasilan pukat, (Fishing net 1st and 2nd prizes), Sekolah Melayu Beranang, tempat pertama dan kedua bagi ukiran kayu (Wood-Carving, 1st and 2nd prizes) dan Sekolah Melayu Kuala Lumpur mendapat tempat pertama dalam membuat tepak sireh (Sireh Apparatus 1st prize).⁶¹ Sepanjang tahun 1896 sehingga tahun 1920-an, amat jarang sekolah perempuan Melayu memenangi hadiah kerja tangan setiap kali diadakan pameran.⁶²

Namun demikian, menjelang tahun 1930-an, pencapaian Sekolah Perempuan Melayu dalam jahitan dan kerja tangan mula menunjukkan peningkatan. Pada tahun 1935, terdapat sebanyak 340 hasil jahitan dan kerja tangan pelajar perempuan telah menyertai pameran dan pertunjukan di Kuala Lumpur Exhibition. Daripada jumlah berkenaan 19 buah sekolah telah memenangi pelbagai anugerah dan pingat. Sekolah yang memperoleh keputusan yang membanggakan ialah Sekolah Perempuan Melayu Setapak yang memenangi dua anugerah iaitu anugerah 'Mohamed Jamil Cup' dalam *needle-work* (jahitan) dan 'Kamariah Shield' dalam *lace-making* (membuat renda). Manakala Sekolah Perempuan Melayu Kampung Batu, Kuala Lumpur pula menerima pingat emas kerana mendapat tempat pertama keseluruhan. Hadiah berkenaan telah

⁶⁰ Report on Education in the Federated Malay States for the year 1899, hlm. 2 dalam *Supplements to the "Perak Government Gazette" 31st August 1900* dalam CO 467/11.

⁶¹ Report on Education for the year 1906, hlm. 4 dalam *Supplements to the Negeri Sembilan Government Gazette 22nd July, 1907* dalam CO 463/7.

⁶² Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1923, hlm. 11 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette, 25th July, 1924* dalam CO 576/26. Dalam laporan berkenaan *Lady Supervisor Malay Girls' School* melaporkan bahawa tidak banyak hadiah yang diperoleh oleh sekolah perempuan walaupun menghantar banyak penyertaan. *Malay Girls' School: The work continues to progress favourably if slowly. The school sent many needle-work exhibits to the Malayan Agri-Horticultural Show at Kuala Lumpur and won several prizes.*

disampaikan oleh Yang Mulia Sultan Perak sendiri iaitu Sultan Iskandar Qadassallahi Shah (Sultan Perak ke-30).⁶³

Peningkatan prestasi pelajar dan sekolah perempuan Melayu berterusan sehingga ke tahun-tahun berikutnya. Pada tahun 1936, negeri Selangor sahaja telah menghantar sebanyak 300 hasil kerja tangan pelajar perempuan Melayu dalam pertandingan dan pameran di Agri-Horticultural Association Exhibition. Daripada jumlah berkenaan 22 hasil kerja tangan telah memenangi pelbagai anugerah. Kebanyakan hadiah yang diperoleh adalah dari hasil kerja tangan *lace making*.⁶⁴ Manakala pada tahun 1937, sebanyak 16 hadiah dimenangi oleh sekolah perempuan Melayu di Selangor dalam pameran dan pertandingan di Agri-Horticultural Association Exhibition. Dari jumlah berkenaan, Sekolah Perempuan Melayu Setapak memenangi tempat pertama dalam pameran *lace making* dan Sekolah Perempuan Melayu Batang Kali memenangi tempat pertama dalam *needle-work*.⁶⁵

Pameran dan pertunjukan yang diadakan juga mendapat sokongan yang menggalakkan daripada ibu bapa Melayu. Mereka juga turut terlibat dalam menyediakan bahan dan alatan kepada anak-anak mereka untuk menyertai pameran dan pertandingan berkenaan. Sokongan dan bantuan ini jelas menunjukkan bahawa, wujudnya kesedaran yang tinggi dalam kalangan ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka mendapat keputusan yang baik dalam setiap aktiviti sekolah.⁶⁶ Hasil sokongan daripada ibu bapa, sekolah perempuan Melayu terus menunjukkan peningkatan dalam memenangi pelbagai anugerah dan setiap pameran dan pertandingan. Dalam pameran

⁶³ Lihat Annual Report on the Education Department for the year 1935, hlm. 66 dalam CO 576/53.

⁶⁴ Lihat Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1936, hlm. 75 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of The Federated Malay States for the year 1936 dalam CO 576/55.

⁶⁵ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1937, hlm. 83 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of The Federated Malay States for the year 1937 dalam CO 576/59.

⁶⁶ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the year 1936, hlm.75.

Agri-Horticultural Association Exhibitions pada tahun 1938, sebanyak 28 anugerah telah dimenangi oleh sekolah perempuan Melayu di Perak, manakala 15 anugerah dimenangi oleh sekolah perempuan Melayu di Selangor.⁶⁷

Pencapaian Guru Perempuan Melayu

Selain pencapaian pelajar, pencapaian pendidikan wanita juga dilihat melalui peningkatan jumlah guru-guru perempuan Melayu serta peranan mereka dalam memajukan pendidikan wanita. Pada peringkat awal, antara halangan dan cabaran yang dihadapi oleh sekolah-sekolah perempuan Melayu ialah masalah kekurangan guru.⁶⁸ Pada awal penubuhan NNMB, masalah kekurangan guru terlatih menjadi punca utama mengampa sekolah perempuan Melayu tidak dapat beroperasi.

There were practical difficulties in the way of giving effect to the recommendation. An increase in the number of school would require an increase in the number of teacher, who were not available, and the cost also would be greatly increase.⁶⁹

Disebabkan masalah kekurangan guru yang terlatih, A.M. Skinner telah menggunakan guru-guru Quran sebagai guru-guru sekolah Melayu.⁷⁰ Kemudiannya bekalan guru diambil dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu yang lulus darjah tertinggi sekolah Melayu. Mereka biasanya diberi tawaran untuk terus menjadi guru di sekolah berkenaan.⁷¹ Kaedah ini adalah cara yang paling mudah untuk mendapatkan bekalan guru sama ada di sekolah lelaki atau sekolah perempuan. Di samping itu, pelajar-pelajar

⁶⁷ Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, hlm. 7 dalam CO 576/63.

⁶⁸ Lihat Atan Long, *Pendidik dan Pendidikan*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1984, hlm. 25-26. Beliau menyatakan masalah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah Melayu berlarutan sehingga Perang Dunia Kedua. sehingga Perang Dunia Kedua hanya kira-kira 20 peratus sahaja guru-guru di sekolah-sekolah Melayu yang mendapat latihan di Maktab perguruan. Manakala 80 peratus adalah guru tidak terlatih yang dikenali sebagai guru-guru ‘preman’ sahaja.

⁶⁹ D.D. Chelliah, *A History of The Education Policy of Straits Settlements with Recommendation for a New System Based on Vernacular*, Kuala Lumpur: The Government Press Kuala Lumpur, 1947, hlm. 77.

⁷⁰ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 20.

⁷¹ Ibid.

perempuan Melayu yang mempunyai kemahiran menulis jawi, mengenal huruf Arab dan English, mengetahui ilmu kira-kira, ilmu jahitan, ilmu memasak, ilmu tenunan boleh memohon menjadi guru sekolah kerajaan dengan menulis surat kepada Residen British di negeri yang dipohon. Sebagai contoh pada 20 Mei 1896 A. Fatimah dari Gombak telah menulis surat kepada J.P Roger, Residen British Selangor untuk memohon pekerjaan sebagai guru di Sekolah Perempuan Melayu Ulu Langat, Selangor. Antara isi surat beliau ialah,

Ahwal dengan beberapa hormat...Hamba tuan ini peranak-kan Pulau Pinang pergi besar di Perak maka di sanalah hamba tuan masuk sekolah dan kelulusan pelajaran standard empat (ia-lah standard yang tertinggi). Dari kesemua itu ada-lah hamba tuan bulih bacha dan tulis surat jawi dengan huruf Arab dan huruf English serta kira-kira... dan lagi hamba tuan ada tahu menekat, menjahit, bertenun, masak-memasak dan lain-lain-nya.⁷²

Selain itu, masalah kekurangan guru ini telah menyebabkan banyak sekolah perempuan tidak dapat dibuka atau sesetengahnya terpaksa ditutup.⁷³ Untuk mengatasi masalah ini, sesetengah sekolah yang memberi latihan kepada guru-guru sekolah perempuan melalui kaedah latihan dalam perkhidmatan. Mereka kebiasaannya dilatih oleh guru besar sekolah atau guru-guru senior di sekolah berkenaan. Kumpulan ini merupakan kumpulan guru yang dianggap berpengalaman dalam bidang perguruan. Walaupun dianggap berpengalaman, guru-guru senior ini juga tidak menerima latihan secara khusus. Pada asasnya mereka yang tidak terlatih tidak akan mampu melatih orang lain.

⁷² Malay Miscellaneous, 2801/1896, Application for post of teacher Girl School Ulu Langat. Surat ini ditulis oleh A. Fatimah, Gombak Line, Kuala Lumpur pada 20 May 1896.

⁷³ Federated Malay States of Negeri Sembilan, Report on the Education Department 1905, hlm.1 oleh dalam CO 463/7. Dalam laporan berkenaan W.H.Lee-Warner (Acting Inspector of School) menyatakan masalah utama sekolah perempuan Melayu ialah kesukaran untuk mendapatkan guru yang bersesuaian (berkelayakan) ...*difficulty of finding suitable teachers, the awkwardness of transport...*"

In 1901 there was no machinery for training teachers in the Straits Settlements except of employing pupil teacher, who were seldom effectively supervised by the managers of school and who, if they did complete their course, soon deserted a profession which was miserably paid and which was the last refuge of the semi-educated unemployed.⁷⁴

Selain itu, jawatan guru Sekolah Perempuan Melayu juga ditawarkan kepada isteri guru-guru yang mengajar di sekolah Melayu. Mereka tidak perlu mempunyai kelulusan yang tinggi hanya cukup sekiranya tahu sedikit membaca dan menulis serta sedikit pengetahuan menjahit. Dengan perantaraan ini, diharap suami mereka boleh membantu isterinya dalam soal pengajaran kerana kebanyakannya adalah guru yang terlatih. Inisiatif ini telah sedikit sebanyak mengurangkan masalah kekurangan guru terutama di sekolah-sekolah perempuan Melayu. Walau bagaimanapun, dari aspek yang lain, pengambilan guru-guru yang tidak terlatih ini telah menyebabkan timbulnya pelbagai masalah di sekolah-sekolah perempuan Melayu.⁷⁵

The Malay women teachers then employed were with very few exceptions unable to read and write, their only qualification being sewing. Their husbands taught and were responsible for the general school subjects.⁷⁶

Untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih, pihak kerajaan British telah menubuhkan Maktab Perguruan.⁷⁷ Pada tahun 1878, Maktab Perguruan Singapura telah ditubuhkan di Tanah Melayu,⁷⁸ diikuti dengan Maktab Perguruan Melaka 1900 dan seterusnya Maktab Perguruan Matang pada 1913.⁷⁹ Kemudiannya pada tahun 1922, Maktab Perguruan Sultan Idris (S.I.T.C) telah ditubuhkan di Tanjung Malim untuk

⁷⁴ Federated Malay States, Annual Report For The Education Department For The Years 1935 dalam CO 1030/309,

⁷⁵ Training Centre For Malay Women Teachers, 1933(No. Fail. 13167), Memorandum Female Education (Malay) dalam CO 273/593/3.

⁷⁶ Ibid.

⁷⁷ Report Of A Committee, Appointed To Enquire in to The System Of Vernacular Education In The Colony, No.4. Straits Settlements, 1844, hlm. 168.

⁷⁸ Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm. 34.

⁷⁹ Kementerian Pelajaran Malaysia, *Pelajaran Di Malaysia, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.

menggantikan dua buah Maktab di Melaka dan Matang. Pada tahun 1929, Maktab Perguruan Melayu Johor Baharu⁸⁰ pula dibuka, diikuti dengan Maktab Perguruan Kota Baharu pada tahun 1929. Walau bagaimanapun, maktab-maktab perguruan ini hanya dikhususkan kepada guru-guru lelaki sahaja. Sehingga pada tahun 1935, barulah sebuah maktab perguruan khusus untuk melatih guru-guru perempuan Melayu ditubuhkan. Maktab berkenaan ialah Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1935 (MPMM).⁸¹

Jadual 6.2: Penubuhan Maktab Perguruan dan Pusat Latihan Guru-Guru Melayu
Sebelum Tahun 1935

No	Pusat Latihan	Tahun
1	Kolej Melayu	1878 di Singapura, ditutup 1895
2	Maktab Perguruan Melayu Melaka	1900 di Melaka
3	Maktab Perguruan Melayu Taiping	1900 di Taiping, Perak
4	Maktab Perguruan Melayu Matang	1913 di Matang, Perak
5	Maktab Perguruan Tanjung Malim (MPSI)	1922 di Perak
6	Pusat Latihan Guru (Perempuan), Kelas Malam	1926 di Kg Baharu, Kuala Lumpur

Sumber : Awang Had Salleh, *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 23-24.

Pada tahun 1920, terdapat seramai 76 orang guru perempuan Melayu di Perak, empat orang di Selangor dan lapan orang di Negeri Sembilan. Menurut laporan *Federal List of Establishment 1920*, daripada jumlah berkenaan 35 orang di Perak, dua orang di Selangor dan lima orang di Negeri Sembilan merupakan guru Kelas I (\$216-A12-300), manakala bagi Kelas II (\$144-A12-204) pula, 41 orang di Perak, dua orang di Selangor dan lima orang di Negeri Sembilan. Guru perempuan Kelas III (\$84-A12-180) pula,

⁸⁰ Maktab Perguruan Melayu Johor Baharu menyediakan kursus selama tiga tahun, mula dibuka pada tahun 1919, tetapi maktab ini telah dipindahkan ke sebuah bangunan baru yang didirikan khas pada tahun 1926. Untuk keterangan lanjut rujuk Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya*, hlm. 52-53.

⁸¹ Lihat Annual Report on Education in the F.M.S for the year 1935, hlm. 67 dalam Annual Report in the Education Department for the year 1935 dalam CO 576/53.

hanya terdapat dua orang di Selangor.⁸² Jadual 5.3 menunjukkan senarai nama guru perempuan Melayu berdasarkan gred jawatan pada tahun 1920.

Jadual 6.3: Guru Perempuan Melayu Di NNMB Pada Tahun 1920

	Negeri Perak	Selangor	Negeri Sembilan	Pahang
Nama Guru Perempuan Melayu (Kelas I \$216-A12-300)				
1	Mek Ngah binti Mohd.Sahid	Halimah binti Mohamed	Alimah binti H.Osman	*Tidak dinyatakan
2	Rakiah binti Mohd.Sahid	Aminah binti Abdullah	Hapsah binti H.Abd Fatah	
3	Sakidah binti H.Yusof		Mariam binti Kassim	
4	Che Dah binti Zainulabdin		* 2 orang lagi tidak dinyatakan nama	
5	Argayah binti H.Jafar			
6	Selbiah binti Mat Sah			
7	Che Basah binti Zainulabidin			
8	Aminah binti Andullah			
9	Kulsome binti A.Karim			
10	Salehah binti Mohd Arshad			
11	Habibah binti Masir			
12	Kulsome binti Mat Asik			
13	Zainab binti Samad			
14	Che Jah binti H. Abdullah			

⁸² Federal List of Establishment 1920, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1920.

16	Che Wee binti A.Razak			
17	Che Yam binti Mat Junus			
	7 orang gaji \$228 4 orang gaji \$216 6 (masih kosong) Jumlah Keseluruhan 35	1 (masih kosong) Jumlah Keseluruhan 3		
(Kelas II \$144-A12-204)				
	*41 orang guru (Tidak dinyatakan nama)	*2 orang (Tidak dinyatakan nama)	*5 orang (Tidak dinyatakan nama)	Tidak dinyatakan
Kelas III (\$84-A12-180)				
	-	*2 orang (Tidak dinyatakan nama)		Tidak dinyatakan

Sumber: Federal List of Establishment 1920, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1920.

Sebelum tahun 1935, usaha-usaha telah dilakukan oleh guru-guru Melayu dan juga pegawai-pegawai British untuk memberi latihan kepada guru-guru perempuan Melayu. Pada tahun 1926, N. Purdom (*Lady Supervisor Malay Girls School* (Penyelia bagi NNS dan NNMB) telah membuka kelas latihan untuk melatih guru-guru perempuan Melayu.⁸³ Tenaga pengajar di pusat latihan ini ialah Penyelia Sekolah Perempuan Melayu (*Lady Supervisor Malay Girls School*) dan pembantunya (*Assistant Lady Supervisor*) yang memberi tunjuk ajar kepada guru-guru yang tidak terlatih tentang tugas harian guru dan juga kaedah mengajar. Usaha beliau kemudiannya telah diteruskan

⁸³ Proposal for a class for Malay women Teachers, No (6) in Selangor, 251/26 dalam SEL.SEC, 2103/1926.

Assistant Lady Supervisor bagi negeri Perak dan Negeri Sembilan.⁸⁴ Kemudiannya, Pada tahun 1936, dua buah *Normal Classes* telah ditubuhkan di Selangor iaitu di Kuala Lumpur dan juga di Klang.⁸⁵

Normal Classes for the training Malay women teaching were continued at two centres, one at Kuala Lumpur and the other at Klang. The classes were composed of teacher in their first or second year of service, together with a few more senior teacher who had not made good progress in the previous year.⁸⁶

Usaha-usaha untuk melatih guru-guru perempuan juga telah dilakukan di negeri-negeri lain dalam persekutuan. Pada 31 Januari 1935 sebuah Maktab perguruan perempuan Melayu telah ditubuhkan di Melaka sebagai salah satu usaha untuk memberi latihan kepada guru-guru perempuan Melayu.⁸⁷ Namun demikian, Maktab perguruan ini hanya mengambil 24 orang calon guru sahaja bagi setiap pengambilan. Jumlah ini terlalu sedikit berbanding dengan pertambahan bilangan sekolah dan juga pelajar perempuan yang semakin bertambah setiap tahun. Untuk menangani masalah ini *Normal Classes* masih diteruskan sehingga tahun 1941.⁸⁸ Graf 6.5 menunjukkan peningkatan bilangan guru perempuan Melayu di NNMB dari tahun 1900 sehingga pada tahun 1938.


⁸⁴ Training Centre For Malay Women Teachers, Memorandum Female Education (Malay) dalam CO 273/593/3. 1933 (No. Fail. 13167).

⁸⁵ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1936, , hlm.73 dalam CO 439/4

⁸⁶ Ibid.

⁸⁷ Ibid., Awang Had Salleh, hlm. 34.

⁸⁸ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1939, hlm. 40 dalam CO 439/4. *Monthly Classes were held during the year in the theory and practice of teaching. Fifty-one teacher passed themselves for the final examination and 45 passed. Two teacher from the first three selected from training at Malacca Women's Training College.*



Graf 6.5: Peningkatan Bilangan Guru Perempuan Melayu Di NNMB 1900 Sehingga 1938

Sumber: Diubahsuai daripada *Selangor Administration Report for the year 1900*, hlm. 15 dalam CO 439/2 Annual Report Selangor 1896-1905. Lihat Report on the Education Department for the year 1900, hlm. 3 dalam CO 467/12. Lihat Federated Malay States 1907 (Education) dalam CO 575/4. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1921, hlm. 19, Appendix XII dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette 25th August 1922* dalam CO 576/24. Lihat Annual Report on Education Department for the year 1931, hlm. 77, Appendix VI dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette 4th November, 1922* dalam CO 576/43. Lihat juga Annual Report on Education in Straits Settlements and The Federated Malay States for the year 1938, hlm. 203, Appendix XIV dalam CO 576/63.

Sepanjang tahun 1896 sehingga 1941, guru-guru perempuan Melayu telah memainkan peranan penting dalam memberi motivasi dan galakan kepada anak-anak perempuan Melayu untuk mendapatkan pendidikan. Pada peringkat awal penubuhan NNMB, agak sukar untuk mendapatkan anak-anak perempuan yang ingin ke sekolah. Oleh yang demikian, guru-guru Melayu bersama-sama ketua kampung atau penghulu berperanan mencari dan memujuk mana-mana anak-anak perempuan yang layak untuk

disekolahkan.⁸⁹ Jumlah pelajar yang mencukupi amat diperlukan bagi membolehkan sesebuah sekolah beroperasi. Tambahan pula, kerajaan British menetapkan syarat yang ketat dari segi bilangan pelajar dan kedatangan sebelum bantuan kewangan diberikan.⁹⁰

Selain menjadi pendorong, guru-guru perempuan Melayu juga menjadi ikon kepada anak-anak perempuan Melayu. Guru-guru perempuan disanjung dan mereka dianggap sebagai penyelamat kaum wanita. Antara tokoh guru perempuan Melayu yang menjadi idola dan sanjungan pelajar-pelajar perempuan Melayu ialah Kontik Kamariah. Beliau dianggap sebagai pendorong kepada kebanyakan pelajar-pelajar perempuan Melayu. Aisyah Ghani dalam memoirnya menyatakan bahawa kedatangan guru pelawat wanita iaitu Kontik Kamariah ke sekolahnya telah menimbulkan rasa keterujaan yang tinggi dalam kalangan warga sekolah termasuk pelajar-pelajar perempuan Melayu.

Semasa saya Darjah IV di Sekolah Melayu Bukit Raya, kami menerima kedatangan seorang guru pelawat wanita... guru pelawat itu ialah Kontik Kamariah bt Ahmad. Beliau datang dengan memandu sendiri kereta sport berwarna merah. Umurnya kira-kira dalam lingkungan 20 tahun. ...melihat keadaan ini, hati kecil saya berbisik, "Kalau Cik Kontik Kamariah ini boleh menjadi guru pelawat, memandu kereta sport dan memberi arahan kepada seorang lelaki iaitu guru besar saya, maka salahlah anggapan masyarakat bahawa wanita ini hanya layak untuk penunggu rumah sahaja. ...kedatangan Cik Kontik Kamariah memberi keyakinan kepada saya bahawa untuk maju seorang wanita perlu berani menempuh cabaran dan juga rintangan di samping pendidikan. ...hati kecil saya terdetik mahu menjadi seperti Kontik Kamariah"⁹¹

Selain itu, terdapat juga sesetengah guru perempuan Melayu yang bertindak sebagai penulis dalam beberapa buah akhbar Melayu terutamanya pada tahun 1930-an. Mereka telah menyeru agar wanita Melayu sedar hanya dengan pendidikan sahaja akan

⁸⁹ *Cenderahati*, November 1923, hlm. 71. Antara lima perkara yang wajib dilakukan oleh guru-guru Melayu lelaki dan perempuan ialah menjadi pendorong serta bersama-sama penghulu dan orang kampung mengajak anak-anak Melayu ke sekolah-sekolah.

⁹⁰ Syarat-syarat ini telah dibincangkan dalam bab sebelumnya.

⁹¹ Lihat Aishah Ghani, Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 4.

menjamin kedudukan dan hak mereka dalam masyarakat.⁹² Mereka sebenarnya bukan meminta wanita Melayu mendapat hak seperti mana lelaki tetapi mahukan kedudukan dan hak mereka dipelihara bersesuaian dengan kehendak agama Islam.⁹³ Kegiatan mereka dalam bidang penulisan akan dihuraikan dalam perbincangan selanjutnya. Kesungguhan guru-guru perempuan Melayu ini telah memberi kesan positif terhadap pandangan golongan wanita terhadap pendidikan.

Wanita Dalam Aktiviti Berpersatuan

Selain bidang pendidikan, pencapaian wanita Melayu juga boleh dilihat melalui penglibatan mereka dalam aktiviti berpersatuan. Namun demikian, penglibatan wanita Melayu dalam aktiviti berpersatuan agak terhad terutama sebelum Perang Dunia Kedua. Boleh dikatakan bahawa penglibatan wanita Melayu dalam aktiviti berpersatuan sebelum 1941 adalah agak terhad. Penglibatan wanita dalam berpersatuan secara rasmi di peringkat antarabangsa telah dikesan seawal abad ke-17 lagi, apabila *International Council Of Women* telah ditubuhkan di Amerika Syarikat pada tahun 1888. Pada peringkat awal persatuan ini dianggotai oleh wanita-wanita daripada England dan Perancis serta beribu pejabat di Washington.⁹⁴ Tujuan penubuhannya adalah untuk menggabungkan idea-idea wanita di seluruh dunia dan bergerak dalam satu barisan untuk kesejahteraan wanita, institusi keluarga dan juga negara.⁹⁵

We women of all nations sincerely believing that the best good of humanity will be advanced by greater unity of thought, sympathy, and purpose, and that an organised movement of women will best conserve the highest good of the family and of the state, do hereby band ourselves together in a confederation of workers, to further the

⁹² Perbincangan tentang peranan dan perjuangan guru-guru perempuan Melayu akan dibincangkan pada sub bab berikutnya.

⁹³ *Majalah Guru*, Mac 1925, hlm. 47.

⁹⁴ *International Council Of Women, it elected Mrs. Fawcett as its first President, Miss Clara Baton of the Red Cross Society as its Vice President and Mrs. Foster Avery as its Corresponding Secretary*. Lihat International Council of Women, 28th Jan 1919, hlm. 2 dalam F.C.O 608/149.

⁹⁵ *Ibid.*, hlm. 1. *Opportunities for women to meet together for all parts of the world to confer upon questions relating to the welfare of the commonwealth, the family, and the individual*.

application of the Golden Rule to society, custom, and law. The Golden Rule- “Do unto others as ye would that they should do unto you”.⁹⁶

Di Tanah Melayu, pertubuhan-pertubuhan wanita sebelum Perang Dunia Kedua, biasanya merupakan cawangan-cawangan tempatan daripada badan-badan British, England. Antara pertubuhan wanita yang terkenal pada penghujung tahun 1800 ialah Young Women’s Christian Association atau YWCA (1875).⁹⁷ Di Tanah Melayu YMCA dikuasai oleh isteri-isteri dan anak-anak perempuan pegawai-pegawai dagang. Aktiviti mereka pada peringkat awal lebih kepada semangat penyatuan Kristian di samping melakukan aktiviti kebajikan dan amal. Pertubuhan ini kemudiannya berkembang dan membuka cawangannya di Pulau Pinang pada tahun 1909, di Kuala Lumpur pada tahun 1913, di Melaka pada tahun 1921 dan Ipoh pada tahun 1930. Tujuan penubuhannya juga adalah untuk menarik wanita-wanita dalam kalangan masyarakat imigran menyertainya. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa orang wanita Melayu yang turut menjadi ahlinya.⁹⁸ Antara aktiviti yang dijalankan ialah kelas masakan, jahit menjahit, dan juga forum.⁹⁹

Pada tahun 1929, Persatuan Wanita Melayu yang pertama telah ditubuhkan di Johor Baharu. Persatuan ini dikenali sebagai Persatuan Guru-guru Wanita Melayu yang

⁹⁶ International Council of Women, 28th Jan 1919, hlm.1- 2 dalam F.C.O 608/149.

⁹⁷ YWCA merupakan persatuan wanita yang pertama tertubuh di kawasan ini. Ia wujud sejak tahun 1875 bila Sophia Cooke, yang mengendalikan sebuah sekolah perempuan di Singapura selama kira-kira 20 tahun, mengumpulkan kira-kira 12 orang gadis Cina dan beberapa orang gadis berbangsa Eropah dalam mesyuarat bulanan di sekolahnya. Mula-mulanya persatuan ini lebih menitik beratkan tentang soal-soal penganutan agama Kristian tetapi kemudiannya kegiatannya telah diperluaskan dengan mengadakan kelas-kelas teringkas, menaip bahasa Melayu, bahasa Perancis, jahit menjahit, masak memasak dan pertolongan cemas. Lihat Makepeace, Walter, et.al, *One Hundred Years of Singapore*, London: J. Murry, 1921, hlm.310-312. Lihat juga Lenore Menderson, *Wanita, Politik Dan Perubahan, Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945 – 1972*, (diterjemahkan Samsudin Jaapar), Kuala Lumpur; Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1981, hlm. 76-77.

⁹⁸ Kebanyakan wanita Melayu yang persatuan ini adalah terdiri daripada isteri-isteri golongan bangsawan Melayu dan juga isteri-isteri pegawai-pegawai Melayu.

⁹⁹ Lenore Menderson, *Wanita, Politik Dan Perubahan, Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945 – 1972*, hlm. 76.

dipelopori oleh Zainun binti Sulaiman (Ibu Zain).¹⁰⁰ Walaupun ditubuhkan oleh Persatuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor, persatuan ini sangat berpengaruh terutama dalam kalangan guru-guru perempuan Melayu di NNMB. Melalui persatuan ini Ibu Zain telah menerbitkan majalah *Bulan Melayu* pada tahun 1930 sehingga 1941. Kemudiannya pada tahun 1935, Persatuan Guru-guru Perempuan Melayu Selangor pula ditubuhkan. Persatuan ini diwujudkan bagi menjaga kepentingan, kebajikan guru-guru perempuan Melayu khususnya di Selangor. *A Malay Women Teachers' Association was formed during the year and 49 members joined.*¹⁰¹ Pada tahun 1938, sebuah pertubuhan yang sama bentuknya bagi guru-guru wanita Melayu telah ditubuhkan di Melaka. Tujuannya penubuhannya adalah untuk menambah pengetahuan ahli-ahlinya, mempertahankan agama, maruah serta mengeratkan lagi hubungan sesama ahlinya.¹⁰² Selain daripada aktiviti persatuan, persatuan-persatuan guru perempuan Melayu ini juga terlibat dalam memberi bantuan kewangan,¹⁰³ penyediaan majalah di sekolah (Majalah Guru),¹⁰⁴ membeli buku-buku rujukan dan sebagainya.

The Selangor Malay Teachers Association remained vigorous throughout the year. Among other activities it supplied free to all school, copies of the *Majalah Guru*, advanced money for the purchase of standard exercise books, gave prize for various sport in Malay school, paid for school books for poor scholars in English school and generally gave every encouragement possible to matter concerning the interest of welfare of its members and the school.¹⁰⁵

¹⁰⁰ Lihat Transkripsi temu bual dengan Ibu Zain yang dilakukan oleh Arkib Negara Malaysia pada 1974, hlm. 6. Menurut beliau Persatuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor secara rasmi didaftarkan pada bulan April 1930.

¹⁰¹ Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1935, , hlm. 45 dalam CO 439/4.

¹⁰² Persatuan itu dibubarkan di akhir tahun 1951 untuk menjadi cawangan Kesatuan Guru Melayu Melaka, hlm. 60. Lihat Files of the Register of Societies, Federation of Malaya, 1477/49.

¹⁰³ Pada tahun 1939, Persatuan Guru-guru Perempuan Melayu Selangor telah menyediakan hadiah khas kepada pelajar-pelajar perempuan Melayu yang mendapat keputusan terbaik dalam Darjah empat. Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1939, hlm. 43 dalam CO 439/4.

¹⁰⁴ *Majalah Guru* dibekalkan secara percuma oleh Persatuan Guru-guru Melayu kepada semua sekolah Melayu dalam persekutuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Untuk keterangan lanjut lihat. Annual Report on Education in Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938, hlm. 38 dalam CO 576/63.

¹⁰⁵ Lihat Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1939, hlm. 43 dalam CO 439/4.

Pada tahun 1932, sebuah kelab yang bercorak rekreasi telah ditubuhkan di NNMB oleh Penyelia Wanita Sekolah Perempuan Melayu dengan bantuan beberapa pegawai wanita Eropah. Tujuan penubuhannya adalah untuk mengeratkan ikatan antara wanita Melayu dengan wanita Inggeris (kebanyakan isteri pegawai-pegawai Inggeris) melalui aktiviti rekreasi. Aktiviti sukan dan permainan yang dianjurkan kebanyakannya adalah bersifat *indoor games* (permainan dalam gelanggang tertutup). Apa yang menarik ialah persatuan ini turut dianggotai oleh bekas-bekas pelajar sekolah dan juga wanita-wanita Melayu yang baharu berkahwin.

Malay women's Club:-Early in 1932 an attempts was made to from classes girls of after school age and for the younger married women of the kampung. The Lady Supervisor helped by a few others interested European ladies, arrange meeting at which indoor games were played and occupations organized.¹⁰⁶

Selain persatuan keguruan dan kelab rekreasi, terdapat juga dalam kalangan wanita Melayu yang terlibat dalam persatuan yang bercorak koperasi. Persatuan yang bercorak koperasi mula ditubuhkan oleh Kontik Kamariah seawal tahun 1930-an. Kedudukan beliau sebagai isteri kepada Encik Bahadun bin Haji Kassin iaitu seorang pegawai Melayu dalam pentadbiran British telah memberi banyak kelebihan kepada beliau dalam mengendalikan persatuan berkenaan.¹⁰⁷ Beliau juga bergerak cergas dalam persatuan-persatuan yang bercorak kemasyarakatan dan merupakan antara tokoh penting dalam kegiatan berpersatuan di Tanah Melayu ketika itu. Pada tahun 1932, beliau menjadi ahli *Selangor Government Servant Co-op Thrift and Loan Society*, Kuala Lumpur dan turut dilantik sebagai ahli Jawatankuasa *Selangor Government Co-operative* sehingga tahun 1940.¹⁰⁸ Selain pertubuhan yang bercorak koperasi, beliau

¹⁰⁶ Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1932, hlm. 58 dalam *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" 8th September 1933* dalam CO 576/46.

¹⁰⁷ *Biografi Wanita Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit PERTIWI, 1983, hlm. 65-67.

¹⁰⁸ Pada tahun 1955 hingga 1957 beliau telah menjadi Pengerusi *Selangor Co-op of Thrift and Loan Society* dan Presiden bagi *Co-operative Union of Malaya*. Beliau merupakan wanita Melayu pertama yang memegang jawatan tersebut. Pada tahun 1957, beliau telah mewakili Koperasi dalam Persidangan

juga pernah dilantik sebagai Pelawat Hospital Besar dan Penjara Pudu, Kuala Lumpur dari tahun 1937 sehingga tahun 1939 dan menjadi Kapten bagi pasukan Pandu Puteri Sekolah Kampung Baru, Kuala Lumpur.¹⁰⁹

Pada tahun 1940, sekumpulan wanita Melayu Kuala Lumpur telah mengadakan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama dengan isteri-isteri pegawai-pegawai kolonial. Antara aktiviti yang dijalankan ialah aktiviti masakan, kait mengait, mengadakan permainan badminton, lotto, bingo dan sebagainya. Aktiviti yang sama juga dilakukan oleh wanita-wanita Melayu di Rembau, Negeri Sembilan untuk tujuan yang sama.¹¹⁰ Aktiviti-aktiviti ini kemudiannya terhenti akibat meletusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1942. Namun demikian, ahli-ahlinya berkumpul semua di Kuala Lumpur pada tahun 1945 dan menubuhkan Persatuan Kaum Ibu Selangor.¹¹¹

Semasa Perang Dunia Kedua berlangsung, kebanyakan persatuan wanita terpaksa dibubarkan. Persatuan-persatuan baharu telah ditubuhkan oleh pemerintah Jepun untuk menggalakkan penubuhan pertubuhan-pertubuhan antara kaum. Kaum wanita telah diambil berkhidmat dalam kor perkhidmatan buruh yang ditubuhkan dengan persatuan-persatuan antara kaum dari Januari 1944. Sebahagian daripada kor ini dibayar gaji, yang sebahagian yang lain seperti Kor Perkhidmatan Percuma Wanita Melayu adalah bekerja secara sukarela.¹¹² Persatuan-persatuan wanita, seperti bahagian wanita Persatuan Kerjasama Pembentukan Semula Malaya (Malai Koosei Kyooryoku Dai), ditubuhkan pada 30 April 1944 dan Seksi wanita Persatuan Kebajikan Malaya

“CO-op Alliance Congress” peringkat antarabangsa di Stockholm, Sweden dan pernah menerima beberapa anugerah berprestij seperti British Empire Medal (1953), Pingat Jasa Kebaktian, PJK (1964), Jaksa Pendamai, JP (1969) dan dilantik oleh DYMM Sultan Selangor sebagai Orang Besar Daerah Gombak dengan gelaran Datin Sri Cempaka. Lihat Biografi Wanita Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit PERTIWI, 1983, hlm. 67.

¹⁰⁹ Ibid.

¹¹⁰ Lenore Menderson, *Wanita, Politik Dan Perubahan, Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945 – 1972*, (terjemahan Samsudin Jaapar), Kuala Lumpur; Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1981, hlm. 77.

¹¹¹ Ibid.

¹¹² Lee Ting Hui, *Singapore under the Japanese, 1942-1945*, *Nan-Yang Hsueh Pao*, Jilid XVII, Bahagian 1, 1961, hlm. 54.

pada Mei 1944.¹¹³ Kumpulan ini terlibat secara langsung dengan siri-siri ceramah umum dan kebanyakan ahlinya terlibat dalam politik massa. Lain-lain pertubuhan wanita juga telah ditubuhkan dalam lingkungan pertubuhan nasionalis yang dapat diterima.

Sungguhpun penglibatan kaum wanita dalam bidang politik hanya lahir selepas perang dunia kedua iaitu sekitar tahun 1946, tetapi bibit-bibit semangat nasionalisme kaum wanita Melayu terutamanya mereka yang berpendidikan sudah disemai semenjak sebelum Perang Dunia Kedua. Penglibatan mereka dalam berpersatuan terutama pada tahun 1930-an telah memberi peluang kepada wanita Melayu menyerlahkan bakat kepimpinan, keberanian dan juga keterampilan wanita Melayu. Penglibatan wanita Melayu dalam bidang politik dapat dilihat apabila adanya Jabatan Wanita dalam pelbagai persatuan politik, antaranya ialah Jabatan Wanita Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM),¹¹⁴ dan Bahagian Kaum Ibu Persekutuan Melayu Negeri Sembilan (PMNS). Jabatan Wanita PKMM ditubuhkan pada lewat 1945. Ketua pertamanya Jabatan Wanita PKMM ialah Cik Khadijah Ali, sementara Penolong Setiausaha PKMM juga seorang wanita iaitu Cik Zainab Mahmud. Selain itu, terdapat juga wanita Melayu yang terlibat secara langsung dalam persatuan-persatuan Melayu di NNMB. Antaranya ialah Saleha Ali yang menjadi ahli Persatuan Melayu Selangor.¹¹⁵

Apa yang jelas ialah pencapaian wanita Melayu dalam pendidikan sebelum Perang Dunia Kedua telah membuka ruang kepada kaum wanita untuk terlibat dalam

¹¹³ Lee Ting Hui, Singapore under the Japanese, 1942-1945, *Nan-Yang Hsueh Pao*, hlm. 78.

¹¹⁴ PKMM atau Partai Kebangsaan Melayu Malaya ditubuhkan oleh Mokhtaruddin Lasso, seorang anggota Parti Komunis Malaya. Cadangannya telah disokong oleh pekerja-pekerja akhbar Seruan Rakyat yang dikendalikan oleh Ahmad Boestaman. PKMM ialah parti yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu di Dalam Indonesia. Lihat Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, hlm. 5-10.

¹¹⁵ Lihat Zaiton bt Ghani, *Wanita Melayu Dalam Politik 1946-1948* dalam Khoo Kay Kim, *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1985, hlm. 212. Zainab Mahmud dilahirkan di Raub pada tahun 1926 dan bersekolah di Sekolah Melayu di Raub sehingga darjah 5, kelas yang tertinggi ketika itu. Kemudiannya melanjutkan pelajaran di sebuah sekolah Arab, iaitu Sekolah Al-Mansor di Pulau Pinang selama tiga tahun. Zainab ialah Penolong setiausaha dan kemudiannya menjadi setiausaha AWAS ketika Samsiah Fakeh menjadi ketua organisasi itu. Beliau terkenal kerana suaminya ialah Musa Ahmad, yang pernah menjadi Pengerusi PKMM. Lihat Mohamed Salleh Lamry, *Siti Norkidah Mahmud, Srikandi dari Pahang Utara*, Petaling Jaya: Penerbit Strategic Information and Research Development Centre, 2011, hlm. xii.

kegiatan berpersatuan. Walaupun, kegiatan mereka pada peringkat awal lebih kepada perkhidmatan kebajikan dan bantuan, namun pengalaman-pengalaman ini telah memberi satu kesedaran dan keyakinan kepada wanita Melayu untuk terlibat secara lebih serius. Selepas Perang Dunia Kedua, kaum wanita mula mengorak selangkah ke hadapan dan mula terlibat dengan kegiatan berpersatuan yang bersifat politik dan nasionalisme. Kejayaan dan pencapaian mereka dalam bidang politik selepas Perang Dunia Kedua juga amat membanggakan dan telah merubah tradisi dan budaya lama masyarakat Melayu.¹¹⁶

Wanita Dalam Bidang Kesihatan

Pencapaian dan kejayaan wanita Melayu kesan daripada pendidikan juga dapat dilihat melalui penglibatan dan peranan wanita Melayu dalam bidang kesihatan dan kejururawatan. Sejarah kewujudan profesion jururawat telah bermula di Barat dengan kemunculan seorang jururawat yang pertama iaitu Florence Nightingale atau dikenali sebagai *Lady With The Lamp*.¹¹⁷ Kerana minat yang mendalam dalam bidang perawatan, beliau telah membuka sekolah Perawatan di Florence, Itali. Penubuhan sekolah ini telah menjadi titik tolak kepada pengenalan bidang kejururawatan secara profesional. Kemudiannya, bidang kejururawatan secara profesional ini telah berkembang ke seluruh dunia dan menjadi salah satu perkara penting dalam bidang perubatan. Hasil daripada perkembangan ini, muncul pula beberapa tokoh jururawat lain

¹¹⁶ *Seruan Rakyat*, 2 Disember 1945. Wakil-wakil kaum ibu dari Perak dan Kedah yang semuanya ada membuktikan bahawa umat Melayu keturunan sekarang telah sedar akan perubahan dunia yang menghendaki diberi kemerdekaan kepada tiap-tiap bangsa sebagaimana yang telah ditetapkan di San Francisco dahulu.

¹¹⁷ Beliau merupakan seorang wanita Inggeris golongan bangsawan yang mempunyai naluri yang luhur serta bercita-cita tinggi. Dilahirkan pada 12 Mei 1820 dan mendapat pendidikan daripada ayahnya sendiri yang merupakan seorang yang gemar membaca dan mempunyai banyak pengetahuan. Nalurnya yang luhur serta sifat menolongnya telah menyebabkan beliau terlibat sebagai perawat tentera semasa berlakunya peperangan antara Rusia dan Turki di Semenanjung Krim pada tahun 1854. Lihat S. Soewardi, *Ringkasan Sejarah Perawatan; untuk Sekolah Perawat*, Jakarta: Bhratara, 1973, hlm. 43-45.

seperti Dorothea Dix, Ann Bickerdyke, Miss Julia Rentner, Clara Barton, Kate Cuning, Linda Richards dan lain-lain lagi di seluruh dunia.¹¹⁸

Penglibatan wanita Melayu dalam bidang kesihatan dan perbidanan telah bermula semenjak sebelum kedatangan British lagi. Mereka terlibat secara langsung dalam urusan menyambut kelahiran anak, proses penjagaan ibu semasa dan selepas kelahiran serta memberi nasihat mengenai penjagaan pemakanan dan rawatan kepada ibu. Dalam masyarakat Melayu tradisional, bidan kampung memainkan peranan penting dalam semua urusan berkaitan dengan kelahiran anak dan penjagaan ibu selepas melahirkan anak. Mereka juga dikenali sebagai Tok Bidan atau bomoh bidan yang menggunakan sepenuhnya kaedah tradisional, amalan animisme dan adat resam dalam menyambut sesuatu kelahiran.¹¹⁹

Mereka ini terdiri daripada golongan wanita yang berumur dan tidak mempunyai latihan secara profesional.¹²⁰ Walau bagaimanapun masyarakat sekeliling mempercayai sepenuhnya kebolehan bidan dalam semua urusan berkaitan dengan kelahiran dan penjagaan anak dan ibu sebelum, semasa dan selepas kelahiran.

These are old Malay women who have no hospital training but who have been delivering women in their kampung for years. These women have had "Midwifery Basket" since before the war, containing lotion, carbolic soap, brush and scissors.¹²¹

Fungsi wanita sebagai jururawat adalah bersesuaian dengan sifat wanita yang feminis serta bersesuaian dengan peranan dan kedudukan wanita dalam keluarga dan

¹¹⁸ Bertha S. Dodge, *The Story of Nursing*, Boston: Little Brown, 1965, hlm. 27-30.

¹¹⁹ Lihat Mahani Musa, *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 203. Menurut beliau pengaruh generasi tua dan bidan kampung begitu besar terhadap pengukuhan pantang larang kepada bakal ibu.

¹²⁰ Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Perak for the year 1938, hlm. 10 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of federated Malay States for the year 1938, dalam CO 576/62. Dalam laporan ini dinyatakan tentang peranan bidan kampung yang dianggap berbahaya dalam mengendalikan urusan kelahiran anak kerana mereka tidak mendapat latihan formal. *Untrained dangerous custom handed down by tradition which they follow blindly and who are wholly ignorant of the elements of antenatal care, mother craft and infant welfare.*

¹²¹ Annual Report of the Rural Board, Malacca from the year 1947, hlm. 147 dalam CO 576/78.

masyarakat. Kaedah rawatan pada peringkat ini dikenali sebagai kaedah rawatan secara naluri (*instinct*) iaitu menggunakan naluri keibuan atau “*mother instinct*” dalam merawat pesakit. Naluri inilah juga telah memberi semangat untuk wanita apabila menjaga dan merawat suami dan anak-anak yang menghadapi masalah kesihatan. Walau bagaimanapun, kebanyakan kaedah rawatan dan penjagaan adalah berbeza dari satu masyarakat dengan masyarakat yang lain.

Selepas abad ke-18, kaedah rawatan ini telah mula berubah bersesuaian dengan perkembangan pemikiran dan juga kemajuan dari segi sains dan teknologi. Walaupun kaedah perubatan moden mula memperkenalkan, namun fungsi dan peranan wanita sebagai bidan dan jururawat (*nurse*) masih terus kekal dan terus dipertahankan.¹²² Perkembangan pendidikan moden dalam kalangan wanita telah menyebabkan ramai wanita mula terlibat secara khusus dalam bidang perbidanan dan juga jururawat. Mereka telah dilatih secara khusus dan diberikan latihan secara profesional untuk menjadi jururawat dan bidan yang bertauliah. Profesion ini mula berkembang di Eropah dan menjadi elemen penting dalam sistem perubatan moden.

Di Tanah Melayu, masalah kekurangan jururawat khususnya pada abad ke-18 telah menyebabkan kerajaan British menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menangani masalah berkenaan. Jawatankuasa berkenaan ialah Jawatankuasa Latihan Jururawat Bagi Tanah Jajahan atau dikenali sebagai *Committee on the Training of Nurses for the Colonies*.¹²³ Di sesetengah Tanah Jajahan British, kebanyakan jururawat adalah jururawat lelaki kerana tidak ramai wanita yang berpendidikan serta mempunyai kelayakan yang mencukupi. Walau bagaimanapun, pada tahun 1900-an, pusat latihan

¹²² Perkataan *nurse* atau juga dipanggil perawat sama dengan perkataan *Nutrix* dalam bahasa latin yang bermaksud merawat dan menjaga memelihara. Seseorang jururawat atau bidan memainkan peranan penting dalam sesebuah masyarakat bagi menjaga, memelihara dan memastikan sesebuah masyarakat yang dianggotainya berada dalam keadaan selamat dan terjamin kesihatannya. Lihat S. Soewardi, *Ringkasan Sejarah Perawatan; untuk Sekolah Perawat*, hlm. 43-45.

¹²³ Report of the Committee on the Training of Nurses for the Colonies, presented by the secretary of state for the colonies to Parliament by command of His Majesty, August 1945, London: His Majesty's Stationary Office, hlm. 83 dalam CO 859/90/4.

kejururawatan telah dimulakan di United Kingdom untuk melatih lebih ramai jururawat dalam kalangan wanita.¹²⁴ Rentetan dari itu, secara perlahan-lahan khidmat jururawat lelaki mula berkurangan dan diganti dengan jururawat wanita.

At first only males would volunteer and most of these were illiterate, so that their capabilities as nurses were limited.... Moreover female education also advanced, barriers due to prejudice were broken and female nurses began to replace males for most nursing duties, with a consequent increase in the number of women patients, who naturally prefer to be nursed by women.¹²⁵

Jawatankuasa berkenaan telah bertindak melatih lebih ramai jururawat dan bidan di United Kingdom sebelum ditempatkan di negeri-negeri Tanah Jajahan British seperti di India, Sri Langka, Afrika dan sebagainya.¹²⁶ Walau bagaimanapun, jumlah jururawat yang terlatih yang boleh dihantar ke Tanah Jajahan British adalah sangat sedikit dan kebanyakan mereka juga lebih berminat untuk berkhidmat di Eropah. Hanya sebahagian kecil sahaja yang datang berkhidmat itu pun kerana mengikuti suami yang berkhidmat di Tanah Jajahan British. Mereka juga hanya berkhidmat beberapa tahun sebelum mengikuti suami untuk berkhidmat di tempat lain. Masalah kekurangan jururawat terlatih ini dihadapi oleh semua Tanah Jajahan British termasuk Tanah Melayu. Di Tanah Melayu, masalah ini telah disuarakan sendiri oleh kerajaan British dan mereka mengakui menghadapi kesukaran untuk mendapatkan jururawat Eropah untuk berkhidmat di Tanah Melayu.

We have greatest difficulty in maintaining a staff of Eurasian Nurses - no less than 10 vacancies exist now and there does not seem much prospect of filling them although every effort has been made both here

¹²⁴ Report of the Committee on the Training of Nurses for the Colonies, presented by the secretary of state for the colonies to Parliament by command of His Majesty, August 1945, London: His Majesty's Stationary Office, hlm. 83.

¹²⁵ Ibid.

¹²⁶ Ibid., hlm. 13.

and in India these women don't seem to care about work and many of those we have received did not prove satisfactory.¹²⁷

Peningkatan keperluan terhadap perkhidmatan jururawat semakin bertambah menjelang akhir tahun 1880-an apabila wujudnya keperluan kepada perkhidmatan kesihatan untuk merawat pihak pentadbir kolonial, para pekerja asing dan juga penduduk tempatan. Hospital pertama yang dibina di Perak ialah Hospital Taiping Perak dan sebuah lagi dibina di Selangor.¹²⁸ Sehingga tahun 1888, terdapat sepuluh buah hospital telah dibina di Perak dan tiga belas lagi telah dibina di Selangor. Pembinaan hospital di Negeri Sembilan dan Pahang agak lambat sedikit jika dibandingkan dengan dua negeri tadi.¹²⁹ Keadaan ini disebabkan oleh tiada keperluan yang mendesak untuk mendirikannya. Tambahan pula jumlah pegawai British dan pendatang asing di kedua-dua negeri berkenaan masih lagi kecil.

Selepas penubuhan NNMB, sistem pentadbiran perubatan mula di wujudkan di setiap negeri. Setiap negeri juga perlu menghantar maklumat berkenaan pentadbiran perubatan negeri masing-masing kepada *Principal Medical Officer F.M.S* untuk rujukan dan tindakan. Melalui laporan berkenaan, pihak atasan akan merangka perancangan jabatan perubatan negeri yang melibatkan penambahan jumlah kakitangan perubatan, gaji, elaun dan menangani masalah-masalah yang dihadapi. Selain itu, pentadbiran perubatan bagi setiap negeri juga perlu menghantar laporan berkenaan tahap penularan wabak penyakit dan jumlah mangsa yang dijangkiti. Laporan berkenaan peningkatan penyakit khususnya di NNMB telah menyebabkan *Principal Medical Officer F.M.S*

¹²⁷ Training Malay Women as Nurse and Midwives in The Government Hospitals. Surat daripada Principal Medical Officer (F.M.S) kepada Residen British Selangor bertarikh 16th Januari 1914 dalam SEL.SEC. 0353/1914 (No. 4 in 1336/1913).

¹²⁸ Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008, hlm. 18-19.

¹²⁹ Ibid.

mencadangkan agar kakitangan kesihatan terutamanya jururawat ditambah bagi setiap negeri.¹³⁰

Masalah penularan pelbagai penyakit ini adalah disebabkan oleh pertambahan penduduk di NNMB terutamanya pertambahan buruh-buruh asing dari Cina, India dan juga Indonesia. Oleh itu, pelbagai jenis hospital mengikut kategori penyakit mula ditubuhkan. Antaranya ialah hospital awam, hospital penjara, hospital kereta api, hospital mental, hospital kusta, dan pelbagai jenis hospital lagi mengikut keperluan penyakit dan pesakit. Pertambahan ini telah menyebabkan berlakunya keperluan yang mendesak untuk mendapat pegawai perubatan dan juga jururawat bagi merawat pesakit. Disebabkan kekurangan kakitangan perubatan yang terlatih, maka kerajaan British terpaksa membawa masuk pegawai perubatan dan jururawat dari negara Eropah.¹³¹

Pada awal tahun 1900-an, kerajaan British telah membawa masuk jururawat asing yang melibatkan Matron, jururawat Eropah di samping pengambilan jururawat tempatan dan bidan. Bagi jururawat dan bidan tempatan, mereka diberikan latihan terlebih dahulu sebelum ditempatkan di setiap hospital atau dispensari yang memerlukannya. Perkhidmatan jururawat dan bidan juga mula diperluaskan sehingga ke kawasan pedalaman dan kampung-kampung di NNMB. Akibat keperluan yang mendesak, pihak kerajaan British telah mula mendirikan pusat latihan jururawat di Singapura pada tahun 1905 yang dipanggil Sekolah Perubatan.¹³² Penubuhan kolej

¹³⁰ Lihat *Selangor Administration Report for the year 1896-1905*, (Health) dalam CO 439/3. *The health of the state in 1897 was generally satisfactory except for the continued prevalence of beri-beri, the number of death which disease was larger in 1897 than in either of the two preceding years.* Lihat juga *Selangor Administration Report for the year 1906-1924*, (Health) dalam CO 439/3.

¹³¹ *Negeri Sembilan Government Gazette, 1896, Vol.1, January to December 1896* dalam CO 463/1. "Colonial nurses will be paid a salary of £60 sterling per annum, board and lodging being provided by the local committee in each colony."

¹³² Pada tahun 1913, nama sekolah Perubatan ini telah ditukar kepada *King Edward VII Medical School* dan pada tahun 1921 ditukar pula dengan nama *King Edward VII College of Medicine*. "The Medical school began work on 3rd July 1905 and was formally opened by Sir John Anderson on 28th September 1905. The college opened in 1905 as Singapore Medical School, with a Principal, the only full-time member of the staff, assisted by part-time lecture who were either private practitioners or Government Medical officers. ... the name changed to King Edward VII College of Medicine". Lihat Francis Wong

perubatan ini adalah bertujuan untuk memberi latihan secara profesional dalam bidang perubatan kepada bakal doktor dan juga bidang perawatan kepada jururawat.

Menjelang tahun 1906, *Colonial Nursing Association* dalam laporan tahunannya meminta kerajaan kolonial British agar mengambil dan menghantar jururawat yang sudah tamat perkhidmatan (pencen) ke negeri-negeri yang dijajah oleh British. Pihak Persatuan Kejururawatan Koloni juga meminta agar kerajaan British membuat pengambilan jururawat setiap tahun dengan diberi pelbagai kemudahan, antaranya ialah kemudahan cuti, elaun, tempat tinggal dan sebagainya. Pada tahun 1906, Ir. Elgin telah menulis surat kepada Pesuruhjaya Tinggi NNMB meminta agar bekalan jururawat ditambah setiap tahun. Antaranya isi surat berkenaan ialah, *...I shall be glad if such a confidential Report upon the service of any such nurses employed in the colony under your Government may be sent to me each year.*¹³³

Masalah kekurangan jururawat dan bidan yang terlatih ini juga disedari oleh golongan raja-raja dan bangsawan Melayu. Pada tahun 1914, Sultan Selangor telah meminta kerajaan British agar memberi peluang dan melatih murid-murid perempuan Melayu yang berkelulusan sekolah Inggeris untuk dilantik sebagai jururawat atau bidan. Masalah kekurangan jururawat dan bidan dalam kalangan orang Melayu telah menyebabkan kemudahan kesihatan tidak dapat diberikan secara berkesan kepada penduduk di Tanah Melayu. Desakan ini berterusan apabila pada 16 Oktober 1933, Raja Uda dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah meminta kerajaan British memberi peluang kepada pelajar-pelajar perempuan Melayu yang mempunyai kelulusan sekolah Inggeris untuk memohon jawatan sebagai jururawat (*Nurse*).

Hoy Kee dan Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur, Heinemann Educational Book (Asia) Ltd, 1975, hm. 43.

¹³³ Surat Sir Elgin kepada Pegawai Pesuruhjaya Tinggi negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 3 April 1906 dalam R.G.O: 3057/1906.

The Hon'ble Raja Uda refers to the spread of medical treatment among Malays and to the growing recognition by Malays of its value. He suggests that a future step might now be taken by employing Malay nurses. Malay girls are available with an English education who have no prospects of employment, and Government should take this opportunity of introducing a scheme for Malay Nurses.¹³⁴

Dalam mesyuarat tersebut kerajaan British mengalu-alukan penglibatan wanita Melayu sebagai jururawat di hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan British memberi beberapa syarat khusus antaranya mestilah mempunyai kelayakan yang mencukupi dan bersedia untuk memberi khidmat kepada pesakit yang berlainan jantina. Mereka yang layak akan ditempatkan di Malay Hospital, Kampung Baharu untuk belajar dan mendapatkan pengalaman.

British Resident in replay states that Government has long wished to introduce Malay girls as nurse and that it is only now that any Malay Girls have been found who are willing to undertake the work; but it must be understood that it is a nurse's duty to tend any patient in a hospital and she must be prepared to nurse both male and female patients. If there are Malay girls of suitable qualification who are willing to be nurse on this term.¹³⁵

Walaupun bagaimanapun, hasrat berkenaan agak sukar untuk direalisasikan kerana jumlah pelajar perempuan Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris adalah sangat sedikit.¹³⁶ Mereka yang lulusan sekolah Melayu tidak layak untuk memohon untuk menjadi jururawat kerana sukatan pelajaran di sekolah perempuan Melayu tidak mempunyai mata pelajaran sains seperti mana sekolah Inggeris yang mempunyai mata

¹³⁴ Encouragement of Medical Treatment among Malays by Employing Malay Nurses, Extract from the minutes of the 343rd. Meeting of the Selangor States Council held in the Istana Mahkota, Klang on Monday 16th Oktober 1933 dalam SEL.SEC.G, 1521/1933,

¹³⁵ Ibid.

¹³⁶ Pada tahun 1934, jumlah pelajar perempuan Melayu yang bersekolah di Sekolah Inggeris di Negeri-negeri Melayu Bersekutu hanyalah seramai 302 orang sahaja. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1934, hlm. 67, Appendix II dalam CO 576/50.

pelajaran sains tulen (Peringkat Menengah).¹³⁷ Manakala bidan-bidan kampung juga tidak berminat untuk mengikuti latihan perbidanan kerana mereka kebanyakannya sudah berumur dan lebih selesa untuk mengamalkan kaedah rawatan tradisional.

Pada tahun 1914, *Principal Medical Officer F.M.S* telah mencadangkan supaya diwujudkan latihan secara khusus kepada bidan-bidan kampung kerana pada tahun berkenaan penularan wabak penyakit terutamanya penyakit malaria, beri-beri dan dispensari semakin meningkat.¹³⁸ Kekurangan jururawat wanita Melayu adalah disebabkan tidak ramai wanita Melayu yang mempunyai pendidikan Inggeris. Selain daripada itu, kebanyakan murid perempuan yang berkelulusan sekolah Inggeris dan bidan kampung juga tidak berminat untuk mendapatkan latihan khusus untuk menjadi jururawat ataupun bidan bertauliah. Tugas untuk mendapatkan bidan kampung untuk dilatih dilakukan oleh penghulu dan dimaklumkan kepada Pegawai Daerah masing-masing. Walau bagaimanapun, pada tahun 1915, kesemua Pegawai Daerah dari Klang, Kajang, Jugra, Kuala Langat dan Ulu Klang menyatakan tidak ada wanita Melayu yang berminat untuk mengikuti kursus perbidanan.

Referring to your latter 14 in 389/13 a am directed to inform you that replies have been received from the collector of Land Revenue, Kuala Lumpur and from the District Officer of Klang, Kuala Langat, Jugra, Kajang, Kuala Langat and Ulu Klang to the effect that there are no Malay women who wish to undergo hospital training in midwifery.¹³⁹

¹³⁷ Lihat Rex Stevenson, *Cultivators And Administrators, British Education Policy Toward The Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur, Oxford Universiti Press, 1975, hlm. 142, Appendix 3, Diagram 3, The School Curriculum During The 1930s.

¹³⁸ Peningkatan wabak penyakit pada tahun 1914 adalah disebabkan kekurangan pegawai-pegawai perubatan. Pada tahun 1914 32.57 peratus daripada kes yang dirawat di semua hospital di Selangor adalah kes penyakit malaria. Lihat *Selangor Administration Report for the year 1914*, hlm. 18 dalam CO 439/3 *Selangor Administration Report for the year 1906-1924*.

¹³⁹ Malay Women to be trained in Midwifery Rujuk juga surat No (9) in 1754/15, N0.D.O.K. 161/15 (District Office Klang, 3rd May 1915), No.L.462/15 (Land Office, Kuala Lumpur, 5th May 1915), No.U.L.50/15 (District Office, Kajang, 10th May 1915), N0.6 in K.. Lgt. 213/15 (District Office, Jugra, 8th May 1915), N0 K.S.306/15 (District Office , Kuala Selangor, 22rd May 1915), N0.U.S.166/15 (District Office, Kuala Kubu, 14th June 1915). Kesemua surat maklum balas daripada Pegawai Daerah menyatakan 'No Malay Women have expressed a wish to be trained as midwives' dalam SEL.SEC, 1754/1915.

Seterusnya, menjelang tahun 1920-an, sudah terdapat bidan-bidan yang dilatih dalam kalangan wanita Melayu. Pada tahun 1920 misalnya, jumlah bidan (*Native Midwives*) Melayu di NNMB ialah seramai empat orang, antara yang disenaraikan dalam *Federated Malay States, Federal List of Establishments 1920* ialah Habsah binti Dias dan Alang Zenab binti Toh Paduka, manakala dua nama lagi tidak disebut dalam senarai berkenaan.¹⁴⁰ Walau bagaimanapun, situasi ini semakin baik menjelang tahun-tahun 1930-an dan 1940-an apabila sudah ramai wanita Melayu yang berminat untuk dilatih sama ada sebagai bidan atau jururawat. Pada tahun 1934, misalnya, bidan-bidan yang telah dilatih di Perak ditempatkan di daerah-daerah di seluruh negeri berkenaan.

At present trained Malay Midwives are stationed at Bagan Datoh, Bota, Enggor, Grik, Kanti, Kota Setia, Keroh, Lintang, Parit, Padang Rengas, Pasir Panjang, Pualau Tiga, Selama and Rungkup Besar. The system of training Malay Midwives for work in the kampung continued, and a scheme is in contemplation for the extension of the scope of the service of the these Midwives.¹⁴¹

Jadual 6.4 menunjukkan kedudukan jururawat dan bidan Melayu dalam struktur pentadbiran perubatan di NNMB. Daripada struktur berkenaan jawatan jururawat dan bidan Melayu menduduki tangga terakhir dalam carta organisasi berkenaan. Namun demikian, kewujudan jawatan ini menunjukkan bahawa sudah ada wanita Melayu yang terlibat dalam bidan kejururawatan dan perbidanan secara profesional.

¹⁴⁰ Lihat *Federated Malay States, Federal List of Establishments 1920*.

¹⁴¹ Lihat *Annual Report of the Social and Economic Progress of the People of Perak for the year 1934* dalam CO 576/50. Laporan ini dibuat oleh Resident Perak iaitu Geoffery Edmund Cator (British Resident Perak)

Jadual 6.4: Kedudukan Jururawat Melayu Dan Bidan Dalam Pentadbiran Perubatan Di NNMB

No	Nama Jawatan
1	PRINCIPAL MEDICAL OFFICER F.M.S
2	SENIOR MEDICAL OFFICER
3	CHIEF SURGEON
4	OPHTHALMOLOGIST SURGEON
5	RADIOLOGIST
6	MEDICAL OFFICER
7	LADY MEDICAL OFFICER
8	PERSONEL ASSISTANT TO P.M.O
9	FINANCIAL SECRETARY TO S.M.O
10	MARTONS GRADE I
11	MARTONS GRADE II
12	NURSING SISTER
13	MALAY NURSING
14	MIDWIFE

Sumber: *The Malayan Civil List 1932*, (Staf list of medical) Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1932.

Selain itu, seseorang pelatih jururawat dan bidan perlu melalui beberapa proses saringan sebelum diterima sebagai pelatih jururawat atau bidan. Pelajar yang lulusan sekolah Inggeris dan berkebolehan berbahasa Inggeris sahaja akan dipilih untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kejururawatan. Ini kerana mereka yang telah diberi latihan diminta untuk berkhidmat di hospital-hospital yang kebanyakan pesakitnya adalah berbangsa Eropah.

Pada tahun 1930-an, pengambilan matron, jururawat dan bidan telah mula dipertingkatkan. Mereka yang dipilih akan dihantar ke sekolah-sekolah perubatan dan selepas tamat pengajian akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang

memerlukannya.¹⁴² Selain itu, kerajaan British juga mula mempergiatkan usaha untuk melatih lebih ramai bidan Melayu bagi menampung keperluan yang semakin meningkat. Keadaan ini disebabkan oleh penularan pelbagai wabak penyakit berjangkit terutamanya pada tahun 1930-an. Di Perak, Pegawai Daerah terpaksa masuk ke kampung-kampung untuk mencari dan memilih bidan-bidan kampung untuk diberi latihan secara khusus.¹⁴³ Mereka yang terpilih akan diuji kemahiran berbahasa Melayu sebelum dihantar ke hospital-hospital untuk menjalani latihan. Residen Perak pada tahun 1934 telah melaporkan bahawa;

...in order to compete with the wholly untrained Malay bidans of the area who tend to be imbued with dangerous customs handed which is they follow blindly and who are wholly ignorant of the elements of antenatal care, mother craft and infant welfare.¹⁴⁴

Situasi yang sama juga berlaku di Selangor, di mana bidan-bidan kampung yang tidak bertauliah dipilih untuk diberi latihan secara terus di hospital-hospital di Selangor. Dari segi gred, jawatan bidan menurut *Midwives Ordinance* pada tahun 1937 dikategorikan kepada tiga kelas (ged) iaitu;

Class A.-Midwives with sufficient education in English to undergo (12 month) theoretical and practice training followed by an examination of standard similar to that required by the C.M.B., which entitles successful candidate to a diploma.

Class B.- Asiatic Midwives of a lower standard of education who have undergo practical training, given in the Malay language and by demonstration, for six or nine months, followed by oral and practical examination.

¹⁴² Annual Report on Social And Economic Progress of the People of the Federated Malay States for the year 1934, hlm. 15 dalam CO 576/50. Midwives: *The training of Malay Pupils midwives was continued throughout the year. This was start with three pupils... The experience has proved successful- seven were in training in the course of the year, and two passed...*

¹⁴³ *Government-trained midwives- these are as a rule Malay women who selected by District Officers, and who undergo passing an examination conducted in the vernacular language. They are then posted at certain populous rural areas where they are subsidized, in order to complete with the wholly untrained dangerous customs.* Lihat CO 576/62 Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Perak for the year 1938 , hlm. 10 dalam Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of federated Malay States for the year 1938.

¹⁴⁴ Annual Report On The Social Economic Progress Of The People Of Selangor for the years 1934, hlm. 15-16.

Class C.- Midwives, who were in regular practice as Midwives for a period of one year the date of introduction of the Midwives Ordinance. The number of Midwives in this class is steadily diminishing and their places are being taken by class B Midwives.¹⁴⁵

Menurut Laporan Tahunan Jabatan Kesihatan bagi NNS dan NNMB pada tahun 1937, jumlah jururawat perempuan tempatan yang telah menjadi jururawat adalah seramai 64 orang bagi NNS dan 108 orang bagi NNMB. Bagi jururawat yang masih dalam tempoh percubaan ialah seramai 182 bagi NNS dan 101 orang bagi NNMB.¹⁴⁶ Peningkatan jumlah jururawat tempatan ini adalah disebabkan oleh galakan daripada kerajaan, Raja-raja Melayu dan juga orang Melayu di samping faktor tarikan gaji yang tinggi.¹⁴⁷ Walau bagaimanapun, laporan ini tidak menjelaskan berapa ramai jururawat dalam kalangan wanita Melayu yang terlibat sama ada sebagai jururawat, jururawat pelatih dan juga jururawat desa.

¹⁴⁵ Annual Report of the Medical Department, Straits Settlements and Federated Malay States for the year 1937 by R.B. Macgregor (Acting Director of Medical Service S.S & F.M.S), hlm. 45 dalam CO 576/61.

¹⁴⁶ Annual Report of the Medical Department, Straits Settlements and Federated Malay States for the year 1937 by R.B. Macgregor (Acting Director of Medical Service S.S & F.M.S), hlm. 18 dalam CO 576/61.

¹⁴⁷ Federated Malay States, Medical Enquiry Committee Part I, Record of The Proceedings, Recommendations, minutes of Meeting and appends to the report 1925 dalam FCO 141/16518. *The basic salary is \$150 per mensem rising by annual increment of \$10 per mensem to \$200 per mensem. An allowance towards the cost of purchasing uniform is given, transport allowance at \$35 per mensem.* Pada tahun 1929, gaji disemak semula serta dinaikkan bagi semua grad jawatan. Lihat Public Health Nursing Sister In Malaya, To Train Local Women To Work Under Their Supervision As A Public Health Nurse dalam CO 717/67/15, Fail No. 62454. *The basic salary is \$150 per month rising by annual increments of \$15 per month to \$210 per month. At present temporary allowance of 10 per cent of the basic salary is paid to meet the high cost of living in Malaya, but this allowance is liable to be altered or stopped of the cost of living fall.*

Jadual 6.5: Bilangan Jururawat Tempatan (Nurses and Public Health Nurses) Di NNMB Pada Tahun 1937

No	States	Senior Staff Nurses and Staf Nurses	Nurses and Probationers	Public Health Nurses
1	Perak	48	31	15
2	Selangor	27	34	12
3	Negeri Sembilan	11	24	2
4	Pahang	8	12	-
	Jumlah	112	101	29

Sumber: Annual Report of Medical Department, Straits Settlements and Federated Malay States for The Year 1937 by R.B Mac Gregor, Acting Director of Medical Services, hlm.18 dalam CO 576/61.

Jadual 6.5 menunjukkan bilangan jururawat tempatan di NNMB pada tahun 1937. Di samping itu, peningkatan kesedaran tentang penjagaan kesihatan telah menyebabkan orang Melayu mula memberi kepercayaan kepada bidan kerajaan berbanding dengan bidan kampung. Pengambilan bidan atau *midwives* adalah melibatkan semua kaum kerana kebanyakan mereka lebih selesa sekiranya dirawat oleh jururawat atau bidan dalam kalangan bangsa mereka sendiri. Bagi mereka jururawat dan bidan dari bangsa lain tidak memahami kehendak dan budaya masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun sikap konservatif kebanyakan wanita Melayu terhadap kaedah rawatan moden terutama di NNMB telah menyebabkan mereka tidak berminat untuk mendapatkan kaedah rawatan moden terutamanya di hospital.

Tambahan pula, kebanyakan wanita Melayu juga tidak selesa sekiranya mereka dirawat oleh doktor lelaki atau pun jururawat daripada bangsa lain. Mereka juga agak sukar menerima kaedah perubatan moden yang sesetengahnya bertentangan dengan pegangan dan kepercayaan masyarakat Melayu tradisional. Situasi ini telah digambarkan oleh Charles Lane Sansom iaitu Principal Medical Officer bagi NNMB menyatakan;

Malay women are very conservative and it will take time to make them understand the advantage of abandoning crude practice – the Negeri Sembilan Malays appear to be more ready to avail themselves of the Lady Doctor’s services than those of their states. It is hope and expected that with time and patience the skilful work which these ladies can accomplish be duly appreciated.¹⁴⁸

Masalah ini berterusan sehingga kepada tahun-tahun akhir 1930-an. Mereka dikatakan lebih mempercayai kaedah perubatan tradisional daripada mendapatkan rawatan dengan doktor atau bidang kerajaan. Khatijah Abd Wahab dalam majalah *Dunia Akhirat* pada 8 November 1936 menyatakan bahawa kebanyakan ibu Melayu masih berpegang kepada perkara-perkara karut. Ada di antara ibu yang mengandung dan telah menjadi ibu lebih percaya kepada bomoh dengan segala macam amalan, juga bidang-bidang Melayu tradisional daripada mempercayai doktor dan bidan kerajaan. Hanya setelah mereka menghadapi sesuatu masalah barulah mereka mencari doktor untuk mendapatkan bantuan.¹⁴⁹

Walau bagaimanapun, menjelang tahun 1937, jumlah penduduk di NNMB yang datang ke klinik dan hospital meningkat terutamanya di klinik ibu dan kanak-kanak.¹⁵⁰ Namun demikian, statistik berkenaan tidak menyatakan jumlah sebenar wanita Melayu berbanding wanita bangsa asing yang mendapatkan rawatan. Tambahan pula bandar-bandar yang dinyatakan adalah bandar perlombongan biji timah dan juga bandar-bandar pentadbiran yang kebanyakannya dihuni oleh orang Eropah dan buruh-buruh asing. Jadual 6.6 menunjukkan statistik kedatangan wanita ke klinik dan hospital ibu dan anak pada tahun 1937.

¹⁴⁸ Federated Malay States Medical Report For The Year 1914, hlm. 10, dalam *Supplement To The Federated Malay States Government Gazette*, 23rd Julai 1915.

¹⁴⁹ Khatijah Abd Wahab, “Kaum Ibu Dengan Kepercayaan,” *Majalah Dunia Akhirat*, bil 8, November 1936, hlm. 4 & 27.

¹⁵⁰ Annual Report of Medical Department, Straits Settlements and Federated Malay States for The Year 1937 by R.B Mac Gregor, Acting Director of Medical Services, Malay States, Singapore, hlm. 83 dalam CO 576/61.

Jadual 6.6: Statistik Kedatangan Kaum Wanita Ke Klinik dan Hospital Ibu dan Anak Pada Tahun 1937

Negeri	Daerah	Jumlah Kedatangan Ke Klinik dan Hospital
Perak	Ipoh	21,946
	Taiping	10,512
	Teluk Anson	13,432
	Batu Gajah	2,132
	Bagan Datoh	2,714
Selangor	Kuala Lumpur	43,205
	Klang	28,623
N.Sembilan	Seremban	31,453
Pahang	Kuantan	29,106

Sumber: Annual Report of Medical Department, Straits Settlements and Federated Malay States for The Year 1937, (by R.B MacGregor, Acting Director of Medical Services, Malay States, Singapore) hlm. 83 dalam CO 576/61.

Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah kesihatan dalam kalangan ibu dan anak satu enakmen (*The Midwives Enactment*) telah dikeluarkan meminta semua bidan untuk berdaftar di bawah Sanitary Board sebelum boleh melakukan tugasan perbidanan. Sesiapa yang didapati melanggar peraturan berkenaan akan dikenakan denda sebanyak \$40.

Every women who, not registered under this Enactment, take or uses the nama or title of midwife (either alone or in combination with any word or words) or any nama, title, addition do description implying that she is registered under this Enactment or is a person specially qualified to practice midwifery or is recognized by law as a midwife shall be liable to fine not exceeding fifty dollars.¹⁵¹

¹⁵¹ The Midwives Enactment, (Draf to Federal Council), Federated Malay States, hlm.3 dalam SEL.SEC 3256/1922. Lihat juga Report of the Committee on the Training of Nurses for the Colonies, presented by the secretary of state for the colonies to Parliament by command of His Majesty, August 1945, London: His Majesty's Stationary Office, hlm.9 dalam CO 859/90/4.

Menjelang akhir tahun 1930-an, orang Melayu mulai sedar bahawa mereka perlu menggalakkan anak-anak mereka untuk menceburi bidang kejururawatan dan perbidanan. Oleh itu, mereka mula berlumba-lumba untuk menghantar anak perempuan Mereka ke sekolah Inggeris.¹⁵² Rokiah Nuruddin dalam rencananya “Kaum Ibu Sebelum Masuk Di Dalam Pergaulan” dalam *Utusan Zaman*, 7 Januari 1940 telah menyeru anak-anak perempuan Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris supaya menceburi bidang kedokteran. Beliau mencadangkan

Perempuan-perempuan Melayu yang berpelajaran Inggeris, “... belajar ilmu doktor... supaya kaum ibu kita senang berubat dan beranak di hospital bangsanya sendiri.”. bagi mereka yang tamat sekolah Melayu digesa memasuki Kolej Perempuan Melaka untuk menjadi guru.¹⁵³

Menurut *Federal Council Proceeding* pada tahun 1938, seramai 1,742 orang *Dresser* dan Pembantu Rumah Sakit dalam kalangan orang Melayu telah dilantik. Jumlah ini adalah satu peningkatan yang agak baik dari tahun-tahun sebelumnya.¹⁵⁴ Di samping itu, kerajaan British juga telah memperuntukkan perbelanjaan untuk melatih bidan-bidan dalam kalangan wanita Melayu. Sebagai contoh pada tahun 1936 kerajaan British memperuntukkan wang sebanyak \$2,450.97 bagi melatih bidan-bidan dalam kalangan orang Melayu.¹⁵⁵

Selain bidang perbidanan dan kejururawatan, terdapat juga segelintir wanita Melayu telah mula menceburi bidang kedokteran. Walaupun jumlahnya amat kecil, tetapi penglibatan mereka dalam bidang ini merupakan satu pencapaian besar serta menjadi ikutan pelajar-pelajar perempuan yang lain. Wanita Melayu yang pertama yang

¹⁵² Situasi ini dapat dilihat melalui peningkatan jumlah pelajar perempuan Melayu di Sekolah Perempuan Inggeris pada akhir tahun 1930-an. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1934, hlm. 67, Appendix II dalam CO 576/50. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1936, hlm. 86, Appendix II dalam CO 576/56. Lihat Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1938, hlm. 169, Appendix II dalam CO 576/63.

¹⁵³ Rokiah Nuruddin, Kaum Ibu Sebelum Masuk Di Dalam Pergaulan, *Utusan Zaman*, bil.10, 7 Januari 1940, hlm.19-20.

¹⁵⁴ Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the Year 1933, hlm. B21.

¹⁵⁵ Perak: Medical And Health Service, Comparative Statement of Estimated and Actual Expenditure 1936, hlm. 160 dalam Federated Malay States, Financial Statements for 1936-1938 dalam CO 576/72.

menyambung pengajian di dalam bidang perubatan di *King Edward VII College of Medicine*, Singapura ialah Salma Ismail pada tahun 1936 dan berjaya menjadi doktor wanita Melayu pertama pada tahun 1949.¹⁵⁶ Walau bagaimanapun, beliau mendapat pendidikan awal di Kedah sebelum memasuki kolej perubatan. Wanita Melayu kedua yang menjadi doktor dan merupakan wanita Melayu pertama dari NNMB menjadi doktor wanita ialah Siti Hasmah Mohd.Ali.¹⁵⁷ Beliau diterima masuk ke *King Edward VII College of Medicine* pada tahun 1947 dan berjaya menamatkan pengajiannya pada tahun 1955.¹⁵⁸

Setelah lulus pengajiannya dan menjadi doktor terlatih, Siti Hasmah Mohd.Ali telah ditugaskan sebagai doktor pelatih di Hospital Kuala Lumpur. Beliau telah menjadi doktor perubatan hampir dua puluh tahun dan telah berhenti sebagai doktor atau Perkhidmatan Awam pada tahun 1979 kerana ingin menumpukan sepenuh perhatian kepada tanggungjawab baharunya iaitu sebagai isteri Timbalan Perdana Menteri.¹⁵⁹ Sepanjang menjadi doktor beliau tidak jemu menyelami dan menambah pengetahuan dan pengalamannya dalam pelbagai bidang perubatan. Cutinya selama dua minggu semasa bertugas sebagai doktor pelatih dihabiskan untuk mempelajari bidang surgery melalui Mr. Frazer, seorang pakar surgery.¹⁶⁰

¹⁵⁶ Walau bagaimanapun menurut S.W. Jones British Resident Selangor, 1937 dalam *Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Selangor* pada tahun 1937 menyatakan wanita berkenaan adalah dari negeri Selangor. “*Two Malay girls obtained Government employment as typists and in addition to these there are five Selangor girls studying medicine (one a Malay) one at Hong Kong University, one at Raffles College, two undergoing Foebel Training in England and one in America.* Lihat CO 439/4 Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Selangor pada tahun 1937, hlm. 84.

¹⁵⁷ Walau bagaimanapun menurut Tun Dr. Siti Hasmah terdapat seorang lagi wanita Melayu yang menjadi doktor wanita. Beliau adalah Dr. Latifah Ghouse yang merupakan wanita Melayu pertama lulusan luar negara iaitu Universiti Hong Kong. Lihat Yayasan Kepimpinan Perdana, *Jejak Seorang Pemimpin, Sejarah Lisan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali*, (Transkripsi Sejarah Lisan bersama Tun Dr Siti Hasmah Mohd. Ali) Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd, 2014, hlm. 29.

¹⁵⁸ Azizah Mokhzani, et.al, *Siti Hasmah, Citra Wanita Dua Zaman*, Kuala Lumpur, Penerbit Perpustakaan Negara Malaysia 1999, hlm. 56.

¹⁵⁹ Ibid., hlm. 48.

¹⁶⁰ Ibid., hlm. 49.

Selepas berkahwin Siti Hasmah telah bertugas sebagai *Lady Medical Officer* di Hospital Besar Alor Star, iaitu jawatan bagi pegawai perubatan wanita pada ketika itu. Beliau pernah ditugaskan di unit pesakit luar, wad bersalin, unit perubatan, dan unit penyakit kanak-kanak. Pada tahun 1955 sehingga 1965 ketika Kementerian Kesihatan memberi tumpuan kepada pengawalan penyakit tibi, polio, puru dan kusta, beliau turut terlibat ke kampung-kampung untuk memberi perkhidmatan kesihatan, penerangan penjagaan kesihatan dan sebagainya.¹⁶¹

Wanita Dalam Aktiviti Penulisan

Pendidikan juga memainkan peranan penting dalam pencapaian wanita Melayu dalam bidang penulisan dan kewartawanan. Penglibatan wanita Melayu dalam bidang penulisan telah dikesan pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Pengarang-pengarang wanita Melayu yang lahir pada ketika ini adalah dalam kalangan wanita Melayu golongan bangsawan. Mereka juga merupakan golongan wanita yang bernasib baik kerana mendapat pendidikan lebih awal berbanding dengan mereka yang berada di kampung-kampung. Antara wanita Melayu yang terawal terlibat dalam penulisan ialah Raja Zaleha bt. Raja Haji Ahmad @ Salihat yang menulis *Syair Abdul Muluk* yang dikarang bersama abangnya Raji Ali Haji pada tahun 1846 diikuti dengan Raja Safiah yang mengarang *Syair Kumbang Mengindera* dan Raja Kalzum yang mengarang *Syair Saudagar Bodoh*.¹⁶² Setelah itu muncul pula Raja Aisyah Sulaiman¹⁶³ yang juga berketurunan bangsawan Melayu-Bugis telah mengorak langah menjadi Pengarang

¹⁶¹ Azizah Mokhzani, et.al, *Siti Hasmah, Citra Wanita Dua Zaman*, hlm, 62-63.

¹⁶² Ding Choo Ming, *Raja Aisyah Sulaiman, Pengarang Ulung Wanita Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999, hlm. 84-86

¹⁶³ Raja Aisyah Sulaiman ibn Raja Ali Haji lahir di kompleks istana di kawasan yang dikenali sekarang sebagai Kampung Baru di Pulau Penyengat pada tahun 1870-an. Raja Aisyah hidup dengan tenang dan diasuh sebaiknya oleh keluarga bangsawan. beliau kemudiannya dikahwinkan dengan Raja Khalid Hitam iaitu sepupunya. Beliau telah mula mengarang pada umur belasan tahun lagi dan berjaya menyiapkan *Hikayat Syamsul Anuar* pada tahun 1880 di Pulau Penyengat, Riau-Lingga. Lihat Ding Choo Ming, *Raja Aisyah Sulaiman, Pengarang Ulung Wanita Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999, hlm. 89-92.

Wanita Ulung pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Beliau mendapat pendidikan daripada datuknya iaitu Raja Ali Haji dari Pulau Penyengat yang merupakan penulis terkenal pada masa berkenaan. Antara karya beliau ialah *Hikayat Syamsul Anuar atau Maliaktul Badrul Miin* (diterbitkan pada 1890), *Syair Khadamuddin* (diterbitkan pada 1920), *Hikayat Syariful Akhtar* (diterbitkan pada 1929) dan *Syair Seligi Tajam Bertimba* (diterbitkan pada 1929).¹⁶⁴ Tulisan beliau pada masa berkenaan adalah berkisar dalam ruang lingkup perjuangan emansipasi wanita yang banyak memperlihatkan perjuangan hak kaum wanita dalam dunia yang dikuasai oleh kaum lelaki.¹⁶⁵

Pada peringkat awal khususnya sebelum abad ke-19, dunia penulisan dan kewartawanan dimonopoli oleh kaum lelaki. Walau bagaimanapun menjelang abad ke-20, sudah ada golongan wanita Melayu yang berpendidikan mula menceburkan diri dalam bidang penulisan dan kewartawanan. Di Tanah Melayu kemunculan wanita sebagai pengarang agak lewat sedikit berbanding dengan Riau-Lingga. Antara penulis wanita awal di Tanah Melayu ialah Tengku Tuan Bilik yang mengarang *Kobat Syahar Zaman 1*,¹⁶⁶ Hajah Wok Aisyah binti Nik Idris yang mengarang *Syair Tuan Hampris*,¹⁶⁷ Tengku Ampuan Mariam binti Sultan Ahmad Syah, yang mengarang pelbagai jenis karya¹⁶⁸ dan Tengku Dalam Kahthun binti Tengku Wook Khazaki yang menulis syair *Tawarikh Sultan Zainal Abidin III*.¹⁶⁹

¹⁶⁴ Ding Choo Ming, *Raja Aisyah Sulaiman, Pengarang Ulung Wanita Melayu*, hlm. 8.

¹⁶⁵ *Ibid.*, hlm. 129-130.

¹⁶⁶ Tengku Tuan Bilik merupakan puteri saudara kepada Sultan Ahmad I. Beliau telah berkahwin dengan Sultan Abdul Rahman Lingga yang disingkirkan oleh Belanda pada Februari 1911. Lihat Arba'iyah Mohd Noor, "Tengku Dalam Kalthun Binti Tengku Wook Khazaki dalam Bengkel Tokoh Pujangga Silam", *Anjuran Bahagian Penyelidikan Sastera, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 21-22 September 2011*, hlm. 1. Lihat juga Muhammad Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman: Tradisi Persejarahan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 69.

¹⁶⁷ Syair ini siap disusun pada 12 Januari 1928 dan dicetak dengan huruf jawi pada 28 Oktober 1928. Ia mengisahkan tentang Sultan Zainal Abidin II dengan J.L. Humphreys iaitu wakil Inggeris terakhir dan Penasihat Inggeris pertama di Terengganu. Lihat Muhammad Yusoff Hashim, "Sumber-sumber Sastera Sejarah Terengganu Sebelum 1940-an: Dokumentari dan Penggunaannya". *Sarjana*, Jilid 4 Jun 1989, hlm. 34-35.

¹⁶⁸ Antara karya yang pernah dihasilkan oleh beliau ialah Pelbagai Catatan mengenai Kegiatan Sultan Sulaiman Badrul Alam dan Tengku Ampuan Mariam bertarikh 1932-1942, *Syair Pelayaran Sultan Sulaiman Badrusl Alam ke tanah Jawa*, *Syair Sultan Sulaiman Badrul Alam ke Siam* dan *Syair Pelayaran*

Menurut Mahani Musa, terdapat dua kelompok wanita yang berpendidikan mencebur diri dalam bidang kewartawanan. Kelompok pertama ialah mereka yang mendapat pendidikan Inggeris yang terdiri daripada anak-anak golongan bangsawan, pegawai-pegawai Melayu dan juga pentadbir Melayu.¹⁷⁰ Kelompok kedua pula adalah terdiri daripada wanita Melayu yang mendapat pendidikan sekolah Melayu sehingga darjah tiga, empat dan lima di sesetengah negeri.¹⁷¹ Sebelum tahun 1920-an jumlah mereka adalah sangat sedikit tetapi telah bertambah menjelang tahun 1930-an dan 1940-an kerana perkembangan pengaruh kesedaran dalam kalangan orang Melayu. Sebahagian besar daripada mereka adalah anak-anak golongan elit kampung seperti penghulu, tuan-tuan tanah dan sebagainya.¹⁷² Penglibatan kaum wanita yang agak lambat dalam bidang penulisan dan kewartawanan ini adalah disebabkan oleh kelemahan dan kemunduran wanita Melayu dalam bidang pendidikan.

Keadaan ini ada hubungan yang rapat dengan sikap ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak perempuan. Walaupun gadis-gadis itu diberi pendidikan, mereka diberhentikan sekolah separuh jalan untuk berumah tangga. Oleh itu nama wanita tidak muncul di arena penulisan.¹⁷³

Sultan Sulaiman Badrul Alam ke Medan Deli-Brastagi dan sebagainya. Lihat Arba'iyah Mohd Noor, "Naskhah Salasilah Sultan Umar dan Salasilah Kesultanan Terengganu", dalam Rogayah A.Hamid dan Mariam Salim, *Kesultanan Melayu Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 4. Lihat juga Arba'iyah Mohd Noor, "Tengku Ampuan Mariam Sebagai Pengarang Naskhah Salasilah Sultan Omar", *Filologi Melayu*, Pustaka Negara Malaysia, Jilid 14, 2006, hlm. 1-4.

¹⁶⁹ Tengku Dalam Kalthum merupakan puteri kepada Tengku Wok Khazaki@ Khajaki dan merupakan cucu kepada Sultan Zainal Abidin III. Ayahnya, Tengku Wok Khazaki merupakan putera kepada Tengku Cik Abu Bakar bin Abdul Jalil bin Sultan Hussain Shah, Singapura. Beliau terlibat dalam bidang penulisan pada awal abad ke-20. Beliau telah menulis Syair *Tawarikh Sultan Zainal Abidin III* atau *Riwayat Terengganu Darul Iman*. Lihat Arba'iyah Mohd Noor, "Tengku Dalam Kalthun Binti Tengku Wook Khazaki dalam Bengkel Tokoh Pujangga Silam", hlm. 6-8.

¹⁷⁰ Kelompok pertama ini adalah anak-anak perempuan Melayu golongan bangsawan dan menengah yang mempunyai kedudukan yang sama dengan anak-anak perempuan kaum Cina dan Tamil. Mereka akan belajar di Sekolah Convent yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris. Lihat Annual Report on Education in Straits Settlements for the year 1926, hlm. 280.

¹⁷¹ Mahani Musa, Sumbangan Wanita Melayu Dalam Kegiatan Persuratkhabaran Dan Majalah Di Malaysia, Tahun 1920-an – 1960-an dalam Abdul Rahman Haji Ismail dan Mahani Musa, *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Ke-20*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 64-65.

¹⁷² Ibid.

¹⁷³ Lihat *Utusan Zaman*, 30 Mac, 1952.

Menjelang tahun 1900-an, ramai wanita Melayu yang berpendidikan telah berusaha menulis dengan cara yang tersendiri untuk menyampaikan reaksi mereka terhadap kehidupan berkeluarga dan juga terhadap perubahan yang berlaku di Tanah Melayu. Walaupun tulisan-tulisan mereka masih berlegar dalam ruang lingkup wanita, namun ia mula diminati oleh sebahagian besar wanita Melayu. Antara tulisan mereka pada peringkat awal ialah petua rumah tangga, buku-buku resepsi, penjagaan anak, penjagaan kesihatan dan sebagainya.¹⁷⁴ Tujuan penulisan pada peringkat awal juga adalah untuk memberi pengetahuan asas berkenaan kemahiran rumah tangga serta petua-petua untuk menjaga keharmonian keluarga.¹⁷⁵ Idea ini sebenarnya tidak jauh berbeza dengan idea-idea yang disampaikan dalam majalah kelolaan kaum wanita dan ‘suara wanita’ dalam majalah kelolaan lelaki pada dekad pertama abad ke-20.

Salah satu buku petua rumahtangga yang popular dan dicetak beberapa kali ialah tulisan Sarifah Allwiah bt. Syed Teh Alhabshi berjudul *Syair Nasihat Perempuan*, yang diterbitkan pada tahun 1903 dan dicetak kali kedua pada tahun 1906.¹⁷⁶ Buku yang menggunakan kaedah bersyair ini banyak memberi nasihat dan panduan kepada kaum wanita untuk menjadi wanita yang berguna kepada agama, keluarga dan negara.¹⁷⁷ Antara perkara yang dibangkitkan dalam tulisan ini ialah tentang perlunya wanita Melayu menambah pengetahuan dengan membaca buku-buku yang boleh memberi pengetahuan. Selain itu, seruan dan nasihat juga diberikan kepada wanita Melayu agar mereka menjaga tatatertib, tidak meninggalkan sembahyang, tahu memasak dan menguruskan rumah tangga .

¹⁷⁴ Lenore Manderson, *Wanita, Politik Dan Perubahan, Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972*, 1981, hlm. 31.

¹⁷⁵ Lihat Marina Marican, Syed Sheikh Al-Hadi dan pendapat-Pendapatnya Mengenai Kemajuan Kaum Perempuan, Latihan Ilmiah, B.A (Hons), Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1969, hlm. 9. “Betapa tinggi sekalipun pendidikan seseorang wanita itu, dia tidak layak dipanggil wanita jika sekiranya dia tidak tahu bagaimana hendak mengendalikan sebuah rumah tangga yang bahagia, kerana keagungan seorang wanita itu adalah rumah tangga nya.”

¹⁷⁶ Lihat Harun Mat Piah, *Puisi Melayu Tradisional, Nasihat dan Pengajaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 31.

¹⁷⁷ Belajar itu sudahlah tetap, silalah pula mengaji kitab, jangan leka minum dan santap, akhirnya gemuk bertambah atap. Lihat Harun Mat Piah, *Puisi Melayu Tradisional, Nasihat dan Pengajaran*, hlm. 31.

Selain Sarifah Allwiah, terdapat beberapa orang lagi penulis syair dalam kalangan wanita Melayu khususnya sebelum Perang Dunia Kedua, Antaranya ialah Khalthum Awang dan Wok Jamilah,¹⁷⁸ Zainun Nasir dalam sajaknya *Perempuan Mesti Bangun*,¹⁷⁹ Perawang Kampung dalam sajaknya *Bunga Terpedaya*,¹⁸⁰ Selain itu, terdapat ramai lagi pengarang perempuan Melayu yang menulis dalam majalah dan akhbar tetapi mereka sering menggunakan nama samaran. Ramai penulis wanita lebih gemar menggunakan nama samaran dan kaedah ini menyukarkan penerbit atau pengusaha syarikat percetakan mengenal pasti penulis berkenaan. Fenomena ini menjadi lumrah dalam kalangan penulis wanita terutamanya pada tahun-tahun sebelum merdeka.¹⁸¹

Walau bagaimanapun, jumlah wanita Melayu yang terlibat dalam bidang penulisan dan kewartawanan masih lagi kurang jika dibandingkan dengan penulis lelaki. Kekurangan penulis dalam kalangan wanita juga adalah disebabkan oleh kekurangan masa untuk wanita berkarya kerana kesibukan menguruskan rumah tangga.¹⁸² Selain itu, setiap karya yang diterbitkan dalam majalah dan surat khabar tidak diberi bayaran. Pengarang hanya diberikan naskhah ikhlas yang mengandungi karya mereka.¹⁸³ Bagi genre novel pula, pengarang akan mendapat beberapa naskhah novel untuk dijual sendiri. Oleh sebab itulah, bidang penulisan ini tidak pernah menjadi suatu profesion bagi menampung kehidupan sama ada pengarang wanita mahupun lelaki.¹⁸⁴

Buku Wajah: Biografi penulis (1988) tersenarai biografi 139 orang penulis Malaysia yang terlibat dalam bidang penulisan semenjak Abdullah Munsyi (1796–

¹⁷⁸ Lihat Zurinah Hassan, *Catatan Perjalanan Seni Zurinah Hassan*, Kuala Lumpur: Penerbit Institut Terjemahan Negara, 2013, hlm. 4.

¹⁷⁹ *Al-Hikmah*, 7 Mei 1936.

¹⁸⁰ *Warta Ahad*, 3 Mei 1940.

¹⁸¹ Rosnah Baharudin, *Panggilan Ibunda: Tiga Novel Wanita Sebelum Merdeka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm.Viii.

¹⁸² *Ibid.*, hlm. 28-29

¹⁸³ Baharudin, *Panggilan Ibunda: Tiga Novel Wanita Sebelum Merdeka*, hlm.ix.

¹⁸⁴ Abdullah Hussein, Penggalakan Daya dan Peningkatan Mutu Novel, *Dewan Sastera*, Mei, 1977, hlm.8-9.

1854). Mereka terdiri daripada penulis kreatif dan pengkaji yang menyumbang kepada dunia penulisan. Antara yang tersenarai hanya lapan orang penulis wanita yang mewakili enam peratus sahaja daripada penulis atau pengarang Melayu. Daripada jumlah tersebut, enam orang daripadanya adalah wanita Melayu yang berasal dari Johor. Walau bagaimanapun, daripada enam orang tadi, Ibu Zain tidak pula disenaraikan. Mereka terdiri daripada Adibah Amin, Anis Sabririn, Khadijah Hasyim, Rokiah Abu Bakar, Salmah Mohsin dan Zaharah Nawawi.¹⁸⁵ Walau bagaimanapun, kemunculan penulis-penulis wanita amat penting terutama dalam mengetengahkan isu-isu berkaitan wanita mengikut kaca mata wanita sendiri. Di samping itu, kesedaran wanita terhadap kepentingan pelajaran dan keinginan terlibat dalam bidang penulisan merupakan faktor yang menggalakkan mereka menghasilkan karya. Selain itu, kemunculan beberapa badan penerbit juga telah menyumbang ke arah penglibatan wanita dalam bidang penulisan.

Antara tokoh wanita Melayu yang terlibat dalam bidang penulisan dan kewartawanan ialah Zainun Bt Sulaiman atau juga dikenali sebagai Ibu Zain. Ketokohan Ibu Zain terserlah terutama dalam bidang-bidang pembangunan sosial, pendidikan dan berpersatuan. Selain daripada itu, beliau juga terkenal dalam bidang penulisan dan kewartawanan khususnya pada zaman sebelum perang dunia kedua. Tulisan-tulisan beliau banyak dimuatkan dalam bentuk rencana-rencana ringkas (*Bulan Melayu*) yang bertujuan menasihati dan juga mendidik.¹⁸⁶ Slogan yang digunakan ialah ‘Moden Dididik Agama dibela’ telah menjadi asas perjuangan dan merupakan tema utama dalam kebanyakan penulisan beliau. Langkah ini diambil apabila beliau mendapati

¹⁸⁵ Rosnah Baharudin, Penulis Wanita Johor Dari Ibu Zain Ke Hasidah Disan, *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, 1998, Yayasan Warisan Johor, 1997, hlm. 71-72.

¹⁸⁶ Mahani Musa, Sumbangan Wanita Melayu Dalam Kegiatan Persuratkhabaran Dan Majalah Di Malaysia, Tahun 1920-an–1960-an, hlm. 66-67. *Bulan Melayu* ditubuhkan pada tahun 1 Jun 1930 sebuah majalah yang diterajui sendiri oleh wanita Melayu telah diterbitkan di Johor. Majalah berkenaan ialah majalah *Bulan Melayu* yang diasaskan oleh Ibu Zain

ramai wanita Melayu terutama yang berpendidikan mula terpengaruh dengan ideologi Barat dan juga Turki Moden.¹⁸⁷

Majalah *Bulan Melayu* bukan sahaja menjadi bahan bacaan kepada golongan wanita Melayu di Johor tetapi telah menjadi bahan bacaan bagi penduduk di Tanah Melayu. Melalui majalah ini, Ibu Zain telah menggesa wanita-wanita Melayu agar sedar tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Beliau juga mengingatkan ibu bapa agar menjaga cara berpakaian anak-anak perempuan mereka agar tidak bercanggah dengan syariat Islam.¹⁸⁸ Selain itu, Ibu Zain turut membuat kritikan terhadap novel *Hikayat Faridah Hanun* yang diterbitkan oleh Syed Syekh Ahmad al-Hadi yang dikatakan mempunyai pengaruh negatif kepada wanita Melayu. Novel ini juga dianggap sebagai novel yang memaparkan budaya masyarakat barat yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam.¹⁸⁹

Penerbitan *Bulan Melayu* oleh Ibu Zain bersama-sama guru-guru perempuannya secara tidak langsung menghasilkan bahan bacaan khas untuk wanita.¹⁹⁰ Hasilnya *Bulan Melayu* telah menjadi medan untuk kaum wanita menguji bakat sebagai penulis.¹⁹¹ Penerbitan majalah ini juga adalah hasil usaha dan kerjasama semua ahli, di mana setiap seorang diminta menyumbang sebahagian gaji bulanan untuk memestikan

¹⁸⁷ Dupa Sejarah, Penulisan Wanita Masa Lampau, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1992, hlm. 3-4.

¹⁸⁸ Lihat teguran dan nasihat Ibu Zain tentang cara berpakaian wanita Melayu dalam Mak Ngah, "Pakaian Perempuan Melayu", *Bulan Melayu*, 4, September 1930. Lihat juga Mak Ucu, "Pakaian Perempuan-Perempuan," *Bulan Melayu*, 9 Januari 1932.

¹⁸⁹ Lihat Zainah al-Nadhrhah, "Membalas Fikiran Cik Melur", *Majalah Guru*, jilid IV, 3 Mac 1927. Teguran ini bagi membalas penulisan Melur (Muhammad Yusuf Ahmad) yang menyarankan agar wanita Melayu berusaha untuk mendapatkan pendidikan barat seperti mana watak Faridah Hanun. Lihat tulisan Melur dalam Melur, "Teriakan Harapan", *Majalah Guru*, Jilid IV, 2 Februari 1927.

¹⁹⁰ Beliau juga seorang pengarang dan telah menghasilkan hampir 30 buah buku termasuk novel, roman sejarah, kisah kembara, drama dan buku akademik. Beliau dilahirkan pada 4 November 1919 di Batu Pahat, Johor. Untuk keterangan lanjut sila rujuk *Wajah: Biografi Penulis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm.558-563. Lihat juga Shahrarom Hussain, *Selingkar Kenangan Abadi*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, hlm. 10.

¹⁹¹ Majalah ini juga merupakan saingan kepada majalah *Kenchana* yang juga merupakan antara majalah yang mengetengahkan masalah wanita di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun *Bulan Melayu* mempunyai keistimewaannya yang tersendiri kerana dikendalikan sepenuhnya oleh wanita manakala *Kenchana* pula diterbitkan oleh seorang lelaki iaitu Asaad Shukri bin Haji Muda. Majalah *Kenchana* diterbitkan buat pertama kali pada April 1930 dan keluaran terakhir pada 1931.

penerbitannya tidak tergendala.¹⁹² Selain itu, mereka juga diwajibkan melanggan majalah berkenaan bagi memastikan kelancaran penerbitannya. Boleh dikatakan bahawa *Bulan Melayu* merupakan medan dan gelanggang penting bagi wanita Melayu menyuarakan cita-cita mereka untuk mengejar kejayaan dalam hidup terutama dalam bidang pendidikan, pengajaran dan kebudayaan yang bercorak kebangsaan dan agama.¹⁹³ Apa yang menarik ialah majalah ini turut menjadi bahan bacaan utama bagi guru-guru perempuan Melayu di NNMB.

Selain Ibu Zain, beberapa nama yang turut menonjol dalam bidang penulisan ialah Melor dan Wok binti Abdullah. Melor (nama samaran) yang sering menulis mengenai rencana-rencana serius dan sinis terutamanya sebelum Perang Dunia Kedua. Majalah ini juga diterbitkan bertujuan memberi bahan bacaan berkualiti kepada wanita yang memuatkan karya-karya kreatif seperti puisi dan cerpen serta rencana-rencana mengenai kesihatan dan nasihat mengenai bagaimana kaedah yang terbaik dalam mendidik anak-anak. Dalam masa yang sama ia juga bertujuan memberi kesedaran dan perubahan sikap serta peranan wanita sebagai ibu dan isteri. Kebanyakan rencana ditulis oleh Ibu Zain sendiri, kerana beliau yakin kedudukan wanita dalam masyarakat perlu diperbaiki.

Selain *Bulan Melayu*, penulis-penulis wanita Melayu juga terlibat dalam penulisan novel, rencana, cerita pendek dan juga puisi dalam majalah dan surat khabar pada masa tersebut. Dalam genre penulisan novel pula jika dibandingkan dengan novelis lelaki, novelis wanita bermula agak lewat. Novel Melayu yang awal ialah *Hikayat Faridah Hanun* yang diterbitkan pada tahun 1925-1926, sedangkan novel pertama yang dihasilkan oleh wanita ialah pada tahun 1941 yang berjudul *Cinta Budiman* karya Rafidah Yusof. Novel kedua pula juga diterbitkan pada tahun 1941 oleh

¹⁹² Shaharon Hussein, Peranan Bulan Melayu dan Tokoh-tokoh dalam Perkembangan Bahasa Persuratan Melayu, Kuala Lumpur, *Siri Mimeograf BKKM*, 1983, hlm.3.

¹⁹³ Shaharon Hussein, Peranan Bulan Melayu dan Tokoh-tokoh dalam Perkembangan Bahasa Persuratan Melayu, hlm. 6.

Kamariah A, berjudul *Dua pengembara*.¹⁹⁴ Kemudiannya selepas Perang Dunia Kedua iaitu tahun 1948 muncul Kamariah Saadon yang menghasilkan novel *Panggilan Ibonda* diikuti novel *Cincin Kahwin* karya Jahlelawati.¹⁹⁵

Selain menulis novel, terdapat juga penulis-penulis wanita Melayu yang menyumbang rencana dalam *Majalah Guru*.¹⁹⁶ Kebanyakan daripada mereka ialah guru-guru perempuan Melayu. Antara penulis wanita yang terlibat dalam ialah Rahimah Abdul Rahim, Rawiyah B. Mohd. Kasim, Fatimah Hashim, Zainab Abd Rahman, Asiah Bt, Muhammad Salleh, Salamah Bt. Muhammad Salleh, Zabedah Hj. Shahid, Bibi Bt.Ahmad dan lain-lain lagi.¹⁹⁷ Selain daripada *Bulan Melayu*, terdapat juga wanita Melayu yang menulis rencana-rencana dalam majalah lain seperti *Majalah Guru* dan *Majalah Tanah Melayu*. Antara isu yang sering diketengahkan terutamanya pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an ialah isu-isu berkaitan pendidikan dan juga kemasyarakatan

Antara isu yang sering dibangkitkan ialah masalah pendidikan wanita yang masih belum mendapat perhatian yang serius oleh kebanyakan orang Melayu. Sebagai contoh, Rahimah Bt Mutahir telah menyuarakan nasib yang menimpa anak-anak perempuan Melayu dalam ‘Alam Perempuan’, majalah *Tanah Melayu* pada 1935. Beliau menceritakan pengalamannya ketika kecil di mana anak-anak perempuan sukar mendapat kebenaran keluar rumah, sama ada untuk bersiar-siar ataupun ke sekolah. Beliau juga membandingkan dirinya dan kanak-kanaknya yang dikatakannya tidak

¹⁹⁴ Safian Hussain et.al, *Bibliografi Sastera Melayu Moden 1925-1980*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm. 84.

¹⁹⁵ Rosnah Baharudin, *Panggilan Ibonda: Tiga Novel Wanita Sebelum Merdeka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 26.

¹⁹⁶ *Majalah Guru* diterbitkan buat pertama kali di Seremban pada November 1924 sehingga Januari 1932, kemudiannya di Kuala Lumpur pada Februari 1932 sehingga Disember 1938, kemudiannya diterbitkan semula selepas Perang Dunia Ke-2 pada April 1947 sehingga Disember 1950, dan 1966 sehingga Disember 1968. Manakala di Pulau Pinang pula diterbitkan pada Januari 1931 sehingga Disember 1 Januari 1950. Penggunaan tulisan rumi ialah pada 2 Januari 1950 sehingga akhir 1968. Di antara pengarang-pengarang *Majalah Guru* ialah Muhammad Datuk Linggi, Mohd. Yasin Ma’amor, Hassan Abd. Manan, Zainal Abidin Ali dan Mohd. Noor Ahmad. Untuk keterangan lanjut lihat juga katalog surat khabar dan majalah Bahasa Malaysia, Arkib Negara Malaysia 1985.

¹⁹⁷ Untuk keterangan lebih lanjut lihat Dupa Sejarah, Penulisan Wanita Masa Lampau, Kuala Lumpur: Penerbit Arkib Negara Malaysia, 1992

berpeluang belajar dan telah menjadi buta huruf. Malah beliau sendiri mengakui bahawa pengetahuan dan kepandaian menulis dan membaca hanya diperoleh bila berumur belasan tahun. Beliau cuba mengajak pembaca yang terdiri daripada wanita memikirkan masa hadapan mereka terutama dari segi pendidikan. Baginya adalah menjadi kesalahan jika ibu bapa yang mahukan anak-anak gadisnya menguruskan rumah tangga sahaja. “hanya tahu ilmu senduk sahaja yang diajar.”¹⁹⁸

Selain itu, kaum wanita Melayu juga agak kecewa dengan sesetengah ibu bapa Melayu dan kaum lelaki yang menganggap bahawa kaum wanita yang diberi pelajaran akan menggugat kedudukan dan pekerjaan kaum lelaki. Reaksi ini dilihat melalui rencana yang ditulis oleh seorang pelajar perempuan iaitu Rahmah Abdul Rahim (Pelajar Sekolah Melayu Kampung Baharu, Kuala Lumpur) dalam *Majalah Guru*, Mac 1925. Antaranya ialah;

Janganlah pula kaum laki-laki memikirkan yang kami ini berkehendak menjadi majistret atau taun pegawai-pegawai memerintah negeri – tidak belum jemawa lagi ... melainkan yang kami berkehendak ialah pelajaran memerintah(rumah tangga) dan sebagainya serta juga pelajaran-pelajaran yang memberi perasaan yang halus dan pikiran tinggi dunia akhirat adanya.¹⁹⁹

Selain isu pendidikan, penulis-penulis wanita juga membuat kritik terhadap sikap sesetengah wanita Melayu yang dikatakan tidak mempunyai cita-cita yang tinggi serta suka membuang masa dengan benda yang tidak berfaedah.²⁰⁰ Mereka menyeru agak anak-anak perempuan Melayu disemai dengan cita-cita yang tinggi sebagaimana anak-anak lelaki. Selain itu, mereka juga mengkritik pihak kerajaan British yang tidak mengambil berat mengenai pendidikan wanita. Keadaan ini menyebabkan ramai anak

¹⁹⁸ Rahimah Bt Mutahir, Seruan Hidup, *Tanah Melayu*, bil 25, 1935, hlm.17-18.

¹⁹⁹ *Majalah Guru*, Mac 1925, hlm.47.

²⁰⁰ Zaedah Awang Ngah, *Antologi Esei Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964, hlm.34.

perempuan Melayu tidak diberi perhatian dalam pendidikan sebagaimana anak-anak lelaki. *Lembaran Guru* menyebut:

Banyaklah jika kita terangkan pula yang kanak-kanak lelaki itu bakal jadi guru-guru, kerani, pegawai, lawyer, hakim, engineer, datu, raja, sultan dan lain-lain. Mengapa! Tidakkah kanak-kanak perempuan itu layak dan mampu menjadi bakal penjawat yang tersebut itu? Ya tidak lain lagi sebabnya ialah kerana memang tidak dilatih diajar mereka itu akan segala perkara itu dan tidak ambil berat sedikit pun oleh pihak yang berkuasa ke atas pelajaran anak-anak perempuannya. Oleh sebab itu, tidak dikehendakkan mereka itu menjawat pekerjaan-pekerjaan yang tersebut itu kerana ia dikhaskan untuk anak lelaki sahaja dan anak perempuan memadailah atau jadilah untuk bakal penunggu atau mata-mata dapur.²⁰¹

Selain isu-isu pendidikan, penulis wanita juga sering membangkitkan isu-isu berkenaan kehidupan seharian kaum wanita yang banyak menghabiskan masa untuk pengurusan rumah tangga dan menjaga anak-anak.²⁰² Mereka juga digambarkan sering menghabiskan masa dengan berbual-bual kosong dan melakukan aktiviti yang dianggap kurang berfaedah terutamanya pada masa lapang. Akhbar *Tanah Melayu* pada tahun 1933 menggambarkan kebanyakan wanita Melayu banyak menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti berikut:

“...berbual-bual kosong, mengumpat atau mengata-ngata satu sama lain, membaca hikayat-hikayat dan syair-syair asyik masyuk. Duduk di tingkap kerana melihat orang lalu lalang. Mengamal ilmu-ilmu karut seperti ilmu pengasih, ilmu pemanis dan sebagainya. Atau membuat ubat guna supaya dikasihi akan dia oleh suaminya...”²⁰³

Selain terlibat menjadi penulis dalam akhbar dan majalah, terdapat juga dalam kalangan wanita Melayu khususnya Sebelum Perang Dunia Kedua yang terlibat dalam bidang penulisan cerpen. Walau bagaimanapun, penglibatan mereka dalam penulisan ini hanya dapat dilihat dengan jelas pada tahun-tahun 1930-an dan 1940-an. Terdapat juga sesetengah cerpen yang dijadikan sebagai cerita (bersiri) berkala yang dikeluarkan

²⁰¹ “Kewajipan Perempuan”, *Lembaran Guru*, Februari/Mac, 1927, hlm.42.

²⁰² “Kewajipan Perempuan”, *Lembaran Guru*, November 1926

²⁰³ *Tanah Melayu*, 1933, hlm.5

dalam majalah-majalah atau akhbar-akhbar. Kebanyakan karya yang dihasilkan adalah karya-karya yang berbentuk percintaan, kemasyarakatan, nasihat dan juga keagamaan. Sungguhpun kebanyakan majalah dan akhbar berkenaan bukan diterbitkan di NNMB, tetapi majalah dan akhbar ini telah diedarkan ke seluruh NNMB dan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pendudukan Tanah Melayu.

Penubuhan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (Malay Women's Training College MWTC) pada tahun 1935 telah memberi kesan yang besar terhadap kemunculan penulis-penulis wanita yang lebih berkaliber. Institusi ini merupakan satu-satunya pusat pengajian tinggi yang didirikan oleh kerajaan bagi golongan wanita Melayu setelah berjaya menamatkan pelajaran di sekolah vernakular Melayu. Walaupun jumlahnya penuntutnya adalah kecil iaitu 25 orang setiap pengambilan tetapi mereka inilah yang menjadi sandaran utama orang Melayu untuk menyedarkan dan meningkatkan pendidikan untuk golongan wanita. Ramai lulusan daripada Maktab ini telah menjadi penulis dan menyumbang rencana dan idea dalam akhbar dan majalah Melayu di Tanah Melayu terutama pada akhir tahun 1930-an.

Jadual 6.7: Pencapaian Wanita Melayu Dalam Bidang Penulisan Cerpen Dari Tahun 1896 Sehingga 1941

	Nama Pengarang	Tajuk / Judul	Kategori	Tahun Diterbitkan
1	Hafsah	“Kesedihan Perkahwinan Paksa” dalam <i>Majalah Pemimpin Melayu</i> , Jilid.2 di Perak	Cerpen	23.Jan.1934
2	Siti Nurmah	“Waktu Isyak Menangkap Pencuri” dalam <i>Majalah Dunia Sekarang</i> , bil.13.	Cerpen	13.Nov 1934.
3	Zawiyah Ali	“Didikan Wayang Gambar (Dari Sekolah Ke Hotel)” dalam <i>Dewan Perempuan</i> , 1: jilid 1.1. (bersiri)	Cerpen	1.Mei 1935

4	Tanpa nama	“Yasmin Anak Perempuan Arab” dalam <i>Bulan Melayu</i> , Jilid.3.5	Cerpen	31.Jul.1935
5	Sharifah Fatimah bt Khalid	“Ilmu terlebih berharga Daripada Berlian” dalam <i>Bulan Melayu</i> , Jilid.3.6	Cerpen	30.Ogos. 1935
6	Tanpa nama	“Puteri Samarkand” dalam <i>Bulan Melayu</i> , 1: Jilid 3.11	Cerpen	29.Jan.1936
7	Cik Wok Ipoh	“Tak Tumbuh Tak Melata” dalam <i>Tanah Melayu</i> , Bil.31	Cerpen	Mei.1936
8	Wok Jamilah, Kuala Cheka	“Kepercayaan Yang Karut” dalam <i>Warta Jenaka</i> , Bil.43	Cerpen	28.Jul.1937
9	Cempaka Perak	“ <i>Cinta Itu Bahaya</i> ” dalam <i>Warta Ahad</i> , Bil.157	Cerpen	1.Mei.1938
10	Cik Masiang bt. Haji.Kemas Osman	<ol style="list-style-type: none"> 1. “Bencana Kawan” dalam <i>Majalah Cerita</i>, Bil.4 2. “Perkasihan Yang Malang” dalam <i>Majalah Cerita</i>, Bil.5 3. “Musuh Dalam Selimut” dalam <i>Majalah Cerita</i>, Bil.7 	Cerpen	Feb.1939 April.1939 July.1939
11	Rehan Hanun bt Dadamia	“Rumah Anak Panah Merak” dalam <i>Majalah Cerita</i> , Bil.4	Cerpen	Feb.1939
12	Putih bt Ariffin	“Pungguk Merindukan Bulan” dalam <i>Majalah Guru</i> , Jilid.17.7	Cerpen	1.July.1940
13	Khadijah bt.Abdullah	“Sambil Menyelam Minum Air” dalam <i>Idaman</i> , Jilid.1.3	Cerpen	1.July.1940
14	Rabiah bit.Ramli	“Korban Kahwin Suka Sama Suka” dalam <i>Utusan Zaman</i> , Jilid.2	cerpen	12. July. 1941

Sumber: Hashim Awang, *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.

Semasa pendudukan Jepun iaitu dari tahun 1942 sehingga 1945, penglibatan wanita Melayu dalam bidang penulisan dan kewartawanan semakin menggalakkan. Boleh dikatakan bahawa pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah menyemarakkan lagi semangat dan perjuangan emansipasi wanita. Perkembangan ini juga dikaitkan dengan tahap pendidikan dan kadar celik huruf dalam kalangan wanita Melayu yang semakin meningkat pada ketika itu.²⁰⁴

... Gadis-gadis kampung saya yang ada pada tahun-tahun sebelum perang dahulu, ketika saya masih bersekolah, hanya terdedah kepada kami melalui celah-celah langsir tingkap rumah mereka, dalam zaman Jepun itu telah keluar bekerja beramai-ramai sebagai buruh dan kerani di kota .. tembok-tembok tradisi yang mengurung mereka selama ini telah runtuh akibat peperangan.²⁰⁵

Faktor pendidikan memainkan peranan yang penting dalam melahirkan lebih ramai wanita Melayu untuk terlibat dalam bidang kewartawanan khususnya pada zaman Pendudukan Jepun. Akhbar *Berita Malai*²⁰⁶ merupakan antara akhbar pada zaman Jepun yang mengambil penulis wanita untuk mengelolakan ruangan wanita. Wanita Melayu yang pertama diambil bekerja bernama Nuraini, iaitu seorang ustazah yang berasal dari Sumatera. Seorang lagi wanita Melayu yang diambil bekerja ialah Rohana Djamil yang sebelum ini membantu suaminya Zainal Abidin Ahmad mengendalikan *Fajar Asia*.²⁰⁷ Kemudiannya Hamidah Hassan Lubis yang pernah menjadi guru di Pulau Pinang bekerja di *Berita Malai* (sebelumnya *Utusan Melayu*).

Walaupun banyak akhbar dan majalah sebelum Perang dihentikan penerbitannya semasa pendudukan, tetapi ruang khas untuk wanita disediakan dalam

²⁰⁴ *Berita Harian* dalam ruangan "Bila Sauh Di Labuh" 9 November 1988.

²⁰⁵ A. Samad Ismail, *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm.166.

²⁰⁶ *Berita Malai* ialah gabungan penerbitan *Warta Malaya* dan *Utusan Melayu* yang diletakkan di bawah agensi "Malai Syinbun Sya" Syarikat Persuratkhabaran Melayu.

²⁰⁷ *Fajar Asia* dicetak dan diterbitkan oleh Ahmadiyah Press di Singapura mulai Januari 1943. Majalah ini merupakan majalah yang diterbitkan dua kali seminggu dalam tulisan rumi. Tetapi pada bulan Mei 1944 diambil alih oleh *Malai Syinbun Sya* atas alasan untuk berjimat cermat kerana masalah kertas. Untuk keterangan lanjut sila lihat Kamaruzzaman Kadir, *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm.59.

majalah lain yang diberi kebenaran oleh kerajaan. Sebagai contoh majalah *Fajar Asia* (terbit pada bulan Januari 1943) menerusi ruangan "Barisan Puteri" menjadi medan penulis-penulis wanita zaman sebelum perang seperti Ibu Zain menyumbang idea dengan lebih bersemangat untuk membela kaum wanita dan tanah air.²⁰⁸ Idea-idea yang disampaikan oleh kaum wanita yang berpendidikan pada zaman Perang tidak lagi terhad kepada isu-isu wanita sahaja tetapi merangkumi isu kemerdekaan dan peranan wanita dalam pembangunan masyarakat.

Wanita zaman ini menggelar diri mereka "wanita zaman baru", iaitu suatu fenomena yang juga dikesan berlaku di negara-negara Asia Tenggara yang lain. Apa yang jelas ialah, pencapaian wanita Melayu dalam bidang penulisan dan kewartawanan khususnya pada tahun 1920-an sehingga 1940-an adalah hasil daripada perkembangan pendidikan wanita dari tahun 1896 sehingga 1941. Kemunculan golongan penulis wanita Melayu mula kesan pada tahun-tahun 1900-an lagi kemudiannya berkembang pada tahun 1930-an. Tahun 1940-an sehingga tahun 1957 boleh dianggap sebagai tahun kebangkitan wanita dalam bidang penulisan dan kewartawanan.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pencapaian wanita Melayu sama ada dalam bidang pendidikan, berserikat, kesihatan dan juga penulisan adalah akibat langsung daripada perkembangan pendidikan dalam kalangan wanita Melayu. Selepas tahun 1920-an, jumlah anak-anak perempuan Melayu yang mendapat pendidikan juga semakin meningkat dan ada sesetengahnya pula berpeluang mendapatkan pendidikan Inggeris. Peningkatan ini memberi ruang kepada kemunculan golongan terpelajar perempuan Melayu yang merupakan perintis awal kepada penglibatan wanita dalam bidang

²⁰⁸ Hamidah Hassan dilahirkan di Singapura pada 17 Disember 1926 dan mendirikan rumah tangga dengan A Samad Ismail tahun 1945. Dalam perjuangan kemerdekaan beliau bergerak cergas dalam pergerakan UMNO Singapura. Pernah menjadi Ketua Gerakan Kaum Ibu UMNO Singapura 1953 hingga 1958. Beliau juga seorang novelis yang menghasilkan *Meniti Pelangi* (1964) lihat juga *Berita Minggu* 15 Julai 1990.

pendidikan, penulisan, kesihatan dan juga berpersatuan. Malahan menjelang tahun 1940-an, golongan wanita bukan lagi dianggap sebagai “kerani dapur”, “Pengkulu dapur”, “tahu ilmu memegang senduk” dan sebagainya. Mereka mula diberi jolokan baharu iaitu “wanita zaman baharu” yang sinonim dengan peranan dan penglibatan mereka yang semakin aktif.

University of Malaya

BAB 7

KESIMPULAN

Sebelum kedatangan British, Tanah Melayu sudahpun mempunyai sistem pendidikannya yang tersendiri. Pendidikan pada zaman ini bolehlah dikategorikan sebagai sistem pendidikan yang berlaku secara sosialisasi dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Pendidikan yang diberikan juga berbeza antara anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan bersesuaian dengan peranan dan kedudukannya dalam masyarakat. Setelah kemasukan agama Islam, pendidikan Islam mula diberikan kepada anak-anak lelaki dan perempuan. Ibu atau bapa akan berperanan sebagai guru yang mengajar asas-asas agama seperti ilmu fardu ain, fardu kifayah, mengenal huruf-huruf Arab dan juga membaca al-Quran. Manakala sesetengahnya pula menghantar anak-anak mereka ke rumah-rumah guru dan juga ke surau-surau yang berhampiran dengan rumah mereka untuk mempelajari ilmu-ilmu agama. Anak-anak lelaki dan perempuan akan diajar oleh guru agama yang kebiasaannya adalah iman atau mereka yang mahir dalam ilmu agama.

Penubuhan sekolah secara formal dalam masyarakat Melayu mula di kesan pada penghujung abad ke-18 di Melaka. Kenyataan Abdullah Munsyi bahawa neneknya Peri Achi telah membuka sekolah secara formal kepada anak-anak lelaki dan perempuan Melayu di Melaka. Sekolah ini mempunyai sukatan dan sistem persekolahan yang menyamai sistem persekolahan moden pada zaman British. Oleh yang demikian, tanggapan bahawa pendidikan secara formal di Tanah Melayu hanya dimulakan oleh kerajaan British adalah tidak tepat. Pada tahun 1885, kerajaan British mula memperkenalkan sistem pendidikan sekular kepada anak-anak perempuan Melayu.

Walau bagaimanapun, pengenalan sistem pendidikan ini dikatakan kurang mendapat sambutan daripada orang Melayu.

Berdasarkan dapatan kajian, penolakan ini telah memberi kesan kepada pembangunan dan perkembangan sekolah-sekolah Melayu khususnya di NNMB. Masalah ini bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan pendidikan untuk kanak-kanak lelaki tetapi turut memberi kesan kepada sistem pendidikan untuk anak-anak perempuan. Pada asasnya perkembangan pendidikan sekular kepada anak-anak perempuan Melayu di NNMB boleh dibahagikan kepada tiga tahap yang penting. Tahap pertama ialah tahap permulaan iaitu dari tahun 1896 sehingga ke tahun 1914, iaitu sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama. Tahap yang kedua ialah dari tahun 1915 sehingga ke tahun 1930 sebagai tahun pembangunan dan tahap ketiga pula ialah dari tahun 1931 sehingga 1941 sebagai tahap perkembangan pendidikan wanita. Pada tahap pertama atau permulaan perkembangan pendidikan wanita Melayu agak perlahan dan dikatakan menghadapi pelbagai masalah. Dalam laporan kerajaan, sama ada warta kerajaan (Gazette), laporan pendidikan (Annual Report on Education) dan juga laporan pentadbiran (Administration Report) bagi setiap negeri di NNMB melaporkan bahawa pendidikan wanita Melayu menghadapi pelbagai masalah dan berkembang secara perlahan.

Masalah pendidikan wanita Melayu seperti yang dilaporkan oleh kerajaan British boleh dibahagikan kepada empat aspek. Masalah yang pertama ialah masalah kebimbangan ibu bapa terhadap pengetahuan menulis dan membaca yang boleh membawa kepada penulisan surat cinta dan hubungan cinta secara sulit. Masalah kedua ialah kebimbangan ibu bapa terhadap keselamatan anak perempuan mereka semasa pergi dan balik daripada sekolah kerana terpaksa melalui hutan, sungai dan sebagainya. Masalah ketiga pula ialah ibu bapa merasa bahawa sukatan pelajaran seperti memasak dan menjahit boleh diajar kepada anak-anak perempuan mereka tanpa perlu pergi ke

sekolah. Manakala yang keempat pula ibu bapa memerlukan khidmat anak perempuan mereka untuk menguruskan rumah tangga dan membantu menjaga adik-adik yang lain.

Kesemua punca masalah sepertimana yang dilaporkan oleh kerajaan British adalah berpunca daripada orang Melayu sendiri. Oleh itu, mereka melabelkan orang Melayu sebagai 'Prejudis', 'Kolot', 'Terkongkong dengan Adat', 'pesimis' dan sebagainya. Jika dilihat secara terperinci, pandangan British sebenarnya lebih bersifat prejudis dan mempunyai niat yang tersendiri. Dari aspek yang lain, pandangan kerajaan British ini dilihat tidak adil kerana telahan dan pandangan yang diberikan dilihat dari kaca mata masyarakat dan budaya barat. Selain itu, terdapat juga kecenderungan British untuk melihat masalah pendidikan wanita Melayu di NNMB seperti mana pendidikan wanita di negara-negara Afrika atau India yang lebih awal dijajah oleh British. Persoalan-persoalan penting ini perlu diteliti secara mendalam dengan mengambil kira semua aspek sebelum boleh dibuat interpretasi. Apa yang mendukacitakan ialah, pandangan dan kesimpulan awal ini turut menjadi pegangan pengkaji-pengkaji dan pegawai-pegawai British antaranya ialah R.J. Wilkinson, Frank Swettehem, Willian R.Roff, R.O.Wintedt, W.E. Maxwell, Rex Stevenson dan lain-lain lagi. Terdapat juga sesetengah pengkaji tempatan yang sependapat dengan kenyataan berkenaan tanpa melihat masalah berkenaan dari pelbagai aspek.

Pada awal pembukaan Sekolah Perempuan Melayu Teluk Belanga Singapura, masalah utama yang dilaporkan ialah masalah kedatangan pelajar yang dikatakan semakin berkurangan dan menyebabkan sekolah berkenaan akhirnya terpaksa ditutup. Masalah yang sama juga dilaporkan oleh kerajaan British apabila sekolah perempuan Melayu ditubuhkan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Apa yang menjadi persoalan ialah sejauh manakah masalah berkenaan berpunca daripada orang Melayu. Jika diteliti secara khusus, pada peringkat awal penubuhan, sekolah perempuan Melayu hanya didirikan di bandar-bandar utama seperti Taiping, Matang, Kuala Kangsar, Kuala

Langat, Kajang dan juga Kuala Lumpur. Bandar-bandar berkenaan merupakan bandar perlombongan biji timah dan menjadi tumpuan buruh-buruh dari Cina dan India. Oleh itu, pembinaan sekolah perempuan Melayu di kawasan-kawasan ini dilihat tidak sesuai dan tidak praktikal. Masalah ini boleh dilihat apabila pihak kerajaan dan orang Melayu di kawasan berkenaan sukar untuk mendapatkan sejumlah pelajar bagi membolehkan sekolah berkenaan beroperasi.

Situasi berkenaan menunjukkan kerajaan British sebenarnya tidak mempunyai perancangan yang jelas terhadap pembinaan sekolah-sekolah perempuan Melayu. Disebabkan ketiadaan peruntukan, sekolah-sekolah perempuan Melayu pada peringkat awal didirikan sendiri oleh orang Melayu, manakala sesetengahnya diberi bantuan oleh Raja-raja Melayu. Kerajaan British hanya memberi bantuan dari segi penyediaan guru dan kemudahan pembelajaran, itu pun setelah mereka berpuas hati dengan jumlah pelajar dan juga kehadiran mereka. Apa yang dapat dilihat ialah orang Melayu telah berusaha menyediakan tanah, mendirikan sekolah, mencari guru, menyediakan kelengkapan sekolah dan sebagainya. Mereka juga telah berjaya menyediakan sejumlah pelajar perempuan untuk didaftarkan sebagai pelajar. Tugas ini seolah-olah diletakkan sepenuhnya kepada orang Melayu dan kerajaan British hanya bertindak sebagai pemerhati sahaja.

Selain itu, tidak ada usaha yang dilakukan oleh kerajaan British untuk membantu mengekalkan pelajar perempuan di sekolah. Apa yang sering dilaporkan ialah peratusan kedatangan kanak-kanak perempuan di sekolah merosot dan sekolah terpaksa ditutup kerana jumlah pelajar yang sedikit. Lebih malang lagi apabila tiada usaha yang digerakkan oleh kerajaan British untuk menangani masalah berkenaan. Apa yang lebih mendukacitakan ialah tindakan kerajaan British yang menutup atau memindahkan sekolah berkenaan ke kawasan lain walaupun sekolah berkenaan baharu

sahaja dibuka. Alasan yang sering digunakan adalah bilangan pelajar yang tidak mencukupi.

Situasi ini jelas menunjukkan bahawa faktor sebenar yang mempengaruhi kehadiran pelajar perempuan ke sekolah adalah disebabkan sokongan, bantuan dan kelengkapan pembelajaran yang mencukupi, tetapi perkara ini tidak menjadi keutamaan kerajaan British. Walaupun terdapat undang-undang wajib ke sekolah, namun pengenalan undang-undang ini dilihat hanya sekadar untuk menunjukkan bahawa ada usaha daripada kerajaan British untuk membela pendidikan orang Melayu. Apa yang dipersoalkan ialah, bagaimana untuk mengimplementasikan peraturan ini sekiranya jumlah sekolah Melayu pada tahun 1902 adalah sedikit dan hanya terdapat di kawasan-kawasan bandar sahaja. Oleh itu, undang-undang ini sangat tidak praktikal dan hanya bertujuan untuk menutup kelemahan pentadbiran British sahaja. Apa yang mendukacitakan ialah, dari tahun 1896 sehingga 1941, undang-undang wajib ke sekolah (compulsory education) hanya dikenakan kepada anak-anak lelaki sahaja dan bukannya kepada semua anak Melayu. Apa yang jelas ialah, pendidikan kepada anak-anak perempuan Melayu bukan menjadi keutamaan kerajaan British, malahan ia boleh dianggap sebagai tempelan kepada sistem persekolahan untuk anak-anak lelaki.

Sering kali apabila melaporkan perkara berkenaan, kerajaan British menyatakan bahawa orang Melayu yang beragama Islam mempunyai peraturan-peraturan tertentu yang melarang anak perempuan untuk mendapatkan pendidikan. Kerajaan British sebenarnya sedar bahawa anak-anak perempuan Melayu sememangnya diberikan pendidikan oleh orang Melayu sebelum kedatangan British lagi. Keadaan ini boleh dilihat melalui penubuhan surau-surau dan sekolah-sekolah agama untuk memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan. Walau bagaimanapun, British masih menganggap bahawa orang Melayu tidak mementingkan pendidikan kepada anak-anak

perempuan. Kenyataan ini dilihat lebih bersifat 'prejudis' dan dalam sesetengah keadaan ia dilihat cuba untuk menutup niat sebenar kerajaan British.

Dari sudut yang lain, kemerosotan kehadiran pelajar ke sekolah juga mempunyai kaitan dengan ketiadaan guru atau guru yang tidak terlatih. Keadaan ini boleh dilihat apabila kerajaan British menggunakan khidmat guru Quran dan juga mengambil sesiapa sahaja yang tahu kemahiran menulis, membaca dan mengira. Daripada situasi berkenaan, boleh kita katakan bahawa pembelajaran di sekolah-sekolah perempuan adalah tidak teratur, kaku dan juga membosankan. Keadaan ini sememangnya disedari oleh ibu bapa Melayu dan mereka merasakan adalah tidak perlu untuk membenarkan anak-anak perempuan mereka ke sekolah sekiranya tidak memberi manfaat. Tindakan inilah yang ditafsirkan oleh kerajaan British sebagai prejudis dan terkongkong dengan adat. Masalah-masalah ini sebenarnya disedari oleh kerajaan British, tetapi oleh sebab sikap angkuh, mereka meletakkan masalah ini kepada orang Melayu.

Selain itu, masalah kekurangan dan kedaifan kemudahan infrastruktur seperti bangunan sekolah, kemudahan pembelajaran, dan juga kemudahan jalan perhubungan juga telah memberi kesan kepada perkembangan pendidikan wanita. Jumlah sekolah perempuan Melayu yang sedikit pada tahap ini memberi gambaran bahawa pendidikan wanita Melayu tidak mendapat perhatian daripada kerajaan British. Kedaifan dan kekurangan kemudahan jalan perhubungan juga telah menyebabkan ramai anak perempuan Melayu tidak dapat dihantar ke sekolah. Hal ini kerana, kebanyakan Sekolah Perempuan Melayu pada tahap ini didirikan di kawasan bandar-bandar utama sahaja. Masalah kekurangan jalan perhubungan ini juga telah menyebabkan orang Melayu bimbang mengenai keselamatan anak-anak perempuan mereka sama ada pergi atau baik daripada sekolah.

Secara keseluruhannya, perkembangan pendidikan wanita Melayu pada tahap permulaan ini (1896-1914) adalah perlahan dan jauh ketinggalan jika dibandingkan

dengan pendidikan untuk anak-anak lelaki. Hasil daripada dapatan kajian mendapati bahawa masalah sebenar pendidikan wanita Melayu khususnya pada peringkat awal adalah disebabkan oleh ketiadaan dasar dan perancangan yang jelas oleh kerajaan British untuk membangunkan pendidikan wanita. Bagi menutup kegagalan berkenaan dan juga mengaburi mata Raja-raja dan orang Melayu, mereka meletakkan sepenuhnya kesalahan berkenaan kepada orang Melayu. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan juga bahawa masalah pendidikan wanita Melayu pada peringkat awal juga adalah disebabkan sikap dan persepsi orang Melayu terhadap pendidikan wanita. Namun, ia tidaklah berterusan sepanjang abad seperti mana yang dilaporkan oleh kerajaan British.

Tahap kedua perkembangan pendidikan wanita Melayu ialah dari tahun 1914 sehingga 1920 iaitu dari tahun meletusnya Perang Dunia Pertama (28 Julai 1914-11 November 1918) sehingga kepada tahun 1930. Tahap ini boleh dianggap sebagai tahun pembangunan pendidikan wanita Melayu. Pada tahun ini berlaku pertumbuhan sekolah perempuan Melayu daripada 55 buah pada tahun 1914 kepada 82 buah pada tahun 1930. Berdasarkan dapatan kajian, pada tahap ini, penglibatan Raja-raja Melayu, golongan intelektual Melayu, golongan agama (Kaum Muda dan Kaum Tua), ketua-ketua masyarakat tempatan adalah amat menggalakkan. Kerajaan British juga mula memberi perhatian terhadap pendidikan wanita apabila menyedari orang Melayu mula memberi tekanan dan mendesak kerajaan British memberi perhatian terhadap pendidikan wanita Melayu. Jika kita tinjau pada tahap permulaan, Raja-raja Melayu merupakan pelopor kepada pembukaan beberapa sekolah perempuan Melayu seperti Sekolah Perempuan Melayu Bandar di Kuala Langat, Sekolah Perempuan Melayu Kuala Kangsar dan Sekolah Perempuan Melayu Seri Menanti.

Manakala pada tahap kedua, Raja-raja Melayu mula mendesak kerajaan British memainkan peranan dan menyediakan bantuan kewangan kepada penubuhan sekolah perempuan Melayu khususnya di NNMB. Akibat desakan ini kerajaan British mula

memberi perhatian terhadap pendidikan wanita Melayu sama ada dari segi pembinaan sekolah, pengubahsuaian kurikulum dan juga bantuan kewangan kepada pelajar perempuan terutamanya kemudahan biasiswa. Ruang dan peluang juga sedikit demi sedikit mula dibuka kepada anak-anak perempuan untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah Inggeris. Raja-raja Melayu dalam persidangan DURBAR mula mendesak agar kerajaan British memberi perhatian terhadap masalah kekurangan guru di sekolah perempuan dan juga membuka lebih banyak peluang untuk anak-anak perempuan memasuki sekolah Inggeris. Hasil desakan ini menyebabkan jumlah pelajar perempuan yang bersekolah di sekolah Inggeris meningkat secara luar biasa.

Selain Raja-raja Melayu, golongan intelektual Melayu yang terdiri daripada mereka yang lulusan sekolah Melayu, sekolah Inggeris, sekolah pondok dan juga lulusan daripada Timur Tengah juga telah memainkan peranan penting dalam memartabatkan pendidikan wanita. Walaupun terdapat pertentangan pendapat antara *Kaum Muda* (aliran reformasi Timur Tengah) dan *Kaum Tua* (Ulama tradisional), tetapi matlamat asal mereka adalah untuk memberikan pendidikan yang terbaik untuk anak-anak perempuan Melayu. Pengaruh *Kaum Muda* dilihat lebih dominan selepas tahun-tahun 1920-an, apabila idea pembaharuan dalam pendidikan mula diterima oleh orang Melayu. Tambahan pula gerakan penyebaran idea pembaharuan ini dilihat lebih mudah apabila sudah ramai penduduk Tanah Melayu mula celik huruf. Melalui penerbitan majalah dan akhbar, idea ini mudah disalurkan dan secara beransur-ansur mula diterima oleh orang Melayu. Keadaan ini bukan sahaja menggusarkan kerajaan British tetapi juga mencemaskan *Kaum Tua* yang mula merasakan peranan dan kedudukan mereka mula tergugat.

Selain daripada golongan agama, usaha memajukan pendidikan wanita juga turut diperjuangkan oleh golongan intelektual Melayu yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan British, guru-guru dan juga pemimpin masyarakat. Bagi guru-guru

Melayu sama ada guru lelaki atau perempuan, pendidikan sewajarnya diberikan secara adil kepada anak-anak lelaki ataupun perempuan. Melalui rencana-rencana dalam akhbar dan majalah, mereka mendesak agar orang Melayu sedar bahawa anak-anak perempuan juga harus diberikan peluang untuk mendapatkan pendidikan sebagaimana anak-anak lelaki. Mereka juga mula mendesak agar kerajaan British memberi tumpuan kepada pembinaan sekolah-sekolah perempuan, pusat latihan perguruan dan juga membuka peluang yang lebih luas untuk anak-anak perempuan Melayu memasuki Sekolah Inggeris. Saranan dan desakan ini sememangnya mendapat perhatian kerajaan British. Tambahan pula, British sedar betapa pentingnya mengambil hati Raja-raja Melayu dan golongan intelektual Melayu sekiranya mereka ingin terus kekal memerintah Tanah Melayu.

Hasilnya, satu perubahan mula dibuat oleh kerajaan British terhadap struktur pentadbiran dan pengurusan serta pengubahsuaian kurikulum sekolah perempuan Melayu yang dikatakan lebih baik daripada kurikulum sebelumnya. Dari sudut pengurusan dan pentadbiran, cadangan R.O.Winstedt untuk mewujudkan jawatan Lady Supervisor ini telah memberi kesan yang ketara terhadap pembangunan pendidikan wanita Melayu. Kewujudan jawatan ini juga menandakan bahawa pendidikan untuk anak-anak perempuan sudah mencapai satu tahap kemajuan yang boleh dibanggakan. Perlantikan *Lady Supervisor* (A.R.MacIver) pada tahun 1919 dan *Assistant Lady Supervisor* pada tahun 1932 telah memberi kesan terhadap kelicinan pentadbiran dan pengurusan sekolah perempuan. Usaha-usah ini sedikit sebanyak mengurangkan masalah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah perempuan. Dalam aspek kurikulum, cadangan R.O. Winstedt terhadap kurikulum dilihat mengundur ke belakang dan masih terikat kepada matlamat asal pendidikan British kepada orang Melayu.

Cadangannya untuk mengurangkan tempoh persekolahan dari lima tahun kepada empat tahun dilihat sebagai langkah ke belakang dan sengaja untuk melemahkan

pendidikan orang Melayu. Perubahan kedua yang diketengahkan ialah pengenalan mata pelajaran pertukangan dan anyaman juga dilihat tidak banyak memberi manfaat kepada anak-anak Melayu. Mata pelajaran seperti pertukangan tangan dan anyaman sebenarnya telah wujud dalam kurikulum sekolah Melayu. Tambahan pula, kemahiran ini sebenarnya adalah kemahiran yang sememangnya dimiliki oleh orang Melayu sejak zaman sebelum kedatangan British lagi.

Walau bagaimanapun, apa yang menarik ialah pada tahap ini, sudah ramai anak perempuan Melayu berpeluang untuk mendapatkan pendidikan dan ada sesetengahnya juga sanggup bersekolah di sekolah lelaki semata-mata untuk mendapatkan pendidikan. Tahap ini juga sangat penting kerana pada tempoh masa 1915 sehingga 1930, banyak perubahan telah berlaku dalam pendidikan perempuan Melayu. Pada tahap kedua ini, orang Melayu telah mula menyedari tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak perempuan. Kerajaan British juga mula memberi perhatian terhadap pendidikan wanita walaupun usaha yang dilakukan masih lagi terhad dan terikat dengan dasar British terhadap pendidikan orang Melayu.

Tahap yang terakhir ialah tahap perkembangan pendidikan wanita Melayu yang meliputi tahun 1930 sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Apa yang menarik pada tahap ketiga ini ialah pertambahan bilangan pelajar Melayu yang mendapat pendidikan meningkat dengan mendadak. Walaupun jumlah sekolah perempuan Melayu tidak menunjukkan peningkatan namun jumlah pelajar perempuan Melayu terutamanya di sekolah-sekolah lelaki menunjukkan peningkatan yang ketara. Pada penghujung tahun 1930-an jumlah pelajar perempuan yang bersekolah di sekolah lelaki telah meningkat daripada 14.9 peratus pada tahun 1923 kepada 62.3 peratus pada tahun 1938. Peratusan ini menunjukkan peningkatan luar biasa pelajar perempuan di sekolah-sekolah lelaki.

Keadaan ini menunjukkan bahawa wujud kesedaran yang tinggi dalam kalangan orang Melayu pada tahun 1930-an untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak

perempuan. Peningkatan ini juga menunjukkan bahawa halangan adat yang dikatakan menjadi punca utama kepada pendidikan wanita Melayu telah mulai berkurangan. Situasi ini juga disedari oleh kerajaan British dan dalam laporan-laporan tahunan juga mereka menyedari bahawa orang Melayu mula menunjukkan minat yang tinggi terhadap pendidikan wanita. Walau bagaimanapun, sehingga penghujung tahun 1930-an, tiada usaha-usaha yang bersungguh-sungguh untuk mendirikan lebih banyak sekolah perempuan Melayu di NNMB. Kerajaan British sering menggunakan alasan kekurangan peruntukan untuk tidak membantu mendirikan lebih banyak sekolah perempuan.

Secara kesimpulannya, perkembangan pendidikan wanita Melayu melalui pelbagai cabaran dan masalah sepanjang tahun 1896 sehingga 1941. Walaupun pada peringkat awal pendidikan wanita Melayu dilihat agak perlahan, namun menjelang tahun 1920-an, pendidikan wanita mula menunjukkan peningkatan. Adalah tidak wajar dan tidak adil jika kelemahan dan kemunduran pendidikan wanita diletakkan sepenuhnya kepada orang Melayu. Melalui dapatan kajian, kerajaan British sebenarnya bertanggungjawab terhadap kelemahan dan kemunduran pendidikan wanita Melayu khususnya di NNMB. Pada dasarnya orang Melayu telah berusaha untuk memajukan pendidikan wanita tetapi perkara sebaliknya dilakukan oleh kerajaan British. Hanya semasa meletusnya Perang Dunia Pertama dan beberapa tahun selepasnya barulah ada usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan British untuk memajukan pendidikan wanita Melayu. Beberapa perubahan dan bantuan telah dilakukan oleh kerajaan British meliputi sistem pentadbiran, kurikulum dan juga peruntukan kewangan. Usaha ini telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada perkembangan pendidikan wanita Melayu khususnya selepas tahun 1920-an. Walau bagaimanapun usaha yang dilakukan masih terhad namun ia sedikit sebanyak telah membantu mengembangkan pendidikan wanita Melayu di NNMB.

BIBLIOGRAFI

SUMBER PERTAMA

DOKUMEN/ REKOD RASMI YANG TIDAK DITERBITKAN

A) Rekod Pejabat Kolonial

- CO 54/887/11 Vernacular School: Teacher Salaries
CO 1030/309 Annual Report Of The Education Department 1935, F.M.S
CO 129/573/7 Vernacular Schools, Gov. Grant Of Subsidies, 1938, Hong Kong (No. Fail 53923)
CO 273/51 Despatch, Acting Governor to Colonial Office, 21 November 1871.
CO 273/557 Inter-colonial Congress on Education on the Colonies, Held in Connection with the International Colonial Exhibition at Paris, September 1931.
CO 273/593/3 Training Centre For Malay Women Teachers, 1933(No. Fail. 13167)
CO 273/601/23 Training Centre For Malay Women Teachers, 1933(No. Fail. 13164)
CO 323/1374/13 Medical, Welfare work among natives women and children: Attention for activities of medical women in the colonies, 1935 (No. Fail. 3449/35)
CO 439/1 Selangor Sessional Papers. 1888-1905
CO 439/2, Annual Report, States of Selangor.1896-1905
CO 439/3, Annual Report, States of Selangor.1906-1924
CO 439/4, Annual Report, States of Selangor.1925-1939
CO 439/5, Annual Report, States of Selangor.1934-1941
CO 463/3 *Negeri Sembilan Government Gazettes* 1901-1902
CO 463/7 *Negeri Sembilan Government Gazettes* 1906
CO 466 *Pahang Government Gazettes* 1904-1908
CO 467/7 *Perak Government Gazettes* 1897
CO 467/10 *Perak Government Gazettes* 1899
CO 467/11 *Perak Government Gazettes* 1900
CO 467/11 *Perak Government Gazettes* 1906
CO 467/19 *Perak Government Gazettes* 1908
CO 467/20 *Perak Government Gazettes* 1909
CO 469/6 *Perak Government Gazettes* 1895
CO 469/7 *Selangor Government Gazettes* 1897
CO 469/11 *Selangor Government Gazettes* 1901
CO 469/14 *Selangor Government Gazettes* 1905
CO 537/3751/136798, Pan Islamic Movement.
CO 573/50 Annual Report on the F.M.S 1934.
CO 574/26 *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" for the year 1920*
CO 574/29 *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" for the year 1921*
CO 574/41 *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" for the year 1925*
CO 574/50 *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" for the year 1928*
CO 574/53 *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" for the year 1929*
CO 574/59 *Supplements to the "F.M.S Government Gazette" for the year 1931*
CO 575/4 Federated Malay States, Miscellanea manual of statistic 1907
CO 576/1 Federated Malay States, Report by the Resident general And Chief Secretary 1896-1906
CO 576/9 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1911
CO 576/10 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1912
CO 576/11 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1913

CO 576/12 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1914
 CO 576/15 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1916
 CO 576/16 Chief Secretary and Resident Report 1916
 CO 576/18 Chief Secretary and Resident Report 1918
 CO 576/21 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1919
 CO 576/24 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1921
 CO 576/24 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1922
 CO 576/26 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1923
 CO 576/30 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1925
 CO 576/32 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1926
 CO 576/34 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1927
 CO 576/39 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1929
 CO 576/43 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1931
 CO 576/46 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1932
 CO 576/48 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1933
 CO 576/50 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1934
 CO 576/52 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1935 (Vol.I)
 CO 576/53 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1935 (Vol.II)
 CO 576/55 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1936 (Vol.I)
 CO 576/56 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1936 (Vol.II)
 CO 576/58 Federal Council Proceeding 1938
 CO 576/59 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1937 (Vol.I)
 CO 576/60 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1937 (Vol.II)
 CO 576/61 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1937 (Vol.III)
 CO 576/62 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1938 (Vol.I)
 CO 576/63 Annual Report on the Federated Malay States for the year 1938 (Vol.II)
 CO 576/71 Federated Malay States, Financial Statements for the year 1932-1935
 CO 576/72 Federated Malay States, Financial Statements for the year 1936-1938
 CO 717/19/9 Education Policy 1930, F.M.S & S.S (No. Fail 72318)
 CO 717/53/14 Education Policy In Malaya, 1926 (No. Fail C.F.20671)
 CO 717/53/16 Education Department, Revision Of Salary Above The Timescale In The
 Education Department, F.M.S & S.S, 25/10/1926.
 CO 717/60/15 Education Policy in Malaya 1928
 CO 717/61/6 Education Report For 1927, (No. Fail 52452)
 CO 717/67/2, Education Policy in Malaya 1929 (No. Fail 62431)
 CO 717/67/15, Public Health Nursing Sister In Malaya, To Train Local Women To
 Work Under Their Supervision As A Public Health Nurse.
 CO 717/72/4 Annual Report On Education 1929, Malay States (No. Fail 72371)
 CO 717/74/4 Chinese Vernacular Education In Malaya 1930, (No. Fail 72426)
 CO 717/107/6 Education Code 1934, F.M.S (No. Fail 13389/33)
 CO 717/119/1 Education Report 1935
 CO 717/ 143/51898 Durbar of Rulers (DURBAR), 25 November 1939.
 CO 859/90/4, Report of the Committee on the Training of Nurses for the Colonies,
 presented by the secretary of state for the colonies to Parliament by command of His
 Majesty, August 1945, London: His Majesty's Stationary Office.

B) Rekod Pejabat Luar

ED 24/1783 Report of the Department Committee, Volum II, Summaries of Evidence
 and Memoranda, Presented to Majesty, London, Published by his Majesty Stationary
 Office, 1918.
 FCO 141/16262 Singapore Education: Education Policy in Johore 1933

FCO 141/16518 Singapore and Federated Malay States Medical Enquiry, Proceeding Committee 1925

FCO 141/16635 Singapore and Federated Malay States, Abstract Of Proceeding of Conference of Reading, Kuala Lumpur, 1911-1931.

FCO 608/149 International Council of Women, 28th Jan 1919.

C) Rekod Pesuruhjaya Tinggi British Dan Pejabat Residen General

H.C.O 758/1898. Minute from Residen British Negeri Sembilan to Resident General British, dated 14th Jun, 1898.

H.C.O.1295/1930. *Provision for Compulsory Education in the Colonies*, 1930

Annual Report by Resident General 1896-1906

Chief Secretary and Resident Report 1916

D) Rekod Pejabat Ketua Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

Fail G. 1591/27, NO. 3, Chief Secretary to Government, Federated Malay States kepada Residen Selangor, 3 September, 1927.

Fail G. 1591/1927, No 18, Chief Secretary to Governments, Federated Malay States, Establishment of School for Malay Girls of good family, 15 November, 1927.

E) Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

SEL.SEC 320/82. Colonial Secretary to Resident Selangor, 21st June 1882.

SEL.SEC 317/87. Letter from Haji.Kei Salleh to *Collector Magistrate* pada 20.12.1887.

SEL.SEC, Fail No. 4217/1895, (238) Vernacular Education For Girls, bertarikh 15.8.1895.

SEL.SEC, Fail No.1634/1897, *Inspector of School 1896*.

SEL.SEC, Education Fail , NO. 6524/96, Inspector of School Kuala Lumpur (16th 12. 1896), School return for November 1896, Summary of school return for the month of November 1896.

SEL.SEC, Education Fail.NO. 2371/97, Inspector of School Kuala Lumpur (3rd May 1897) School Return for the Month of March 1897. Summary of school return for the month of March 1897.

SEL.SEC. 116/1900, *Inspector of School 1900*.

SEL.SEC. 321/1909 Compulsory Education.

SEL.SEC. 1053/1914 Annual Report on the Education Department Selangor 1913.

SEL.SEC. 0353/1914 (No. 4 in 1336/1913), Training Malay Women as Nurse and Midwives in The Government Hospitals, dated 16th Januari 1914.

SEL.SEC. 5649/1914, Surat Pekeliling Pejabat Ketua Setiausaha NNMB, 14 Nov. 1914.

SEL.SEC:1790/1915, No.4 in 182/1914 Conformation of Aminah binti Abdullah as Teacher, Klang Malay Girls' School, 7 April 1915.

SEL.SEC, 995/1915, Annual Report Of Education Department Selangor, 1915.

SEL.SEC, 1754/1915, Malay Women to be trained in Midwifery.

SEL.SEC 1224/1916, Inspector of School Selangor, 24.2 1916

SEL.SEC. 4419/1916, Memorandum by the Dato'Sri Andika Raja, Perak.

SEL.SEC 6027/1916, R.G's No. 4497/1916, Report by Mr. R.O. Winstedt on Vernacular and Industrial Education in Java and in Philippine Island 13.12.1916.

SEL.SEC, Fail.No.0978/1920 Inspector of School Selangor, Annual Report 1919, Education Department Selangor.

SEL.SEC 0978/1920, Annual Report 1919, Education Department Selangor.

SEL.SEC. 182/1922, Women Teachers For Malay Girls School at – (1) Batu, Kuala Lumpur – (2) Kampung Baharu, Kuala Lumpur.

SEL.SEC 3256/1922, The Midwives Enactment, (Draf to Federal Council), Federated Malay States.

SEL. SEC 501/1923, No3 in 501/23, System For Educating Malay women To Be School Mistress of Malay Girls' School.

SEL.SEC, 936/1924, N0.5 in Kuala Langat 582/23, D.O, Kuala Langat, Malay, School for Boy and Girls: Bandar Erection of new building, dated 4th April 1924.

SEL.SEC:436/1924, Applies for a grant of the free tuition for his cousin in an English Girls School.

SEL.SEC, 3989/1924, No 683/24, Grant of \$100 to be cover school fees for a year for 4 Malay Girls, dated 27.2.1924.

SEL.SEC: 3831/1925, Free English Education for Malay Girls, bertarikh 10th Ogos 1925.

SEL.SEC 914/1926, No.(57) in 829/25, Annual Report 1925, Education Department Selangor, Part IV, Malay Education, 12 February 1926.

SEL.SEC, 2103/1926, Proposal for a class for Malay women Teachers, No (6) in Selangor, 251/26.

SEL.SEC. 3150/1926. N0.2 in Sel. Edu. 462/26. Application by Halimah binti Husin, Assistant Women Teacher at the Malay Girls' School Batu, for two month no-pay bertarikh 14.6.1926.

SEL.SEC, 298/1927, No (6) in Sel: Edu.1024/26, Scholarships for Malay Girls' at English School bertarikh 12 Januari 1927.

SEL.SEC: 5144/27, Proceedings of the DURBAR, 11 Ogos 1927, Astana Negara, Kuala Kangsar, Perak 1927.

SEL.SEC, 4473/27, Establishment of school for Malay Girls of Good Family dated 14 Oktober 1927.

SEL.SEC: G. 2151/1930, 1. (No.1 in PK. 4819/30, No.4 in Ed. PK. 931/30), Formation of class at Ipoh for training in teaching Domestic Science subjects to student who have passed or are in Standard V in the Malay Girls' School. 2. Proposal to appoint passed student as women teachers in Malay School. Surat daripada G.C. Davies (*Inspector of School*) 9th September 1930.

SEL.SEC.G, 1521/1933, Encouragement of Medical Treatment among Malays by Employing Malay Nurses, Extract from the minit of the 343rd. Meeting of the Selangor States Council held in the Astana Mahkota, Klang on Monday 16th Oktober 1933.

Negeri Sembilan. SEC, 2910/02, Scheme for Salaries of Teachers in Government School.

Negeri Sembilan. SEC, 116/40, 3 December, 1940, Reduction of scholarship for Malay boys and girls at English School.

DOKUMEN DAN LAPORAN YANG DITERBITKAN

A) Laporan Pentadbiran Kerajaan Negeri

Perak Administration Report for the year 1899, Taiping, Perak: Printed at the Government Printing Office, 1900.

Perak Administration Report for the year 1917, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1918.

Perak Administration Report for the Year 1920, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1921.

Perak Administration Report for the Year 1922, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1923.

Perak Administration Report for the year 1923, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1924.

Perak Administration Report for the year 1925, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1926.

Perak Administration Report for the year 1932, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1933.

Administration Report of the State of Selangor for the Year 1895, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1896.

Selangor Administration Report, 1899, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1900.

Selangor Administration Report for the year 1900, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1901.

Selangor Administration Report for the year 1906, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1907.

Selangor Administration Report for the year 1907, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1908.

Selangor Administration Report for the year 1908, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1909.

Selangor Administration Report for the year 1909, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1910.

Selangor Administration Report for the year 1910, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1911.

Selangor Administration Report for the year 1911, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1912

Selangor Administration Report for the year 1912, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1913.

Selangor Administration Report for the year 1914, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1915.

Selangor Administration Report for the year 1915, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1916

Selangor Administration Report for the year 1917, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1918.

Selangor Administration Report for the year 1918, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1919.

Selangor Administration Report for the Year 1927, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1928.

Selangor Administration Report for the Year 1928, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1929.

Selangor Administration Report for the year 1932, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1933.

Negeri Sembilan Administration Report For The Year 1905, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1906.

Negeri Sembilan Administration Report for the year 1907, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1908.

Negeri Sembilan Administration Report for the year 1912, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States, Government Printing Office, 1913.

Negeri Sembilan Administration Report for the year 1913, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States, Government Printing Office, 1914.

Negeri Sembilan Administration Report for the year 1914, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States, Government Printing Office, 1915.

Negeri Sembilan Administration Report 1917, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1918.

Negeri Sembilan Administration Report for the year 1925, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1926.

Negeri Sembilan Administration Report for the year 1930, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1931.

Negeri Sembilan Administration Report for the year 1932, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1933

Pahang Administration Report for the year 1916, Kuala Lumpur: Printed at the F.M.S. Government Printing Office, 1917.

Pahang Administration Report 1917, Kuala Lumpur: Printed at the F.M.S. Government Printing Office, 1918.

Pahang Administration Report for the year 1932, Kuala Lumpur: Printed at the F.M.S. Government Printing Office, 1933.

B) Warta Kerajaan

Supplements to the "F.M.S Government Gazette," May 21st, 1912, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1912.

Supplement to the "F.M.S. Government Gazette," June 6th 1913, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1913.

Supplement to the "F.M.S. Government Gazette," July 31st 1914, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1914.

Supplements to the "F.M.S Government Gazette," October 22nd, 1920, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1920.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette," July 15th, 1921, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1921.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette," 1922, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1922.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette" July 13th 1922, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1922.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette," August 25th 1922, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1922.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette," July 13th 1923, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1923.

Supplement to the "F.M.S. Government Gazette" July 25th 1924, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1924.

Supplement to the "F.M.S. Government Gazette" Julai 10 1925, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1925.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette," June 11 1926, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1926.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette" June 22nd 1928, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1928.

Supplements to the F.M.S. Government Gazette 1929, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1929.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette June 21st 1929, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1929.

Supplement to the "F.M.S. Government Gazette" Disember 5th 1930. Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1930.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette," July 17th, 1931, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1931.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette," July 19th, 1931, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1931.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette," July 31st 1931, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1931.

Supplement to the "F.M.S. Government Gazette," August 12 1932, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1932.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette," September 7th 1933, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1933.

Supplements to the "F.M.S Government Gazette," September 8th 1933, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1933.

Supplements to the "F.M.S Government Gazette" September 7th 1934, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1934.

Supplements to the "F.M.S. Government Gazette," July 13th, 1934, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1934.

Perak Government Gazette June 5th 1896, Taiping: Printed at the Perak Government Printing Office, 1897.

Perak Government Gazettes July 17th 1897, Taiping: Printed at the Perak Government Printing Office, 1898.

Perak Government Gazette, March 25th 1898, Taiping: Printed at the Perak Government Printing Office, 1899.

Perak Government Gazette for the year 1906, Vol.XIX, January to December, Kuala Lumpur: Printed at the F.M.S. Government Printing Office, 1906.

Perak Government Gazette Feb 7th 1907, Kuala Lumpur: Printed at the F.M.S. Government Printing Office, 1907.

Supplements to the Perak Government Gazette July 9th 1909, Kuala Lumpur: Printed at the F.M.S. Government Printing Office, 1909.

Selangor Government Gazette, July 3rd, 1896, Vol. VII, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1896.

Selangor Government Gazettes 1897, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1897.

Selangor Government Gazette, September 17th 1897, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1897.

Selangor Government Gazette, Friday, February 11th 1898, (Vol.IX), Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1898

Supplement to "Selangor Government Gazette," Friday September 23rd 1898, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1898

Supplement to the "Selangor Government Gazette," June 29th, 1900, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1900.

Selangor Government Gazette for the year 1901, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1901.

Supplements to the "Selangor Government Gazette," June 28th 1901, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1901.

Supplement to the "Selangor Government Gazette, October 16th 1903, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1903.

Selangor Government Gazette for the year 1904, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1904.

Supplements to the "Selangor Government Gazette," Januari 8th 1904, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1904.

Supplements to the "Selangor Government Gazette," December 23rd 1904, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1904.

Selangor Government Gazette for the year 1905, (Jan-Dec, Vol. XVI), Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1905.

Supplements to the "Negeri Sembilan Government Gazette," August 30 1901, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1901.

Negeri Sembilan Government Gazette October 2nd 1908, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1908.

Supplements to the "Negeri Sembilan Government Gazette," 1906, July 27th 1906, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1906.

Supplements to the "Negeri Sembilan Government Gazette," June 21st 1901, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1901.

Supplements to the "Negeri Sembilan Government Gazette," August 16th 1901, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1901.

Negeri Sembilan Government Gazette 1902, Vol. VII, January to Disember 1902, Federal Education Office, 3rd March, 1901 oleh J. Driver (Inspector of School, F.M.S), Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1902.

Negeri Sembilan Government Gazette for the year 1906, Vol. XI, Jan-December 1906, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1909.

Supplements to the "Negeri Sembilan Government Gazette," July 23rd 1909, Kuala Lumpur: Printed at the Selangor Government Printing Office, 1909.

C) Laporan Tahunan Sosial Dan Ekonomi

Annual Report of the Social and Economic Progress of the Federated Malay States for the year 1932 by M.B. Shelley (Acting Chief Secretary to Government, Federated Malay States), Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1933.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Federated Malay States for 1933 by M.B. Shelley (Acting Chief Secretary to Government, Federated Malay States), Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1934.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Federated Malay States for the year 1934, by M. Rex (Acting Chief Secretary to Government, Federated Malay States), Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1935.

Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Federated Malay States for the year 1936 by H. Fraser (Acting Federal Secretary to Government, Federated Malay States), Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1938.

Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Federated Malay States for the year 1937 by C.D. Ahearne (Federal Secretary to Government, Federated Malay States), Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1938.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Federated Malay States for the Year 1938 by H. Fraser (Federal Secretary to Government, Federated Malay States), Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1939.

Annual Report of the Social and Economic Progress of the Perak for the year 1937 by Geoffery Edward Cartor (British Resident Perak), Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1938.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Perak for the year 1938 by Marcus Rex (British Resident Perak), Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1939.

Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1932, by T.S. Adam (Acting British Resident Selangor), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1933

Annual Report on the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1933 by T.S. Adam (British Resident Selangor), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1934.

Annual Report of the Social and Economic Progress of the people of Selangor for the year 1934 by W.D. Barron (Acting British Resident Selangor), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1935.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1936 by S.W. Jones (Acting British Resident Selangor), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1937.

Annual Report of the Social and Economic Progress of the Selangor for the year 1937 by T.S. Adam (British Resident Selangor), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1938.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor for the Year 1938 by S.W. Jones (British Resident Selangor), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1939.

Annual Report of the Social and Economic Progress of the Negeri Sembilan for the year 1937 by J.V. Cowgill (Acting British Resident Negeri Sembilan), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1938.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Negeri Sembilan for the Year 1938 by G.L. Ham (British Resident Negeri Sembilan), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1939.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Pahang for the year 1934 by H.G.R. Leonard (British Resident Pahang), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1935.

Annual Report of the Social and Economic Progress of the Pahang for the year 1937 by C.C. Brown (British Resident Pahang), Kuala Lumpur, Printed at the F.M.S Government Press, 1938.

D) Laporan Pendidikan

Report of a Committee Appointed to Enquire into the System of Vernacular Education in the Colony, No.4, Straits Settlements, Thursday, 22nd Februari, 1894.

Malay Miscellaneous 2801/1896, Application for post of Teacher- Girl School Ulu Langat.

Education File No 2053/1897, Inspector of School, Kuala Lumpur, Assumption of duties by Hasana binti Ahmad (on 19.3.1897) as teacher Girls' School, Kuala Selangor Reports.

Draft Code Of Regulations Government Grant-In-Aid, English And Vernacular School In The Federated Malay States 1898, Taiping: Printed At The Perak Government Printing Office 1900.

Report on Education in the Federated Malay States for the year 1898, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1899.

Report on Education in the Federated Malay States for the year 1899, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1890

Report on Education in the Federated Malay States for the year 1900, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1901.

Report on the Education Department in the Federated Malay States for the year 1902, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1903

Education, File No, 1748/1902, Recommended That Chik (female) be Appointed wearing Mistress at the Malay Girls School Kuala Lumpur yang bertarikh 14, March. 1902.

Report on Education for the year 1903, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1904.

Report on Education for the year 1904, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1905.

Education Fail No. 2318/1904, Ed: 83/04, Corr: 2313/04 Inspector of School Selangor: Kuala Lumpur, 25th April 1904, Recommends the appointment of Jamalia as School Mistress K.L, Malay Girls' School.

Education Code For The Straits Settlements (Approved by The Governor in Council on the 16th March 1908), Singapore, Printed at the Government Printing office, 1908.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1911, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1912.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1912, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1913.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1913, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1914.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1914, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1915.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1916, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1917.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1919, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1920.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1920, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1921.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1921, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1922.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1922, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1923

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1923, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1924.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1924, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1925.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1925, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1926.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1927, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1928.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1929, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1930.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1930, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1931.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1931, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1932.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1933, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1934.

Annual Report on Education Department for the year 1935, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1936.

Regulation or Malays Vernacular Education in the Straits Settlement, (Second and Revised Edition), Singapore: Government Printing Office, 1936 dalam P/JP 4/1936.

Annual Report on Education Department for the year 1936, Kuala Lumpur, Printed at the Federated Malay States Government Printing Office, 1937.

Education Code, Part V, Regulation for Malay vernacular Education in The Straits Settlements and Federated Malay States 1936, Published by Authority, Singapura, 1937.

Annual Report on Education in the Federated Malay States for the year 1937

Regulation for Malay Vernacular Education in The Straits Settlements and Federated Malay States 1936, Published by Authority, Singapura.

Federated Malay States Annual Report of the Education Department for the Year 1937, Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay States Government Press, 1938.

Annual Reports On Educational in The Federated Malay States 1937, Published by Authority, Singapura, 1938.

Annual Report on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States for the year 1938.

Fifth Educational Conference of Malay (Malay School Conference 1939), Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1939.

E) Akhbar dan Majalah

Al-Hikmah 1934-1941

Al-Iman 1906-1908

Berita Harian 1957-

Bulan Melayu 1930-

Cenderahati

Idaran Zaman 1925-1930

Lembaga Malaya 1934-1941

Lembaga Melayu 1914-1931

Lembaran Guru 1926
Majalah Dunia Akhirat 1936-1937
Majalah Guru 1924-1941
Majlis 1931-1955
Neracha 1911-1915
Panduan Guru
Pngasoh 1918-1937
Pilihan Timur 1927-1928
Utusan Melayu 1907-1921
Utusan Zaman
Sahabat 1939-
Saudara 1928-1941
Seruan Rakyat 1945-
Straits Times
Tanah Melayu
Warta Ahad 1935-1941
Warta Malaya 1930-1942

F) Rekod Pelbagai

Al-Quran, Surah an-Nisaa, surah ke- 4, ayat 1,

Al-Quran, Surah al-Rum, ayat 30:21

Dictionary, The New Encyclopaedia Britannica, Vol. 18, edisi ke-15, Encyclopaedia Britannica Inc. Chicago, 1995.

G) Rekod Temu bual

Transkripsi Temu ramah di antara Tan Sri Fatimah Hashim dengan Azizah Bte Kasah daripada Arkib Negara Malaysia. Pita Rakaman Nombor 1, 9hb Ogos 1973.

Transkripsi Temu ramah di antara Hajah Zainun Binti Sulaiman (Ibu Zain) dengan Encik Sidek Jamil daripada Arkib Negara Malaysia. Pita Rakaman Nombor 1, 18hb. Jun 1974.

Transkripsi Temu ramah di antara Y. B. Datuk Halimathon bt. Abdul Majid dengan Encik Ahmad bin Haji Abd. Kadir daripada Arkib Negara Malaysia. Pita Rakaman Nombor 1 dan 2 pada 30 September 1978 dan 9 November 1978.

Transkripsi Temu ramah di antara Datin Halimah Hussain dengan Encik Sidik Jamil daripada Arkib Negara Malaysia. Pita Rakaman Nombor 1 pada 22 Jun 1974.

H) Surat Persendirian

SP 18/1A/49, Surat Persendirian oleh Za'ba, Anak-anak Melayu di Sekolah Inggeris, Jun 1954.

SUMBER KEDUA

A) Buku

A.M.Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.

A.Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu Edisi Pelajar*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

A. Samad Ismail, *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.

A.Suroto, *Raden Ajeng Kartini: Pendekar Wanita Indonesia*, Indonesia: Djambatan, 1974.

Abd. Majid Mohd. Isa, *Pemikiran Dalam Pendidikan*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2002.

Abd. Rahim Selamat, et.al, *Melaka Negeri Maju: Perspektif Pendidikan*, Johor: Penerbit UTHM, 2010.

Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Iman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

Abdul Rabbi Nawab ad-Din, *Kerjaya Wanita*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1992.

Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990.

Abdul Rahman Haji Ismail dan Mahani Musa, (editor), *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Ke-20*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011.

Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangan Hingga Abad Ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990

Abdullah bin Abdul Kadir Munsiy, *Hikayat Abdullah*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1975.

- Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*, Petaling Jaya: Al-Rahmaniah (Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia, 1990.
- Abdullah Jumain Abu Samah, *Asal Usul Adat Perpatih Dan Adat Temenggung, suatu analisis Tambo-Tambo Minangkabau berasaskan strukturalisme*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.
- Abdullah Sanusi Ahmad, *Peranan Pejabat Karang-Mengarang Dalam Sekolah Melayu dan Kesusasteraan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966.
- Abdullad Zakaria Ghazali (editor), *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga kemerdekaan*, Selangor: Penerbit Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2005.
- Aboebakar, *Sedjarah Mesdjid Dan Amal Ibadat Dalamnya*, Djakarta: Visser & Co, 1955.
- Abu Bakar Nordin, *Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran 2020*, Kuala Lumpur: penerbit Nurin Enterprise, 1994.
- Abu Zahari bin Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia: Zaman Sebelum Merdeka Hingga Ke Zaman Sesudah Merdeka*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1980.
- Adnan Nawang, *Perak Dahulu dan Sekarang, Perkembangan Pelajaran Aliran Islam di Perak Dengan Rujukan Khas kepada II-Ihya Assyariff, Gunung Semanggol* Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1988.
- Adnan Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd, 1998
- Adnan Nawang, *Memoir Za'ba*, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005.
- Ahmad Jelani Halimi dan Ishak Saat, *Warisan Melayu Perak*, Batu Pahat, Johor, Penerbit UTHM, 2010.
- Aisyah Ghani, *Memoir Seorang pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Al-Ahmadi, Abdul Rahman, *Syair Siti Zubaidah Perang China, Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1994.
- Anna Davin, *Women and History dalam Michelene Wandor, The Body Politic: Women's Liberation in Britain, 1969-1972*, London, 1972.
- Al-Ahmadi, Abdul Rahman, *Syair Siti Zubaidah Perang China, Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Al-Atas, Syed Hussein, *Intellectual in Developing Societies*, London: Frank Cass, 1977.

- Amanjit Kuar, *Semenanjung Tanah Melayu pada Abad ke-19; Suatu Tinjauan Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Amla Salleh dan Nila Inangda, *Perkembangan Kerjaya Wanita, Satu Analisis Biografi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
- Aroian, Lois A. and Matchell, Richard P., *Timur Tengah dan Afrika Utara Moden* (Terjemahan Mohammad Redzuan Othman), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991.
- Asma Hasan Fahmi, *Sejarah dan Falsafah Pendidikan Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1979.
- Atan Long, *Pendidik dan Pendidikan*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1984.
- Auni Abdullah, *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Darulfikir Sdn.Bhd, 2005.
- Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.
- Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu Pada zaman British Dengan Rujukan Khas kepada Sultan Idris Training College*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- Awang Had Salleh, *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1980.
- Azizah Kassim, *Wanita Dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd, 1985.
- Azizah Mokhzani, et.al, *Siti Hasmah, Citra Wanita Dua Zaman*, Kuala Lumpur, Penerbit Perpustakaan Negara Malaysia 1999.
- Azlizan Mat Enh dan Sarina Abdullah (Editor), *Kesihatan dan Kematian Ibu di Selangor Era British 1900-1940 dalam Wanita dan Masyarakat*, Batu Pahat: Penerbit UTHM, 2012.
- Azmah Abdul Manaf, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions Sdn Bhd, 2001.
- Badriyah Haji Salleh, *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiah-Salihiag 1914-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Bandran, M. dan Cooke, M, *Opening the Gates: A Century of Arab Feminist Writing*, London: Virago, 1990.
- Barbara E. Ward, *Women in The New Asia, The Changing Social Roles of Men and Women In South And South East Asia*, Paris, United Nation Education Scientific and Cultural Organization (UNESCO), 1963.

- Bardwick, J.M, *Psychology of Women: A Study Of Bio-Cultural Conflicts*, New York, Harper and Row, 1979.
- Barlow, H.S., *Swettenham*, Kuala Lumpur, Southdence Sdn. Bhd, 1995.
- Biografi Wanita Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit Pertiwi, 1983.
- Buxbaum, David C, (editor), *Family Law and Customary Law in Asia: A contemporary legal perspective*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1968.
- Clifton, Tablot, *Pilgrims to the Isle of Penance; Orchid Gathering in the East*, London: John Long Ltd, 1911.
- Chai, Hon Chan, *Development of British Malaya 1896-1909*, London: Oxford University Press, 1964.
- Chamber, Winifred B, *Kitab Pertolongan Ilmu Mengajar*, (terjemahan Abdul Aziz Din), Kuala Lumpur: Pejabat Karang-Mengarang, Jabatan Pelajaran, 1952.
- Chan, Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Kuala Lumpur: Penerbit Oxford University Press, 1964.
- Chang, Paul. M.P, *Education Development In A Plural Society A Malaysian Case Study*, Singapore: Academia Publication, 1973.
- Chang, Paul. M.P, *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum: Kajian Kes Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.
- Cheah Jin Seng, *Perak 300 Early Postcards*, Singapore: RNS Publications Sdn. Bhd, 2009.
- Chelliah, D. D, *A Short History of the Education Policy of the Straits Settlements 1800 to 1925*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1947.
- Chelliah, D. D, *A History Of Education Policy of the Straits Settlements*, Singapura: G. H. Kiat and Co. Ltd., 1960.
- Chelliah, D. D, *A History of The Educational Policy of The Straits Settlement, With Recommendation for New System Based of Vernacular*, Kuala Lumpur: The Government Press, Federation of Malaya, 1960.
- Costesao, Armando. *The Suma Oriental of Tome Pires*, London: The Hakluyt Society, 1944.
- Crawfurd, John, *A Descriptive of Indian Islands & Adjacent Countries*, London: Bradbury & Evans, 1856.
- Curtis, S.J. and Boulfwood, M.E.A, *An Introduction History Of English Education Since 1800*, London: London Universiti Tutorial Press Ltd, 1970.
- Deliar, *The Modernist Moslem Movement in Indonesia 1900-1942*, London: Oxford University Press, 1973.
- Ding Choo Ming, *Raja Aisyah Sulaiman, Pengarang Ulung Wanita Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

- Djamour, Judith, *Malay Kinship and Marriage in Singapore*, London: The Athlone Press, 1965.
- Dodge, Bertha S, *The Story of Nursing*, Boston: Little Brown, 1965.
- Dupa Sejarah, *Penulisan Wanita Masa Lampau*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1992.
- Emerson, R., *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1960.
- Everly, Schmitt, Brenadotte, *The Origins Of The First World War*, London: Historical Association, 1970.
- Fatimah Haji Musip, *Kenangan Manis: Di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1937-1938, Pendidikan Guru Sempena Perayaan Jubli Intan, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia*, 1982.
- Fauziah Fadzil, *Fatimah, Gadis Desa Srikandi Bangsa*, Petaling Jaya, Penerbit: MPH Group Publishing Sdn Bhd, 2009.
- Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Yob, *Guru dan Perguruan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Fuziah Shaffie & Ruslam Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, 2001.
- Flexner, Eleanor, *Century of struggle: the woman's rights movement in the United States, USA*, The Belknap Press of Harvard Universiti Press, 1959.
- German, R. L, *Handbook To British Malaya 1935*, London: Malay States Information, 1926.
- Gerni G. E, *Researches on Ptolemy's Geography of Eastern Asia*, New Delhi: Oriental Books, 1974.
- Gibb H. A. R. et.al, (editor), *The Middle East: A Political Economic Survey*, London: The Royal Institut of International Affairs, 1951.
- Gullick, J. M, *Malaya*, London: Ernest Benn Limited, 1963.
- Gullick, J. M, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London: The Athlone Press, 1969.
- Gullick, J. M, *Josephine Foss And The Pudu English School, Pursuit of Excellence*, Pelanduk Publication, Petaling Jaya, Selangor, 1988.
- Gullick, J. M, *Kuala Lumpur 1880-1895, A City in the Making*, Kuala Lumpur, Pelanduk Publications, 1988.
- Gullick, J. M, *A History of Selangor, (1766-1939)*, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1998.
- Gwee, Yee Hean, et.al, *150 Years of Education in Singapore*, Singapore: TTC Publication, Training College, 1969.
- H. Rus'an, *Lintasan Sejarah Islam Pada zaman Rasulullah S.A.W*, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 1982.
- Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah Di Malaysia, Isu-Isu Dan Cabaran*, Shah Alam: Penerbit Karisma Publication Sdn. Bhd, 2002.
- Handbook of The Federated Malay States Compiled by H. Conway Balfield, British Resident of Selangor, London: Edward Stanford, 12 – 14 Long Acre, W.O, 1902.

- Haris Md. Jadi, *Etnik, Politik Dan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Harun Din & Sabri Salamon, *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*, Selangor: Sincer Press Sdn. Bhd, 1976.
- Harun Mat Piah, *Puisi Melayu Tradisional, Nasihat dan Pengajaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Hasnah Husiin, *Guru-Guru Melayu, Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Hasnah Muhammad Ali, Nurzan Mohd.Wahid dan Rasila Ramli, *Warisan Puteri Melayu Dari MGC ke TKC (1947-1997)*, Kuala Lumpur : Penerbit Old Girl's Association (MGC/TKC), 2000.
- Ho Seng Ong, *Education for Unity in Malaya*, Pulau Pinang: Malayan Teachers, Union, 1952.
- Holtby, Winifred, *Women*, London: John Lane the Bodley Head, 1945.
- Hurgronje, C.Snouck, *Mekka in the Latter Part of the 19th Century*, Leiden: E.J. Brill, 1970.
- Hussin Ahmad, *Pendidikan Dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1993.
- Husyan Haykal, *Zaynab: Manazir wa-Akhlaq Rifiyyah*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1999.
- Ibrahim Saad, *Pendidikan Dan Politik Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Ibrahim Saad, *Perubahan Pendidikan Di Malaysia, Satu Cabaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Insu Sony Mustapha, *Memoir Mustapha Hassin, Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.
- Ishak bin Saat dan Mohd Azhar Bahari, *Madrasah Idrisiah Bukit Candan 1922-2000, Sumbangan dan cabaran*, Batu Pahat, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2010.
- Ishak bin Saat, *Sejarah Sosiobudaya Melayu*, Shah Alam: Karisma Publication, 2006.
- Ishak Ramly, *Inilah Kurikulum Sekolah*, Pahang: Penerbit PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2005.
- Jones, Russell, *Hikayat Raja Pasai*, Kuala Lumpur, Yayasan Karyawan dan Penerbit Fajar Bakti, 1999.
- Kalthum Jeram, *Hikayat Pahang*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1997.
- Kamaruzzaman Kadir, *Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.

- Kamsiah Abdullah, *Benih Budiman, Suatu Analisis Sosio-Sejarah Persekolahan Melayu di Singapura*, Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007.
- Katalog Bahan-Bahan pilihan, Sejarah, Cabaran, Keberanian dan Kesungguhan, Kuala Lumpur: Penerbit Arkib Negara Malaysia, 1992.
- Kazim Mohd. Tamrin, *Orang Jawa Di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Khairul Nizam Zainal Badri, *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar Al-Baqir*, Shah Alam: Penerbit Karisma Publications Sdn.Bhd, 2008.
- Khasnor Johan, *Educating Malay Elite: The Malay College Kuala Kangsar, 1905-1961*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1996.
- Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1960.
- Khoo Kay Kim, *Malaysia, Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979.
- Khoo Kay Kim, (editor), *The Development of Islamic Education in Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Khoo Kay Kim, et.al, (editor), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Khoo Kay Kim, *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Jun 1984.
- Khoo Kay Kim, *Direktori Majalah-Majalah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1984.
- Khoo Kay Kim, et.al, *Selangor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Muzium Malaysia, 1985.
- Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu kota Perak*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1994.
- Khoo Kay Kim & Mohd. Fadhil Othman, ed, *Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan sekarang*, Kuala Lumpur: persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Khoo Kay Kim dan Paiman bin Keromo, *Selangor Darul Ehsan, satu perspektif sejarah*, Selangor: Penerbit Muzium Negeri Selangor, 1989.
- Kotter, J.P, "What Leaders Really Do", *Harvard Business Review*, Boston: Havard Buisness Schools Press, 1999.
- Li Chuan Siu, *A Bird's-eye View of the Development of the Modern Malay Literature, 1921-1941*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Aman, 1970.

- Linda Tan, Syed Shaykh: His Life and Times, dalam Alijah Gordon (ed), *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute (MSRI), 1999.
- Linton, Ralph, *The study of Man: an introduction*, London: Peter Owen, 1965.
- Loh, Philip F. S, *The Malay States 1877-1895, Political Change and Social Policy*, London: Oxford University Press, 1969.
- Loh, Philip F.S, *Seeds of Separatism Educational Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.
- Lomas, M, *The Malay Women's Training College, Malacca*, Kuala Lumpur: Government Press, 1948.
- Lotfi Ismail, *Sejarah Malaysia 1400-1963*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors, 1983.
- Low, Hugh, *Sarawak: Its inhabitants and production being notes during a Residence in that country with H.H. the Rajah Brooke*, London: R. Bentley, 1818.
- Lutpi Ibrahim (editor), *Islamika: Esei-Esei Sempena Abad Ke-15 Hijrah*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1981.
- MacDonald, John, *A Philosophy of Education*, Glenview III: Scoot & Foresman, 1965.
- Mahani Musa, *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Mahayudin Yahya, *Tamadun Islam*, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2011.
- Makepeace, Walter, et.al, *One Hundred Years of Singapore*, Singapore: Oxford University Press, 1991.
- Mahmud Junus, *Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia*, Djakarta: Penerbit Pustaka Mahmudiah, 1960.
- Makdisi, George, *Religion, Law and Learning in Classical Islam*, USA: Variorum, 1991.
- Mana Sikana, *Kritikan Sastera: Pendekatan dan Kaedah*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1986.
- Mazlan Nordin, *Tokoh dan Akhbar Melayu, Pencetus Peminggiran Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- Manderson, Lenore, *Wanita, Politik dan Perubahan, Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972*, (terjemahan Samsudin Jaafar), Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, 1981.
- Mason, Federic, *The School Of Malaya*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1959.

- Mansor Sanusi, *Sejarah Perkembangan pelajaran Melayu*, Pulau Pinang: Sinaran Bros, 1955.
- Masson, Federick, *The School Of Malaya*, Singapore: Donald Moore, 1957.
- Mead, Margaret & Balgley, Frances. Kaplan, *American Women, American women: the report of the President's Commission on the Status of Women and other publications of the commission*, American: C. Scriber, 1965.
- Meilink-Roelofaz, M.A.P, *Asia Trade and European Influence in the Indionesian Archipelago between 1500 and About1630*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1962.
- Megaw, John, "Beri-beri," *The British Encyclopaedia of Medical Practice*, Jilid.2, Edisi kedua, London: Butterworth & Co. Ltd, 1950.
- Membunga @ Siti Meriam Yaacob, *WANITA dalam karya Hamzah Hussin Dari Perspektif Feminis*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2010.
- Mitchell, G. Duncan, *A dictionary of sociology*, Chicago: Aldine Pub. Co, 1968.
- Mill, L. A, *British Rule in Eastern Asia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1942.
- Millet, Kate, *Sexual Politics*, New York: Doubleday & Co, 1970.
- Mohamed Mokhtar bin Abu Bakar dan Fauziah binti Zakaria, *Monograf Pahang Dalam Sejarah*, Pahang: Penerbit Lembaga Muzium Negeri Pahang1989.
- Mona Abaza, *Changing Images of Three generation of Azharites in Indonesia*, Singapore: Southeast Asia Studies, 1993.
- Mohammad Redzuan Othman, *Islam Dan Masyarakat Melayu, Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Mohamed Salleh Lamry, *Siti Norkidah Mahmud, Srikandi dari Pahang Utara*, Petaling Jaya: Penerbit Strategic Information and Research Development Centre, 2011.
- Mohd.Ali Kamaruddin, *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981.
- Mohd Bakri Jaffar & Azmy Morsidi, *25000 km Menjelajah Warisan Kita, Untuk Mu Malaysia-Sempena 50 Tahun Merdeka*, Kuala Lumpur: Penerbit Perpustakaan Negara Malaysia, 2007.
- Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia 1800-1963*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., 2002.
- Mohd Rosli Saludin, *Naning Luak Terbilang*, Pulau Pinang: Goal intelligent Publishing Sdn Bhd, 2007.

- Mohd. Sarim Hj. Mustajab, *Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948, dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982.
- Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed, *Islam Feminisme Barat dan Sastera Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Mohd Taib Osman, (editor) *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi, Keluarga Melayu: Bentuk, Organisasi dan Fungsi* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Mohd Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989.
- Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.
- Mok, Soon Sang, *Pendidikan Di Malaysia (Edisi ke-7)*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2000.
- Mok, Soon Sang dan Lee Shok Mee, *Pendidikan Di Malaysia, sepintas lalu*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, 1988.
- Muhamad Arif, *Pendidikan Islam Transformative*, Yogyakarta: LKiS Yogyakarta, 2008.
- Muhammad Abdul Rauf, *The Islamic View of Women and the Family*, (terjemahan Mahani Che Ibrahim), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Muhammad Isa Mahmud, *Senyuman Pemuda*, Seremban: Penerbit The Sungai Ujung Press, 1934.
- Muhammad Yusoff Hashim, *Hikayat Melayu dan Sulalat'us-Salatin*, Melaka: Penerbit Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 1998.
- Muhd Yusof Ibrahim dan Mahyuddin Haji Yahya,. *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan karya*, Kuala Lumpur,: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988.
- Muhd Yusuf Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000.
- Munysi, Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munysi*, Singapore: Mission Press, 1949.
- Munysi, Abdullah bin Abdul Kadir, *The Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur Singapore: Oxford University Press, London, New York, 1970.
- Munysi, Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah 1796-1854*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1997
- Mustafa Daud, *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1991.

- Mustafa Mohammad Isa, *Perwatakan Dalam Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- Mustaffa Abdullah, *Rasyid Rida, Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009.
- Mustapha Hussain *Malay Nasionalisme Before UMNO, The Memoir of Mustapha Hussain*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2005.
- Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976.
- Nagel, J.S, *Educational Needs Of The Straits Settlements And Federated Malay States*, Baltimore: John Hopkins University, 1928.
- Naquid, Syed Muhammad, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972.
- Nazaruddin Mohd Jali, et.al, *Pengajian Malaysia, Kenegaraan Dan Kewarganegaraan*, Petaling Jaya: Prentice Hall, 2006.
- Nelson, L, *Rural Sociology*, New York: American Book Co, 1965.
- Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia, Harapan Dan cabaran*, Kuala Lumpur: Penerbit 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd, 1990.
- Nilakusuma. S, *Wanita Di Dalam dan Di Luar Rumah Tangga*, Djakarta: Penerbit N.V. Nusantara, 1960.
- Noraini Mohamed Hassan, *Penyakit Tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1914*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008.
- Norazit Selat, *Pahang dahulu dan sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1996.
- Nordin Selat, *Kelas Menengah Pentadbir Melayu, Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Utusan Melayu (M) Berhad, 1976.
- Olive Banks, *Feminism and Family Planning in Victorian England*, England: Liverpool University Press, 1964.
- Ooi Jin-Bee, Land,(ed.) *People and Economy in Malaya*, London: Longmans, 1964.
- Ooi Jin Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.
- Paulme, Denise, *Women of Africa*, London: Routledge & Kegan Paul, 1963.
- Purdom, N, 'Needlework and craft instruction in Malay Girl School'. Overseas Education, 1930 – 1942 and 1946, Kuala Lumpur: Government Press, 1938.
- Qasim Ahmad, *Karya Sejarah: pendekatan dan Persoalan* (edisi Kedua), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000.

- Rahimah Abdul Azizi, *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945), Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Raja Chulan, *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1991.
- Raja Rohana Raja Mamat, *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia: Daripada Perspektif Sosial dan Undang-Undang*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Ramlah Adam, *UMNO Organisasi dan Kegiatan Politik*, Kuala Lumpur: Mohd. Nawi Book Store, 1978.
- Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka, 1900-1922*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991.
- Rigby, J, *The Ninety-nine Laws of Perak*, Kuala Lumpur: Federated Malay State, Government Press, 1908.
- Roff, Willian. R, *Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Penerbit Saudara Sinaran Berhad, 1967.
- Roff, Willian. R, *Bibliography of Malay and Arabic periodicals published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States, 1876-1941: with an annotated union list of holdings in Malaysia, Singapore and the United Kingdom*, London: Oxford University Press, 1972.
- Roff, Willian. R, *Nasionalisme Melayu* (terjemahan Ahmad Boestamam), Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1975.
- Roslan Saadon, *Gagasan Nasionalisme Melayu Raya, Pertumbuhan dan Perkembangan*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd, 2009.
- Rosnah Baharudin, *Panggilan Ibunda: Tiga Novel Wanita Sebelum Merdeka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Rosnah Baharudin, *Wacana Wanita Melayu dan Sastera*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.
- Rosnani Hashim, (editor), *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Traditional in the Malay Archipelago*, Petaling Jaya: The Other Press Sdn. Bhd., 2010.
- Roziyah Omar, *The Malay Women in the body: between biology and culture*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1994.
- Russell Jonies, *Hikayat Raja Pasai*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Fajar Bakti, 1999.
- S. Soewardi, *Ringkasan Sejarah Perawatan; untuk Sekolah Perawat*, Jakarta: Bhratara, 1973.

- Sadka, Emily, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1968.
- Safian Hussain et.al, *Bibliografi Sastera Melayu Moden 1925-1980*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.
- Said, Edward, *Peace and Its Discontent*, New York: Vintage, 1996.
- Saifullah Mohd Sawi dan Samsu Adabi Mamat, *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara*, Shah, Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2009.
- Samsiah Fakeh, *Memoir Shamsiah Fakeh*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Samsu Adabi Mamat, *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara*, Shah, Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2009.
- Sandy, A. *Forwards a Theory of the Status Women*. New York: George Allen & Unurin, 1974.
- Shaharom Hussain, *Selingkar Kenangan Abadi*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996.
- Sheppard, Mubin, *A Short History of Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: D. Moore for Eastern Universities Press, 1965.
- Shellabear, W. G. (editor), *Sejarah Melayu*, Singapura: Malay Publishing House, 1961.
- Sidhu, Jagjit Singh, *Administration in The Federated Malay States 1896-1920*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980.
- Sidhu, Jagjit Singh, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920, East Asia Historical Monograf*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980.
- Sidney, R.J.H, *In British Malay Today*, London: Hutchinson and Co, 1927.
- Siti Aisah Murad, *Abdullah Munsyi dan Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara, Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Stevenson, R, *Cultivators And Administrators, British Educational Policy Towards The Malays 1875-1906*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.
- Swettenham, Frank, *Malay Sketches*, London: John Lane, 1913.
- Swettenhem, Frank, *British Malaya, An Account of the origin and progress of British influence in Malaya*, London: John Line The Bodly Head, 1929.
- Swettenham, Frank, *Malay Sketches*, (terjemahan Zubaidah Ibrahim), *Perihal Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003.
- Taib Samat, *Syed Syekh Al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Takashi Koyama, *The changing social position of women in Japan*, Japan: UNESCO, 1961.

- Tan Ding Eing, *A Potrait Of Malaysia And Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977.
- Tham Seong Chee, *Malays And Modernization, A Sociological Interpretation*, Singapore: Singapore University Press Pte. Ltd, 1977.
- Tun Sri Lanang, *Sejarah Melayu or Malay Annals*, (translation by C.C. Brown), Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970.
- Turnbull, C.M, *The Straits Settlements 1826 – 1867 Indian Presidency To Crown Colony*, London: The Athlone Press, 1972.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zukarnain Mohamed, *Islam Feminisme Barat dan Sastera Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013
- Wan Abdul Kadir, *Beberapa Aspek Masyarakat dan Budaya Melayu, Kota Baharu; Petaling Jaya: Masfami Enterprise*, 1993.
- Wandor, Michelene, *The Body Politic: Women's Liberation in Britain, 1969-1972*, London: Pandora Press, 1972.
- Ward, Barbara E., *Women in The New Asia, The Changing Social Roles of Men and Women In South And South East Asia*, Paris, United Nation Education Scientific and Cultural Organization (UNESCO), 1963.
- Wazir Jahan Karim, *Women & Culture, Between Malay Adat and Islam*, Oxford: West View Press, 1992.
- Wertheim, W.F, *Indonesian Society in Transition*, The Hauge: W.Van Hoeve, 1956.
- Westermarck, Edward Alexander, *The Origin and Development of Moral Ides*, New York: Jonson Reprint Corp, 1971.
- Wheeler, L.R., *The Modern Malay*, London: George Allen and Unwin, 1928.
- Winsted, R.O. *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969.
- Wong, H.K dan Gwee, Yee Hean, *Official Report on Education Straits Settlements and The Federated Malay States 1970-1939*, Singapore: Pan Pacific, 1980.
- Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur, Heinemann Educational Book (Asia) Ltd, 1975.
- Yahaya Ismail, *Syed Sheikh Ahmad al-Hadi: Pembuka Zaman Baru dalam Bidang Novel di Bumi Pulau Pinang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
- Zainal Kling (editor), *Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Perubahan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 1977.

Zaiton bt Ghani, *Wanita Melayu Dalam Politik 1946-1948* dalam Khoo Kay Kim, *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1985.

Zubaidah Ibrahim, *Perihal Melayu, Sebuah Percintaan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.

Zurinah Hassan, *Catatan Perjalanan Seni Zurinah Hassan*, Kuala Lumpur: Penerbit Institut Terjemahan Negara, 2013.

B) Jurnal/ Artikel/ Kertas kerja

Abdul Ghani Ismail, 'Changing Landscapes- the History of Islam in Malaysia,' dalam Southeast Asian Archives, (SARBICA), *Journal of the Southeast Asian Regional Branch International Council on Archives*, Kuala Lumpur, Vol. V, Julai, 1972.

Abdul Majeed Muhammad Mackee, 'Comtemporary Islamic Legal Organisation in Malay,' *Monograf* series no: 73, Yala University South East Asia Studies, 1969.

Abdullah Hussein, 'Penggalakan Daya dan Peningkatan Mutu Novel,' *Dewan Sastera*, Mei, 1977.

Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus, 'Tokoh: Y Bhg. Tan Sri Datin Paduka Kontek Kamariah'. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Sejarah Tokoh Wanita Selangor. anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor dan Kementerian Kebudayaan. Kesenian dan Warisan Malaysia dengan kerjasama Panitia Sejarah Sekolah Daerah Petaling. 18 Februari 2006.

Azizah Kassim, 'Wanita Dalam Masyarakat Adat Perpatih Di Negeri Sembilan' dalam siri kertas kerja kebudayaan adat perpatih Melayu-Campa, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1994.

Cheseman, H. R, Education in Malaya, 1900-1941, *The Malayan Historical Jurnal*, 2 (1), 1955.

Cheeseman, H. R. 'Education in Malaya, 1900-1941', *Journal of The Malaysian Historical Society*, Vol. 22, May 1979.

Gullick, J. M, 'A History of Selangor (1766-1939),' *MBRAS Monograph*, No.28, 1988.

Hafiz Zakariya, I'slamic Reform in Malaya: The Contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin,' *Intellectual Discourse*, Vol. 13, No.1, 2005.

Ismail Abas, 'Wanita Dalam Pensejarahan Melayu,' *Dewan Masyarakat*, Oktober 1975.

Khoo, Kay Lam, "Documents: The Pangkor Treaty in Malay", *Peninjau Sejarah* (1), 1966.

Khoo Kay Kim, 'The Federation of 1896: Its Origin', *Peninjau Sejarah*, Vol.1, No.2 December 1966.

- Khoo Kay Kim, 'Tahun 1920-an dalam sejarah Malaysia,' *Jurnal Sejarah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, jilid 9, 1970/1971.
- Lee Ting Hui, 'Singapore under the Japanese, 1942-1945,' *Nan-Yang Hsueh Pao*, Jilid XVII, Bahagian 1, 1961.
- Ismail Hussein, et.al., 'Masyarakat Melaka Menjelang Penaklukan Portugis: Satu Interpretasi Tentatif Berdasarkan dokumen Portugis yang masih ada hingga kini,' *Tamadun Melayu*, Jilid I, 1993.
- Mahani Musa, 'Kaum Wanita Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka: Antara Batasan Tradisi dan Realiti,' *Jurnal Jabatan sejarah Universiti Malaya*, Jilid no.6, 1988.
- Mahayuddin Haji Yahya dan Abu Jabir Abdullah bin Ahmad al-Ghadamisi, 'Tokoh Ulama Islah di tanah Melayu dalam Sejarah dan Proses Pemantapan Negara Bangsa,' *Prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua*, Jilid 2, 1998.
- Md. Jani Naim, *Islam di Malaysia: Sekolah Agama Rakyat Di Sabak Bernam Hingga 1945*, Kuala Lumpur: Penerbit Persatuan Sejarah Malaysia, 1975.
- Mohamad Abu Bakar, 'Pengaruh Luar Dan Pengislaman Dalam Negeri: United Kingdom dan Era Dalam Kebangkitan Semula Islam di Malaysia,' *Jendela Masa*, Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001.
- Mohammad Redzuan Othman, 'The Role of Makka-Educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya,' *Journal of Islamic Studies*, Vol.2, 1998.
- Mohammad Redzuan Othman, 'Pengaruh Timur Tengah Dalam Perkembangan Awal Kesedaran Politik Melayu,' *Jendela Masa* (Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001.
- Mohammad Redzuan Othman dan Abu Hanifah Haris, 'Egyptian Influences On Malay's Muslim Kaum Muda (Young Faction) Before World War II,' *Al-Shajarah, Journal of The International Institut of Islamic Thought And Civilization (ISTAC)*, International Islamic University Malaysia (IIUM), Vol.18 Number 1, 2013.
- Mohammad Redzuan Othman, 'Merentas Sempadan Yang Melewati Zaman, Timur Tengah, Islam dan Masyarakat Melayu', *Sarahan Perdana* yang diadakan pada 25 Februari 2015 di Dewan Kuliah A, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Mohd. Dahlan Mansoer, 'Beberapa Catatan Mengenai Masuk dan Berkembang Agama Islam Di Daerah Pesisir Utara Sumatera,' *Jurnal Sejarah*, Persatuan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur), Jilid. XI, 1972/1973.
- Mohd. Sarim Mustajab, 'Neracha 1910–Jun 1915: Penyambung Nafas al-Iman,' *Jurnal Budaya Melayu*, Vol.3, No.1, 1978.

- Morley J.A.E., 'The Arab and the Eastern Trade', *JMBRAS*, Vol.22, March, 1949
- Nawawee Mohammad, 'Proses Pendidikan Berorientasikan Agama/ Arab: Suatu Tinjauan Ringkas,' *Al-Islam*, bil. 6, Jun 1981.
- Noraziah Ali dan Faridah Ibrahim, 'Status dan Citra Wanita Melayu Sebelum Merdeka,' *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, Jilid I, 1998.
- Ooi Jin Bee, 'The Rubber Industry of the Federation of Malaya,' *The Journal Of Tropical Geography*, Vol. 15, 1961.
- Rahimah Hamdan, "Menilai 'Kepasifan' Wanita Melayu Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional," *Kertas Kerja Seminar Naskah Melayu*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 12 Februari, 2010.
- Rahmah Hasmin, 'Citra Wanita dalam Akhbar Zaman Kolonial: Analisis Kandungan Akhbar Jawi Peranakan dan Utusan Melayu,' *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* Universiti Kebangsaan Malaysia, Jilid 15 & 16, Julai 1998.
- Rahmat bin Saripan, 'Kemajuan Pelajaran: Suatu Tema Penting Dalam Kegiatan Bercorak Politik Kebangsaan Melayu,' *Jurnal Sejarah*, Jilid XI, 1972/73.
- Raja Hamzah Yunus, "Perempuan Melayu" Menurut Takrif Naskah Melayu Riau Johor, *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, 1998, Johor.
- Ramsay, A. D, 'Indonesia in Malaya,' *JMBRAS*, Vol.1, 29, Part 1, 1956.
- Rauf, M. A, 'Islamic Education, The Research Quarterly of Malaysia,' *Inti sari*, Vol. II, No.1, Malaysia Sociological Research Institut Ltd.
- Rashila Ramli, 'Wanita Melayu Zaman Kolonial: Kajian Kes di Kolej Perempuan Melayu (1947-1956),' *Seminar Kedudukan Cinta dan Identiti Wanita Melayu Zaman Kolonial*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 14-15 Julai 1998.
- Razuan Mohd.Yusof, 'Persekolahan di Pahang Sebelum Kedatangan Jepun,' *Konvensyen Pendidikan IV*, Anjuran Persatuan Suloh Budiman, MRSM Kuantan, 8-10 Disember, 1979.
- Rosnah Baharudin, 'Penulis Wanita Johor Dari Ibu Zain Ke Hasidah Disan,' *Jurnal Warisan Johor*, Jilid II, 1998, Yayasan Warisan Johor, 1997.
- Robson, J. H. M, 'Record And Recollections 1889-1934,' *MBRAS* (The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society), 2001.
- Roff, Willian R, 'Kaum Muda – Kaum Tua: Innovation And Reaction Among The Malays, 1900-1941,' *First International Conference of South East Asia Historian*, Singapore, Universiti of Malaya Singapore, 1961.
- Roff, Willian R, 'Indonesian and Malay Student in Cairo in the 1920's,' *Indonesian*, Vol.9, 1970.

- RoZIAH Omar, 'The anthropology of menstruation and Malay Women,' *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 5, 1993.
- Shaharon Hussein, 'Peranan Bulan Melayu dan Tokoh-tokoh dalam Perkembangan Bahasa Persuratan Melayu, Kuala Lumpur,' *Siri Mimeograf BKKM*, 1983.
- Syed Hussein Al-atas, "Reconstruction of Malaysian History", *Revue du sud-est Asistique*, Vol.III, 1962.
- Tan, Liok Ee, 'Wanita Dan Penulisan Sejarah: Batasan Dan Potensi Perspektif Gender,' *Seminar Kebangsaan Isu-Isu Dalam Persejarahan*, Jilid 2, 17-18 Ogos 1992, Universiti Sains Malaysia, 1992.
- Tibbets, G. R, 'Early Muslim Traders in Southeast Asia,' *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol.XXX, Pt.1, 1957.
- Wade, Geoff , "Melaka in Ming Dynasty Texts". *JMBRAS*, Vol. IXXX, Part 1, 1997.
- Wilkinson, R. J, 'Malay Customs and Belief,' *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol.30, part 4, 1957.
- Yoji Akashi, 'Japanese Military Administration in Malaya – its formation and evaluation in reference to the Sultans, the Islamic Religion and the Moslem Malays, 1941 – 1945,' *Journal of Asia Studies*, jilid VII, No.1, April 1969.
- Zainal Abidin Wahid, 'Tawarikh dari segi penjajah dan yang dijajah,' *Majalah Dewan Bahasa*, keluaran Ogos, 1958.

C) Kajian Ilmiah

- A.Kahar Bador, 'Kingship and Marriage among the Negeri Sembilan Malays', Tesis M.A, Universiti of London, 1963.
- Abd. Rahman bin Abdullah, 'Sejarah Pendidikan Orang Melayu Melaka Zaman British', Tesis B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1976.
- Abdul Rahim Abu Bakar, 'Perkembangan Penduduk Melayu di Daerah Kinta', Perak, 1880-1930, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976/1977.
- Abdullah Bin Abdul Rahman, 'Perkembangan Sekolah-Sekolah Kelantan Antara Tahun-Tahun 1904 – 1941, Dengan Perhatian Khusus Kepada Sekolah-Sekolah Vernakular Melayu', Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973.
- Adnan Haji Nawang, 'Za'Ba 1896 – 1973, Satu Tinjauan Tentang Kegiatan-Kegiatannya', Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1977.
- Adnan Haji Nawang, 'Pemikiran Za'ba Tentang Kemajuan Melayu', Tesis PhD, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1995.

- Abu Hanafiah Bin Haris, 'Pengaruh Mesir Dalam Masyarakat Melayu, 1906-1970', Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.
- Abu Hassan b. Mohd. Sham, 'Undang-Undang Melayu Lama, Tumpuan Khas Kepada Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Yang Di Bawah Pengaruhnya', Tesis Sarjana Sastera (M.A), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972.
- Aida binti Yusop, 'Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1935-1993', Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 1992/93.
- Au Yong Geok Lian, 'Satu analisis sosiologi kal penulisan tokoh-tokoh sasterawan lelaki pro-feminis dekad 1920-an-40-an tumpuan khusus kepada penulisan yang berhubung dengan emansipasi wanita', Latihan ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.
- Azizah Kassim, 'Kedudukan Wanita Di Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih Di Negeri Sembilan', Tesis M.A, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969.
- Azlan Aminuddin, 'Sejarah Perkembangan Sekolah Sultan Yussuf, Batu Gajah, Perak 1907 – 1957', Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Muda, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1986/86.
- Chelliah, D. D, 'A History of The Educational Policy of The Straits Settlements With Recommendation for a New System Based on Vernacular', Tesis Ph.D, Universiti of London, 1940.
- Gerhold, Caroline, 'Factors Relating To Educational Opportunities For Women Residents Of The Malay Peninsula', Disertasi Ph. D, University Cornell, 1971.
- Haryati Hasan, 'Pelacuran Di Kalangan Wanita Melayu Kelantan Dari Tahun 1900 Sehingga 1941', Tesis M.A, jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1998.
- Hashimah Bt Teh, 'Isu-Isu Kemasyarakatan Di Dalam Rencana Pengarang Akhbar Melayu Terpenting 1930-an: Satu Kajian Sejarah Intelek', Tesis B.A, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987.
- Haslinda binti Lop Osman, 'Neracha 1910-1915', Tesis B.A Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996.
- Hasnah binti Hussin, 'Peranan Guru-Guru Melayu Dalam Memajukan Masyarakat Melayu 1900-1941', Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.
- Hoo Yan Lee, 'Pendidikan Inggeris di Seremban 1900 – 1957', Tesis Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/1995.
- Jumaah Hj. Alias, 'Sejarah Perkembangan Sekolah Tinggi Melaka 1826-1976', Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982/83.
- Khairi Arrifin, 'Dasar kolonial British Terhadap Pendidikan Melayu di Tanah Melayu (1900-1957)', Tesis Ph. D, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. 2009.

- Mahani Awang @ Musa, 'Sosio-Ekonomi Wanita Melayu Kedah 1881 – 1940', Tesis Ph. D, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003.
- Mardiana bt Nordin, 'Panduan Guru: Peranan dan Sumbangannya Dalam Membangkitkan Kesedaran Masyarakat Melayu', Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/96.
- Marina Marican, 'Syed Sheikh Al-Hadi dan pendapat-Pendapatnya Mengenai Kemajuan Kaum Perempuan', Latihan Ilmiah, B.A (Hons), Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1969.
- Mohd Janan Ahmad, 'Peranan Majalah Guru Dalam Perkembangan Sastera Sebelum Perang Dunia Kedua', Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996.
- Nabir bin Haji Abdullah, 'Pelajaran Orang Melayu Singapura Dari Awal hingga Tahun 1920, Kajian terhadap Dasar Pelajaran Inggeris, Pengaruh Kemasyarakatan dan Peranan Agama Ke atasnya', jilid I, Tesis M.A, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981/1982.
- Nor Adina Binti Abdul Kadir, 'Madrasah Idrisiah Bukit Candan Kuala Kangsar Perak: Sejarah Dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Dari Tahun 1985-1999', Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.
- Noraini Binti Mohamed Hassan, 'Kesihatan Dan Perubatan Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941', Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.
- Nordin Selat, 'Kelas Menengah Pentadbir Melayu. Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup', Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
- Radcliffe, David James, 'Education and Cultural Change Among The Malays 1900-1940', Ph. D. Dissertation, Universiti of Wisconsin-Madison, 1970.
- Ramli Saadon, 'Dasar Pelajaran Kolonial British Di Negeri Selangor 1875-1957', Tesis Ph. D, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2007.
- Shajaratuddur Sheikh Abdul Halim, 'Sikap Wanita-Wanita Melayu Dalam Bidang Pekerjaan', Tesis Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1968.
- Siti Hanafiah Ahmad, 'Sheikh Junid Tola: Sumbangannya dalam Bidang Pendidikan', Latihan Ilmiah, B.A., Universiti Malaya, 1988/1989.
- Sharipah bt Shaari, 'Sejarah Kuala Kedah, 1900 – 1960-an', Tesis B.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983.
- Tay Gaik Yong, 'British Economic Policy Towards The Malay in the Federated Malay States 1921-1934', Tesis Master, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.

Wan Faizah Binti Meor Ibrahim, 'Isu-isu Wanita Dalam Beberapa Akhbar Melayu Tahun 1920-1940'. Tesis M.A, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.

Zawiyah binti Ismail, 'Majalah Guru Tahun 1924-1941 dan Sumbangannya Pada Perkembangan Pendidikan di Tanah Melayu', Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1981.

University of Malaya